

## PENDAHULUAN

### 0.1 Pengenalan

Ulasan dan penafsiran ke atas dalil-dalil *naqlī* (al-Quran dan Hadith) dengan kecenderungan ke arah huraiyan yang bermanhajkan *al-ḥarāki* muncul setelah lahirnya gerakan-gerakan dakwah yang tersebar ke seluruh dunia dengan matlamat untuk menyebarkan dakwah Islamiyyah.<sup>1</sup> Perjuangan gerakan-gerakan Islam ini adalah untuk mengembalikan semula kehormatan dan keagungan Islam yang telah hilang<sup>2</sup> setelah kejatuhan Khilafah Islam Othmaniyyah di Turki sehingga perkara tersebut memungkinkan tersebar luasnya kemungkar dan kefasadan di kalangan umat manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya.<sup>3</sup> Kecantikan dan keindahan Islam terselindung dengan kelalaian umat Islam sendiri sehingga musuh Islam tidak lagi memandang umat Islam sebagai umat yang hebat sepihiknya di zaman kegemilangan Islam sebelum ini.<sup>4</sup> Berdasarkan kesedaran ini dengan kesesuaian dasar perjuangan yang terdapat dalam gerakan-gerakan dakwah, muncul tokoh-tokoh dakwah yang cenderung kearah penggunaan

<sup>1</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī menyebutkan di dalam kajiannya bahawa kecenderungan tokoh-tokoh tafsir yang terlibat dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin lebih menjurus ke arah penafsiran bermanhajkan *al-ḥarāki*. Beliau menyebutkan pendekatan ini sebagai “*Ittijāh al-ḥarāki fī al-Tafsīr*”. Lihat Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Ta’rif al-Dārisiñ bi Manāhij al-Mufassirin*, cet ke 4, (Damsyiq; Dār al-Qalam: 2010), 45.

<sup>2</sup> Dengan maksud kehormatan dan keagungan Islam yang telah jatuh dengan peristiwa kejatuhan Khilafah Uthmāniyyah ini ingin ditegakkan kembali melalui usaha-usaha perjuangan gerakan-gerakan Islam. Perkara ini berdasarkan *marātib ‘amal* yang telah disusun oleh Hasan al-Banna dengan peringkat tertingginya adalah untuk mencapai *ustādhiyatul ‘ālam*.

<sup>3</sup> Seperti mana yang disebutkan oleh Badlihisham Mohd Nasir, Gerakan Islam hanya muncul secara meluas akibat kejatuhan kerajaan Islam di Turki pada tahun 1924. Lihat Badlihisham Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*, (Shah Alam : Karisma Publication; 2009), xii.

<sup>4</sup> Jika diteliti dalam realiti sejarah, kehidupan umat Islam sebelum ini dilihat memiliki kekuatan yang kukuh dan kuasa yang luas. Namun beberapa faktor perosak mula menyusup masuk ke dalam struktur umat al-Quran ini. Faktor-faktor ini semakin bertapak kukuh dan merebak sedikit demi sedikit hingga berjaya merobek dan menggonggong pusat negara Islam pada kurun ke 6 H ketika diserang oleh Tartar dan sekali lagi pada kurun ke 14 H. Melalui kedua-dua serangan ini, umat Islam mula bertaburan dan berpecah kepada negara-negara kecil yang mencari-cari langkah untuk bersatu dan bangkit semula. Lihat Abdul Hamid al-Ghazali, *Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah; Kajian Berdasarkan Gagasan Imam al-Banna*, karya terj.,(Seri Kembangan: Penerbitan Teras Bakti, 2011), 44.

*al-manhaj al-haraki* yang bertitik tolak dengan perjuangan yang ditekankan dalam gerakan dakwah itu sendiri dan menyeru kearah kebangkitan semula umat Islam.

## 0.2 Latar Belakang Masalah Kajian

*Al-manhaj al-haraki* pada asalnya merupakan manhaj yang berkait rapat dengan gerakan dakwah Ikhwan Muslimin kerana istilah ini dicetuskan pada mulanya oleh tokoh pimpinan utama gerakan ini iaitu Sayyid Quṭb (m.1966) di dalam kebanyakan karya-karyanya.<sup>5</sup> Namun, tidak tepat jika istilah *al-haraki* ini hanya dikaitkan dengan gerakan Ikhwan Muslimin semata-mata.<sup>6</sup> Istilah ini adalah suatu istilah umum yang merangkumi kesemua gerakan dakwah.<sup>7</sup> *Al-manhaj al-haraki* difahami dengan pendekatan ‘*amal islāmi*’ (gerak kerja Islam) bagi gerakan dakwah semasa dalam berinteraksi dengan cabaran dakwah pada masa kini berlandaskan matlamat dan tujuan yang telah ditetapkan dalam setiap gerakan dakwah tersebut.<sup>8</sup> Berasaskan kepada kefahaman ini, para sarjana dan ulama semasa

---

<sup>5</sup> Istilah *al-haraki* dalam dakwah dicetuskan pada awalnya oleh Sayyid Quṭb (m.1966) di dalam beberapa penulisannya antaranya kitab *Ma ‘ālim fī al-Tariq* (1979). Beliau menyebutkan, salah satu ciri yang wujud dalam manhaj agama Islam ini ialah *al-Wāqi‘iyah al-Harakiyah*. Setiap *marhalah* (peringkat), wujud wasilah yang bersesuaian dengan keperluan semasa, dan setiap marhalah mampu untuk menuju kepada marhalah yang berikutnya dan manhaj agama tidak berdepan dengan realiti semasa dengan wasilah-wasilah yang *jumūd* (kaku). Lihat Sayyid Quṭb, cet. ke 6, *Ma ‘ālim fī al-Tariq*, (Beirūt; Dār al-Syurūq:1979), 57.

<sup>6</sup> Pendapat ini disokong oleh tokoh-tokoh Ikhwan sendiri seperti Taufiq al-Wā‘i, Waṣfi ‘Asyūr, Ḥammām Sa‘id dan Ṣalāḥ al-Khālidī. Penulis menemu ramah individu-individu ini. Maklumat serta butiran temu ramah tersebut, Taufiq al-Wā‘i (Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis pada 7 Jun 2012 di Rumahnya, di Kuwait. Waṣfi ‘Asyūr (Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis pada 4 Jun 2012 di Pejabatnya, al-Markaz al-‘Ālamī li al-Wasatiyyah, Kuwait. Ḥammām Sa‘id (*Murāqib ‘ām Ikhwan Muslimin*, Jordan) dalam temu bual dengan penulis, di pejabat Ikhwan al-Muslimin Jordan, Mustasyfa al-Islāmi, Amman Jordan, pada 21 Jun 2012. Ṣalāḥ al-Khālidī (Tokoh Ikhwan Muslimin Jordan) dalam temu bual dengan penulis di Ṣuwaylih, Amman Jordan pada 20 Jun 2012.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Aspek *al-manhaj al-haraki* ini banyak disentuh dalam karya-karya tokoh *haraki* semasa dengan penulisan mereka yang bermanhajkan *haraki* antaranya karya-karya Fathī Yakan (m.2009) yang menekankan *manhaj* ini seperti kitab ; *Nahwa Ḥarakah Islāmiyyah ‘Ālamiyah Wahīdah* (1983), *Abjadīyyāt al-Taṣawwur al-Haraki li al-‘Amal al-Islāmi* (1986), *al-Isti‘āb fī Hayāh al-Dā wah wa al-Dā‘iyah* (1990),

terutamanya yang terlibat secara langsung dalam gerakan dakwah cenderung kearah penafsiran ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith dengan pendekatan *al-manhaj al-haraki* ini.<sup>9</sup> Perkara ini bertujuan agar dakwah dan gerakan yang dibentuk mampu menghadapi cabaran serta memberi jalan penyelesaian yang bersesuaian dengan tuntutan masa kini. Pemahaman dalil-dalil *naqlī* dengan berlandaskan metode *al-haraki* ini adalah sinonim dengan pendekatan tokoh-tokoh ulama semasa yang terlibat secara langsung dalam gerakan dakwah.<sup>10</sup> Metode ini dapat dikesan berdasarkan huraian yang dikemukakan oleh tokoh-

---

*al-Islām Fikrah wa Harakah wa Inqilāb* (1995), *al-Manāhij al-Taghyīriyyah al-Islāmiyyah Khilāl al-Qarn al-Isyrīn* (1998) dan beberapa karya beliau yang lain yang banyak menekankan aspek fikrah dalam gerakan dakwah semasa. Selain beliau, karya-karya Yūsuf al-Qaraḍawī; antaranya; *al-Šāhwah al-Islāmiyyah Bayna al-Juhūd wa al-Tatarruf* (1984), *Awlawiyāt al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qādimah* (1992), *al-Šāhwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū'wa al-Tafarruq al-Madhūm* (1994), *al-Ummah al-Islāmiyyah Ḥaqīqah la Wahm* (1995), *Nāḥw Wahdah Fikriyyah li al-'Āmilin li al-Islām fī Dāw' Syarḥ 'Ilmiy Mufaṣṣal li al-Uṣūl min al-Isyrīn li al-Imām al-Banna* (2005) dan lain-lain dari karya tokoh-tokoh *haraki* seperti Muṣṭafā Masyhūr, Sa'id Hawwa dan lain-lain. Walaupun secara zahirnya, karya-karya ini ditulis oleh tokoh-tokoh Ikhwan Muslimin, namun pendekatan manhaj dakwah dan *harakah* yang diketengahkan oleh mereka dalam karya-karya ini bersifat umum dan menyentuh persoalan pokok yang menjadi isu dalam pembentukan gerakan dakwah semasa.

<sup>9</sup> Muhamad Alihanafiah Norasid, Muhammad Arif Yahya dan Mustaffa Abdullah, “Kecenderungan Tokoh-Tokoh Dakwah Dalam Penghuraian al-Quran dan Hadis Dari Aspek *Haraki*” (makalah, Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah : Realiti dan Cabaran Semasa, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 12-13 Julai 2011), 569-587.

<sup>10</sup> Terdapat tokoh-tokoh gerakan dakwah mengambil pendekatan *haraki* dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran ini, seperti kitab *Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb (m.1966) yang dianggap sebagai pelopor dan pengasas kepada madrasah tafsir yang disebut sebagai “*Madrasah Tafsīr al-Haraki*”. Lihat Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *al-Manhaj al-Haraki fī Zilāl al-Qur'ān*, cet. ke-2, (‘Ammān; Dār ‘Ammār:2000), 6. Pendekatan *al-haraki* yang dibawa oleh Sayyid Quṭb ini sehingga menjadi inspirasi dan ikutan oleh tokoh-tokoh *haraki* yang lain dalam pendekatan tafsiran al-Quran mereka. Menurut Ṣalāḥ al-Khālidī, selain Sayyid Quṭb (m.1966), tokoh-tokoh tafsir dalam Gerakan Ikhwan Muslimin yang lain turut mengaplikasikan pendekatan *al-haraki* ini dalam huraian tafsiran mereka, seperti al-Bāhi al-Khūlī, Muḥammad al-Ghazālī, Sa'id Hawwā, 'Abd al-Muta'āl al-Jabarī, 'Adnān Zarzūr, Alḥmad Farḥāt, Muḥammad al-Ṣabbāgh. Ṣalāḥ al-Khālidī, *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassīrīn*, 46. Di Nusantara ini, *Tafsir al-Azhar* oleh Hamka, *Tafsir Surah-Surah Pilihan* oleh Nik Abd Aziz Nikmat dan *Tafsir Surah Terpilih* oleh Abdul Hadi Awang boleh dikategorikan sebagai pendekatan tafsir *al-haraki*. Kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* ini turut diaplikasikan oleh tokoh-tokoh gerakan dakwah dalam bidang sirah dan sunnah nabawiyah. Sebagai contoh, Munīr al-Ghaḍbān telah menghasilkan karya beliau yang bertajuk “*al-Manhaj al-Harakīlī al-Sīrah al-Nabawiyah*”. Munīr al-Ghaḍbān, *al-Manhaj al-Haraki li al-Sīrah al-Nabawiyah*, (*al-Mansurah : Dār al-Wafā'*; 1998). Abdul Hadi Awang juga menghasilkan karya dalam sirah yang berorientasikan *fiqh al-haraki*, bertajuk “*Fiqh Ḥaraki Dalam Sirah*”. Kajian-kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* ini samada dalam tafsir atau sunnah Nabawiyah banyak mendapat tempat dalam gerakan dakwah yang bermanjakan dakwah *haraki* berbanding huraian-huraian dan *fiqh* yang hanya bersifat umum dan statik.

tokoh ini sebagai suatu pendekatan dalam menerapkan fikrah dan mendidik individu dalam gerakan dakwah agar selaras dengan matlamat gerakan dakwah yang diikuti.<sup>11</sup>

Kajian di peringkat akademik berkaitan konsep *al-manhaj al-haraki* sebelum ini hanya tertumpu kepada pengajian tafsir kerana istilah dan *al-manhaj al-haraki* ini dicetuskan oleh ahli tafsir pada mulanya yang terlibat dalam gerakan dakwah semasa.<sup>12</sup> Namun kajian *al-manhaj al-haraki* yang menfokuskan pendekatan ulama tehadap huraihan hadith-hadith tidak ditonjolkan sepertimana kajian tafsir yang telah dibuat sebelum ini.<sup>13</sup> Setelah kajian yang dilakukan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī terhadap kandungan tafsir *Fi Zilāl al-Qur'ān* serta penemuan baru berkaitan kewujudan *madrasah* aliran tafsir *al-haraki* di dalam kajiannya, timbul persoalan adakah wujud aliran yang sama seperti ini di dalam pengajian hadith? Adakah benar dakwaan yang mengatakan penglibatan tokoh-tokoh ini di dalam gerakan dakwah semasa terutamanya gerakan Ikhwan Muslimin mempengaruhi pendekatan dan membentuk aliran pemikiran *al-haraki* mereka.? Apabila munculnya sesuatu aliran dalam pengajian al-Quran dan tafsir, kemungkinan wujud aliran yang sama dalam pengajian hadith kerana kaitan kedua-dua sumber tersebut. Perkara ini yang ingin dikaji oleh penulis

---

<sup>11</sup> Banyak contoh berkaitan karya-karya tokoh *haraki* semasa dengan penulisan bermanhajkan *haraki* ini, seperti mana yang telah disebutkan oleh penulis sebelum ini pada nota kaki yang ke 8. Sila rujuk ke nota kaki tersebut.

<sup>12</sup> Tokoh tafsir yang dimaksudkan di sini ialah Sayyid Quṭb dengan kajian yang telah dilakukan di peringkat PhD oleh Ṣalāḥ al-Khālidī dengan tajuk kajian beliau iaitu : “*Fi Zilāl al-Qur'an : Dirāsah wa Taqwīm*”. Begitu juga kajian mengenai tokoh tafsir lain iaitu Sa'īd Ḥawwa yang telah dilakukan oleh Haziyah Hussin dengan tajuk kajian Ph.D beliau “*al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Sayykh Sa'id Hawwa : Dirasah Tahliliyyah*”.

<sup>13</sup> Selain kajian yang dilakukan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī, kajian *al-manhaj al-haraki* di dalam pengajian al-Quran dan tafsir turut dikenangkan di dalam kajian Haziyah Hussin dan Solihin M. Solihin. Lihat Haziyah Hussin dan Solihin M. Solihin, *Manhaj Haraki In The Revival Of Quranic Exegesis*, Middle-East Journal of Scientific Research 16 (1), 2013, 09-17. Haziyah Hussin, “*al-Manhaj al-Haraki fi Tafsir al-Sayykh Sa'id Hawwa : Dirāsah Tahliliyyah*” (tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: 2014).

berkaitan *al-manhaj al-haraki* dari perspektif hadith dalam penulisan Sayyid Muhammed Nūḥ.<sup>14</sup>

Sayyid Muhammed Nūḥ (m. 2007) merupakan antara ulama dan tokoh dakwah yang terlibat secara langsung dalam Gerakan Ikhwan Muslimin di samping kepakaran yang dimilikinya dalam bidang pengajian hadith.<sup>15</sup> Berdasarkan penelitian terhadap karya-karya penulisannya, Sayyid Muhammed Nūḥ lebih bersifat seimbang dalam mengemukakan huraian dan kefahaman. Walaupun secara rasminya penglibatan beliau di dalam dakwah lebih terkesan dengan Gerakan Dakwah Ikhwan Muslimin. Namun, manhaj dan pendekatannya dalam penulisan menunjukkan beliau tidak berpihak pada mana-mana gerakan dakwah. Hanya mengemukakan huraian yang memberi pengajaran pada gerakan dakwah secara umum.

Sayyid Muhammed Nūḥ ketika mensyarahkan hadith-hadith di dalam karya-karyanya banyak mengemukakan idea-idea *haraki* di dalam huraian tersebut. Idea-idea *haraki* ini jelas kelihatan dengan konsep dan metode huraian sesuatu isu berlandaskan pemahaman ulama *haraki* semasa. Sebagai contoh, huraian berkaitan isu *al-Isti'jāl* (gopoh-gapah),

---

<sup>14</sup> Kajian awal telah dilakukan oleh penulis berkaitan *al-manhaj al-haraki* penulisan Sayyid Muhammed Nūḥ ini dan telah diterbitkan di dalam dua tajuk yang berbeza. Kajian pertama berkaitan isu-isu *haraki* dalam karya hadith Sayyid Muhammed Nūḥ. Kajian kedua berkaitan pengaruh penulisan Sayyid Muhammed Nūḥ terhadap gerakan dakwah di Malaysia. Kajian yang dimaksudkan sepertimana berikut :

- a) Muhammad Arif Yahya, “Beberapa Isu Haraki di Dalam Karya-Karya Hadis Sayyid Muhammed Nuh”, International Journal of Islamic Thought, Vol. 5: (June) 2014, 35-44.
- b) Muhammad Arif Yahya et al, “Manhaj al-haraki Sayyid Muhammed Nūḥ Dalam Karya ’Afāt ‘ala al-Tariq dan Pengaruhnya terhadap PAS Negeri Kedah”, Jurnal Usuluddin (Julai – Disember 2012) 38:51-82.

<sup>15</sup> Perkara ini turut sama diperakui oleh Mantan Mursyid al-‘Ām Ikhwān al-Muslimīn yang ke tujuh, iaitu Mahdī ‘Ākif dalam tulisan khas beliau ketika kematian Sayyid Muhammed Nūḥ pada tahun 2007. Mahdī ‘Ākif “al-Ikhwān al-Muslimīn Yan‘ūna li al-Ummah al-‘Ālim al-Jalīl Dr al-Sayyid Nūḥ” laman sesawang *ikhwanonline*, <http://www.ikhwanonline.com/Article.aspx?ArtID=30034&SecID=363>, dicapai pada 10 Nov. 2013.

banyak diketengahkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dengan huraian hadith-hadith yang dikemukakan di dalam karya-karyanya. Tajuk-tajuk penulisan dan perbincangan yang diketengahkan oleh beliau juga menunjukkan adanya ciri-ciri pemikiran *haraki* yang jelas isi kandungannya menjurus ke arah huraian berkonsepkan pendekatan *harakah* dalam gerakan dakwah semasa. Beliau juga mengemukakan pengajaran-pengajaran penting dari hadith-hadith yang diketengahkan dari aspek dakwah dan gerakan semasa dengan meletakkan tajuk (ما يستفاد من الحديث دعويا وتربيويا) iaitu pengajaran hadith dari sudut dakwah dan tarbiyyah yang menjurus kearah pemahaman dalam gerakan dakwah.

Selain itu, karya-karya penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ juga mendapat tempat sebagai bahan tarbiyah dan rujukan untuk ahli-ahli gerakan dakwah khususnya di Malaysia ini. Perkara ini dari satu sudut sebagai salah satu bukti yang menunjukkan karya-karya penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ memenuhi kehendak dan menepati konsep penyusunan *al-manhaj al-haraki*. Namun begitu, penulis ingin mendapatkan maklumat yang lebih terperinci terutamanya sudut aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani beberapa isu-isu semasa dengan membandingkan kefahaman *al-manhaj al-haraki* yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya-karyanya.

Justeru, kajian ini meneliti aspek metodologi Sayyid Muḥammad Nūḥ dan pendekatannya dalam mengemukakan ulasan terhadap hadith-hadith di samping meneliti sumbangan dan ketokohan beliau dalam bidang hadith dan dakwah. Penulis juga membuat analisis sejumlah hadith yang dipilih dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ bagi melihat aspek

pengajarannya dari sudut *harakī* disamping mengkaji aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu semasa.

### **0.3 Persoalan kajian**

- 1) Apakah konsep *al-manhaj al-haraki*, ciri-cirinya dan bentuk-bentuk elemen *al-haraki* serta aliran *al-haraki* dalam pengajian hadith?.
- 2) Siapakah Sayyid Muḥammad Nūḥ dan adakah penulisannya menggunakan metode *al-haraki* di dalam karya-karyanya?.
- 3) Bagaimana bentuk ulasan hadith-hadith dalam penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ difahami berdasarkan pemahaman *al-manhaj al-haraki*?.
- 4) Bagaimana bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu semasa dan perbandingan idea-idea *al-haraki* Sayyid Muḥammad Nūḥ berdasarkan pengajaran hadith-hadith yang dikemukakannya?.

### **0.4 Objektif kajian**

- 1) Mengenalpasti konsep *al-manhaj al-haraki*, ciri-cirinya serta bentuk-bentuk elemen *al-haraki*, selain menilai kewujudan aliran *al-haraki* dalam pengajian hadith.
- 2) Mengkaji biografi serta penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ terutamanya metode *al-haraki* yang diketengahkan dalam karya-karyanya.
- 3) Menganalisis hadith-hadith di dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ dan melihat ulasan pemahamannya dari aspek *al-manhaj al-haraki*.

- 4) Menilai bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu semasa dan membandingkan idea-idea *al-haraki* Sayyid Muḥammad Nūḥ hasil dari pengajaran terhadap hadith-hadith yang dikemukakannya.

## 0.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini sebagai suatu usaha mengkaji *al-manhaj al-haraki* tokoh semasa dalam memahami hadith dari aspek *al-haraki* dan gerakan Islam. Kajian *al-manhaj al-haraki* menurut perspektif hadith ini belum ada usaha untuk ditonjolkan dan dijalankan sepetimana kajian di dalam bidang tafsir sebelum ini. Penulis berpendapat bahawa tokoh kajian ini amat penting untuk dikaji dari aspek *al-manhaj al-haraki* kerana ketokohan beliau dalam kedua-dua bidang iaitu hadith dan dakwah. Beliau merupakan seorang sarjana dalam bidang hadith dan terlibat secara langsung dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat penting untuk diketengahkan berkaitan *al-manhaj al-haraki* dari perspektif hadith sebagai bentuk kesinambungan terhadap kajian tafsir yang telah sedia ada.

Kepentingan kajian ini juga boleh diukur melalui dapatan kajian berkaitan bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menilai isu-isu semasa. Scenario perselisihan yang wujud antara gerakan-gerakan dakwah di Malaysia berdasarkan isu-isu semasa yang dikaji dapat menilai latar belakang *al-manhaj al-haraki* bagi gerakan-gerakan dakwah yang dikaji dan bentuk aplikasi yang diketengahkan masing-masing. Kajian ini kearah mencari titik pertemuan dan kekuatan yang dimiliki antara gerakan-

gerakan dakwah tersebut agar dapat membentuk kesepakatan yang lebih berkesan melalui penilaian aplikasi *al-manhaj al-haraki*. Berdasarkan cadangan dan hasil kajian yang ditemui dapat membentuk suatu formula kearah penyelarasan gerak kerja antara gerakan-gerakan dakwah yang dikaji terutamanya dalam mendepani cabaran dan permasalahan semasa umat Islam yang wujud di Malaysia ini.

## **0.6 Skop Kajian**

Kajian ini hanya mengkaji manhaj Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam mengemukakan huraian terhadap hadith-hadith dari aspek *al-haraki*. Hadith-hadith yang dipilih juga hanya dibataskan pada empat buah karya beliau, iaitu Kitab *Tawjīhat Nabawiyah ‘ala al-Tariq*, *Kitāb ’Afāt ‘ala al-Tariq*, *Kitāb Manhaj al-Rasūl Fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nūfūs Aṣḥābih* dan kitab *Min Akhlāq al-Naṣr Fī Jīyl al-Ṣahābah*. Justifikasi dalam pemilihan karya-karya ini adalah kerana Sayyid Muḥammad Nūḥ banyak mengemukakan hadith-hadith dalam karya-karya ini di samping ia sebagai bahan yang telah dihasilkan untuk panduan gerakan dakwah khususnya. Karya-karya ini juga banyak digunakan sebagai bahan rujukan tarbiyah untuk gerakan dakwah termasuk di Malaysia ini. Kajian aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam kajian ini akan diskopkan kepada tiga gerakan dakwah yang bermanhajkan pendekatan dakwah Ikhwān al-Muslimīn selain menggunakan karya Sayyid Muḥammad Nūḥ sebagai bahan tarbiyah, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), dan Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Kajian berkaitan isu-isu semasa juga difokuskan antara tahun 2008-2013 iaitu selepas Pilihan Raya Umum (PRU) yang ke 12 sehingga PRU ke 13. Justifikasi dalam memilih

tempoh ini kerana banyaknya berlaku isu-isu yang melibatkan perkara dalam mempertahankan Islam di Malaysia di samping isu-isu politik Islam di Malaysia. ISMA juga telah terlibat dengan politik pada PRU 13<sup>16</sup> yang sebelum ini hanya bergerak sebagai badan dakwah yang menumpukan aspek pentarbiyahan dan dakwah kepada masyarakat. Pertubuhan IKRAM juga telah melebarkan fungsinya sebagai badan dakwah yang sebelum ini dikenali sebagai Jemaah Islah Malaysia (JIM) dalam tempoh waktu tersebut. Isu-isu semasa juga akan diskopkan kepada lima isu yang melibatkan perkara dalam mempertahankan Islam di Malaysia dan isu politik Islam di Malaysia, iaitu Isu Comango, Isu Syiah, Isu Kalimah Allah, Isu *Tahāluf Siyāsi* dan Isu Mengundi *Non Muslim*. Penulis juga membataskan kajian dari sudut aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam isu-isu yang berkait rapat dengan elemen *Harakah Tanzīmiyyah wa Siyāsiyyah* (Organisasi dan Politik) sahaja. Justifikasi dalam tumpuan terhadap elemen ini secara khusus dan tidak pada empat elemen yang lain<sup>17</sup> adalah kerana perbezaan pendirian serta aplikasi gerakan-gerakan dakwah seringkali melibatkan isu-isu yang berkait rapat dengan elemen *Harakah Tanzīmiyyah* ini. Adapun empat elemen *harakah* yang pertama, secara umumnya telah diketahui bentuk aplikasinya dan tidak membawa banyak perbezaan pengaplikasian dalam gerakan-gerakan dakwah di Malaysia.

---

<sup>16</sup> ISMA bergerak dengan tiket Parti BERJASA pada PRU 13 ketika berbeza pendirian dalam isu mengundi *non muslim*. Lihat perincian berkaitan pemikiran *al-Manhaj al-haraki* ISMA di dalam kajian ini pada muka surat 232-236.

<sup>17</sup> Empat elemen *al-haraki* selain *Harakah Tanzīmiyyah wa Siyāsiyyah* yang dimaksudkan iaitu : *Harakah Jasadiyyah* (Fizikal), *Harakah Rūhiyyah* (Spiritual), *Harakah Thaqāfiyyah* (Intelektual), *Harakah Khuluqiyyah* (Akhlak dan tatasusila). Kelima-lima elemen *al-haraki* ini penulis akan membuat huraian satu persatu dalam sub topik “Elemen *al-Haraki*” bahagian pertama bab satu selepas ini.

## 0.7 Definisi Tajuk

**Al-Manhaj:** *al-Manhaj* berasal dari kalimah *nahaja*, jika disebut *ṭariq nahaja* bermaksud; jalan yang terang dan jelas, *wa manhaj al-ṭariq* dengan maksud; *wadḍahahū*, iaitu memberi panduan terhadap jalan. Perkataan *al-minhāj* yang disebutkan di dalam al-Quran ayat 48 dari Surah al-Mā'idah adalah seerti dengan perkataan *al-manhaj*.<sup>18</sup> Ibn Kathīr (m.774H) menyebutkan tafsiran dari perkataan *minhājā* di dalam ayat 48 dari Surah al-Mā'idah ini dengan maksud “jalan yang jelas dan mudah”.<sup>19</sup> *Wa al-nahj* dengan maksud : *al-Ṭariq al-Mustaqqim*.<sup>20</sup> Di dalam *al-Mu'jam al-Wasiṭ* disebutkan bahawa *al-minhāj* dengan maksud *al-ṭariq al-wādih*; iaitu jalan yang jelas, dan *al-minhāj* juga dengan maksud *al-khuṭṭah al-marsūmah*; iaitu perancangan yang telah disusun atur. *Wa al-nahj* dengan maksud *al-bayyin al-wādih*; iaitu jelas dan terang. *Wa al-nahj* juga dengan maksud *al-ṭariq al-mustaqqim al-wādih*, iaitu jalan yang lurus dan terang.<sup>21</sup> *Al-manhaj* secara istilah seperti mana yang disebut oleh al-Khālidī iaitu metode dan kaedah ilmiyyah yang telah ditetapkan dengan kajian dan tajuk tertentu yang dikenal pasti oleh pengkaji di samping *iltizām* dan komited dengan kaedah-kaedah serta asas-asasnya supaya hasil kajiannya bersifat ilmiyyah dan menepati kaedah serta metode yang betul.<sup>22</sup>

**Al-Haraki:** Di dalam Kamus *al-Mu'jam al-Asāsi al-'Arabi*, kalimah *haraki* dinisbahkan kepada kalimah *harakah* yang berasal dari kata dasar *haruka*, *yahraku*, *harakan*,

<sup>18</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, cet ke 3, tahqīq : Amin Muḥammad 'Abd al-Wahhāb & Muḥammad al-Ṣādiq, (Beirūt; Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1997), 14: 300.

<sup>19</sup> Ismā'īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Juz. ke 2, (Beirūt; Dār al-Fikr, 1970), 2: 588.

<sup>20</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 14: 300.

<sup>21</sup> Ibrāhim Muṣṭafā et. al, *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, (t.p, Syarikah Musāḥamah al-Miṣriyyah, 1961), 2 : 966.

<sup>22</sup> Lihat Ṣalāḥ al-Khālidī, *Ta'rīf al-Dārisiñ bi Manāhij al-Mufassirin*, 16.

*waharakatan*; yang bermaksud “pergerakan” dan berlawanan dengan maksud “kaku” atau “tidak bergerak”.<sup>23</sup> Perkataan *haraki* berasal dari kata dasar *haraka* yang bermaksud “gerak”. *Harakah* diertikan sebagai pergerakan (yang memperjuangkan sesuatu), perjuangan.<sup>24</sup> *Al-harakah* juga diertikan sebagai; keadaan tubuh yang berubah kedudukannya secara berterusan.<sup>25</sup> Istilah *al-harakah* yang berlawanan dengan maksud *al-sukūn* (senyap dan berdiam diri) boleh diistinbatkan dengan beberapa makna, antaranya :*al-sayr* (berjalan), *al-numuw* (meningkat), *al-tawassu'* (perluasan), *al-syumūl* (meliputi), bergerak di setiap penjuru (tidak *jumūd*), *tajdīd* (pembaharuan) yang berterusan, tidak tetap pada satu-satu tempat.<sup>26</sup> Perkataan *harakah* atau *harakiyyah* juga lebih sinonim dengan istilah dakwah.<sup>27</sup> Apabila disebutkan *harakah* yang dimaksudkan dengannya adalah *harakah* dakwah. Ia merupakan istilah baru berkaitan politik<sup>28</sup> dan gerakan serta banyak

<sup>23</sup> Lihat Da'ūd 'Abduh et. al, *al-Mu'jam al-'Asāsi al-'Arabi*, (t.tpt:t.t), 309.

<sup>24</sup> Md. Nor Ab. Ghani et. al, Kamus Dewan Edisi Keempat, cet ke 2, (Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka : 2007), 513.

<sup>25</sup> Jubrān Mas'ūd, *al-Rā'id: Mu'jam Lughawiy 'Asrī*, (Beirūt; Dār al 'Ilm li al-Malāyīn: 1964), 562. Lihat juga Gharīd al-Saykh Muḥammad, *al-Mu'jam fī al-Lughah wa al-Nahw wa al-Šarf wa al-I'rāb wa al-Muṭalaḥāt al-'Ilmiyyah wa al-Falsafiyyah wa al-Qānūniyyah wa al-Hadīthah*, (Beirūt; al-Nukhbah: 2010) 2: 723.

<sup>26</sup> Yahya Muqbil Ṣāliḥ al-Ṣabāḥī, *Manhaj al-Qur'ān al-Karīm fī al-Taghyīr al-Fikrī*, tesis PhD Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: 2010), 256.

<sup>27</sup> Istilah *harakah* lebih sinonim dengan istilah dakwah kerana istilah *harakah* dinisbahkan kepada pergerakan dan aktivisme yang melibatkan unsur dakwah seperti yang dinyatakan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī. Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Khiṭṭah al-Barrāqah lidhī al-Nafs al-Tawwāqah*, cet. ke 3, (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2000 ), 80.

<sup>28</sup> Gerakan Ikhwan Muslimin yang banyak dikaitkan dengan istilah *haraki* ini disebut juga sebagai *hay'ah siyāsiyyah* (badan politik). Hasan al-Banna, *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Syahīd Hasan al-Bannā*, (al-Iskandariyyah: Dār al-Da'wah: 2002), 170. Selain itu, istilah *haraki* ini juga berkait dengan politik kerana kemunculan *harakah Islāmiyyah* itu sendiri yang berkait rapat dengan kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924 yang melibatkan percaturan dan campur tangan dari politik luar di kalangan musuh Islam. Selain itu, jika dilihat gerak kerja dakwah yang melibatkan *harakah Islāmiyyah* ini bukanlah bersifat statik. Tetapi gerak kerjanya ke arah pelaksanaan semula Khilafah Islam yang telah hilang. Berdasarkan tujuh *marātib 'amal* (peringkat gerak kerja) yang telah disusun oleh Hasan al-Bannā di dalam Himpunan Risalahnya, peringkat keempat, kelima, keenam dan ketujuh melibatkan secara khusus dengan aspek politik tersebut. *Ibid*, 95-96.

digunakan dalam aktiviti dakwah Islamiyyah yang mengajak kepada pembaharuan (*tajdīd*) dan pelaksanaan Islam (di atas muka bumi).<sup>29</sup>

Kajian ini akan meneliti prinsip *al-haraki* dalam penulisan hadith di dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ.<sup>30</sup> *Al-haraki* yang dimaksudkan disini boleh diertikan dengan dua pengertian.<sup>31</sup> Pengertian pertama merujuk kepada makna “pergerakan” atau “tingkah laku” dalam diri seorang pendakwah. Seorang pendakwah akan bergerak aktif dalam menunaikan tanggungjawab dakwahnya sama ada dalam konteks *wājibāt fardī* (kewajipan individual) ataupun dalam konteks *wājibāt jamā‘ī* (kewajipan kolektif). Pengertian kedua bagi istilah *al-haraki* iaitu *harakah* dengan maksud gerakan dakwah (*harakah da‘wah*) itu sendiri yang merujuk kepada organisasi dakwah<sup>32</sup> dan dibentuk dengan *tanzīm* (organisasi) yang tersusun.<sup>33</sup>

---

<sup>29</sup> Ḥasan Makki, *Mafāhīm fī Fiqh al-Harakah*, (n.p. ; al-Harakah al-Islāmiyyah al-Tullābiyyah: 1995), 1-2. Lihat juga Haziyah Hussin dan Sohirin M. Solihin, *al-Manhaj al-Haraki fī Tafsīr al-Qur’ān Bayna al-Asālah wa al-Tajdīd*, Jurnal al-Bayan ; vol 10, no 2, Dec. 2012, 69.

<sup>30</sup> Seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini dalam definisi *al-manhaj al-haraki* bahawa *manhaj* ini bersesuaian untuk digunakan dalam lapangan pengajian tafsir, seperti mana yang dikaji oleh Ṣalāḥ al-Khālidī dan juga lapangan pengajian sīrah al-nabawiyah seperti mana yang telah dikaji oleh Munīr al-Ghaḍbān. *Manhaj* ini juga amat sesuai untuk dikaji dalam lapangan pengajian hadith seperti mana yang akan dikaji oleh penulis dalam kajian ini. Perkara ini adalah kerana tabiat dan salah satu ciri agama Islam ini bersifat *al-harakiyyah* seperti mana yang disebutkan oleh Sayyid Quṭb (m. 1966). Secara asasnya seperti mana yang disebutkan oleh Haziyah Hussin & Sohirin M. Solihin, *manhaj* ini adalah sebagai metode amali dalam bergerak ke arah realiti dan isitilah ini sebenarnya amat sinonim dan telah menjadi syi‘ar dalam Gerakan Islam semasa dan merupakan *Manhaj al-Taghyīr* (metode dalam membawa perubahan) dalam Gerakan Islam semasa. Lihat Haziyah Hussin dan Sohirin M. Solihin, *al-Manhaj al-Haraki fī Tafsīr al-Qur’ān Bayna al-Asālah wa al-Tajdīd*, Jurnal al-Bayan ; vol 10, no 2, Dec. 2012, 73.

<sup>31</sup> Pandangan Ṣalāḥ al-Khālidī yang membahagikan maksud *al-haraki* dengan dua maksud. Ṣalāḥ al-Khālidī (PhD), dalam temu bual dengan penulis pada 20 jun 2012, jam 7.15ptg. di Şuwaylih, ‘Ammān Jordan.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Pandangan ini turut disokong oleh Nabil bin Muḥammad bin Ibrāhim al-Jauharī yang menyebutkan bahawa *al-manhaj al-haraki* ialah *manhaj tanzīmī* dalam sesebuah jemaah yang tersusun. Nabil bin Muḥammad bin Ibrāhim al-Jauharī (Prof, Kuliah al-Quran, Universiti Islam Madinah), dalam temu bual dengan penulis 15 Mei 2013.

**Gerakan Dakwah** : Gerakan dakwah yang dimaksudkan di sini ialah gerakan dakwah yang berbentuk jemaah atau badan dakwah yang menjalankan dakwah secara *jamā'ī* (kolektif). Penulis memfokuskan pada tiga gerakan dakwah di Malaysia yang menggunakan karya Sayyid Nūḥ dalam wasilah tarbiyah gerakan-gerakan ini iaitu, PAS, ISMA dan IKRAM. Justifikasi dalam menumpukan kajian hanya pada tiga gerakan dakwah ini adalah melihat kepada penggunaan karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ sebagai bahan tarbiyah di dalam gerakan dakwah. Berdasarkan kajian mendapati bahawa ABIM tidak menggunakan karya tokoh kajian ini sebagai bahan tarbiyah untuk ahli. Selain itu, melihat kepada fungsi serta keahlian ketiga-tiga gerakan dakwah ini disamping gerak kerja yang dilihat berbeza dalam menangani beberapa isu semasa menambahkan beberapa kewajaran berkaitan pemilihan hanya tiga gerakan dakwah tersebut.

**Isu-isu Semasa** : Perkara yang dimaksudkan dengan isu-isu semasa di sini ialah yang berlaku dalam tempoh antara tahun 2008-2013 iaitu tahun yang banyak berlaku isu-isu yang melibatkan perkara mempertahankan Islam di Malaysia di samping isu-isu politik Islam di Malaysia. Selain PAS, ISMA juga telah terlibat dengan Politik pada PRU 13 yang lalu. Walaupun sebelum ini ISMA hanya bergerak sebagai badan dakwah yang menumpukan aspek pentarbiyan dan dakwah kepada masyarakat. Pertubuhan IKRAM juga telah melebarkan fungsinya sebagai badan dakwah yang sebelum ini dikenali sebagai Jemaah Islah Malaysia (JIM) dalam tempoh waktu tersebut. Isu-isu berkaitan *non muslim* dan pertikaian terhadap hak-hak istimewa agama Islam dengan timbulnya isu COMANGO, penyelesaian berkaitan Isu Kalimah Allah di samping sikap toleransi dan tegas terhadap isu Syiah banyak timbul dalam tempoh waktu tersebut. Justeru, penulis hanya memilih tempoh waktu antara 2008-2013 dalam melihat isu-isu semasa yang berlaku terutamanya isu-isu

dalam mempertahankan Islam serta isu politik Islam di samping pendirian gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu tersebut.

## 0.8 Ulasan Kajian Lepas

Penulis meneliti beberapa kajian lepas yang mempunyai kaitannya dengan kajian yang akan dijalankan ini iaitu aspek *al-manhaj al-ḥaraki* serta *fiqh al-da‘wah* dari perspektif hadith-hadith Nabi SAW. Bagi memudahkan penerangan dan penelitian terhadap kajian-kajian yang lepas, pembahasan akan diklasifikasikan mengikut tajuk-tajuk berikut :

- 1) Kajian-kajian yang menfokuskan *fiqh al-da‘wah* dan *jamā‘ah* dari perspektif hadith dan *ḥarakah*.
- 2) Kajian-kajian dari aspek *al-manhaj al-ḥaraki* dalam Tafsir dan Sirah Nabi SAW.
- 3) Kajian berkaitan manhaj *ḥarakah da‘wah* dan manhaj tokoh-tokoh *al-ḥaraki*.

### 1. Kajian-kajian yang menfokuskan *fiqh al-da‘wah* dan *fiqh al-jamā‘ah* dari perspektif hadith dan gerakan dakwah.

Terdapat beberapa kajian yang menfokuskan *fiqh al-da‘wah* dari perspektif hadith serta dua kajian yang lain membincangkan berkaitan *fiqh al-jamā‘ah* dari perspektif gerakan dakwah semasa. Kuliyyah *al-Da‘wah wa al-I‘lām*, di bawah *Qism al-Da‘wah wa al-Iḥtisāb*, Universiti Imām Muḥammad bin Sa‘ūd telah menyiapkan beberapa projek penulisan peringkat PhD bagi mengkaji *fiqh al-da‘wah*<sup>34</sup> di dalam *Ṣaḥīḥ Imām al-Bukhārī*. Penulis

---

<sup>34</sup> *Fiqh al-da‘wah* yang dimaksudkan oleh penulis ini ialah “Memahami sejarah dakwah, sebab dan rukunnya, uslub dan wasilahnya, objektif dan natijahnya dengan istinbat dan pemahaman yang

menemui 13 buah tesis PhD bagi kajian ini,<sup>35</sup> di mana setiap dari kajian-kajian ini, terdapat skopnya dalam meneliti Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Daripada 13 kajian tesis yang mengkaji *fiqh al-da‘wah* ini, hanya empat buah kajian yang ditemui bercetak dan baki dari kajian ini penulis hanya menemui nama pengkaji dan tajuknya sahaja.<sup>36</sup> Empat buah kajian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1) “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsah Da‘wiyyah min Awwal al-Ṣaḥīḥ Ila Nihāyah Kitāb al-Wuḍū’*”. Kajian ini telah dihasilkan oleh Khālid bin ‘Abd al-Rahmān al-Quraysyī.<sup>37</sup>

---

*berlandaskan kepada petunjuk al-Quran dan al-Sunnah serta pemahaman salaf al-ṣāliḥ yang membolehkan para pendakwah menyampaikan dakwah dengan cara yang terbaik dan lebih berkesan kepada yang mendengarnya (mad‘ū) dalam suasana mad‘ū yang berbeza-beza dari sudut persekitaran, bahasa dan bangsa*”. Lihat Khālid bin Abd al-Rahmān al-Quraysyī, *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsah Da‘wiyyah Min Awwal al-Ṣaḥīḥ Ila Nihāyah Kitāb al-Wuḍū’*, t.t.p, (Tesis PhD dari Universiti Imām Muḥammad bin Sa‘ūd, Kuliyyah al-Da‘wah wa al-I‘lām, Qism al-Da‘wah wa al-Ihtisāb:1998), 1 : 4.

<sup>35</sup> Lihat tesis-tesis ini dalam web Universiti Imām Muḥammad bin Sa‘ūd dalam "البحوث و الرسائل العلمية : قسم الدعوة والإعلام" : [www.imamu.edu.sa](http://www.imamu.edu.sa)

<sup>36</sup> Dengan maksud, baki kajian-kajian ini tidak ditemui bercetak dan dijual dipasaran, hanya tersimpan di Perpustakaan Universiti Imām Muḥammad bin Sa‘ūd. Baki kajian-kajian tersebut seperti mana :

- Tajuk kajian: “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī: Dirāsah al-Da‘wiyyah min Awwal Kitāb Faḍā’il Aṣḥāb al-Nabi SAW Hatta Nihāyah Ghazwah al-Hudaybiyyah min Kitāb al-Maghāzī*” oleh Naḍīr Ḥamad al-Muzaynī.
- Tajuk kajian: “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī: Dirāsah al-Da‘wiyyah min Ghazwah Khaybar Ila Nihāyah Kitāb al-Tafsīr*”, oleh Badriyyah binti Sa‘ūd al-Basyar.
- Tajuk kajian: “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī: Dirāsah al-Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Ijāzah Ila Nihāyah Kitāb al-Syurūq*”, oleh Muṣṭafa ‘Abd al-Rahmān al-Bār.
- Tajuk kajian: “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsah al-Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Riqāq Ila Nihāyah Kitāb al-Tawhīd*”, oleh Abd Allāh bin Ibrāhīm al-Syuwaymān.
- Tajuk kajian : “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī: Dirāsah al-Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Azān Ila Nihāyah Kitāb al-Witr* Oleh Ibrāhīm bin Abd Allāh al-Muṭlaq.

Manakala baki empat buah tesis lagi tidak diskopkan tajuk kajian mereka. Berikut ini dinyatakan nama penulis bagi empat buah tesis tersebut: 1) *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī* oleh Ḥamzah Sulaimān al-Tāyyār. 2) *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī*, Hissah binti ‘Abd al-Karīm al-Zayd. 3) *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī*, Ruqayyah bin Naṣr Allāh Niyāz. 4) *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī*, Abd Allāh bin Muḥammad al-Syāṭarī.

Lihat tesis-tesis ini dalam laman web Universiti Imām Muḥammad bin Sa‘ūd dalam "البحوث و الرسائل العلمية : قسم الدعوة والإعلام" : [www.imamu.edu.sa](http://www.imamu.edu.sa).

<sup>37</sup> Khālid bin ‘Abd al-Rahmān al-Quraysyī, *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsah Da‘wiyyah min Awwal al-Ṣaḥīḥ Ila Nihāyah Kitāb al-Wuḍū’*; (t.t.p:1998).

- 2) “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsaḥ Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Waṣāyā Ila Nihāyah Kitāb al-Jizyah wa al-Muwādā‘ah*”. Kajian ini telah dihasilkan oleh Sa‘īd bin ‘Alī bin Wahb al-Qaḥṭānī.<sup>38</sup>
- 3) “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsaḥ Da‘wiyyah min Awwal Kitāb Faḍā‘il al-Madīnah Ila Nihāyah Kitāb al-Syuf‘ah*”. Kajian ini telah dihasilkan oleh Muḥammad bin Ibrāhim bin Sulaymān al-Rūmī.<sup>39</sup>
- 4) “*Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsaḥ Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Tib Ila Nihāyah Bāb : ma Yukrah man Qīla wa Qāla min Kitāb al-Raqā‘iq*”, oleh Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Ibrāhīm al-’Aydi.<sup>40</sup>

Dari sudut susunan dan metode persembahan bagi kajian-kajian ini adalah sama iaitu dengan membahagikan kajian kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menghuraikan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab-kitab yang dikaji dari sudut dakwah. Metode yang digunakan oleh pengkaji dalam menghuraikan hadith-hadith ini ialah dengan melihat kepada kalimah *gharīb* terlebih dahulu dan memberi maksud terhadap kalimah *gharīb* tersebut. Setelah itu baru dikaji dan diurai hadith-hadith tersebut dari sudut dakwah.<sup>41</sup> Bahagian kedua pula ialah bahagian *khulāsah* (kesimpulan) atau *istifādah*

<sup>38</sup> Sa‘īd bin ‘Alī bin Wahb al-Qaḥṭānī, *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsaḥ Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Waṣāyā Ila Nihāyah Kitāb al-Jizyah wa al-Muwādā‘ah*, (al-Riyāḍh; al-Ri‘āsah al-‘Āmmah li Idārah al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa Ifta‘ wa al-Da‘wah wa al-Irsyād: 1421H).

<sup>39</sup> Muḥammad bin Ibrāhim bin Sulaymān al-Rūmī, *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsaḥ Da‘wiyyah min Awwal Kitāb Faḍā‘il al-Madīnah Ila Nihāyah Kitāb al-Syuf‘ah*, (al-Riyāḍh ; Kunūz Isybiliyyā: 2008).

<sup>40</sup> Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Ibrāhīm al-’Aydi, *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsaḥ Da‘wiyyah min Awwal Kitāb al-Tib Ila Nihāyah Bāb : Ma Yukrah man Qīla wa Qāla min Kitāb al-Raqā‘iq*, (Muassasah al-Risālah : t.t.p: 2002).

<sup>41</sup> Sebagai contoh, penulis membawa satu hadith dari kitab al-Imān, Bab:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءَ بْنِ يَسَارٍ عَنْ أَبِيهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "رَأَيْتُ النَّارَ إِذَا أَنْجَيْتُ أَهْلَهَا النَّاسَةَ يَكْفُرُنَّ قَبْلَ أَنْ يَكْفُرُنَّ بِاللَّهِ؟ قَالَ : يَكْفُرُنَّ الْعَشِيرَ، وَيَكْفُرُنَّ الْإِخْسَانَ، لَوْ أَخْسَتَ إِلَيْهِنَّ الدَّهْرَ ثُمَّ رَأَيْتَ مِنْكُمْ شَيْئًا قَالَتْ : مَا رَأَيْتَ مِنْكُمْ خَيْرًا فَقَطَّ"

(pengajaran)<sup>42</sup> dari apa yang telah dihuraikan berkaitan dengan hadith-hadith dakwah dalam bahagian yang pertama dengan berpandukan pada empat rukun dakwah, iaitu, *Dā’i* (pendakwah), *Mad’ū* (individu yang diseru), *Mawdū‘ al-Da‘wah* (Topik Dakwah) serta *Uslūb* dan *Wasīlah al-Da‘wah* (cara pelaksanaan).

Kajian yang memfokuskan *fiqh al-da‘wah* bagi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ini sebenarnya menekankan pengajaran dan *Istifādah* dakwah dari empat asas utama dalam dakwah, iaitu pendakwah (*dā’i*), orang yang diseru (*mad’ū*), topik dakwah (*mawdū‘*) dan cara pelaksanaan (*uslūb wa wasīlah da‘wah*). Empat perkara ini memang sebagai asas utama dalam membahaskan topik dakwah dan pengajaran yang diambil dari hadith-hadith Nabi SAW. Pengajaran ini masih bersifat umum jika dibandingkan dengan penelitian terhadap *al-manhaj al-ḥaraki* seperti yang penulis akan mengkaji dalam kajian ini. *Istifādah* dari aspek *harakah* dan dakwah lebih khusus berbanding *istifādah* yang hanya ditekankan dari aspek dakwah secara umum. Perkara ini yang membezakan antara kajian *fiqh al-da‘wah* ini dengan kajian yang akan dijalankan oleh penulis ini. Antara perkara baru yang akan dikaji

Huraian terhadap kalimah *gharīb* bagi hadith ini : kalimah (يَكْفُرُنَ الْعَشِيرُ) (يَكْفُرُنَ الْعَشِيرُ). Penulis menghuraikan kalimah (الْعَشِيرُ) (suami).

Analisis hadith-hadith dari sudut dakwah (الدراسة الداعية للحادي) penulis menganalisis hadith ini dengan membincangkan tujuh tajuk berikut:

- (1) أسلوب الترغيب والترهيب
- (2) من صفات الداعية، الخوف من الله
- (3) من كمال نصيحة الداعية إنكاره ما يخشى اعتقاده بين الناس
- (4) أهمية القدوة في الدعوة إلى الله
- (5) أهمية مراجعة المدعوين للداعية فيما يشكل عليهم
- (6) من أصناف المدعوين النساء وبعض سماهن

<sup>42</sup> *Istifādah* atau kesimpulan yang telah dibuat oleh para pengkaji tentang *fiqh da‘wah* *Ṣaḥīḥ Bukhārī* ini boleh dijadikan sebagai manhaj atau metode dalam dakwah. Ini kerana *Istifādah* tersebut dikaji dan dilihat dari empat rukun da‘wah, iaitu; pendakwah (*dā’i*), orang yang diseru (*mad’ū*), topik dakwah (*mawdū‘*) dan cara pelaksanaan (*uslūb da‘wah*). Sila rujuk salah satu kajianya; Muḥammad b Ibrāhīm b Sulaymān al-Rūmī, *Fiqh al-Da‘wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī : Dirāsah Da‘wiyah min Awwal Kitāb Faḍā’ il al-Madīnah Ila Nihāyah Kitāb al-Syuf‘ah*, (al-Riyādh ; Kunūz Isybīliya: 2008).

oleh penulis berbanding kajian *fiqh al-da‘wah* dari Ṣahīḥ Bukhārī ini ialah pengajaran *al-haraki* dalam hadith yang diketengahkan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ dari aspek *tanzīmī* (organisasi dakwah). Begitu juga dari aspek pembentukan jamaah dan pengukuhan saf dalam gerakan dakwah yang banyak ditekankan dalam huraian dari aspek *al-manhaj al-haraki* ini yang tidak disentuh dalam kajian *fiqh al-da‘wah* dari Ṣahīḥ al-Bukhārī.

Kajian berkaitan *fiqh al-jamā‘ah* terutamanya berkaitan aspek *ta‘addud jamā‘ah* (kepelbagaian *jamaah*) telah dikaji oleh Ḥusayn b. Maḥsin b. ‘Alī Jābir dengan tajuk kajiannya *al-Tariq Ila Jamā‘ah al-Muslimīn* dan kajian yang dihasilkan oleh Zawawi Ali bertajuk “*Konsep Jama‘at al-Muslimin : Kajian Dari Aspek Iltizām Dan Ta‘addud*”. Kajian yang dihasilkan oleh Ḥusayn b. Maḥsin b. ‘Alī Jābir (*al-Tariq Ila Jamā‘ah al-Muslimīn*) adalah merupakan tesis Sarjana (M.A) daripada Kuliyah Hadith, Universiti Islam Antarabangsa Madinah.<sup>43</sup> Tesis ini telah dicetak oleh percetakan Dār al-Wafā’ al-Manṣūrah, Mesir pada tahun 1987.<sup>44</sup> Kajian ini membincangkan senario kepelbagaian gerakan-gerakan dakwah yang wujud di peringkat antarabangsa. Manakala kajian yang telah dihasilkan oleh Zawawi Ali (*Konsep Jama‘at al-Muslimīn : Kajian Dari Aspek Iltizām Dan Ta‘addud*) adalah merupakan tesis Ph.D daripada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah lulus pada tahun 2007.<sup>45</sup> Kajian ini

<sup>43</sup> Berdasarkan tinjauan penulis di Perpustakaan Universiti Islam Madinah, tesis ini tidak dijumpai dalam senarai tesis Universiti. Hasil temubual penulis dengan Muḥammad bin Ḥumayd al-‘Awfī, Ketua Bahagian Katalog dan Pembukuan, Perpustakaan Universiti Islam Madinah, tesis ini tidak dijumpai dalam senarai tesis perpustakaan. Kemungkinan berlaku masalah semasa penyerahan oleh calon kepada pihak perpustakaan. Muḥammad bin Ḥumayd al-‘Awfī, Ketua Bahagian Katalog dan Pebukuan (*al-fihrisah wa al-taṣnīf*), Perpustakaan Universiti Islam Madinah dalam temu bual penulis dengan beliau pada 14 Mei 2013.

<sup>44</sup> Husayn b. Maḥsin b. ‘Alī Jābir, *al-Tariq Ila Jama‘ah al-Muslimīn*, cet.ke 5, (Mansurah; Dar al-Wafā’, 1992).

<sup>45</sup> Zawawi bin Ali, “*Konsep Jama‘at al-Muslimīn : Kajian Terhadap Aspek Iltizām Dan Ta‘addud*”, (tesis Ph.D, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: 2007).

turut menyentuh beberapa senario kepelbagaian gerakan-gerakan dakwah dan parti-parti Islam yang wujud di Malaysia ini.

Kajian yang telah dihasilkan oleh Ḥusayn b. Maḥsin b. ‘Alī Jābir telah menyentuh beberapa persoalan utama berkaitan topik *jamā‘ah al-muslimīn* ini. Pertama mengenai kerangka (konsep dan bentuk) *jamā‘ah al-muslimīn*. Kedua berkaitan kaedah pembentukan *jamā‘ah al-muslimīn* berdasarkan penganalisaan terhadap sirah sehingga tertegaknya khilafah di dalam Islam. Ketiga berkaitan persoalan berbilangnya *jamā‘ah al-muslimīn* Islam yang berada di medan dakwah setelah kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah. Antara kesimpulan penting yang dinyatakan di dalam kajian ini ialah dalam konteks masa kini, masih belum wujud apa yang dinamakan *jamā‘ah al-muslimīn* kerana kembali kepada kefahaman bahawa perlunya diterajui oleh seorang khalifah yang dipilih oleh umat melalui *ahl al-ḥal wa al-‘aqd* (syura). Beliau menyimpulkan lagi bahawa hanya yang wujud pada masa kini ialah beberapa *jamā‘ah* dari kalangan orang-orang Islam atau dawlah bagi sesetengah orang Islam. Beliau juga menyimpulkan bahawa wujudnya dua kategori *jamā‘ah* Islam ketika ini iaitu yang pertama mempunyai matlamat dan wasilah yang terbatas. Manakala kategori *jamā‘ah* Islam yang kedua ialah yang mempunyai matlamat yang lengkap dan wasilah yang menyeluruh. Beliau menyimpulkan kaedah pemilihan jamaah dalam mendepani situasi seperti ini. Kajian ini merupakan antara rujukan penulis terutamanya dalam melihat idea dan kefahaman bagi menilai kepelbagaian matlamat dan wasilah antara gerakan-gerakan dakwah di peringkat antarabangsa dalam membentuk konsep yang lebih menyeluruh berkaitan *al-manhaj al-haraki* yang dikaji ini.

Manakala kajian yang dihasilkan oleh Zawawi Ali menfokuskan isu *jamā‘ah al-muslimīn* dari aspek *ta‘addud* dan *iltizām* terhadap *jamā‘ah*. Kajian berkaitan *iltizām* (komitmen) terhadap *jamā‘ah* difokuskan daripada aspek *siyāsah* dan *imāmah*. Adapun kajian daripada aspek *ta‘adud jamā‘ah* (kepelbagaian jamaah) menyentuh beberapa persoalan terutamanya berkaitan *ikhtilāf* (perselisihan), sejarah perselisihan dikalangan umat Islam, kategori perselisihan, faktor perselisihan, prinsip-prinsip asas keharusan *ta‘adud jamā‘ah* serta hujjah-hujjah keharusannya. Kajian ini diakhiri dengan beberapa strategi dan formula kearah penyelarasan hubungan antara gerakan-gerakan dakwah secara umum. Kajian ini turut menyentuh situasi dan senario yang wujud di dalam gerakan dakwah dan politik di Malaysia. Kajian yang dihasilkan oleh Zawawi Ali ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis dari sudut usaha kearah melihat titik pertemuan dan penyelarasan di antara gerakan-gerakan dakwah, secara khususnya di Malaysia ini. Namun kajian penulis lebih membataskan skop kajian terhadap beberapa isu semasa berbanding persoalan perselisihan yang lebih umum dalam kajian yang dilakukan oleh Zawawi Ali ini. Formula yang dicadangkan di dalam kajian ini turut dijadikan rujukan oleh penulis dalam membentuk penyelarasan di antara gerakan-gerakan dakwah yang dikaji.

## **2. Kajian-kajian dari aspek *al-Manhaj al-Haraki* dalam Tafsir dan Sirah Nabi SAW:**

Terdapat tiga kajian yang telah ditemui berkaitan *al-manhaj al-haraki* ini. Dua kajian menfokuskan berkaitan *al-manhaj al-haraki* di dalam tafsir. Satu kajian lagi berkaitan *al-manhaj al-haraki* di dalam sirah Nabi SAW. Kajian pertama berkaitan *al-manhaj al-haraki* di dalam tafsir telah dihasilkan oleh Ḡalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī yang menfokuskan karya tafsir Sayyid Qutb dengan tajuk kajian “*Fi Zilāl al-Qur’ān : Dirāsah wa Taqwīm*”.

Ia merupakan tesis Ph.D dari Universiti Imām Muḥammad b. Sa‘ūd al-Islāmiyyah, al-Riyāḍh. Tesis ini lulus pada tahun 1984. Dalam tesis ini, al-Khālidī telah membahagikan bab kepada tiga bahagian utama seperti berikut :

Bahagian Pertama : *Madkhal Ila Zilāl al-Qur’ān*.

Bahagian Kedua : *al-Manhaj al-Haraki Fi Zilāl al-Qur’ān*.

Bahagian Ketiga : *Fi Zilāl al-Qur’ān fī al-Mizān*.

Di dalam bahagian kedua tesis ini, al-Khālidī telah mengkhususkan kajian berkaitan dengan *al-manhaj al-haraki* yang terdapat dalam Tafsir *Fi Zilāl al-Qur’ān*. Beliau berpendapat bahawa *al-manhaj al-haraki* yang telah dipelopori oleh Sayyid Quṭb ini adalah merupakan warna baru dalam dunia tafsir dan merupakan pengasas kepada madrasah baru dalam bidang penafsiran, iaitu “*Madrasah Tafsīr al-Haraki*”.<sup>46</sup> Kajian ini mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Aspek persamaannya ialah kajian yang dilakukan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī ini mengkaji berkaitan tokoh dakwah serta sudut fokus kajiannya yang menumpukan berkaitan *al-manhaj al-haraki*. Namun kajian ini hanyalah mengkaji manhaj tokoh dakwah yang menfokuskan kajian *al-manhaj al-haraki* dalam pengajian tafsir. Adapun kajian yang dilakukan oleh penulis ini menumpukan kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* dalam bidang pengajian hadith. Ṣalāḥ al-Khālidī mengemukakan idea-idea *al-haraki* yang wujud dalam manhaj penulisan *Fi Zilāl al-Qur’ān* oleh Sayyid Quṭb. Manakala penulis pula mengemukakan idea-idea *al-haraki* yang wujud dalam manhaj penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ dan dikaji *al-manhaj al-haraki* dari perspektif ḥadīth.

<sup>46</sup> Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *al-Manhaj al-Haraki fi Zilāl al-Qur’ān*, 6.

Kajian kedua berkaitan *al-manhaj al-haraki* di dalam tafsir telah dihasilkan oleh Haziyah Hussin dengan karya tafsir Sa‘id Ḥawwa sebagai bahan kajian. Kajian beliau yang merupakan tesis Ph.D ini bertajuk “*al-Manhaj al-Haraki fī Tafsīr al-Sayykh Sa‘id Ḥawwa : Dirāsah Taḥlīliyyah*”. Tesis ini telah lulus pada tahun 2014 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.<sup>47</sup> Kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan dan metode *al-haraki* di dalam karya “*al-'Asās fī al-Tafsīr*” karangan Sa‘id Ḥawwa. Kajian ini mengandungi enam bab dengan bab yang pertama berkaitan pengenalan kajian. Bab kedua membincangkan tentang konsep *al-manhaj al-haraki* di dalam tafsir serta kemunculan aliran *al-haraki* di dalam tafsir. Pada bab yang ketiga, kajian mengkhususkan perbahasan berkaitan biografi Sa‘id Ḥawwa. Bab yang keempat pula membincangkan berkaitan metode Sa‘id Ḥawwa di dalam tafsir sebelum membincangkan elemen penafsiran *al-haraki* di dalam tafsir beliau secara khusus pada bab yang kelima. Kajian ini diakhiri dengan perbahasan berkaitan pendirian Sa‘id Ḥawwa terhadap isu-isu semasa umat Islam pada bab yang keenam.

Kajian yang dihasilkan oleh Haziyah Hussin ini secara prinsipnya adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī terhadap karya tafsir Sayyid Quṭb. Kedua-duanya menfokuskan pada karya tafsir yang bertujuan melihat elemen *al-haraki* di dalam metode penafsiran oleh dua tokoh dakwah tersebut. Haziyah Hussin ketika mengemukakan perbahasan berkaitan *al-manhaj al-haraki* di dalam tafsir Sa‘id Ḥawwa memetik pandangan dari Ṣalāḥ al-Khālidī berkaitan ciri-ciri asas dalam metode penafsiran *al-haraki* ini. Beliau

---

<sup>47</sup> Haziyah Hussin, “*al-Manhaj al-Haraki fī Tafsīr al-Sayykh Sa‘id Ḥawwa : Dirāsah Taḥlīliyyah*” (tesis Ph.D, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: 2014).

kemudiannya mengemukakan perincian perbahasan berkaitan elemen *al-haraki* di dalam penafsiran Sa‘id Ḥawwa dengan mengemukakan contoh penafsiran dari *al-Asās fī al-Tafsīr*. Berdasarkan perkara ini dapat dinyatakan bahawa kajian *al-manhaj al-haraki* yang dilakukan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī dan Haziyah Hussin ini menfokuskan pada karya tafsir dengan dua tokoh dakwah yang berbeza. Kedua-dua tokoh dakwah tersebut merupakan tokoh dakwah yang terkemuka dalam dunia gerakan Islam. Perkara ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis dari sudut melihat metode penafsiran tokoh dakwah dan gerakan Islam semasa terhadap dalil *naqlī* dari aspek *al-haraki*. Namun fokus kajian yang dilakukan oleh penulis adalah berbeza dan lebih menjurus kepada kajian *al-haraki* dari perspektif hadith Nabi SAW sepetimana yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam penulisannya.

Manakala kajian yang menfokuskan *al-manhaj al-haraki* di dalam Sirah Nabi SAW telah dihasilkan oleh Munīr al-Ghaḍbān. Kajian beliau bertajuk : “*al-Manhaj al-Haraki li al-Sirah al-Nabawiyah*”. Walaupun kajian ini bukan dihasilkan di peringkat akademik samaada kajian sarjana (master) atau PhD, namun ia merupakan bahan rujukan utama yang banyak dijadikan rujukan di dalam gerakan dakwah terutamanya bahan-bahan tarbiyah di dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin.<sup>48</sup> Oleh yang demikian, amat wajar untuk dijadikan sebagai salah satu bahan *literature review* terutamanya dalam mengkaji konsep *al-manhaj al-haraki* ini.

---

<sup>48</sup> Karya ini tersenarai sebagai salah satu bahan tarbiyah di dalam Ikhwan Muslimin. Lihat laman *ikhwanwiki*, ditinjau pada 4 Ogos 2015, [http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=التحميل\\_الدعوة\\_مكتبة:تصنيف](http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=التحميل_الدعوة_مكتبة:تصنيف).

Kajian ini lebih menfokuskan aspek *al-haraki* dalam sirah Nabi SAW. Maksud *al-manhaj al-haraki* yang dikaji dari aspek sirah ini seperti mana yang dinyatakan oleh Munir al-Ghaqbān ialah :

*“Langkah pergerakan yang tersusun dan strategik yang digerakkan oleh Nabi SAW bermula dari perutusan Baginda SAW sehingga saat kewafatan Baginda SAW. Perkara ini diteliti berdasarkan peringkat demi peringkat (kehidupan sirah Baginda SAW). Pergerakan ini boleh dijadikan panduan dan contoh ikutan bagi gerakan dakwah yang wujud ketika ini. Di samping sebagai jalan penyuluhan bagi gerakan dakwah kini dalam memandu jalan politiknya ke arah menegakkan hukum Allah di atas muka bumi”<sup>49</sup>*

Berdasarkan kajian ini, Munir al-Ghaqbān meyakini bahawa *al-manhaj al-haraki* di dalam sirah ini adalah *manhaj* yang dibimbing secara *rabbāni* dengan maksud Allah SWT yang menjaga dan mengatur langkah pergerakan Baginda SAW dan bukannya lahir secara tindak balas spontan dengan suasana keadaan yang dihadapi oleh Baginda SAW. Secara ringkasnya, tahapan *al-manhaj al-haraki* yang dipelajari dari sirah Baginda SAW ini dibahagi kepada 5 peringkat :

1. Peringkat kerahsiaan dakwah dan organisasi.
2. Peringkat dakwah secara terang dan kerahsiaan organisasi.
3. Peringkat pembinaan negara.
4. Peringkat pembangunan negara dan pengukuhannya.
5. Peringkat penyebaran dakwah ke seluruh pelosok bumi.

---

<sup>49</sup> Lihat Munir al-Ghaqbān, *al-Manhaj al-Harakī li al-Sīrah al-Nabawiyah*, cet. ke 7, (al-Zarqā’, Jordan ; Maktabah al-Manār; 1992), 15.

Ini adalah *al-manhaj al-haraki* yang difokuskan dalam kajian Munīr al-Ghaḍbān berdasarkan lima peringkat tersebut. Beliau lebih memfokuskan kajian dari aspek pergerakan sirah Baginda SAW yang dilihat pengajaran *al-haraki* bagi gerakan dakwah secara umum. Kajian yang dilakukan ini tidak seperti mana yang akan dikaji oleh penulis dalam melihat secara khusus kepada hadith-hadith Nabi SAW yang dianalisis secara satu persatu dan dilihat pengajaran hadith tersebut dari aspek *al-haraki*. Selain itu, kajian ini juga secara khusus melihat manhajsalah seorang tokoh *al-haraki* semasa yang telah menghasilkan beberapa karya hadith dan disusun berdasarkan pendekatan *al-manhaj al-haraki*.<sup>50</sup> Perkara ini yang membezakan kajian penulis dengan kajian yang telah dilakukan oleh Munīr al-Ghaḍbān, melalui karyanya *al-Manhaj al-Haraki li al-Sīrah al-Nabawiyyah*.

### **3. Kajian berkaitan manhaj *harakah al-da‘wah* atau manhaj tokoh-tokoh *haraki* dalam bidang tafsir**

Beberapa kajian telah dihasilkan berkaitan manhaj *harakah* dakwah dan manhaj tokoh-tokoh *haraki* khususnya dalam bidang tafsir. Antara kajian yang terkini ialah tesis Ph.D yang dihasilkan oleh Yaḥya Muqbil Ṣāliḥ al-Ṣabāḥī, bertajuk “*Manhaj al-Qur’ān al-Karīm fī al-Taghyīr al-Fikrī : al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Yaman Namūdhajan*”. Ia merupakan kajian di peringkat Ph.D, di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini dihasilkan pada tahun 2010 yang menfokuskan kepada gerakan dakwah di Yaman dengan melihat kepada metode al-Quran dalam membawa perubahan terhadap corak pemikiran dakwah.

---

<sup>50</sup> Perkara ini adalah hasil temubual penulis dengan beberapa tokoh ulama di Kuwait yang mengakui hasil penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ di susun berdasarkan pendekatan *al-manhaj al-haraki*, antaranya Wasfi ‘Asyūr Abū Zayd. Waṣfi ‘Āsyūr (Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis pada 4 Jun 2012 di Pejabatnya, al-Markaz al-‘Ālamī li al-Wasaṭiyyah, Kuwait.

Kajian ini bertujuan mengkaji metode al-Quran dalam membawa perubahan pemikiran dengan tumpuan kajian terhadap usaha gerakan Islam di Yaman sebagai sampel kajian. Kajian ini dibahagikan kepada dua bab utama, iaitu bab pertama :*Manhaj al-Qur'ān fī Taghyīr al-Fikrī*. Di bawah bab ini, terdapat beberapa topik dan sub-topik dalam mengkaji aspek *taghyīr al-fikrī* berdasarkan *manhaj al-Qur'ān*. Manakala bab kedua bertajuk: *al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Yaman Namūdhajan*. Di bawah bab ini juga terdapat beberapa topik dan sub-topik dalam mengkaji *harakah Islāmiyyah* di Yaman.

Maksud dari perubahan pemikiran di dalam kajian ini adalah pembentukan pemikiran *haraki* seperti yang boleh difahami dari ciri-ciri gambaran terhadap pembentukan pemikiran ahli-ahli gerakan dakwah yang dinyatakan dalam kajian ini. Antara ciri tersebut ialah (رؤية شمولية) iaitu mengemukakan jalan penyelesaian dan perubahan secara syumuldan tidak tertumpu hanya pada aspek tertentu sepertimana perubahan hanya dari sudut *thaqāfi*, *ijtimā'i*, dan *siyāsi*. Di samping bukan hanya dilihat secara teori sahaja, bahkan aspek amali jelas kelihatan dalam pelaksanaan yang dilakukan oleh *harakah Islāmiyyah* ini.<sup>51</sup> Aspek yang lain juga dari sudut ciri-ciri pemikiran perubahan dalam diri seorang pendakwah seperti mana pengajarannya dipetik dari al-Quran dalam kajian ini. Ciri-ciri ini dibentuk dalam keperibadian pendakwah yang terlibat dalam gerakan dakwah agar perubahan dan *islah* yang ingin dibentuk dalam masyarakat memberikan kesan positif dan membawa perubahan yang bermakna.<sup>52</sup>

<sup>51</sup> Lihat Yahya Muqbil Ṣāliḥ al-Ṣabāḥī, *Manhaj al-Qur'ān al-Karīm fī al-Taghyīr al-Fikrī*, (tesis PhD Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya; 2010), 266.

<sup>52</sup> *Ibid*, 52-75.

Kajian ini membawa beberapa persamaan dengan kajian penulis iaitu pada aspek *harakah* dan tumpuan terhadap gerakan dakwah dengan menggunakan dalil-dalil *naqlī* iaitu (*manhaj al-Qur'ān*) sebagai tumpuan kajian. Namun kandungan tumpuannya berbeza iaitu kajian ini lebih memfokuskan pada kajian al-Quran berbanding dengan kajian penulis lebih menumpukan aspek *al-manhaj al-ḥaraki* dalam huraian-huraian hadith-hadith Nabi SAW. Kajian ini juga lebih melihat kepada contoh gerakan dakwah Islamiyyah di Yaman berbanding dengan kajian penulis yang menumpukan kajian di dalam gerakan dakwah di Malaysia.

Selain itu, kajian berkaitan manhaj tokoh *haraki* juga telah banyak dikaji. Di antara tokoh *haraki* yang terkenal dalam bidang tafsir dan merupakan pelopor kepada “*Madrasah Tafsīr al-Haraki*”<sup>53</sup> ialah Sayyid Quṭb. Antaranya kajian yang dihasilkan di peringkat sarjana bertajuk “*Al-Ta‘āyush al-Silmī ‘Inda Sayyid Quṭb fī Tafsīrihi Fī Zilāl al-Qur’ān*”. Kajian ini telah dihasilkan oleh Uthmān Mandhū Mālam Mūsa, di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Disertasi Sarjana Usuluddin ini lulus pada tahun 2009. Kajian ini melihat aspek *al-Ta‘āyush al-Silmī* (Keharmonian hidup antara masyarakat muslim dengan bukan muslim) berdasarkan huraian dan pandangan Sayyid Quṭb (m.1966) di dalam Tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur’ān*. Kajian ini tidak memfokuskan aspek *al-manhaj al-ḥaraki* secara khusus dan hanya mengkaji pandangan serta huraian Sayyid Quṭb (m.1966) sebagai tokoh *haraki* terhadap tajuk “*al-Ta‘āyush al-Silmī*” di dalam Tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur’ān*. Dengan istilah yang lain, kajian ini tidak memfokuskan pada isu pembentukan gerakan dakwah secara khusus berdasarkan huraian Sayyid Qutb

<sup>53</sup> Sepertimana yang telah disebut oleh Ṣalāḥ al-Khālidī di dalam tesis kajian beliau bertajuk “*Fī Zilāl al-Qur’ān : Dirāṣah wa Taqwīm*” iaitu pada bab kedua tesis ini, al-Khālidī mengkhususkan satu bab yang membahaskan tentang *al-ḥaraki* di dalam tafsir, bertajuk “*al-Manhaj al-Ḥaraki fī al-Tafsīr*”.

(m.1966) dan hanya memfokuskan kajian berkaitan tajuk *al-Ta‘āyush al-Silmī* berdasarkan pandangan dan pemikiran Sayyid Quṭb (m.1966) di dalam Tafsir *Fi Zilāl al-Qur’ān*.

Tafsir Surah Yassin (Penawar Hati Insan) oleh Dato Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang : Kajian Tafsir *Harakī*, oleh Marine Che Mat Nawi, merupakan latihan ilmiyyah peringkat Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2003. Tokoh yang dikaji di dalam latihan ilmiyyah ini iaitu Dato Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang adalah merupakan pemimpin politik dan tokoh *harakī* dengan fikrah dan penglibatannya dalam gerakan dakwah PAS. Kajian ini melihat aspek huraian dan tafsiran *harakī* yang dikemukakan dalam Tafsir Surah Yasin. Kajian ini agak terhad dan tidak mendalam kerana lebih bersifat latihan ilmiyyah di peringkat Sarjana Muda. Kajian ini lebih melihat kepada penyelidikan dan kajian dalam tafsir berbanding kajian penulis yang memfokuskan pada aspek pengajian hadith dalam mengkaji sudut *al-manhaj al-harakī* ini.

Berdasarkan ulasan terhadap kajian yang lepas ini, penulis menyimpulkan bahawa belum ditemui kajian yang lepas di peringkat akademik, samada disertasi sarjana atau tesis Ph.D yang mengkaji secara khusus tentang tokoh yang ingin dikaji oleh penulis ini, samada dari sudut pemikiran beliau, ketokohan, atau sumbangannya dalam bidang dakwah atau dalam bidang pengajian hadith. Beberapa artikel di dalam internet yang menyentuh tentang sumbangaan Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam perjuangan dakwah Islam serta sumbangannya dalam bidang pengajian hadith,<sup>54</sup> sedikit sebanyak membantu dalam membawa maklumat

---

<sup>54</sup> Antara artikel-artikel tersebut adalah seperti berikut :

- “*al-Sayyid Muḥammad Nūḥ, al-Ālim, al-Dā‘iyah, wa al-Murabbi*”, ditulis oleh Waṣfi ‘Asyūr Abū Zayd dalam [www.Islamonline.com](http://www.Islamonline.com).

awal terutamanya berkaitan biografi tokoh yang dikaji serta sumbangannya dalam bidang dakwah dan hadith.

Selain itu, kajian-kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* sebelum ini banyak ditumpukan kepada tokoh-tokoh dalam bidang tafsir. Namun, dalam bidang pengajian hadith belum ada kajian yang mengenangkan tokoh-tokoh dalam bidang hadith yang juga telah menggunakan pendekatan *al-haraki* dalam memahami hadith-hadith dakwah seperti yang telah dilakukan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ.

## 0.9 Metodologi Penyelidikan

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan beberapa metode penyelidikan seperti mana berikut :

1) **Metode Pengumpulan Data** : Dalam usaha mengumpulkan data, penulis menggunakan beberapa metode seperti mana berikut :

a) **Kajian Perpustakaan :**

Sumber-sumber data daripada bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan tajuk kajian dikumpulkan. Penulis mengumpul maklumat-maklumat yang diperolehi ini daripada

- 
- “Dr ‘Abd al-Sattār Fatah Allāh Sa‘īd Yaktub ‘an al-Syeykh Sayyid Nūḥ”, ditulis oleh ‘Abd al-Sattār Fatah Allāh Sa‘īd dalam laman web Sayyid Muḥammad Nūḥ di alamat [www.alsayednooh.com](http://www.alsayednooh.com).
  - “al-Sayyid Nūḥ, Khādim al-Da‘wah wa Ḥabīb al-Du‘āh” oleh Wassām Kamāl di dalam laman [www.islamonline.net](http://www.islamonline.net).
  - “Akhi al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid Nūḥ” ditulis oleh Yaḥya Ismā‘īl Ḥablūsy di dalam laman [www.jabhaonline.org](http://www.jabhaonline.org).
  - “al-Sayyid Nūḥ wa Juhūduh fī Khidmah al-Hadīth” oleh Waṣfī ‘Asyūr Abū Zayd di dalam laman [www.islamonline.net](http://www.islamonline.net).

pelbagai jenis bahan-bahan bertulis samada penerbitan rasmi atau tidak seperti buku, kamus, kertas kerja seminar, jurnal, makalah dan disertasi.

b) **Kajian lapangan :**

Dalam melakukan kajian lapangan ini, penulis menggunakan metode temu bual. Penulis melakukan temu bual dengan individu-individu yang mempunyai kaitan dengan kajian ini terutamanya dalam mendapatkan maklumat berkaitan tiga perkara berikut :

- 1) Berkaitan dengan maklumat keperibadian tokoh yang dikaji, iaitu Sayyid Muḥammad Nūḥ.
- 2) Berkaitan dengan *al-manhaj al-haraki*, konsep pemahaman dan aplikasinya dalam pengajian dan penguraian hadith-hadith Rasulullah SAW.
- 3) Berkaitan dengan senario gerakan dakwah di Malaysia dan pendekatan dalam menangani isu-isu semasa di Malaysia.

Secara khususnya, individu-individu yang ditemu bual dalam mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini adalah seperti mana dalam jadual berikut :

No	Individu yang ditemu ramah	Tarikh dan tempat ditemu bual	Tujuan
1	‘Ubādah Sayyid Nūḥ <sup>55</sup>	4 Jun 2012 (Kuwait)	Maklumat berkaitan biografi dan riwayat hidup Sayyid Nūḥ.
2	Prof Dr Taufiq al-Wā‘ī <sup>56</sup>	7 Jun 2012	Maklumat berkaitan biografi /

<sup>55</sup> Ubādah Sayyid Nuh, (anak kepada Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis, di Kuwait, pada 4 Jun 2012.

<sup>56</sup> Taufiq al-Wā‘ī (Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis di Kuwait pada 7 Jun 2012.

		(Kuwait)	riwayat hidup Sayyid Nūh. Maklumat berkaitan <i>al-manhaj al-haraki</i> dan gerakan Ikhwan Muslimin.
3	Dr Yahya Ismā‘il <sup>57</sup>	8 Jun 2012 (Kuwait)	Maklumat berkaitan ketokohan dan sumbangan Sayyid Nūh dalam pengajian hadith dan dakwah.
4	Dr Waṣfi ‘Asyūr Abū Zayd <sup>58</sup>	4 Jun 2012 (Kuwait)	Maklumat berkaitan ketokohan dan sumbangan Sayyid Nūh dalam pengajian hadith dan dakwah.
5	Dr Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī <sup>59</sup>	20 Jun 2012 (Jordan)	Konsep kefahaman <i>al-manhaj al-haraki</i> .
6	Prof Dr Syaraf al-Quḍāh <sup>60</sup>	14 Jun 2012 (Jordan)	Konsep <i>al-manhaj al-haraki</i> dalam bidang hadith.
7	Prof Dr Muḥammad Abdal-Qādir Abū Fāris <sup>61</sup>	17 Jun 2012 (Jordan)	Konsep kefahaman <i>al-manhaj al-haraki</i> .
8	Dr Hammām Sa‘id <sup>62</sup>	21 Jun 2012 (Jordan)	Konsep <i>al-manhaj al-haraki</i> dalam bidang hadith.
9	Prof Dr Abū al-Layth al-Khayr al-Abādī <sup>63</sup>	9 Feb 2012 (Malaysia)	Konsep <i>al-manhaj al-haraki</i> dalam bidang hadith.
10	Rushdi Alias <sup>64</sup>	21 Ogos 2013	Mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan karya-karya Sayyid

<sup>57</sup> Yahya Ismā‘il, PhD, merupakan teman rapat dan rakan seperjuangan Dr Sayyid Muhammad Nūh.

<sup>58</sup> Waṣfi ‘Asyūr, Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait dan penyelidik kajian berkaitan Dr Sayyid Muhammad Nūh.

<sup>59</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, Ph.D, Tokoh Ikhwan Muslimin Jordan dan penyelidik kajian *al-manhaj al-haraki* di dalam Tafsir.

<sup>60</sup> Syaraf al-Quḍāh, Prof dalam bidang Ilmu Hadith, Fakulti Syariah, *University of Jordan*.

<sup>61</sup> ‘Abd al-Qadir Abu Faris, Ph.D, mantan Prof dalam bidang Sains Politik Islam di Fakulti Syariah, *University of Jordan*. Beliau juga merupakan tokoh Ikhwan Muslimin di Jordan.

<sup>62</sup> Hammām Sa‘id, Ph.D, Ketua Umum (*Murāqib ‘ām*) Ikhwan Muslimin, Jordan.

<sup>63</sup> Abū Layth al-Khayr al-Abādī, Prof dalam bidang Ilmu Hadith, Kuliyyah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>64</sup> Rushdi Alias, Pengerusi Biro Tarbiah ISMA Pusat.

		(Malaysia)	Nūḥ dalam program usrah.
12	Tajul Arifin Che Zakaria <sup>65</sup>	12 September 2011 (Malaysia)	Mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan karya-karya Sayyid Nūḥ dalam program usrah.
13	Prof Dr Badlihisham Mohd Nasir <sup>66</sup>	6 Mac 2014 (Malaysia)	Senario hubungan gerakan dakwah di Malaysia.
14	Prof Dato Dr Mohammad Redzuan Othman <sup>67</sup>	19 Feb 2014 (Malaysia)	Senario gerakan dakwah di Malaysia yang bermanhajkan dakwah Ikhwan Muslimin.
15	Abdullah Zaik Abd Rahman <sup>68</sup>	24 Feb 2014 (Malaysia)	Pendirian ISMA dalam isu-isu semasa.
16	Dato Seri Abdul Hadi Awang <sup>69</sup>	8 April 2014 (Malaysia)	Pendirian PAS dalam isu-isu semasa.
17	Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad <sup>70</sup>	19 Mac 2014 (Malaysia)	Pendirian IKRAM dalam isu-isu semasa

Jadual 1 : Senarai nama-nama individu yang telah ditemubual untuk mendapatkan maklumat kajian tesis.

## 2) Metode Analisis Data :

Data-data yang diperolehi hasil daripada pengumpulan data dianalisis menggunakan beberapa metode penganalisaan seperti mana berikut :

<sup>65</sup> Tajul Arifin Che Zakaria, Pengurus Jawatankuasa Tarbiah IKRAM Pusat.

<sup>66</sup> Badlihisham Mohd Nasir, Prof. di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia UTM.

<sup>67</sup> Mohammad Redzuan Othman, Prof Dato. Merupakan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>68</sup> Abdullah Zaik Ab Rahman, Presiden Ikatan Muslimin Malaysia, ISMA.

<sup>69</sup> Abdul Hadi Awang, Dato Seri, Presiden Parti Islam Se-Malaysia PAS.

<sup>70</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Ph.D, Presiden Pertubuhan IKRAM Malaysia.

- a) **Metode Induktif** : bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Penulis menggunakan metode ini semasa menganalisis lima elemen *al-haraki* yang bersifat khusus dengan mengeluarkan beberapa isu-isu gerakan dakwah yang bersifat umum tersebut.
- b) **Metode Deduktif** : bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus. Penulis menggunakan metode ini semasa penilaian terhadap aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam isu-isu semasa yang lebih bersifat khusus berlandaskan konsep umum dakwah dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ.
- c) **Metode Komparatif** : bermaksud sesuatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan data-data yang diperolehi melalui perbandingan di antara kedua-dua data deduktif dan induktif. Penulis juga menggunakan metode perbandingan ini dalam melihat aplikasi *al-manhaj al-haraki* yang diketengahkan gerakan dakwah dalam isu-isu semasa dan penilaianya dengan *al-manhaj al-haraki* dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ.

## 0.10 Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi enam bab, iaitu empat bab berkaitan isi kajian serta bab pendahuluan dan bab akhir berkaitan rumusan dan cadangan. **Bab pendahuluan**

mengandungi pengenalan terhadap latar belakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, literature review serta metodologi kajian. **Bab satu** kajian ini membincangkan tentang landasan teori kajian iaitu berkaitan konsep *al-manhaj al-haraki* serta aliran *al-haraki* dalam perspektif hadith. Bab ini mengandungi perbincangan isi kandungan di dalam dua bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan konsep *al-manhaj al-haraki*, ciri-ciri serta elemen-elemen *al-haraki*. Bahagian kedua membincangkan tentang *al-manhaj al-haraki* dari perspektif hadith. Bahagian kedua ini membincangkan secara khusus berkaitan aliran *al-haraki* di dalam perspektif pengajian hadith serta memetik beberapa pandangan ulama semasa berkaitan perbincangan tersebut. Bab ini ditutup dengan sedikit kesimpulan. **Bab kedua** kajian ini membahaskan tentang biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ serta pengenalan beberapa karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ berkaitan *al-manhaj al-haraki*. Perbincangan berkaitan biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ mengandungi perbahasan berkaitan kelahiran, latar belakang keluarga, pendidikan, kerjaya, pembentukan keperibadian *al-haraki* dalam pengaruh sosio politik di Mesir, perpindahan ke negara-negara Arab Teluk serta pengembangan dakwah di negara-negara tersebut. Bab ini juga mengandungi perbahasan berkaitan hasil karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ, laman web Sayyid Nūḥ, maktabah wakaf Sayyid Nūḥ, pujian dan penyaksian ulama terhadap ketokohan Sayyid Muḥammad Nūḥ serta kelemahan dan kekurangannya. Bahagian kedua dari bab ini membahaskan tentang pengenalan terhadap empat buah karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang menjadi fokus kajian dalam meneliti berkaitan konsep dan pendekatan beliau dari aspek *al-manhaj al-haraki*. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

**Bab ketiga** kajian ini membahaskan tentang hadith-hadith yang dianalisis berkaitan *al-manhaj al-haraki* dari penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ. Bab ini dibahagikan kepada lima subtopik berdasarkan analisis hadith-hadith tersebut dari aspek lima elemen *al-haraki*, iaitu elemen *jasadi*, elemen *rūhi*, elemen *thaqāfi*, elemen *khuluqi* dan elemen *tanzīmi wa siyāsi*. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan. **Bab keempat** kajian ini adalah berkaitan aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam isu-isu semasa gerakan dakwah di Malaysia. Bahagian pertama bab ini membincangkan tentang pemikiran *al-manhaj al-haraki* dalam gerakan dakwah di Malaysia secara umum dan perbahasan secara khusus berkaitan pemikiran *al-manhaj al-haraki* di dalam PAS, ISMA dan IKRAM. Bahagian kedua bab ini membahaskan berkaitan aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia dalam beberapa isu-isu semasa terpilih. Sub topik di dalam bahagian kedua ini dibahagikan mengikut isu-isu semasa kepada lima bahagian perbincangan. Setiap isu semasa tersebut dikemukakan dua perbahasan iaitu aplikasi *al-manhaj al-haraki* serta analisis terhadap aplikasi *al-manhaj al-haraki* tersebut. Bab ini di akhiri dengan kesimpulan. Bab kelima kajian ini adalah merupakan rumusan dan cadangan dari kajian yang telah dibahaskan.

# **Bab Satu**

## Bab Satu

### ***Al-Manhaj al-Haraki: Konsep dan Aliran al-Haraki Dalam Perspektif Hadith***

#### **1.0 Pendahuluan**

Bab Satu ini, perbincangan dikhususkan berkaitan landasan teori kajian iaitu konsep *al-manhaj al-haraki* serta ciri-ciri *al-haraki* dan aliran *al-haraki* dalam penguraian hadith-hadith. Penulis membahagikan perbincangan di dalam bab ini kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama bertajuk: *al-manhaj al-haraki*: konsep, ciri-ciri dan elemen *al-haraki*. Manakala bahagian kedua bertajuk: *al-manhaj al-haraki* menurut perspektif hadith. Dalam kedua-dua bahagian perbincangan ini, terdapat sub-sub topik yang akan dikemukakan bagi mendapatkan gambaran dengan lebih baik dan memahami perbincangan secara lebih menyeluruh.

#### **1.1 Bahagian Pertama : *al-Manhaj al-Haraki: Konsep, Ciri-Ciri dan Elemen al-Haraki***

Pada bahagian ini, penulis mengemukakan definisi dalam memahami konsep *al-manhaj al-haraki* itu sendiri serta kaitannya dengan dakwah, di samping ciri-ciri dan elemen *al-haraki* dalam konteks memahami konsep tersebut. Perbincangan di bawah topik ini dapat dibahagikan kepada lima sub topik, iaitu:

- 1) Definisi Dakwah dan Kaitannya dengan *al-Haraki*.
- 2) Konsep *al-Manhaj al-Haraki*.
- 3) *Al-Manhaj al-Haraki*, *al-manhaj al-Islāhi* dan *Pan Islamisme*.

- 4) Ciri-ciri *al-Manhaj al-Haraki*.
- 5) Elemen *al-Haraki* di Dalam Dakwah.

### **1.1.1 Definisi Dakwah dan Kaitannya Dengan Istilah *al-Haraki* :**

Menurut al-Sayyid Muḥammad Wakīl, dakwah kepada Allah ialah mengumpulkan manusia atas dasar kebaikan dan memimpin mereka kearah petunjuk (Islam) dengan menyuruh mereka melakukan kebaikan dan mencegah mereka dari melakukan kemungkaran.<sup>71</sup> Secara lebih tegas, Fathi Yakan (m.2009) mendefinisikan dakwah yang lebih berunsurkan fikrah *al-haraki* dengan menyebutkan bahawa dakwah ialah dengan cara meruntuh dan membina semula iaitu meruntuhkan unsur-unsur jahiliyyah, sama ada jahiliyah tersebut dari sudut pemikiran, akhlak, sistem atau undang-undang. Seterusnya berusaha untuk membina semula masyarakat Islam dengan berlandaskan kaedah Islam yang betul dari sudut bentuk dan kandungannya, perundangan dan cara kehidupannya.<sup>72</sup> Perkara yang dikemukakan oleh Fathi Yakan berkaitan masyarakat Islam kini yang jelas kelihatan jauh dari landasan Islam yang sebenar dan perlu dibina semula masyarakat Islam tersebut. Manakala Taufiq al-Wā'i menambahkan beberapa gambaran dalam dakwah dengan menyebutkan bahawa dakwah ialah mengumpulkan manusia atas dasar kebaikan dan memimpin mereka kearah petunjuk Islam yang benar. Dakwah juga menurut al-Wā'i ialah melaksanakan manhaj Allah di atas muka bumi ini melalui perkataan, perbuatan serta menyuruh manusia melakukan kebaikan

---

<sup>71</sup> Al-Sayyid Muḥammad al-Wakīl, *Usus al-Da'wah wa 'Ādāb al-Du'āh*, cet. ke 2, (al-Manṣūrah : Dār al-Wafā' : 1986), 9. Sulaimān Marzūq, *al-Da'wah al-Islāmiyyah Bayn al-Fardiyyah wa al-Jamā'iyyah*, (Dār al-Manār; al-Kuwait : 1986),17.

<sup>72</sup> Fathi Yakan, *Al-Islām, Fikrah wa Ḥarakah wa Inqilāb*, (Beirūt : Muassasah al-Risālah : 1981), 39.

dan mencegahnya dari segala kemungkaran. Perkara tersebut menurut beliau perlu diiringi dengan kesabaran dalam berdepan dengan ujian dan cabaran dalam berdakwah.<sup>73</sup>

Ab Aziz Mohd Zin et al. mendefinisikan dakwah sebagai usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada suatu tahap yang sesuai dengan tabiat semula jadi manusia ciptaan Allah s.w.t. Dengan erti kata perpindahan berdasarkan kesedaran daripada kekuatan kepada keislaman, kejahanan kepada kebaikan, kesesatan kepada hidayah, negatif kepada positif, dan perkara-perkara keburukan kepada kebaikan. Dakwah juga ialah usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, baik terhadap peribadi, mahupun masyarakat. Dakwah bukan sekadar usaha peningkatan pemahaman keagamaan, tingkah laku dan pandangan hidup sahaja, tetapi juga menuju sasaran yang lebih luas. Apatah lagi pada masa ini, dakwah harus lebih berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam secara holistik dalam pelbagai aspek kehidupan.<sup>74</sup>

Sebagai kesimpulan kepada definisi yang telah dinyatakan berkaitan dakwah di atas bahawa kesemua ulama bersepakat dalam menyatakan dakwah adalah seruan umat manusia dari aspek kemungkaran dan kemaksiatan ke arah keredaan dan kasih sayang Allah SWT. Dakwah juga suatu usaha ke arah menghapuskan unsur-unsur kejahanan dan membina semula aspek ketaqwaan dalam diri masyarakat. Ini adalah definisi umum bagi maksud dakwah itu sendiri. Dalam mengaitkan istilah dakwah ini dengan kalimah dan maksud *al-haraki*, berikut ini penulis memilih definisi dakwah yang dikemukakan oleh Sayyid

<sup>73</sup> Taufiq Yūsuf al-Wā'i, *al-Nisā' al-Dā'iyyāt*, cet. ke 3, (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā': 1993), 9-10.

<sup>74</sup> Ab Aziz Mohd Zin et al. *Dakwah Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 39.

Muhammad Nūḥ sendiri yang telah mengaitkan matlamat *al-haraki* dan gerakan dakwah itu sendiri iaitu ke arah pembinaan *rijāl* (penggerak dakwah) yang memiliki ciri-ciri peribadi penggerak dakwah. Definisi yang dikemukakan oleh beliau, sepetimana berikut :

*“Dakwah bukan hanya terhad dari sudut pengenalan dan penyampaian (Ta’rif wa al-Balāgh), tetapi disusuli atas tindakan tersebut dengan tindakan yang lain iaitu membina dan membentuk (al-Binā’ wa al-Takwīn) setelah pengenalan dan penyampaian (al-Ta’rif wa al-Balāgh). Maka dakwah bagi orang awam dari kalangan mereka yang ingkar (jāhid), yang menentang (mu’ānid), dan al-muṣirrīn ialah hanya dengan pengenalan dan penyampaian dakwah sahaja. Tetapi bagi orang yang menyahut dengan baik urusan dakwah iaitu dari kalangan fitrah yang sejahtera dan akal yang terpimpin, golongan ini akan disusuli dakwah kepada mereka dengan tindakan membina dan membentuk (keperibadian mereka).<sup>75</sup>*

Dengan maksud lain, Sayyid Muhammad Nūḥ ingin menyebutkan bahawa sekiranya golongan yang menentang urusan dakwah dan ingkar terhadapnya juga disalurkan kearah pembinaan dan pembentukan selepas pengenalan (*ta’āruf*) dan penyampaian kepada mereka, sesungguhnya perkara tersebut telah melebihi had dakwah yang sepatutnya dan telah membentangkan dakwah ini kepada golongan yang sia-sia dan tidak memberi apa-apa faedah langsung. Begitu juga situasinya jika dakwah ini dihentikan kepada golongan yang telah menyahut seruan dakwah (dengan baik) dari golongan yang sejahtera fitrahnya, akal fikirannya terpimpin dan terhenti kepada golongan ini hanya setakat pengenalan dan penyampaian sahaja dan tidak disusuli dengan pembinaan dan pembentukan, sesungguhnya tindakan seperti itu telah membiarkan mereka (yang telah menyahut seruan dakwah dengan baik) ke arah kehancuran dan kehilangan.<sup>76</sup>

---

<sup>75</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fī Qadīyyah al-Taghyīr bi Jānibayh al-Tarbawī wa al-Dā‘awī*, cet ke 2, (al-Manṣūrah ; Dār al-Wafā’ : 1991), 25-26.

<sup>76</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat dua pendekatan dalam dakwah iaitu *al-ta‘rīf wa al-balāgh* dan *al-binā’ wa al-takwīn*. *Al-ta‘rīf wa al-balāgh* boleh disifatkan sebagai orang yang hanya memperkenalkan dan membuat penyampaian dakwah tetapi tidak lebih dari maksud itu. Dalam konteks sekarang ini ia diumpamakan seperti pendakwah bebas yang hanya menyampaikan peringatan dan tidak ada matlamat untuk membina secara lebih sistematik dan tersusun. Tetapi golongan kedua iaitu mereka yang di sebalik penyampaian ada matlamat yang ingin dicapai dan gerak kerja dakwah mereka disusun secara lebih sistematik dan bermanhaj, iaitu disusuli setelah *al-ta‘rīf wa al-balāgh* dengan *al-binā’ wa al-takwīn*, mereka ini yang benar-benar berada di atas landasan dakwah dan mereka menghayati dakwah ini dengan baik.<sup>77</sup>

Dakwah yang dikaitkan dengan pembinaan dan pembentukan inilah yang ditekankan di dalam gerakan dakwah bagi membentuk saf penggerak dakwah yang berasaskan kepada tarbiyah yang syumul dan teguh serta tersusun gerak kerjanya. Pembentukan golongan ini disebut sebagai *Qā‘idah Ṣulbah*<sup>78</sup> yang merupakan tulang belakang dalam menggerakkan

---

<sup>77</sup> Sayyid Nūḥ, *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fi Qadiyyah al-Taghyīr*, 25-26.

<sup>78</sup> *Qā‘idah ṣulbah* secara umumnya bermaksud tonggak dan tulang belakang bagi sesuatu perkara. *Qā‘idah ṣulbah* dalam dakwah adalah terdiri dikalangan penggerak dakwah yang merupakan tulang belakang bagi dakwah itu sendiri. Munir al-Ghaḍbān ketika mengkaji *al-manhaj al-ḥarāki* dalam Sirah Nabawiyah menyebutkan bahawa Rasulullah SAW sebelum berdakwah secara terang-terangan (*da‘wah jahriyyah*) telah mendidik dan membina *qā‘idah ṣulbah* ini di kalangan para sahabat dan kumpulan ini telah mempertahankan dakwah Rasulullah SAW sehingga tiada dikalangan mereka yang murtad atau keluar dari Islam dengan tetap mempertahankan dakwah Islam bersama Rasulullah SAW. Munir al-Ghaḍbān menyebutkan pembinaan *qā‘idah ṣulbah* atau *al-nuwwah al-ṣulbah* ini sebagai salah satu ciri yang wujud dalam *al-manhaj al-ḥarāki* di dalam Sirah iaitu dalam fasa *Sirriyyah al-Da‘wah wa Sirriyyah al-Tanẓīm* (Dakwah secara rahsia dan pembinaan organisasi secara rahsia). Munir al-Ghaḍbān, *al-Manhaj al-Ḥarāki li al-Ṣirah al-Nabawiyah*, cet. ke 10, (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1998), 25-28.


dakwah. Golongan ini perlu dibentuk dengan baik agar perjalanan dakwah dapat digerakkan dengan lebih berkesan menepati manhaj gerakan dakwah semasa.

### 1.1.2 Konsep *al-Manhaj al-Haraki*

Pada bab pendahuluan yang lepas, penulis telah menghuraikan definisi bagi kalimah *al-manhaj al-haraki* ini. Dalam membentuk konsep bagi kalimah *al-manhaj al-haraki*, penulis perlu merujuk kepada pengertian kalimah *al-haraki* secara istilah yang digunakan di dalam dakwah dan bukan pengertian *al-haraki* dari sudut bahasa (*lughah*). Sepertimana yang telah difahami dari definisi yang lepas, kalimah *al-haraki* atau *harakah* dalam konteks dakwah boleh dertiakan dengan dua pengertian.<sup>79</sup> Pengertian pertama merujuk kepada pergerakan (*harakah*) dan tingkah laku seorang pendakwah yang bergerak aktif dalam menunaikan tanggungjawab dakwahnya. Pergerakan ini samaada merujuk kepada *wājibāt fardī* (kewajipan individual) bagi seorang pendakwah ataupun pergerakan dalam menunaikan *wājibat jamā'ī* (kewajipan kolektif) dalam menyampaikan dakwah dan peringatan kepada masyarakat. Pengertian kedua bagi istilah *al-haraki* iaitu *harakah* dengan maksud gerakan dakwah itu sendiri yang merujuk kepada organisasi dakwah dan dibentuk dengan *tanzīm* (organisasi) yang tersusun.<sup>80</sup>

<sup>79</sup> Pandangan Ṣalāḥ al-Khālidī yang membahagikan maksud *al-haraki* dengan dua maksud. Ṣalāḥ al-Khālidī (PhD), dalam temu bual dengan penulis pada 20 jun 2012, jam 7.15 ptg. di Suwaylih, Amman Jordan.

<sup>80</sup> Pandangan ini turut disokong oleh Nabil bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Jauharī yang menyebutkan bahawa *al-manhaj al-haraki* ialah manhaj *al-tanzīmī* dalam sesebuah jemaah yang tersusun. Nabil bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Jauharī (Prof, Kuliah al-Quran, Universiti Islam Madinah), dalam temu bual dengan penulis 15 Mei 2012.



**Gambar rajah 1:** Definisi *al-haraki* yang diertikan dengan dua maksud.

Oleh sebab itu, istilah *al-haraki* juga berkait rapat dengan kebangkitan dakwah melalui gerakan dakwah semasa terutamanya apabila umat Islam ditindas serta diancam dan kemuncaknya adalah ketika kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924 dan kemunculan *harakah Islāh* yang terbesar, iaitu Ḥarakah Ikhwān al-Muslimīn 4 tahun selepas itu.<sup>81</sup>

<sup>81</sup> Sebagaimana yang disebutkan oleh Badlihisham Mohd Nasir, Gerakan Islam hanya muncul secara meluas ekoran kejatuhan kerajaan Islam di Turki pada tahun 1924. Lihat Badlihisham Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*, (Shah Alam: Karisma Publication; 2009), hlm xii. Pendekatan dakwah yang telah digerakkan selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah tahun 1924 dengan pendekatan lebih baharu iaitu melalui dakwah gerakan Islam. Kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah sebagai salah satu bukti kukuh umat Islam ketika itu berada di tahap yang amat lemah dalam segenap aspek dan bidang sehingga musuh Islam mampu melakukan perancangan jahat untuk menjatuhkan Khilafah Uthmaniyyah. Bagi mengembalikan semula Khilafah Islamiyyah tersebut, kajian mendalam telah dilakukan oleh para ulama terhadap faktor kelemahan umat Islam dan usaha ke arah kebangkitan semula seperti mana yang dilakukan oleh Hasan al-Banna melalui salah satu risalahnya, iaitu Risalah *Bayna al-Ams wa al-Yawm* (Antara Semalam dan Hari ini). Kemunculan Gerakan Ikhwan Muslimin yang diasaskan oleh beliau juga sebagai jawapan ke arah kebangkitan semula dakwah Islam melalui gerakan Islam secara lebih tersusun dan sistematis. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Syaraf al-Quḍāh (Prof, Kuliyah Syariah, University of Jordan), dalam temu bual dengan penulis pada 19 Jun 2012.

Menurut Ṣalāḥ al-Khālidī, istilah *al-haraki* adalah merupakan satu istilah baru yang dikaitkan dengan dakwah semasa dan dicetuskan pada awalnya oleh Sayyid Quṭb melalui beberapa penulisannya.<sup>82</sup> Walaupun begitu, amalan dan akhlak *al-haraki* itu sendiri sebenarnya telah wujud sejak dari zaman Rasulullah SAW dan para sahabat r.a. lagi.<sup>83</sup> Malah keperibadian *salaf al-ṣāliḥ* seperti Aḥmad bin Ḥanbal (241H) dan Aḥmad bin Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah (852H) dalam menghadapi situasi dakwah pada zaman mereka boleh dianggap sebagai keperibadian *dā’i al-haraki* dalam menyebarkan dakwah ketika itu.<sup>84</sup> Istilah *al-haraki* ini selanjutnya telah diperbaharui semula pada abad ke-20 ini oleh Sayyid Quṭb dan banyak disentuh dalam kebanyakan penulisannya, terutamanya kitab *Fī Zilāl al-Qur’ān*.<sup>85</sup>

Ṣalāḥ al-Khālidī di dalam bukunya “*al-Khiṭṭah al-Barrāqah lidhī al-Nafs al-Tawwāqah*” telah menyentuh tentang maksud *al-haraki* atau *al-harakiyyah* secara lebih terperinci. Beliau menyebutkan bahawa kalimah *al-haraki* atau yang dinisbahkan kepada *harakah*,

<sup>82</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī (PhD, Tokoh Ikhwan Muslimin Jordan dan Penyelidik *al-Manhaj al-Haraki* Sayyid Quṭb), dalam temu bual dengan penulis pada 20 jun 2012.

<sup>83</sup> Istilah *al-haraki* tidak dipopularkan pada zaman Rasulullah SAW dan zaman *salaf al-ṣāliḥ* terdahulu. Istilah ini dipopularkan oleh ahli-ahli gerakan dakwah semasa. Cuma kefahaman serta prinsip dan amalan *al-haraki* mempunyai asas dan kefahamannya dalam kehidupan dakwah Rasulullah SAW dan *salaf al-ṣāliḥ* terdahulu. Seperti mana yang disebutkan oleh Sayyid Quṭb (m.1966), bahawa manhaj agama Islam ini disifatkan sebagai *al-wāqi’iyah al-harakiyyah* (realistik dan tidak kaku). Lihat Sayyid Quṭb, *Ma ‘ālim fī al-Tariq*, cet. ke 6, (Beirūt; Dār al-Syurūq 1979), 57. Pendapat ini turut sama dipersetujui oleh Waṣīf ‘Āsyūr Abū Zayd (tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis pada 4 Jun 2012, dan Hammām Sa‘id (Ph.D, Ketua Umum Ikhwan Muslimin Jordan dan *Mudīr Markaz al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Syarīfah*, Jordan), dalam temubual dengan penulis pada 21 Jun 2012. Lihat juga Ḥasan Makki, *Fiqh al-Harakah*, 3.

<sup>84</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī (PhD, tokoh Ikhwan Muslimin Jordan dan penyelidik *al-manhaj al-haraki* Sayyid Quṭb), dalam temu bual dengan penulis pada 20 jun 2012.

<sup>85</sup> Salah satu bab dalam Tesis Ph.D Ṣalāḥ al-Khālidī bertajuk : “*al-Manhaj al-Haraki fī Zilāl al-Qur’ān*”. Seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini, pendekatan dakwah melalui *harakah Islāmiyyah* (gerakan Islam moden) adalah merupakan pendekatan baharu yang dibawa oleh ulama semasa berbanding ulama dahulu, seperti Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Ḥanbal dan ulama *salaf al-ṣāliḥ* yang lain. Istilah *al-haraki* yang penulis kaitkan dengan ulama *salaf al-ṣāliḥ* ini lebih kepada maksud *al-haraki* yang pertama, iaitu tingkah laku dan gerak kerja pendakwah dalam menggerakkan dakwah serta tanggungjawab mereka dengan *manhaj* dan pendekatan *haraki*.

iaitu suatu aktiviti dan pelaksanaan yang berkaitan dengan urusan dakwah.<sup>86</sup> Beliau menyebutkan lagi tentang maksud *al-harakiyyah* dengan katanya :

*“Al-harakiyyah yang kami maksudkan juga ialah mengerahkan segala kesungguhan demi untuk berkhidmat kepada agama Islam ini, menyeru kepadanya, dan menyampaikan ilmu-ilmunya, mengambil berat tentang umat Islam dan bekerja untuk mentarbiah dan membimbing mereka, serta meningkatkan pencapaian mereka dari sudut keimanan, akhlak, ibadah dan pengetahuan. Al-harakiyyah yang kami maksudkan juga ialah dengan mengerahkan tenaga dalam memberi nasihat dan peringatan, ilmu dan pembelajaran, menyuruh kepada yang ma’rūf dan mencegah daripada kemungkaran. Al-harakiyyah yang kami maksudkan juga ialah dengan menolong kaum muslimin selepas menolong diri sendiri dan menyelamatkan mereka selepas menyelamatkan diri sendiri, menjaga mereka dari jalan-jalan syaitan serta membimbing mereka ke jalan al-Rahmān. Al-harakiyyah yang kami maksudkan juga ialah dengan berdiri di depan mereka yang zalim dan thagut, serta mengingkari kezaliman dan keangkuhan mereka, menyelamatkan mereka yang lemah, berdepan dengan puak-puak syaitan dan penyokongnya serta tentera-tenteranya, supaya mereka tidak merosakkan kehidupan umat Islam. Al-harakiyyah yang kami maksudkan juga ialah membentuk atau mewujudkan masyarakat Islam yang diseru oleh (ajaran) al-salafiyyah<sup>87</sup> dan (bekerja) mewujudkan untuk umat khilafah yang terpimpin dan menepati matlamat (ajaran) al-salafiyyah, menyebar luaskan cahaya al-Quran dan Sunah di serata alam, serta menyeru manusia seluruhnya kepada agama (Islam) ini. Al-harakiyyah yang kami maksudkan juga ialah mengorbankan sepenuh tenaga untuk berjihad di atas jalan Allah, serta berdiri di depan musuh-musuh Allah, menyekat tipu daya musuh-*

<sup>86</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Khiṭṭah al-Barrāqah*, 80.

<sup>87</sup> Al-salafiyyah yang dimaksudkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī adalah sesuatu yang lebih syumul dengan menyebutkan bahawa :

*“al-Salafiyyah ialah nisbah kepada “al-Salaf” dan dimaksudkan dengannya adalah Salaf al-Šāhābah, Tābi‘īn dan Tābi‘īn. Mereka yang hidup pada tiga kurun yang pertama, iaitu tiga kurun yang terpilih di kalangan umat ini. Tiga kurun dari generasi umat yang pertama ini terpilih adalah kerana Islam yang dilaksanakan pada ketika itu adalah Islam yang tulen dan bersih dengan maksud kefahaman umat Islam kepada Islam pada ketika itu masih baru dan bersih serta iltizam mereka dengan Islam masih dalam keadaan kuat dan teguh, di samping kumpulan ajaran sesat masih belum lagi menguasai diri umat dan juga fikrah-fikrah yang bercanggah, masih belum menguasai akal pemikiran umat (ketika itu). Setelah tiga kurun yang pertama ini berlalu, mula berlaku kegelapan, kemalapan dan kerosakan, di samping pemikiran dan prinsip jahiliah mula menyerang masyarakat Islam. Jahiliah mula dipakai kepada anak-anak masyarakat Islam (yakni pemikiran dan prinsip jahiliah), dan lemahnya iltizam anak-anak muslimin kepada akhlak dalam diri mereka. Munculnya fahaman yang salah terhadap Islam serta prinsip-prinsipnya, sama ada dalam akidah, hukum, tingkah laku, sejarah, fiqh dan lain-lain”.*

Lihat Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Khiṭṭah al-Barrāqah*, 80.

*musuh tersebut, dan menyahut cabaran berdepan dengan mereka, menghapuskan syubhab yang dicetuskan oleh mereka, menyekat kemaraan tentera perang mereka, dan menyediakan benteng untuk ummah dalam berdepan dengan mereka. Al-harakiyah yang kami maksudkan juga ialah menyatukan ummah di atas (ajaran) al-salafiyyah yang terpimpin, menghimpunkan mereka dengan pegangan Kitab dan Sunah, membebaskan tanah air mereka dari penguasaan bangsa asing yang kafir menegakkan peraturan dan hukum-hakam Islam yang adil, memilih khalifah muslim yang terpimpin dan mampu merealisasikan kesemua (tanggungjawab) tadi, mengemukakan bantuan untuknya, mentaatinya, dan berada di bawah panjinya demi berkhidmat untuk umatnya.*<sup>88</sup>

Definisi yang dikemukakan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī ini lebih menekankan pembentukan *harakah* berkaitan individu pendakwah atau dengan istilah lain berkaitan *harakah fardiyah*. Ia lebih menekankan ciri-ciri *harakah* yang perlu ada pada seorang pendakwah. Definisi *al-manhaj al-haraki* yang dikemukakan oleh Munīr al-Ghaḍbān di dalam bukunya, “*al-Manhaj al-Haraki li al-Sīrah al-Nabawiyyah*” adalah maksud *al-manhaj al-haraki* yang dikaji dari aspek *sīrah al-nabawiyyah*. Beliau mendefinsikan maksud *al-manhaj al-haraki* dari aspek *sīrah al-nabawiyyah* iaitu :

*“Langkah pergerakan yang tersusun dan strategik yang digerakkan oleh Nabi SAW bermula dari perutusan Baginda SAW sehingga saat kewafatan Baginda SAW. Perkara ini diteliti berdasarkan peringkat demi peringkat (kehidupan sirah Baginda SAW). Pergerakan ini boleh dijadikan panduan dan contoh ikutan bagi gerakan dakwah yang wujud ketika ini, di samping ia sebagai jalan penyuluhan bagi gerakan dakwah kini dalam memandu jalan politiknya ke arah menegakkan hukum Allah di atas muka bumi ini”.*<sup>89</sup>

---

<sup>88</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Khiṭṭah al-Barrāqah*, 80.

<sup>89</sup> Munīr al-Ghaḍbān, *al-Manhaj al-Haraki li al-Sīrah al-Nabawiyyah*, cet. ke 7, (al-Zarqā’; Maktabah al-Manār: 1992), 15.

Definisi yang dikemukakan oleh Munīr al-Ghaḍbān ini lebih menekankan ciri-ciri *harakah* dalam bergerak sebagai sebuah jamaah. Berdasarkan kedua-dua definisi yang dikemukakan ini dapat difahami bahawa *al-ḥaraki* ialah suatu istilah yang sangat luas mencakupi setiap pergerakan yang diusahakan atas dasar menyebarkan dakwah Islamiah. Ia melibatkan dua kategori *harakah* dari aspek *fardī* dan *jamā‘ī*. Terdapat dakwah yang dilakukan oleh golongan awam atau pendakwah bebas yang tidak didasarkan atas gerak kerja dakwah yang dilakukan secara jamaah. Pergerakan yang didasarkan atas dasar jamaah dan gerak kerja dakwah yang disusun dalam *tanzīm* dan organisasi yang terpimpin ini adalah sebagai pelengkap kepada maksud dari istilah *al-ḥaraki* itu sendiri.

Justeru, sebagai kesimpulan terhadap definisi *al-ḥaraki* yang telah dibincangkan, penulis menetapkan definisi *al-ḥaraki* yang dimaksudkan dalam kajian ini seperti mana berikut :

*“Harakah atau al-ḥarakiyyah didefinisikan sebagai pergerakan dan perjuangan dakwah yang diatur secara sistematis dan digerakkan secara kolektif (jamā‘ah) dalam sebuah gerakan dakwah. Al-ḥarakiyyah yang dimaksudkan ini juga memiliki tafsiran yang sangat luas dan menjurus ke arah menggerakkan segenap potensi dan keupayaan diri untuk menyebarluaskan dakwah Islam. Istilah al-ḥaraki ini juga membahaskan tentang isu-isu yang boleh menjana dan melonjakkan lagi mutu gerak kerja seseorang penggerak dakwah agar terus bekerja dan bergerak tanpa ada noktah henti dalam perjuangannya. Di samping itu, isu-isu yang menjadi penghalang kepada para penggerak dakwah serta perkara-perkara yang menyebabkan terbantutnya segala usaha untuk mencapai matlamat dalam sebuah gerakan dakwah diketengahkan, seperti sikap al-isti‘jāl (tergesa-gesa), sifat al-futūr (putus asa) dan lain-lain sifat yang turut sama dibincangkan dan dibahaskan dalam istilah al-ḥaraki ini. Di samping itu, didikan-didikan yang perlu diterapkan dalam membina keperibadian pendakwah, seperti sikap ketiaatan kepada kepimpinan (qiyādah), indibāt (disiplin) dan lain-lain sifat turut dijadikan perbahasan dan perbincangan berkaitan dengan istilah al-ḥaraki ini. ‘Amal al-ḥaraki juga boleh dibahagikan dalam dua keadaan, iaitu ‘amal al-ḥaraki dari aspek fardī (individu) dan ‘amal al-ḥaraki dari aspek jamā‘ī (kolektif). Al-ḥaraki yang merujuk*

*kepada ‘amal fardī menekankan beberapa aspek dalam membentuk individu yang seimbang dan syumul, dari sudut rūḥī, jasadī, thaqāfi atau fikrī. Adapun prinsip al-ḥaraki dalam ‘amal jamā‘ī banyak menekankan beberapa aspek yang membentuk gerak kerja dakwah secara kolektif, samada yang berkaitan dengan ḥarakah dakwiyyah atau ijtimā‘iyah yang perlu digerakkan di dalam masyarakat, atau yang berkaitan dengan ḥarakah tanzīmiyyah, iaitu dari sudut ketaatan seseorang dā‘ī dalam sesebuah organisasi atau gerakan dakwah yang disebut sebagai sebuah jamā‘ah”.*

Pada asasnya, istilah *al-ḥaraki* disebut kepada pergerakan yang digerakkan atas dasar dakwah sama ada bergerak secara individu atau bergerak secara jamaah. Tokoh-tokoh yang bergerak dalam masyarakat dengan ciri-ciri *al-ḥaraki* secara bersendirian seperti mana yang disebutkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī juga diistilahkan sebagai *al-ḥaraki*. Tetapi perkara ini menurut hemat penulis masih terdapat kekurangan dalam memenuhi maksud *ḥarakah* itu sendiri kerana dakwah perlu digerakkan secara jamaah. Oleh sebab itu, kalimah *ḥarakah* disebut kepada semua pergerakan dakwah yang pelaksanaan dakwahnya secara praktikal dan tidak hanya teori yang disebut-sebut sahaja. Namun aspek *al-ḥaraki* dan pergerakannya berbeza-beza antara satu gerakan kepada gerakan yang lain bergantung pada manhaj dan seruan yang berbeza-beza berdasarkan matlamat dakwah dalam gerakan masing-masing.

### **1.1.3 *al-Manhaj al-Ḥaraki*, *al-Manhaj al- Islāhi* dan Pan Islamisme**

Konsep *al-manhaj al-ḥaraki* yang difahami dalam perbincangan sebelum ini ialah suatu *manhaj* yang dikemukakan dalam membawa perubahan dan dikaitkan usaha tersebut dengan gerakan dakwah semasa. Kebangkitan Islam sebelum lahirnya usaha dari gerakan dakwah tersebut dikesan telah muncul pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20. Kesinambungan terhadap usaha kebangkitan Islam ini adalah sebagai pendekatan ulama

semasa dalam mendepani cabaran yang dihadapi oleh umat Islam pada ketika itu. Pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20, muncul gerakan yang dikenali sebagai *Pan-Islamisme* oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1838M-1897M) dan gerakan *Islāh* oleh Muḥammad ‘Abduh (1849M-1905M) dan Rasyīd Riḍā (1865M-1935M).

Menurut Nikkie R. Keddie, *Pan Islamisme* adalah sebuah idea kebangkitan bagi menentang penjajahan Barat dan kesan pencerobohnya ke atas wilayah-wilayah yang didiami oleh umat Islam, seperti pencerobohan Perancis ke atas Tunisia pada tahun 1881 dan pendudukan British ke atas Mesir pada tahun 1882.<sup>90</sup> Kesedaran ini adalah sebagai usaha progresif umat Islam mencari wadah perpaduan bagi menghadapi penembusan kuasa Barat yang mengancam dunia Islam ketika itu.<sup>91</sup> Manakala Gerakan *Islāh* Muḥammad ‘Abduh dan Rasyīd Riḍā mendapat semangat dari pengaruh kebangkitan yang dibawa oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī tersebut.<sup>92</sup> Siri-siri kebangkitan ini telah berlaku dalam tempoh yang hampir sebelum kemunculan semangat kebangkitan yang dibawa oleh gerakan-gerakan Islam terutamanya Gerakan Ikhwan Muslimin pada tahun 1928M. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan kebangkitan gerakan Islam tersebut mendapat suntikan dan petunjuk samaada secara langsung atau tidak langsung dari siri kebangkitan yang dibawa oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī serta idea *Islāh* Muḥammad ‘Abduh dan Rasyīd Riḍā.<sup>93</sup>

<sup>90</sup> Nikkie R. Keddie, *Sayyid Jamāl al-Dīn al-Afghānī : A Political Biography*, (Berkeley, Los Angeles : University of California Press: 1972), 124. Lihat juga Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya: 2005), 84.

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> Nabil A. Khoury, *Islam And Modernization In The Middle East: Muhammad Abduh An Ideology Of Development*, Tesis PhD (State University of New York at Albany: Graduate School Of Public Affairs, Department Of Political Science: 1976), hlm. 26. Siti Nurul Izza Hashi & Ermy Azziaty Rozali, *Perjuangan Rashid Rida Dalam Gagasan Pan Islamisme*, International Journal Of West Asian Studies; vol. 5, no 1, April 2013, 30.

<sup>93</sup> Richard Mitchell, *The Society Of The Muslim Brothers*, (London ; Oxford University Press: 1969), 321.

Malah kesan dari kejatuhan Khilafah Othmaniyyah pada tahun 1924 telah membentuk pendekatan yang lebih terancang di dalam *al-manhaj al-haraki* Gerakan Ikhwan Muslimin.



**Gambar Rajah 2 :** Kronologi Hubungan Antara *al-Manhaj al-Islāhi*, *Pan Islamisme* dan *al-Manhaj al-Haraki*

Menurut Richard Mitchell, Hasan al-Banna adalah merupakan pembina sebuah kebangkitan, pemimpin sebuah generasi dan pengasas sebuah umat (nation).<sup>94</sup> Pandangan yang dikemukakan ini membawa keyakinan bahawa *al-manhaj al-haraki* yang disandarkan kepada pendekatan Hasan al-Banna dilihat lebih sistematik berbanding *al-manhaj al-iṣlāhi* yang muncul sebelum itu. Perkara ini sebagai lumrah dalam menilai sesuatu pendekatan yang muncul kemudian mempelajari kesilapan manhaj yang lalu. Kajian juga melihat bahawa pendekatan *al-manhaj al-haraki* lebih bersifat kolektif, jelas dan tersusun dalam meniti liku-liku perubahan. *Marātib al-‘amal* (peringkat gerak kerja)<sup>95</sup> yang wujud dalam pendekatan *al-manhaj al-haraki* Ikhwan Muslimin sebagai salah satu bukti pelaksanaan

<sup>94</sup> Richard P. Mitchell, *The Society Of The Muslim Brothers*, 321.

<sup>95</sup> *Marātib al-‘amal* yang dimaksudkan iaitu tujuh peringkat:

- 1] Memperbaiki diri.
- 2] Membina keluarga muslim.
- 3] Membimbing masyarakat.
- 4] Membebaskan tanah air dari kuasa asing.
- 5] Memulihkan kerajaan supaya bercirikan Islam.
- 6] Mewujudkan sebuah negara Islam.
- 7] Menjadi tonggak dunia (*ustādhiyatul ‘ālam*).

Lihat Hasan al-Banna, *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna*, (Kaherah : Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah: 1992), 359-361.

*al-manhaj* ini secara lebih jelas dan tersusun. Menegakkan kembali khliafah Islam yang telah runtuh sama sekali tidak akan berlaku kecuali perubahan perlu bermula dari pembaikan individu muslim sepetimana wujud dalam *marātib al-‘amal al-manhaj al-haraki* Ikhwan Muslimin.

Berdasarkan perkara ini dapat disimpulkan bahawa hubungkait antara ketiga-tiga manhaj tersebut adalah seruan kearah kebangkitan Islam dalam mendepani cabaran semasa umat Islam. Pendekatan *al-manhaj al-haraki* sebagai pelengkap kepada idea Pan Islamisme dan *al-manhaj al-İslâh* yang muncul sebelum itu. Seruan kearah pemberian, kesatuan ummah serta pembinaan kembali Khilafah Islam wujud dalam pendekatan *al-manhaj al-haraki* melalui *marātib al-‘amal* di dalam Ikhwan Muslimin. Ketiga-tiga *manhaj* pendekatan ini mempunyai hubungkait dan kronologi sejarah yang rapat dalam usaha kearah mencetuskan kebangkitan Islam di dalam masyarakat.

#### **1.1.4 Ciri-ciri *al-Manhaj al-Haraki***

*Al-manhaj al-haraki* memiliki ciri-ciri yang boleh dikenal pasti secara zahir dan perbezaannya dengan *manhaj* pendekatan huraian umum. Ciri-ciri ini adalah hasil pemahaman terhadap definisi *al-haraki* yang disebutkan sebelum ini serta ringkasan daripada penulisan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh *haraki* dalam membentuk manhaj gerakan dakwah semasa. Penulis menyimpulkan sepuluh ciri-ciri *al-manhaj al-haraki* sepetimana berikut :

- 1) Menekankan aspek *işlâh* dan tarbiah dalam penghuraian.

- 2) Menyentuh kefahaman Islam secara lebih syumul dan tidak tertumpu pengislahan pada aspek-aspek tertentu sahaja.
- 3) Seruan terhadap dakwah dan tarbiah secara bertahap dalam membina kehidupan masyarakat.
- 4) Menyentuh tentang ‘*amal jamā‘ī*’ dan perlunya gerak kerja secara kolektif dalam kehidupan pendakwah.
- 5) Menjauhi perbincangan dan huraiyan yang hanya menfokuskan pada perselisihan *fiqh* atau analisis terhadapnya secara panjang lebar tanpa menekankan aspek tarbiah di dalamnya. Perkara ini juga termasuk tumpuan perihal kecantikan bahasa dan *lughah* sesuatu nas al-Quran atau hadith Nabi SAW. Huraian yang bersifat *al-haraki* dan gerakan Islam lebih menyentuh aspek tarbiah berbanding aspek *fiqh* atau bahasa dalam sesuatu perbincangan.
- 6) Mengemukakan cadangan dan pelan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh seorang pendakwah dalam mengatasi sesuatu masalah.<sup>96</sup>
- 7) Menekankan aspek tarbiyah *tanzīmiyyah* (pendidikan keorganisasian) yang difokuskan pada penggerak dakwah. Huraian seperti ini banyak menyentuh soal ketaatan seseorang individu kepada pimpinan dalam gerakan dakwah.<sup>97</sup>

---

<sup>96</sup> Perkara ini banyak dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ di dalam penulisan beliau ketika membincangkan tajuk-tajuk yang berunsur halangan atau penyakit di dalam diri pendakwah. Sayyid Muhammad Nūḥ mengemukakan cadangan dan pelan tindakan yang boleh dilakukan dalam mengatasi penyakit tersebut. Lihat contoh tajuk “Kaerah mengubati penyakit *al-Isti‘jāl*” ketika membincangkan sifat tersebut. Lihat Sayyid Muhammad Nūḥ, ’Afāt ‘ala al-Tariq, 1:66.

<sup>97</sup> Salah satu risalah Hasan al-Banna daripada *Majmū‘ah al-Rasā’il* yang secara khusus menfokuskan perkara ini iaitu *Risālah al-Ta‘ālīm*. Risalah ini secara khusus dihasilkan untuk para penggerak dakwah yang terlibat dalam organisasi secara langsung. Perkara ini jelas di dalam muqaddimah risalah ini yang menekankan perkara tersebut. Lihat Hasan al-Banna, *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Syahīd Hasan al-Banna*, 355-370. Sayyid Muhammad Nūḥ juga banyak menyentuh tajuk-tajuk berkaitan organisasi dan ketaatan ini di dalam penulisannya. Kajian ini akan menyentuh perkara tersebut di dalam bab tiga berkaitan hadith-hadith yang menjurus kearah organisasi (*jamā‘ah*) dan ketaatan (*bay‘ah*) yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ.

- 8) Menyentuh soal jihad dan tuntutannya dalam kehidupan umat Islam. Huraian seperti ini bermula dengan menyentuh aspek pembentukan jiwa, *thabāt* dan cekal dengan ujian, sebagai asas perbincangan sebelum memulakan topik jihad yang bersifat peperangan.<sup>98</sup>
- 9) Menyentuh soal ‘izzah dan ketuanan (العزّة والسيادة) serta pengukuhan kemenangan (النصر والتمكين) bagi umat Islam di atas muka bumi. Huraian seperti ini adalah selari dengan matlamat gerakan dakwah ke arah meletakkan Islam ke tempat yang tertinggi sesuai dengan *marātib ‘āmal* yang ditetapkan.<sup>99</sup>
- 10) Mengemukakan tajuk-tajuk berkaitan peningkatan motivasi seseorang penggerak dakwah di samping mengingatkan tentang sifat yang membawa halangan atau penyakit di dalam jalan dakwah.

### **1.1.5 Elemen-Elemen *al-Haraki***

Matlamat gerakan dakwah dalam melahirkan individu muslim (*fard al-muslim*) melalui proses tarbiah adalah dibentuk secara syumul dan menyeluruh. Malah salah satu ciri manhaj Islam adalah manhaj yang syumul meliputi keseluruhan aspek kehidupan

<sup>98</sup> Fatḥī Yakan di dalam kitabnya, *Musykilāt al-Dā’wah wa al-Dā’iyah* menyebutkan tentang pentingnya soal jihad dititikberatkan oleh seorang pendakwah. Beliau menyebutkan :“Walau bagaimana cara sekalipun keadaan kamu, hendaklah kamu dalam setiap keadaan memenangkan maṣlahah Islam atas segala maṣlahah dan menundukkan hawa nafsu kamu mengikuti apa yang telah ditetapkan oleh syarak dan hendaklah sentiasa bersiaga untuk mati di jalan Allah”. Fatḥī Yakan, *Musykilāt al-Dā’wah wa al-Dā’iyah*, cet. ke 16, (Beirūt; Muassasah al-Risālah, 2001), 204.

<sup>99</sup> *Marātib al-‘āmal* dalam pelaksanaan kerja gerakan Islam sepetimana yang disusun oleh Ḥasan al-Bannā meletakkan pencapaian tertinggi adalah penegakan khilafah Islam dan *ustādhiyah al-‘ālam* (Islam sebagai rujukan) di peringkat dunia dan antarabangsa. Huraian berkaitan kemenangan ini juga disentuh oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ melalui karya penulisannya bertajuk “*Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīl al-Šāhābah*”, iaitu akhlak kemenangan di dalam generasi para sahabat.

manusia.<sup>100</sup> Manhaj yang diguna pakai juga adalah merupakan manhaj yang seimbang dan berkesan merangkumi unsur pemikiran (intelektual), kerohanian (spiritual), akhlak, dan *harakah* (aktivisme), yang dapat melahirkan individu yang seimbang dan menyeluruh dalam proses pembinaan *al-fard al-muslim* (individu muslim).<sup>101</sup>

Fatḥī Yakan (m. 2009) di dalam kitabnya, *al-Isti‘āb fī Hayāh al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*<sup>102</sup> di bawah tajuk : “*Sunnah al-Rasūl SAW fī Takwīn al-Muslim*” menyebutkan salah satu sunnah Rasul SAW dalam membentuk keperibadian muslim adalah pembentukan yang menyeluruh dan bukan menekankan sebahagian aspek sahaja (*al-Takwīn al-Kullī la al-Juz’ī*).<sup>103</sup> Menurut Majdī al-Hilālī, jalan untuk menuju pembentukan ini tidak akan dapat direalisasikan dengan baik kecuali dengan pembentukan yang teliti (*takwīn al-Daqīq*), iaitu membentuk akal pemikiran dengan ilmu yang bermanfaat, menghambakan hati pada Allah s.w.t (kerohanian), jihad dan pengorbanan diri serta melatih diri untuk sentiasa bermuhasabah. Pembentukan dengan cara seperti ini memerlukan kepada sistem tarbiah yang kuat dan tersusun. Atas matlamat ini jugalah, Hasan al-Banna meletakkan sistem usrah sebagai wasilah dalam membentuk individu dengan pembentukan yang seimbang dan menyeluruh (*mutakāmilan wa mutawāzinan*).<sup>104</sup> Hasan al-Banna menyebutkan di dalam Risalah Muktamar Kelima : “*Matlamat Ikhwan tertumpu kepada pembinaan generasi baru masyarakat beriman dengan ajaran Islam yang betul dan menggunakan celupan Islam*

---

<sup>100</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Khaṣāis al-‘Āmmah li-al-Islām*, cet. ke 10, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 105-125.

<sup>101</sup> Fatḥī Yakan, *Musykilāt al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 147.

<sup>102</sup> Kitab ini merupakan salah satu silsilah (karya bersiri) *Nahw Wa ‘y Ḥaraki Islāmī* (Ke Arah Menuju Kefahaman *haraki Islami*) yang disusun oleh Fatḥī Yakan dalam membentuk pemikiran *al-ḥaraki* buat para pendakwah.

<sup>103</sup> Fatḥī Yakan, *al-Isti‘āb fī Hayāh al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 88.

<sup>104</sup> Majdī al-Hilālī, *Rakā’iz al-Da‘wah*, (Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah:1995), 62.

yang menyeluruh (*al-Ṣibghah al-Islāmiyyah al-Kāmilah*) meliputi keseluruhan aspek kehidupan.”<sup>105</sup>

Berdasarkan matlamat dari tarbiah dan pembentukan dalam gerakan dakwah ini, konsep *al-manhaj al-haraki* seperti yang telah dihuraikan sebelum ini adalah selari dengan kaedah *takwīn* dan tarbiah yang bercirikan kesyumul dan keseimbangan.<sup>106</sup> Di atas asas tersebut, penulis membahagikan elemen-elemen *al-haraki* ini kepada lima elemen berikut :

1]*Harakah Jasadiyyah* (fizikal), 2]*Harakah Rūhiyyah* (Spiritual), 3]*Harakah Thaqāfiyyah* (Intelektual), 4]*Harakah Khuluqiyyah* (Akhlak dan tatasusila), 5]*Harakah Tanzīmiyyah wa Siyāsiyyah* (Organisasi dan Politik).

Kelima-lima elemen *al-haraki* ini telah dibentuk berdasarkan konsep dan definisi *al-manhaj al-haraki* yang dikemukakan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī dan Munīr al-Ghaḍbān sebelum ini. Melalui kedua-dua definisi tersebut membawa gambaran akan kesyumulan konsep *al-manhaj al-haraki* yang mewakili *harakah fardiyah* (individu) dan *harakah jamā'iyah* (kolektif) dalam sesebuah gerakan dakwah. Walaupun istilah *al-haraki* pada mulanya telah dicetuskan oleh Sayyid Quṭb melalui karyanya *Ma 'ālim fī al-Tariq*, namun definisi dan kajian mendalam terhadap istilah tersebut telah diketengahkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī dan Munīr al-Ghaḍbān melalui karya masing-masing. Oleh yang demikian, kajian ini secara khusus merujuk kepada kedua-dua definisi tersebut dalam membentuk lima elemen *al-*

<sup>105</sup> Hasan al-Banna, *Majmū'ah al-Rasā'il Ḥasan al-Bannā*, 168.

<sup>106</sup> Sila rujuk definisi *al-harakiyyah* yang disebutkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī di dalam bab satu dari kajian ini. Selain itu, boleh dirujuk karya-karya *al-haraki* yang lain dalam memahami konsep *harakah* yang syumul, antaranya : 1]Fathī Yakan, *Musykilāt al-Dā'wah wa al-Dā'iyyah*. 2]Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Awlawiyyāt al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qādimah*.

*haraki* ini untuk dijadikan sebagai landasan dalam menganalisis hadith-hadith di dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam bab ketiga dari kajian ini.

#### **1.1.5.1 Elemen *Harakah Jasadiyyah* (fizikal dan jasmani)**

*Harakah jasadiyyah* adalah merupakan salah satu perkara penting dalam kehidupan seorang penggerak dakwah. Ia merupakan tarbiah dalam membentuk tubuh badan yang sihat bagi seorang pendakwah. Tubuh badan yang sihat akan memberi kesan positif dalam menggerakkan perjalanan dakwah dan begitu juga sebaliknya. Perjalanan dakwah akan turut terbantut jika terdapat halangan disebabkan tubuh badan yang tidak sihat bagi seseorang pendakwah. *Harakah jasadiyyah* ini juga luas skop pemahamannya. Ia disebut sebagai “*tarbiyah jasadiyyah*” berdasarkan kajian ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd.<sup>107</sup> Menurut beliau, termasuk dari sudut pemahaman *tarbiyah jasadiyyah* ini adalah seseorang muslim itu membiasakan diri dengan sifat-sifat dan tingkah laku yang mendatangkan manfaat untuk dirinya dan juga untuk orang lain seperti susun tertib (dalam kerja harian), kebersihan, sifat kerjasama dan berdikari serta tidak bergantung harap pada orang lain. Selain itu, sifat sentiasa merasa senang untuk melaksanakan tugas dengan hati dan dada yang lapang.<sup>108</sup> Perkara ini membuatkan seseorang muslim menuju ke arah pembentukan peribadi yang cemerlang dan mampu memainkan peranan yang baik apabila berhubung dengan masyarakat sekelilingnya serta mampu merealisasikan untuknya dan manusia yang lain kebahagiaan dan keredaan di dunia dan akhirat.<sup>109</sup>

---

<sup>107</sup> ‘Alī Abd al-Ḥalīm Maḥmūd , *Tarbiyah al-Nāsyi’ al-Muslim*, (al-Manṣūrah; Dār al-Wafā’, 1992), 287.

<sup>108</sup> *Ibid.*

<sup>109</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kenyataan ini, dapat disimpulkan bahawa para pendakwah juga perlu menfokuskan tarbiah diri dari aspek fizikal dan penjagaan kesihatan yang juga berkait rapat dengan pembentukan manhaj gerakan dakwah semasa, iaitu *al-manhaj al-ḥaraki*. Pembentukan tarbiah di dalam *harakah jasadiyyah* ini, tidak semestinya bersifat kesukuan atau aktiviti fizikal semata-mata. Ia bersifat menyeluruh dalam erti kata amalan dan gaya hidup yang boleh membawa kepada kesihatan diri sepetimana yang disebutkan oleh ‘Alī‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. Oleh yang demikian, *harakah jasadiyyah* yang dimaksudkan oleh penulis adalah berkait rapat dengan amalan dan aktiviti berkaitan kesihatan yang ditekankan di dalam gerakan dakwah semasa sebagai suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh para penggerak dakwah dan merupakan salah satu elemen penting dalam membentuk *al-manhaj al-ḥaraki*.

#### **1.1.5.2 Elemen *Harakah Rūhiyyah* (Peningkatan Spiritual dan Kerohanian)**

*Harakah rūhiyyah* yang dimaksudkan ialah tarbiah yang berkaitan dengan aspek kerohanian iaitu tarbiah dalam mendidik kerohanian seseorang pendakwah ke arah kemantapan akidah dan keimanan pada Allah s.w.t. Kekuatan akidah dan keimanan yang mendalam serta keyakinan yang benar dapat melahirkan hasil amal dan kematangannya. Menurut ‘Abd Allāh al-Khaṭīb dan ‘Abd al-Ḥalīm Ḥāmid, kewajipan bagi seorang muslim secara umumnya dan bagi para pendakwah secara khususnya adalah menumpukan perhatian ke arah pemantapan imanserta akidah yang benar dalam jiwa agar amal yang dilakukan benar-benar diterima Allah s.w.t.<sup>110</sup> Kekuatan iman dan akidah yang ditekankan

---

<sup>110</sup> Muḥammad ‘Abd Allāh Khaṭīb dan Muḥammad Abd al-Ḥalīm Ḥāmid, *Nażarāt fī Risālah al-Ta‘ālim*, (Kaherah; Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah: t.t), 143. Lihat juga terjemahan kitab; Muḥammad

oleh ‘Abd Allāh al-Khaṭīb dan ‘Abd al-Ḥalīm Ḥāmid ini adalah merupakan penekanan terhadap aspek kerohanian seseorang pendakwah. Gerakan dakwah amat menekankan aspek *rūhiyyah* dalam membentuk keperibadian seseorang pendakwah dan merupakan salah satu elemen penting dalam membina konsep *al-manhaj al-haraki*. Penekanan terhadap tarbiah berkaitan aspek *rūhiyyah* ini dapat dilihat akan kepentingannya berdasarkan kenyataan berikut :

“*Amal hati adalah lebih utama berbanding amal anggota badan lainnya. Tawakal kepada Allah, keyakinan pada Allah dan takut pada Allah adalah lebih utama daripada zikir, infak, menyingkirkan gangguan dari jalanan dan kedua-duanya memiliki kebaikan...(begitu juga) sifat munafiq, sompong, dendam, bakhil adalah lebih berbahaya daripada mencela, mencuri dan memukul, meskipun kedua-duanya pahit dan berbahaya.*”<sup>111</sup>

Berdasarkan kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa penekanan terhadap tarbiah berkaitan kerohanian (*rūhiyyah*) adalah merupakan antara perkara utama yang ditekankan di dalam gerakan dakwah. Konsep *al-manhaj al-haraki* yang disusun perlu meletakkan salah satu elemen penting dalam kefahaman manhaj yang syumul adalah aspek kerohanian dan disebut di dalam kajian ini sebagai *harakah rūhiyyah*.

#### **1.1.5.3 Elemen *Harakah Thaqāfiyyah (Intelektual)***

*Harakah thaqāfiyyah* yang dimaksudkan ialah seorang pendakwah perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan supaya dapat membimbing diri dan masyarakat dengan ilmu

---

Abd Allah Khaṭīb dan Muḥammad Abd al-Ḥalīm Ḥāmid, *Syarah Risālah Ta‘ālīm*, terjemahan, cet. ke 4, (tim al-I‘thisom, Jakarta Timur; Penerbit al-I‘tishom : 2010), 241.

<sup>111</sup> Muḥammad ‘Abd Allāh Khaṭīb dan Muḥammad Abd al-Ḥalīm Ḥāmid, *Nazārāt fī Risālah al-Ta‘ālīm*, 144. Lihat juga terjemahan kitab; Muḥammad ‘Abd Allāh Khaṭīb dan Muḥammad Abd al-Ḥalīm Ḥāmid, *Syarah Risālah Ta‘ālīm*, 242-243.

yang benar. ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd ketika membincangkan pembentukan peribadi muslim yang seimbang iaitu salah satu dari tarbiah yang perlu dibentuk tersebut ialah tarbiah *al-‘aqliyyah* (akal dan ilmu pengetahuan).<sup>112</sup> Menurut ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, tarbiah *al-‘aqliyyah* berkait rapat dengan penjanaan akal pemikiran supaya mampu mentafsir, mentadabbur, memerhati dan bersifat produktif.<sup>113</sup> Tarbiah *al-‘aqliyyah* merupakan suatu kekuatan untuk terus memburu ilmu dan proses penjanaan ilmu yang berjalan secara berterusan.<sup>114</sup> Asas tarbiah Islamiyyah kepada akal pemikiran juga perlu didahulukan dengan iman agar hati atau akal akan sentiasa hidup untuk terus mencintai ilmu dan pengetahuan.<sup>115</sup> Adapun jika iman dibentuk kemudian daripada pembentukan ilmu pengetahuan, maka amat jarang sekali seseorang itu dapat mengambil pengajaran darinya.<sup>116</sup>

Menurut Fathī Yakan, kepentingan ilmu bagi seorang pendakwah yang terlibat dalam gerak kerja menyeru masyarakat kepada Allah S.W.T ialah memerlukan usaha kearah kefahaman ilmu di dalam agama Allah.<sup>117</sup> Beliau menyebutkan lagi bahawa seseorang pendakwah tidak mungkin mampu mengajak orang lain ke arah Islam sekiranya gagal memiliki ilmu pengetahuan. Dengan nada bertanya, beliau mengeluarkan soalan berikut : “*Adakah mungkin seorang pendakwah mengajak orang lain kepada ajaran Allah dengan benar dan di atas petunjuk jika tidak memiliki kefahaman dan ilmu di dalam agama Allah?*”<sup>118</sup> Berdasarkan kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa ilmu pengetahuan sangat ditekankan

<sup>112</sup> ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd , *Tarbiyah al-Nāsyi’ al-Muslim*, 259.

<sup>113</sup> *Ibid.*

<sup>114</sup> *Ibid.*

<sup>115</sup> *Ibid.*

<sup>116</sup> *Ibid.*

<sup>117</sup> Fathī Yakan, *al-Isti ‘āb fi Hayāh al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 16.

<sup>118</sup> *Ibid.* 7.

di dalam gerakan dakwah yang menjadi tanggungjawab seorang pendakwah dalam menuntut dan mencari ilmu pengetahuan agar gerak kerja dakwah dalam masyarakat dapat dipimpin dengan sebaik mungkin. Oleh yang demikian, salah satu elemen *al-haraki* yang dibincangkan di dalam kajian ini ialah berkaitan *harakah thaqāfiyyah* agar kefahaman terhadap pembentukan *al-manhaj al-haraki* dapat dibentuk dengan kefahaman yang lebih syumul dan menyeluruh mencakupi setiap elemen *al-haraki* yang diperlukan di dalam sesebuah gerakan dakwah.

#### **1.1.5.4 Elemen *Harakah Khuluqiyyah* (Akhlak dan Moral)**

*Harakah khuluqiyyah* yang dimaksudkan ialah pentarbiahan di dalam gerakan Islam berkaitan akhlak dan tatasusila yang perlu dipenuhi oleh seorang pendakwah dalam misi menggerakkan dakwah kepada masyarakat. Di dalam gerakan Islam, akhlak sangat ditekankan dalam pelaksanaan gerak kerja dakwah selain *qudwah hasanah* (contoh teladan) yang ditunjukkan sebagai langkah pengislahan yang berkesan dalam pembentukan sesebuah masyarakat.<sup>119</sup> Hasan al-Banna meletakkan salah satu rukun *Bay'ah* yang sepuluh iaitu rukun yang ketiga berkaitan rukun *al-'Amal* (gerak kerja).<sup>120</sup> Kewajipan pertama di dalam beramal oleh seorang penggerak dakwah ialah dengan mengislahkan dirinya terlebih dahulu sebelum melakukan pengislahan kepada masyarakat disekelilingnya. Salah satu

<sup>119</sup> Ṣalāḥ al-Dīn al-Jursyī, “al-Ḥarakah al-Islāmiyyah : Mustaqbaluhā Rāhin al-Taghyīrat al-Jadhariyyah” dalam *al-Harakah al-Islāmiyyah Ru'yah Mustaqbaliyah, Awrāq fi al-Naqd al-Dhāti*, ed. ‘Abd Allāh al-Fahd al-Nafīsi, (Kuwait: Maktabah ’Afāq: 2013), 123.

<sup>120</sup> Sepuluh Rukun *Bay'ah* yang dimaksudkan itu seperti mana berikut : 1] Rukun *al-Fahm* (Faham), 2] Rukun *al-Ikhlas* (Ikhlas), 3]Rukun *al-'Amal* (Beramal), 4]Rukun *al-Jihād* (Berjihad), 5]Rukun *Tadhibiyah* (Pengorbanan), 6]Rukun *al-Taqāyah* (Ketaatan), 7]Rukun *al-Thabāt* (Teguh), 8]Rukun *al-Tajarrud* (Jati Diri), 9]Rukun *al-Ukhūwwah* (Persaudaraan), 10]Rukun *al-Thiqah* (Kepercayaan).

kewajipan di dalam pemberian dan tarbiah diri ialah berkaitan dengan pembentukan akhlak yang kukuh (متين الخلق).<sup>121</sup>

‘Abd Allāh al-Khaṭīb dan ‘Abd al-Ḥalīm Ḥāmid menyebutkan dalam huraiannya terhadap rukun *al-Amal* bahawa antara akhlak yang ditekankan di dalam gerakan Islam antaranya; benar dalam perkataan, menepati janji, bersikap *tawādu‘* (rendah diri), berhati lembut, berlapang dada, komited dengan kerjaya serta menjaga kualiti kerja adalah antara akhlak yang ditekankan oleh Ḥasan al-Bannā kepada para penggerak dakwah.<sup>122</sup> Majdī al-Hilālī menyenaraikan beberapa sifat yang membawa kemenangan dalam dakwah dan gerak kerja Islam adalah berkait rapat dengan akhlak seseorang pendakwah ini. Sekurang-kurangnya dari 38 sifat kemenangan yang disenaraikan oleh beliau, 17 darinya berkaitan dengan saranan ke arah pembentukan akhlak seseorang pendakwah. Menurut beliau, sifat-sifat ini perlu diterapkan terlebih dahulu dalam kehidupan seseorang pendakwah agar dapat menatijahkan kejayaan dan meraih kemenangan dalam meniti gerak kerja jalan dakwah ini.<sup>123</sup>

Kesimpulannya, *harakah khuluqiyyah* yang dimaksudkan ialah tarbiah ke arah pembentukan akhlak dalam diri seseorang pendakwah yang terlibat dalam amal dan kerja gerakan Islam, selain dari pembentukan masyarakat dengan landasan akhlak Islam tersebut. Akhlak merupakan suatu perkara besar dalam Islam yang perlu dipenuhi oleh seseorang

<sup>121</sup> Lihat Hasan al-Banna, *Majmū‘ah al-Rasā’il Hasan al-Banna*, 359.

<sup>122</sup> Abdullah Khatib dan Abdul Halim Hamid, *Syarah Risālah Ta‘ālim*, 311-314. .

<sup>123</sup> Menurut Majdī al-Hilālī, Kejayaan dan *nuṣrah* (kemenangan) yang ingin diraih oleh hamba-hamba Allah s.w.t dikalangan mereka yang beriman perlu didahului dengan syarat-syarat untuk memperolehi kemenangan tersebut. Syarat-syarat ini telah dipenuhi oleh generasi sebelum ini dan mereka memperolehi *tamkin* (pengukuhan) di atas muka bumi Allah ini. Majdī al-Hilālī, *Falinabda’ bi Anfusinā*, (Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah: 1994), 5 & 32-89.

pendakwah di samping aspek akidah dan ibadah yang telah ditekankan. Pelaksanaan ‘*amal Islāmī* tanpa penumpuan terhadap pentarbiahan aspek *khuluqī* akan membawa ke arah kepincangan di dalam pentarbiahan dan menjadi suatu pembentukan yang tidak seimbang dalam kehidupan seseorang pendakwah. Oleh yang demikian, salah satu elemen penting yang ditekankan di dalam gerakan Islam bagi membentuk *al-manhaj al-haraki* yang syumul adalah elemen *harakah khuluqiyyah* yang berkait rapat dengan pembentukan sikap dan akhlak pendakwah kearah kejayaan seruan dakwah di dalam masyarakat.

#### **1.1.5.5 Elemen *Tanzīmiyyah wa Siyāsiyyah* (Organisasi dan Politik)**

*Harakah tanzīmiyyah* yang dimaksudkan iaitu organisasi dan pembentukan jamaah yang memerlukan seseorang pendakwah bersama dengan gerak kerja dakwah yang dilaksanakan secara kolektif dalam sebuah gerakan atau jamaah. Penglibatan pendakwah di dalam gerak kerja sebuah jamaah ini menuntut supaya diberikan sepenuh ketaatan dan *bay‘ah* (janji setia) dalam pelaksanaan dan disiplin gerak kerja dengan arahan dari pimpinan jamaah.<sup>124</sup> *Bay‘ah* dan ketaatan ini diumpamakan diri para pendakwah sebagai *jundi* (tentera) untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan oleh *amīr* (ketua) dalam sesebuah pasukan ketenteraan.<sup>125</sup> Penglibatan seseorang pendakwah di dalam sebuah organisasi atau jamaah

<sup>124</sup> Salah satu isu penting yang disebutkan oleh Fatḥī Yakan berkaitan aspek organisasi ialah kepimpinan dan ketaatan yang perlu diberikan oleh ahli. Lihat Fatḥī Yakan, *Musykilāt al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 75.


<sup>125</sup> Perkara ini banyak dihuraikan dalam karya-karya yang membincangkan isu *haraki* dan gerakan Islam. Sebagai contoh *Risālah al-Ta‘ālim* yang ditulis oleh Hasan al-Banna adalah merupakan sebuah tulisan yang ditujukan kepada penggerak dakwah di kalangan kelompok yang telah memberi sepenuh ketaatan dalam merealisasikan matlamat sebuah jamaah atau gerakan dakwah. Sebagaimana yang disebutkan oleh Hasan al-Banna dalam *muqaddimah Risalah* tersebut : “*Ini merupakan risalahku kepada sahabat seperjuangan di kalangan Ikhwan Muslimin yang yakin terhadap ketinggian dakwah mereka dan kesucian fikrah mereka, berazam untuk benar-benar hidup bersamanya dan mati di jalannya. Kepada Ikhwan khususnya aku ungkapkan baris kalimat ringkas ini...*”. Lihat Hasan al-Banna, *Majmū‘ah Rasā’il Hasan al-Bannā*, 355. Kandungan Risalah ini secara keseluruhannya ditujukan kepada pendakwah yang telah memberi sepenuh ketaatan dalam merealisasikan matlamat dakwah gerakan Ikhwan Muslimin. Huraian

menuntut supaya bersikap penuh disiplin agar matlamat dan gerak kerja secara kolektif ini dapat digerakkan dengan baik dan sempurna. Manakala *harakah siyāsiyyah* yang dimaksudkan ialah gerak kerja politik dan tumpuan terhadap pembinaan negara yang tertegak padanya hukum-hukum Islam. Gerak kerja aspek *siyāsiyyah* ini adalah merupakan gerak kerja yang menyusul selepas pembentukan sesebuah organisasi dan *jamā‘ah* atau *harakah tanzīmiyyah*. Perkara ini sepetimana yang dinyatakan oleh Munīr al-Ghaḍbān ketika mengkaji *al-manhaj al-haraki* di dalam *Sirah al-Nabawiyyah* dengan melihat keutamaan pembinaan sesebuah *jamā‘ah* dan organisasi yang tersusun sebelum proses pembinaan sesebuah negara. Beliau mengkaji dua tempoh (*fatrah*) berbeza yang dilalui oleh *Sirah al-Nabawiyyah*, iaitu *fatrah makkiyyah* (Mekah) dan juga *fatrah madaniyyah* (Madinah). *Fatrah makkiyyah* lebih menekankan aspek pembinaan *jamā‘ah* dan pembentukan organisasi (*tanzīmī*) berbanding *fatrah madaniyyah* yang lebih menekankan pembinaan negara Islam atau aspek *siyāsiyyah* (politik).<sup>126</sup>

---

terhadap *Risālah al-Ta‘alīm* ini telah dilakukan oleh Muḥammad ‘Abd Allāh al-Khaṭīb dan ‘Abd al-Ḥalīm Hamid. Muḥammad ‘Abd Allāh al-Khaṭīb, *Penjelasan Di Sekitar Risalah Ta‘alim*, terj. Mohd Nizam b Mohd Ali, cet. ke 2, (Shah Alam: Pustaka Fajar, 2008).

<sup>126</sup> Lihat Munīr al-Ghaḍbān, *al-Manhaj al-Haraki li al-Sīrah al-Nabawiyyah*, cet.6, (al-Zarqā’: Maktabah al-Manār, 1990), 1:16.



**Gambar Rajah 3 :** Kesinambungan Antara *al-Manhaj al-Islāhi* dan *al-Manhaj al-Haraki*  
Serta Pecahan Beberapa Elemen *al-Haraki*

### 1.1.6 Kesimpulan

Berdasarkan kajian dapat disimpulkan bahawa lima elemen *al-haraki* yang telah diuraikan tersebut adalah pembahagian asas dalam memahami konsep *al-manhaj al-haraki* secara syumul. Namun perlu difahami bahawa, elemen-elemen *al-haraki* ini tidak hanya terhad kepada lima elemen ini sahaja. Kajian ini hanya membentuk lima elemen tersebut berdasarkan konsep dan definisi *al-manhaj al-haraki* yang dikemukakan oleh Şalāh al-Khālidī dan definisi yang dikemukakan oleh Munīr al-Ghaḍbān. Kedua-dua tokoh tersebut telah memperincikan definisi *al-manhaj al-haraki* berbanding tokoh-tokoh *al-haraki* yang

lain dan telah membentuk konsep yang syumul dalam *harakah fardiyah* (individu) dan *jam‘iyah* (kolektif). Walaupun istilah *al-haraki* pada mulanya telah dicetuskan oleh Sayyid Quṭb melalui karyanya *Ma‘ālim fī al-Tariq*, namun definisi dan kajian mendalam terhadap istilah tersebut telah diketengahkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī dan Munīr al-Ghaḍbān melalui karya masing-masing. Lima elemen *al-haraki* ini akan dijadikan sebagai landasan dalam menganalisis hadith-hadith dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ pada bab ketiga selepas ini.

## 1.2 Bahagian Kedua : *al-Manhaj al-Haraki* : Aliran Dalam Perspektif Ulasan Hadith

### 1.2.1 Hadith Sumber Dalam Dakwah dan *Harakah*

Sebelum penulis membahaskan secara lebih terperinci berkaitan dengan konsep *al-manhaj al-haraki*, penting juga untuk dikemukakan berkaitan gambaran tentang hadith dan pengajian sunnah sebagai sumber dalam aktiviti dakwah. Perbincangan berkaitan *al-haraki* tidak dapat dipisahkan dengan topik dakwah kerana matlamat utama kelahiran *harakah islāmiyyah* itu sendiri adalah untuk menyebarkan amanah dakwah Islam secara *jamā‘i*.<sup>127</sup>

Dakwah mempunyai kedudukannya yang tinggi di dalam Islam. Tidak ada yang lebih baik perkataan selain perkataan yang diungkapkan untuk tujuan berdakwah. Dakwah adalah merupakan tugas yang paling disukai Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t :

---

<sup>127</sup> Lihat definisi *al-harakah al-Islāmiyyah* yang diuraikan secara terperinci oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī dan beliau menyebutkan bahawa *al-harakah* adalah suatu kerja *jama‘i* yang tersusun (*‘Amal Jamā‘i Munazzam*). Lihat Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Awlawiyyāt al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qādimah*, 11.

وَمَنْ أَحَسِنَ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٤١﴾

Fussilat 41 : 33.

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!".

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, menceritakan tentang kelebihan orang yang mengajak kepada kebaikan Islam:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدَىٰ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْوَرِهِ مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْفَصُرُ ذَلِكَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالٍ، كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الِّإِيمَنِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبَعَهُ، لَا يَنْفَصُرُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا<sup>128</sup>

Daripada Abū Hurairah r.a. bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda “sesiapa yang mengajak (orang lain) kepada petunjuk (Islam) maka baginya pahala separtimana pahala orang yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikitpun dari pahala orang yang mengikutinya. Dan sesiapa yang mengajak kepada kesesatan maka baginya dosa separtimana dosa-dosa mereka yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikit pun dari dosa-dosa orang yang mengikutinya.”

Sebahagian besar hadith-hadith Nabi SAW adalah merupakan seruan kearah mentaati perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Selain itu juga, Nabi SAW diutus sebagai *dā'i* kepada ummat manusia separtimana jelas dalam ayat berikut :

<sup>128</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Man Sanna Sunnah Ḥasanah aw Sayyi’ah wa man Da‘ā Illa Huda, no hadith 2674. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi: t.t), 4: 2060.

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ  
وَسَرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

Al-Aḥzāb 33 : 45-46.

“Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), (45) dan juga sebagai penyeru(umat manusia seluruhnya) kepada ugama Allah Dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi. (46).”

Nabi SAW diutuskan untuk menyampaikan dakwah Islam kepada umat akhir zaman.

Peranan Nabi SAW adalah sebagai *dā’ī* yang membawa risalah Islam dengan menyuruh manusia melakukan apa yang Allah perintahkan dan menjauhi segala apa yang Allah larang. Oleh sebab itu, kandungan hadith-hadith Nabi SAW adalah merupakan rujukan penting untuk para pendakwah dalam menyampaikan dakwah mereka.<sup>129</sup>

Selain itu, sirah Nabi SAW juga dijadikan sebagai sumber pengajaran penting yang boleh diambil oleh para pendakwah dalam meneruskan tanggungjawab dakwah mereka. Yūsuf al-Qaraḍāwī menyebutkan di dalam bukunya : “*Bagaimana Berinteraksi dengan Sunnah Nabi SAW*” :

*Hadith Nabi SAW merupakan sumber kedua selepas al-Quran untuk dijadikan bahan dan panduan bagi para dā’ī dalam berdakwah. Ia adalah khazanah yang tidak akan habis untuk dijadikan bahan dakwah bagi para pendakwah dalam syarahannya apabila dia bersyarah, dalam nasihatnya apabila dia memberi nasihat dan dalam pengajarannya apabila dia mengajar. Di dalam Sunnah juga terdapat panduan-panduan yang jelas dan terang serta hujah-hujah yang menyakinkan, hukum-hukum yang mantap kuat, kata-kata yang padat berisi, nasihat-nasihat yang berkesan, perumpamaan (contoh-contoh)*

<sup>129</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Kayfa Nata ‘āmal Ma ‘ā al-Sunnah al-Nabawiyyah*, cet ke 2, (Virginia; al-Ma‘ahad al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī : 1990), 61.

*yang dapat dijadikan pengajaran, cerita-cerita yang mempunyai motif bermacam-macam suruhan dan larangan, janji baik dan janji buruk, galakan dan ancaman/peringatan yang dapat melembutkan hati-hati yang keras, penggerak azam (jiwa) yang membangkitkan akal-akal yang lalai. Al-sunnah berjalan seiring dengan al-Quran dalam pembicaraannya, kepada setiap aspek yang ada pada manusia iaitu akal dan hatinya, ia berusaha untuk membentuk satu keperibadian muslim yang sempurna, yang mempunyai akal yang cerdik, celik hatinya dan kuat jasmaninya.*<sup>130</sup>

Berdasarkan huraian di atas menunjukkan bahawa sunnah dan hadith-hadith Rasulullah SAW adalah merupakan sumber kedua dalam pelaksanaan dakwah selain kitab al-Quran al-Karim. Ini adalah kerana Rasulullah SAW sendiri diutuskan sebagai seorang *dā'i* dalam menyampaikan dakwah dan menjadi kewajipan kepada para pendakwah masa kini untuk menjadikan hadith sebagai panduan dan bimbingan dalam dakwah selain kitab al-Quran al-Karim.

### **1.2.2 Aliran *al-Haraki* Dalam Perspektif Tafsir dan Ulasan Hadith**

Al-Quran dan al-Hadith amat relevan dengan perkembangan zaman dan sesuai untuk diperaktikkan dalam setiap masa dan tempat. Kemunculan aliran *al-haraki* dalam penafsiran dan penghuraian hadith ini merupakan pendekatan semasa dan *wāqi'i* dengan melihat kepada situasi umat Islam yang hidup jauh dari ajaran al-Quran dan sunnahnya yang sebenar. Pendekatan seperti ini dilihat mampu membawa penyelesaian terhadap permasalahan semasa umat Islam dengan matlamat yang telah digariskan dalam gerakan

---

<sup>130</sup> *Ibid.* Lihat juga Yusuf al-Qaradawi, Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah, terj. Udah Mohsin dan Jawiah Dakir, (Petaling Jaya; Angkatan Belia Islam Malaysia: 1994), 60.

dakwah semasa dalam membangunkan semula umat Islam dengan ajaran al-Quran dan Hadith.

Menurut Manzūr Muḥammad Muḥammad Ramaḍān bahawa metode penafsiran al-Quran dan ulasan terhadap hadith-hadith Nabi SAW kini perlu sesuai dengan keadaan semasa dan dikaji mengikut keperluan zaman, bagi menyelesaikan permasalahan semasa dengan lebih berkesan. Penafsiran dan huraian yang hidup akan mampu mencapai objektif dalam membangunkan ummah dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah serta menyelamatkan mereka dari segala fitnah dan kejahatan golongan *kuffār*.<sup>131</sup>

Manzūr mengemukakan lagi ciri-ciri *al-Manāhij al-Tajdīdiyyah fī Tafsīr al-Qurān wa Syarh al-Hadīth*, iaitu antaranya adalah penekanan yang besar tentang faedah tarbiah yang boleh diambil dari nas-nas al-Quran dan al-Hadith dengan matlamat ia mampu memberi khidmat secara lebih berkesan kepada permasalahan umat Islam semasa.<sup>132</sup> Di samping itu, pendekatan metode penafsiran al-Quran dan penghuraian hadith-hadith Nabi SAW yang memfokuskan kepada aspek tarbiah ini mampu membawa pendekatan huraian yang hidup

---

<sup>131</sup> Manzūr Muḥammad Muḥammad Ramaḍān “*al-Manāhij al-Tajdīdiyyah fī Tafsīr al-Qurān al-Karīm wa Syurūh al-Hadīth al-Syarīf*”, (makalah, Seminar Antarabangsa berkaitan dengan Metode Penafsiran al-Quran dan Huraian Hadith) Peringkat Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 17-18 Julai 2006, 2: 867-868.

<sup>132</sup> Penulis berpandangan bahawa Dr Manzūr menekankan tentang aspek tarbiyah dalam membawa penafsiran al-Quran dan huraian hadith di era *al-tajdīd* ini kerana beliau mengkaji situasi umat Islam yang perlu diberi penekanan tentang tarbiyah terlebih dahulu sebelum membina perkara yang lain. Perkara ini seperti mana yang ditekankan oleh tokoh-tokoh *ḥaraki* yang melihat aspek yang sama iaitu isu tarbiyah. Umat Islam hancur dan kosong dari sudut kualiti dan pengisian diri. Perkara tersebut tidak mampu diatasi kecuali dengan aspek tarbiyah dalam membangunkan kembali ummah. Seperti mana kenyataan berikut yang menjadi prinsip jamaah Ikhwan Muslimin dalam melaksanakan kerja dakwah:  
التربيه والتکوين طریقنا الی التعمیکین:

di samping mampu *mu'āyasyah* (berinteraksi) dengan nas-nas al-Quran dan al-Hadith secara lebih berkesan pada zaman ini.<sup>133</sup>

Kemunculan aliran *al-haraki* dan penggunaannya dalam manhaj pentafsiran al-Quran dan hadith dipelopori oleh Sayyid Qutb, melalui kitab Tafsir beliau iaitu, *Fi Zilāl al-Qur'ān*. Beliau dianggap sebagai perintis kepada penafsiran baru dalam pengajian al-Quran pada zaman moden ini iaitu manhaj penafsiran yang disifatkan sebagai *Ittijāh al-Haraki fī Tafsīr al-Qur'ān* dan merupakan pengasas kepada *Madrasah al-Haraki fī al-Tafsīr*. Ḫalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī meletakkan aliran *al-haraki* dalam pengajian tafsir ini di bawah perbahasan penafsiran di era *tajdīd* (*al-Tafsīr fī Tawr al-Tajdīd*) dan menyifatkan kemunculan aliran *al-haraki* di era ini sebagai satu perkembangan yang positif dan merupakan antara yang terpenting di era *tajdīd* (pembaharuan) ini.<sup>134</sup>

Aliran penafsiran seperti ini bermula dengan gerak kerja dan amal dakwah yang muncul dalam *harakah Islāmiyyah* yang telah dipelopori oleh Gerakan Ikhwan Muslimin di Mesir dan diasaskan oleh Hasan al-Banna.<sup>135</sup> Gerak kerja dakwah gerakan ini telah tersebar ke seluruh pelosok tanah Arab dan Islam yang banyak melahirkan para pendakwah dan ulama besar dalam memberi khidmat kepada al-Quran dan juga dakwah, di samping meninggalkan kesan yang berguna dalam misi untuk memahami al-Quran dan agama Islam.<sup>136</sup>

---

<sup>133</sup> *Ibid*, 877, 878.

<sup>134</sup> Ḫalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn*, 45.

<sup>135</sup> *Ibid*, 46.

<sup>136</sup> *Ibid*, 45.

Pendekatan *al-haraki* sangat ditekankan kepada para penggerak dakwah di mana ia mengandungi isu-isu penting dalam gerakan dakwah yang perlu diambil perhatian oleh para penggerak dakwah, agar perjalanan dakwah mereka dapat berjalan dengan sunnahnya yang betul tanpa diganggu dengan halangan dan rintangan yang mendarat. Ramai dari kalangan mereka yang terlibat dengan dakwah, pada awalnya begitu bersemangat dalam melaksanakan gerak kerja dakwah, tetapi pada akhirnya tumpas dan kalah dengan nafsu lalu mengambil tindakan untuk tinggalkan jalan dakwah ini, disebabkan ketahanan jiwa yang tidak ditarbiah dengan betul untuk mampu memikul tanggungjawab yang besar. Sebagai contoh, sifat *al-futūr*,<sup>137</sup> sentiasa diingatkan di dalam gerakan dakwah kerana kesan negatifnya kepada dakwah sekiranya para pendakwah tidak menjauhkan diri dari sifat ini.

Şalâh ‘Abd al-Fattâh al-Khâlidî di dalam kajiannya menyebutkan bahawa pendekatan *al-haraki* ini adalah sebagai pendekatan yang positif dalam perkembangan penafsiran di era *tajdîd* (pembaharuan) ini. Antara ciri-ciri penting huraian *al-haraki* yang dikenalpasti dalam mengkaji kitab al-Quran ialah berkaitan penekanan tentang kehidupan bersama al-Quran (الحياة في جو القرآن), iaitu sebuah kehidupan yang dibentuk suasannya dengan intipati

daripada ajaran al-Quran sepetimana yang sering ditegaskan oleh Sayyid Quṭb di dalam Tafsirnya *Fî Zilâl al-Qur’ân*.<sup>138</sup> Perkara inilah yang membawa satu kelainan di dalam

<sup>137</sup> Pengertian *al-futūr* dari sudut bahasa mempunyai dua makna; 1)Terputus atau terhenti sesudah berjalan atau diam sesudah bergerak, 2)Malas, menangguh, melengah-lengahkan sesudah bergerak aktif dan bersungguh. Manakala maksud *al-futūr* dari sudut istilah : ialah merupakan suatu penyakit yang mungkin menimpa sebahagian daripada ‘āmilin (penggerak dakwah) bahkan ada amilin yang sudah pun ditimpah dengan penyakit ini. Tahap *al-futūr* yang paling rendah ialah malas, menangguh-nangguh, melengah-lengahkan dan tahap yang paling tinggi ialah berhenti terus atau diam sesudah bergerak cergas secara berterusan. Lihat Sayyid Muḥammad Nūḥ, ‘Āfat ‘ala al-Tariq, cet. ke-13, (al-Manṣurah : Dâr al-Wafâ’, 1999), 1: 9. Sayyid Muḥammad Nūḥ, Wabak Sepanjang Jalan, terjemahan Dewan Ulama PAS Kedah, Cet. ke-2, (Alor Setar : Pustaka Darussalam, 2011), 1: 1-2.

<sup>138</sup> Lihat Şalâh ‘Abd al-Fattâh al-Khâlidî, *Ta’rif al-Dârisîn bi Manâhij al-Mufassîrin*, 64.

pendekatan penafsiran Sayyid Quṭb sehingga beliau digelar sebagai pengasas kepada “*Madrasah al-Haraki fi al-Tafsir*” oleh Ṣalāḥ al-Khālidī.<sup>139</sup>

Manhaj penafsiran yang dikemukakan oleh Sayyid Quṭb di dalam *Tafsir Fi Zilāl al-Qur’ān* ini tidak sepertimana manhaj penafsiran ulama sebelumnya. Beliau ingin mengemukakan manhaj penafsiran yang dapat menjadikan kitab al-Quran sebagai kitab panduan yang hidup bagi umat Islam. Sayyid Quṭb berusaha keluar daripada keterikatan penafsiran yang hanya terbatas dari sudut *lughah* (bahasa), *nahu*, *fiqh*, sejarah dan juga tekstual ayat. Beliau berusaha mengembalikan fungsi al-Quran kearah penafsiran yang mampu berinteraksi secara terus dengan kehidupan masyarakat dan perbahasan berkaitan isu-isu yang berlaku dalam realiti kehidupan dengan penyelesaian permasalahan yang sangat diperlukan oleh umat Islam semasa.<sup>140</sup>

Selain itu, Ṣalāḥ al-Khālidī menyebutkan bahawa Sayyid Quṭb telah mengemukakan beberapa *maqāṣid asāsi* dari objektif penurunan al-Quran, antaranya ialah al-Quran membentuk dan mendidik individu muslim, serta mempersiapkan mereka ke arah membentuk *rijāl* (penggerak) yang *rabbāni* dan *mujāhid*. Sayyid Quṭb banyak menekankan perkara ini dalam penafsiran beliau dan menjelaskan ciri-ciri metode al-Quran dalam tarbiah dan cara pelaksanaannya yang *rabbāni* untuk diperaktikkan dalam realiti kehidupan. Di samping itu, wasilah al-Quran dalam mengubati jiwa dan kerosakan, serta interaksi para sahabat Nabi SAW dalam menerimaanya selangkah demi selangkah banyak membahaskan

<sup>139</sup> Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *al-Manhaj al-Haraki Fi Zilāl al-Qur’ān*, cet. ke-2, (‘Ammān : Dār ‘Ammār, 2000), 6.

<sup>140</sup> *Ibid*, 294.

tentang perubahan yang dilalui oleh masyarakat Islam di Madinah kerana para sahabat bergerak dengan al-Quran dan ditarbiah dengan nas-nasnya.<sup>141</sup>

Berikut ini adalah antara kenyataan yang disebut oleh Sayyid Quṭb berkaitan *al-Hayāh fī Jaw al-Qur'ān* dan kecenderungannya ke arah pendekatan tersebut di dalam pentafsirannya:

*“Sesungguhnya, segala nas-nas al-Quran, kita tidak mampu untuk memahaminya hanya dengan memerhatikannya dari aspek lughah dan kecantikan bahasanya sahaja. Bagi mendapatkan kefahaman al-Quran ini (dengan lebih bermakna) adalah bermula dengan kehidupan yang dibentuk bersama al-Quran”* (الحياة في حو القرآن) *dengan mengambil kira pengajaran dari sirah dan sejarah serta (mengkaji dari aspek) harakinya. Disamping melihat realiti positifnya, serta menghubungkannya dengan realiti masa kini bagi menghidupkan suasana semasa (dengan isi kandungan al-Quran).”*<sup>142</sup>

Beliau menyebutkan lagi :

*Dan sama sekali tidak akan mampu menyingkap rahsia-rahsia al-Quran bagi golongan al-Qā'idīn (iaitu perumpamaan yang ditujukan kepada mereka yang tidak bergerak dengan kehidupan al-Quran), yang hanya melihat dan mengkaji ayat-ayat nas al-Quran dari sudut lughah dan balaghahnya sahaja...mereka ini dianggap sebagai golongan al-Qā'idīn.*<sup>143</sup>

Di samping itu, Sayyid Quṭb menegaskan lagi bahawa tujuan utama dari penelitiannya terhadap al-Quran bukanlah semata-mata untuk meneliti kecantikan susunan bahasanya sahaja, tetapi lebih dari itu menggarap pengajaran membina keperibadian al-Quran dalam diri :

<sup>141</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Manhaj al-Haraki Fi Zilāl al-Qur'ān*, 67.

<sup>142</sup> *Ibid.*

<sup>143</sup> *Ibid.*, 66.

“Sesungguhnya al-Quran ini perlu dibaca, dan dihayati oleh generasi muslim dengan penuh kesedaran, dan perlu difahami bahawa ia adalah kitab pembimbing yang hidup. Diturunkan pada hari ini bagi menyelesaikan permasalahan semasa dan dengan tujuan untuk menyinari jalan ke arah kehidupan yang mendatang. al-Quran bukan hanya kalimah cantik untuk dibaca dengan tartil dan bukan juga hanya sekadar catatan realiti yang telah berlalu dan sama sekali tidak akan kembali”,<sup>144</sup>

Beliau menyambung lagi :

*Kita sama sekali tidak mampu memanfaatkan dengan al-Quran ini sehingga kita membacanya dengan tujuan untuk mendapat sentuhan dan dijadikan sebagai bimbingan dalam realiti kehidupan kini dan untuk masa akan datang, seperti mana yang telah dilakukan oleh generasi pertama dahulu dalam berinteraksi dengan kitab tersebut. Mereka mendapatkan dari al-Quran segala bimbingan dan jalan penyelesaian terhadap setiap perkara yang berlaku dalam realiti kehidupan.*<sup>145</sup>

Sayyid Quṭb menekankan tentang perlunya kefahaman al-Quran ini difahami dengan kunci pemahaman *al-haraki*, beliau mengungkapkan kata-kata berikut: “*Kami ingin memastikan manhaj ini diperaktikkan dalam isi kandungan al-Quran, iaitu manhaj wāqi’i serta haraki, kerana pada pandangan kami, perkara tersebut adalah merupakan kunci dalam memahami dan berinteraksi dengan kitab al-Quran ini, serta mengetahui tujuan dan hadaf-hadafnya*”.<sup>146</sup>

Sayyid Quṭb juga menganggap kitab al-Quran sebagai kitab tarbiah dan sebagai pemimpin dalam memimpin dan membentuk keperibadian umat :

---

<sup>144</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *Ta’rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn*, 65.

<sup>145</sup> *Ibid.*

<sup>146</sup> *Ibid.*

*Kitab al-Quran bukan hanya untuk diteliti cara bacaannya sahaja, dan bukan juga hanya sebagai kitab untuk mengumpul pahala dengan membaca dan bertilawah semata-mata. Ia juga bukan untuk diteliti semata-mata *thaqāfah* (*ilmu*), *fiqh*, *lughah*, *sejarah* sahaja, tetapi lebih luas dari itu ia berfungsi sebagai pemimpin yang hidup dalam memimpin generasi umat ini, serta mendidik dan mentarbiah mereka, di samping mempersiapkan mereka bagi memainkan peranan kepimpinan dengan sebaiknya.*<sup>147</sup>

Ini adalah antara contoh-contoh kecenderungan Sayyid Qutb dalam berinteraksi dengan al-Quran melalui pendekatan *al-haraki* sehingga pendekatan beliau ini membawa pengaruh yang besar kepada kemunculan beberapa tokoh tafsir yang lain terutamanya mereka yang berada dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin. Kelompok ini membentuk aliran baru dalam pentafsiran al-Quran yang disebut sebagai aliran *al-haraki* di dalam tafsir. Antara ulama-ulama semasa yang turut sama memberi sumbangan dalam bidang pengajian al-Quran ini di samping terlibat secara langsung di dalam gerakan Ikhwan Muslimin, iaitu al-Bāhiy al-Khūlī, Muḥammad al-Ghazālī, Sa‘īd Ḥawwa, ‘Abd al-Muta‘āl al-Jabarī, Dr Adnān Zarzūr, Dr Aḥmad Farhāt, Dr Muḥammad al-Sabbāgh.<sup>148</sup>

Bermula dengan pengajian al-Quran ini, kecenderungan tokoh-tokoh dakwah ke arah penggunaan *manhaj al-haraki* ini terus berkembang dalam bidang pengajian hadith pula. Kesemuanya adalah bertitik tolak dengan penglibatan para ulama *al-haraki* ini dalam gerakan dakwah semasa sehingga mempengaruhi kecenderungan dan pendekatan mereka dalam penghuraian hadith-hadith Nabi SAW dari aspek *al-haraki*. Seperti mana dalam pengajian al-Quran yang dianggap penggunaan *manhaj al-haraki* adalah merupakan salah satu perkembangan penting dalam penafsiran al-Quran di era *tajdīd* (pembaharuan), situasi

<sup>147</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Manhaj al-Haraki Fi Ẓilāl al-Qur‘ān*, 69.

<sup>148</sup> *Ibid.*

yang sama boleh dinilai dalam perkembangan pengajian hadith di era *tajdīd* (pembaharuan) ini dan penghuraianya oleh tokoh-tokoh dakwah. Pengajian hadith tidak boleh dipisahkan dalam usaha memahami al-Quran dari aspek *al-ḥarāki*. Dengan kemunculan tokoh-tokoh dakwah yang cenderung ke arah pemahaman al-Quran dengan manhaj *al-ḥarāki* ini, muncul juga bersama-sama dengannya tokoh-tokoh dakwah yang membawa pemahaman *al-ḥarāki* dalam pengajian hadith. Ini kerana hadith adalah merupakan pelengkap kepada makna dan kandungan al-Quran itu sendiri.

Dengan konsep pemahaman *al-ḥarāki* di dalam kajian tafsir ini, penulis menilai pendekatan yang sama dalam huraian dan ulasan terhadap hadith. Selain meneliti huraian hadith dari tokoh yang dikaji di dalam kajian ini, penulis juga meneliti pendekatan huraian hadith yang dikemukakan oleh Muḥammad Quṭb dan Hisyām Şaqr di dalam karya mereka. Penulis meneliti pendekatan huraian yang dikemukakan oleh **Muḥammad Quṭb** terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW di dalam kitabnya *Qabasāt min al-Rasūl SAW*.<sup>149</sup> Di dalam muqaddimah kitab ini, Muḥammad Quṭb menjelaskan bahawa tujuan beliau menyusun hadith-hadith di dalam kitab ini dengan mengemukakan huraian sedemikian adalah bermatlamat untuk menghidupkan hati umat Islam dengan kandungan hadith-hadith Rasulullah SAW. Sepertimana tajuk yang diberikan oleh Muḥammad Quṭb kepada kitab ini, “*Qabasāt min al-Rasūl*” atau “Sinaran Cahaya Daripada Rasulullah SAW”, penyusun ingin membawa setiap huraian terhadap hadith-hadith ini suatu gambaran yang hidup seolah-olah kehidupan yang dilalui bersama-sama dengan Rasulullah SAW. Huraian-huraian yang memberikan gambaran yang jelas untuk dijadikan pedoman dalam realiti

---

<sup>149</sup> Muḥammad Quṭb telah memuatkan sebanyak 11 teks hadith dan mengemukakan huraian bagi setiap hadith ini secara terperinci (*tafṣīlī*). Hadith-hadith ini lebih menjurus kepada perkara-perkara pokok yang banyak berkisar dalam kehidupan umat Islam untuk dijadikan panduan dan pedoman dalam tarbiyah.

kehidupan umat Islam. Berikut ini antara kenyataan yang ditulis oleh Muḥammad Quṭb berkaitan huraian beliau tersebut :

*Ini bukanlah buku yang membincangkan tentang sirah Rasulullah SAW, tetapi ia merupakan usaha kecil saya dalam mengeluarkan gambaran kehidupan Rasulullah SAW daripada kekosongannya (supaya kembali dihayati) didalam hati umat Islam. Matlamatku ialah aku ingin mengatakan kepada manusia : “telitilah beberapa kata-kata Rasulullah SAW dan lihatlah bagaimana setiap kalimah yang diperkatakannya menjadi manhaj tarbiah, manhaj perlakuan, manhaj hidup dan manhaj berfikir. Ia adalah pilihan daripada hadith-hadith yang banyak atau “Sinaran Cahaya Daripada Rasulullah” sebagaimana aku namakannya. Semuanya boleh menjadi konsep pemahaman di dalam Islam, kefahaman yang bersifat realiti dan berlaku di atas muka bumi, serta berlaku di dalam kancang kehidupan.*<sup>150</sup>

Selain kitab *Qabasāt min al-Rasūl* SAW yang membawa pendekatan huraian hadith bersifat *al-ḥaraki*, penulis meneliti kitab *Ghulām al-Da‘wah* oleh **Hishām Ṣaqr** juga turut menggunakan pendekatan yang sama dalam menghuraikan hadith-hadith dari aspek *al-ḥaraki* ini. Kitab *Ghulām al-Da‘wah* menghuraikan hadith berkenaan dengan Ahli Sihir, *Rāhib* (pendeta) dan *Ghulām* (Pemuda dakwah) untuk dijadikan pengajaran dalam kehidupan pendakwah.<sup>151</sup> Hadith yang dikaji di dalam kitab ini merupakan sebuah teks hadith panjang yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Imam Ahmad.<sup>152</sup> Kandungan hadith ini berkaitan kisah seorang *ghulām* (pemuda) yang berdakwah dan akhirnya ramai

<sup>150</sup> Muḥammad Quṭb, *Qabasāt Min al-Rasūl*, cet ke 14, (Kaherah; Dār al-Syurūq, 2001), 14. Lihat terjemahan bagi kitab ini : Muḥammad Quṭb, *Hadith-Hadith Pilihan*, (terjemahan ; Ustaz Mohd Asri Hashim), (Batu Caves; Pustaka Salam, 2001), 15.

<sup>151</sup> Hisyam Saqr, *Iman dan Harakah: Pengajaran Hadith Ghulam, Ahli Sihir dan Rahib*, terj. Mohd Asri Hashim, (Batu Caves : Pustaka Salam : 2011), 9.

<sup>152</sup> Imam Muslim meriwayatkan hadith ini di dalam Sahihnya, Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā’iq, Bāb Qiṣṣah Aṣḥāb al-Ukhḍūd wa al-Sāhir wa al-Rāhib wa al-Ghulām, no hadith 7511. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhim, *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*, cet. ke 4, (al-Riyāq : Dār al-Salām: 2008), 1197. Imam Ahmad juga meriwayatkan hadith ini di dalam Musnadnya, daripada hadith Ṣuhayb r.a, no hadith 23932. Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, cet. ke 4, (Ammān : Bayt al-Afkār al-Dawliyyah: 1998), 2 : 860.

dari kalangan manusia ketika itu telah mendapat hidayah dengan peranan dan kebijaksanaan yang dilakukan oleh *ghulām* ini.

Penulis menyimpulkan bahawa kedua-dua kitab hadith ini lebih menjurus ke arah huraian *al-haraki* yang bersifat khusus kepada para penggerak dakwah. Kajian mendapati bahawa kedua-dua karya ini sering dijadikan rujukan oleh gerakan-gerakan dakwah sebagai bahan tarbiah di dalam usrah dan pengajaran dakwah untuk ahli. Kajian mengkategorikan karya-karya ini sebagai bahan-bahan dalam pendekatan *al-manhaj al-haraki* berdasarkan idea-idea *al-haraki* yang diketengahkan oleh penulisnya terutamanya dalam mengemukakan huraian-huraian hadith yang selaras dengan konsep pemahaman dalam gerakan dakwah.

### **1.2.3 *Al-Manhaj al-Haraki* Dalam Ulasan Hadith : Pandangan Ulama Semasa**

Fath al-Dīn al-Bayānūnī dalam kajiannya berkaitan dengan metode syarah hadith berpendapat bahawa, salah satu tujuan ulama mensyarahkan semula hadith-hadith Nabi SAW- biarpun sudah terdapat banyak kitab-kitab syarah hadith- ialah kerana perbezaan masa, uslub (cara) dan perincian sesuatu huraian. Ulama berbeza cara huraian antara senang dan susah, jelas dan kurang jelas. Huraian semula terhadap hadith-hadith juga disebabkan perbezaan masa dan tempat. Setiap masa dan tempat perlu diteliti dan difahami keperluannya supaya hadith-hadith Nabi SAW mampu diperaktikkan dengan baik sepanjang zaman. Selain itu, ulama menghuraikan semula hadith-hadith Nabi SAW adalah kerana huraian yang telah dibuat sebelum ini terlalu ringkas, di samping huraian yang dibuat

tersebut agak sukar untuk difahami pada zaman kini dan perlu diperincikan mengikut keperluan zaman.<sup>153</sup>

Al-Qarađāwī menyifatkan sesetengah golongan membuat tanggapan yang salah dengan mengatakan agama perlu diperbaharui dan diubah untuk disesuaikan dengan keperluan zaman. Beliau menegaskan bahawa bukannya agama yang perlu diubah untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa, tetapi perkembangan semasa yang perlu diserasikan dengan kehendak agama kerana agama adalah tetap dan tiada perubahan padanya. Menurut beliau bahawa tuntutan *tajdīd* (pembaharuan) bukan dengan cara mengubah tabiat dan kedudukan lama, tetapi memperelokkan kembali dengan cara dan *uslūb* yang baru. Al-Qarađāwī menjelaskan bahawa perkembangan semasa perlu disesuaikan dengan ketetapan agama supaya ia dapat digariskan pelan tindakan yang sesuai dan hala tuju bagi dakwah itu sendiri.<sup>154</sup>

Begitu juga dengan pendekatan *al-harakī* ini, ia muncul di era *tajdīd* (pembaharuan) dan merupakan pendekatan baharu dalam penguraian al-Quran dan al-Hadith. Pendekatan ini bukanlah satu pendekatan yang menyimpang atau tersasar jauh dari disiplin pentafsiran dan huraian hadith yang telah ditetapkan oleh para ulama. Malah matlamat dari pendekatan ini adalah untuk membawa semula kesedaran dalam kehidupan masyarakat yang pada realitinya telah jauh tersasar dari kehidupan dan ajaran al-Quran dan al-Hadith. Penulis

<sup>153</sup> Fatḥ al-Dīn al-Bayanūnī, “Ahammiyyah al-Syurūḥ al-Ḥadīthiyah wa Qawā‘iduhā” (makalah, Seminar Antarabangsa berkaitan dengan Metode Penafsiran al-Quran dan Huraian Hadith, Peringkat Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pada 17-18 Julai 2006), 3 : 952.

<sup>154</sup> Yūsuf al-Qarađāwī, *Kayfa Nata ‘āmal Ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyah*, cet ke 8, (Kaherah : Dār al-Syurūq, 2008), 55-56.

mengemukakan beberapa pandangan ulama semasa berkaitan *al-manhaj al-ḥarāki* di dalam ulasan dan pengajian hadith sepetimana berikut :

**1) Abū al-Layth al-Khayr al-Abādī<sup>155</sup> :**

*“Al-manhaj al-ḥarāki secara zatnya wujud dalam hadith-hadith Nabi SAW. Setiap huraian hadith yang mampu membuatkan seseorang bergerak, merasa bersemangat dan suka untuk beramal di samping melakukan pengorbanan, semua ini dinamakan hadith ḥarakiyyah. Kalimah al-ḥarāki juga bermaksud cergas, semangat, dan usaha yang berterusan kearah peningkatan dalam segenap aspek. Tokoh-tokoh ulama yang boleh disebut sebagai tokoh al-ḥarāki secara individu antaranya ialah Imām Ibn Taimiyyah. Manakala dalam bentuk organisasi setelah kejatuhan Khilafah Othmaniyyah, bagi mengembalikan kesedaran dalam diri umat Islam, muncul jamaah Ikhwan, membawa manhaj al-ḥarāki.”<sup>156</sup>*

**2) Syaraf al-Quḍāh<sup>157</sup> :**

*“Huraian terhadap sesuatu hadith bergantung pada kepentingan dan kecenderungan seseorang yang menghuraikan hadith tersebut. Ada yang mementingkan penghuraian dari aspek lughawi, ada pula yang mementingkan aspek fiqh, dan ada juga yang menumpukan penghuraian dari aspek al-ḥarāki. Bergantung kepada fokus huraian dan kepentingan yang dipegang oleh individu terbabit. Memang benar, tokoh yang menghuraikan hadith dari aspek al-ḥarāki adalah mereka yang banyak terlibat dalam dakwah Gerakan Ikhwan Muslimin kerana ḥarakah Ikhwān adalah merupakan harakah dakwah yang paling lama dan terbesar serta banyak tersebar di kebanyakan negara-negara Islam. Juga banyak menghasilkan karya-karya penulisan berbentuk ḥarakah dakwah. ḥarakah (pergerakan) adalah suatu istilah yang berlawanan dengan maksud jumūd (kaku). Dari sudut kelahiran manhaj ini, ḥarakah dengan maksud kecergasan di dalam penyampaian dakwah wujud dalam gambaran kehidupan dakwah para sahabat. Namun, maksud al-ḥarāki pada zaman moden ini dibentuk dengan pemahaman yang baru dalam bentuk yang lebih tersusun. Memerlukan kepada amal untuk mengembalikan khilāfah Islāmiyyah dan amal ini terbentuk dalam gerak kerja ḥarakah Islāmiyyah”.<sup>158</sup>*

<sup>155</sup> Abū al-Layth al-Khayr al-’Abādī (Prof dalam bidang Ilmu Hadith, Kuliyah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dalam temu bual dengan penulis di pejabatnya pada 9 Feb 2012.

<sup>156</sup> *Ibid.*

<sup>157</sup> Syaraf al-Quḍāh (Prof, dalam bidang Ilmu Hadith, Kuliyah Syariah, *University of Jordan*), dalam temu bual dengan penulis pada 14 Jun 2012.

<sup>158</sup> *Ibid.*

### 3) Hammām Sa‘īd<sup>159</sup> :

“Secara hakikatnya, amat baik memulakan dengan tajuk ini (*aliran al-ḥaraki dalam pengajian hadith*). Jika dilihat pada sejarah perjalanan Sirah al-Nabawiyah, agama Islam ini sebenarnya bermula secara individu dan kemudian dibentuk dan bergerak secara jamaah. Agama ini bergerak secara jamaah ketika di Mekah dan proses perpindahan berlaku sehingga kepada pembentukan negara Islam di Madinah. Agama ini juga bergerak dari keadaan yang lemah kepada keadaan yang membentuk kekuatan. Bergerak juga dari kondisi yang bersifat setempat dan lokaliti kepada suasana yang lebih luas dan bersifat universal. Bergerak juga dari keadaan atau suasana yang penuh dengan kemaksiatan, kepada suasana ketaatan pada Allah s.w.t. Perkara ini menunjukkan wujudnya proses perpindahan dan ḥarakah dalam kehidupan manusia. Tidak terkecuali, kandungan dan kajian terhadap hadith juga meraikan proses pergerakan dan ia sememangnya bersifat ḥarakah seperti mana yang telah dibahaskan tersebut”.<sup>160</sup>

### 4) Ṣalāḥ al-Khālidī<sup>161</sup>

“Sayyid Muḥammad Nūḥ adalah susuk tubuh yang memiliki dua sudut kefahaman ḥarakah, iaitu kefahaman dari sudut menganggotai sesebuah pertubuhan jamaah yang tersusun seperti penyertaannya dengan Gerakan Ikhwān Muslimīn. Keduanya dari sudut teori kefahaman al-ḥaraki dengan mafhumnya yang umum iaitu seorang dā‘ī yang proaktif dan bergerak maju dalam menjalankan kerja dakwah. Sumber mafhum ḥarakah yang diambil sama ada dari al-Quran atau Hadith Rasulullah SAW bertepatan dengan maksud kefahaman dari dua sudut yang telah disebutkan. Saya tidak mengkhususkan mafhūm ḥarakah kepada pertubuhan Ikhwan semata-mata atau kepada individu yang terlibat dengan Ikhwan sahaja. Apa yang perlu dinilai dari sudut mafhūm ḥarakah tersebut adalah dengan pelaksanaan dan aplikasi yang betul terhadap mafhūm ḥarakah tersebut sama ada di peringkat jamaah atau peringkat individu. Cuma gerakan Ikhwān Muslimīn sebagai salah satu ḥarakah Islāmiyyah yang banyak tersebar dan masih wujud gerakan-gerakan dakwah yang memiliki ciri-ciri al-ḥaraki tersebut. Perkara yang lebih penting adalah dari sudut gerak kerjanya yang tersusun serta memiliki matlamat dakwah yang jelas, menasihati dan membimbing masyarakat ke arah Islam selain memiliki manhaj yang tersusun serta organisasi yang jelas dengan matlamat gerak kerjanya. Inilah yang menampakkan mafhum al-ḥaraki dari sudut konsepnya yang berbentuk tanzīmī dan jamā‘ī. Mafhum al-ḥaraki dari sudut individu juga seperti mana yang telah disebutkan tadi bahawa ia tidak terikat kepada keanggotaan di dalam ḥarakah Ikhwān semata. Sayyid Muḥammad Nūḥ memiliki ciri-ciri tersebut. Cuma masih ramai penglibatan di dalam gerakan dakwah selain dari Ikhwān Muslimīn juga memiliki ciri-ciri individu dā‘ī ḥarakī. Mafhum al-ḥaraki dari sudut individu

<sup>159</sup> Hammām Sa‘īd (PhD, Mudīr Markaz Dirasāt al-Sunnah al-Nabawiyah al-Syarīfah dan Murāqib ‘Ām Ikhwan Muslimin Jordan) dalam temu bual dengan penulis pada 21 Jun 2012, Amman, Jordan.

<sup>160</sup> *Ibid.*

<sup>161</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī (PhD penyelidik *al-manhaj al-ḥaraki* dalam kajian tafsir), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 20 Jun 2012.

*ialah memahami Islam dengan pemahaman yang umum iaitu individu terbabit hendaklah membangkitkan kefahaman Islam di dalam kehidupan masyarakat”.*<sup>162</sup>

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian terhadap konsep *al-manhaj al-haraki* dapat disimpulkan bahawa metode tersebut mempunyai kaitan dengan maksud dakwah. Istilah dakwah yang dikaitkan dengan kalimah dan maksud *al-haraki* ini sepertimana yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ merujuk kepada matlamat sebuah gerakan dakwah. Kajian mendapati bahawa gerakan dakwah tidak hanya terhenti kepada aspek penyampaian semata-mata, tetapi proses pembinaan dan pembentukan turut sama ditekankan di dalam pendekatan *al-haraki* gerakan dakwah ini. Kajian juga mendapati bahawa kalimah *al-haraki* boleh diertikan dengan dua maksud iaitu *al-haraki* dengan maksud kelakuan dan tingkahlaku seorang pendakwah dalam menunaikan tanggungjawab dakwah. Manakala maksud *al-haraki* yang kedua ialah merujuk kepada organisasi dakwah. Konsep *al-haraki* ini adalah berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh al-Khālidī dan al-Ghaḍbān. Berdasarkan kedua-dua definisi ini, kajian menyimpulkan elemen *al-haraki* kepada lima perkara iaitu, elemen *jasadi*, *rūhi*, *thaqāfi*, *khuluqi* dan elemen *tanzīmi wa siyāsi*. Kajian juga mendapati bahawa *al-manhaj al-haraki* memiliki ciri-ciri yang boleh dikenal pasti berdasarkan 10 ciri yang telah dikemukakan. Kajian juga mendapati bahawa aliran *al-haraki* dalam pengajian hadith wujud sepertimana wujudnya aliran tersebut dalam pengajian tafsir. Aliran ini berdasarkan pandangan beberapa ulama semasa yang dipetik adalah diterima sebagai salah satu metode dan pendekatan terkini dalam perkembangan pengajian hadith di era *tajdīd* (pembaharuan) ini.

---

<sup>162</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī (PhD penyelidik *al-manhaj al-haraki* dalam kajian tafsir), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 20 Jun 2012.

## **Bab Dua**

## Bab Dua

### **Biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ dan Pengenalan Beberapa Karyanya Berkaitan *al-Manhaj al-Harakī***

#### **2.0 Pendahuluan**

Pada bab yang kedua ini, penulis memfokuskan perbincangan berkaitan biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ bagi mengenali tokoh ini bermula dari kelahiran dan latar belakang keluarganya sehingga kepada kewafatannya serta sumbangannya yang telah diberikan dalam bidang hadith dan dakwah. Di samping itu, pengenalan terhadap empat karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang menjadi tumpuan dalam kajian ini akan turut diperkenalkan. Penulis membahagikan perbahasan ini kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama mengkhususkan huraiān berkaitan biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ serta sumbangannya dalam bidang hadith dan dakwah. Manakala bahagian kedua, perbincangan dikhususkan berkaitan pengenalan terhadap empat karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang menjadi sampel dalam menganalisis hadith-hadith dari aspek *al-Manhaj al-Harakī*.

#### **2.1 Bahagian Pertama: Biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith dan Dakwah**

##### **2.1.1 Kelahirannya dan Latar belakang Keluarga:**

Sayyid Muḥammad Nūḥ dilahirkan di ‘Uzbah al-Sibā‘ī yang terkenal dengan “‘Uzbah Ghanīm” di daerah Kafr al-Saykh, Mesir pada 23 Jumādā al-Ulā 1365, bersamaan 24

April tahun 1946M.<sup>163</sup> Beliau dibesarkan di dalam suasana kampung dan dalam keluarga yang cukup sederhana dan miskin. Ayahnya merupakan seorang petani dan memiliki tiga orang isteri. Beliau merupakan anak sulung dari sepuluh adik-beradik.<sup>164</sup> Lima daripadanya merupakan adik-beradik kandung dan lima orang lagi merupakan adik-beradik tiri.<sup>165</sup>

Sejak kecil lagi, Sayyid Muḥammad Nūḥ telah menunjukkan sikap tanggungjawabnya sebagai anak yang sulung dalam membantu meringankan beban keluarganya yang miskin ketika itu. Sewaktu usia beliau kurang dari 10 tahun, beliau telah bekerja (di samping membahagikan waktu belajarnya) dengan tujuan membantu ayahnya menampung kos sara hidup keluarga. Sehingga pernah dicatatkan bahawa duit yang diperolehi oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ sebanyak 45 EGP<sup>166</sup> hasil kecemerlangannya di dalam pelajaran, diberikan kepada ayahnya untuk menampung kos perbelanjaan keluarga.<sup>167</sup>

### **2.1.2 Pendidikan dan Kerjayanya :**

Sayyid Muḥammad Nūḥ berjaya menamatkan hafalan al-Qur'an sewaktu usianya lapan tahun.<sup>168</sup> Beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Ma'ahad al-Azharī al-

---

<sup>163</sup> Lihat buku catatan mengenai kisah kehidupan Sayyid Muḥammad Nūḥ susunan al-Ḥusayn Mūsā Qāsim, kata pengantarnya ditulis oleh ‘Abd al-Sattār Fataḥ Allāh Sa‘īd dan Ṭāriq Muḥammad al-Suwaidān. Buku ini diterbitkan oleh Kementerian Wakaf Kuwait tahun 2010. Al-Ḥusayn Mūsā Qāsim, *Sayyid Nūḥ rahimah Allāh: Qiṣṣah Dā‘iyah* (Kuwait: Kementerian Wakaf Kuwait, 2010).

<sup>164</sup> *Ibid*, 18.

<sup>165</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (anak kepada Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis di Kuwait, pada 4 Jun 2012, jam 1.30ptg.

<sup>166</sup> Egypt Pound.

<sup>167</sup> Al-Ḥusayn, *Sayyid Nūḥ :Qiṣṣah Dā‘iyah*, 19.

<sup>168</sup> *Ibid*, 18.

Ibtidā’ī di Kafr al-Shaykh dan meneruskan pengajian di peringkat menengah selepas itu di Ma‘ahad al-Mahallah al-Azharī al-Thānawī.<sup>169</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika di peringkat menengah persekolahan, banyak terkesan dengan beberapa orang gurunya iaitu antaranya Shaykh Ibrāhīm Khamīs, Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Ṣultān dan Shaykh ‘Abd al-Salām Abū al-Faḍl. Shaykh ‘Abd al-Salām Abū al-Faḍl merupakan gurunya dalam memberi kesan terhadap jiwa dan kerohaniannya.<sup>170</sup> Teman rapat Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika berguru dengan al-Syaykh Abd al-Salām Abū al-Faḍl, iaitu Yaḥyā Ismā‘īl turut sama belajar dengan Shaykh ‘Abd al-Salām.<sup>171</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ telah menunjukkan bakat dan kecemerlangannya dalam pelajaran sejak di peringkat sekolah lagi. Beliau meraih tempat pertama di peringkat negeri dan tempat ketiga di peringkat kebangsaan.<sup>172</sup>

Minatnya yang mendalam dalam bidang pengajian hadith telah mendorongnya untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat PhD di dalam bidang ini. Beliau menamatkan Ijazah pertama di Universiti al-Azhar pada tahun 1971M.<sup>173</sup> Kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1973 dengan disertasi kajian bertajuk “*Perkahwinan Rasulullah SAW dengan Zaynab binti Jahsy; Menolak Tohmahan Sekitar Perkahwinan itu Berdasarkan Manhaj Golongan Muhaddithin.*”<sup>174</sup> Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD dan berjaya

<sup>169</sup> *Ibid.*

<sup>170</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (anak Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>171</sup> *Ibid.*

<sup>172</sup> Al-Ḥusayn, *Sayyid Nūḥ : Qiṣṣah Dā’iyah*, 18.

<sup>173</sup> Artikel tanpa penulis bertajuk “al-Syaykh al-‘Allamah al-Duktūr al-Sayyīd Muḥammad Nūḥ, Sīrah Atrah,” laman sesawang *al-sayed nooh*, 7 Okt 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

<sup>174</sup> *Ibid.*

menamatkan pengajiannya pada tahun 1976 dengan tajuk tesis kajian “*Al-Hāfiẓ Abū al-Hajjāj Yūsuf al-Midhdhī dan Kesungguhannya dalam Penulisan Tahdhīb al-Kamāl*”. Beliau meraih tempat cemerlang “*Mumtāz*” bagi kajian tesis ini.<sup>175</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ telah menunjukkan ketokohannya dalam menyerlahkan sumbangan *al-Hāfiẓ al-Midhdhī* melalui penghasilan tesis Ph.D ini. Hasil penemuan kajian bagi tesis ini juga telah memberikan suatu gambaran yang jelas kepada penuntut ilmu hadith di Universiti al-Azhar ketika itu dalam memahami dengan lebih baik kandungan kitab *Tahdhīb al-Kamāl*.<sup>176</sup>

Yaḥyā Ismā‘īl ketika menerangkan tentang kepakaran dan sumbangan Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam bidang hadith telah menyifatkan bahawa rakan dan teman rapatnya itu merupakan seorang yang memiliki idea dan perancangan yang jauh dengan kajian-kajian hadith yang ingin diketengahkan di dalam bidang akademik, terutamanya bidang ‘*īlāl al-hadīth*.<sup>177</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ pernah menyebutkan tentang sunan Abī Dā’ūd yang tidak banyak disentuh oleh para pengkaji dan ahli akademik dalam bidang hadith.<sup>178</sup> Malah menurut Yaḥyā Ismā‘īl, kepakaran Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam bidang ‘*īlāl al-Hadīth* juga dapat dilihat berdasarkan kajian beliau di peringkat PhD. Seandainya bukan kerana penglibatan Sayyid Muḥammad Nūḥ yang aktif dalam dakwah gerakan Ikhwan Muslimin dan bebanan dakwah yang ditugaskan kepadanya, maka telah banyak kajian-kajian yang berkualiti telah dihasilkan oleh Sayyid Nūḥ dalam bidang hadith.<sup>179</sup> Malah di atas usaha

<sup>175</sup> Artikel tanpa penulis bertajuk “al-Sayykh al-‘Allāmah al-Duktūr al-Sayyīd Muḥammad Nūḥ, Sīrah Atrah,” laman sesawang *al-sayed nooh*, 7 Okt 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>. Lulus dengan keputusan cemerlang (*mumtāz*) dengan pangkat satu (*martabah sharf al-’ūlā*) dan pihak Universiti mencadangkan untuk dicetak kajian ini dan disebar luaskan untuk manfaat para penyelidik yang lain terutamanya dalam bidang hadith.

<sup>176</sup> Yaḥyā Ismā‘īl (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 8 Jun 2012.

<sup>177</sup> *Ibid.*

<sup>178</sup> *Ibid.*

<sup>179</sup> *Ibid.*

dan sumbangannya juga, kuliah hadith di Universiti Kuwait telah diwujudkan dan beroperasi di bawah kelolaan Kuliyah Syariah di Universiti tersebut.<sup>180</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika menuntut ilmu dan menyambung pengajian di dalam bidang hadith ini, beliau juga telah melibatkan diri di dalam memberi pengajaran bidang pengajian ini sejurus setelah tamat pengajian di peringkat Ijazah Pertama lagi. Setelah tamat pengajian Ijazah Pertama Sarjana Muda pada tahun 1971, Sayyid Muḥammad Nūḥ ditawarkan untuk berkhidmat sebagai *tutor* di kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar Kaherah. Beliau berkhidmat sebagai *tutor* di kuliyyah Usuluddin ini sehingga tahun 1974. Beliau kemudiannya diberi jawatan sebagai tenaga pengajar iaitu pembantu pensyarah di kuliyyah yang sama setelah tamat pengajian di peringkat Sarjana pada tahun 1974 sehingga tahun 1977. Setelah tamat pengajian PhD pada tahun 1977, beliau ditawarkan jawatan sebagai pensyarah dan berkhidmat selama empat tahun di Universiti al-Azhar Kaherah tersebut sehingga tahun 1981. Bermula dari tahun 1981, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Prof Madya setelah beliau berpindah ke kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar cawangan Mansurah, sebelum dijemput sebagai Pensyarah Pelawat ke Universiti Qatar beberapa bulan selepas itu.

### **2.1.3 Pengaruh Sosio-politik di Mesir dan Keperibadian *al-Harakī***

Sebelum penglibatan Sayyid Muḥammad Nūḥ secara langsung ke dalam Gerakan dakwah Ikhwan Muslimin di Mesir, beliau banyak melibatkan diri dengan program-program

---

<sup>180</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (Anak Sayyid Nūḥ dan Wartawan di Majalah al-Wa‘y al-Islāmī, Kuwait), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

tasawuf yang dikendalikan oleh gurunya al-Sayyid ‘Abd al-Salām Abū al-Faḍl,<sup>181</sup> Imam Masjid al-‘Abbāsī di Maḥallah al-Kubrā, Mesir.<sup>182</sup> penglibatan beliau dalam program tasawuf seperti ini telah banyak membentuk sifat zuhud dan kerohaniannya sehingga meninggalkan kesan yang mendalam dari aspek *rūhiyyah* (spiritual) di dalam keperibadiannya.

Beliau juga di peringkat awal pengenalannya dengan tokoh-tokoh *al-harakī* di Mesir amat terkesan dengan buku karangan Yūsuf al-Qaraḍāwī bertajuk “Ibadah di dalam Islam” setelah membacanya sejak beliau di peringkat sekolah menengah lagi sehingga membentuk kefahamannya yang betul dalam memahami aspek ibadah di dalam Islam yang tidak terikat dengan ibadah dan amalan *khuṣuṣī* semata-mata.<sup>183</sup> Hasil daripada bacaan buku tersebut juga, beliau mengetahui hakikat kewajipan dan rahsia kewujudannya di atas muka bumi ini dan tanggungjawabnya dalam memberi sumbangan serta kewajipan menyebarkan dakwah Islamiyyah itu sendiri.<sup>184</sup>

Selain itu, beliau banyak mengikuti perkembangan Ikhwan Muslimin dan membaca tulisan tokoh-tokoh Ikhwan dari “*Majallah al-Da‘wah al-Ikhwāniyyah*”<sup>185</sup> dan antara tulisan yang beliau banyak mengikuti dan membacanya iaitu tulisan ‘Umar al-Tilmisānī yang merupakan *Mursyīd al-‘Am* ketiga Ikhwan Muslimin ketika itu setelah kematian *Mursyīd*

<sup>181</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (Anak Sayyid Nūḥ dan Wartawan di Majalah al-Wa‘y al-Islāmī, Kuwait), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>182</sup> Waṣṭī ‘Āsyūr Abū Zayd, “Al-Sayyid Muḥammad Nūḥ: al-‘Ālim al-Dā‘iyah al-Murabbī,” laman sesawang *al-sayed nooh*, ditinjau pada 5 Nov 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=77&baab=1>.

<sup>183</sup> *Ibid.*

<sup>184</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (anak Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>185</sup> Waṣṭī ‘Āsyūr Abū Zayd,, “Al-Sayyid Muḥammad Nūḥ: al-‘Ālim al-Dā‘iyah al-Murabbī,” laman sesawang *al-sayed nooh*, ditinjau pada 5 Nov 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=77&baab=1>.

*al-‘Ām* yang kedua, iaitu Hasan al-Hudaybī pada tahun 1973.<sup>186</sup> Di samping membaca dari tulisan-tulisan *al-haraki* dalam *Majallah al-Da‘wah al-Ikhwāniyyah* ini, beliau juga mengikuti program-program yang dikendalikan oleh al-Sayykh Muhammad al-‘Adawī<sup>187</sup> di perkampungan Mahallah Abū ‘Alī, Mahallah al-Kubrā, Mesir.<sup>188</sup> Sayyid Muhammad Nūh mengikuti program ini bersama-sama dengan teman rapatnya yang sering berdamping dengannya dalam menuntut ilmu iaitu Yaḥyā Ismā‘īl yang ketika itu banyak menyalurkan fikrah Ikhwan ke dalam kehidupan Sayyid Nūh.<sup>189</sup> Sejak mengikuti program tersebut, beliau mula melibatkan diri secara aktif dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin.<sup>190</sup>

---

<sup>186</sup> Artikel tanpa penulis bertajuk “Umar al-Tilmsani,” laman sesawang *ikhwan wiki*, ditinjau 5 Nov 2013, <http://ikhwanwiki.com/index.php?title= عمر التلمساني> dan [http://ikhwanwiki.com/index.php?title= المستشار\\_الهضيبي\\_المرشد\\_الثاني\\_للإخوان\\_المسلمين](http://ikhwanwiki.com/index.php?title= المستشار_الهضيبي_المرشد_الثاني_للإخوان_المسلمين)

<sup>187</sup> Muhammad al-‘Adawī merupakan Ketua Ikhwan Muslimin di al-Mansurah dan bertanggungjawab dalam penyusunan program tarbiyah bagi anggota Ikhwan Muslimin di Universiti al-Azhar Mansurah bermula dari tahun 1975. Melalui pertemuan dengan al-Sayykh Muhammad al-‘Adawī ini, Sayyid Muhammad Nūh menganggotai secara langsung dalam Gerakan dan dakwah Ikhwan Muslimin. Lihat biografi Muhammad al-‘Adawī di dalam *Ensiklopedia Ikhwan Muslimin*, laman sesawang *Ikhwan Wiki*. Lihat artikel tanpa penulis bertajuk “al-Ustaz Muhammad al-‘Adawi,” laman sesawang *Ikhwan Wiki*, ditinjau pada 25 Feb. 2014, <http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title= محمد العداوي>.

<sup>188</sup> Waṣfī ‘Āsyūr Abū Zayd, “al-Sayyid Muhammad Nūh: al-‘Ālim al-Dā‘iyah al-Murabbī..” laman sesawang *al-sayed nooh*, ditinjau pada 5 Nov 2013, <http://alsayednooh.com/13.php?id=77&baab=1>.

<sup>189</sup> *Ibid.* Maklumat ini juga hasil temubual penulis dengan Yaḥyā Ismā‘īl. Yahyā Ismā‘īl (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muhammad Nūh), dalam temubual dengan penulis, 8 Jun 2012.

<sup>190</sup> *Ibid.* Namun, penulis tidak dapat memastikan tahun penglibatannya ke dalam Ikhwan Muslimin secara tepat. Walaupun begitu, penulis dapat menjangkakan perjumpaan Sayyid Nūh dan al-Sayykh al-‘Adawī yang merupakan titik tolak penglibatannya ke dalam Ikhwan Muslimin adalah setelah beliau menjawat jawatan sebagai pensyarah di Universiti al-Azhar Kaherah dan setelah tamat pengajian di peringkat PhD pada tahun 1976. Tahun 1975, adalah merupakan permulaan tahun al-Sayykh al-‘Adawī menjadi ketua Ikhwan Muslimin di al-Manṣūrah. Pertemuan dengan al-Sayykh al-‘Adawī membawa sentuhan dan mengesani jiwa Sayyid Nūh yang membuatkan beliau tergerak untuk terlibat secara aktif menganggotai Gerakan Ikhwan Muslimin. Kenyataan al-Sayykh al-‘Adawī tersebut kepada Sayyid Nūh dengan persoalan yang ditimbulkan kepada beliau seperti berikut: “*Di manakah kalian dan peranan dari Ulama Azhar (terhadap dakwah)?*” Berkata Sayyid Nuh “*dari kalian kecukupan dan keberkatan insya-Allah.*” Al-Sayykh al-‘Adawī membala “*Bergeraklah dan berjihadlah, kami hanya sepatu di kaki-kaki kalian.*” Teguran dan nasihat membina tersebut menggerakan kelalaian selama ini dan membuatkan Sayyid Muhammad Nūh terlibat secara langsung dalam gerak kerja dakwah Ikhwan Muslimin. Perkara ini menguatkan lagi dengan kenyataan dari anak Sayyid Nūh, Ubadah Sayyid Nūh dalam temu bual penulis dengan beliau bahawa penglibatan Sayyid Nūh dengan gerak kerja dakwah Ikhwan pada penghujung tahun 1970an dan permulaan tahun 1980an. Beliau tidak menyebutkan secara tepat tahun penglibatan Sayyid Nūh ke dalam Ikhwan. Sebelum itu, Sayyid Nūh terkesan dengan tulisan-tulisan dari *Mursyīd al-‘Ām* Ikhwan yang ketiga, iaitu ‘Umar al-Tilmisānī yang memegang jawatan tersebut setelah kematian *Mursyīd al-‘Ām* yang kedua, Hasan al-Hudaybī pada tahun 1973. Semasa di peringkat permulaan juga beliau mengenali tokoh-tokoh Ikhwan setelah membaca karya Yusuf al-Qardawi ketika masih di peringkat Sekolah Menengah lagi. Perkara ini semua merupakan kronologi dalam sejarah kehidupan Sayyid Nūh dan penglibatannya ke dalam Ikhwan Muslimin. Artikel tanpa penulis, *al-Sayykh al-Sayyid Nūh*, laman

Sebelum Sayyid Nūḥ keluar dari Mesir pada tahun 1981, beliau aktif dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat di Mesir bersama-sama dengan rakannya yang lain dalam Gerakan Ikhwan Muslimin. Pemerintah Mesir ketika itu melihat usaha yang dilakukan oleh para pendakwah seperti Sayyid Nūḥ terutamanya mereka yang terlibat dalam Gerakan Dakwah Ikhwan Muslimin sebagai suatu usaha yang boleh menggugat kedudukan pemerintah Mesir ketika itu. Oleh itu dikeluarkan perintah penangkapan terhadap ramai anggota Ikhwan Muslimin ketika itu termasuk Sayyid Nūḥ sendiri. Seandainya bukan kerana panggilan untuk memenuhi jawatan pensyarah di Universiti Qatar ketika itu, kemungkinan Sayyid Nūḥ akan ditangkap dan dipenjarakan seperti mana anggota Gerakan Ikhwan Muslimin yang lain ketika itu.<sup>191</sup> Sayyid Nūḥ keluar ke Qatar pada tahun 1981 pada mulanya untuk menggantikan tempat rakannya, Yahyā Ismā‘īl yang dipanggil untuk memenuhi jawatan pensyarah di sana.<sup>192</sup> Namun ketika itu, Yahyā Ismā‘īl dalam proses

---

sesawang *Ikhwan Wiki*, ditinjau pada 26 Feb 2014, <http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A7%D8%AD%D9%86%D9%88%D9%86>.  
Ubādah Sayyid Nūḥ (anak Sayyid Muhammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>191</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (anak Sayyid Muhammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>192</sup> Al-Ḥusayn Mūsa Qāsim, *Sayyid Nūḥ: Qiṣṣah Dā’iyah*, 62. Yahyā Ismā‘īl merupakan kenalan rapat kepada Sayyid Muhammad Nūḥ dan melalui rakannya Yahyā Ismā‘īl ini, Sayyid Muhammad Nūḥ banyak melibatkan diri dengan aktiviti tarbiyah serta program yang dianjurakan oleh Ikhwan Muslimin terutamanya kelas pengajian bersama tokoh Ikhwan pada ketika itu, iaitu al-Sayykh Muhammad al-‘Adawi. Malah kebersamaan Sayyid Nūḥ dan rakannya Yahyā Ismā‘īl sentiasa dengan pembentukan dan acuan yang sama apabila dilihat dari bidang penghususan pengajian sehingga hal kepada kerjaya dan hala tuju serta matlamat dakwah dalam kehidupan kedua-dua individu ini. Ketika Sayyid Nūḥ menamatkan pengajian PhD pada tahun 1977 dan menjadi Pensyarah di Kuliyyah Usuluddin Kaherah, Yahyā Ismā‘īl juga ditugaskan di Kuliyyah yang sama sebagai *tutor* pada tahun 1976. Kedua-duanya sentiasa dalam perjuangan dan medan yang sama walaupun setelah Sayyid Nūḥ bertukar ke Universiti al-Azhar cawangan al-Mansūrah pada permulaan tahun 1981 dan Yahyā Ismā‘īl masih menyiapkan tesis PhD di Universiti al-Azhar Kaherah di samping sebagai pensyarah disitu. Walaupun jemputan sebagai pensyarah pelawat ke Universiti Qatar yang pada awalnya diberikan kepada Yahyā Ismā‘īl namun akhirnya dipenuhi tuntutan tersebut oleh Sayyid Nūḥ yang juga permintaan dari Yahyā Ismā‘īl sendiri atas alasan sedang menyiapkan kajian PhD. Sikap ini menunjukkan kedua-dua tokoh ini memiliki hubungan yang amat rapat terutamanya dalam mengharungi pengalaman dakwah dan tarbiyah di dalam Gerakan Ikhwan Muslimin. Hasil temubual penulis dengan Yahyā Ismā‘īl juga menunjukkan sikap beliau yang amat teruja melalui persahabatan beliau dengan Sayyid Nūḥ ketika hidup bersamanya. Yahyā Ismā‘īl (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muhammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 8 Jun 2012.

menyiapkan tesis PhD beliau<sup>193</sup> dan meminta Sayyid Nūḥ menggantikan tempatnya sebagai pensyarah pelawat di universiti Qatar tersebut.<sup>194</sup> Sayyid Nūḥ tidak berniat untuk pergi ke Qatar dalam tempoh yang lama. Namun setelah Sayyid Nūḥ keluar ke Qatar, namanya disenaraikan antara anggota Ikhwan Muslimin yang dikehendaki oleh pemerintah mesir untuk dijatuhkan hukuman penangkapan dan penjara.<sup>195</sup>

Berdasarkan proses penglibatan Sayyid Muḥammad Nūḥ ini ke dalam Gerakan Ikhwan Muslimin, disamping situasi politik yang melanda negara Mesir serta penangkapan terhadap anggota Ikhwan Muslimin pada awal tahun 1980 an telah membentuk sikap dan jati dirinya sebagai anggota dalam *harakah dakwah* pada ketika itu. Pengalaman yang berharga ini telah menyuburkan semangatnya dalam menghasilkan tulisan-tulisan dakwah yang bermanhajkan *al-haraki* sepanjang keberadaannya di luar Mesir ketika berada di negara-negara kawasan Teluk Arab (*Gulf Arabic*).<sup>196</sup>

<sup>193</sup> Yahyā Ismā‘il memulakan pengajian PhD setelah tamat pengajian Sarjana (Master) pada tahun 1979. Beliau menamatkan pengajian PhD pada tahun 1982. Lihat biografi Yahya Ismail secara lebih terperinci di dalam *Ensiklopedia Ikhwan*, laman sesawang *Ikhwan Wiki*. Artikel tanpa penulis, “al-Duktur Yahya Ismai‘l wa Suwar min Jihad al-‘Ulama”, laman sesawang *Ikhwan Wiki*, ditinjau pada 26 Feb 2014, [http://ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A5%D8%AD%D9%85%D9%8A%D9%84\\_%D8%A5%D8%AC%D9%85%D9%8A%D9%84](http://ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A5%D8%AD%D9%85%D9%8A%D9%84_%D8%A5%D8%AC%D9%85%D9%8A%D9%84).

<sup>194</sup> Yahyā Ismā‘il (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 8 Jun 2012.

<sup>195</sup> *Ibid.*

<sup>196</sup> Hampir keseluruhan karya-karya dakwah dan gerakan Islam yang dihasilkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ setelah beliau keluar dari Mesir tahun 1981. Beliau menghasilkan karya-karya tersebut dengan manhaj dan pendekatan yang dilihat sinonim dengan gerakan dakwah dan *harakah*, setelah beliau terkesan dengan pendekatan ini sepanjang keberadaannya bersama rakan-rakan dari Ikhwan Muslimin semasa di Mesir. Antara karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau sepanjang berada di negara-negara Teluk Arab, iaitu kitab *Āṣṭa‘ ‘alā al-Tarīq*, *Tawjihāt Nabawiyah ‘alā al-Tarīq*, *Fiqh al-Da‘wah al-Fardiyah fī al-Manhaj al-Islāmī*, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Šāhabah*, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nuṣūf Ashābih*, *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fī Qaḍiyyah al-Taghyīr*, *Hājah al-Bashariyyah ilā al-Hukm bi mā Anzala Allāh Kitāban wa Sunnah* dan lain.-lain.

## 2.1.4 Perpindahannya ke Negara-Negara Teluk Arab dan Pengembangan Dakwah

Sayyid Nūḥ ketika di Qatar ditugaskan selama setahun sebagai pensyarah pelawat antara tahun 1981-1982.<sup>197</sup> Pada ketika itu, Rektor Kuliyyah Syari‘ah Universiti Qatar ialah Yūsuf al-Qaraḍāwī.<sup>198</sup> Setelah itu, beliau berpindah ke Emiriat dan menjadi pensyarah di Universiti Emiriat dalam bidang Tafsīr dan ‘Ulūm al-Hadīth bermula tahun 1982-1991.<sup>199</sup> Kemudiannya beliau berpindah ke Dubai bermula tahun 1991-1993 dan menjadi pensyarah di Kuliyyah Perubatan Siswi Dubai, dalam bidang pengajian Islam dan Usuluddin disamping menjadi pensyarah pelawat di Kuliyyah Dirāsāt al-Islāmiyyah di Dubai.<sup>200</sup> Setelah itu beliau berpindah ke Kuwait sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2007.<sup>201</sup>

Penglibatannya di dalam dakwah Ikhwan Muslimin banyak memberi kesan kepada gerak kerja dakwah hariannya dan kefahamannya terhadap Islam ketika bersama dengan masyarakat.<sup>202</sup> Setelah berpindah ke Kuwait tahun 1993, banyak sumbangan yang telah diberikan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ kepada masyarakat di Kuwait secara khususnya dan umat Islam secara umumnya, sama ada dalam lapangan akademik atau dalam lapangan dakwah kepada masyarakat. Di dalam lapangan akademik, beliau adalah merupakan pengasas bahagian Ijazah Lanjutan (*postgraduate*) dalam pengkhususan bidang hadith di

<sup>197</sup> Artikel tanpa penulis “al-Sayykh al-‘Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ, Sīrah ‘Aṭrah” laman sesawang *al-sayed nooh*, ditinjau pada 13 Mac 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

<sup>198</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (anak Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>199</sup> Artikel tanpa penulis “al-Sayykh al-Sayyid Nūḥ” laman sesawang *Ikhwan Wiki*, ditinjau pada 13 Mac 2013, [http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A7%D8%AD%D8%A7%D8%A1%D8%A9\\_%D8%A7%D8%AC%D8%A7%D8%A1%D8%A9](http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A7%D8%AD%D8%A7%D8%A1%D8%A9_%D8%A7%D8%AC%D8%A7%D8%A1%D8%A9)

<sup>200</sup> Artikel tanpa penulis “al-Sayykh al-‘Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ, Sīrah ‘Aṭrah” laman sesawang *al-sayed nooh*, ditinjau pada 13 Mac 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

<sup>201</sup> *Ibid.*

<sup>202</sup> Artikel tanpa penulis “al-Sayykh al-Sayyid Nūḥ”, laman sesawang *Ikhwan Wiki*, ditinjau pada 28 Feb 2014, [http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A7%D8%AD%D8%A7%D8%A1%D8%A9\\_%D8%A7%D8%AC%D8%A7%D8%A1%D8%A9](http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A7%D8%AD%D8%A7%D8%A1%D8%A9_%D8%A7%D8%AC%D8%A7%D8%A1%D8%A9)

bawah Kuliyyah Syariah, Universiti Kuwait.<sup>203</sup> Sebelum itu, Ijazah Sarjana dan PhD dalam bidang hadith belum dibuka untuk sesi pengajian,<sup>204</sup> hanya yang ada peringkat Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor*). Kepakaran dan ilmu yang ada pada Sayyid Nūḥ khususnya dalam bidang pengajian hadith di samping kemampuannya untuk mengajar pelajar-pelajar di peringkat sarjana dan PhD telah membentuk inisiatif dalam menubuhkan bahagian Ijazah lanjutan ini.<sup>205</sup> Beliau juga pernah menjawat beberapa jawatan dalam bidang pengajian Hadith di Kuliyyah Syariah Universiti Kuwait, iaitu jawatan sebagai Professor Madya di Kuliyyah Syariah bermula tahun 1993-1999 dan Jawatan Professor bermula tahun 1999-2007; Ketua Program Pengajian Hadith dan ‘Ulūm al-Hadīth merangkap Ketua Program Ijazah Tinggi, Kuliyyah Syariah, Universiti Kuwait; Ahli Lembaga Penilaian Bagi Jabatan Tafsīr dan al-Hadīth di Universiti, Kuwait. Sayyid Muḥammad Nūḥ juga pernah menjawat jawatan sebagai Khatib di bawah Kementerian Wakaf Kuwait dan beberapa jawatan yang lain.<sup>206</sup>

Di dalam lapangan dakwah, beliau merupakan seorang yang terkenal dan aktif menggerakkan dakwah di dalam masyarakat. Menurut anak beliau, ‘Ubādah Sayyid Nūḥ bahawa ayahnya sentiasa mendampingi masyarakat serta bergerak ke dalam kehidupan mereka dan menyelesaikan permasalahan masyarakat di sekelilingnya dengan baik.<sup>207</sup> Beliau meyakini dengan cara dan pendekatan seperti ini, dakwah akan lebih subur dan

<sup>203</sup> ‘Ubādah Sayyid Nuh, (anak kepada Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>204</sup> *Ibid.*

<sup>205</sup> *Ibid.*

<sup>206</sup> Antaranya jawatan sebagai Ahli Lembaga Penasihat Universiti, Ahli Lembaga Majlis Fakulti, Ahli Lujnah Bahagian Aduan Pelajar. Lihat Biografi Sayyid Muḥammad Nūḥ, di dalam laman *alsayednooh*, artikel tanpa penulis, “al-Sayykh al-‘Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ : Sirah ‘Aṭrah”, laman sesawang *alsayednooh*, ditinjau pada 26 Feb 2014, <http://alsayednooh.com/13.php?id=75&baab=1>.

<sup>207</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ, (anak kepada Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis, di Kuwait, pada 4 Jun 2012.

menghasilkan natijah yang lebih baik. Walaupun dalam keadaan keletihan atau ditimpa sese kali dengan kesakitan, beliau tetap bergerak dan membantu masyarakat yang memerlukan pertolongan.<sup>208</sup> Disebutkan oleh anak beliau juga, bahawa Sayyid Nūḥ pernah menjadi khatib secara sukarela di salah sebuah masjid di Kuwait selama 14 tahun dan beliau tidak pernah mengambil gaji atas usaha beliau tersebut. Ini adalah sebahagian dari contoh-contoh kehidupan dakwah Sayyid Nūḥ yang bersifat *haraki* dan membuatkan masyarakat begitu menyayanginya, walaupun dari kalangan aliran pendekatan dakwah yang berbeza; seperti aliran *salafi* dan *tabligh*.<sup>209</sup>

Beliau juga banyak terlibat dengan badan-badan lujnah dakwah dan kebajikan masyarakat Islam di Kuwait, antaranya dengan Lajnah *Sā'id Akhāka Muslim* dan *Lajnah Zakāh al-Uthmān*. **Lajnah Sā'id Akhāka Muslim** adalah sebuah badan kebajikan di bawah kelolaan *al-Hay'ah al-Khayriyyah al-Islāmiyyah al-'Ālamiyyah*. Salah satu unit di bawah Lajnah ini iaitu “Unit Wanita” diadakan kelas-kelas pengajian khusus untuk kaum wanita, sama ada secara harian, mingguan dan musim *sayfī* (musim panas).<sup>210</sup> Sayyid Nūḥ merupakan salah seorang yang pernah menyumbang ilmu untuk kelas wanita ini sejak dari tahun 1996.<sup>211</sup> Di antara kelas-kelas yang pernah beliau mengajar di sini, iaitu: kelas ‘*Aqīdah, Fiqh Sirah, Tazkiyah al-Nafs, ’Ahādīth al-Fitān, Hifz al-Hadīth* dan *Fiqh al-Da'wah*.<sup>212</sup> Ini adalah antara kelas-kelas yang diadakan secara mingguan. Selain itu, terdapat juga daurah pada musim *sayfī* (panas) diadakan secara bersiri, antaranya Daurah *Tafsīr* (*Sūrah al-Baqarah*,

<sup>208</sup> 'Ubādah Sayyid Nūḥ, (anak kepada Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis, di Kuwait, pada 4 Jun 2012.

<sup>209</sup> *Ibid.*

<sup>210</sup> Ummu Muḥammad (Pengelola Lajnah *Sā'id Akhāka Muslim*), dalam temubual dengan penulis, 11 Jun 2012.

<sup>211</sup> *Ibid.*

<sup>212</sup> *Ibid.*

Surah Āl-‘Imrān, Sūrah al-Nūr, Sūrah al-Ahzāb, Juz 27, 28 dan 30), Daurah Akhlāq Islāmiyyah dan Daurah *Ma‘a al-Rasūl fī Baytih*.<sup>213</sup> Bagi mengenang jasa dan bakti Sayyid Muḥammad Nūḥ terhadap Lajnah ini, pihak Lajnah telah mengabadikan namanya di dewan kuliah utamanya dengan nama “Dewan Sayyid Nūḥ” (قاعة د السيد نوح).<sup>214</sup> Lajnah kedua yang banyak diberikan sumbangan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam pengembangan dakwah kepada masyarakat di Kuwait ini iaitu **Lajnah Zakāh al-Uthmān**. Lajnah ini berfungsi dari aspek kebaikan dan pengumpulan dana zakat untuk mereka yang susah. Sayyid Muḥammad Nūḥ sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan lajnah ini. Lajnah ini telah diasaskan oleh al-Marḥūm al-Sayykh Ḥasan Ayyūb.<sup>215</sup> Sejak penubuhannya hingga kini, masyarakat di Kuwait banyak mendapat manfaat hasil kewujudan lajnah ini.

#### 2.1.5 Hasil Penulisan Karya dan Artikel

Sayyid Muḥammad Nūḥ telah banyak menghasilkan penulisan sama ada dalam bentuk penulisan karya atau penulisan artikel. Di samping itu, beliau juga banyak menyampaikan kuliah dan pengajaran kepada masyarakat yang sebahagiannya direkodkan untuk tatapan dan manfaat seluruh umat Islam. Penulisan yang dihasilkan oleh Sayyid Nūḥ adalah dalam bidang yang pelbagai dan tidak terhad kepada bidang hadith semata-mata. Walau bagaimanapun, metode yang digunakan tetap jelas adalah bermanhajkan pendekatan *al-*

<sup>213</sup> Ummu Muḥammad (Pengelola Lajnah Sā‘id Akhāka Muslim), dalam temubual dengan penulis, 11 Jun 2012.

<sup>214</sup> *Ibid.*

<sup>215</sup> Artikel Tanpa Penulis bertajuk “*al-Sayykh al-Sayyid Nūḥ*”, laman sesawang *ikhwani wiki*, ditinjau pada 25 Feb 2014, [http://www.ikhwaniwiki.com/index.php?title=السيد\\_نوح](http://www.ikhwaniwiki.com/index.php?title=السيد_نوح)

*haraki* dalam penulisan dan menjurus ke arah pentarbiahan dan dakwah kepada masyarakat. Berikut ini disertakan karya-karya dan artikel yang dihasilkan oleh Sayyid Nūḥ, disusun mengikut kategori dan bidang penulisan :

- **Bidang *Tafsīr***

1. *Dawāfi‘ ‘Ināyah al-Muslimīn bi al-Qur’ān al-Karīm*.<sup>216</sup>
2. *Bayna Yaday Tafsīr Sūrah Luqmān*.<sup>217</sup>
3. *Tafsīr Sūrah al-Nās wa Khawāṭir Hawlahā*.<sup>218</sup>

- **Bidang *Tārīkh al-Sunnah***

1. *Al-Hāfiẓ Abū al-Hajjāj al-Mizzī wa Juhūduh fī Kitāb Tahdhīb al-Kamāl*.<sup>219</sup>
2. *Al-Šāhābah wa Juhūduhum fī Khidmah al-Hadīth al-Nabawī*.<sup>220</sup>
3. *Al-Tābi‘ūn wa Juhūduhum fī Khidmah al-Hadīth al-Nabawī*.<sup>221</sup>
4. *Shifā’ al-Šuqūr fī Tārīkh al-Sunnah wa Manāhij al-Muḥaddithīn*.<sup>222</sup>

---

<sup>216</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Dawāfi‘ ‘Ināyah al-Muslimīn bi al-Qur’ān al-Karīm*, (al-Manṣūrah; Dār al-Yaqīn li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 1998).

<sup>217</sup> Rujukan dari proposal “Projek Pembukuan Hasil Penulisan Sayyid Nuh” sama ada yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan. Projek ini diusahakan oleh Dr Waṣfi ‘Āsyūr Abū Zaid. Waṣfy Asyūr Abū Zaid, (Penyelidik di al-Markaz al-‘Ālamī li al-Waṣatiyyah, Kuwait) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>218</sup> *Ibid.*

<sup>219</sup> Buku ini merupakan Tesis PhD Sayyid Nūḥ dan telah diterbitkan oleh Majalah *al-Wa‘y al-Islāmī* dan Kementerian Wakaf Kuwait, pada tahun 2012.

<sup>220</sup> Artikel ini diterbitkan di dalam *Majalah Markaz Buhūth al-Sunnah wa al-Sīrah*, Universiti Qatar, bil. 6, 1993. Lihat perincian di dalam artikel tanpa penulis, “al-Saykh al-‘Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ: Sīrah ‘Aṭrah”, laman sesawang *alsayednooh*, ditinjau pada 27 Feb 2014, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

<sup>221</sup> Artikel ini diterima untuk terbitan, *Majalah Markaz Buhūth al-Sunnah wa al-Sīrah*, Universiti Qatar, pada 17 Julai 1998. Lihat *Ibid.*

<sup>222</sup> Kitab ini terbitan terbaru cetakan Kementerian Wakaf Kuwait Tahun 2012.

- **Bidang ‘Ulūm al-Sunah wa al-Muṣṭalah**

1. *‘Ilm al-Tabaqāt: Haqīqatuh wa Qimātuh al-‘Ilmiyyah wa al-Hadāriyyah.*<sup>223</sup>
2. *Manāhij al-Muḥaddithīn fī Riwāyah al-Hadīth bi al-Ma‘nā.*<sup>224</sup>
3. *Muqaddimāt fī Takhrīj al-Hadīth.*<sup>225</sup>
4. *Al-Mabṣut fī ‘Ilm Ruwwah al-Hadīth.*<sup>226</sup>
5. *Al-Marwiyyat fī al-Tafsīr wa al-Maghāzī.*<sup>227</sup>
6. *Barnāmij Dirāsah al-Asānīd wa Turuq Takhrījuhā.*<sup>228</sup>
7. *Al-Manhal al-Rāwī fī ‘Ulūm al-Hadīth li Ibn Jamā‘ah (Tahqīq).*<sup>229</sup>

- **Bidang Hadith *Mawdū’ī* (Tematic)**

1. *Fiqh al-Hadīth al-Mawdū’ī.*<sup>230</sup>
2. *Husn al-Asmā’ wa al-Kunā wa al-Alqāb: al-Maghza wa al-Dawābit fī Daw’ al-Sunnah al-Nabawiyyah.*<sup>231</sup>
3. *Al-Tafā’ul wa al-Tatayyur fī Daw’ al-Hadīth al-Nabawī.*<sup>232</sup>
4. *Al-Tawaṣūl al-Hadārī Bayna al-Ajyal fī Daw’ al-Hadīth al-Nabawī.*<sup>233</sup>

---

<sup>223</sup> Artikel dalam Ḥawliyyah Kulliyah Uṣūl al-Dīn wal-Da‘wah al-Islāmiyyah, Tanta, bil.9, tahun 1998. Lihat artikel tanpa penulis, “al-Saykh al-Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ: Sirah ‘Aṭrah”, laman sesawang alsayed nooh, ditinjau pada 27 Feb 2014, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

<sup>224</sup> Artikel di Jurnal Kulliyah Syarī‘ah wa al-Dirasāt al-Islāmiyyah, Kuwait, tahun 13, bil. 34 (Dhū al-Hijjah 1418H, April 1998), hlm 70. Lihat, *Ibid*.

<sup>225</sup> Artikel ini diterbitkan di dalam Majallah al-Adab, Universiti al-Imārāt, bil.7, tahun 1991. Lihat juga *Ibid*.

<sup>226</sup> Rujukan dari proposal “Projek Pembukuan Hasil Penulisan Sayyid Nūḥ” sama ada yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan. Projek ini diusahakan oleh Dr Waṣfi ‘Āsyūr Abū Zayd. Waṣfi ‘Āsyūr Abū Zayd, (Penyelidik di al-Markaz al-‘Ālamī li al-Wasaṭiyyah, Kuwait) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>227</sup> *Ibid*.

<sup>228</sup> *Ibid*.

<sup>229</sup> *Ibid*.

<sup>230</sup> *Ibid*.

<sup>231</sup> Lihat artikel ini di dalam Ḥawliyyah Kulliyah Uṣūl al-Dīn wa al-Da‘wah al-Islāmiyyah, Tanta, bil. 8 (1417H/ 1997M), 379-423. Lihat artikel tanpa penulis, *al-Saykh al-Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ: Sirah ‘Aṭrah*, laman sesawang alsayed nooh, dicapai 27 Feb 2014, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

<sup>232</sup> Artikel di dalam Ḥawliyyah Kulliyah Uṣūl al-Dīn wa al-Da‘wah al-Islāmiyyah, Tanta, bil. 9 (1418H/1998M), 51. Lihat juga *Ibid*.

5. *Dar' Ta'āruq Ahādīth Karrā' al-Ard*.<sup>234</sup>
6. *Mustaqbal al-Islām fī Daw' al-Hadīth al-Nabawī*.<sup>235</sup>
7. *Maqāsid al-Zawāj fī Daw' al-Sunnah al-Nabawiyyah*.<sup>236</sup>
8. *Hadīth Hanżalah: Sā'ah wa Sā'ah wa Fiqh 'Ibādah fī al-Islām*.<sup>237</sup>
9. *Mizān al-A 'māl fī al-Islām min Khilāl Hadīth Innamā al-A 'māl bi al-Niyyah*.
10. *Ghāyah al-Bayān fī Sharḥ Mukhtārāt min al-Sunan*.<sup>238</sup>

- **Bidang Hadith Tahlili**

1. *Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq*. (Juzuk 1).<sup>239</sup>
2. *Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq*. (Juzuk 2).<sup>240</sup>
3. *Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq*. (Juzuk 3).<sup>241</sup>

- **Bidang Thaqāfah dan Pemikiran Islam**

1. *Hājah al-Basyariyyah Ila al-Hukm bi mā Anzala Allāh*.<sup>242</sup>

<sup>233</sup> Artikel ini telah diterima untuk terbitan di dalam Ḥawliyyah Kulliyah Uṣūl al-Dīn wa al-Da'wah al-Islāmiyyah, Tanta, 3 Julai 1998. Lihat *Ibid*.

<sup>234</sup> Artikel ini telah diterima untuk terbitan di dalam Majallah Kuliyyah al-Syārī'ah wa al-Qānūn, Tanta pada 31 Okt. 1998. Lihat *Ibid*.

<sup>235</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Mustaqbal al-Islām fī Daw' al-Hadīth al-Nabawī*, Majallah al-Zahrā', Kuliyyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-'Arabiyyah, Universiti al-Azhar, Kaherah, bil. 16, Zulkaedah 1418/ Feb 1998), 9-60. Lihat *Ibid*.

<sup>236</sup> Menurut kenyataan di dalam artikel laman sesawang [alsayednooh.com](http://alsayednooh.com), kitab ini telah dicetak oleh percetakan Dār al-Wafā', al-Mansūrah, Mesir, tanpa dinyatakan tarikh dicetaknya buku ini. Namun, setakat pencarian penulis, buku ini tidak dijumpai. Lihat *Ibid*.

<sup>237</sup> Artikel ini telah diterima untuk terbitan di dalam Ḥawliyyah Kulliyah Uṣūl al-Dīn wa al-Da'wah al-Islāmiyyah, pada Jan 1996. Lihat *Ibid*.

<sup>238</sup> Menurut kenyataan di dalam artikel laman sesawang [alsayednooh.com](http://alsayednooh.com), kitab ini telah dicetak di al-Mansurah, Mesir, tanpa dinyatakan tarikh dan penerbit buku ini. Namun, setakat pencarian penulis, buku ini tidak dijumpai. Lihat *Ibid*.

<sup>239</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq*. (Mansurah: Dār al-Yaqīn : 1998), 1&2.

<sup>240</sup> *Ibid*.

<sup>241</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq* (Mansurah: Dār al-Yaqīn : 2003), 3.

<sup>242</sup> Menurut kenyataan di dalam artikel laman sesawang [alsayednooh.com](http://alsayednooh.com), kitab ini telah dicetak oleh percetakan Dār al-Yaqīn, Mansurah, Mesir, tanpa dinyatakan tarikh dicetaknya buku ini. Namun, setakat pencarian penulis, buku ini tidak dijumpai. Lihat artikel tanpa penulis, *al-Saykh al-Allāmah al-Duktūr al-*

2. *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fī Qaḍiyah al-Taghyīr bi Jānibayh al-Tarbawī wa al-Da‘awī.*<sup>243</sup>
3. *Shakhsiyah al-Muslim Bayna al-Fardiyah wa al-Jamā‘iyah.*<sup>244</sup>
4. *Al-Waqt fī Ḥayāh al-Muslim.*<sup>245</sup>
5. *Al-Usrah al-Muslimah wa al-Tahaddiyāt al-Mu‘āṣirah.*<sup>246</sup>
6. *Adab al-Hiwar wa al-Ikhtilāf.*<sup>247</sup>
7. *Asās al-iwar wa Qawā‘iduh ‘inda ibn Taymiyyah.*<sup>248</sup>
8. *Al-Maghza wa al-Dawābiṭ fī Daw’ al-Hadīth al-Nabawī.*<sup>249</sup>

- **Bidang Dakwah dan Tarbiah**

1. *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih.*<sup>250</sup>
2. *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jayl al-Ṣahābah.*<sup>251</sup>
3. *Al-Jihād wa ’Āthāruh fī Ḥayāh al-Jayl al-Rabbānī.*<sup>252</sup>
4. *Āfāt ‘alā al-Tarīq (5 Juzuk).*<sup>253</sup>

Sayyid Muhammad Nūḥ: *Sīrah ‘Aṭrah*, laman sesawang alsayed nooh, dicapai 27 Feb 2014, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>

<sup>243</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fī Qaḍiyah al-Taghyīr bi Jānibayh: al-Tarbawī wa al-Da‘awī*(Mansurah: Dār al-Wafā’, 1991).

<sup>244</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Shakhsiyah al-Muslim Bayna al-Fardiyah wa al-Jamā‘iyah*, (al-Mansurah: Dar al-Wafa’: 1993).

<sup>245</sup> Rujukan dari proposal “Projek Pembukuan Hasil Penulisan Sayyid Nuh” sama ada yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan. Projek ini diusahakan oleh Dr Wasfi ‘Āsyūr Abū Zayd. Waṣfi ‘Āsyūr Abū Zayd, (Penyelidik di al-Markaz al-‘Ālamī li al-Waṣatiyyah, Kuwait), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>246</sup> *Ibid.*

<sup>247</sup> *Ibid.*

<sup>248</sup> *Ibid.*

<sup>249</sup> *Ibid.*

<sup>250</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih* (Mansurah: Dār al-Wafā’, 1993).

<sup>251</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jayl al-Ṣahābah* (Beirūt: Dār Ibn Hazm , 1994).

<sup>252</sup> Rujukan dari proposal “Projek Pembukuan Hasil Penulisan Sayyid Nūḥ” sama ada yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan. Projek ini diusahakan oleh Dr Waṣfi ‘Āsyūr Abū Zayd. Waṣfi ‘Āsyūr Abū Zayd, (Penyelidik di al-Markaz al-‘Ālamī li al-Waṣatiyyah, Kuwait), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>253</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Āfāt ‘alā al-Tarīq* (cet. ke 13, Mansurah : Dār al-Wafā’, 1999), 1

5. *Takwīn al-Bayt al-Muslim*.<sup>254</sup>
6. *Al-Hadhr wa al-Indibāt fī al-Islām*.<sup>255</sup>
7. *Al-Murabbī fī al-Harakah al-Islāmiyyah*.<sup>256</sup>
8. *Binā' al-Uṣrah al-Muslimah al-Murabbi Ibn Khaldūn*.<sup>257</sup>
9. *Malāmih al-Tarbiyah 'inda Ibn 'Abd Rabbah*.<sup>258</sup>
10. *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah fī al-Manhaj al-Islāmiy*.<sup>259</sup>

Berdasarkan karya-karya penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ yang telah dikemukakan ini, dapat disimpulkan bahawa karya-karya beliau ada yang dalam bentuk penulisan buku dan ada yang dalam bentuk penulisan artikel (*Maqālah*). Di samping itu, karya-karya tersebut sebagiannya telah diterbitkan dan sebahagian yang lain masih belum diterbitkan. Berdasarkan “Projek Pembukuan Karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ” yang telah diusahakan oleh Waṣfī ‘Āsyūr Abū Zayd menunjukkan masih terdapat karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang belum dicetak dan kebanyakannya bermanfaat untuk dijadikan bahan tarbiah di dalam dakwah gerakan Islam.<sup>260</sup>

---

Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Āfāt 'alā al-Tariq* (cet. ke 12, (Mansurah : Dār al-Wafā', 1999), 2.

Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Āfāt 'alā al-Tariq* (cet. ke 6, (Mansurah : Dār al-Wafā', 1999), 3.

Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Āfāt 'alā al-Tariq* (cet. ke 4, (Mansurah : Dār al-Wafā', 1999), 4.

Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Āfāt 'alā al-Tariq* (Mansurah : Dār al-Wafā', 1999), 5.

<sup>254</sup> Rujukan dari proposal “Projek Pembukuan Hasil Penulisan Sayyid Nūḥ” sama ada yang telah diterbitkan atau yang belum diterbitkan. Projek ini diusahakan oleh Dr Waṣfī ‘Āshūr Abū Zaid. Waṣfī ‘Āshūr Abū Zaid, (Penyelidik di al-Markaz al-‘Alamī li al-Waṣatiyyah, Kuwait), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>255</sup> *Ibid.*

<sup>256</sup> *Ibid.*

<sup>257</sup> *Ibid.*

<sup>258</sup> *Ibid.*

<sup>259</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah fī al-Manhaj al-Islāmiy* (Mansurah: Dār al-Wafā', 1993).

<sup>260</sup> Terdapat sekurangnya-kurangnya 11 buah penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ yang dikenal pasti dari catatan “Projek Pembukuan Karya-karya Sayyid Nūḥ” oleh Waṣfī ‘Āsyūr Abū Zayd yang masih dalam bentuk manuskrip dan belum dibukukan.

Karya-karya beliau juga banyak diterjemah ke dalam bahasa Melayu (Malaysia dan Indonesia). Antara karya-karya beliau yang telah diterjemah, iaitu kitab *Āfāt ‘alā al-Tarīq*, *Tawjīhāt Nabawiyah ‘ala al-Tarīq*, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jayl al-Šahābah*, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih*, *Fiqh al-Da‘wah al-Fardiyah fī al-Manhaj al-Islāmiy*. Untuk lebih jelas dalam melihat karya-karya Sayyid Nūḥ yang telah di terjemah ke dalam bahasa Melayu, boleh dilihat seperti mana dalam jadual berikut :

No	Kitab Sayyid Muhammad Nūḥ	Terjemahan ke Bahasa Melayu (Malaysia / Indonesia).	Cetakan (Karya Terjemahan).
1	<i>Āfāt ‘alā al-Tarīq</i>	Menggapai Reda Ilahi	Penerbitan Darul Iman, Batu Caves, 2000
		Wabak Sepanjang Jalan	Cetakan Pas Kedah
		Terapi mental aktifis harakah: telaah atas penyakit mental dan sosial kontemporer pada da'i	Solo: CV. Pustaka Mantiq, 1994.
		Penyebab Gagalnya Dakwah	Jakarta: Gema Insani, 1998.
2	<i>Tawjīhāt Nabawiyah ‘ala al-Tarīq</i>	Pesan-Pesan Nabi SAW: Syarah Hadits Dari Aspek Dakwah dan Tarbiah (Jilid 1)	Jakarta: Penerbit An-Nadwah, 2004.
3	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jayl al-Šahābah</i>	Berguru Kepada Sahabat Nabi SAW	Solo : Era Intermedia, 2008.
4	<i>Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih</i>	Cara Rasulullah Mengobarkan Semangat Jihad	Media Insani.
5	<i>Fiqh al-Da‘wah al-Fardiyah fī al-Manhaj al-Islāmi</i>	Dakwah Fardiyah : Pendekatan Personal Dalam Dakwah	Era Adicitra

			Intermedia, 2011
--	--	--	------------------

**Jadual 2 : Karya-Karya Sayyid Muhammed Nūḥ Yang Telah Diterjemahkan ke Dalam Bahasa Melayu dan Indonesia.**

Selain karya-karya di atas, beliau juga ada menghasilkan artikel-artikel penulisan dalam Majalah *al-Mujtama'* di bawah kolumn *al-Mujtama'* *al-Tarbawī*. Antara artikel-artikel tersebut:

No	Tajuk	Bil (Majalah)
1	أُخْلَاقُ النَّصْرِ فِي جَيلِ الصَّحَابَةِ (الْحَرْصُ عَلَى الْإِجْتِمَاعِ وَالْوَحْدَةِ)	1016 – September Tahun 1992
2	أُخْلَاقُ النَّصْرِ فِي جَيلِ الصَّحَابَةِ (الْحَرْصُ عَلَى التَّقْفِيَةِ فِي الدِّينِ)	1031 – Disember Tahun 1992
3	أَسْبَابُ الْقِعْدَةِ عَنِ الْعَمَلِ لِدِينِ اللَّهِ وَبِوَاعِثِهِ	1099 – Mei Tahun 1994
4	أَضْوَاءٌ عَلَى عِلْمِ تَزْكِيَّةِ الْأَنْفُسِ	1197-April Tahun 1996
5	الْقُوَّةُ فِي الإِسْلَامِ : أَهْمِيَّتُهَا وَطُرُقُ تَحْصِيلِهَا	1508 – Julai Tahun 2002

**Jadual 3 : Artikel-Aritkel Tulisan Sayyid Muhammed Nūḥ di Dalam *Majallah al-Mujtama'***

Untuk tajuk-tajuk berkaitan kuliah pengajaran yang pernah disampaikan oleh Sayyid Muhammed Nūḥ, penulis akan menyenaraikannya di bawah sub-topik “Projek Pembinaan Laman Web Sayyid Muhammed Nūḥ” iaitu sub-topik yang berikut ini, kerana sebahagian

dari tajuk-tajuk dan bahan audio kuliah Sayyid Nuh terkandung di dalam laman web yang akan disentuh selepas ini.

### **2.1.6 Projek Pembinaan Laman Web Sayyid Nūḥ**

Bagi mengenang jasa Sayyid Nūḥ dan sumbangannya kepada dunia Islam serta menjaga dan menyebar luaskan turath karya-karya peninggalannya kepada masyarakat, laman web Sayyid Nūḥ telah dibina pada Disember 2007, iaitu beberapa bulan setelah pemergian beliau. Laman web ini telah dibina atas inisiatif anak-anak Sayyid Nūḥ sendiri dan diketuai oleh ‘Ubādah Sayyid Nūḥ.<sup>261</sup> Alamat rasmi bagi laman web ini iaitu; *alsayednooh.com*.

Laman web ini menghimpunkan karya-karya Sayyid Nūḥ serta artikel yang pernah dihasilkan oleh beliau di samping bahan-bahan pengajaran dalam bentuk audio turut dimuatkan di dalam laman ini. Sayyid Nūḥ juga meninggalkan bahan ilmu dalam bentuk kuliah pengajaran yang direkodkan dan sebahagian besarnya dimuatkan di dalam laman web ini. Antara tajuk-tajuk kuliah Sayyid Nūḥ tersebut seperti mana di dalam jadual berikut :

No	Tajuk-tajuk kuliah yang dimuatkan dalam laman web <i>alsayednooh.com</i>
1	رسول صلی اللہ علیہ وسلم فی قلوب اتباعہ ومحبیہ
2	یاجوج و مأجوج ۲ و ۱
3	غزوہ تبوك

<sup>261</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (anak kepada Sayyid Muhammad Nūḥ) dalam temubual dengan penulis, 11 Jun 2012.

4	غزوة مؤته
5	غزوة خيبر
6	فضائل القرآن
7	غزوتا بنى نصیر و بنی قريظة
8	الإسراء والمعراج وحال الأمة
9	الإنفاق
10	الدعا
11	تفسير سورة فصلت 18 & 2
12	حافة المهاوية
13	السنة المفترى عليها

**Jadual 4 :** Antara Bahan-Bahan Kuliah Yang Telah Disampaikan Oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dan Dimuatkan di Dalam laman web *alsayednooh.com*.

Selain itu, pernah diadakan pertandingan dalam menghasilkan penulisan dari aspek tarbawi berkaitan *Thaqāfah Islāmiyyah* atas nama “*Musābaqah al-Saykh Sayyid Nūḥ*” dan dimuatkan hebahannya di dalam website Sayyid Nūḥ ini. Pertandingan ini telah diadakan pada mulanya tahun 2010. Pertandingan ini bertujuan untuk membangkitkan semangat penuntut ilmu dan para penyelidik serta pendakwah dalam mengkaji konsep dakwah serta penyakit masyarakat dalam proses melakukan pengislahan dalam kehidupan masyarakat.

Terdapat tiga bidang penyelidikan yang dipertandingkan iaitu :

1. Bidang Pengajian al-Quran (Prinsip Tarbiah di Dalam al-Quran).
2. Bidang Pengajian *al-Sunnah* dan *al-Sīrah* (Petunjuk Rasulullah SAW Dalam Pelaksanaan Perubahan).

### 3. Bidang Pengajian *Fiqh* (Peranan Ahli *Fiqh* Dalam Pengislahan Masyarakat).

Jawatankuasa pertandingan ini telah menawarkan hadiah buat para pemenang berupa wang tunai sebanyak 3.000 Pound Egypt untuk tempat pertama. Tempat kedua wang tunai sebanyak 2000 Pound Egypt dan tempat ketiga sebanyak 1000 pound Egypt.<sup>262</sup>

#### 2.1.7 Artikel-Artikel di Internet Berkaitan Sayyid Nūḥ

Terdapat beberapa artikel di internet yang ditulis oleh kenalan rapat Sayyid Nūḥ berkaitan sirah kehidupan serta sumbangan beliau dalam dunia dakwah dan pengajian hadith seperti mana berikut:

No	Penulis	Tajuk	Laman Web
1	Waṣfī Ḥasyūr Abū Zayd	السيد نوح وجهوده في خدمة الحديث	<a href="http://www.islamonline.net">www.islamonline.net</a>
2	Waṣfī Ḥasyūr Abū Zayd	السيد محمد نوح، العالم.. الداعية.. المربى	<a href="http://www.islamonline.net">www.islamonline.net</a>
3	Waṣfī Ḥasyūr Abū Zayd	الأقصىأمانة..الوصية الأخيرة للشيخ الدكتور السيد نوح	<a href="http://www.ikhwanonline.com">www.ikhwanonline.com</a>
4	Waṣfī Ḥasyūr Abū Zayd	د. سيد نوح وأسماء الله الحسنى..منهجية التميز	<a href="http://www.onislam.net">www.onislam.net</a>
4	Wassām Kamāl	السيد نوح.. خادم الدعوة.. وحبيب الدعاة	<a href="http://www.islamonline.net">www.islamonline.net</a>
5	Yahyā Ismā‘il Hablūsy	أخي السيد محمد السيد نوح	<a href="http://www.jabhaonline.org">www.jabhaonline.org</a>
6	‘Abd al-Sattār Fatah Allāh Sa‘īd	د عبد الستار فتح الله سعيد	<a href="http://www.alsayednooh.com">www.alsayednooh.com</a>

**Jadual 5 :** Tulisan Artikel Berkaitan Sayyid Muhammad Nūḥ Yang Ditulis Oleh Para Sarjana Islam Semasa.

<sup>262</sup> Lihat <http://www.alsayednooh.com/mosabaka.php>.

## **2.1.8 Pembinaan *Maktabah* (Perpustakaan) Wakaf**

Menurut anak Sayyid Muḥammad Nūḥ, ‘Ubādah Nūḥ, sebelum ayahnya meninggal dunia, beliau telah mewasiatkan supaya buku-buku milik peribadinya diwakafkan kepada penuntut ilmu dan dibina perpustakaan untuk tujuan tersebut, khusus untuk kegunaan umum.<sup>263</sup> Perpustakaan tersebut telah dibina di kawasan Maḥallah, *Muḥāfazah al-Gharbiyyah*, Mesir, berdekatan dengan tempat kelahirannya di Kafr al-Syaykh, Mesir. Maktabah tersebut telah dibuka secara rasmi pada hari Jumaat, 27 Jan 2012 dan dihadiri beberapa ahli ulama dan ahli parlimen kawasan, serta teman-teman rapat kepada Sayyid Nūḥ, di antaranya adalah Dr ‘Abd al-Sattār Fatāḥ Allāh Sa‘īd, dan Dr Yahyā Ismā‘īl.<sup>264</sup> Buku peribadi milik Sayyid Nūḥ dianggarkan sebanyak 200 ribu buah buku dan telah diwakafkan untuk pembinaan *Maktabah* ini.<sup>265</sup>

## **2.1.9 Meninggal Dunia Serta Pujian dan Penyaksian Ulama Terhadapnya**

Setelah berbakti sekian lama kepada dunia dakwah dan tarbiah, beliau dijemput mengadap ilahi dan meninggal dunia pada 16 Rajab 1428H bersamaan 30 Julai 2007. Ramai dikalangan ulama yang memberikan pujian dan penyaksian terhadapnya. Perbincangan berikut ini, penulis mengemukakan beberapa pandangan dan pendapat ulama yang menyaksikan kebaikan dan pujian mereka terhadap Sayyid Muḥammad Nūḥ, sama ada dari

---

<sup>263</sup> ‘Ubādah Sayyid Nūḥ (Anak Sayyid Nūḥ dan Wartawan di Majalah al-Wa‘y al-Islāmī, Kuwait), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2012.

<sup>264</sup> Lihat keterangan di dalam Muḥammad Amin, “200 Alf Kitāb Hadiyyah al-Dā‘iyah al-Rāḥil Sayyid Nūḥ li al-Bāḥithīn wa al-Qurrā”, laman sesawang *Ikhwan Online*, ditinjau pada 15 Sep. 2013, <http://www.ikhwanonline.com/Article.aspx?ArtID=99683&SecID=0>.

<sup>265</sup> *Ibid.*

aspek keperibadiannya, sumbangan dan ketokohnanya serta komitmen beliau yang tinggi dalam dunia dakwah dan gerakan Islam.

### 1) **Tawfiq al-Wā‘ī:**<sup>266</sup>

*“Salam sejahtera ke atas engkau wahai hafiz al-Quran, alim dalam syariah dan faqih, seorang dā‘ī dan ulama kepada ummah, lidah petunjuk yang fasih, seorang murabbi yang memiliki qudwah, pembimbing pemuda yang sangat mulia, salam sejahtera ke atas engkau wahai diri yang memiliki hujah yang nyata, yang membawa penjelasan dengan balaghah yang tinggi, pemimpin dakwah yang berjaya, salam sejahtera ke atas engkau wahai insan yang memiliki akhlak yang mulia, insan yang memiliki sifat pemalu yang cantik, berserta adab yang tinggi, jiwa yang bersih dan selamat, memiliki sifat ukhuwah yang manis, serta memiliki kesungguhan peribadi yang besar. Salam sejahtera ke atas engkau wahai jiwa yang mulia dalam pemberian, bersifat toleransi, lemah lembut dengan saudara-saudaramu....”<sup>267</sup>*

### 2) **‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī:**<sup>268</sup>

*Saya mengenali Sayyid Muhammad Nūḥ ketika di Emiriat, iaitu sejak 15 tahun yang lalu. Ketika itu kami bersama-sama bertemu dalam satu pengisian (muhadarah). Sejak dari pertemuan itu, saya meyakini, saya*

<sup>266</sup> Taufiq Yūsuf al-Wā‘ī merupakan salah seorang tokoh dakwah Gerakan Ikhwan Muslimin di Kuwait dan Mesir juga dikenali di dalam dunia gerakan dakwah seluruh dunia. Beliau merupakan mantan Prof dalam bidang dakwah dan mantan Ketua Jabatan Akidah dan Dakwah, kuliyyah Syariah, Universiti Kuwait. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang dakwah dan gerakan Islam terutamanya mengenai Ikhwan Muslimin. Antara karya-karya beliau : *al-Ikhwān al-Muslimūn : Kubra al-Ḥarakāt al-Islāmiyyah : Syubuhāt wa Rudūd, Kubra al-Jama‘āt al-Islāmiyyah al-Islāhiyyah fī al-Ālam al-Mu‘āṣir : Jama‘āt; Ḥarakāt; Ahzāb, Mawsū‘ah Syuhadā’ al-Ḥarakah al-Islāmiyyah fī al-‘Aṣr al-Ḥadīth, al-Fikr al-Siyāsī al-Mu‘āṣir ‘Inda Ikhwān al-Muslimūn, al-Ru‘yah al-Syāmilah li Manhaj al-Ikhwān al-Muslimūn*. Beliau juga merupakan kenalan rapat dengan Sayyid Muhammad Nūḥ semasa hayatnya dan bersama-sama aktif dalam gerakan Ikhwan Muslimin di Kuwait. Lihat lanjutan keterangan mengenai Taufiq al-Wā‘ī ini di dalam laman rasmi Ikhwan Muslimin. Artikel tanpa penulis, “al-Duktūr Taufiq al-Wā‘ī” laman sesawang *ikhwan wiki*, 25 Ogos 2014,<http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=الدكتور توفيق الوعي>

<sup>267</sup> *Ibid.*

<sup>268</sup> ‘Abd al-Ḥamīd Jāsim Aḥmad al-Jāsim al-Bilālī merupakan salah seorang ulama dan tokoh *haraki* di Kuwait. Bekerja secara rasmi sebagai Jurutera dalam bidang Kejuruteraan Elektrik. Beliau banyak terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan dan menganggotai beberapa Badan Kesatuan antaranya; Badan Kesatuan Islah Masyarakat, Anggota dalam Majlis Kesatuan Basyāir al-Khayr dan Kesatuan Penulis dan Wartawan di Kuwait. Beliau banyak menghasilkan buku-buku dakwah dan *harakah* yang menjadi rujukan bahan tarbiyah dan tidak terkecuali di dalam gerakan Ikhwan Muslimin. Antara karya-karya dakwah beliau; *Fiqh al-Da‘wah fī Inkār al-Munkar, Mawāqif Tarbawiyyah min al-Sīrah al-Nabawiyyah, Musykilāt wa ḥulūl fī Haql al-Da‘wah 1&2, Waqfah Tarbawiyyah*. Lihat biografi ‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī secara lanjut di dalam laman sesawang ‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī. ‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī, *al-Sīrah al-Dhātiyyah*, laman sesawang *albelālī*, dicapai pada 25 Ogos 2014, <http://www.albelali.com/#cv>.

*sedang berdepan dengan seorang yang alim lagi rabbani yang sangat berbeza dengan kebanyakan ulama semasa. Ketika dalam muhadarah tersebut, beliau bersalaman dengan saya dengan penuh rasa kepanasan (ukhuwah), seolah-olah telah mengenali saya sejak puluhan tahun yang lalu, dan dia telah mengejutkan saya dengan satu ungkapan yang menunjukkan sikap tawaduknya yang tinggi, ketika dia berkata kepada saya "...saya mendapat banyak manfaat hasil pembacaan dari buku anda..". Saya berkata "...astaghfirullah, siapa saya wahai Syeikh sehingga dapat mengambil istifadah dari buku saya..". Beliau tidak berkata demikian atas dasar gurauan dan mujāmah, tetapi kata-katanya tersebut diiringi dengan tajarrud (menanggalkan) segala shuhrah (populariti), gelaran dan ilmu yang dimilikinya. Dia berkata demikian kerana seorang faqih yang benar ialah bersikap tawaduk terhadap orang lain dalam keadaan dia mampu untuk bersikap sebaliknya (sombong). Suatu ketika, Hasan al-Baṣrī keluar bersama dengan dua orang rakannya dan mereka saling berbincang tentang sifat tawaduk, lalu katanya kepada mereka berdua: "Adakah kamu berdua tahu apakah itu tawaduk?. Tawaduk ialah apabila kamu keluar daripada rumah kamu, dan tidak kamu berjumpa dengan setiap muslim, kecuali melihatnya ada kelebihan yang kamu dapat pelajari darinya."*<sup>269</sup>

### 3) Tarīq Muḥammad al-Suwaidān:<sup>270</sup>

*"Sayyid Muḥammad Nūḥ merupakan salah seorang ulama yang 'āmilīn (beramal dengan ilmu), du'āt yang bersifat murabbi (pendidik), pemberi nasihat yang benar. Sikapnya adalah untuk menyatu bukan memecah belahkan, pemberi semangat bukan menjatuhkan, memperbaiki bukan meruntuhkan, menyayangi bukan memusuhi....beliau tidak mengajak kepada kepartian, puak atau jemaah tanpa yang lain. Oleh kerana itu, semua menghormati dan menyayanginya, mempercayainya dan mengambil (ilmu) darinya. Sayyid Nūḥ semasa riwayat hidupnya tidak meninggalkan ruang waktu kosong, tenaga atau satu-satu peluang kecuali beliau manfaatkannya dengan sebaik mungkin. Aku belajar darinya seni senyuman dalam kelas pengajaranku, semasa berkhutbah atau menyampaikan pengisian program. Dr Sayid Nūḥ (semoga Allah merahmatinya) seorang yang sering kali melemparkan senyuman, beliau*

<sup>269</sup> Lihat 'Abd al-Ḥamīd al-Bilālī, “Ālim Rabbānī Faqadnāhu”, laman sesawang *Ikhwan wiki*, ditinjau pada 25 Ogos 2014, <http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=%D8%A7%D9%84%D8%A5%D9%85%D8%A7%D9%85%20%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%82%D9%84%D9%8A%D9%86>

<sup>270</sup> Beliau ialah Ṭāriq Muḥammad al-Ṣāliḥ al-Suwaidān, dilahirkan di Kuwait pada tahun 1953. Memiliki Ijazah Kedotoran (PhD) dalam Bidang Kejuruteraan Petroleum dari Universiti Tulsa, Oklahoma, Amerika Syarikat. Aktif mengendalikan seminar dan bimbingan dalam dakwah serta aktif menghasilkan bahan penulisan berkaitan pengurusan kehidupan, tips kepimpinan yang berkesan, pengurusan masa dan sebagainya. Kebanyakan pengisian yang disampaikan dan dijadikan bahan penulisan dikaitkan dengan cara pengurusan islam dan pengajaran dari sirah dalam aspek pengurusan kehidupan. Beliau juga terlibat dalam gerakan Islam di Kuwait. Lihat lanjutan keterangan mengenai keperibadiannya dalam laman milik Dr Suwaidān. Ṭāriq Muḥammad al-Suwaidān, “Sirah wa Masirah”, laman sesawang *suwaidan*, ditinjau pada 1 September 2014, <http://www.suwaidan.com/resume-and-history>.

*tidak lokek dengan senyuman dalam penyampaian pengajarannya, dan ternyata sikap beliau dengan senyuman ini memberi kesan mendalam kedalam hati orang ramai yang berdamping dan bersahabat dengannya atau mengambil ilmu darinya...<sup>271</sup>*

## **2.1.10 Kekurangan dan Kelemahan**

Di samping kelebihan dan pujian ulama terhadap ketokohan Sayyid Muḥammad Nūḥ, terdapat kekurangan dan kelemahan yang dikaitkan dengan kehidupan tokoh ini sepetimana yang dinyatakan oleh Yaḥya Ismā‘īl. Menurut Yaḥya Ismā‘īl, Sayyid Muḥammad Nūḥ lebih banyak disibukkan dengan kerja-kerja dakwah dalam gerakan Ikhwan Muslimin sehingga beliau tidak bekesempatan untuk menghasilkan karya-karya yang lebih menjurus kepada pengkhususan hadith secara langsung seperti ilmu *riwāyah* dan *rijāl al-hadīth*.<sup>272</sup> Sedangkan idea yang dimiliki oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam mengembangkan penyelidikan berkaitan ilmu *riwāyah* dan *Ilāl al-hadīth* ini amat banyak sekali dalam perancangan penyelidikannya.<sup>273</sup> Kepakaran beliau di dalam ilmu ‘*Ilal al-hadīth* ini juga dapat dibuktikan melalui kajian beliau di peringkat sarjana (master)<sup>274</sup> dan di peringkat PhD yang dihasilkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ.<sup>275</sup> Namun disebabkan kesibukannya terhadap tugasannya dalam gerakan Ikhwan Muslimin banyak tergendala usaha-usaha penyelidikan tersebut.<sup>276</sup> Di atas faktor ini juga, karya-karya Sayyid

<sup>271</sup> Al-Ḥusayn Mūsā Qāsim, *Dr Sayyid Nūḥ: Qiṣṣah Da‘iyah*, 13.

<sup>272</sup> Yaḥya Ismā‘īl (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis di Kuwait pada 8 Jun 2012.

<sup>273</sup> *Ibid.*

<sup>274</sup> Tajuk disertasi master beliau “*Zawāj al-Nabi bi Zainab binti Jahsy wa Rad al-Maṭā‘in al Latī Uthīrat Ḥawlah fī Daw’ al-Manhaj al-Naqdī ‘Inda al-Muḥaddithīn*” – “*Perkahwinan Rasulullah SAW dengan Zaynab binti Jahsy; Menolak Tohmahan Sekitar Perkahwinan itu Berdasarkan Manhaj Golongan Muḥaddithīn*.”

<sup>275</sup> Tajuk tesis PhD beliau “*Al-Ḥāfiẓ Abū al-Ḥajjāj al-Mizzī wa Juhūduh fī Kitāb Tahdhīb al-Kamāl*” - “*Al-Ḥāfiẓ Abū al-Ḥajjāj Yūsuf al-Midhdhī dan Kesungguhananya dalam Penulisan Tahdhīb al-Kamāl*”.

<sup>276</sup> Yaḥya Ismā‘īl (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muḥammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis di Kuwait pada 8 Jun 2012.

Muhammad Nūḥ kelihatan lebih banyak dihasilkan dalam bidang dakwah dan gerakan Islam berbanding penghasilan karya-karya yang lebih memberi khidmat secara langsung terhadap ilmu ‘*ilal al-hadīth*. Oleh yang demikian, beliau lebih dikenali sebagai tokoh *harakah* dan dakwah berbanding ketokohan dan kepakaran yang dimilikinya di dalam bidang hadith.

### **2.1.11 Kesimpulan**

Kesimpulan berkaitan latar belakang kehidupan Sayyid Muhammad Nūḥ serta sumbangannya dalam bidang hadith dan dakwah bahawa beliau memiliki ketokohan yang tersendiri dalam kedua-dua bidang tersebut. Penglibatan beliau dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin juga telah mengubah prinsip gerak kerja dan pelaksanaan dakwahnya kearah pendekatan *haraki* dan gerakan Islam. Perkara ini juga telah mempengaruhi pendekatan beliau dalam huraian terhadap hadith-hadith yang dijadikan sebagai dalil dan hujjah dalam membahaskan sesuatu isu *haraki* yang diketengahkan. Penulis akan mengulas pendekatan *haraki* Sayyid Muhammad Nūḥ ini terutamanya dalam memfokuskan metode ulasan beliau terhadap hadith-hadith Nabi SAW di dalam bab ketiga selepas ini. Manakala bahagian kedua dari bab kedua selepas ini adalah bahagian pengenalan beberapa karya terpilih beliau yang dijadikan tumpuan kajian penulis bagi menilai metode ulasan dan huraian hadith yang digunakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ dalam karya-karya beliau.

## **2.2 Bahagian Kedua: Pengenalan Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ dan Metode Penulisan**

### **2.2.0 Pendahuluan**

Bahagian kedua ini, penulis akan membahaskan berkaitan pengenalan dan metodologi penulisan karya-karya Sayyid Nūḥ yang dijadikan tumpuan dalam kajian ini iaitu empat buah karya yang dipetik darinya sejumlah hadith-hadith untuk dianalisis *al-manhaj al-haraki* dalam hadith-hadith ini. Analisis terhadap hadith-hadith ini akan dilakukan di dalam bab yang ketiga nanti.

#### **2.2.1 *al-Manhaj al-Haraki* Dalam Karya-Karya Sayyid Nūḥ**

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, Sayyid Muḥammad Nūḥ tidak banyak menghasilkan karya-karya penulisan. Jumlah keseluruhan karya-karya yang dihasilkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ didapati sekitar 30 buah karya sahaja antara penulisan buku dan penghasilan artikel di dalam jurnal. Namun begitu, kebanyakan karya beliau mendapat tempat di kalangan penggerak-penggerak dakwah dan gerakan Islam di seluruh dunia.<sup>277</sup> Salah satu perkara yang dapat disimpulkan adalah kerana karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ menggunakan *manhaj al-haraki* dalam penulisan dan persembahannya. Tajuk-tajuk dan isu-isu yang diketengahkan di dalam penulisan beliau memenuhi cita rasa serta mampu menangani permasalahan gerakan Islam semasa dengan baik. Tajuk-tajuk yang

<sup>277</sup> Sehingga salah satu karya beliau iaitu “kitab Āfāt ‘alā al-Tariq” telah tersenarai dalam karya-karya yang dinyatakan di dalam laman *ikhwanwiki* yang merupakan laman rasmi Ikhwan Muslimin dalam memuatkan bahan-bahan tarbiyah. Kitab ini juga jika dilihat dari sudut bilangan cetakannya telah dicetak berulang kali terutamanya juzuk 1,2,3 dan 4. Malah karya-karya beliau juga telah diterjemah ke dalam bahasa Malaysia dan Indonesia sekitar 5 buah karya.

dikemukakan adalah lebih luas dan merupakan isu-isu yang menjadi sunnah dalam gerakan Islam secara umumnya. Walaupun di dalam dakwah secara rasminya beliau bersama gerakan Ikhwan Muslimin, tetapi pendekatannya dalam penulisan dakwah tidak mengkhususkan semata-mata gerakan ini. Malah beliau tidak menzahirkan secara langsung sesuatu yang berkaitan dengan Gerakan ini dalam penulisan karya-karyanya. Sebagai contoh, kata-kata Ḥasan al-Bannā yang dikemukakan dalam karya-karyanya, tidak disandarkan secara langsung kepada Ḥasan al-Bannā. Perkara ini menurut penulis kemungkinan besar merujuk kepada ajaran dan pendekatan Ikhwan Muslimin itu sendiri yang ingin menyatukan gerakan-gerakan Islam yang lain<sup>278</sup> sehingga jelas kelihatan pemahaman tersebut dalam penulisan karya-karya Sayyid Nūḥ ini. Beliau juga seorang yang *haraki* dan *dā'i* dalam bergerak di medan dakwah secara aktif. Perkara ini yang banyak ditekankan dalam karya-karya beliau, iaitu seorang pendakwah yang *haraki* perlu turun ke medan dan bergerak aktif dalam mendekati masyarakat. Karya-karya beliau juga banyak berdalilkan ayat-ayat al-Quran serta hadith-hadith Nabi SAW ketika membahaskan sesuatu perbincangan. Malah mengemukakan contoh dan pendekatan dakwah yang dibawa oleh *salaf al-ṣāliḥ*, terutamanya dalam dua generasi terawal iaitu sahabat dan tabi'īn r.a.

<sup>278</sup> Sepertimana di dalam salah satu *risālah* yang ditulis Ḥasan al-Bannā dalam Himpunan Risalahnya iaitu “Risalah Muktamar Keenam” “...Adapun pendirian kita terhadap kumpulan Islam yang lain dengan perbezaan yang wujud, adalah pendirian kasih sayang, persaudaraan, tolong-menolong, dan wala’. Kami menyayangi, membantu dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendekatkan antara berbagai-bagai pandangan, menyatukan di antara pemikiran yang berbeza-beza, penyatuan yang dapat memenangkan kebenaran di bawah nanungan kesepakatan dan kasih sayang, dan tidak menyebabkan kerana satu pandangan dalam fiqh atau berbezanya mazhab pegangan menyebabkan di antara kami berjauhan, agama Allah adalah mudah dan tidak ada yang menyusahkan dalam urusan agama kecuali dia akan kalah. Allah telah menunjukkan langkah yang terbaik, iaitu menerokai kebenaran dengan uslub yang lembut yang dapat menawan hati dan menenangkan pemikiran. Dan kami berpegang dengan keyakinan akan tiba suatu masa, terhapus nama-nama, pangkat dan gelaran, perbezaan luaran, dan halangan yang terjadi kerana pendapat, dan akan menggantikan kedudukannya kesatuan amal, menghimpunkan saf-saf katibah (kumpulan) muhammadiyyah, tidak ada lagi pada ketika itu kecuali ikhwan muslimun (persaudaraan Islam) yang mereka bekerja untuk agama dan berjihad di atas jalanan-Nya.” Seperti mana yang disebutkan oleh Mustafa Masyhur tentang kenyataan ini, bahawa Hasan al-Banna menyebutkan “...dan tidak ada yang tinggal kecuali ikhwan muslimun dan bukan al-Ikhwan al-Muslimun dan perbezaan kedua-duanya amat ketara.” Lihat Mustafa Masyhur, *Tariq al-Da’wa Bayna al-Asalah wa al-Inhīraf* (Kaherah: Dār al-Tawzī’ wa al-Nashr al-Islāmiyyah, t.t.), 41-42.

## **2.2.2. Pengenalan Ringkas Kitab *Tawjīhāt Nabawiyah ‘alā al-Tarīq* dan Metodologi Penulisannya**

Kitab *Tawjīhāt Nabawiyah ‘alā al-Tarīq* merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan hadith-hadith bimbingan dan petunjuk untuk para pendakwah dalam meniti liku-liku jalan dakwah. Perkara ini adalah jelas dari tajuk kitab ini yang menjurus ke arah pemahaman tersebut. Sayyid Muḥammad Nūḥ memilih 40 teks hadith untuk dihuraikan satu persatu dan dibincangkan setiap kandungannya dalam konteks dakwah dan harakah. Cetakan pertama bagi kitab ini ialah cetakan Dār al-Wafā’, Mansurah, Mesir yang diterbit pada tahun 1992. Penulis merujuk cetakan Dār al-Yaqīn, Mansurah, Mesir, yang diterbit pada tahun 1998. Kitab ini mengandungi 3 juzuk dan dicetak dalam 2 jilid bagi versi cetakan Dār al-Yaqīn. Kitab ini banyak digunakan sebagai bahan tarbiah dalam gerakan dakwah dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Kitab ini turut diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia (jilid pertama) dan dijual di pasaran Malaysia dengan tajuk buku “*Pesan-Pesan Nabi SAW: Syarah Hadits Dalam Perspektif Dakwah dan Tarbiah*” terbitan an-Nadwah, Jakarta, tahun terbitan 2004 dan diterjemah oleh Fadhli Bahri.<sup>279</sup> Antara metode penulisan Sayyid Nūḥ dalam menyusun kitab ini sepetimana berikut:

- 1) Memulakan hadith yang pertama berkaitan dengan “*Seorang Mukmin Yang Kuat Lebih di Kasih Oleh Allah Berbanding Seorang Mukmin Yang Lemah*”.
- 2) Menghuraikan hadith-hadith Nabi SAW dengan dalil-dalil yang *ma’thūr*.
- 3) Mengemukakan 40 hadith dan memfokuskan perbincangannya berkaitan 5 aspek harakah, iaitu harakah *rūhiyyah, fikriyyah, jasadiyyah, da’wiyyah* dan *tanzīmiyyah*.

<sup>279</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Pesan-Pesan Nabi SAW: Syarah Hadits Dalam Perspektif Dakwah & Tarbiyah*, terj. Fadhli Bahri, an-Nadwah (Jakarta: tp., 2004).

- 4) Memfokuskan kepada pembentukan saf dan penyatuan kalimah umat Islam. Mengelak dari banyak berbincang tentang permasalahan fiqh dan perbezaan pendapat ulama.
- 5) Mengemukakan sebahagian huraian dalam bentuk gambaran dialog ataupun analogi.
- 6) Mengemukakan jalan penyelesaian dan alternatif dalam meleraikan sesuatu sifat negatif terhadap dakwah.
- 7) Membawa huraian bahawa setiap muslim adalah *dā'i*, iaitu bertanggungjawab mengajak individu yang lain kearah ketaatan pada Allah SWT mengikut kemampuan masing-masing.
- 8) Tidak meletakkan tajuk pada setiap permulaan hadith, sekadar menyebutkan kalimah yang menunjukkan nombor hadith. Sebagai contoh hadith pertama "الْحَدِيثُ الْأُولُ" ما يستفاد من الحديث
- 9) Meletakkan di setiap akhir perbincangan hadith berkaitan *istifādah* dan pengajaran terhadap hadith dari sudut dakwah dan tarbiah, dengan tajuk دعويَا و تربويَا.

### **2.2.3 Pengenalan Ringkas Kitab *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih* dan Metodologi Penulisannya**

Karya ini ditulis oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ bagi mengkaji metode Rasulullah SAW dalam membakar semangat jihad di dalam diri para sahabat. Beliau menyusun karya ini dengan membahagikannya kepada dua bahagian. Bahagian pertama, melihat kepada isi kandungan dan inti sari dari metode Rasulullah SAW. Adapun bahagian kedua berkaitan

*uslūb* (kaedah) dan *wasīlah* yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam meniupkan semangat jihad. Melalui kaedah yang telah dicatatkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ini, beliau sebenarnya ingin menggariskan satu kaedah penting yang boleh difahami melalui sirah Nabi SAW bahawa Nabi SAW membentuk keperibadian para sahabat melalui didikan jihad. Ini adalah pra syarat dalam membentuk keperibadian umat Islam lebih-lebih lagi cabaran yang dihadapi oleh umat Islam pada akhir zaman ini yang dilanda dengan penyakit *al-wahn* (cintakan dunia dan takut kepada kematian) seperti mana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, topik yang sering kali ditekankan dalam gerakan dakwah adalah topik berkaitan jihad. Karya ini telah dicetak oleh Dār al-Wafā', Mansurah, Mesir dengan cetakan pertamanya diterbitkan pada tahun 1991. Karya ini juga turut diterjemah ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk: “*Cara Rasulullah Mengobarkan Semangat Jihad*” dengan cetakan Media Insani. Antara metode penulisan kitab ini seperti mana berikut:

- 1) Membahagikan kitab kepada dua bahagian, bahagian pertama, melihat kepada isi kandungan dan inti sari dari metode Rasulullah SAW. Adapun bahagian kedua, berkaitan *uslūb* (kaedah) dan wasilah yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam meniupkan semangat jihad.
- 2) Meletakkan tajuk-tajuk berkaitan metode Rasulullah SAW, iaitu 5 tajuk dalam bahagian pertama dan 5 tajuk dalam bahagian kedua.
- 3) Meletakkan tajuk permulaan dengan tajuk “Hakikat Jihad yang ditüpukan oleh Rasulullah SAW ke dalam diri para sahabat” sebelum membawa huraian ke atas kedua-dua bahagian berkaitan manhaj Rasulullah SAW.
- 4) Banyak menyelitkan ayat-ayat al-Quran bagi menyokong kenyataan dan menambahkan kefahaman di samping sirah yang dikemukakan sebagai tambahan fakta dan sokongan.

- 5) Pada akhir setiap tajuk perbahasan, Sayyid Muḥammad Nūḥ seringkali akan mengingatkan ke arah kefahaman jihad yang betul dan sepatutnya difahami seperti mana *salaf al-sāliḥ* memahaminya.<sup>280</sup>

## **2.2.4 Pengenalan Ringkas Kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Šāhābah* dan Metodologi Penulisannya**

Karya *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Šāhābah* membincangkan aspek kemenangan, iaitu keperibadian dan akhlak para sahabat yang telah dididik oleh Nabi SAW sehingga membawa kemenangan kepada umat Islam. Karya ini telah dicetak oleh Dār Ibn Hazm, Beirut, Lubnan, pada tahun 1994. Karya ini juga telah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia dengan tajuk “Berguru Kepada Sahabat Nabi SAW” yang telah dicetak oleh Era Intermedia; Solo, Indonesia pada tahun 2008 dan telah diterjemah oleh Solihin. Di antara metode penulisan bagi kitab ini:

- 1) Terdapat 14 akhlak kemenangan para sahabat yang disenaraikan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab ini.
- 2) Sayyid Muḥammad Nūḥ menghuraikan setiap akhlak kemenangan dalam diri para sahabat dengan dalil-dalil *ma’thūr* berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW.

---

<sup>280</sup> Kefahaman jihad sepermata kefahaman para *salaf al-sāliḥ* adalah kerana golongan ini lebih hampir dengan Rasulullah SAW. Selain itu, golongan ini memahami jihad sepermata yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dengan meletakkan ajaran jihad yang betul dan mendahuluikan jihad mendidik hawa nafsu sebelum jihad menentang musuh di medan pertempuran. Perkara ini juga sepermata yang ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya beliau “*Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih*”.

- 3) Di akhir setiap perbincangan berkaitan akhlak kemenangan para sahabat, Sayyid Muḥammad Nūḥ seringkali mengemukakan cadangan dan saranan beliau dalam mengatasi permasalahan yang timbul khususnya berkaitan sikap umat Islam kini yang jauh dari meraih kemenangan seperti mana para *salaf al-ṣāliḥ* dahulu.
- 4) Kemenangan yang dimaksudkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ adalah suatu pendekatan dan kefahaman yang syumul. Kemenangan tersebut bukan hanya dilihat dari sudut zahir semata-mata, tetapi akhlak kemenangan dari sudut *rūḥi* tetap sama dititik beratkan. Malah dari sudut strategi dan persediaan ke arah mencapai kemenangan tersebut adalah merupakan sunnatullah yang perlu difahami dengan baik, berdasarkan apa yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ.

Di dalam kitab ini, Sayyid Muḥammad Nūḥ lebih banyak mengemukakan dalam bentuk sirah kehidupan Rasulullah SAW bersama dengan para sahabat dalam menyemarakkan roh jihad ke dalam jiwa sanubari para sahabat sehingga mereka mampu bergerak melaksanakan tanggungjawab menyebarluaskan dakwah Islam dengan lebih baik. Jihad adalah merupakan salah satu tajuk penting dalam persoalan berkaitan *al-haraki* dan gerakan dakwah. Jihad adalah merupakan persoalan asas dalam setiap gerak kerja dakwah dan ia tidak terbatas pada maksud jihad di medan peperangan sahaja. Sayyid Muḥammad Nūḥ membahagikan perbahasan kitab ini pada dua bahagian, iaitu bahagian pertama, berkaitan *manhaj al-Rasūl* SAW dalam menyemarakkan roh jihad di kalangan para sahabat, dari aspek kandungan dan inti sarinya. Manakala bahagian kedua adalah berkaitan *manhaj al-Rasūl* SAW dalam menyemarakkan roh jihad di kalangan para sahabat dari aspek uslub dan kaedahnya.

Hakikat jihad yang difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan para sahabat adalah dalam skop kefahaman yang luas dan tidak disempitkan hanya pada maksud jihad di medan peperangan semata-mata. Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith-hadith yang menggambarkan tentang maksud sebenar jihad iaitu suatu usaha yang dilakukan secara maksimum atas kemampuan dan keupayaan diri, di samping bersungguh-sungguh membebaskan bumi ini dari segala kerajaan yang bertentangan dengan kerajaan Allah SWT.<sup>281</sup> Jihad dengan kefahaman seperti ini termasuk di dalamnya jihad menentang nafsu, jihad tangan, lidah dan hati. Termasuk juga mereka yang menyediakan makanan atau kelengkapan perang, memenuhi hajat ahli keluarga yang menyertai peperangan. Begitu juga bagi mereka yang terselit di hatinya niat jihad serta niat untuk menyertai peperangan dengan mengambil langkah dan sikap mengubah niat ini ke arah alam realiti yang hidup dalam kehidupan manusia.<sup>282</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ membahagikan perbincangan di dalam kitab ini kepada dua bahagian seperti mana di dalam jadual berikut:

Bil. Fasal dalam setiap bahagian	Bahagian pertama (kandungan dan inti sari)	Bahagian kedua (uslub dan kaedah)
1	Memperkenalkan tentang Allah SWT dan hak-Nya ke atas hamba-hamba-Nya.	Menunjukkan contoh dan teladan.
2	Pengenalan tentang akibat buruk dan cara untuk mengatasinya.	Turun ke medan Jihad.
3	Penjelasan dan Peringatan tentang peranan mereka di atas muka bumi ini	Melaksanakannya secara berperingkat-peringkat.

<sup>281</sup> Sayyid Nuh, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih*, 14.

<sup>282</sup> *Ibid.*

	serta pangkat dan kedudukan mereka di sisi Allah SWT.	
4	Penjelasan dan peringatan tentang faedah dan hasil melaksanakan jihad di dunia dan akhirat.	Pelbagaiakan uslub dan cara.
5	Penjelasan dan peringatan tentang realiti musuh mereka dan cara musuh dalam melaksanakan tipu daya ke atas umat Islam.	<i>Bay ‘ah</i> dan perjanjian.

**Jadual 6 : Pembahagian Bab dalam Kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyl al-Ṣahābah***

### 2.2.5 Pengenalan Ringkas Kitab *Āfāt ‘alā al-Ṭarīq* dan Metodologi Penulisannya

Kitab *’Āfāt ‘alā al-Ṭarīq* merupakan salah satu karya terpenting Sayyid Muḥammad Nūḥ dan tidak keterlaluan jika penulis mengatakan bahawa Sayyid Muḥammad Nūḥ lebih dikenali umum terutamanya di kalangan pendokong gerakan Islam dengan penghasilan kitab *’Āfāt ‘alā al-Ṭarīq* ini.<sup>283</sup> Kitab ini lebih banyak diguna pakai dalam silibus gerakan-gerakan dakwah berbanding karya-karyanya yang lain. Malah kitab ini tersenarai dalam Wikipedia *al-Ikhwān al-Muslimūn* yang terkandung di dalamnya bahan rujukan rasmi yang diguna pakai dalam gerakan ini.<sup>284</sup> Kitab ini disusun sebanyak 5 Juzuk dalam 3 jilid yang menghimpunkan sebanyak 36 *’Āfāt* (penyakit) yang sering terjadi dalam kehidupan penggerak dakwah sepanjang zaman. Dimulai dengan *’Āfāh* yang pertama iaitu *al-Futūr*

<sup>283</sup> Perkara ini diakui sendiri oleh Waṣṭī ‘Āsyūr di dalam tulisannya “Sayyid Muḥammad Nūḥ wa juhūduhu fi Khidmah al-Ḥadīth”. Malah kitab *’Āfāt ‘alā al-Ṭarīq* ini tersenarai dalam senarai bahan-bahan rujukan rasmi tarbiyah Ikhwan Muslimin di dalam laman Ikhwanwiki.com.

<sup>284</sup> Lihat ikhwanwiki.com.

dan diakhiri dengan *'Afāh* yang ke 36 iaitu *al-Hasad wa al-'Ayn*. Setiap perbincangan *'Afāh* tersebut akan diuraikan berdasarkan sokongan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadith. Sayyid Muhammad Nuh banyak mengemukakan hadith-hadith ketika mengemukakan perbincangan di dalam setiap *'Afāh*. Metode penulisan hadith oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab ini iaitu beliau mengemukakan sebanyak mungkin hadith dalam membawa gambaran berkaitan dengan sesuatu *'Afāh* yang diterangkan. Hadith yang dikemukakan juga tidak didatangkan sanad secara lengkap, hanya perawi yang tertinggi (*rāwī al-a'la*) atau sekadar matan hadith sahaja yang dikemukakan. Walaupun begitu, Sayyid Muhammad Nuh tetap mengemukakan status (*al-hukm 'ala al-hadīth*) dan juga takhrij bagi hadith-hadith yang dinyatakan di dalam karya ini.

Secara umumnya, empat perkara yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam huraian setiap *'Afah* tersebut iaitu;

- 1) Definisi secara *lughawī* dan *isṭilāḥī*.
- 2) Sebab-sebab munculnya *'Afāh* ini.
- 3) Kesan dan akibat buruk ke atas para *'āmilīn* (pendakwah) Islam, dan ke atas *'amal Islāmī* (dakwah Islam) dengan adanya *'Afah* ini.
- 4) *'Ilāj* atau cara yang terbaik untuk menangani *'Afah* ini dengan lebih berkesan.

Jadual berikut dinyatakan 36 *'Afāt* (penyakit-penyakit) yang diuraikan oleh Sayyid Nūḥ dalam kelima-lima jilid dari kitab *'Afāt 'alā al-Tarīq*:

Juzuk	<i>Āfāt (Penyakit-Penyakit)</i>
Juzuk Pertama	1) الفتور 2) الإسراف 3) الإستعجال 4) العزله أو التفرد 5) الإعجاب بالنفس 6) الغرور 7) التكبر
Juzuk Kedua	8) الرباء أو السمعة 9) إتباع الهوى 10) النطاع إلى الصدارة وطلب الريادة 11) ضيق الأفق أو قصر النظر 12) ضعف أو التلاشي الإلزام 13) عدم الثبات أو التبين 14) التغريط في عمل اليوم والليلة
Juzuk Ketiga	15) سوء الظن 16) الغيبة 17) النميمة 18) فوضى الوقت 19) التسويف 20) الشاوم 21) النسخ أو الغلو في الدين
Juzuk Kempat	22) المراء أو الجدل 23) القعود 24) الشح 25) الغضب 26) الحقد 27) تنافس الدنيا 28) الإحتقار أو الإنهاز المرضي
Juzuk Kelima	29) رفض النقد والنصيحة 30) الغلو 31) الكبت 32) اليأس والقنوط 33) أكل الحرام 34) الخوف 35) الظلم 36) الحسد والعين

**Jadual 7 : Tajuk-Tajuk Yang Dihuraikan di Dalam Kitab *'Āfāt 'ala al-Tariq***

Berdasarkan huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitabnya *'Āfāt 'ala al-Tariq*, antara sebab munculnya *'Āfāt* ini ialah kelemahan dan kelalaian seseorang pendakwah dalam membentuk kerohanian dan kekuatan spiritual sebagai benteng dari kemunculan penyakit-penyakit ini di dalam kehidupan seseorang *dā'i*. Selain gagal membentuk kekuatan kerohanian tersebut, faktor lain seperti menjauhi organisasi dakwah, gagal mengimbangi keutamaan dalam pelaksanaan kerja, mengabaikan hak-hak yang lain serta beberapa faktor yang boleh melahirkan penyakit-penyakit ini yang menjadi penghalang seseorang pendakwah dalam menggerakkan kerja-kerja di atas jalan dakwah.

Penyakit-penyakit ini membawa kesan negatif sama ada kepada seseorang pendakwah yang memilikinya atau kesan negatif terhadap sesebuah gerakan dakwah yang disertai. Sebagai contohnya, sifat *al-futūr* (terhenti dan melengah-lengah), akan membawa kesan negatif kepada seseorang pendakwah antaranya membawa kerugian dari sudut saham kebaikan dalam aspek ketiaatan pada Allah SWT.<sup>285</sup> Manakala kesan negatif sifat ini kepada gerakan dakwah pula iaitu bebanan dakwah akan bertambah kepada anggota gerakan yang lain dan perancangan yang telah dibuat turut tertangguh dan menjadi lebih panjang.<sup>286</sup>

Selain menyatakan sebab-sebab kemunculan penyakit-penyakit ini dan kesan negatifnya terhadap pendakwah dan gerakan dakwah, Sayyid Muḥammad Nūḥ juga menyatakan kaedah untuk mengatasi dan menjauhi penyakit-penyakit tersebut, sebagai panduan kepada penggerak dakwah dalam gerakan Islam semasa. Sebagai contohnya, kaedah dalam mengatasi sifat *al-futūr*, Sayyid Muḥammad Nūḥ meletakkan sub topik bertajuk: “*Ilājūhu.*” Beliau menyenaraikan sebanyak 17 kaedah dalam mengatasi sifat *al-futūr* ini, iaitu antaranya “*Menjauhi sikap melampau dalam aspek ibadah*” sehingga membawa bebanan kepada diri dan mendatangkan sifat *al-futūr*. Selain perkara tersebut, Sayyid Muḥammad Nūḥ juga menegaskan bahawa sifat *al-futūr* boleh diatasi oleh seorang pendakwah dengan sentiasa memposisikan diri di dalam jamaah dan menjauhi sikap beruzlah dari acuan jamaah.<sup>287</sup>

---

<sup>285</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *'Āfāt 'alā al-Tariq*, 1:21.

<sup>286</sup> *Ibid*, 1:23. Selain penyakit *al-futūr*, Sayyid Muḥammad Nūḥ juga mengingatkan tentang kesan negatif dari sifat-sifat yang lain di dalam perbincangan setiap tajuknya dengan menetapkan sub topik khusus dari setiap sifat seperti: “'Āthār” atau “'Āthār li al-'Āmilīn” dan “'Āthār li 'Amal al-Islāmī” iaitu kesan negatif kepada penggerak dakwah dan kepada gerak kerja dakwah dalam sesebuah gerakan Islam.

<sup>287</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *'Āfāt 'alā al-Tariq*, 1:24, 25. Di dalam setiap *Āfāh*, Sayyid Muḥammad Nūḥ meletakkan subtopik khusus berkaitan kaedah mengatasi penyakit-penyakit tersebut dengan tajuk seperti: “طريق للخلاص والوقاية” atau “طريق علاج..” atau “علاجه” atau dengan tajuk “طريق علاج..” di mana kesemua perbincangan tersebut

### **2.3 Kesimpulan**

Berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan di dalam bab yang kedua ini dapat disimpulkan bahawa Sayyid Muḥammad Nūḥ mempunyai sumbangan dan ketokohan tersendiri dalam bidang hadith terutamanya memahami senario dakwah dan gerakan Islam berdasarkan perspektif hadith-hadith Nabi SAW. Di samping itu, beliau mempunyai sumbangan penting dalam dunia dakwah dengan penghasilan beberapa karya-karya penting yang menjadi rujukan dalam gerakan dakwah. Berdasarkan kajian, karya penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ banyak menggunakan metode *al-ḥaraki* di dalam penulisan dan persembahannya. Tajuk-tajuk serta isu-isu yang diketengahkan oleh beliau menjadi tarikan dan memenuhi kehendak permasalahan gerakan dakwah semasa. Walaupun karya-karya yang dihasilkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ hanya sekitar 30 karya, namun fokus serta idea-idea *al-ḥaraki* yang dikemukakan membawa nilai tinggi sehingga karya-karya beliau banyak diterjemah ke dalam bahasa Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan kajian secara khusus terhadap empat buah karyanya iaitu *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq*, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Šahābah*, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nūfūs Aṣhābih* serta kitab *’Āfāt ‘ala al-Tariq* menunjukkan Sayyid Muḥammad Nūḥ banyak mengemukakan hadith-hadith di dalam karya-karya ini dan mengkaji aspek dakwah serta isu-isu gerakan Islam dari perspektif hadith. Perkara ini juga sebagai bukti yang menunjukkan pendekatan Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam penulisannya adalah berdasarkan *al-manhaj al-ḥaraki* dari perspektif hadith. Perkara ini akan dibuktikan secara lebih terperinci di dalam bab ketiga berkaitan analisis hadith-hadith dalam penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ dari aspek *al-manhaj al-ḥaraki*.

---

menjurus ke arah mencari jalan penyelesaian dan mengatasi sifat-sifat negatif dan penyakit di atas jalan dakwah tersebut.

## **Bab Tiga**

## Bab Tiga

### Analisis Hadith-Hadith dalam Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ Dari Aspek *al-Manhaj al-Harakī*


#### 3.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini, penulis membuat analisis terhadap sejumlah hadith yang dipilih dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam meneliti huraiān yang dibuat oleh beliau dari aspek *al-manhaj al-harakī*. Hadith-hadith ini dipilih secara rawak berdasarkan lima elemen *al-harakī* yang telah diterangkan sebelum ini dalam bab satu iaitu; *Harakah Jasadiyyah*,(fizikal), *Harakah Rūhiyyah* (Spiritual), *Harakah Thaqāfiyyah* (Intelektual), *Harakah Khuluqiyyah* (Akhlaq dan tatasusila), *Harakah Tanzīmiyyah wa Siyasiyyah* (Organisasi dan Politik). Berdasarkan kelima-lima elemen *al-harakī* ini, terdapat beberapa sub topik yang berkaitan dengan *al-harakī* akan dibahaskan selain dikemukakan huraiān hadith dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang berkaitan dengan topik. Selain itu, karya-karya *syurūḥ al-hadīth* akan dirujuk bagi menilai kefahaman *al-manhaj al-harakī* ini selari dengan *manhaj al-muḥadditīn*.

#### 3.1 Analisis Hadith Berdasarkan Elemen *al-Harakī*

Lima elemen *al-harakī* dalam analisis kajian huraiān Sayyid Muḥammad Nūḥ terhadap hadith-hadith adalah berdasarkan kefahaman *al-harakī* yang wujud dalam gerakan dakwah semasa. Keterangan berkaitan dengan lima elemen *al-harakī* ini dijelaskan secara terperinci dalam bab satu kajian ini di bawah sub topik: “Elemen-Elemen *al-Harakī*.” Jumlah keseluruhan hadith yang dianalisis dalam kajian ini adalah sebanyak 41 hadith yang dipetik

secara berulang. Manakala tanpa berulang adalah sebanyak 25 hadith dari empat buah karya Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu; *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tarīq*, *’Afāt ‘alā al-Tarīq*, *Manhaj al-Rasūl fī ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih dan Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Saḥābah*.



**Gambar Rajah 4** : Jumlah Bilangan Hadith Yang di Analisis Dari Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ Berdasarkan Elemen *al-Harakī*

Kajian ini memilih hadith-hadith yang berulang tersebut kerana fokus huraian dan pengajaran yang berbeza dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di samping beberapa elemen penting dalam *al-harakī* dan pengajaran dakwah yang boleh dikaitkan dengan huraian hadith-hadith tersebut.

### 3.1.1 Elemen *Harakah Jasadiyyah* (fizikal):

Jumlah hadith yang dipilih untuk dianalisis dalam *Harakah Jasadiyyah* ini sebanyak **enam** hadith yang dipetik secara berulang dan tiga hadith tanpa berulang. Hadith-hadith tersebut

dianalisis berdasarkan tiga prinsip *al-haraki* dalam elemen *harakah jasadiyyah* seperti mana berikut:

- 1) Keperluan *Riyādah* (sukan) dan *Tamrīn* (latihan).
- 2) Keazaman ('Azīmah) Cita-Cita (*himmah*) dan Kekekalan (*al-Thabāt*).
- 3) Wabak *al-Futūr* (Terhenti dan Melengah).<sup>288</sup>

### 3.1.1.1 Keperluan *Riyādah* dan *Tamrīn* :

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"..المُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ الضَّعِيفِ..." <sup>289</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyah 'ala al-Tariq</i>
2	"...إِذْمُوا بَنِي إِسْمَاعِيلَ، فَإِنَّ أَبَائِكُمْ كَانُوا رَاجِيَّاً	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīl al-Saḥābah</i>

<sup>288</sup> Prinsip-prinsip ini banyak ditekankan di dalam karya-karya *haraki* semasa. Di antara karya yang dirujuk iaitu *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Bannā bi Munāsabah Murūr Thalāthīn 'Āmmān 'alā Istisyāh al-Imām Hasan al-Bannā* oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Istī'āb fi Hayāh al-Dā'wah wa al-Dū'āh* oleh Fathī Yakan, *Tazkirah Du'āh al-Islām* oleh Abū A'lā al-Mawdūdī, *Sifār al-Dā'iyyah al-Muslim* oleh Muṣṭafa Ṭahhān. Cuma kaitan antara prinsip-prinsip ini dengan *harakah jasadiyyah* adalah dari hasil penelitian penulis sendiri berdasarkan huraihan-huraihan Sayyid Muḥammad Nūḥ terhadap hadith-hadith di dalam karya-karya beliau.

<sup>289</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

"المُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ، يُخْرِصُ عَلَى مَا يَتَّفَعَّلُ، وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَئْلَمْ : لَوْ أَنِّي قَعَدْتُ كَذَّا وَكَذَّا، وَلَكِنْ فَلَمْ : قَدَرْ اللَّهُ ، وَمَا شَاءَ فَعَلَ، فَإِنَّ "لَوْ" تَفَتَّحَ عَمَلُ الْمُتَّيَّطَانَ"

Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Qadr, Bāb fī al-'Amr bi al-Quwwah wa Tark al-'Ajz wa al-Isti'ānah bi Allāh wa Tafwīd al-Maqādīr li Allāh, no hadith 2664. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Naysābūrī, Ṣaḥīḥ Muslim (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t.), 4:2052. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ibn Mājah, Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Tawakkal wa al-Yaqīn, no hadith 4168. Lihat Muḥammad bin Yazīd Ibn Mājah al-Qazawaynī, Sunan Ibn Mājah, ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 2:1395. Terjemahan hadith "Seorang Mukmin yang kuat adalah lebih baik dan disayangi Allah berbanding seorang mukmin yang lemah, dan pada kedua-duanya ada kebaikan masing-masing, berusahalah pada apa yang boleh mendatangkan manfaat bagimu, mintalah pertolongan daripada Allah dan jangan merasa lemah, jika ditimpa sesuatu musibah padamu, jangan berkata: "seandainya aku melakukan (sesuatu perkara), pasti akan berlaku ini dan ini, tetapi katakan: "Allah telah menaqdirkan, apa saja yang Dia kehendaki, maka Dia akan lakukannya" sesungguhnya, perkataan "seandainya" akan membuka ruang untuk pekerjaan syaitan."

**Jadual 8 : Hadith-Hadith Berkaitan Keperluan *Riyādah* dan *Tamrīn* Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ**

Huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Taujīhāt Nabawiyyah ‘alā al-Ṭarīq* terhadap hadith berkaitan kekuatan (اللُّوْمَنُ الْقَوِيُّ) yang boleh diambil pengajaran oleh penggerak dakwah antaranya ialah keperluan *riyādah* (bersukan) dan *tamrīn* (latihan) kepada para penggerak dakwah. Beliau menyebutkan: “melakukan aktiviti *riyādah* yang dapat mencergaskan badan dan menguatkannya, seperti memanah, berenang, bergusti...”<sup>291</sup> Berdasarkan huraian hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ini, beliau amat menekankan tentang keperluan seorang pendakwah untuk terlibat dengan aktiviti *riyādah* sebagai salah satu elemen penting dalam membentuk individu *al-ḥaraki* seorang pendakwah. Perkara ini bukanlah menunjukkan sesuatu yang asing dalam didikan dan tarbiah ahli gerakan dakwah. Perkara ini bertepatan dengan apa yang ditekankan dalam gerakan dakwah bagi melahirkan individu yang seimbang sesebuah gerakan dakwah.

<sup>290</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

عَنْ تَبِيدِ بْنِ أَبِي عَبِيدِ، قَالَ : سَيَعْثُرُ سَلَمَةُ بْنُ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى نَفَرٍ مِّنْ أَسْلَامٍ يَتَضَطَّلُونَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذْمُوا نَبِيًّا إِيمَاعِيلَ، فَلَمَّا أَبَانُوكُمْ كَانَ زَادُوا إِذْمُوا، وَأَنَا مَعَ نَبِيٍّ فَلَادُونَ" قَالَ : فَأَمْسِكْ أَحَدُ الْقَرِيبَيْنِ بِأَيْدِيهِمْ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "مَا لَكُمْ لَا تَرْمُونَ؟" قَالُوا : كَيْفَ تُرْبِي وَأَنْتَ مَعَهُمْ؟ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذْمُوا فَإِنَّا نَعْكُمْ كُلُّكُمْ

Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jihād, Bāb al-Taḥrīd ‘ala al-Ramy, no 2899. Lihat Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Naṣīr (t.p.: Dār Tawq al-Najāh, 2001), 4:38. Terjemahan hadith “Nabi SAW melalui satu kumpulan dari Bani Aslam sedang melakukan latihan pertarungan. Kemudian Nabi SAW bersabda “Balinglah wahai Bani Ismail, kerana bapa kamu sebelum ini adalah seorang yang cekap membaling, balinglah dan aku bersama Bani Fulan.” Salah satu dari dua kumpulan tersebut (kumpulan yang Nabi SAW tidak bersama mereka) berhenti dari bertindak. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: “Kenapa kamu semua tidak membaling? Mereka berkata: “Bagaimana kami ingin membaling sedangkan kamu (yakni Nabi SAW) berada bersama mereka.” Baginda SAW bersabda “balinglah, saya bersama anda sekalian.”

<sup>291</sup> Sayyid Nūḥ, *Taujīhāt Nabawiyyah*, 12.

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī bahawa salah satu ciri yang menjadikan tarbiah dalam Gerakan Ikhwan Muslimin sebagai tarbiah yang syumul dan sempurna ialah tarbiah dari sudut *al-badanī* (tubuh badan) dengan matlamat menjaga kesihatan dan melakukan aktiviti bersukan yang dapat mencergaskan minda dan badan.<sup>292</sup> Tuntutan tarbiah dari aspek fizikal yang disebut sebagai *al-tarbiyah al-badaniyyah* ini mempunyai beberapa matlamat sepetimana tarbiah daripada sudut-sudut yang lain. Tarbiah ini di dalam Ikhwan Muslimin menurut al-Qaraḍāwī merupakan salah satu tarbiah yang penting setanding dengan *tarbiyah al-jihād* (perjuangan), *tarbiyah al-khuluqī* (tatasusila), *tarbiyah al-‘Aqlī* (intelektual) dan sebagainya.<sup>293</sup>

Fathī Yakan di dalam kitabnya, *al-Isti‘āb fī Hayāh al-Dā‘wah wa al-Dā‘iyah*<sup>294</sup> menulis satu topik bertajuk: “*Sunnah al-Rasūl SAW fī Takwīn al-Muslim*” menyebutkan salah satu sunnah Nabi SAW dalam membentuk keperibadian muslim adalah dengan pembentukan yang menyeluruh dan bukan hanya menekankan sebahagian aspek sahaja لا (التَّكْوِينُ الْكَلِيُّ لَا

الْجُزْءِيُّ)<sup>295</sup> Menurut Fathī Yakan, Rasulullah SAW sangat menekankan penjagaan tubuh badan seseorang individu muslim supaya sentiasa berada di dalam keadaan sihat dan kuat di samping berkemampuan menjalankan tanggungjawab kehidupan harian dan kewajipan

<sup>292</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Bannā bi Munāsabah Muriūr Thalāthīn ‘Āmman ‘alā Istisyhād al-Imām Ḥasan al-Bannā* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 38.

<sup>293</sup> *Ibid.* Lihat juga bermula dari mukasurat 24-66 dari buku ini yang membincangkan tentang salah satu ciri tarbiah Ikhwan Muslimin ialah “*al-Takāmul wa al-syūmūl*” iaitu “sempurna dan menyeluruh” termasuk kepentingan penjagaan sudut fizikal tubuh badan.

<sup>294</sup> Kitab ini merupakan salah satu *silsilah* (karya bersiri) *Nahw Wa ‘y Ḥarakī Islāmī* (Ke Arah Menuju Kefahaman dalam gerakan Islam) yang disusun oleh Fathī Yakan dalam membentuk pemikiran *al-ḥarāki* buat para pendakwah.

<sup>295</sup> Fathī Yakan, *al-Isti‘āb fī Hayāh al-Dā‘wah wa al-Du‘āh*, 88.

penyampaian risalah dakwah.<sup>296</sup> Banyak hadith-hadith yang dikemukakan oleh Fathi Yakan dalam menyokong kenyataan beliau ini antaranya seperti hadith yang disebutkan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ berkaitan kekuatan seorang mukmin.<sup>297</sup>

Di dalam kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyūl al-Šahābah*, Sayyid Muhammad Nūḥ turut menekankan aspek *riyādah* dan kesukanan ini di dalam dakwah. Salah satu hadith yang dikemukakan oleh beliau iaitu hadith“<sup>298</sup> إرموا بنى إسماعيل...”. Ketika mengemukakan akhlak-akhlak kemenangan yang wujud dalam keperibadian sahabat, salah satu yang dinyatakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ adalah para sahabat sangat mengambil berat dan gemar dengan latihan ketangkasan.<sup>299</sup> Latihan ketangkasan yang dimaksudkan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ tersebut seperti menunggang kuda dan unta, memanah, bergusti, berenang dan berlumba lari. Aktiviti ini menurut Sayyid Muhammad Nūḥ telah dilakukan oleh para sahabat bagi melaksanakan perintah Allah s.w.t supaya bersiap sedia dengan kekuatan yang disarankan di dalam al-Quran surah al-Anfāl ayat ke 60.<sup>300</sup>

Berdasarkan hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ tersebut ”إرموا بنى إسماعيل...” menunjukkan Rasulullah SAW melakukan *tamrīn* (latihan) memanah yang menunjukkan kepada kepentingan bersukan dan menggalakkan aktiviti tersebut dikalangan para sahabat. Sayyid Muhammad Nūḥ menegaskan bahawa para sahabat sangat mementingkan latihan fizikal dan menganggap ia sebahagian daripada ibadah.<sup>300</sup> Malah

<sup>296</sup> *Ibid.*

<sup>297</sup> *Ibid.*

<sup>298</sup> Sayyid Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyūl al-Šahābah*, (Beirūt: Dār Ibn Hazm, 1994), 82.

<sup>299</sup> *Ibid.*

<sup>300</sup> *Ibid.*, 87.

menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, para sahabat sangat mementingkan aktiviti bersukan ini sehingga menganggapkan ia sebagai perbuatan ketaatan yang mampu meraih pahala dan mendapat keredaan dari-Nya.<sup>301</sup> Ini kerana, kelalaian dari melakukan atau meninggalkan aspek latihan tersebut sebagai satu dosa dan menempah kehinaan di dunia dengan musuh Islam terus menerus melaksanakan perancangan permusuhan mereka ke atas Islam.<sup>302</sup> Perkara tersebut menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ telah membuatkan generasi para sahabat meraih kejayaan dan kemenangan serta pengukuhan di atas muka bumi.<sup>303</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ juga meyakinkan lagi bahawa sekiranya umat Islam kini berusaha dan berjuang untuk membebaskan diri dari kehidupan yang penuh kehinaan yang sedang dialami kini, maka perlunya memberi perhatian kepada latihan fizikal (*harakah jasadiyyah*). Seterusnya perlu menjadikan latihan fizikal ini sebagai sebahagian daripada aktiviti yang penting dalam kehidupan, agar Allah menganugerahi pertolongan dan bantuan buat umat Islam.<sup>304</sup>

Berdasarkan huraian Ibn Baṭṭāl terhadap hadith ini menunjukkan bahawa ia difahami berdasarkan pengajaran dari kisah para sahabat yang sangat mementingkan aspek kekuatan dan Imām al- Bukhārī meletakkan hadith ini di bawah bab “*al-Tahriḍ ‘alā al-Ramyi wa Qawl Allāh fī Sūrah al-Anfāl:60*”.<sup>305</sup> Menurut Ibn Baṭṭāl, hadith ini memberi kefahaman bahawa seorang sultan (pemerintah) digalakkan untuk memerintahkan rakyatnya

---

<sup>301</sup> *Ibid.*

<sup>302</sup> Sayyid Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr*, 87.

<sup>303</sup> *Ibid.*, 86.

<sup>304</sup> *Ibid.*

<sup>305</sup> ‘Alī bin Khalaf Ibn Baṭṭāl, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Ibn Baṭṭāl*, ed. Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhim (cet. ke-2, al-Riyād: Maktabah al-Rusyd, 2003), 5:94.

mempelajari latihan memanah dan keseluruhan bentuk latihan ketenteraan yang lain.<sup>306</sup>

Hadith ini juga memberi pengajaran bahawa seorang sultan perlu mengenal pasti dikalangan rakyatnya yang mahir dalam latihan memanah dan digalakkan menyatakan semangat buat mereka bahawa beliau dikalangan mereka yang mahir tersebut. Perkara ini menurut Ibn Baṭṭāl seperti mana yang dilakukan oleh Nabi SAW dengan kata-kata baginda

(وَأَنَا مَعَ بْنِ فَلَانٍ) dengan maksud sokongan bahawa baginda SAW menyayangi mereka dan

perbuatan mereka.<sup>307</sup> Perkara ini menunjukkan bahawa aktiviti fizikal seperti memanah dan selainnya adalah merupakan aktiviti yang amat digalakkan di dalam Islam di samping sebagai wasilah penjagaan kesihatan bagi tubuh badan seorang muslim lebih-lebih lagi seorang pendakwah.

Sebagai kesimpulan terhadap huraian yang telah dikemukakan berkaitan *harakah jasadiyyah* menunjukkan bahawa salah satu elemen penting yang ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam huraian hadith-hadith di dalam karya-karya beliau adalah keperluan dan kepentingan kepada *riyāḍah* (bersukan) dan *tamrīn* (latihan fizikal). Malah aspek *harakah jasadiyyah* ini juga sebagai salah satu wasilah tarbiah yang penting di dalam gerakan dakwah semasa bagi membentuk individu-individu yang cemerlang yang memiliki kekuatan dalam menggerakkan dakwah Islam semasa dengan lebih baik.

---

<sup>306</sup> *Ibid.*

<sup>307</sup> Ibn Baṭṭāl, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Ibn Baṭṭāl*, 5:94.

### 3.1.1.2 Keazaman ('Azīmah), Cita-cita (*himmah*), dan Sifat Kecekalan (*al-Thabāt*):

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"المُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَاحْبَثُ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ الضَّعِيفِ .." <sup>308</sup>	<i>Taujīhāt Nabawiyah 'alā al-Tarīq</i>
2	إِنَّ اللَّهَ لَيُحَرِّبُ أَحَدَكُمْ بِالْبَلَاءِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِ كَمَا يُحَرِّبُ أَحَدَكُمْ ذَهَبَهُ بِالنَّارِ ... <sup>309</sup>	<i>Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih</i>

**Jadual 9 :** Hadith-Hadith Berkaitan 'Azīmah, *Himmah* dan *al-Thabāt* Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

Berdasarkan hadith “*kekuatan seorang mukmin*”, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut menekankan dalam huraian hadith ini berkaitan dengan elemen penting dalam pembentukan keperibadian *al-ḥaraki* dalam gerakan dakwah iaitu keazaman yang benar ('Azīmah *Sādiqah*), ketinggian cita-cita (*Himmah 'Āliyah*), dan kecekalan jiwa para pendakwah (*al-Thabāt*). Sifat-sifat ini menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ bermula dari jasad

<sup>308</sup> Lihat terjemahan dan takhrij bagi hadith ini di dalam nota kaki no 289.

<sup>309</sup> Hadith ini dengan matan penuh seperti mana berikut :

عَنْ أَبِي أُمَّةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "إِنَّ اللَّهَ لَيُحَرِّبُ أَحَدَكُمْ بِالْبَلَاءِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِ كَمَا يُحَرِّبُ أَحَدَكُمْ ذَهَبَهُ بِالنَّارِ، فَمِنْهُمْ مَنْ يَخْرُجُ كَالدَّهَبِ الْأَبْرَزِ فَذَلِكَ الَّذِي يَجْاهُ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ السَّيِّئَاتِ، وَمِنْهُمْ مَنْ يَخْرُجُ كَالدَّهَبِ ذُونَ ذِكْرٍ فَذَلِكَ الَّذِي يَشْكُرُ بَعْضَ السَّكَّةِ، وَمِنْهُمْ مَنْ يَخْرُجُ كَالدَّهَبِ الْأَسْوَدِ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُونَ أَفْتَرِينَ"

Hadith riwayat al-Ḥākim, Kitāb al-Riqāq, no hadith 7878. Menurut al-Ḥākim bahawa **sanad hadith** ini adalah **sahih** tetapi **tidak dikeluarkan oleh Imam Bukhari dan Muslim**. Menurut ulasan *al-Dhahabī* di dalam kitabnya *al-Talkhiṣ* seperti mana yang dikemukakan oleh Muṣṭafā ‘Abd al-Qādīr ‘Aṭā bahawa status hadith ini adalah **Sahih**. Lihat Abū‘Abd Allāh al-Ḥākim Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādīr ‘Aṭā (Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1990), 4:350. Terjemahan hadith: “Sesungguhnya Allah SWT menguji kalian dengan *balā*’(musibah), sedangkan Dia Maha Tahu tentang hal itu sebagaimana salah seorang di antara kalian menguji emasnya dengan api, maka di antara manusia ada yang keluar seperti emas murni, maka dialah orang yang diselamatkan Allah dari amal-amal yang buruk, dan di antara mereka ada yang keluar seperti emas hitam maka dialah orang yang terkena fitnah”.

yang kuat dan sihat.<sup>310</sup> Beliau turut menyebutkan pepatah arab yang berbunyi: “*Akal yang sejahtera lahir dari badan yang sihat.*”<sup>311</sup> Huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ini dengan maksud bahawa emosi seorang pendakwah juga dari sudut membentuk keazaman dan memiliki ketinggian cita-cita akan turut terkesan dengan penjagaan tubuh badan yang kuat dan sihat. Selain itu, kekuatan yang dimaksudkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam hadith ini juga adalah kekuatan dari sudut keazaman, ketinggian cita-cita dan kecekalan jiwa seorang pendakwah. Malah ciri-ciri ini juga banyak ditekankan dalam pembentukan ahli gerakan dakwah semasa.

Muṣṭafā al-Taḥḥān menjelaskan bahawa umat kini hidup dalam keadaan yang amat payah dan tertindas.<sup>312</sup> Menurut beliau, keadaan ini tidak akan dapat diselamatkan melainkan para pendakwah melonjakkan kemahuan serta matlamat mereka dengan memiliki semangat yang membara di dalam diri.<sup>313</sup> Perasaan seperti ini adalah merupakan ciri-ciri keperluan bagi para pendakwah kerana dengan hanya keazamaan yang benar dan semangat yang membara di dalam diri ini sahaja akan dapat merealisasikan matlamat dakwah yang panjang dan berliku tersebut. Abū al-A’lā al-Mawdūdī (m.1979) menegaskan bahawa sekiranya perasaan yang membara ini tidak sebatی dalam diri serta hati dan akal fikiran para pendakwah, mereka tidak mampu melaksanakan banyak perkara dengan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.<sup>314</sup> Oleh yang demikian, tiga ciri yang dihuraikan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dan dikaitkan melalui hadith kekuatan seorang muslim di atas

---

<sup>310</sup> Sayyid Nūḥ, *Taujīhāt Nabawiyyah*, 1:6.

<sup>311</sup> *Ibid.*

<sup>312</sup> Muṣṭafa al-Taḥḥān, *Ṣifāt al-Dā’iyah al-Muslim*, 45-46.

<sup>313</sup> *Ibid.*

<sup>314</sup> Abū al-A’lā al-Mawdūdī, *Tazkirah Du’āh al-Islām*, 58. Muṣṭafa al-Taḥḥān, *Ṣifāt al-Dā’iyah al-Muslim*, 47.

adalah merupakan ciri-ciri utama yang turut ditekankan di dalam pembangunan ahli gerakan dakwah semasa.

Sayyid Muhammad Nūḥ juga menyebutkan tentang gambaran kekuatan yang dinyatakan di dalam hadith di atas iaitu dengan sikap bermujahadah dalam kehidupan dan meninggalkan kehidupan yang penuh dengan kerehatan, kelalaian dan kesenangan.<sup>315</sup> Sikap seperti ini menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ dapat membantu ke arah membentuk kekuatan di dalam kehidupan seorang pendakwah di samping menghadapi sesuatu ujian dan kesusahan dengan penuh ketabahan.<sup>316</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ juga mengaitkan kekuatan dan ketabahan dengan cabaran yang dihadapi oleh anggota-anggota gerakan Islam kini dalam berdepan dengan seksaan dan azab serta dipenjara, seperti mana yang berlaku di Mesir dan Syria serta beberapa tempat yang lain.<sup>317</sup> Situasi yang sama menurut Fathī Yakan berlaku pada para sahabat ketika dakwah pertama disampaikan oleh Rasulullah SAW seperti ujian yang berlaku ke atas sahabat Bilal bin Rabah r.a, keluarga Yasir r.a, Khubaib bin Adi r.a. serta beberapa para sahabat yang lain.<sup>318</sup> *Mehnāh* (ujian) ini menurut beliau adalah merupakan lumrah dan sunnah yang perlu dihadapi oleh mereka yang terlibat di atas jalan dakwah.<sup>319</sup>

Hasan al-Bannā di dalam Risalah “*Da’watunā fī Tawr al-Jadīd*” menekankan aspek kekuatan keazaman dan ketinggian *himmah* (cita-cita) ini dalam keperibadian pendakwah. Beliau menyebutkan: “*Kita menginginkan jiwa yang hidup, kuat dan segar, jiwa baru yang dinamik, perasaan yang sensitif bergelora dan berkobar, jiwa yang bertekad waja dan*

<sup>315</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1:11.

<sup>316</sup> *Ibid.*

<sup>317</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1:9.

<sup>318</sup> Fathī Yakan, *Musykilāt al-Dā’iyah* (cet. ke-16, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2001), 31-34.

<sup>319</sup> *Ibid.*

*penuh semangat yang memiliki idealisme yang tinggi dan tujuan yang luhur, sehingga bergerak menuju untuk mendapatkannya.*<sup>320</sup> Melalui kekuatan keazaman dan ketinggian *himmah* (cita-cita) juga, seseorang pendakwah akan bersegera dalam memerintahkan perkara yang *ma'rūf* (kebaikan) dan mencegah dari kemungkaran tanpa merasa takut atau kompromi. Perkara ini juga merupakan salah satu huraian terhadap kekuatan yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ.<sup>321</sup> Seseorang pendakwah yang memiliki kekuatan akan menyatakan kebenaran walaupun perkara tersebut sukar untuk dilaksanakan. Perkara ini selari dengan maksud *harakiyyah* yang dikemukakan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī. Beliau menyebutkan bahawa maksud *harakiyyah*: “...ialah dengan berdiri di depan mereka yang zalim dan thagut, serta mengingkari kezaliman dan keangkuhan mereka. Menyelamatkan mereka yang lemah, selain berdepan dengan puak-puak syaitan dan penyokongnya serta tentera-tenteranya, supaya mereka tidak merosakkan kehidupan umat Islam...”<sup>322</sup> Sudah tentu kekuatan ini bermula dari kekuatan keazaman dan ketinggian cita-cita seperti mana yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ.

‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān menetapkan salah satu sifat keperibadian yang baik dalam diri seorang pendakwah adalah sifat berani dalam menyatakan kebenaran<sup>323</sup> yang juga merupakan salah satu ciri-ciri *harakiyyah* seperti yang disebutkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī sebelum ini. Sifat keberanian ini lahir kerana keimanan pada Allah yang Esa, kebenaran yang dipegang dan dianuti iaitu Islam, konsep qadar yang diimani dengan kefahaman yang betul, sifat rasa tanggungjawab dengan Islam yang dianuti, serta pembentukan diri melalui

<sup>320</sup> Hasan al-Banna, *Kumpulan Risalah Dakwah Hasan al-Banna*, terj. Asep Sobari (cet. ke-2, Jakarta Timur: al-I'tishom, 2009), 3:29.

<sup>321</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīḥat Nabawiyyah*, 1: 8.

<sup>322</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *al-Khiṭṭah al-Barrāqah lidhī al-Nafs al-Tawwāqah* (cet ke-3, Damsyik: Dār al-Qalam dan Beirūt: al-Dār al-Syāmiyah, 2000), 80.

<sup>323</sup> ‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Silsilah Madrasah al-Du’āh*, (Kaherah: Dār al-Salām: 2004), 1:139.

tarbiah Islam yang sebenar.<sup>324</sup> Kadar keberanian seseorang dalam menyatakan kebenaran adalah berdasarkan keempat-empat elemen tersebut yang tidak mudah lahir sifat menyerah kalah, atau merasa rendah dan hina serta mampu melaungkan kalimah kebenaran tanpa perasaan takut kecuali pada Allah SWT.<sup>325</sup>

Huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ terhadap maksud kekuatan di dalam hadith yang terdapat pada jadual 9 di atas adalah selari dengan pemahaman yang dikemukakan oleh para sarjana hadith di dalam karya-karya *syurūh* mereka. Menurut al-Nawawī (m.676H) maksud kekuatan di sini adalah kekuatan keazaman dalam diri seorang muslim serta kesungguhan dalam melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab pada urusan berkaitan hari Akhirat.<sup>326</sup> Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Jawzī (m.597H) juga menyebutkan bahawa kekuatan di sini bukanlah bermaksud kekuatan badan (semata-mata), tetapi (lebih bermaksud) kekuatan keazaman dan pendirian.<sup>327</sup>

Selain itu, Sayyid Muḥammad Nūḥ juga turut menekankan aspek ujian yang dihuraikan melalui hadith “kekuatan” dari kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tarīq* dan juga hadith dari kitab *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih*. Ujian dan *mehnāh* memerlukan sifat *thabāt* (kecekalan) dan ia merupakan lumrah dalam kehidupan para pendakwah. Malah ujian tersebut sepatutnya melahirkan jiwa yang kental dan cekal dalam

---

<sup>324</sup> *Ibid.*

<sup>325</sup> *Ibid.*

<sup>326</sup> Yaḥyā bin Syaraf al-Nawawī, *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1392), 16:215.

<sup>327</sup> Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Jawzī, *Kasyf al-Musykil min Hadīth al-Ṣaḥīḥayn*, ed. ‘Alī Ḥusayn al-Bawwāb (al-Riyāḍ: Dār al-Waṭan, t.t.), 3: 552.

diri para pendakwah dengan sikap mereka mempertahankan kebenaran dan tetap di atas jalan tersebut.<sup>328</sup>

Hasan al-Banna menjadikan sifat *al-thabāt* sebagai salah satu rukun *bay‘ah* yang sepuluh.<sup>329</sup> Banyak berlaku dari kalangan yang bergiat dalam dakwah ialah nafas perjuangan yang pendek dengan maksud terhenti atau kembali mundur dengan kegagalan atau juga menyeleweng ke kiri dan ke kanan setelah mereka melalui kesusahan, kepenatan dan panjangnya perjalanan dalam dakwah.<sup>330</sup> Dari sudut yang lain, Hasan al-Banna menyebutkan bahawa terdapat para pendakwah yang boleh bersabar dengan ujian dan mampu bertahan dengan kepayahan. Namun apabila berdepan dengan ujian keduniaan seperti harta kekayaan dan pangkat kenamaan mereka terpengaruh dan tidak mampu bertahan dengan keunikannya.<sup>331</sup>

Hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād* berkaitan ujian Allah SWT dengan musibah adalah selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ḥamzah Muḥammad Qāsim di dalam Syarah kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitab beliau *Maṇar al-Qārī Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* telah memetik kata-kata Saidina Ali r.a. seperti mana berikut “*Sesungguhnya emas diuji dengan api dan seorang hamba yang soleh akan diuji dengan bala’ (musibah)...*”<sup>332</sup> Kemudian

<sup>328</sup> Fatiḥ Yakan, *Musykilāt al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 97.

<sup>329</sup> Hasan al-Banna menyusun 10 rukun *bay‘ah* yang dikhususkan kepada penggerak dakwah dalam gerakan Islam. Lihat Hasan al-Banna, *Himpunan Risalah Hasan al-Banna*, terj. Salehan bin Ayyub (Batu Caves: Pustaka Salam, 2003), 529-530.

<sup>330</sup> *Ibid.*

<sup>331</sup> Hasan al-Banna, *Himpunan Risalah*, 35.

<sup>332</sup> Ḥamzah Muḥammad Qāsim, *Maṇar al-Qārī Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Qādīr al-Arnā’ūṭ, (Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān, 1990), 5:351.

beliau menukilkan hadith seperti yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dari riwayat al-Hākim sepermata di dalam jadual 9 diatas.<sup>333</sup>

Sifat *al-thabāt* (kecekalan) sangat ditekankan dalam tarbiah *harakiyyah* Ikhwan Muslimin kerana *mīhnah* (ujian) adalah merupakan lumrah dalam menggerakkan tugas dan bebanan dakwah. Di atas dasar ini, pentingnya sifat kekuatan di dalam diri pendakwah yang digambarkan melalui sifat *al-thabāt* dalam berdepan dengan pelbagai halangan dan ujian di dalam dakwah ini. Situasi rampasan kuasa yang berlaku di Mesir pada 3 Julai 2013 dapat dilihat kesan sifat *al-thabāt* terhadap anggota Ikhwan Muslimin yang merupakan sasaran utama pihak tentera Mesir terutamanya penangkapan yang berlaku pada bekas Presiden Muhammad Mursi.<sup>334</sup> Para anggota Ikhwan Muslimin tidak diperintahkan supaya mengangkat senjata bagi menentang pihak rampasan kuasa. Perkara ini seperti mana yang disebutkan oleh Jurucakap Rasmi, *Freedom and Justic Party* (FJP), Ahmad Fahmī al-Wāṭidi, bahawa prinsip yang jelas dalam dakwah Ikhwan itu sendiri adalah bersifat aman dan dakwah seperti ini menurutnya adalah merupakan senjata lebih ampuh berbanding mana-mana peluru atau senjata yang dilemparkan kepada anggota Ikhwan.<sup>335</sup> Selain itu, apa

---

<sup>333</sup> *Ibid.*

<sup>334</sup> Presiden Mursi telah dipilih secara sah sebagai Presiden Mesir selepas kemenangan dalam pilihan raya Presiden yang berlaku pada 16-17 Jun 2012. Penentangnya (Ahmad Syafiq) memperoleh 48.3% berbanding Mursi yang memperoleh 51.7%. Mursi yang mewakili Partinya *Freedom and Justic Party* (FJP) yang merupakan Parti Rasmi bagi Gerakan Ikhwan Muslimin.

<sup>335</sup> Selain itu, menurut Ahmad Fahmī lagi, mengapa Ikhwan tidak mengangkat senjata menentang Kudeta dalam rampasan kuasa, beliau menjawab “*Kerana jika kami mengangkat senjata – yang mana ini bertentangan dengan prinsip Ikhwan – kami memberi kebenaran kepada pihak tentera untuk menghentam kami dengan senjata tercanggih mereka. Sebenarnya mereka telah pun mula melakukannya ketika kami masih lagi menyeru (berdakwah) secara aman. Kami akan menghadapi seluruh tentera, kami akan menyebabkan pihak tentera mempunyai alasan yang wajar di hadapan satu dunia untuk membunuh kami serta-merta dan mereka akan mempunyai alasan yang konkret dan sokongan penuh antarabangsa dan pada masa yang sama kami kehilangan prinsip kami kerana lebih 80 tahun kami mengatakan “Ikhwan Muslimin berdakwah secara aman”. Ini adalah dakwah secara aman “Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang terbaik..” al-Nahl 125, walau sehingga anda dibunuh oleh manusia. Hasan al-Banna pernah berkata “jadilah kamu seperti sebatang pokok, ketika manusia melemparinya dengan batu-batu ia menjatuhkan pula dengan buah-buahan”. Anda akan terkejut, orang menyangka*

yang berlaku dengan penangkapan Muḥammad Mursī jelas merupakan kesan kefahaman terhadap tarbiah dari sifat *al-thabāt* dalam dirinya. Beliau tidak tunduk atau mengalah pada kebatilan yang telah berlaku, selain merasa tanggungjawab dan keyakinannya di pihak kebenaran membuatkan beliau terus bersifat *al-thabāt* dan istiqamah walaupun berdepan dengan penentangan dan kezaliman dari pihak tentera Mesir.<sup>336</sup>

Perkara ini selari dengan apa yang disebutkan oleh Ḥasan al-Bannā dalam mengingatkan ahli Gerakan Ikhwan Muslimin supaya bersifat *al-thabāt* dengan berbagai gangguan dan halangan yang sentiasa wujud di sepanjang jalan dakwah. Gangguan-gangguan ini membawa kepada kebinasaan dan melemahkan semangat seseorang pendakwah. Tidak ada yang mampu melepassi halangan dan gangguan tersebut serta tidak ada pertahanan yang lebih kuat selain dari sifat *al-thabāt*.<sup>337</sup>

Berdasarkan huraian dan analisis yang telah dikemukakan serta penekanan aspek ‘azīmah, *himmah* dan *al-thabāt* yang telah dihuraikan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ menunjukkan bahawa perkara tersebut amat ditekankan dalam tarbiah gerakan dakwah kepada anggota penggeraknya. Malah perkara ini bagi membentuk sifat kekuatan dalam diri seorang pendakwah yang sering kali berdepan dengan situasi-situasi serta ujian yang boleh

---

dengan membawa senjata dan melindungi diri anda dari tentera dan senjata tentera, akan mengurangkan syahid dan kematian. Hakikaknya, kematian akan bertambah dengan sangat banyak. Mereka akan membunuh kamu semuanya. Tapi kami di hadapan dunia tidak dianggap lemah”. Alḥmad Fahmi al-Wāṭidi, “Mengapa Ikhwan Muslimin Tidak Mengangkat Senjata Menentang Kudeta?” laman sesawang *Youtube VideoMesirKini*, dicapai pada 13 Nov 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=Vhq78eaO8Es>.

<sup>336</sup> Lihat kenyataan rasmi Ikhwan Muslimin berkaitan keteguhan pendirian Mursi. Kenyataan Rasmi Ikhwan Muslimin, “Bayān min al-Ikhwān Ḥawl al-Thabāt Ra’īs Muḥammad Mursī” laman sesawang *Ikhwan Online*, ditinjau pada 13 Nov 2013, <http://ikhwanonline.net/Article.aspx?ArtID=167601&SecID=212>.

<sup>337</sup> Muḥammad Abd Allah al-Khatib dan Muḥammad Abd al-Ḥalim Hamid, *Syarah Risālah Ta’alim*, terj. *Team al-I’tishom* (Jakarta Timur: al-I’tishom, 2010), 465.

menyebabkan hadirnya perasaan lemah dan boleh membawa kesan negatif kepada gerak kerja dakwah itu sendiri.

### 3.1.1.3 Wabak *al-futūr* (terhenti dan melengah-lengah)<sup>338</sup>:

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"... الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الصَّعِيفِ..." <sup>339</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyah 'alā al-Tarīq</i>
2	"... دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا حَبْلٌ مَمْدُودٌ بَيْنَ السَّارِيَتَيْنِ، فَقَالَ : "مَا هَذَا حَبْلٌ؟" ..." <sup>340</sup>	<i>Āfāt 'alā al-Tarīq</i>

**Jadual 10** : Hadith-Hadith Berkaitan Sifat *al-Futūr* Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

<sup>338</sup> Kajian ini meletakkan penyakit *al-futūr* berkait rapat dengan *harakah jasadiyyah*. Ini kerana sifat malas atau melengah-lengahkan kerja yang merupakan sebahagian daripada penyakit *al-futūr* adalah kesan daripada penjagaan fizikal yang tidak teratur. Seseorang individu pendakwah yang cergas dan menjaga aktiviti senaman fizikalnya dengan baik akan turut memberi kesan kepada gerak kerja dakwah serta kecerdasan emosi sehingga dapat meninggalkan sifat *al-futūr* secara lebih efektif. Perkara ini juga dapat dilihat melalui petikan hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ “Seseorang mukmin yang kuat...”. Melalui hadith ini juga, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut menyentuh berkaitan penyakit *al-futūr* selain perbincangan berkaitan tubuh badan fizikal melalui syarahan terhadap hadith ini.

<sup>339</sup> Lihat terjemahan dan takhrij bagi hadith ini di dalam nota kaki no 289.

<sup>340</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا حَبْلٌ مَمْدُودٌ بَيْنَ السَّارِيَتَيْنِ، فَقَالَ : "مَا هَذَا حَبْلٌ؟" قَالُوا : هَذَا حَبْلٌ لِرَبَّابٍ فَإِذَا قَطَرْتَ

تَعَلَّقَتْ

فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "لَا حَلُوَةٌ، لِصَلَانٌ أَحَدُكُمْ نَشَاطِهِ، فَإِذَا قَطَرْتَ قَلِيقَتْ

**Takhrij Hadith :** Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al- Tahajjud, Bāb Ma Yukrah min al-Tasyid fī al-‘Ibādah, no hadith 1150. Lihat Sāliḥ b ‘Abd al-‘Azīz b Ibrāhīm, Mawsū‘ah al-Hadith al-Syarīf al-Kutub al-Sittah, 89. **Terjemahan hadith:** Daripada Anas bin Malik r.a. katanya “Rasulullah SAW masuk ke dalam masjid dan mendapatkan ada tali yang diikat di antara dua tiang. Rasulullah SAW bertanya: “ini tali apa?” para sahabat berkata “ini tali kepunyaan Zainab (binti Jahsy), ketika dia merasa kelelahan (melakukan ibadah) dia akan berpaut pada tali tersebut.” Rasulullah SAW berkata“rungkaikan tali tersebut! hendaklah kalian ketika mengerjakan solat dalam keadaan cergas, apabila datang kelelahan, hendaklah berehat!.”

Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Āfāt ‘alā al-Tarīq* telah meletakkan tajuk khusus berkaitan wabak *al-futūr* ini dan mengingatkan tentang kesan negatif wabak ini pada individu pendakwah (*‘āmilīn*) dan gerakan dakwah (*‘amal Islāmī*). Beliau mengemukakan maksud wabak ini secara istilah dakwah dengan menyebutkan bahawa *al-futūr* ialah: “*Penyakit yang melanda golongan pendakwah yang bekerja di atas jalan dakwah dengan ciri paling rendahnya (minimum) adalah sifat malas dan melambat-lambatkan kerja. Manakala ciri wabak al-futūr yang paling tinggi (maksimum) adalah terputus atau mendiamkan diri dari jalan dakwah setelah (sekian lama) bekerja dan bergerak secara berterusan.*”<sup>341</sup>

Hadith mengenai kekuatan yang dihuraikan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ melalui kitab *Tawjīhāt Nabawiyah ‘alā al-Tarīq* turut mengingatkan dalam pengajaran hadith tersebut mengenai sifat lemah dan wabak *al-futūr* yang berkait rapat dengan sifat kelemahan tersebut. Beliau menyebutkan: “..tidak (patut seorang muslim) merasa lemah atau perasaan tidak berdaya, kerana perasaan tersebut akan menghilangkan *thiqah* (keyakinan) terhadap diri sendiri di samping perasaan tersebut akan melahirkan sifat malas untuk terus memberi apa yang mendatangkan faedah dan mendatangkan manfaat.”<sup>342</sup> Perkara ini menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ berdasarkan kata-kata Nabi SAW yang menegah seorang muslim bersifat lemah dengan sabda Baginda SAW: ”وَلَا تَعْجِزْ“<sup>343</sup>

<sup>341</sup> Sayyid Nūḥ, *Āfāt*, 1: 9.

<sup>342</sup> Sayyid Nuh, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 10.

<sup>343</sup> *Ibid.*

'Menurut al-Nawawi<sup>ī</sup> (676H), hadith ini mengandungi tegahan supaya seorang mukmin tidak bersikap lemah selain tuntutan supaya sentiasa mengharapkan pertolongan dari Allah SWT dalam misi melaksanakan ketaatan pada-Nya. Al-Nawawi<sup>ī</sup> menyebutkan: "...*jangan merasa lemah dan jangan merasa malas untuk memohon ketaatan dan memohon pertolongan (dari Allah SWT).*"<sup>344</sup> Perintah supaya tidak bersikap lemah di sini berkait rapat dengan perintah sebelumnya di dalam hadith tersebut supaya seorang mukmin sentiasa mengharapkan pertolongan dari Allah SWT "وَاسْتَعِنْ بِاللّٰهِ" (وَاسْتَعِنْ بِاللّٰهِ), agar perasaan lemah tersebut tidak menyelubungi atau menguasai diri. Perkara ini juga menunjukkan bahawa orang yang lemah tersebut adalah dari individu yang memiliki **sifat putus asa** dengan Allah SWT yang langsung tidak mengharapkan pertolongan dari Allah SWT.

Perasaan lemah di atas jalan dakwah muncul ketika penggerak dakwah berdepan dengan ujian yang tidak mampu dihadapinya dengan jiwa yang tabah dan cekal sehingga akhirnya membawa kepada sikap *al-futūr* di atas jalan dakwah. Seorang pendakwah memerlukan sifat kekuatan sebagaimana yang disarankan oleh Nabi SAW di dalam hadith yang telah disebutkan di dalam jadual 10 di atas. 'Abd al-Ḥamīd al-Bilālī menyebutkan salah satu kelemahan dalam pembentukan keperibadian pendakwah ialah perasaan yang sentiasa dihantui dengan pemikiran yang negatif.<sup>345</sup> Di antara sebabnya ialah seseorang pendakwah tidak memahami konsep ujian (*al-ibtilā'*) yang menjadi lumrah dalam kehidupan pendakwah di samping lemah dalam menghadapi ujian tersebut dengan hati yang tabah.<sup>346</sup> Ujian, tohmahan dan cacian sentiasa akan menghantui perjalanan dan gerak kerja seseorang

<sup>344</sup> Muhy al-Dīn Yahyā bin Syaraf al-Nawāwī, *al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, 16:215.

<sup>345</sup> 'Abd al-Ḥamīd al-Bilālī, *Musykilāt wa Ḥulūl fī ḥaq̄l al-Da'wah* (Kaherah: Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1997), 37-39.

<sup>346</sup> *Ibid.*

pendakwah seperti mana yang disebutkan oleh Fathi Yakan.<sup>347</sup> Bermula dari dakwah para nabi sehingga kepada perjalanan dakwah yang dilalui oleh para sahabat, tokoh-tokoh dakwah *salaf al-ṣāliḥ* dahulu sehingga ujian yang dihadapi oleh tokoh-tokoh gerakan dakwah semasa seperti Hasan al-Banna sebagai bukti bahawa jalan dakwah tidak sunyi dengan ujian dan cabarannya.<sup>348</sup> Fathi Yakan menekankan lagi bahawa gerakan Islam moden perlu menanamkan tarbiah dalam diri ahlinya tentang erti pengorbanan dan kesusahan dengan memberi peranan serta tanggungjawab kepada ahli gerakan tersebut.<sup>349</sup> Peranan serta tanggungjawab ini dapat mendedahkan ahli dengan kecekalan dan ketabahan di samping menghindari unsur-unsur kelemahan, ketakutan dan sifat pengecut.<sup>350</sup> Perkara ini sentiasa diulang dan disebut kepada mereka yang terlibat dalam gerak kerjadakwah supaya sentiasa dibekalkan dengan kekuatan dan dijauhi dari sifat kelemahan sekaligus dapat menghindari sifat *al-futūr* itu sendiri.

Sayyid Muhammad Nūḥ membahaskan tentang kesan negatif dari sifat *al-futūr* ini kepada gerak kerja Islam. Beliau menyebutkan antaranya ialah kesan kepada masa dan jalan dakwah yang lebih panjang kerana ia bermula dari sifat malas dan lalai anggota penggerak dakwah dalam melibatkan diri diatas jalan dakwah.<sup>351</sup> Perkara ini mempunyai kaitan dengan aspek kekuatan dan kecergasan tubuh badan yang tidak dididik dalam diri seorang pendakwah. Sayyid Muhammad Nūḥ ketika mengemukakan cadangan dalam menangani penyakit *al-futūr* ini menyebutkan beberapa perkara yang berkait rapat dengan aspek *harakah jasadiyyah* antaranya memberikan hak kerehatan pada badan secukupnya di

<sup>347</sup> Fathi Yakan, *Musykilāt al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 18-46.

<sup>348</sup> *Ibid*, 40.

<sup>349</sup> *Ibid*, 45.

<sup>350</sup> *Ibid*.

<sup>351</sup> Sayyid Nūḥ, *Āfāt*, 1:23.

samping menjaga makan minum yang tidak berlebihan. Ini kerana badan yang tidak mendapat hak kerehatan secukupnya dan makan minum yang diambil secara berlebihan dan tidak dijaga boleh membawa kepada sifat malas atau terjerumus diri ke dalam sikap *al-futūr* juga.<sup>352</sup> Beliau mengemukakan hadith dalam menyokong kenyataan tersebut berkaitan tindakan Rasulullah SAW ketika melihat tali di dalam masjid yang dipasang untuk Zainab binti Jaḥsy r.a ketika mengerjakan solatnya. Apabila Zainab r.a. merasakan keletihan, beliau akan berpaut pada tali tersebut ketika solat. Rasulullah SAW melarang perbuatan tersebut dan berkata: “*rungkaikan tali tersebut! hendaklah kalian ketika mengerjakan solat dalam keadaan cergas, apabila datang keletihan, hendaklah berehat!(sebentar).*”<sup>353</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan pengajaran dalam gerakan dakwah berdasarkan hadith ini dengan menyebutkan salah satu cara untuk menghindari sifat *al-futūr* ialah memberi hak kepada badan dengan kerehatan yang cukup, serta makan minum yang seimbang bagi membentuk kecergasan pada jasad dan mengembalikan kekuatan dan kesegarannya.<sup>354</sup>

Selari dengan kefahaman terhadap maksud hadith ini yang disebutkan oleh Badr al-Dīn al-‘Aynī (855H) bahawa Rasulullah SAW menyarankan supaya bersikap sederhana (tidak melampau) dalam melaksanakan ibadah solat serta melaksanakannya dalam keadaan fizikal penuh kecergasan.<sup>355</sup> Hadith ini juga membawa maksud bahawa melakukan ibadah sepanjang malam adalah makruh (tidak digalakkan) dan ini adalah merupakan pendirian *jumhūr* (majoriti) dikalangan para ulama.<sup>356</sup> Perkara ini membawa pengajaran tentang keperluan mengekalkan kecergasan dalam pelaksanaan ibadah solat serta hak kerehatan

---

<sup>352</sup> *Ibid.* 1:27.

<sup>353</sup> Lihat takhrīj hadith ini pada nota kaki 311.

<sup>354</sup> Sayyid Nūḥ, *Āfāt*, 1: 27.

<sup>355</sup> Badr al-Dīn al-‘Aynī, ‘*Umdah al-Qārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.), 7:209.

<sup>356</sup> *Ibid.*

yang perlu diberikan kepada badan dengan tidak memaksa diri melakukan ibadah solat ketika dalam keadaan keletihan.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mengemukakan berkaitan unsur kelemahan dan wabak *al-futūr* yang ditekankan di dalam huraian hadith Sayyid Muḥammad Nūḥ di atas. Salah satu peringatan penting di dalam gerakan dakwah adalah mengingatkan ahli tentang penyakit yang menjadi penghalang gerak kerja dakwah dan di antaranya ialah berkaitan penyakital-*futūr* ini serta perasaan lemah dalam menjalani kehidupan sebagai anggota gerakan dakwah. Penulis mengkategorikan wabak *al-futūr* ini sebagai salah satu prinsip di dalam elemen *harakah jasadiyyah* adalah berdasarkan huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ tentang kelemahan aspek *jasadī* (fizikal) yang membawa kepada sifat kelemahan dan sifat *al-futūr* tersebut. Keadaan ini akhirnya membawa kerugian besar kepada gerakan dakwah dan ‘*amal Islāmī* itu sendiri sekiranya sikap lemah dan sifat *al-futūr* ini tidak diatasi dan terus menjadi amalan dalam diri anggota gerakan dakwah.

### 3.1.2 Elemen *Harakah Rūhiyyah* (Spiritual):

Jumlah hadith yang dipilih untuk dianalisis dalam *harakah rūhiyyah* ini sebanyak **enam** hadith yang dipetik secara tanpa berulang. Hadith-hadith tersebut dianalisis berdasarkan tiga prinsip *al-haraki* dalam elemen *harakah rūhiyyah* iaitu:

- 1) Sifat *tajarrud* pada Allah.
- 2) *Tarhib* dan sifat *murāqabah* Allāh.

3) Kesumulan unsur kerohanian.<sup>357</sup>

### 3.1.2.1 Sifat *Tajarrud* Pada Allah:

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"إِحْفَظِ اللَّهَ يَنْفَذُكَ إِحْفَظِ اللَّهَ بِجَدْهُ بُجَاهَكَ..." <sup>358</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyah 'alā al-Tarīq</i>
2	"أَلَا إِنَّ آلَ أَبِي-يَعْنَى فُلَانًا- لَيُسْتُوا بِأَوْلَائِاءِ، إِنَّمَا وَلِيَّ اللَّهُ وَصَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ" <sup>359</sup>	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jayl al-Sahābah</i>

**Jadual 11 : Hadith-Hadith Berkaitan Sifat *Tajjarud* Pada Allah Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ**

<sup>357</sup> Tiga prinsip ini berdasarkan pemahaman penulis dari karya-karya tokoh *harakī* yang menekankan prinsip ini antaranya : *Majmū 'ah al-Rasā'il Ḥasan al-Banna* oleh Hasan al-Banna dan kitab *Nażarāt fī Risālah al-Ta 'ālim* oleh Muḥammad Abd Allāh al-Khaṭīb.

<sup>358</sup> Hadith ini dengan **matan** yang lengkap seperti mana berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ حَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَقَالَ: "يَا عَلَامَ إِيمَانِكَ كَلِمَاتٍ: إِحْفَظِ اللَّهَ يَنْفَذُكَ إِحْفَظِ اللَّهَ بِجَدْهُ بُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَسَأْلَ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَتَ فَاسْتَعْنُ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوْ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَبَّبَهُ اللَّهُ لَكَ وَإِنْ اجْتَمَعُوكُمْ عَلَى أَنْ يَضْرُوكُوكُمْ بِشَيْءٍ لَمْ يَضْرُوكُوكُمْ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَبَّبَهُ اللَّهُ عَلَيْكُمْ، رُيِّغُتَ الْأَقْلَامُ وَحَقَّتِ الصُّحْنُ".

**Terjemahan hadith:** Dari Ibn Abbas r.a. katanya: Suatu ketika aku berada di belakang Nabi SAW, lalu Baginda bersabda kepadaku: "Wahai anak! Sesungguhnya aku mahu ajarkan engkau beberapa kalimah: Peliharalah Allah nescaya Allah akan memeliharamu. Peliharalah Allah nescaya engkau akan dapat Dia di hadapanmu. Apabila engkau meminta, maka pintalah dari Allah. Apabila engkau meminta pertolongan, maka mintalah pertolongan dengan Allah. Ketahuilah bahawa kalau umat ini berkumpul untuk memberikan sesuatu manfaat kepadamu, mereka tidak akan mampu memberikanmu manfaat kecuali dengan suatu perkara yang memang Allah telah tentukan untukmu. Sekiranya mereka berkumpul untuk memudaratkan kamu dengan suatu mudarat, nescaya mereka tidak mampu memudaratkan kamu kecuali dengan suatu perkara yang memang Allah telah tentukannya untukmu. Pena-pena telah diangkatkan dan lembaran-lembaran telah kering (dakwatnya)". **Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, Kitāb Ṣifah al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-War' 'an Rasūl Allāh SAW, Bāb Ḥadīth Ḥanzalah, no hadith 2516. Lihat Ṣalīḥ bin 'Abd al-'Azīz Ibrāhim, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Syarīf*, 1904. Hadith ini dinilai Sahih oleh Nāṣir al-Dīn al-Albāñi di dalam kitabnya *Saḥīḥ Sunan al-Tirmidhi*. Nāṣir al-Dīn al-Albāñi, *Saḥīḥ Sunan al-Tirmidhi*, 2:610.

<sup>359</sup> **Terjemahan hadith :** "Ketahuilah bahawa keluarga bapaku bukanlah pembelaku. Pembelaku ialah Allah dan orang beriman yang soleh". **Takhrij hadith :** Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb Muwālah al-Mu'minīn wa Muqāṭa'ah Ghayrihim wa al-Barā'ah Minhum, no hadith 366. Lihat Salīḥ bin 'Abd al-'Azīz Ibrahim, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Syarīf*, 717.

Salah satu isu penting dalam aspek *rūhī* yang banyak ditekankan di dalam huraian hadith oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ adalah berkaitan pembentukan sifat *tajarrud* pada Allah SWT di dalam diri seorang pendakwah. *Tajarrud* di dalam istilah gerakan dakwah seperti mana yang disebutkan oleh Ḥasan al-Bannā bermaksud: “..*Tajarrud ialah kamu bersihkan fikrahmu dari segala prinsip-prinsip dan pengaruh lain, kerana itu adalah yang utama, lengkap dan setinggi-tinggi fikrah.*”<sup>360</sup> Muḥammad ‘Abd Allāh al-Khaṭīb ketika menghuraikan rukun *tajarrud* ini di dalam kitabnya “*Naẓarāt fī Risālah al-Ta‘alīm*” menyebutkan beberapa ciri tambahan sifat *tajarrud* selain yang disebutkan oleh Hasan al-Bannā<sup>361</sup> iaitu menyerahkan jiwa raga dalam menyumbang ke arah jalan Allah dan mengiltizamkan diri agar semua urusan dan kehidupan sejajar dengan hukum dan syariat Allah.<sup>362</sup>

---


<sup>360</sup> Hasan al-Bannā, *Majmū‘ah al-Rasā’il*, 379.

<sup>361</sup> Perkara yang disebutkan oleh Hasan al-Banna berkaitan sifat *tajarrud* ini iaitu sikap dan neraca timbalan dalam menilai seseorang individu atau pertubuhan samaada dijadikan sebagai sahabat atau lawan dengan pengkategorian mengikut enam kumpulan berikut:

- 1)Muslim yang berjihad,
- 2)Muslim yang berdiam diri (Tidak Berjihad),
- 3)Muslim yang melakukan dosa,
- 4)Ahli Zimmi yang membuat perjanjian,
- 5)Kafir yang berkecuali,
- 6)Kafir yang memusuhi.

Lihat Hasan al-Banna, *Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna*, terjemahan oleh Salehan b Ayub, (Batu Caves: Pustaka Salam: 2003), 530.

<sup>362</sup> Muḥammad ‘Abd Allāh al-Khaṭīb, *Naẓarāt fī Risālah al-Ta‘alīm: Penjelasan Di Sekitar Risalah Ta‘alīm*, terj. Mohd Nizam b. Mohd Ali (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008), 326-330.



**Gambar Rajah 5 : Ciri-Ciri Tajarrud Dalam Konsep Kefahaman *Syara'* dan Gerakan Dakwah**

Muhammad ‘Abd Allāh al-Khāṭib mengemukakan definisi *tajarrud* dari sudut *syara'* iaitu “..mengkhususkan diri untuk Allah SWT dan berlepas diri dari segala sesuatu selain Allah SWT. Dengan maksud, menjadikan gerak dan diam serta perkara yang rahsia dan yang terang-terangan untuk Allah SWT semata-mata dan tidak dicampuri dengan keinginan jiwa, hawa nafsu, dunia, kedudukan (pangkat) dan kekuasaan.”<sup>363</sup> Kefahaman *tajjarud* seperti ini menurut Muhammad ‘Abd Allāh al-Khāṭib adalah selari dengan kefahaman dari al-Quran Surah al-Baqarah ayat 138 dan Surah al-Mumtaḥanah ayat ke 4. Ayat 138 dari Surah al-Baqarah menurut beliau adalah menyebutkan tentang *sibghah Allah* (celupan Allah) yang perlu dicorakkan dalam kehidupan seorang muslim dan merupakan aspek yang selari dengan kefahaman *tajarrud* tersebut.<sup>364</sup> Begitu juga dengan ayat ke 4 Surah al-Mumtaḥanah berkaitan sikap Nabi Ibrahim a.s yang berlepas diri dari kebatilan dan penyelewengan kaumnya yang menyembah berhala turut mengandungi unsur dan ciri

<sup>363</sup> Muhammad ‘Abd Allāh al-Khāṭib, *Nazārāt fī Risālah al-Ta‘alīm*, 325.

<sup>364</sup> *Ibid*, 326.

*tajarrud*.<sup>365</sup> Kefahaman *tajarrud* yang dikemukakan oleh Muhammad ‘Abd Allāh Khāṭib ini juga selari dengan kefahaman dari beberapa hadith yang dihuraikan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya-karyanya.

Melalui kitab *Tawjīhāt Nabawiyah ‘alā al-Tarīq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith tentang perintah *Iḥfaẓ Allāh* (menjaga Allah) bagi seorang hamba. Beliau menyebutkan bahawa maksud menjaga Allah iaitu dengan menjaga agama dan syariat-Nya dan tidak akan sempurna perkara tersebut kecuali melalui tiga perkara berikut:<sup>366</sup>

- a) *al-Walā’* kepada Allah SWT dengan cara mengenali sifat-sifat-Nya yang sempurna dan mensucikan-Nya dari segala sifat kekurangan. Tidak mengharapkan sesuatu harapan kecuali yang disandarkan harapan tersebut pada Allah SWT.<sup>367</sup>
- b) *al-Walā’* kepada Rasulullah SAW dan antara gambarannya dengan cara mengenalinya secara lebih dekat melalui sirahnya dan mengamalkan sunnah Baginda SAW di samping mencintai Baginda SAW melebihi kecintaan pada segala makhluk yang lain.<sup>368</sup>
- c) *al-Walā’* kepada orang-orang yang soleh dikalangan mereka yang beriman dan antara gambarannya dengan cara mengenal pasti hak-hak mereka dan kewajipan yang perlu dilaksanakan terhadap mereka. Mencintai mereka dengan

---

<sup>365</sup> *Ibid.*

<sup>366</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 3: 205-208.

<sup>367</sup> *Ibid.*

<sup>368</sup> *Ibid*, 3:206-207.

kecintaan yang benar semata-mata kerana Allah SWT dan mengharapkan kebaikan buat mereka seperti mana mengharapkan kebaikan buat diri sendiri.<sup>369</sup>

Huraian Sayyid Muhammed Nūḥ terhadap kalimah “*Ihfaz Allāh*” memberi maksud yang menyeluruh meliputi *al-walā'* kepada Allah, kepada Rasul-Nya dan kepada golongan yang beriman. Jika diperhatikan kefahaman ini selaras dengan ciri-ciri *tajarrud* yang difahami dalam konsep *syara'* dan gerakan dakwah sebelum ini. Ciri pertama yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna berkait rapat dengan *al-walā'* kepada orang beriman seperti yang dikemukakan oleh Sayyid Nuh. Manakala ciri kedua dan ketiga yang dikemukakan oleh Muhammed Abd Allāh Khaṭīb berkait rapat dengan *al-walā'* kepada Allah dan *al-walā'* kepada Rasulullah SAW. Perkara ini juga tidak bertentangan dengan kerangka maksud yang diberikan oleh *muḥaddithīn* di dalam karya *syurūḥ al-ḥadīth*. Menurut Ibn Daqīq al-‘Īd (m.702H), maksud hadith “*Jagalah Allah nescaya Allah akan menjagamu..*” iaitu bermaksud “*Jadilah kamu seorang yang taat pada Tuhanmu, melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya..*”<sup>370</sup>

Sayyid Nūḥ menyebutkan bahawa dalam memenuhi penjagaan terhadap syariat Allah SWT yang diertikan dari ungkapan hadith “*Ihfaz Allāh, yahfazka*” perlu memenuhi tuntutan *al-walā'* kepada Allah, rasul dan orang beriman.<sup>371</sup> Usaha melengkapi ketaatan pada Allah SWT perlu juga dengan mengikuti ajaran yang dibawa oleh Nabi SAW melalui sunnahnya dan perkara yang telah disepakati melalui *Ijmā'* ulama dikalangan mereka yang beriman.<sup>372</sup>

<sup>369</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 3:208.

<sup>370</sup> Ibn Daqīq al-‘Īd, *Sharḥ al-Arba‘īn al-Nawāwiyyah*, 1:76.

<sup>371</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt al-Nabawiyah*, 3:205-208.

<sup>372</sup> Salah satu ayat yang memberi ancaman terhadap mereka yang tidak mengikuti jalan orang-orang beriman (*Ijma'*), iaitu dari Surah al-Nisa' ayat 115 yang bermaksud: “*Dan sesiapa yang menentang ajaran*

Oleh yang demikian, maksud hadith “*Iḥfaz Allāh, Yahfazka..*” juga selari dengan maksud dari kalimah *tajarrud* di dalam gerakan dakwah seperti yang telah dinyatakan diatas. Perkataan *al-walā’* kepada Allah yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ini adalah berasaskan penekanan yang sama dengan kalimah *tajarrud* dalam gerakan dakwah supaya setiap pendakwah meletakkan kedudukan Allah sebagai Tuhan yang perlu ditaati dengan pelaksanaan setiap perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dari kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Sāḥabah* turut sama membahaskan aspek *tajarrud* pada Allah SWT. Berdasarkan perbahasan berkaitan akhlak yang kelima iaitu “*Memutuskan Tali Jahiliyyah*,” Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith seperti mana di dalam jadual 11 di atas yang mengandungi sikap *al-walā’* para sahabat. Sikap tersebut berkait rapat dengan sifat *tajarrud* pada Allah SWT. Beliau menegaskan, golongan para sahabat begitu komited dengan keislaman mereka dan berusaha memutuskan hubungan jahiliyyah serta menanggalkan segala ajaran dan anasir kegelapan yang telah lalu sejurus setelah mereka memeluk agama Islam.<sup>373</sup> Perkara ini selari dengan kefahaman dari maksud *tajjarud* yang sedang dibincangkan ini.

Sehubungan dengan itu, jika dilihat kepada manhaj yang dikemukakan oleh Sayyid Quṭb seperti mana yang disebutkan oleh Ṣalāḥ al-Khālidī iaitu beliau berusaha membawa kefahaman yang menjurus ke arah menanamkan sifat *al-walā’* ini di dalam huraian Tafsir

---

*Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”.*

<sup>373</sup> Sayyid Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr*, 52.

*Fī Zilāl al-Qur'an*. Sifat *al-walā'* yang ditanamkan ini dikaitkan dengan Allah SWT, Rasul-Nya SAW dan pada pegangan akidah yang diimani seseorang.<sup>374</sup> Selain itu, Sayyid Qutb juga mengaitkan *al-walā'* dengan sikap memutuskan tali pegangan jahiliyyah secara keseluruhannya atau pegangan yang cenderung ke arah kebergantungan selain dari Allah SWT.<sup>375</sup> Malah ia juga merupakan isu *tanzīmī* dan *al-ḥaraki* menurut Sayyid Qutb.<sup>376</sup> Ini kerana unsur *tajarrud* dan *al-walā'* berkaitan dengan aspek pemikiran dalam membentuk dakwah dan organisasi bersama-sama dengan kelompok yang matlamat dan tujuannya adalah sama, iaitu mencapai keredaan Allah SWT.

Berdasarkan dua hadith dan perbahasan yang telah dikemukakan ini menunjukkan bahawa Sayyid Muhammad Nūḥ amat menekankan aspek *tajarrud* yang bertujuan membentuk unsur kerohanian yang mantap dalam diri seseorang pendakwah. Selain itu, konsep *tajarrud* dan *al-walā'* yang dikaitkan dengan Allah SWT adalah suatu pembentukan sikap dalam diri seorang hamba khususnya para pendakwah dalam melakukan sesuatu kerja semata-mata kerana Allah SWT serta jauh daripada anasir-anasir luar yang bercampur aduk dengan matlamat selain dari Allah SWT.

---

<sup>374</sup> Ṣalāḥ al-Khālidī, *Al-Manhaj al-Harakī fī Zilāl al-Qur'ān*, 67.

<sup>375</sup> *Ibid.*

<sup>376</sup> *Ibid.*

### 3.1.2.2 *Tarhib* dan *Murāqabah Allah*:

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	لَا عَلِمْنَ أَفْوَامًا مِنْ أُمَّتِي يَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِخَسَاتِ أَمْثَالِ جِبَالٍ تِهَامَةَ، بِيَضَّا، فَيَجْعَلُهَا اللَّهُ—عَزَّ وَجَلَّ—هَبَاءً مَنْشُرًا... <sup>377</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyah ‘alā al-Tariq</i>
2	يُؤْتَى بِأَنْعَمَ أَهْلَ الدُّنْيَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيُصْبِغُ فِي النَّارِ صَبَّعَةً.. <sup>378</sup>	<i>Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih</i>

**Jadual 12 :** Hadith-Hadith Berkaitan *Tarhib* dan *Murāqabah Allāh* Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

<sup>377</sup> Hadith di atas separtimana yang terdapat dalam Kitāb *Tawjīhāt Nabawiyah ‘Alā al-Tariq*. Sayyid Nūḥ tidak mengemukakan hadith yang lengkap separtimana yang diriwayatkan oleh Ibn Majah. Hadith dengan matan yang lengkap riwayat Ibn Majah seperti mana berikut :  
عن ثوبان عن النبي صلى الله عليه عليه وسلم "لَا عَلِمْنَ أَفْوَامًا مِنْ أُمَّتِي يَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِخَسَاتِ أَمْثَالِ جِبَالٍ تِهَامَةَ، بِيَضَّا، فَيَجْعَلُهَا اللَّهُ—عَزَّ وَجَلَّ—هَبَاءً مَنْشُرًا". قال نَوْبَانُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، صَدَّقُوكُمْ لَنَا جَاهِلُهُمْ لَكُمْ أَنْ لَا تَكُونُوا مِنْهُمْ، وَنَحْنُ لَا نَعْلَمُ. قَالَ "أَمَا إِنَّهُمْ إِخْرَانُكُمْ وَمِنْ جَلَدِكُمْ وَيَأْخُذُونَ مِنَ الظَّلَلِ كَمَا تَأْخُذُونَ، وَلَكُنْهُمْ أَفْوَمُ إِذَا حَلَوْ بِمَخَابِرِ اللَّهِ اشْتَهِجُوكُمْ".

**Terjemahan hadith:** “Sungguh aku mengetahui beberapa kaum dari ummatku datang pada hari Kiamat dengan kebaikan yang banyak sebesar Gunung Tihāmah yang putih itu, lalu Allah SWT menjadikannya suatu yang tidak berguna seperti debu yang berterangan, adapun mereka itu adalah dari kalangan saudara kalian dan berasal dari bangsa kalian, dan menggunakan waktu malam mereka seperti kalian, hanya saja jika mereka bersendirian dengan perkara-perkara yang diharamkan Allah SWT mereka melanggarnya.” **Takhrij Hadith:** Hadith riwayat Ibn Majah, Kitāb al-Zuhd, Bāb Dhikr al-Dhunūb, no hadith: 4245. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syarīf*, 2735. Hadith ini dinilai *sahih* oleh al-Albānī di dalam kitab Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*, (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘:1997), 3:382.

<sup>378</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :  
يُؤْتَى بِأَنْعَمَ أَهْلَ الدُّنْيَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيُصْبِغُ فِي النَّارِ صَبَّعَةً، قَالَ : يَا ابْنَ آدَمَ، هَلْ رَأَيْتُ خَيْرًا قَطْ؟ هَلْ مَرَّ بِكَ شَيْءٌ قَطْ؟ فَيَقُولُ لَا وَاللَّهِ يَأْرِبُ مَا مَرَّ بِي بُؤْسٌ قَطْ يَأْشِدُ النَّاسَ بُؤْسًا فِي الدُّنْيَا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيُصْبِغُ صَبَّعَةً فِي الْجَنَّةِ فَيَقُولُ لَهُ : يَا ابْنَ آدَمَ، هَلْ رَأَيْتُ بُؤْسًا قَطْ؟ هَلْ مَرَّ بِكَ شَيْءٌ قَطْ؟ فَيَقُولُ لَا وَاللَّهِ يَأْرِبُ مَا مَرَّ بِي بُؤْسٌ قَطْ وَلَا رَأَيْتُ شَيْءًا قَطْ.

**Terjemahan Hadith:** “Didatangkan pada Hari Kiamat seorang penduduk dunia yang paling mendapat kenikmatan dan dia adalah penghuni Neraka. Lantas dia dicelupkan ke Neraka dengan satu celupan, lalu dikatakan kepadanya “Wahai anak Adam, apakah engkau pernah melihat kebaikan sedikit pun? Apakah engkau pernah melewati kenikmatan sedikit pun?” Dia berkata “tidak, demi Allah wahai Robb.” Didatangkan seorang penduduk dunia yang paling mendapat kesengsaraan, dan dia adalah penghuni Syurga. Lantas dia dicelupkan ke Syurga dengan satu kali celupan, lalu dikatakan: “Wahai anak Adam, apakah engkau pernah melihat kesengsaraan sedikit pun.? Apakah engkau pernah melewati kesempitan sedikit pun?” Dia berkata “Tidak, demi Allah wahai Robb. Aku tidak pernah melewati kesempitan sedikit pun dan aku tidak pernah melihat kesengsaraan sedikit pun.” **Takhrij hadith :** Hadith riwayat Muslim, Kitāb Ṣifah al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār, Bāb Sibgh An‘ami Ahl al-Dunyā fī al-Nār wa Sibgh Asyadduhum Bu’san fī al-Jannah, no hadith 2807. Lihat Muslim bin al-Hajjāj al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī (Beirūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.), 4:2162.

*Tarhīb* dari perkataan *rahhaba*, *yurahhibu*, *tarhīban* dengan maksud perkara-perkara yang menakutkan.<sup>379</sup> *Tarhīb* adalah istilah yang digunakan untuk menunjukkan perkara yang berbentuk amaran yang menakutkan seperti azab neraka, azab kubur dan seksaan yang disediakan kepada mereka yang kufur dan ingkar dengan perintah Allah SWT. Manhaj ini diketengahkan bagi mendorong seseorang untuk meninggalkan perkara dosa yang dilarang dan membawa kepada kemurkaan Allah SWT. *Tarhīb* adalah kalimah yang berlawanan dengan *targhīb*, iaitu perkara-perkara yang berbentuk galakan terhadap kebaikan serta ganjaran yang disediakan kepada orang yang beriman, berupa syurga dan nikmat sebagai balasan atas usaha kebaikan dan susah payah mereka di atas muka bumi.<sup>380</sup>

Di dalam *Mu'jam al-Wasīt*, maksud bagi *al-murāqib* dari sudut bahasa ialah : “*pemantau yang ditugaskan oleh penguat kuasa untuk memantau dan menjaga pesalah (jenayah) dalam tempoh masa yang telah ditentukan.*”<sup>381</sup> Kalimah *murāqabah* dari kata dasar *raqaba*. Menurut *Ibn Manzūr*, *raqaba* di dalam sifat Allah SWT disebut sebagai *al-Raqīb*. Allah SWT bersifat dengan *al-Raqīb* yang bermaksud: “*Dialah penjaga yang tidak tersembunyi dari-Nya sesuatu apa pun.*”<sup>382</sup> Allah yang bersifat dengan *al-Raqīb* juga ialah yang Maha Meneliti dan mengamati gerak geri sesuatu perkara itu dengan sepenuh perhatian dan mengawasi dengan sehalus-halusnya. Firman Allah SWT:

---

<sup>379</sup> Ahmad al-'Ayid et. al, *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* (t.t.: t.p., t.t), 554.

<sup>380</sup> Contoh berkaitan topik *al-targhīb* dan *al-tarhīb* terutamanya dalam kandungan hadith boleh dilihat di dalam karya yang menghimpunkan dengan metode susunan tersebut seperti karya *al-Mundhiri* (656H). Lihat sebagai contoh hadith *al-targhīb* dan *al-tarhīb* di dalam makan dan minum. (*al-Targhīb fī al-Tasmiyah 'ala al-Ta'ām wa al-Tarhīb 'ala Tarkiha*). 'Abd al-'Azīm bin 'Abd al-Qawiy al-Mundhiri, *al-Targhīb wa al-Tarhīb min al-Hadīth al-Syārif*, cet. ke 3, taḥqīq : Muhyi al-Dīn Dīb, Sāmir Aḥmad al-Atṭar, Yūsuf Alī Badiwī, (Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 1999), 3: 54.

<sup>381</sup> Ibrāhīm Muṣṭafā et.al, *al-Mu'jam al-Wasīt*, (Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1960), 1-2: 364.

<sup>382</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Ibn Muḥammad, *Lisān al-'Arab* (Beirūt: Dār Ṣādir; 1994), 1:424.

وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَفِظٌ

Al-Saba' 34:21

“....dan (ingatlah) Allah sentiasa mengawasi tiap-tiap sesuatu.”

Ayat ini memberi pengertian yang jelas bahawa Allah SWT sentiasa memerhatikan dan mengawasi peri laku dan kelakuan hamba-Nya serta mengetahui segala apa yang mereka kata dan perbuat.<sup>383</sup> Berdasarkan keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa maksud dari kalimah *murāqabah Allāh* iaitu sikap sentiasa merasakan bahawa Allah mengawasi setiap gerak geri dan tingkah laku hamba-hamba-Nya.

Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith berkaitan *murāqabah Allāh* yang perlu dibentuk dan dididik dalam diri seorang pendakwah. Hadith ini dibincangkan pada bilangan kedua dalam susunan 40 hadith yang dikemukakan di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah* ini. Menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, sikap sentiasa merasakan pengawasan Allah SWT dan pembentukannya dalam diri seorang muslim adalah merupakan suatu tuntutan di dalam Islam sebagai benteng dan ketahanan diri dari terjerumus kepada perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah SWT.<sup>384</sup> Hadith ini juga mendidik diri para pendakwah dengan tarbiyyah *rūhiyyah* yang kukuh supaya sentiasa bersikap malu dengan Allah SWT secara rahsia atau terang-terangan.<sup>385</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ juga menerangkan bahawa salah satu wasilah atau cara yang boleh membantu dalam memaksimumkan sikap supaya bersifat “sentiasa diawasi oleh Allah” ialah dengan melazimi kehidupan berjemaah serta tidak

<sup>383</sup> Said Hj Ibrahim, *Huraian Asma' al-Husna: Jalan Menghayati Aqidah Islam*, (Kuala Lumpur: Dār al-Ma'rifah:1995), 192-193.

<sup>384</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq*, 1-2: 15.

<sup>385</sup> *Ibid.*

meletakkan kesempatan atau ruang hidup secara berseorangan sehingga memberi peluang bagi syaitan menghasut perkara kejahanan.<sup>386</sup> Beliau juga menyebutkan faedah berada dalam jemaah, iaitu “...(apabila berada dalam jemaah) seseorang itu akan digerakkan tenaganya secara maksimum, sehingga perkara ini akan membuatkan seseorang muslim, tiada ruang walau seketika hidup dalam sendirian...”<sup>387</sup>

Ibn Mājah meletakkan hadith *murāqabah Allāh* ini di dalam kitabnya *Sunan Ibn Mājah* pada bab *Dhikr al-Dhunūb* (Kenyataan Berkaitan Dosa).<sup>388</sup> Di dalam huraiān ringkas *al-Sanadī* (m.1138H) terhadap hadith ini, beliau menyebutkan bahawa Nabi SAW memperingatkan tentang dosa yang dilakukan secara tersembunyi dari pandangan manusia umum boleh menghilangkan pahala dan menjadikan amalan kebaikan seperti solat malam yang dilakukan sebelumnya seperti debu yang berterbangan.<sup>389</sup> Perkara tersebut adalah kerana biarpun tersembunyi dari pandangan manusia umum, tetapi ia masih tetap dilihat dan di bawah pengetahuan Allah SWT. Hadith ini mengingatkan supaya perlunya ada sifat *murāqabah Allāh* dalam diri dan takut akan azab Allah SWT di Akhirat kelak sebagai sifat *tarhīb* yang perlu ditanam dalam setiap individu para pendakwah.

Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣhābih* mengemukakan hadith tentang gambaran dan seksaan Neraka ketika membahaskan salah satu metode Rasulullah SAW dalam meniupkan semangat ruh jihad di kalangan para sahabat. Beliau menyebutkan salah satu metode tersebut iaitu melalui penerangan dan penjelasan tentang tempat kembali seseorang manusia dan jalan untuk

<sup>386</sup> *Ibid*, 17.

<sup>387</sup> *Ibid*, 19.

<sup>388</sup> Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah*, 2:1418.

<sup>389</sup> Al-Sanadī, *Kifāyah al-Hājah fī Syarh Sunan Ibn Mājah*, (Beirūt: Dār al-Jayl, t.t.), 2:561.

selamat dari seksaan dan kesengsaraan api Neraka. Hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam perbahasan ini seperti mana di dalam jadual 12 menunjukkan aspek *tarhīb* merupakan salah satu metode Rasulullah SAW dalam membina dan membentuk sifat jihad di dalam diri para sahabat. Menurut beliau lagi, hadith ini menunjukkan bahawa kenikmatan di dalam Syurga akan melupakan segala kepayahan dan kesengsaraan di dunia.<sup>390</sup> Begitu juga dengan seksaan api Neraka akan melupakan segala kenikmatan dan kemewahan yang telah dicapai oleh seorang hamba ketika di dunia.<sup>391</sup> Muḥammad Taqī al-Uthmānī ketika mensyarahkan hadith ini di dalam Ṣaḥīḥ Muslim menyebutkan bahawa maksud dari perkataan di dalam hadith "... لَا إِلَهَ إِلَّا رَبُّكَ" menunjukkan kesakitan dan kesengsaraan yang dirasai oleh seorang hamba perihal azab di dalam Neraka telah melupakan segala nikmat yang telah diperolehi di dunia.<sup>392</sup>

Berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan ini menunjukkan bahawa aspek *tarhīb* dan didikan supaya sentiasa merasai *murāqabah Allāh* turut ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya-karyanya ketika menghuraikan hadith-hadith Nabi SAW. Aspek ini merupakan unsur penting dalam mendidik kerohanian seseorang pendakwah sehingga mampu membentuk elemen *harakah rūhiyyah* dalam keperibadian seorang penggerak dakwah secara lebih baik.

---

<sup>390</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nūfūs Aṣḥābih*, 37-38.

<sup>391</sup> *Ibid.*

<sup>392</sup> Muḥammad Taqī al-Uthmānī, *Takmilah Fath al-Mulhim bi Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2006), 5:77.

### 3.1.2.3 Kesumulan Unsur Kerohanian:

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūh
1	"كَيْفَ أَنْتَ يَا حَنْظَلَةُ؟ قَالَ : فُلُثُ تَافِقَ حَنْظَلَةُ، قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ مَا تَقُولُ؟..." <sup>393</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah ‘alā al-Tarīq</i>
2	"مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْرُورِ مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْفَصُرُ ذَلِكَ مِنْ أَجْرُهُمْ شَيْئًا.." <sup>394</sup>	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīl al-Sāḥabah</i>

<sup>393</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut:

عَنْ أَبِي عُمَانَ النَّهَدِيِّ عَنْ حَنْظَلَةَ الْأَسِيدِيِّ قَالَ لَقَبَنِي أَبُو بَكْرٍ فَقَالَ كَيْفَ؟ أَنْتَ يَا حَنْظَلَةُ؟ قَالَ : فُلُثُ تَافِقَ حَنْظَلَةُ، قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ مَا تَقُولُ؟ قَالَ : فُلُثُ : نَكُونُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، نَكُونُتَا بِالْكَلَّ وَالْخَنَّ، حَتَّى كَانَتِ رَأْيِي عَنِ، فَإِذَا خَرَجْنَا مِنْ عِنْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَاهَنَا الْأَزْوَاجُ وَالْأُوْلَادُ وَالصَّيْعَاتُ، نَسِيْنَا كَثِيرًا، قَالَ أَبُو بَكْرٍ تَوَالَّهُ! إِنَّنِي مِثْلُ هَذَا، فَأَنْتَلَثُتُ أَنَا وَأَبُو بَكْرٍ حَتَّى دَخَلْنَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فُلُثُ : تَافِقَ حَنْظَلَةُ يَارَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "وَمَا ذَاكُ؟" فُلُثُ : يَا رَسُولُ اللَّهِ! نَكُونُ عِنْدَكُمْ، ثَدَّرْنَا بِالْجَنَّةِ وَالنَّارِ، حَتَّى كَانَ رَأْيِي عَنِ، فَإِذَا خَرَجْنَا مِنْ عِنْدِكُمْ، غَاءَنَا الْأَزْوَاجُ وَالْأُوْلَادُ وَالصَّيْعَاتُ، نَسِيْنَا كَثِيرًا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "وَالَّذِي تَفَسَّرَ بِيَدِهِ إِنْ لَوْتَدُمُونَ عَلَى مَا نَكُونُونَ عَنِي، وَفِي الدُّنْكِ، لَصَاحِحُكُمُ الْمَلَائِكَةُ عَلَى فُرُشَتِكُمْ وَفِي طُرُوكُمْ وَلَكُنْ يَا حَنْظَلَةُ سَاعَةً وَسَاعَةً" ثَلَاثَ مَرَّاتٍ

**Terjemahan hadith:** Daripada Abi Uthmān al-Nahdī daripada Ḥanẓalah al-Usaydī r.a katanya: Aku bertemu dengan Abu Bakar as-Siddīq r.a. lalu Abu Bakar bertanya kepadaku: “Bagaimana kamu wahai Ḥanẓalah?” Jawabku: Ḥanẓalah telah jatuh munafiq! Abu Bakar r.a berkata: Maha suci Allah, apa yang kamu katakan ini?. Jawabku: “Kami ketika bersama Rasulullah SAW diingatkan tentang Neraka dan Syurga sehingga seolah-olah kami melihatnya di depan mata, namun apabila kami keluar dari majlisnya kami bermain-main mesra dengan isteri, anak-anak dan ladang, lalu kami lupa banyak.” Abu Bakar r.a. berkata: “Demi Allah, sungguh kami benar-benar menemui perkara yang sama seperti ini.” Kemudian Ḥanẓalah dan Abu Bakar r.a.berangkat untuk bertemu dengan Nabi SAW sehingga kami masuk bertemu dengan Rasulullah SAW. Aku berkata “Hanẓalah telah munafiq yang Rasulullah SAW.” Rasulullah SAW bertanya “Kenapa begitu?” Aku berkata “Ya Rasulullah SAW, kami di sisi kamu ketika kamu mengingatkan kami dengan Neraka dan Syurga sehingga seolah-olah kami melihat dengan mata. Kemudian apabila kami keluar dari sisi kamu, kami bergaul dengan para isteri, anak-anak dan ladang kami, kami lupa dengan banyak.” Lantas Rasulullah SAW bersabda: “Dan demi diriku di Tangan-Nya, jika sekiranya kamu berterusan atas keadaan kamu ketika kamu disisiku dan dalam zikir, sungguh malaikat akan bersalam dengan kamu di kital kamu dan di jalan-jalan kamu. Tetapi ya Ḥanẓalah, satu waktu ke satu waktu (baginda mengulanginya 3 kali). **Takhrij Hadith :** Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Tawbah, Bāb Faḍl Dawām al-Dhikr wa al-Fikr fī Umūr al-Ākhīrah wa al-Murāqabah wa Jawāz Tark Dhālikā fī Ba'd al-Awqāt wa al-Isytighāl bi al-Dunyā, no hadith 6966. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz bin Muḥammad et.al, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Syarīf* : *al-Kutub al-Sittah*, cet.ke 4, (al-Riyād: Dār al-Salām: 2008), 1154.

<sup>394</sup> Hadith ini dengan matan lengkap seperti mana berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْرِهِ مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْفَصُرُ ذَلِكَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالٍ، كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَنَّمَا مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْفَصُرُ ذَلِكَ مِنْ آنَامِهِمْ شَيْئًا"

**Terjemahan Hadith :** Daripada Abu Hurairah r.a katanya bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda “Sesiapa yang mengajak kepada hidayah (kebaikan) baginya ganjaran seperti mana ganjaran yang diberikan kepada mereka yang mengikuti, tiada kurangnya walau sedikit dari ganjaran tersebut, dan sesiapa yang menyeru kepada kesesatan, baginya dosa seperti mana dosa mereka yang mengikutinya, tiada kurangnya walau sedikit dari dosa tersebut”. **Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim, di dalam kitab *al-Ilm*, bab Man Sanna Sunnah Ḥasanah aw Sayyi'ah, wa Man Da'ā Ila Huda aw Dalālah, no hadith 2674. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Ibrāhim, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Syarīf*, 1144.

### **Jadual 13 : Hadith-Hadith Berkaitan Kesumulan Unsur Kerohanian Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ**

Kesumulan unsur kerohanian yang dimaksudkan disini ialah aspek kerohanian yang difahami dengan konsep yang menyeluruh serta tidak terbatas pada maksud kerohanian yang bersifat khusus semata-mata. Aspek kerohanian yang dikaitkan dengan ibadah dalam kehidupan seorang muslim adalah yang melibatkan keseluruhan pergerakan tubuh badan yang dihubungkan dengan amal semata-mata untuk Allah SWT.<sup>395</sup> Perkara ini membawa maksud yang menyeluruh terhadap aspek kerohanian bahawa kehidupan seorang muslim keseluruhannya melibatkan ibadah sekaligus membawa maksud yang syumul dalam unsur kerohanian tersebut. Perkara ini juga ada ditekankan melalui hadith-hadith Nabi SAW dalam karya-karya Sayyid Muhammad Nūḥ.

Sayyid Muhammad Nūḥ melalui kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah* memetik sepotong hadith - sepetimana di dalam jadual 13 di atas- yang menyebutkan tentang kisah mengenai Ḥanżalah al-Usaydī r.a. Menurut Sayyid Muhammad Nūḥ, Rasulullah SAW melalui hadith ini ingin memperbetulkan kefahaman terhadap cara interaksi para sahabat antara persoalan akhirat dan urusan berkaitan keduniaan.<sup>396</sup> Menurut beliau, perkara ini memerlukan kepada kefahaman yang seimbang dengan tidak meninggalkan persoalan akhirat di samping kerja dan urusan berkaitan keduniaan juga turut sama diselesaikan.<sup>397</sup> Beliau menyebutkan bahawa hadith ini membawa gambaran tentang kebimbangan seorang sahabat Nabi yang bernama Ḥanżalah r.a. akan kedudukan imannya yang berubah-ubah. Ḥanżalah ketika

<sup>395</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Khaṣāis al-‘Āmmah li al-Islām*, cet. ke 6, (Kaherah: Maktabah Wahbah:2003), 105.

<sup>396</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘alā al-Tarīq*, 3:102.

<sup>397</sup> *Ibid.*

mendapat peringatan keimanan bersama Rasulullah SAW, merasakan kedudukan imannya meningkat. Namun apabila kembali ke pangkuhan keluarga dan bermesra dengan anak dan isteri merasakan dirinya lupa akan peringatan yang diingatkan oleh Rasulullah SAW dan sikap ini membuatkan Ḥanzalah r.a menganggap dirinya wujud ciri-ciri munafiq. Tetapi Rasulullah SAW memperbetulkan balik sikap Ḥanzalah tersebut dengan petunjuk kearah pengurusan masa yang betul ketika menyebutkan kalimah “*Sā‘atan wa sā‘ah*”. Menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, maksud dari kalimah “*Sā‘atan wa sā‘ah*” iaitu pembahagian waktu dari masa ke semasa dan perlu diuruskan dalam kehidupan seharian.<sup>398</sup> Hadith ini menggambarkan bimbingan Rasulullah SAW kepada Ḥanzalah r.a. supaya mengambil sikap pertengahan dalam urusan mengingati Allah serta urusan dunia yang juga memerlukan peruntukan masa. Urusan keduniaan seperti masa yang diluangkan bersama ahli keluarga dan anak-anak, sehingga Rasulullah SAW mengingatkan perkara ini dan mengulanginya sebanyak tiga kali.<sup>399</sup>

Di samping itu, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan dalam huraian perbahasan hadith ini berkaitan dengan konsep pemahaman terhadap ibadah harian yang memiliki ibadah khusus dan juga ibadah umum. Perkara ini yang ingin dikaitkan dengan tajuk “*Kesyumulan Unsur Kerohanian*” di dalam kajian ini. Beliau menghuraikan topik berkaitan ibadah ini di bawah tajuk “*Māhiyah al-‘Ibādah, wamaḍmūnihā wa aqsāmuhā wa fadluhā*”.<sup>400</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ juga meletakkan tajuk perbahasan khusus dalam mengaitkan hadith Ḥanzalah ini dengan *Fiqh Ibadah*, iaitu di bawah tajuk “*Alāqah Hadīth Ḥanzalah “Sā‘atan*

---

<sup>398</sup> *Ibid*, 100.

<sup>399</sup> *Ibid*, 102.

<sup>400</sup> *Ibid*, 105-114.

*wa sā‘ah” bi Fiqh al-‘Ibādah.*<sup>401</sup> Di dalam huraian terhadap tajuk tersebut, beliau menyimpulkan bahawa, hadith Ḥanzalah memiliki kedua-dua konsep ibadah, khusus dan umum.<sup>402</sup> Beliau juga mengemukakan perbahasan berkaitan pemahaman yang kurang tepat terhadap hadith Ḥanzalah pada kalimah “*Sā‘atan wa Sā‘ah*”. Beliau menyebutkan bahawa salah faham tersebut timbul kerana pemahaman bahawa hadith ini memberi ruang, waktu “*sā‘ah*” yang diperuntukkan untuk dunia digunakan tanpa ada batasan dan disiplin syarak yang telah digariskan.<sup>403</sup> “*Sā‘ah*” yang diperuntukkan untuk dunia tetap memiliki batasan dan disiplin yang perlu dipatuhi bagi mengelak daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak.<sup>404</sup>

Al-Nawawi<sup>ī</sup> (m.676H) ketika mensyarahkan hadith ini di dalam kitabnya, *al-Minhāj Syarḥ Sahīh Muslim bin al-Hajjāj* menyebutkan bahawa hadith ini menggambarkan tentang keimbangan sahabat Nabi SAW terhadap sifat *munāfiq* dengan kelakuan yang berlainan ketika bertemu Nabi SAW dan ketika bersama dengan keluarga.<sup>405</sup> Hadith ini juga mengandungi teguran daripada Nabi SAW terhadap konsep pemahaman sifat *munāfiq* yang kurang tepat dan kelakuan tersebut tidak tergolong dalam kalangan *munāfiqīn* kerana seseorang tidak dipertanggungjawabkan secara berterusan untuk memperingati Hari Akhirat, tetapi perlu membahagikan masa secara lebih seimbang dengan tugasan harian. Perkara tersebut dapat difahami melalui bimbingan Nabi SAW terhadap Ḥanzalah yang

<sup>401</sup> *Ibid*, 114-117.

<sup>402</sup> *Ibid*.

<sup>403</sup> *Ibid*, 117.

<sup>404</sup> *Ibid*, 118.

<sup>405</sup> al-Nawāwi, *Al-Minhaj ‘alā Ṣahīh Muslim bin al-Hajjāj*, 17:67.

menyebutkan (ساعة وساعة) dengan maksud, satu masa diperuntukkan untuk perkara ini dan satu masa yang lain diperuntukkan untuk perkara yang lain pula.<sup>406</sup>

Di dalam kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Šahābah*, Sayyid Muḥammad Nūḥ menghuraikan salah satu tajuk akhlak para sahabat yang melahirkan kemenangan iaitu para sahabat mewakafkan seluruh kehidupan mereka untuk kebaikan dakwah di atas jalan Allah SWT (*Waqt Hayātahum ‘alā al-Da’wah Ilā Allāh*). Beliau mengemukakan beberapa hadith berkaitan ganjaran dan kelebihan pelaksanaan dakwah di atas jalan Allah SWT ini. Salah satu hadith yang dikemukakan iaitu berkaitan ganjaran yang diperolehi bagi mereka yang mengajak kearah kebaikan seperti mana di dalam jadual 13 di atas. Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan huraian bahawa aspek penyebaran dakwah juga merupakan unsur kerohanian yang dikategorikan sebagai zikir (mengingati Allah) seperti mana di dalam ayat 28 Surah al-Ra‘d.<sup>407</sup> Berdasarkan perkara ini, kajian menyimpulkan bahawa Sayyid Muḥammad Nūḥ ingin mengenangkan kesyumulan unsur kerohanian yang tidak terhad pada aspek ibadah khusus semata-mata, tetapi luas mencakupi ibadah umum yang lain dan turut mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Berdasarkan huraian terhadap hadith-hadith dari karya-karya Sayyid Nūḥ ini dapat difahami bahawa konsep ibadah yang dilaksanakan secara harian tidak hanya terhad pada ibadah khusus semata-mata. Ibadah umum juga termasuk dalam aspek yang ditekankan dalam proses pembinaan kerohanian seseorang individu secara lebih seimbang dan syumul dalam setiap aspek kehidupan seorang muslim.

<sup>406</sup> *Ibid.*

<sup>407</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Šahābah*, 102-103.

### 3.1.3 Analisis Hadith Berdasarkan Elemen Harakah *Thaqafiyah* (Intelektual):

Jumlah hadith yang dipilih untuk dianalisis dalam *harakah thaqafiyah* ini adalah sebanyak enam hadith yang dipetik tanpa berulang. Hadith-hadith tersebut dianalisis berdasarkan tiga prinsip *haraki* dalam elemen *harakah thaqafiyah* seperti mana berikut:

- 1) Kefahaman Secara *Wasaṭiyah*.
- 2) Ilmu Melahirkan Keyakinan Diri.
- 3) Menjauhi Sifat Gopoh-gapah (*al-Isti 'jāl*) dengan Ilmu.<sup>408</sup>

#### 3.1.3.1 Kefahaman Secara *Wasaṭiyah* :

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ
1	"... حَاجَةً تَلَاهُ رَهْطٌ إِلَى بُيُوتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسَّالُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ ..." <sup>409</sup>	Āfāt 'alā al-Tarīq

<sup>408</sup> Tiga prinsip ini berdasarkan pemahaman penulis dari karya-karya tokoh *haraki* yang menekankan prinsip ini antaranya :*Musykilāt wa Hulul fi Haql al-Da'wah* oleh 'Abd al-Hamīd al-Bilālī dan *Silsilah Madrasah al-Du'āh* oleh 'Abd Allāh Nāsiḥ 'Ulwān.

<sup>409</sup> Hadith ini dengan **matan** yang **lengkap** seperti mana berikut:

عَنْ أَنَسَ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَاجَةً تَلَاهُ رَهْطٌ إِلَى بُيُوتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسَّالُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمَّا أُخْبِرُوا كَافَّهُمْ نَقَالُوهُ ، فَقَالُوا : وَأَيْنَ نَحْنُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ قَدْ عَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقْدِمُ مِنْ ذَبْهَ وَمَا تَأْخِرُ ، فَقَالَ أَخْدُهُمْ : أَمَا أَنَا أَصَلَّى اللَّيلَ أَبْدًا ، وَقَالَ آخَرُ : أَنَا أُسُومُ الدَّهْرَ وَلَا أُغْطِرُ ، وَقَالَ آخَرُ : أَنَا أَعْتَرُ النِّسَاءَ فَلَا أَتَرْجُ أَبْدًا ، فَحَاجَةُ إِلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : "أَلَمْ الَّذِينَ قُلْنَا كَذَّا وَكَذَّا ؟ أَمَا اللَّهُ إِنِّي لَأَخْشَائُمُ لَهُ وَأَنْتَمُ كُلُّكُمْ وَأُفْطِرُ ، وَأَنْتُمُ وَارِقُ ، وَأَنْتُمُ السَّيِّدُونَ ، فَمَنْ رُغِبَ عَنْ سُنْنَتِي فَلَيْسَ مَعِي".

**Terjemahan Hadith :** Daripada Anas bin Malik bahawa tiga orang lelaki datang ke rumah isteri-isteri Rasulullah SAW bertanyakan tentang ibadat Rasulullah SAW. Apabila mereka diberitahu tentangnya seolah-olah mereka menganggapnya sedikit lalu berkata: Di manakah kedudukan kami berbanding dengan Rasulullah SAW. Sedangkan Allah SWT telah mengampunkan dosanya yang terdahulu dan akan datang. Salah seorang dari mereka berkata: Saya ini, pasti akan sembahyang malam selama-lamanya. Seorang lagi berkata: Saya akan berpuasa sepanjang tahun dan tidak berbuka. Manakala individu yang ketiga berkata: Saya akan menjauhi perempuan, saya tidak akan berkahwin selama-lamanya. Kemudian Rasulullah SAW. datang lalu bersabda: 'Kamukah yang berkata begitu dan begini? Demi Allah, sesungguhnya sayalah yang paling takut kepada Allah dari kalangan kamu dan paling bertaqwah. Namun begitu, saya berpuasa dan saya berbuka, saya bersembahyang dan saya juga tidur dan berkahwin. Dengan itu, sesiapa yang tidak suka kepada sunnahku maka dia bukan dari kalanganku". **Takhrij Hadith :** Hadith

2	”مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفْعِلُ فِي الدِّينِ..“ <sup>410</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq.</i>
---	--	---

**Jadual 14 :** Hadith-Hadith Berkaitan Kefahaman Secara *Wasaṭiyyah* Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ.

Sayyid Muhammad Nūḥ di dalam kitab *Āfāt 'alā al-Tarīq* ada menyentuh tentang konsep kefahaman secara *wasaṭiyyah* ini terutamanya dalam aspek pelaksanaan ibadah ketika menghuraikan tajuk yang keenam iaitu *al-ghurūr* (tertipu dengan diri sendiri). Ketika mengaitkan konsep kefahaman *wasaṭiyyah* dalam gerak kerja dakwah, Sayyid Muhammad Nūḥ menyebutkan bahawa salah satu sebab munculnya sifat *al-ghurūr* adalah kerana sesetengah individu yang terlibat di dalam gerak kerja dakwah ini menggunakan pendekatan yang keras (*tasyaddud*) atau melampau (*ghuluw*) di dalam pendekatan dakwah mereka. Selain itu, kelompok tersebut melihat pendekatan pendakwah lain yang lebih sederhana dengan pandangan sinis dan sangkaan bahawa manhaj kesederhanaan tersebut sebagai manhaj yang merugikan perjalanan dakwah.<sup>411</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ mengemukakan hadith di atas yang mengajak kepada pendekatan sederhana dalam pelaksanaan ibadah dan amalan. Beliau mengaitkan pendekatan dakwah yang diambil

riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nikāh, bab al-Targhib fī al-Nikāh, no hadith 5063. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf*, 438.

<sup>410</sup> Hadith ini dengan **matan** yang **lengkap** seperti mana berikut :

عَنْ أَبِي شَهَابٍ قَالَ : قَالَ حَمْيِدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ : سَعَثْتُ مُعَاوِيَةً حَطِيبًا يَقُولُ : سَعَثْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : ”مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفْعِلُ فِي الدِّينِ، وَإِنَّمَا أَنَا قَاسِمٌ وَاللَّهُ يَعْلَمُ، وَلَنْ تَرَأَلْ هَذِهِ الْأُجْمَعَةَ قَاتِلَةً عَلَى أَمْرِ اللَّهِ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ خَالَفُوكُمْ حَتَّى تَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ“

**Terjemahan Hadith :** Daripada Ibn Syihāb katanya : berkata Humayd bin ‘Abd al-Rahmān : Aku mendengar Mu‘āwiyah berkutbah dengan berkata : Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda “Sesiapa yang Allah kehendaknya dengan kebaikan Allah memberinya kefahaman di dalam agama,saya ini hanyalah membahagikan dan Allah juga yang memberi, ummat ini akan sentiasa tetap teguh berdiri diatas segala perintah Allah, tidak ada yang memudaratakan mereka dengan sesuatu yang menentang mereka sehingga lah datangnya urusan dari Allah”. **Takhrij Hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhārī di dalam Sahihnya, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Man Yurid Allāh Bih Khairan Yufaqqihu fī al-Dīn, no hadith 71. Lihat Salīḥ bin ‘Abd al-Azīz Ibrāhīm, *Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf*, 8.

<sup>411</sup> Sayyid Muhammad Nūḥ, *Āfāt 'alā al-Tarīq*, 1:117.

secara radikal dan keras adalah disebabkan pendekatan *thaqāfah* pendakwah yang tidak dibentuk dengan baik selain kurangnya pengetahuan seseorang pendakwah dalam meletakkan tabiat semulajadi agama ini dengan pendekatan yang sederhana.<sup>412</sup>

Ibn Baṭṭāl (m.449H) ketika mensyarahkan hadith ini menyebutkan bahawa pengambilan sikap *al-tawassuṭ* (sederhana) di dalam pelaksanaan ibadah adalah merupakan suatu keutamaan supaya diri dan peribadi tidak merasa lemah dalam pelaksanaannya atau terputus dalam melakukannya.<sup>413</sup> Kemudian Ibn Baṭṭāl (m.449H) mengemukakan satu hadith dalam menguatkan kenyataan beliau tersebut seperti mana berikut: “*Sesungguhnya sebaik-baik amalan adalah yang boleh konsisten dalam pelaksanaanya walaupun hasilnya adalah sedikit.*”<sup>414</sup> Al-Nawawī (676H) di dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* meletakkan hadith ini di dalam bab “*al-Iqtisād fī al-‘Ibādah.*” Jika diterjemahkan secara perkataan, bab ini membawa maksud “Ekonomi di dalam Pelaksanaan Ibadah.” Namun, perkara yang dimaksudkan oleh al-Nawāwī ialah keperluan kepada kesederhanaan dan tidak melampaui batas di dalam pelaksanaan ibadah. Ibn al-‘Uthaymīn (1421H) ketika mensyarahkan hadith ini menyebutkan bahawa, tidak menjadi keraguan lagi sekiranya pengamalan ibadah yang melampaui batas seperti yang dilakukan oleh tiga orang sahabat di dalam kandungan hadith di atas adalah tertolak dan merupakan ibadah yang bertentangan dengan syarak. Perkara ini adalah kerana pengamalan ibadah seperti itu membawa kepada kemudaratan pada diri serta kepenatan disebabkan tiada waktu yang diperuntukkan untuk kerehatan.<sup>415</sup> Malah pelaksanaan ibadah yang melampaui batas seperti ini akan membawa kepada perasaan

<sup>412</sup> *Ibid.*

<sup>413</sup> ‘Alī bin Khalaf Ibn Baṭṭāl al-Qurtūbī, *Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, ed. Abū Tamim Yasīr bin Ibrāhīm (al-Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd: 2003), 7: 160.

<sup>414</sup> *Ibid.*

<sup>415</sup> Muḥammad bin Ṣāliḥ bin Muḥammad al-Uthaymīn, *Syarḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn Min Kalām Sayyid al-Mursalīn*, (al-Riyāḍ : Madar al-Waṭan li al-Nasyr:1425H), 2: 216-217.

putus asa dan akhirnya membawa kepada kebencian serta meninggalkan kewajipan pelaksanaan ibadah tersebut.<sup>416</sup>

Hadith yang mengandungi topik *al-tafaqquh fī al-dīn* yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘alā al-Tarīq* memiliki unsur *wasaṭiyah* dalam perbincangan huraian yang diketengahkan di dalam hadith tersebut. Ketika menyebutkan ciri-ciri *fiqh* di dalam agama dan penelitian terhadap kaedah-kaedahnya, Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan unsur-unsur *wasaṭiyah* yang perlu wujud dalam pendirian dan sikap seorang pendakwah. Beliau menyebutkan bahawa perlu meneliti terhadap *fiqh* ulama terdahulu bermula dari para sahabat sehinggaalah pandangan dari para sarjana yang hidup pada zaman kini dalam menetapkan sesuatu hukum. Perkara ini menunjukkan bahawa sikap yang ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam melahirkan seorang pendakwah yang *faqīh* dan memiliki kematangan ilmu menilai secara *wasaṭiy* (kesederhanaan) antara pandangan ulama dahulu (*turāth*) dan juga ulama semasa (*mu’āṣir*).<sup>417</sup>

Sebagai kesimpulan dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam huraian hadith-hadith di dalam karya-karyanya ada menekankan tentang konsep *wasaṭiyah* sebagai saranan dan pendekatan dalam memahami sesuatu isu secara lebih sederhana dan tidak melampaui batas sepertimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Kefahaman seperti ini perlu dimiliki oleh seorang pendakwah menurut Sayyid Muḥammad

---

<sup>416</sup> *Ibid.*

<sup>417</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 3:48.

Nūḥ kerana kepentingannya dalam menggerakkan kefahaman yang seimbang di dalam penyampaian dakwah kepada masyarakat.

### 3.1.3.2 Ilmu Melahirkan Keyakinan Diri:

No	Matan Hadith	Hadith dalam karya Sayyid Muhammad Nūḥ
1	”كَانَ فِيمَنْ كَانَ قَبْلُكُمْ رُجُلٌ قَتَلَ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ نَفْسًا...“ <sup>418</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tariq</i>
2	”لَا يَخْفِرُ أَحَدُكُمْ نَفْسَهُ“ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ	<i>Āfāt 'alā al-Tariq</i>

<sup>418</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti pada berikut:

عَنْ أَبِي سعيد الخدري رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال "كَانَ فِيمَنْ كَانَ قَبْلُكُمْ رُجُلٌ قَاتَلَ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ نَفْسًا، فَسَأَلَ عَنْ أَعْلَمِ أَهْلِ الْأَرْضِ فَقَالَ عَلَى رَاهِبٍ، فَقَاتَاهُ فَقَاتَاهُ: إِنَّهُ قَاتَلَ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ نَفْسًا، فَقَوْلَنَ لَهُ مِنْ تَوْبَةٍ؟ فَقَالَ لَا، فَقَاتَاهُ، فَكَمَّلَ بِهِ مَا تَأَتَّ، ثُمَّ سَأَلَ عَنْ أَعْلَمِ أَهْلِ الْأَرْضِ فَقَالَ عَلَى رَجُلٍ غَالِبٍ، فَقَالَ: إِنَّهُ قَاتَلَ مائَةَ نَفْسٍ، فَقَهَلَ لَهُ مِنْ تَوْبَةٍ؟ فَقَالَ: تَعْمَمُ، وَمَنْ يَقُولُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ التَّوْبَةِ؟ إِنْطَلَقَ إِلَى أَرْضِ كَذَا وَكَذَا، فَإِنَّمَا أَنَا شَايَهُونَ اللَّهَ تَعَالَى فَاعْبُدُ اللَّهَ تَعَالَى مَعْهُمْ، وَلَا تَرْبَعَ إِلَيَّ أَرْضِكَ فَإِنَّمَا أَرْضُ سَوِيٍّ، فَانْطَلَقَ حَتَّى إِذَا نَصَفَ الطَّرِيقَ أَتَاهُ الْمَوْتُ، فَاخْتَصَمَتْ فِيهِ مَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ وَمَلَائِكَةُ الْعَذَابِ، فَقَاتَلَ مَلَائِكَةَ الرَّحْمَةِ: جَاءَ تَائِيَّا مُقْبَلاً يَقْلِبُهُ إِلَى اللَّهِ، وَقَاتَلَ مَلَائِكَةَ الْعَذَابِ: إِنَّهُ أَمَّ مَيْمَنَ حَبِيرًا قَطُّ، فَأَتَاهُمْ مَلَكٌ فِي صُورَةِ آدمٍ، فَحَعَلَوْهُ بَيْنَهُمْ، فَقَالَ: قِيسُوا مَا بَيْنَ الْأَرْضِيْنِ، فَإِلَيْ أَتَيْهُمَا أَدْنِي، فَهُوَ لَهُ، فَقَاسُوا فَوْجَهُهُ أَدْنِي إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي أَرَادَ، فَقَبَضَتْهُ مَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ"

**Terjemahan hadith :** Diriwayatkan daripada Abū Sa'īd al-Khuḍrī, Nabi SAW bersabda: "Terdapat seorang lelaki sebelum kalian yang membunuh sembilan puluh sembilan orang. Kemudian ia pergi bertanya orang ramai untuk bertemu dengan orang yang paling berilmu di atas muka bumi, maka orang ramai membawanya kepada seorang rāhib (ahli ibadah), kemudian rāhib tersebut ditanya tentang lelaki ini "Dia telah membunuh 99 nyawa, adakah dia masih berpeluang untuk bertaubat? Rāhib tersebut berkata : "Tidak". Lelaki itu kemudian membunuh rāhib tersebut sehingga cukup 100 nyawa dia telah membunuh. Kemudian lelaki tersebut bertanya tentang orang yang paling berilmu yang wujud di atas bumi dan lelaki tersebut dibawa kepada orang yang alim (memiliki ilmu pengetahuan). Orang alim tersebut ditanya : "lelaki ini telah membunuh 100 nyawa, adakah dia masih diberi ruang untuk bertaubat? Orang alim tersebut berkata : "Sudah tentu? siapa yang boleh menghalangnya untuk dia melakukan taubat? kamu perlu bergerak ke tempat sekian sekian kerana di sana terdapat masyarakatnya menyembah Allah, kamu sembahlah Allah bersama dengan mereka dan jangan sekali-kali kamu kembali ke kawasan kamu yang sebelum ini kerana sesungguhnya tanah tersebut adalah tanah yang tidak baik (banyak kerosakan)". Lelaki tersebut kemudian bergerak ke tempat yang telah dicadangan dan apabila di pertengahan jalan, lelaki tersebut dijemput kematian. Sehingga berlaku perbalahan antara Malaikat Rahmah dan Malaikat Azab. Malaikat Rahmah berkata "Lelaki ini telah datang kembali untuk bertaubat pada Allah dengan sepenuh hati. Malaikat Azab pula berkata "Sesungguhnya dia tidak pernah melakukan kebaikan walaupun sedikit". Kemudian datang malaikat kepada lelaki tersebut dengan menyerupai manusia dan memerintahkan supaya diukur antara kedu-dua tempat, mana yang lebih hampir. Kemudian diukur dan mendapati bahawa tanah tempat yang dituju adalah lebih hampir. Lalu Malaikat Rahmat menyambut mayat lelaki tersebut". **Takhrij Hadith:** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Tawbah, Bab Qabūl Tawbah al-Qātil wa In Kathura Qatluh, no hadith 2766. Lihat Ṣaḥīḥ bin 'Abd al-Azīz Ibrāhīm, *Mawsū 'ah al-Hadīth al-Syarīf*, 1157.

	<p>يَحْقِرُ أَخْدُونَا نَفْسَهُ؟... 419</p>	
--	---	--

### Jadual 15 : Hadith-Hadith Berkaitan Ilmu Melahirkan Keyakinan Diri Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika menghuraikan hadith berkaitan *tafaqquh fī al-dīn* menyebutkan salah satu faedah daripadanya iaitu seseorang pendakwah yang *faqīh* akan melahirkan sifat keyakinan serta harapan dan menjauhi sifat putus asa.<sup>420</sup> Jiwa yang memiliki *thaqāfah* yang tinggi ini akan menghasilkan harapan dan keyakinan dalam diri.<sup>421</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith berkaitan dengan seorang lelaki yang telah membunuh 99 manusia dan telah berjumpa dengan seorang ahli ibadah disamping berjumpa dengan seorang ilmuwan. Namun ahli ilmu ini lebih memberi harapan dan keyakinan kepada individu yang ingin bertaubat ini berbanding dengan ahli ibadah tersebut yang langsung telah membunuh harapan dan keyakinan seorang yang ingin bertaubat tersebut.<sup>422</sup>

<sup>419</sup> Hadith ini dengan **matan** yang lengkap sepihama berikut:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَحْقِرُ أَخْدُونَا نَفْسَهُ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ يَحْقِرُ أَخْدُونَا نَفْسَهُ، فَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ: "تَرَى أَمْرًا، اللَّهُ عَلَيْهِ فِيهِ مَقْالٌ، لَمْ لَا يَقُولُ فِيهِ، فَيَقُولُ اللَّهُ عَزُّ وَجَلُّهُ لَهُ يَوْمُ الْقِيَامَةِ: مَا مَنَعَكَ أَنْ تَثُوَّلَنِي كَذَا وَكَذَا؟ فَيَقُولُ حَشْشِيَّةُ النَّاسِ، فَيَقُولُ: فَإِنَّمَا، مُكْنَتُ أَخْيَانِي أَنْ تَخْتَصِي.

**Terjemahan hadith :** “Janganlah seseorang daripada kalian menghina dirinya sendiri.” Para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah bagaimana seseorang daripada kami menghina dirinya sendiri?” Baginda bersabda: “Ia melihat suatu perkara yang patut diperkatakan, tetapi ia tidak mengatakannya.” Maka pada hari kiamat kelak Allah Azza Wajalla akan berkata: “Apa yang menghalangimu untuk mengatakan hal ini dan ini?” Orang itu berkata: “Takut kepada manusia.” Maka Allah berkata: “Kepada-Ku sepatutnya kamu takut.” **Takhrij Hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah, di dalam Sunannya, Kitab al-Fitan, Bāb al-Amr bi al-Mā'rūf wa al-Nahi 'an al-Munkar, no hadith 4008. Lihat Ṣalih bin 'Abd al-Azīz Ibrāhīm, *Mawsū'ah al-Hadīth al-Syarīf*, 2718. Hadith ini dinilai **Da'iif** oleh al-Albāñi di dalam kitab beliau *Da'iif Sunan Ibn Mājah*. Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñi, *Da'iif Sunan Ibn Mājah*, (al-Riyād: Maktabah al-Mā'ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī' : 1997), 325.

<sup>420</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 3: 40.

<sup>421</sup> *Ibid.*

<sup>422</sup> *Ibid.*

Berdasarkan hadith tersebut, pengajaran dari sudut dakwah yang telah dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ adalah berkaitan kepentingan *thaqāfah* dalam menggerakkan kerja dakwah. Keyakinan akan lahir dalam diri pendakwah, walaupun menghadapi permasalahan masyarakat yang rumit dan kadang-kadang membawa tekanan untuk terus mendidik dan membimbing masyarakat ke arah hidayah. Kematangan dan *fiqh* dalam dakwah sangat diperlukan oleh seorang pendakwah ketika menyelesaikan masalah masyarakat yang pelbagai dengan jalan penyelesaian yang penuh kebijaksanaan dan membawa keyakinan.

Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Āfāt ‘alā al-Tariq* turut mengemukakan huraian yang menunjukkan ilmu dan *thaqāfah* dapat menambahkan keyakinan diri seorang pendakwah, iaitu ketika menghuraikan tajuk *al-Ihtiqaqr aw al-Inhizām al-Nafs* (Memandang rendah atau kalah dengan nafsu).<sup>423</sup> Antara hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam menghuraikan tajuk ini iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī r.a. seperti mana di dalam jadual ke 15 di atas. Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan antara sebab lahirnya sifat *al-Ihtiqaqr* atau memandang rendah pada diri tersebut adalah kerana seseorang pendakwah tidak membiasakan diri dengan tanggungjawab dan cabaran tugas tertentu.<sup>424</sup> Ini kerana, individu pendakwah yang telah membiasakan diri dengan tanggungjawab dan tugas tertentu dapat menambahkan keyakinan dalam diri mereka sebagai ilmu yang telah dituntut melalui pengalaman tersebut. Malah dapat menambah kepercayaan terhadap dirinya yang mampu melakukan sesuatu tugas dan tidak mencela dengan keupayaan yang ada pada diri sendiri.<sup>425</sup> Oleh yang demikian, tanggungjawab dan tugas yang diterima oleh seseorang pendakwah sebagai

<sup>423</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Afāt ‘alā al-Tariq*, cet. ke 4, (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1999), 4:180.

<sup>424</sup> *Ibid.*, 180.

<sup>425</sup> *Ibid.*

manifestasi terhadap ilmu yang dituntut serta *thaqāfah* yang digarap melalui pengalaman dalam kehidupan seseorang pendakwah. Melalui hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī r.a. tersebut, Sayyid Muḥammad Nūḥ ingin menyatakan bahawa ilmu juga dituntut melalui tanggungjawab dan tugas yang diberikan selain pengalaman tersebut sebagai ilmu berharga yang dapat membentuk keyakinan dalam diri seseorang pendakwah.

Huraian ini menunjukkan bahwa Sayyid Muḥammad Nūḥ amat menggalakkan seseorang mencari dan menambah pengalaman baru dengan membiasakan diri melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu agar dapat melahirkan dalam diri sifat keyakinan dan tidak mudah mengaku kalah atau mencela dengan keupayaan diri. Mencari dan menambah pengalaman baru dalam melaksanakan tugas-tugas tertentu ini adalah merupakan pencarian terhadap ilmu dan *thaqāfah* itu sendiri selari dengan apa yang sedang dibincangkan dalam huraian topik ini.

### **3.1.3.3 Menjauhi Sifat *al-Isti'jal* Dengan Ilmu :**

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"..مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُ فِي الدِّينِ.." <sup>426</sup>	<i>Tawjīḥat Nabawiyyah 'alā al-Tarīq</i>
2	"...شَكَوْنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ مُتَوَسِّدٌ بُرْدَةً لَهُ فِي ظِلِّ الْكَعْبَةِ..." <sup>427</sup>	<i>Āfāt 'alā al-Tarīq</i>

<sup>426</sup> Hadith ini telah ditakhrij dan diterjemahkan pada nota kaki bernombor **410**. Sila rujuk pada nota kaki tersebut.

<sup>427</sup> Hadith ini dengan **matan lengkap** seperti mana berikut:

عن حيّاب بن الأرث، قال : شكرتنا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم، وهو متوجّد بزءة له في ظل الكعبية، فلما له : «ألا تستنصرنَا؟ ألا تدعونا الله لنا؟» قال : كان الرخل فيهم قيلكم تُنفرونَ له في الأرض، فلما خعل فيه فتحاء بالمشوار، ففيوض على رأسه، ففيض باشتبئن، وما يضد ذلك عن دينه، وغمضت بالأشتاب الجديد ما دون تحمه من عظم أو عصب وما يضد ذلك عن دينه والله ليتبرع هذان الأمر حتى يستريح الراكب من صناعته إلى خضر مت لا يجاف إله الله أو الذات على علم، عنة ولتكنكم مستحقّلون».

**Jadual 16:** Hadith- Hadith Berkaitan Menjauhi Sifat *al-Isti ‘jāl* Dengan Ilmu Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

Seseorang pendakwah yang memiliki *thaqāfah* dan pengetahuan yang baik tidak akan bersikap *al-isti ‘jāl* (gopoh-gapah) apabila berdepan dengan sesuatu ujian atau penyelesaian sesuatu masalah. Perkara ini banyak ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam huraiān dan perbincangan di dalam karya-karya beliau. Di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘alā al-Tarīq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith berkaitan *tafaqquh fī al-dīn* (mendalami ilmu agama) sepetimana di dalam jadual 16. Beliau menyebutkan tentang salah satu faedah dari *tafaqquh fī al-dīn* ini iaitu mengetahui cara berinteraksi dengan segala ketentuan Allah pada hamba-hamba-Nya sama ada dengan perkara kebaikan atau keburukan.<sup>428</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ melalui huraiān ini ingin menyatakan bahawa kepentingan *tafaqquh fī al-dīn* dapat membentuk seseorang individu pendakwah yang tenang dalam menghadapi segala ketentuan Allah sama ada yang baik atau buruk dan tidak bersikap gopoh gapah (*al-isti ‘jāl*) dalam membuat sesuatu keputusan. Cara berinteraksi terhadap segala ketentuan Allah tersebut menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ memerlukan ilmu dan *thaqāfah* dalam diri seseorang pendakwah.<sup>429</sup> Sikap gopoh-gapah (*al-isti ‘jāl*) yang lahir dalam diri seseorang pendakwah adalah kesan dari kurangnya

---

**Terjemahan Hadith :** Daripada Khabbāb bin al-Arat r.a katanya: Kami telah mengadu pada Rasulullah SAW sedang Rasulullah sedang berbaring di bawah naungan Kaabah bertuturkan serban, maka kami bertanya “Apakah tuan tidak berdoa memohon kemenangan bagi pihak kita? Adakah tuan tidak berdoa bagi pihak kita?”. Maka berkata Rasulullah SAW: “Sesungguhnya seorang lelaki dari golongan sebelum kamu ditangkap lantas digali lubang dan ditanam di dalamnya, kemudian dibawa datang gergaji lalu digergaji kepalanya sehingga terbelah dua dan disikat badannya dengan sikat besi sehingga meluruhkan daging dan tulangnya, namun demikian tidak memalingkan ia dari agamanya. Demi Allah, nescaya Allah menyempurnakan urusan ini (agama Islam), sehingga musafir dari San'a ke Hadra Maut tidak lagi merasa takut melainkan hanya kepada Allah atau serigala yang memakan kambingnya, akan tetapi kamu ini adalah golongan yang gopoh”. **Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhāri, kitāb al-Manāqib, no hadith 3612. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Ibrāhīm, *Mawsū ‘ah al-Hadīth al-Syarīf*, 294.

<sup>428</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 3:42.

<sup>429</sup> *Ibid.*

penerapan ilmu dan *thaqāfah*. Ini kerana, ilmu dan *thaqāfah* dapat melahirkan ketenangan dan kebijaksanaan dalam berinteraksi dengan segala ketentuan Allah sepetimana yang dinyatakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ tersebut.

Di dalam kitab *Āfāt ‘alā al-Tarīq*, hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ menjurus secara langsung kepada perkataan *al-isti‘jāl* tersebut. Di dalam huraian terhadap hadith ini, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengingatkan kesan negatif sifat *al-isti‘jāl* kepada gerak kerja dakwah dan memerlukan kepada *thaqāfah* serta ilmu dalam menghindari sifat negatif tersebut. Antara gambaran sifat *al-isti‘jāl* yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika menghuraikan hadith ini iaitu seorang pendakwah di dalam organisasi dakwah memasukkan individu-individu di dalam *qāfilah* (gerabak) pendakwah sebelum dibuat pemilihan yang benar terhadap individu yang bersedia untuk terlibat di dalam perjuangan dakwah.<sup>430</sup> Perkara yang dinyatakan ini mempunyai kaitan dengan pengurusan ilmu di dalam diri seseorang pendakwah. Ini kerana, sikap *al-isti‘jāl* akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh seseorang pendakwah termasuk dalam memilih dan menentukan individu-individu untuk terlibat dalam organisasi dakwah.

Selain itu, gambaran lain terhadap *al-isti‘jāl* yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu menaikkan status dan peringkat (*mustawa*) sebahagian penggerak dakwah kepada status yang lebih tinggi sebelum menyempurnakan aspek pentarbiahan dan keperibadian mereka.<sup>431</sup> Juga antara gambaran *al-isti‘jāl* yang dikemukakan Sayyid Muḥammad Nūḥ ialah memfokuskan pada kerja yang remeh-temeh dan boleh membawa kesan keburukan

<sup>430</sup> Sayyid Muhammad Nuh, *Afāt ‘ala al-Tarīq*, cet. ke 13, (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1999), 1:53.

<sup>431</sup> *Ibid.*

kepada dakwah selain tidak mendatangkan sebarang faedah.<sup>432</sup> Perkara ini juga sepertimana yang dinyatakan oleh ‘Abd al-Hāmid al-Bilālī berkaitan salah satu gambaran *al-isti ‘jāl* di dalam dakwah adalah ketika sesuatu kenyataan dan arahan dikeluarkan tanpa perancangan dan penilaian sesuatu aspek dari sudut positif dan negatifnya pada dakwah.<sup>433</sup>

Berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan ini dapat disimpulkan bahawa pentingnya pembentukan ilmu dan *thaqāfah* dalam diri seseorang pendakwah agar terhindar dari sikap *al-isti ‘jāl* yang merugikan ketika mengemukakan sesuatu penyelesaian atau membuat sesuatu keputusan. Lebih memberi kesan buruk apabila sikap *al-isti ‘jāl* tersebut berkaitan dengan sesuatu keputusan yang dibuat dalam organisasi dakwah dan melibatkan kesan matlamat gerakan dakwah yang lebih panjang. Oleh yang demikian, salah satu kepentingan *thaqāfah* dan ilmu dalam kehidupan seseorang pendakwah adalah bagi menghindari sikap *al-isti ‘jāl* yang lebih membawa kesan negatif terhadap perjalanan dakwah dan matlamat dakwah yang telah digariskan.

### 3.1.4 Analisis Hadith Berdasarkan Elemen *Harakah Khuluqiyyah* (Akhlik dan moral):

Jumlah hadith yang dipilih untuk dianalisis dalam *harakah khuluqiyyah* ini sebanyak **enam** teks hadith yang dipetik tanpa berulang dan **sepuluh** teks hadith dipetik secara berulang. Dari jumlah hadith ini, penulis menganalisis hadith-hadith berdasarkan tiga prinsip *haraki* dalam elemen *harakah khuluqiyyah* seperti mana berikut:

---

<sup>432</sup> *Ibid.*

<sup>433</sup> ‘Abd al-Hāmid al-Bilālī, *Musykilāt wa Hulūl fī Haql al-Da‘wah*, 93.

- 1) Pengurusan Emosi.
- 2) Mementingkan Silaturrahim.
- 3) Menjaga Tutur Kata.

### 3.1.4.1 Pengurusan Emosi :

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ <sup>434</sup>	Afāt 'ala al-Tariq
	"..مَنْ كَظَمَ غَيْظًا وَهُوَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَنْ يُنْقَدَدُ.." <sup>435</sup>	Tawjihāt Nabawiyyah 'ala al-Tariq

**Jadual 17 :** Hadith- Hadith Berkaitan Pengurusan Emosi Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ

Pengurusan emosi seseorang pendakwah adalah amat penting ketika menghadapi kerentahan dan permasalahan masyarakat. Pendakwah akan berdepan dengan masyarakat yang pelbagai ragam dan timbul sepanjang perjalanan dalam usaha menyebarluaskan dakwah ini. Kerentahan dan permasalahan yang timbul ini jika tidak diuruskan dengan baik akan

<sup>434</sup> Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhārī di dalam Ṣaḥīhnya, Kitāb al-Adab, Bāb al-Ḥadr min al-Ghaḍab, no hadith 6114. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, Ṣaḥīh al-Bukhārī, (Beirūt : Dār Ibn Kathīr: 2002), 1528.

<sup>435</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti berikut :

عَنْ سَهْلِ بْنِ مَعَاذٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "مَنْ كَظَمَ غَيْظًا وَهُوَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَنْ يُنْقَدَدُ، دُعَا اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ رُؤْسِ الْخَلَقِ حَتَّىٰ يُحْيِيَهُ مِنْ أَيِّ الْحُورِ الْعَيْنِ شَاءَ"

**Terjemahan Hadith :** Daripada Sahl bin Mu‘ādh daripada ayahnya bahawa Rasulullah SAW bersabda “Sesiapa yang mengawal kemarahaninya sedangkan dia mampu untuk melepaskannya, maka pada hari Kiamat Allah akan memanggilnya diantara manusia, hingga Allah menyuruhnya untuk memilih bidadari yang disukainya.” **Takhrij hadith :** Hadith diriwayatkan oleh Abu Daud di dalam Sunannya, Kitāb al-Adab, Bāb Man Kazama Ghayṣān, no hadith 4777. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Ibrāhīm, Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syārif, 1575. Hadith ini dinilai **hasan** oleh Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Beliau menyenaraikan hadith ini di dalam kitab Ṣaḥīh Sunan Abī Da’ud. Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Ṣaḥīh Sunan Abī Da’ud, cet.2, (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘: 2000), 3:174.

menyebabkan timbulnya sifat putus asa bagi seorang pendakwah, seterusnya membawa kepada kesan negatif terhadap matlamat dakwah yang ingin dicapai.

Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya *Āfāt ‘ala al-Tariq* meletakkan satu tajuk yang jelas berkaitan dengan sifat marah iaitu “*al-ghaḍab*” yang menjadi penghalang kepada gerak kerja dakwah. Beliau menyenaraikan beberapa kesan negatif dari sifat marah kepada gerak kerja Islam, iaitu tiada sokongan pengikut atau penolong dalam penyebaran dakwah serta penyebab kepada perpecahan dan sukar untuk membentuk kesepakatan. Selain itu kesan negatif daripada sifat ini juga adalah penyebab kepada jalan kemenangan yang lebih panjang dan menambah bebanan tugas dalam dakwah.<sup>436</sup> Beliau menyebutkan bahawa hakikat “marah” wujud dalam kefahaman Islam dengan maksud “marah” dari aspek yang terpuji (*māḥmūd*), iaitu bertujuan untuk mempertahankan diri (*al-nafs*), harta, keturunan, agama, dan hak-hak umum.<sup>437</sup> Kategori “marah” yang kedua iaitu marah yang dicela (*madhmūm*) yang tidak dikaitkan dengan perkara-perkara yang berunsurkan kategori “marah” yang terpuji.<sup>438</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan bahawa seseorang manusia memiliki beberapa unsur penting yang terdiri dari roh, akal dan badan. Menurut beliau lagi, seseorang manusia dikurniakan dengan dua kekuatan bagi memenuhi tuntutan dan peranan tubuh badan manusia yang Allah telah tetapkan dalam kehidupan.<sup>439</sup> Dua kekuatan yang dimaksudkan itu ialah kekuatan syahwat dan kekuatan sifat marah yang ada pada manusia. Kekuatan

---

<sup>436</sup> Sayyid Nūḥ, *Āfāt ‘ala al-Tariq*, 4:106.

<sup>437</sup> *Ibid.* 90.

<sup>438</sup> *Ibid.*

<sup>439</sup> *Ibid.*

syahwat bertujuan mendapatkan segala manfaat yang boleh diperolehi untuk ‘makanan’ kepada badan. Manakala kekuatan marah pula adalah berfungsi untuk mempertahankan diri dari segala perkara yang membawa kepada kemudaratan dan kemasuhan.<sup>440</sup> Kedua-dua kekuatan ini perlu diimbangi dengan unsur akal yang dikurniakan Allah kepada manusia bagi tujuan keseimbangan antara baik dan buruk dalam kehidupan. Berdasarkan perkara ini, sifat marah yang dibenarkan di dalam Islam hanyalah bagi meletakkan kehidupan di dunia ini dan mempertahankannya selaras dengan apa yang dikehendaki Allah taala. Sayyid Muhamad Nūḥ mengemukakan contoh sifat marah yang dibenarkan di dalam Islam sepetimana yang dinyatakan di dalam al-Quran, hadith dan *āthār salaf al-ṣāliḥ*.<sup>441</sup> Manakala sifat marah yang tercela sepetimana yang dipaparkan di dalam hadith pada **jadual 17** di atas adalah sifat marah yang muncul dari sikap emosi dan nafsu seseorang manusia sehingga membawa kesan negatif dalam penyelesaian sesuatu masalah yang timbul. Perkara ini yang ingin ditegaskan oleh Sayyid Muhamad Nūḥ ketika menghuraikan tajuk *al-ghadab* yang membawa kesan buruk pada dakwah dan perlu dihindari oleh seseorang pendakwah ketika menyeru manusia kepada Islam.

Perkara yang sama dihuraikan oleh Sayyid Muhamad Nūḥ di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* ketika mengemukakan perbahasan berkaitan hadith yang ke 9 dari kitab ini. Hadith tersebut menyeru supaya seseorang muslim perlu membendung sifat marah sepetimana yang dinyatakan di dalam **jadual 17** di atas. Hadith tersebut menurut Sayyid Muhamad Nūḥ adalah seruan kearah membendung sifat marah yang berlebihan

---

<sup>440</sup> *Ibid*, 91.

<sup>441</sup> Seperti ayat al-Quran yang dikemukakan oleh Sayyid Muhamad Nūḥ berkaitan pujian Allah s.w.t terhadap golongan sahabat yang tegas dengan sikap dan pendirian mereka terhadap orang kafir sepetimana yang dinyatakan di dalam Surah al-Fath ayat 29. Selain itu, ayat ke 9 dari surah al-Taḥrīm yang turut membahaskan tentang sikap marah dan tegas orang yang beriman. Lihat *Ibid*, 92-93.

dalam diri manusia dengan ganjaran dan nilai besar yang Allah kurniakan di Akhirat kelak bagi golongan yang dapat menahan kemarahan.<sup>442</sup> Setelah menerangkan tentang maksud kalimah *Każm al-Ghayż* di dalam hadith dari aspek pengurusan emosi ini, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan pengajaran hadith dari aspek dakwah dan tarbiah antaranya sikap menahan emosi kemarahan ini mampu menyatukan saf persaudaraan sesama muslim dan menggagalkan usaha gangguan syaitan terhadap manusia.<sup>443</sup>

Berdasarkan huraian yang telah dikemukakan dapat disimpulkan bahawa Sayyid Muḥammad Nūḥ juga menekankan tentang aspek pembentukan akhlak dalam diri seseorang pendakwah melalui pengurusan emosi. Pengurusan emosi yang dimaksudkan ialah mengawal sifat marah yang boleh menjurus kepada unsur-unsur negatif. Seorang pendakwah yang tidak dapat mengawal serta mengurus emosi marahnya dengan baik akan membawa kesan terhadap sesuatu keputusan atau penyelesaian masalah yang diambil oleh seorang pendakwah ketika dalam keadaan marah.

---

<sup>442</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 1: 57.

<sup>443</sup> *Ibid*, 60.

### 3.1.4.2 Mementingkan Silaturahim

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"..مَا مِنْ رَجُلٍ يَعُودُ مَرِيضًا مُّسِيًّا.." <sup>444</sup> "	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tariq</i>
2	"...”حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ سَتٌّ“ .. <sup>445</sup> "	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Sahābah</i>

**Jadual 18** : Hadith-Hadith Berkaitan Mementingkan Silaturahim Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ

Di dalam kitab *Tawjīhat Nabawiyyah 'alā al-Tariq*, Sayyid Muhammad Nūḥ mengemukakan hadith berkaitan amalan silaturrahim dengan masyarakat melalui ziarah yang dilakukan kepada orang yang sedang sakit. Sayyid Muhammad Nūḥ menyebutkan tentang kepentingannya dalam aspek dakwah dengan menyatakan bahawa risalah dakwah sebagai risalah menyampaikan nasihat kepada manusia, membimbing mereka serta memimpin tangan mereka ke jalan yang lurus. Maka amat perlu bagi seorang pendakwah

<sup>444</sup> Hadith ini dengan matan lengkap seperti berikut :

مَا مِنْ رَجُلٍ يَعُودُ مَرِيضًا مُّسِيًّا، إِلَّا خَرَجَ مَعَهُ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ يَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ لَهُ حَقِّيْ بُصْبِيْحِ، وَمَنْ أَنْهَا مُضْبِحًا خَرَجَ مَعَهُ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ يَسْتَغْفِرُونَ لَهُ حَقِّيْ بُصْبِيْسيِّ

**Terjemahan hadith:** “Tidaklah seorang lelaki (termasuk perempuan) melawat orang yang sakit pada petang (iaitu malam) hari melainkan akan ikut keluar bersamanya 70 ribu Malaikat yang meminta ampunan untuknya hingga ke pagi hari, dan baginya kebun di Syurga. Dan sesiapa yang melawat orang sakit pada pagi hari, maka akan ikut keluar bersamanya 70 ribu Malaikat yang memohon ampunan baginya hingga petang (iaitu malam) hari, dan baginya kebun di Syurga. Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Daud di dalam Sunan Abi Dā'ud, Kitāb al-Janā'iz, Bāb fī Faḍl 'Iyādah 'Ala al-Wuḍū', no hadith 3098. Hadith ini dinilai Ṣahīḥ Mawqūf oleh Naṣīr al-Dīn al-Albāñī. Beliau menyenaraikan hadith ini di dalam kitab Ṣahīḥ Sunan Abi Dā'ud. Naṣīr al-Dīn al-Albāñī, *Ṣahīḥ Sunan Abi Dā'ud*, 2:273.

<sup>445</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

”حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ سَتٌّ“ قَالَ : وَمَا هُنَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ : ”إِذَا آتَيْتَهُ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ، وَإِذَا دَعَاكَ فَأَجِجْهُ، وَإِذَا اسْتَصْبَحْتَ فَانصَبْحْ، وَإِذَا عَطَسْ فَخَمَدْ اللَّهُ فَشَمَّتْهُ، وَإِذَا مَرَضَ فَعَدْهُ، وَإِذَا مَاتَ فَأَبَيْهُ“

**Terjemahan Hadith** “Hak seorang muslim ke atas muslim yang lain ada enam perkara ” Para sahabat bertanya : apakah hak-hak tersebut wahai Rasulullah SAW? “Apabila kamu bertemu dengannya maka berikanlah salam kepadanya, apabila ia mengundang kamu maka penuhilah undangannya, apabila ia meminta supaya dinasihatkan, maka nasihatilah ia, apabila ia bersin lalu mengucapkan pujian kepada Allah maka jawablah perbuatannya itu (dengan mengucapkan “yarhamuka Allah”), apabila ia sakit maka ziarahilah ia dan apabila ia meninggal dunia maka iringilah jenazahnya”. **Takhrij Hadith** : Hadith riwayat Imām Muslim, Kitāb al-Salām, Bāb Min Ḥaq al-Muslim li al-Muslim Rad al-Salām, no hadith 2162. lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Ibrāhīm, *Mawsū 'ah al-Hadīth al-Syarīf*, 1063.

mencari jalan untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat kepada mereka.<sup>446</sup> Tindakan seorang pendakwah yang mampu mengambil kesempatan berdamping dengan masyarakat dan membantu mengubati penyakit mereka ketika mereka dalam keadaan sakit, mampu memberi kesan mendalam ke dalam hati masyarakat dan mampu menarik kepercayaan masyarakat terhadap diri mereka sebagai seorang penyampai risalah dakwah.<sup>447</sup>

Fathī Yakan menyebutkan tentang kepentingan seseorang pendakwah memberi khidmat dan menunaikan hajat orang lain sebagai salah satu aspek yang boleh membawa kejayaan seseorang pendakwah di dalam menunaikan tanggungjawab dakwah mereka.<sup>448</sup> Beliau meletakkan salah satu *al-Isti‘āb al-Dākhili* (penguasaan aspek dalaman) yang perlu dipenuhi oleh seseorang pendakwah dalam aspek hubungannya dengan masyarakat luar ialah memberi khidmat dan menunaikan hajat-hajat mereka.<sup>449</sup> Aspek keimanan perlu dilonjakkan oleh seseorang pendakwah dengan cara menyatakan kasih sayangnya pada orang lain seperti mana dia kasihkan dirinya sendiri. Perkara tersebut, tidak dapat dipenuhinya dengan baik kecuali dengan cara menunaikan hajat serta memberi khidmat pada orang lain yang diserunya (*mad‘u*).

Di dalam kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Šahābah*, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut menekankan aspek silaturahim dan penjagaan ukhuwah sesama muslim. Ini adalah merupakan salah satu akhlak kemenangan para sahabat yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ. Antara hadith yang dikemukakan oleh beliau dalam menekankan aspek

<sup>446</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1:30.

<sup>447</sup> *Ibid.*

<sup>448</sup> Fathī Yakan, *al-Isti‘āb fī Ḥayāh al-Da‘wah wa al-Du‘āh*, cet. ke 7, (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2004), 62.

<sup>449</sup> *Ibid.*

silaturahim melalui tajuk ukhuwah Islamiyyah ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a. seperti mana di dalam **jadual 18** di atas. Beliau menyebutkan di dalam perbincangan dan huraian berkaitan penjagaan ukhuwah ini iaitu para sahabat amat menitik beratkan penjagaan ukhuwah dan silaturahim sesama mereka dengan memenuhi jemputan dan undangan, ziarah menziarahi, bertanya khabar dan kesihatan saudaranya, mengubati penyakitnya dan mengiringi jenazah ketika saat kematiannya. Ini adalah contoh-contoh silaturahim dan penjagaan ukhuwah Islamiyyah yang amat dititikberatkan oleh para sahabat sehingga mereka memperoleh bantuan dan kemenangan dari Allah s.w.t.

Berdasarkan huraian yang dikemukakan ini dapat disimpulkan bahawa amalan silaturahim merupakan salah satu tonggak kekuatan dan akhlak kemenangan yang perlu dititik beratkan oleh para pendakwah yang ingin melihat kelangsungan dakwah dan kesuburannya di dalam masyarakat. Sayyid Muḥammad Nūḥ banyak menekankan amalan silaturahim ini selain hadith-hadith yang dikemukakannya dan huraian yang diketengahkan oleh beliau menunjukkan kepentingan dalam memupuk semangat ukhuwah Islamiyyah melalui wasilah silaturahim dan hubungan yang perlu dibina sesama muslim.

### 3.1.4.3 Menjaga tutur kata:

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nuh
1	"إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلُّمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ رِضْوَانِ اللَّهِ لَا يُلْقِي لَهَا بَالًا .." <sup>450</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah 'alā al-Tarīq</i>

<sup>450</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap sepetimana berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلُّمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ رِضْوَانِ اللَّهِ لَا يُلْقِي لَهَا بَالًا، يَقُولُ اللَّهُ يَحْمِلُ ذَرْخَاتٍ، وَإِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلُّمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ سَخْطِ اللَّهِ لَا يُلْقِي لَهَا بَالًا يَهْوِي بِهَا فِي جَهَنَّمَ"

2	..مَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فَقَالَ "إِنَّهُمَا لَيَعْدَدُانِ.." <sup>451</sup>	<i>Āfāt 'alā al-Tarīq</i>
---	--	---------------------------

**Jadual 19 :** Hadith-Hadith Berkaitan “Menjaga Tutur Kata” Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ

Penjagaan tutur kata dan lidah merupakan salah satu sifat *mahmūdah*. Di dalam *Kitab Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tarīq*, Sayyid Muhammed Nūḥ mendatangkan hadith yang menekankan aspek penjagaan tutur kata dan akibat buruk yang akan menimpa mereka sekiranya tidak menjaga tutur kata dan lidah. Hadith ini menerangkan tentang lidah dan bahaya dosanya berbanding anggota badan yang lain.<sup>452</sup> Seseorang yang menjaga lidahnya dan bertutur dengan sesuatu yang direndai Allah SWT seperti membaca al-Qur'an, bertasbih, bertakbir, menyuruh kepada kebaikan, mencegah dari melakukan kemungkaran, berusaha memperdamaikan sesuatu pertelingkahan dan kesemuanya dilaksanakan dengan tidak menyangka sesuatu sangkaan terhadap ucapan-ucapan tersebut,<sup>453</sup> sehingga Allah

---

**Terjemahan hadith:** “Sesungguhnya seseorang hamba mengucapkan satu perkataan di antara perkataan-perkataan yang direndai Allah tanpa memikirkan akibatnya, tapi ternyata Allah mengangkatnya beberapa darjah kerana perkataannya tersebut. Sesungguhnya seseorang mengucapkan satu perkataan di antara perkataan-perkataan yang dimurkai Allah tanpa memikirkan akibatnya, tapi ternyata Allah menjerumuskannya ke neraka jahanam kerana perkataannya tersebut.”

**Takhrij hadith :** Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Riqāq, Bab Hifz al-Lisān, no hadith 6478. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf*, 544.

<sup>451</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap adalah sepetimana berikut :

عَنْ أَنْبَابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ "مَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فَقَالَ إِنَّهُمَا لَيَعْدَدُانِ فِي كِبِيرٍ، أَمَا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَشْتَرِي مِنَ الْبَوْلِ، وَأَمَا الْآخَرُ فَكَانَ يَعْشِي بِالثَّوْمَةِ"

**Terjemahan hadith :** Nabi SAW melintasi dua buah kubur lalu bersabda: “Mereka berdua itu diseksa. Tidaklah mereka berdua itu diseksa kerana perkara yang besar. Salah seorang daripada mereka tidak menjaga kebersihan daripada air kencingnya dan seorang lagi sering mengumpat dan menghasut.”

**Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhārī di dalam Sahihnya, Kitāb al-Wudu', Bab min al-Kabā'ir Alla Yastatir Min Bawlih, no hadith 216. Lihat Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf*, 20.

<sup>452</sup> Al-Uthaymin, *Syarḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, 6:118.

<sup>453</sup> Dengan maksud, lidahnya sudah membiasakan dengan perkara kebaikan.

mengangkatnya beberapa darat di dalam syurga.<sup>454</sup> Di samping itu, seseorang yang bertutur sesuatu kalimah yang dimurkai Allah SWT, sedangkan pertuturan itu tidak diambil perhatian atau langkah berhati-hati sehingga disebabkan pertuturan tersebut, Allah mencampakkan dirinya ke dalam neraka kerana pertuturan dan lidah yang tidak dijaga dan banyak berlaku dalam kehidupan manusia.<sup>455</sup> Menurut al-‘Aynī (m.855H), maksud kalimah (البَالْ) bermaksud tidak endah atau ambil peduli dan maksud ialah hati.<sup>456</sup>

Al-‘Uthaymin (m.1421H) ketika mensyarahkan hadith ini menyebutkan bahawa hadith ini merupakan antara tiga hadith yang disebutkan oleh al-Nawāwī dalam kitabnya *Riyād al-Šālihīn* dalam menyatakan bahayanya lidah sebagai salah satu anggota dalam tubuh badan manusia.<sup>457</sup> Dua hadith lain yang dinyatakan oleh al-Nawāwī turut memperingatkan tentang bahaya lidah di samping anggota tubuh yang lain iaitu *faraj* (kemaluan) dari hadith yang diriwayatkan oleh Sahl bin Sa‘d<sup>458</sup> dan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a.<sup>459</sup> Al-‘Uthaymin menekankan beberapa perkara dalam huraihan berkaitan penjagaan lidah di dalam ketiga-ketiga hadith tersebut antaranya tentang *syahwah al-Kalām* (banyak berkata-

<sup>454</sup> *Ibid*, 120.

<sup>455</sup> *Ibid*.

<sup>456</sup> Badr al-Dīn Al-‘Aynī, ‘Umdah al-Qārī Syarḥ Ṣahīh al-Bukhārī, 23:72.

<sup>457</sup> Al-‘Uthaymin, *Syarḥ Riyād al-Šālihīn*, 6:117.

<sup>458</sup> Hadith yang diriwayatkan oleh Sahl bin Sa‘d r.a. tersebut adalah seperti mana berikut :

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "مَنْ يَقْسِمُ لِي مَا بَيْنَ لَحْيَيْهِ وَمَا بَيْنَ رِجْلَيْهِ أَقْسِمُنَّ لَهُ الْجَنَّةَ"

**Terjemahan Hadith :** Daripada Sahl bin Sa‘d r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda “Sesiapa yang boleh menjamin untukku diantara dagunya dan pahanya maka aku menjamin untuknya Syurga”.

**Takhrij Hadith :** Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Riqāq, Bab Hifz al-Lisān, no hadith 6474. Lihat Šālih bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf*, 543.

<sup>459</sup> Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. tersebut adalah seperti mana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ الْعَجْدَ لَيَكْلُمُ بِالْكَلْمَةِ مَا يَتَبَيَّنُ فِيهَا بَلْ يُحَارِبُ إِنَّمَا يَأْتِيُنَا مَا يَبْيَنُ الْمَشْرُقُ"

**Terjemahan Hadith :** Daripada Abu Hurairah r.a bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda “Sesungguhnya seorang hamba mengucapkan sesuatu kalimah tanpa diteliti, namun kerananya ia dicampakkan ke Neraka sejauh antara jarak ke Timur”. **Takhrij Hadith :** Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Riqāq, Bab Hifz al-Lisān, no hadith 6477. Lihat Šālih bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf*, 544.

kata) dan berita yang diterima tidak disebarluaskan sehingga dipastikan kebenarannya terlebih dahulu. Pengucapan kalimah yang diredayai-Nya seperti membaca al-Qur'an, *tasbih*, *takbir*, *tahlil*, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran, menyampaikan ilmu dan mendamaikan antara yang bertelagah. Kalimah-kalimah ini diucapkan tanpa menyangka akan mendapatkan kedudukan, dan diangkat darjat oleh Allah di Akhirat kelak. Di samping kalimah yang dimurkai-Nya yang diucapkan tanpa berhati-hati dan mendapat balasan neraka di Akhirat kelak. Menurut al-'Uthaymin, perkara ini yang banyak terjadi dalam masyarakat kini. Sebagai contoh, persepsi seseorang yang ditanya oleh pelaku maksiat dan seumpamanya: "individu seperti ini, patut ditinggalkan.." "dia tidak akan jumpa jalan untuknya.." "Allah tidak akan mengampunkan untuknya."<sup>460</sup>

Termasuk dalam aspek menjaga tutur kata ialah menjauhi sikap mengadu domba (*al-Namīmah*). Di dalam kitab *Āfāt 'alā al-Tariq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengemukakan hadith mengenai azab yang disediakan kepada golongan yang tidak menjaga tutur kata ini sejak dari alam barzakh lagi. Hadith tersebut yang diriwayatkan oleh 'Abd Allāh bin 'Abbās r.a. sepertimana yang dinyatakan di dalam jadual di atas. Antara kesan keburukan dari penyakit *al-Namīmah* (mengadu domba) ini kepada gerak kerja Islam seperti yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ialah berlakunya perpecahan dan perbalahan di dalam *saf* umat Islam. Sikap tidak menjaga tutur kata dengan mengadu domba ini akan membawa kepada perasaan buruk sangka, mengintip (*tajassus*) keaiban orang lain seterusnya mengumpat dan membawa kepada permusuhan dalam perhubungan. Akhirnya berlaku perpecahan yang menyebabkan kekuatan umat Islam semakin lemah dan memberi peluang kepada musuh-musuh Islam untuk mengambil kesempatan di atas kelemahan umat

---

<sup>460</sup> Al-'Uthaymin, *Syarḥ Riyād al-Ṣāliḥīn*, 6:120.

Islam tersebut.<sup>461</sup> Kesemua ini bermula dari sikap tidak menjaga tutur kata yang dilihat seolah-olah kecil pada pandangan mata kasar tetapi memberi impak yang besar kepada gerak kerja Islam itu sendiri jika tidak ditangani dengan lebih awal.

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan ini dapat disimpulkan bahawa aspek khuluqiyyah seorang pendakwah juga ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya-karyanya termasuk hadith-hadith yang dihuraiakan oleh beliau. Aspek penjagaan tutur kata merupakan salah satu ciri-ciri seorang mukmin yang berakhlik sama ada tutur kata yang dijaga itu dari sikap berhati-hati dengan perkataan yang boleh membawa kepada dosa dan kemungkaran atau aspek penjagaan tutur kata tersebut yang melibatkan hubungan dengan manusia lain seperti mengumpat dan mengadu domba.

### **3.1.5 Elemen Ḥarakah *Tanzīmī* dan *Siyāsī* (Organisasi dan Politik) :**

Elemen berkaitan dengan *tanzīmī* dan *siyāsī* yang dimaksudkan oleh penulis ialah aspek keorganisasian dakwah dan politik yang ditekankan di dalam huraian-huraian hadith karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ. Penulis memfokuskan perbincangan aspek elemen *tanzīmī* dan *siyāsī* ini pada enam isu berikut :

- 1] Islam Matlamat Perjuangan.
- 2] Mendukung Prinsip *Bay‘ah* dan *Syūra*.
- 3] Pemerikasaan ‘*Amal Jamā‘ī*.
- 4] *Fiqh al-Waqi‘*.

---

<sup>461</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Āfāt ‘alā al-Tarīq*, 3:74.

5] Mengenali Agenda Musuh Islam.

6] Politik dan Kekuasaan.

### 3.1.5.1 Islam Matlamat Perjuangan :

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"فَوَاللَّهِ مَا الْفَقْرُ أَخْشَى عَلَيْكُمْ.." <sup>462</sup>	'Āfāt 'ala al-Tariq
2	"مَا لِي وَلِلْدُنْيَا, مَا أَنَا فِي الدُّنْيَا إِلَّا كَرَاكِبٌ.." <sup>463</sup>	Tawjīhāt Nabawiyyah 'ala al-Tariq

**Jadual 20** : Hadith-Hadith Berkaitan *Islam Matlamat Perjuangan* Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ

Matlamat dari perjuangan sesebuah organisasi dakwah ialah untuk menegakkan Islam dan menjadikan Islam sebagai matlamat perjuangan. Sayyid Muhammad Nūḥ ketika menyenaraikan beberapa gerak kerja dakwah dan tarbiah Islamiyyah dari sudut pandangan

<sup>462</sup> Hadith ini dengan matannya sepetimana berikut :

"فَوَاللَّهِ مَا الْفَقْرُ أَخْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكُنْ أَخْشَى عَلَيْكُمْ أَنْ تُبَسِّطُ عَلَيْكُمْ الدُّنْيَا، كَمَا يُبَسِّطُ عَلَى مَنْ كَانَ بِكُمْ.."

Terjemahan hadith : "...Demi Allah, bukanlah kefiran yang lebih aku takuti menimpamu, tetapi aku takut dunia ini dibentangkan ke atas kamu (diberi kekayaan dan dimurahkan rezeki) sebagaimana ia telah dibentangkan ke atas orang-orang sebelum kamu...". Takhrij hadith : Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Bukhārī di dalam Sahihnya, Kitāb al-Riqāq, Bāb Ma Yahdhar min Zahrah al-Dunyā, no hadith 6425. Lihat Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, (al-Riyāḍ: Bayt al-Afkār: 1998), 1234.

<sup>463</sup> Hadith ini dengan matan lengkapnya sepetimana berikut :

"عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ : يَأَمَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى حَسِيرٍ قَقَامٍ وَقَدْ أَتَرَ في جَنَّةٍ، فَعَلَّمَنَا يَارَسُولُ اللَّهِ، لَوْ أَخْذَنَا لَكَ وَطَلَاءً، فَعَلَّمَ "مَا لِي وَلِلْدُنْيَا, مَا أَنَا فِي الدُّنْيَا إِلَّا كَرَاكِبٌ" إِسْتَنْظَلَ ثَحْثَ شَجَرَةً، ثُمَّ رَاحَ وَتَرَكَهَا"

Terjemahan hadith : Daripada Abdullah bin Mas'ud katanya : Rasulullah SAW tidur diatas selembar tikar, kemudian baginda bangun dan kelihatan pada badan baginda kesan bekas tikar tersebut. Kami berkata : Wahai Rasulullah SAW, alangkah baiknya sekiranya kami mengambil kepada tuan alas tidur yang lebih lembut. Baginda SAW berkata "Apa peduli aku dengan dunia, aku dan dunia hanyalah bagaikan seorang penunggang yang berteduh sejenak di bawah sebuah pohon, lantas pergi meninggalkan pohon itu untuk menyambung perjalannya". Takhrij hadith : Hadith ini diriwayatkan oleh Imām al-Tirmidhī di dalam Sunannya, Kitāb al-Zuhd, Bāb ḥadīth "Ma al-Dunyā Illa Karākib Istazalla", no hadith 2377. Lihat Ṣaḥīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syarīf, 1890. Hadith ini dinilai sahih oleh al-Albānī di dalam kitab Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī. Lihat Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī, 2:554.

*Ahlal-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, menyebutkan salah satu dari gerak kerja tersebut ialah dengan meletakkan “Keredaan Allah Sebagai Matlamat dan Tujuan”.<sup>464</sup> Di dalam kitab *’Afāt ‘ala al-Tariq*, ketika mengemukakan perbahasan berkaitan wabak *al-Isrāf*, Sayyid Nuh menunjukkan unsur huraiān topik tersebut dengan menjadikan Islam sebagai matlamat perjuangan. Beliau mengemukakan kaedah dalam mengubati wabak *al-Isrāf* tersebut ialah dengan menetapkan diri bersama-sama pejuang Islam yang berkorban harta serta nyawa untuk menegakkan hukum Allah di atas muka bumi.<sup>465</sup> Di samping itu, Sayyid Nūh menegaskan lagi bahawa seseorang pendakwah tidak sepatutnya tertipu dengan keduniaan serta berusaha meninggalkan kehidupan yang dikelilingi dengan kerehatan dan kesenangan seperti wabak *al-Isrāf* tersebut.<sup>466</sup>

Daripada huraiān ini, biarpun tidak secara langsung Sayyid Nuh mengemukakan hadith berkaitan Islam matlamat perjuangan tetapi lebih mengemukakan hadith tentang sikap berhati-hati dengan tipu daya dunia, namun perkara ini sudah menunjukkan bahawa tarbiah yang ingin diterapkan oleh Sayyid Muḥammad Nūh melalui huraiān hadith tersebut ialah untuk menjadikan Islam sebagai matlamat perjuangan dalam dakwah. Wabak *al-Israf* yang diketengahkan oleh Sayyid Muḥammad Nūh melalui huraiān hadith tersebut adalah kerana salah satu faktor *al-Isrāf* adalah terperangkap dengan tipu daya dunia. Oleh sebab itu, dalam mengatasi wabak *al-Israf* tersebut, salah satu perkara yang disebutkan oleh Sayyid Nūh ialah dengan menetapkan diri bersama-sama dengan pejuang-pejuang Islam yang berkorban dan memiliki semangat perjuangan yang tinggi dan jiwa yang besar dalam menegakkan perjuangan Islam di atas muka bumi ini.

<sup>464</sup> Sayyid Nūh, *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fī Qādiyyah al-Taghyīr*, 92.

<sup>465</sup> Sayyid Nūh, *’Afāt ‘ala al-Tariq*, 1:46-47.

<sup>466</sup> *Ibid.*

Di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut mengemukakan huraian hadith yang difahami melalui huraianya bahawa Islam adalah sebagai matlamat dalam perjuangan. Aspek yang sama ditekankan seperti mana dalam huraian terhadap hadith di dalam kitab *Āfāt ‘ala al-Tariq* sebelum ini. Di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* ini dikemukakan hadith yang turut mengingatkan perihal dunia dan fitnah keduniaan dalam kehidupan seorang pendakwah. Sayyid Nūḥ menyebutkan bahawa Rasulullah SAW menerangkan di dalam hadith dari kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* seperti mana di dalam jadual 20 di atas tentang umur dunia yang sangat singkat berbanding akhirat yang hanya menyamai sebahagian kecil waktu di siang hari.<sup>467</sup> Penekanan tentang Islam sebagai matlamat perjuangan melalui huraian terhadap hadith ini jelas difahami melalui tajuk perbincangan yang dikemukakan oleh Sayyid Nūḥ berkaitan sikap seorang muslim yang tidak ditegah untuk mengambil bahagian dan manfaat dari dunia, selagimana jalan untuk mendapatkannya adalah dari kaedah yang tidak bercanggah dengan syara‘ dan diredayai oleh Islam.<sup>468</sup>

Penetapan syarat “*tidak bercanggah dengan syara‘ dan diredayai oleh Islam*” yang ditetapkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam berinteraksi dengan dunia ini sudah menunjukkan matlamat utama seorang muslim atau sesebuah organisasi dakwah dalam perjuangannya perlu diletakkan keutamaan dalam memartabatkan Islam itu sendiri. Setiap gerak kerja mestilah dinilai dengan neraca Islam sama ada ia bercanggah atau tidak dengan kaedah dan tuntutan syari‘at. Selain itu, Sayyid Nūḥ menyebutkan beberapa hadith di dalam

<sup>467</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 1:22.

<sup>468</sup> *Ibid*, 1 : 23.

kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah* ini yang menunjukkan contoh dari para sahabat tentang sikap dan cara interaksi mereka terhadap dunia serta kekayaan harta yang mereka miliki tidak membuatkan mereka lalai dengan keduniaan. Malah mereka sanggup mengorbankan harta demi kesinambungan dakwah dan perjuang Islam.<sup>469</sup>

Perkara ini tidak bercanggah dengan huraian yang dikemukakan oleh *muḥaddithīn* di dalam kitab-kitabsyarah hadith. Para ulama *muḥaddithīn* menekankan secara zahir huraian maksud hadith, iaitu mengambil langkah berhati-hati dengan tipu daya dunia. Ibn Baṭṭāl ketika mensyarahkan hadith ini menyebutkan bahawa ini adalah antara hadith-hadith yang mengingatkan tentang fitnah tipu daya dunia dan kesan keburukan dunia bagi golongan yang telah terbuka pintu hatinya untuk dunia.<sup>470</sup> Hadith ini juga mengingatkan tentang sikap berlumba-lumba kerana ingin mendapatkan habuan dunia dan tertarik dengan kecantikan tipu dayanya yang membawa kepada kemusnahan.<sup>471</sup> Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaymin ketika mensyarahkan hadith dari kitab *Riyād al-Ṣālihiṇ* iaitu hadith yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* sebelum ini. al-‘Uthaymin memfokuskan pada isu *al-faqr* atau hidup zuhud (bersederhana) yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Beliau menyebutkan bahawa Rasulullah SAW tidak terpengaruh dengan kehidupan dunia malah Rasulullah menginfaqkan seluruh hartanya di jalan Allah s.w.t dan baginda lebih memilih untuk hidup dalam kemiskinan.<sup>472</sup>

---

<sup>469</sup> *Ibid*, 1: 23-24.

<sup>470</sup> ‘Alī bin Khalaf, Ibn Baṭṭāl, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10:155.

<sup>471</sup> *Ibid*.

<sup>472</sup> Al-Uthaymin, *Syarḥ Riyād al-Ṣālihiṇ*, 3:380.

Berdasarkan huraian Sayyid Nūḥ terhadap hadith-hadith di dalam kitab *Āfāt ‘ala al-Tariq* dan kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* ini membuktikan bahawa salah satu isu yang diketengahkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ sebagai prinsip perjuangan sesebuah organisasi dakwah adalah dengan menjadikan Islam sebagai matlamat dalam perjuangan. Sesebuah organisasi dakwah juga boleh menyimpang jauh dari matlamat perjuangan asal dan penegakan Islam jika asas perjuangan yang dibentuk tidak dipandu dengan garis panduan syarak dan masih wujud kekaburan dengan percampuran unsur-unsur keduniaan dalam matlamat perjuangan tersebut.

### 3.1.5.2 Mendukung Prinsip *Bay’ah* dan Taat :

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nuh
1	"فَإِنِّي بَايِعُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِي هَذِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ...." <sup>473</sup>	<i>Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih</i>

<sup>473</sup> **Takhrij Hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Abī ‘Awānah di dalam kitabnya *Mustakhraj*, Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Nafy al-Imān ‘an al-Ladhī Yuhram hadhihi al-Akhlaq al-Muthabbatah fī Ḥādhā al-Bāb wa Ijāb al-Nahy ‘an al-Munkar wa Nafy al-Imān ‘Amman La Yunkiruh bi Qalbih, no hadith 106. Lihat Abu ‘Awānah Ya‘qūb bin Ishāq bin Ibrāhim al-Naysābūrī, *Mustakhraj Abī ‘Awānah*, tāhqiq ; Ayman bin ‘Ārif al-Dimasyqī, (Beirūt; Dār al-Ma‘rifah : 1998), 1: 45. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Abī Ya‘lā al-Mawṣilī di dalam Musnadnya, dari hadith “Maymūnah Zawj al-Nabi Ṣalla Allāh ‘alayhi Wasallam”, no hadith 7509. Ulasan pentahqiq : Sanad hadith ini Sahih. Lihat Abū Ya‘lā Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthanna al-Mawṣilī, *Musnad Abī Ya‘lā*, tāhqiq ; Ḥusayn Sulaym Asad, (Damsyik ; Dār al-Ma‘mūn li al-Turāth: 1984), 13: 419. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imām Aḥmad di dalam Musnadnya, *Musnad Ahmad*, Musnad al-Kūfiyyīn daripada hadith Jarīr bin ‘Abd Allāh, no hadith 19193. Menurut Syu‘ayb al-Arnā’ūt et al, sanad hadith ini sahih menurut syarat Bukhari dan Muslim. Hadith ini juga dikeluarkan oleh Abū Ya‘lā al-Tayālī, al-Tahāwī dan al-Tabarānī. Aḥmad bin Ḥanbal, *al-Mawsū’ah al-Ḥadīthiyah Musnad al-Imām Ahmad*, ed. Syu‘ayb al-Arnā’ūt et al, (Beirūt : Muassasah al-Risālah: 1999), 31:531. Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

عَنْ زَيْنَدَ بْنِ عَلَّاقَةَ قَالَ سَمِعْتُ جَرِيرًا يَحْدُثُ حِينَ مَاتَ الْمَغِيرَةُ بْنَ شَعْبَةَ خَطَبَ النَّاسُ فَقَالَ أُوصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَخَدْرَةً لَا شَرِيكَ لَهُ وَالشَّكِينَةَ وَالْوَقَارَ فَإِنِّي بَايِعُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِي هَذِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ وَاشْتَرَطَ عَلَى التَّصْنِيفِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ فَوْزِبَتِ الْكَعْبَةِ إِنِّي لَكُمْ تَاصِحٌ أَجْمَعِينَ وَاسْتَغْفِرُ وَتَرَأْ

**Terjemahan hadith :** Diriwayatkan daripada Ziyād bin ‘Alāqah, katanya: Aku mendengar Jarir meriwayatkan bahawa pada hari kematian al-Mughirah bin Syu‘bah, beliau berkhatubah: “Aku berpesan kepada kalian supaya bertakwa kepada Allah satu-satunya dan tidak menyekutukannya, dan dengan ketenangan dan ketenteraman. Sesungguhnya aku membaiah (berakad setia) kepada Rasulullah SAW dengan tangan aku ini untuk Islam. Lalu Nabi SAW memberi syarat supaya memberi nasihat kepada setiap muslim. Maka demi Tuhan kepada Kaabah, sesungguhnya aku memberi nasihat kepada kalian.” Kemudian beliau beristighfar lalu turun dari mimbar.

2	<p>..."أَنْ بَايَعَنَا عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فِي مَسْطِنَا وَمَكْرُهَنَا وَعُسْرِنَا وَيُسْرِنَا وَأَثْرَهُ عَلَيْنَا...."</p> <p><sup>474</sup></p>	
3	<p>..."إِمْشِ وَلَا تَلْتَفِتْ، حَقِّي يَفْتَحَ اللَّهُ عَلَيْكَ..."</p> <p><sup>475</sup></p>	<p>Tawjihat Nabawiyah 'ala al-Tariq</p>

<sup>474</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

عَنْ خَاتَمَةَ بْنِ أُمَيَّةَ قَالَ دَخَلْنَا عَلَى عَبَادَةَ بْنِ الصَّابِيتِ وَهُوَ مَرِيضٌ، فَلَمَّا أَصْلَحَكَ اللَّهُ يُبَدِّلُ سُعْدَتْنَاهُ مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : دُعَائِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَيَانَنَا، فَقَالَ فِيمَا أَنْجَدَ عَلَيْنَا أَنْ بَايَعَنَا عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فِي مَسْطِنَا وَمَكْرُهَنَا وَعُسْرِنَا وَيُسْرِنَا وَأَثْرَهُ عَلَيْنَا وَأَنْ لَا تَنْأِيَ الْأَمْرُ أَهْلَهُ إِلَّا أَنْ تَرْوَى كُفُّارًا بِوَاحِدًا عِنْدَكُمْ مِنَ اللَّهِ يُبَدِّلُ مُرْكَانَ

**Terjemahan hadith :** Daripada Junādah bin Umayyah, katanya: Kami pergi menziarahi ‘Ubādah bin al-Şāmit yang sedang sakit. Lalu kami berkata: “Semoga Allah pulihkan kamu. Riwayatkanlah kepada kami suatu hadith yang kamu dengar daripada Rasulullah SAW, semoga Allah memberi manfaat kepada kamu: “Nabi SAW telah memanggil kami, lalu kami berbay ‘ah dengannya. Kami berbay ‘ah kepada baginda SAW supaya dengar dan taat, sama ada ketika kami dalam keadaan cergas, keadaan benci, keadaan susah, keadaan mudah, pemerintah melakukan kepentingan dirinya terhadap kami. Dan kami tidak menyanggah urusan orang yang berkeahlilan melainkan jika dilihat kekufturan terhadap Allah dengan cara yang nyata disisi kamu dan boleh kamu jadikan hujah dihadapan Allah”. **Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim. Imam Bukhari di dalam Sahihnya, Kitāb al-Fitan, Bāb Qawl al-Nabi SAW : Satarawna Ba‘dī Umūran Tunkirūnaha, no hadith 7055. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, Mawsū ‘ah al-Hadīth al-Syarīf, 589.

<sup>475</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَوْمَ خَيْرِ الْأَعْيَةِ حَلَّا يُحِبُّنِي هَذِهِ الْأَزْيَةُ وَلَا يَمْنَعُنِي يَقْتَصِيَ اللَّهُ عَلَى يَدِيهِ قَالَ عَمَرُ بْنُ الْخَطَّابَ : مَا أَحْبَبْتُ الْإِمَارَةَ إِلَّا يَوْمَنِي قَالَ : فَقَسَّاَوْرُثُ لَهَا رِجَاءَ أُنْدَى هَمَّا، قَالَ : فَقَعَدَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ بْنُ أَبِي طَالِبٍ، فَأَعْصَانَاهُ إِيَّاهَا، وَقَالَ : "إِمْشِ وَلَا تَلْتَفِتْ، حَقِّي يَقْتَصِيَ اللَّهُ عَلَيْكَ." قَالَ : فَسَارَ عَلَيْهِ شَيْئًا، ثُمَّ وَقَتْ، وَمَمْ يَلْتَقِيَ قَصْرَصَرَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلَى مَاذَا أَقْاتَلَ النَّاسَ قَالَ "قَاتَلُوكُمْ حَقِّي يَسْهُدُوكُمْ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، قَاتَلُوكُمْ فَعَلَوْا ذَلِكَ فَقَدْ مَنَعُوكُمْ مِنْكُمْ دَمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا، وَجَسَابُوكُمْ عَلَى اللَّهِ".

**Terjemahan Hadith :** Diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa pada waktu perang Khaibar Rasulullah SAW bersabda: “Aku akan menyerahkan bendera ini kepada seorang lelaki yang mencintai Allah dan RasulNya, dan Allah akan memberikan kemenangan dengan tangannya.” ‘Umar bin al-Khaṭṭāb berkata: “Sesungguh aku tidak pernah menginginkan sebuah kepemimpinan kecuali hanya pada hari itu sahaja.” Beliau berkata lagi: “Lalu akupun menampakkan wajaku dengan harapan agar aku dipanggil untuk menerima bendera itu.” Beliau berkata lagi: “Kemudian Rasulullah SAW memanggil Ali bin Abi Talib dan baginda memberikan bendera itu kepadanya lalu berkata:“Berangkatlah dan janganlah kamu menoleh ke belakang hingga Allah memberikan kemenangan kepada kamu.” Abu Hurairah berkata: “Kemudian Ali berjalan lalu berhenti dengan tidak menoleh ke belakang beliau berteriak: “Wahai Rasulullah, atas dasar apa aku memerangi manusia?” Baginda menjawab: “Perangilah mereka sehingga mereka mahu bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah. Jika mereka telah melaksanakan hal itu bererti mereka telah mencegahmu untuk menumpahkan darah mereka dan mengambil harta mereka kecuali yang menjadi haknya (Islam) sedang hisab (perhitungan) mereka ada di sisi Allah”. **Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam Sahihnya, Kitāb Faḍā'il al-Šāhābah r.a, Bāb min Faḍā'il ‘Alī bin Abī Ṭālib r.a, no hadith 2405. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, Mawsū ‘ah al-Hadīth al-Syarīf, 1101

4	<p>"...فَمِنْ يَا حَدِيقَةُ، فَأَنَا بِخَيْرِ الْقَوْمِ، فَلَمْ أَجِدْ بُدًّا إِذْ دَعَانِي بِاسْمِي أَنْ أَقُومَ..." <small>476"</small></p>
---	---

### Jadual 21 : Hadith-Hadith Berkaitan "Mendukung Prinsip Bay'ah dan Taat" Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ.

Selain empat hadith yang dikemukakan di dalam jadual di atas, Sayyid Muhammed Nūḥ mengemukakan beberapa hadith yang lain<sup>477</sup> dalam perbincangan berkaitan aspek *bay'ah*

<sup>476</sup> Hadith ini dengan matan yang lengkap seperti mana berikut :

عَنْ إِبْرَاهِيمَ الْتَّبِيِّيِّ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ "كُنَّا عِنْدَ حَدِيقَةَ قَتَالَ رَجَلٍ: لَوْ أَدْرَكْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاتَلَتُ مَعَهُ وَأَبْلَيْتُ. قَتَالَ حَدِيقَةً: أَنْتَ كُنْتَ تَعْلَمُ ذَكَرَ؟ لَكُنْدَ رَأَيْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَلَةَ الْأَخْزَابِ، وَأَخْذَنَا بَعْثَةَ شَدِيدَةَ وَقُوَّةَ. قَتَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "الَا رَجَلٌ يَأْتِيَنَا بِخَيْرِ الْقَوْمِ، حَكَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ" فَسَكَنَتَا فَلَمْ يُجِبْهُ مِنَ احْدَى ثُمَّ قَالَ: "الَا رَجَلٌ يَأْتِيَنَا بِخَيْرِ الْقَوْمِ حَكَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ" فَسَكَنَتَا فَلَمْ يُجِبْهُ مِنَ احْدَى ثُمَّ قَالَ "الَا رَجَلٌ يَأْتِيَنَا بِخَيْرِ الْقَوْمِ، حَكَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ" فَسَكَنَتَا فَلَمْ يُجِبْهُ مِنَ احْدَى ثُمَّ قَالَ: "فَمِنْ يَا حَدِيقَةُ، فَأَنَا بِخَيْرِ الْقَوْمِ، فَلَمْ أَجِدْ بُدًّا إِذْ دَعَانِي بِاسْمِي أَنْ أَقُومَ". قَالَ: "إِذْهَبْ، فَأَتَيْنِي بِخَيْرِ الْقَوْمِ، وَلَا تَنْعَرْهُمْ عَلَيَّ" فَلَمَّا وَلَيْتُ مِنْ عِبْدِهِ، جَعَلَ كَافَّتَهُ أَمْبَيْتِي فِي حَخَامٍ حَتَّى أَتَيْتُهُمْ. فَرَأَيْتُ أَنَا سُبْيَانَ يَصْلُبُ ظَهْرَهُ بِاللَّارِ. فَوَضَعْتُ سَهْمَيْنِ فِي كَيْدِ الْقُوَّسِ، فَأَرَدْتُ أَنْ أَرْمِيَهُ فَلَمْ يَكُرْتُ قُوَّلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "وَلَا تَنْعَرْهُمْ عَلَيَّ" وَلَا رَمَيْتُهُ لِأَصْبَهْنَيْ. فَرَجَعْتُ وَأَنَا أَشْبَيْنِي فِي مَثَلِ الْحَخَامِ فَلَمَّا أَتَيْتُهُ فَأَخْبَرْتُهُ بِخَيْرِ الْقَوْمِ، وَفَرَغْتُ، فَرَزَّثُ، فَأَلْبَسْتِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فَضْلِ عَبَادَةِ كَانَتْ عَلَيْهِ يُصْلَبِي فِيهَا أَلْنَانِي حَتَّى أَصْبَحْتُ، فَلَمَّا أَصْبَحْتُ قَالَ: "فَمِنْ يَا نَوْمَانَ".

**Terjemahan :** Daripada Ibrahim al-Taymi dari ayahnya dia berkata, "Suatu ketika kami berada berhampiran Hudzaifah, tiba-tiba seorang laki-laki berkata, "Seandainya aku dapat bertemu Rasulullah SAW, nescaya aku akan berperang bersama baginda habis-habisan." Hudzaifah berkata, "Betulkah kalian akan berbuat seperti itu?" Aku sendiri pernah berperang bersama Rasulullah SAW ketika perang Ahzab. Saat itu kami dilanda angin yang sangat kencang dan udara yang dingin. Maka Rasulullah SAW bersabda: "Adakah seseorang yang sanggup mencari berita tentang musuh? Maka Allah akan menempatkannya bersamaku kelak di hari Kiamat." Semuanya diam, dan tidak ada seorangpun yang menjawab. Kemudian baginda bertanya lagi: "Adakah seseorang yang sanggup mencari berita tentang musuh? Maka Allah akan menempatkannya bersamaku kelak di hari Kiamat." Semuanya diam, dan tidak ada seorangpun yang menjawab. Kemudian baginda bertanya lagi: "Adakah seseorang yang sanggup mencari berita tentang musuh? Maka Allah akan menempatkannya bersamaku kelak di hari Kiamat." Kami masih terdiam semuanya, dan tidak ada seorangpun yang menjawab. Lalu beliau bersabda: "Wahai Hudzaifah, berdiri dan carilah berita mengenai musuh!" Maka tidak dapat tidak, aku mesti berdiri, kerana baginda jelas memanggil namaku. Beliau bersabda: "Pergi dan carilah berita mengenai musuh, dan jangan kamu menggemparkan mereka tentang diriku." Tatkala aku telah berpaling dari sisi baginda, seakan-akan aku berjalan dengan kehangatan (tidak seperti yang lain dalam kedinginan), sehingga aku mendatangi mereka, lantas aku melihat Abu Sufyan yang sedang menghangatkan badannya dengan api. Lantas aku menaruh anak panah pada busurnya dan hendak memanahnya, sekiranya aku tidak ingat dengan pesan Rasulullah SAW: "Jangan kamu menggempar mereka dengan diriku." nescaya aku telah panah dan akan mengenainya. Lalu aku kembali sambil berjalan kaki dengan kehangatan, kemudian aku menemui baginda dan melaporkan mengenai kedudukan musuh. Setelah itu aku pergi, tiba-tiba diriku mulai merasakan kedinginan, maka Rasulullah SAW memakaikanku kain selendang yang biasa dipakai baginda untuk solat, kemudian aku tertidur sampai pagi, keesokan harinya baginda bersabda: "Bangun wahai orang yang banyak tidur." **Takhrij Hadith:** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam Sahihnya, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Ghazwah al-Āḥzāb, no hadith 1788. Lihat Lihat Shālih bin 'Abd al-'Azīz Ibrāhim, *Mawsū 'ah al-Ḥadīth al-Syarīf*, 997.

<sup>477</sup> Hadith lain yang dikemukakan oleh Sayyid Nūḥ berkaitan Bay'ah dan ketaatan :

dan ketaatan ini. Menurut Ibn Manzūr (m.711H), *al-bay‘ah* bermaksud transaksi yang dilakukan atas dasar menerima perjanjian dan ketaatan.<sup>478</sup> *Bāya ‘ahū* dengan maksud ‘āhadahū iaitu membuat perjanjian dengannya. Di dalam hadith “*Alā tubāyi‘ūnī ‘ala al-Islām?*” iaitu ibarat akad yang dimeterai dengan ikatan perjanjian, sepetimana salah

#### a) Hadith Bay‘ah :

1) ...أَنَّهُ يَايُّهُمْ عَلَى الْإِيمَانِ بِاللَّهِ وَشَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ...“

Hadith ini merupakan sebahagian hadith yang diriwayatkan oleh Imām Aḥmad di dalam Musnadnya, Kitab Musnad al-Makkiyyin, Bāb Musnad al-Aswad bin Khalaf, no hadith 15431. Menurut Syu‘ayb al-Arnā’ūt et al, sanad hadith ini kemungkinan berstatus hasan kerana Muḥammad bin al-Aswad bin Khalaf daripada *rijāl* (perawi) “*al-Ta jil'*” diriwayatkan darinya dua orang perawi. Ibn Ḥibbān juga menyebutnya di dalam kitab *al-Thiqāt*. Manakala baki perawi hadith adalah *thiqah* dan dikalangan perawi kitab Sahih. Lihat Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *al-Mawsū‘ah al-Hadīthiyah Musnad Aḥmad*, ed. Syu‘ayb al-Arnā’ūt et.al, (Beirūt ; Muassasah al-Risālah: 1998), 24: 160.

2) ...كُتُبَ الْمَذَبَّةِ الْكَافِرَةِ وَأَنْجَعَ فَبَيَّنَاهُ وَعَمِّرَ آجِدَ بِيَدِهِ تَحْتَ الشَّجَرَةِ وَهِيَ سَمِّرَةٌ وَقَالَ : يَايُّهُمْ عَلَى أَنْ لَا تَفْرُوْقَ وَمِنْ نَبَاعَةٍ عَلَى الْمَوْتِ...“

Hadith ini merupakan sebahagian hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam Sahihnya, Kitāb al-Imārah Bāb Istiḥbāb Mubāya‘ah al-Imām al-Jaysy ‘Inda Irādah al-Qitāl wa Bayān Bay‘ah al-Riḍwān Tahta al-Syajarah, no 1856. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf*, 1011.

#### b) Hadith Ketaatan :

1) يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِذَا بَعَثْتَنِي أَكُونُ كَالسَّكُونَةِ الْحَمَّةَ أَمْ الشَّاهِدَ يَرَى مَا لَا يَرَى الْعَابِ؟ ....“

Hadith ini merupakan sebahagian hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya, Bāb Musnad Khulafā’ al-Rāsyidīn (Musnad ‘Alī bin Abī Tālib), no hadith 628. Lihat Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, 2:63. Menurut Aḥmad Muḥammad Syākir, hadith ini **Da‘īf** kerana sanadnya *Munqati‘*. Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Alī bin Abī Tālib telah dinyatakan oleh Ibn Ḥibbān di dalam kategori *Thiqah*. Namun periwataannya daripada datuknya adalah berstatus *Mursal*. Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, ed. Muḥammad Aḥmad Syākir, (Kaherah Dār al-Ḥādiṭh : 1995), 1:437. Menurut Syu‘ayb al-Arnā’ūt et.al, hadith ini berstatus ***Hasan Lighayrih***. Rijal hadith ini adalah *Thiqah* tetapi Muḥammad bin ‘Umar tidak pernah bertemu dengan datuknya iaitu ‘Alī bin Abī Tālib. Al-Bukhārī juga meriwayatkan hadith ini di dalam kitab “*Tārīkh*”, al-Quḍā’i di dalam “*Musnad al-Siyhāb*”. Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, ed. Syu‘ayb al-Arnā’ūt et.al, cet.ke 2, (Beirūt : Muassasah al-Risālah : 1999), 2: 63.

2) يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَدْ هَذَا لَيْسَ بِمُنْزِلٍ، فَأَضْعِضْ بِالرَّأْيِ وَنَقْدَ مَا قَالَ الْجِبَابِ...“

Hadith ini merupakan sebahagian dari hadith yang dikemukakan oleh Ibn Kathir di dalam al-Sirah al-Nabawiyyah, dan *dinaqal*kan daripada Ibn Ishaq. Lihat Ismā‘il bin ‘Umar bin Kathir, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, (Beirūt; Dār al-Ma‘rifah, 1976), 2 : 402. Menurut Akram Dīyā’ al-‘Umari , walaupun hadith ini **Da‘īf** kerana ia berstatus *Mursal*, namun prinsip *Syūra* adalah *thābit* di dalam nas-nas al-Quran serta hadith-hadith Nabi SAW. Beliau turut memetik riwayat hadith ini di dalam kitab Sirah beliau iaitu, *al-Sirah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*. Akram Dīyā’ al-‘Umari, *al-Sirah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, cet. ke 8, (al-Riyād : Maktabah al-‘Abekān: 2009), 2: 360.

3) ...إِسْتَأْذِثُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْعُنْزَةِ...“

Hadith ini merupakan sebahagian dari hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dā‘ūd, di dalam Sunannya, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Du‘ā’, no hadith 1498. Sulaymān bin al-Asy‘ath, *Sunan Abī Dā‘ūd*, tahnīq: Muḥammad Muḥyī al-Dīn Abd al-Ḥamīd, (Beirūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah: t.t), 2:80. Lihat juga Ṣalīḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf*, 1334. Hadith ini dinilai **Da‘īf** oleh al-Albānī di dalam kitab beliau *Da‘īf Sunan Abī Da‘ūd*. Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Da‘īf Sunan Abī Da‘ūd*, (al-Riyād : Maktabah al-Ma‘arif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘: 2000), 113.

<sup>478</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, (Beirūt: Dār Ṣādir:1990), 8:26.

seorang dari dua individu yang telah menjual barang kepada salah seorang dari mereka kemudian diberi sepenuh keikhlasan hatinya, ketaatan dan segala urusan yang bersangkutan dengannya.<sup>479</sup> Hakikat *bay‘ah* ini memiliki hubung kaitnya dengan aspek ketaatan di dalam dakwah gerakan Islam. Perkara ini juga ditekankan oleh Sayyid Nūḥ dalam huraian terhadap hadith-hadith di dalam karya-karyanya.

Seperti mana di dalam hadith Ziyād bin ‘Alāqah r.a, Sayyid Nuh mengemukakan pengajaran hadith tersebut dengan menyebutkan salah satu metode Rasulullah SAW dalam meniupkan semangat jihad di dalam diri para sahabat adalah melalui pelaksanaan ***bay‘ah yang bertujuan supaya para sahabat dapat melaksanakan kewajipan dakwah dengan baik.***<sup>480</sup> Daripada hadith ini, Sayyid Nūḥ ingin menerangkan bahawa para sahabat melakukan *bay‘ah* dengan Nabi SAW bagi memastikan dakwah dapat diteruskan dan dilaksanakan dengan baik dan jayanya. Perkara ini menunjukkan kepentingan dakwah dan kedudukannya yang tinggi sehingga para sahabat diminta untuk melakukan *bay‘ah* atas tujuan tersebut. Begitu juga dengan hadith yang dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim dan diriwayatkan oleh Junādah bin Umayyah r.a. berkaitan perintah daripada Nabi SAW supaya para sahabat melakukan ***bay‘ah dengannya dan bersikap dengar dan taat kepada Baginda SAW ketika dalam keadaan senang atau susah, suka atau benci*** dari setiap ajaran dan perintah daripada Baginda SAW. Perkara ini menurut Sayyid Nūḥ telah meniupkan semangat jihad dalam diri para sahabat dengan metode pelaksanaan *bay‘ah* tersebut.<sup>481</sup> Seperti juga di dalam beberapa hadith lain yang dikemukakan oleh Sayyid Nūḥ selain dua hadith di dalam jadual di atas menunjukkan salah satu metode Rasulullah SAW

---

<sup>479</sup> *Ibid.*

<sup>480</sup> Sayyid Nūḥ, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād*, 110.

<sup>481</sup> *Ibid.*

dalam meniupkan semangat jihad dalam diri para sahabat baginda SAW adalah melalui pelaksanaan *bay'ah* dengan para sahabat.<sup>482</sup>

*Bay'ah* dalam gerakan dakwah amat dititikberatkan sehingga Hasan al-Banna menyusun sepuluh rukun *Bay'ah* (*Arkān al-Bay'ah*) di dalam Risālah Ta‘ālīm yang amat ditekankan kepada ahli Gerakan Ikhwan Muslimin.<sup>483</sup> Aspek ketaatan termasuk juga di dalam salah satu rukun *bay'ah* ini iaitu pada rukun yang keenam (*rukūn al-tā'ah*) selain rukun *al-thiqah* (rukun yang kesepuluh) berkait rapat dengan aspek ketaatan seseorang ahli kepada pimpinan dalam gerakan dakwah yang diikutinya. Perkara ini yang banyak ditekankan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ melalui hadith-hadith berkaitan *bay'ah* dan ketaatan seperti mana yang telah dijelaskan sebentar tadi. Selain itu, aspek ketaatan yang dibicarakan ini adalah antara fiqh ‘*amal jamā‘i*’ dalam gerakan dakwah yang perlu dilatih dalam diri seorang penggerak dakwah bagi melahirkan sifat disiplin diri yang tinggi dalam pelaksanaan dakwah dan penyebaran Islam secara ‘*amal jamā‘i*’. Perkara ini amat jelas sekali dalam huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ terhadap hadith-hadith *bay'ah* dan ketaatan di dalam karya-karyanya dalam membentuk anggota gerakan dakwah yang berdisiplin dan mematuhi sikap dalam ‘*amal jamā‘i*’. Perkara ini memerlukan kepada kefahaman yang teliti, kesabaran, tidak bersifat individualistik, bersifat *tawādu‘* serta boleh menerima pandangan orang lain yang dipilih oleh jemaah sebagai pemimpin atau ketua

<sup>482</sup> Antara *bay'ah* para sahabat dengan Rasulullah SAW yang disebutkan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ di dalam karya beliau dan mengandungi pengajaran penting untuk anggota gerakan dakwah iaitu :

- 1) Hadith dari Basyir al-Khusaṣiyah r.a. mengandungi *bay'ah* para sahabat dengan Rasulullah SAW supaya mengerjakan seluruh amal Islam. *Ibid*, 111.
- 2) Hadith dari Jābir r.a mengandungi *bay'ah* untuk terus *thabāt* (teguh) dan tidak lari dari prinsip keislaman atau tanggungjawab yang diberi. *Ibid*.
- 3) Hadith Junādah bin Abī Umayyah r.a mengandungi *bay'ah* dalam mentaati dan mendengar segala arahan. *Ibid*, 110.

<sup>483</sup> Hasan al-Bannā menyebutkan di dalam mukadimah *Risālah Ta‘ālīm* ini bahawa kandungan risalah ini adalah ditujukan kepada para mujahid di kalangan Ikhwan Muslimin. Hasan al-Bannā, *Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna: Majmū‘ah Rasā‘il al-Imām al-Syāhid Hasan al-Bannā*, 517.

dengan penuh rasa ketaatan dan keterbukaan. Perkara inilah yang memerlukan kepada tarbiah ketaatan bagi kelancaran pelaksanaan kerja yang telah disepakati di peringkat jamaah dalam sesebuah gerakan.<sup>484</sup> Tanpa disiplin ketaatan, sesebuah jamaah tidak mampu bergerak dengan baik dan sempurna selain gagal untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan bersama.<sup>485</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ turut mengemukakan beberapa hadith berkaitan aspek ketaatan seseorang ahli dalam gerakan dakwah yang diikutinya. Berdasarkan hadith Huzaifah r.a seperti mana di dalam jadual di atas, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengeluarkan pengajaran tentang ketaatan kepada pimpinan di dalam gerakan dakwah iaitu keperluan menyahut segera setiap perintah pimpinan walaupun dengan perasaan berat menyalahi kehendak dan kemahuan diri.<sup>486</sup> Menurut al-Nawawī (m.676H), disiplin untuk dengar dan taat bukan hanya pada perkara yang disukai dan disenangi oleh jiwa sahaja. Tetapi ketaatan secara keseluruhan dalam perkara yang membawa kebaikan, sama ada perkara tersebut disukai atau dibenci, senang untuk dilaksanakan ataupun susah untuk diselesaikan.<sup>487</sup> Abd al-Karīm Zaydān di dalam kitabnya, *Uṣūl al-Da‘wah* menyebutkan bahawa setiap jamaah dan kesatuan memerlukan kepada “ketua” dan perkara tersebut adalah merupakan hakikat yang telah ditetapkan oleh syara‘ dan diperintahkan untuk mewujudkannya (dalam melaksanakan kerja), disokong oleh *waqi‘* (keadaan) yang memerlukan kepada ketua serta dibenarkan oleh akal yang sejahtera.<sup>488</sup>

<sup>484</sup> Majdī al-Hilālī, *Rakā’iz al-Da‘wah*, 87.

<sup>485</sup> *Ibid.*

<sup>486</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq*, 1&2: 202.

<sup>487</sup> Al-Nāwawī, *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 12: 154.

<sup>488</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da‘wah*, cet. ke 6, (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’: 1992), 464. Ibn Taimiyyah (728H) di dalam kitabnya *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah* juga menyebutkan bahawa kewajipan dalam menentukan kepimpinan manusia adalah merupakan sebesar-besarnya kewajipan dalam agama. Malah

Berdasarkan hadith Ali r.a, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengeluarkan pengajaran tentang ketaatan kepada pimpinan di dalam gerakan dakwah iaitu mendengar dan memahami perintah yang dikeluarkan dengan baik bagi menjamin keselamatan dan ketelitian pelaksanaan.<sup>489</sup> Hadith ini memberi pengajaran seperti mana yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam melihat gambaran ketaatan kepada pimpinan iaitu **bertanya dengan lebih lanjut cara pelaksanaan sesuatu tugas kepada pimpinan.**<sup>490</sup> Perkara ini selari dengan apa yang disebutkan oleh Majdī al-Hilālī bahawa antara kemestian dalam aspek ketaatan kepada pimpinan adalah pelaksanaan mengikut arahan yang diberikan oleh ketua atau pimpinan. Seseorang *jundi* (penggerak dakwah) perlu melaksanakan sesuatu tugas seperti yang diperintahkan dan yang dikehendaki oleh pimpinan dan bukannya mengikut kehendak dirinya secara individu.<sup>491</sup>

Seperti juga dengan beberapa hadith yang lain dalam konteks pengajaran berkaitan aspek ketaatan kepada pimpinan dalam gerakan dakwah, Sayyid Nūḥ turut menghuraikan dengan nada yang sama.<sup>492</sup> Berdasarkan perkara yang telah disebutkan ini dapat disimpulkan bahawa salah satu huraiyan yang ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ terhadap hadith-

---

agama tidak mampu untuk dibangunkan kecuali dengan pelantikan tersebut. Kemaslahatan umat manusia akan sempurna dengan pembentukan kemasyarakatan kerana masing-masing memerlukan antara satu dengan yang lain dan tidak dapat tidak dalam membentuk kesatuan kemasyarakatan ini memerlukan kepada ketua dan pemimpin. Ahmad bin ‘Abd al-Ḥalīm Taqī al-Dīn Ibn Taimiyyah, *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, (Kaherah: Dār al-Sya‘ab: 1970), 184-185.

<sup>489</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 1&2:201.

<sup>490</sup> *Ibid*, 205.

<sup>491</sup> Majdī al-Hilālī, *Rakāiz al-Da‘wah*, 94.

<sup>492</sup> Huraian pengajaran yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ seperti mana berikut :

- 1) Berdasarkan hadith ‘Umar r.a, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengeluarkan pengajaran tentang ketaatan kepada pimpinan di dalam gerakan dakwah iaitu **meminta keizinan dengan pimpinan gerakan dakwah dalam melakukan sesuatu tindakan**. Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 1&2:203.
- 2) Berdasarkan hadith Ḥabbāb bin al-Mundhir r.a, Sayyid Muḥammad Nūḥ mengeluarkan pengajaran tentang ketaatan kepada pimpinan di dalam gerakan dakwah iaitu **segera menyatakan cadangan perkara yang mendatangkan kebaikan dan faedah kepada jamaah**. *Ibid*, 208.

hadith di dalam karya-karyanya adalah berkaitan aspek *bay‘ah* dan ketaatan yang banyak ditekankan di dalam gerakan dakwah semasa. Perkara ini juga membuktikan manhaj Sayyid Muhammad Nūḥ dalam huraian terhadap hadith-hadith yang dikemukakannya adalah dari aspek *al-manhaj al-haraki*.

### 3.1.5.3 Pemerkasaan ‘Amal Jamā‘ī (team work) :

No	Matan Hadith	Hadith Dalam Karya Sayyid Nūḥ
1	"مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ قِيَدَ شَبَرٍ فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ إِلْسَامٍ مِّنْ عُنْقِهِ" <sup>493</sup>	<i>Tawjihat Nabawiyyah ‘ala al-Tariq</i>
2	"عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ، وَهُوَ مِنَ الْإِنْتَنِينِ" <sup>494</sup>	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīl al-Sāḥabah</i>

<sup>493</sup> **Takhrij Hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dā’ud di dalam Sunannya, Kitāb al-Sunnah, Bāb fī Qatl al-Khawārij, no hadith 4758. Hadith ini dihukum dengan status : *Ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Sulaymān bin al-Aṣy’ath bin Ishāq, Abū Dā’ud al-Sijistānī, *Sunan Abī Dā’ud*, tahqiq: Muḥammad Muhyi al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, (Beirūt : al-Maktabah al-‘Aṣriyyah: t.t), 4:241. Lihat juga Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syārīf*, 1573. Hadith ini dinilai saih oleh al-Albānī di dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Da’ud*. Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Da’ud*, 3:167. **Terjemahan Hadith :** Daripada Abu Dhar r.a katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda “Sesiapa yang memisahkan diri dari jamaah walaupun sejengkal maka bererti dia telah melepaskan ikatan Islam dari tengukunya”.

<sup>494</sup> Hadith ini dengan matan lengkapnya seperti mana berikut :

عَنْ أَبِي عُمَرْ قَالَ: حَصَبَنَا عُمَرْ بِالْجَابِيَّةِ فَقَالَ: يَا أَهْلَهَا النَّاسُ، إِنِّي قُمْتُ فِي كُمَّ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا فَقَالَ: أَوْصِيَّكُمْ بِالْأَخْحَادِيِّ وَسَلَّمَ فِيمَا فَقَالَ: الَّذِينَ يَلُوْنَهُمْ، لَمْ يَنْشُوا الْكَذِيبَ حَتَّى يَخْلُفُوهُ، وَيَشْهَدُ الشَّاهِدُ وَلَا يَسْتَهْدِهُ، أَلَا لَا يَخْلُونَ بِرْخَلَ يَأْمُرُهُ إِلَّا كَانَ تَائِيَهُمَا الشَّيْطَانُ، عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ، وَهُوَ مِنَ الْإِنْتَنِينِ، مَنْ أَزَّهُ بِمُتْبَوِّحَةِ الْمَحَاجَةِ فَلُبْلَاجُهُ الْجَمَاعَةُ، مَنْ سَرَّهُ حَسْنَتُهُ وَسَاءَتُهُ سَيْئَتُهُ فَلِكُمُ الْمُؤْمِنُونَ.

**Takhrij Hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī di dalam Sunannya, Kitab *Abwāb al-Fitan*, Bab Mājā‘a fī Luzūm al-Jamā‘ah, no hadith 2165. Al-Albānī menilai hadith ini dengan hadith : *Ṣaḥīḥ*. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, tahqiq dan *ta’līq* Ahmad Muḥammad Syākir, Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, Ibrāhīm Atwah Iwad, cet. ke-2, (Kaherah : Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī : 1975), 4:465. Lihat juga Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syārīf*, 1869. **Terjemahan Hadith :** Daripada Ibn Umar r.a katanya : Umar telah menyampaikan khutbah kepada kami di al-Jabiyah dengan berkata : Wahai sekalian manusia, sesungguhnya saya berdiri disini sepertimana kedudukan Rasulullah SAW bersama kita lantas bersabda “Saya berwasiat kepada kalian dalam urusan sahabku, kemudian orang-orang setelah mereka (*Tabi‘in*) dan orang-orang setelah mereka (*Tabi‘ Tabi‘in*). Kemudian tersebarinya kedustaan sehingga seseorang akan bersumpah tanpa diminta dan memberikan persaksian tanpa diminta. Tidak akan bersendirian diantara seorang lelaki dan perempuan

3	..وَأَمْرُكُم بِالسَّمْعِ وَالظَّاعَةِ، وَالْمُجْرَةِ، وَالْجِهَادِ، وَالْجَمَاعَةِ، فَإِنَّ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شِبْرًا فَمَاتَ، إِلَّا كَانَتْ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً.. <small>495</small>	<i>Āfāt 'ala al-Tariq.</i>
---	---	----------------------------

**Jadual 22 : Hadith-Hadith Berkaitan “Pemerkasaan ‘Amal Jamā‘ī” Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ**

‘Amal Jamā‘ī (*team work*) di dalam gerakan dakwah boleh dianggap sebagai rukun dan menjadi suatu kemestian dalam menggerakkan kerja dakwah dan tarbiah. Sayyid Muhammad Nūḥ banyak menekankan tentang ‘amal jamā‘ī di dalam karya-karya beliau. Di dalam kitab *Tawjihāt Nabawiyyah ‘Ala al-Tariq*, hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ sepetimana di dalam jadual 22 di atas. Hadith tersebut berkaitan ancaman bagi mereka yang menjauhi kehidupan bersama jamaah. Di dalam huraihan terhadap hadith ini, Sayyid Muhammad Nūḥ menjelaskan secara terperinci tentang kepentingan berjemaah dengan mengemukakan beberapa perbincangan seperti berikut :

---

kecuali yang ketiganya adalah syaitan. Hendaklah kalian berpegang kepada jamaah dan jangan sesekali berpecah belah, kerana syaitan akan bersama mereka yang bersendirian dan syaitan akan lebih jauh jika berdua. Sesiapa yang inginkan bahagian di tengah syurga maka berpeganglah kepada jamaah. Sesiapa yang merasai keseronokan ketika melakukan kebaikan dan merasai kegelisahan (*susah hati*) ketika melakukan kejahatan maka itulah seorang mukmin”.

<sup>495</sup> **Takhrij Hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imām Aḥmad di dalam Musnadnya, Kitab Musnad al-Anṣār, Hadith Abī Mālik al-Asy‘arī, no hadith 22910. Menurut Syu‘ayb al-Arnā’ūt et.al, sanad hadith ini adalah sahih. Abd Allah di dalam sanad hadith ini adalah Abd Allāh bin al-Mubārak. Lihat Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *al-Mawsū‘ah al-Ḥadīhiyyah Musnad Aḥmad bin Ḥanbal*, ed. Syu‘ayb al-Arnā’ūt et.al, (Beirût: Muassasah al-Risālah: 2001), 37:543. **Terjemahan Hadith :** “..dan aku memerintahkan kamu semua supaya mendengar dan taat, berhijrah dan berjihad serta berjemaah. Sesiapa yang memisahkan diri daripada jamaah walalupun sejengkal kemudian dia meninggal dunia melainkan dia mati dalam keadaan jahiliyyah”. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Bukhari dengan makna yang sama seperti mana matan hadith berikut :

مَنْ رَأَى مِنْ أَمْرِهِ شَيْئًا يَكْرَهُهُ فَلَا يُصْبِرُ عَلَيْهِ فَإِنَّهُ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ شِبْرًا فَمَاتَ إِلَّا مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

**Takhrij Hadith :** Lihat Muḥammad bin Ismā‘il Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, 9:47. Ṣaḥīḥ Bukhārī, *Kitāb al-Fitan*, Bāb Qawl al-Nabi SAW “Satarawna Ba‘dī Umūran Tunkirūnahā”, no hadith 7054. Lihat juga Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syarīf*, 589. **Terjemahan Hadith :** “Sesiapa yang melihat daripada ketuanya sesuatu yang dibencinya hendaklah dia bersabar kerana bagi sesiapa yang memisahkan diri daripada jamaah kemudian dia meninggal dunia melainkan dia meninggal dalam keadaan jahiliyyah”.

- 1) Peranan Jamaah dalam kehidupan seorang muslim.
- 2) Melazimi jamaah dari sudut pandangan Islam.
- 3) Beberapa salah faham terhadap melazimi jamaah dan perbincangan atas salah faham ini.
- 4) Sifat-sifat penting sebuah jamaah yang patut diikuti dan dilazimi.<sup>496</sup>

Sayyid Muhammad Nūḥ menyebutkan bahawa gerak kerja secara berjemaah (‘*amal jamā’ī*) adalah merupakan suatu kemestian kerana keperluan kehidupan yang menuntut perkara tersebut diwujudkan dan direalisasikan.<sup>497</sup> Hadith ini dapat difahami berkaitan seruan Nabi SAW supaya melazimi jamaah dan tidak memisahkan diri darinya.<sup>498</sup> Banyak kebaikan yang akan diperolehi sekiranya seorang pendakwah dapat melakukan kerja dakwah secara berjemaah. Seorang pendakwah tidak mampu melaksanakan tanggungjawab dakwah dengan sempurna tanpa bantuan dan kerjasama dari individu yang lain. Sayyid Muhammad Nūḥ menyebutkan contoh dakwah baginda SAW, iaitu pada permulaan dakwahnya, baginda berusaha untuk mencari bantuan dan pertolongan demi untuk menjalankan tanggungjawab yang besar ini.<sup>499</sup> Baginda SAW menyeru – ketika musim haji, dan semasa di pasar awam (pasar Ukaz dan lain-lain)- memohon bantuan orang ramai: “..tidakkah ada individu yang boleh membawaku kepada kaumnya sehingga aku dapat menyampaikan risalah Tuhanmu, sesungguhnya orang Quraisy telah menghalang aku untuk aku menyampaikan risalah

---

<sup>496</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1&2:120-153.

<sup>497</sup> *Ibid.*, 119.

<sup>498</sup> *Ibid.*

<sup>499</sup> *Ibid.*, 136.

*Tuhanku?*”<sup>500</sup> Ini adalah sunnah yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan risalah Islam dengan melaksanakannya secara *jamā’i*.<sup>501</sup>

Fathī Yakan turut menyebutkan bahawa salah satu sifat individu yang hidup untuk Islam ialah “*Berlitzam dengan kerja-kerja Islam dan amal jamā’i*”.<sup>502</sup> Beliau menegaskan bahawa apabila seseorang telah mengaku sebagai seorang muslim, maka wajib baginya bekerja untuk Islam serta bekerja dalam satu jamaah.<sup>503</sup> Menjadi keperluan untuk bekerjasama dengan pendakwah lain yang menyeru kepada Allah, dan menyuruh kepada kebaikan serta mencegah daripada keburukan (kemungkaran).<sup>504</sup>

Jamaah Ikhwanul Muslimin sangat menekankan konsep ‘*amal jamā’i*’, malah ianya merupakan perkara paling asas dalam tarbiah jamaah ini.<sup>505</sup> Jum‘ah Amin di dalam kitabnya “Metode Pemikiran al-Banna Antara Tetap & Berubah” menyebutkan berkaitan realiti kehidupan kini telah membuktikan bahawa pekerjaan yang mendatangkan hasil yang lumayan ialah kerja yang dilakukan secara kolektif.<sup>506</sup> Antara yang lain beliau menegaskan bahawa bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi, lemah apabila berseorangan, dan kuat tatkala ramai serta kerja yang besar dan berat tidak dapat dilaksanakan kecuali melalui gabungan tenaga dan usaha.<sup>507</sup> Firman Allah Taala dalam Surah al-Şaf ayat ke 4:

---

<sup>500</sup> *Ibid.*

<sup>501</sup> *Ibid.*

<sup>502</sup> Fathi Yakan, *Apa Erti Saya Bergabung Dalam Gerakan Islam*, 19.

<sup>503</sup> *Ibid.*

<sup>504</sup> *Ibid.*

<sup>505</sup> ‘*Amal Jamā’i* juga merupakan salah satu dari sepuluh unsur tetap dalam Jamaah Ikhwan. Lihat Jum‘ah Amin, *Method Pemikiran al-Banna : Antara Tetap dan Berubah*, terj. Mohd Hazizi Abd Rahman, (Kajang; Berkat Ikhwah: 2001), 31.

<sup>506</sup> *Ibid.* 42.

<sup>507</sup> *Ibid.*

إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الظَّالِمِينَ يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوهُمْ بُنَيْنٌ

مرصوص

Al-Saf 61 : 4

Terjemahan : Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela ugama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.

Jika dilihat lebih dari itu, realiti musuh juga menuntut kita melakukan ‘*amal jamā’i*. Musuh tidak bekerja secara individu atau dalam kelompok yang berpecah-pecah. Sebaliknya mereka mempunyai susunan organisasi dengan struktur, sistem dan kepimpinan di semua peringkat, tempatan, serantau dan antarabangsa. Justeru, kita wajib memerangi mereka dengan cara yang sama, iaitu ‘*amal jamā’i*.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي

الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ

Al-Anfal 8 : 73

Terjemahan : Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan Pembela bagi setengahnya yang lain. jika kamu (Wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu-membantu sesama sendiri yang diperintahkan oleh Allah) itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar.

Maksudnya, jika kamu tidak bersatu dan saling bantu membantu nescaya akan berlaku fitnah dan kerosakan yang besar di atas muka bumi. Sememangnya tiada kerosakan yang

lebih besar apabila kekuatan kufur bersatu manakala kekuatan Islam berpecah belah.<sup>508</sup> Di dalam kitab *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Šāhābah*, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut menekankan aspek kepentingan ‘*amal jamā’i* ini. Antara hadith yang dihuraikan dalam menekankan aspek ‘*amal jamā’i* ini ialah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar r.a. seperti mana di dalam jadual di atas. Tajuk perbincangan yang dikemukakan beliau ketika menghuraikan hadith tersebut iaitu berkaitan akhlak para sahabat yang sentiasa menjaga kesatuan serta jamaah dan menjauhi perpecahan dan pertelingkahan.<sup>509</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ menegaskan bahawa kemenangan yang diraih oleh para sahabat salah satunya adalah melalui akhlak dalam melaksanakan kewajipan secara jamaah dan menghindari perpecahan di kalangan mereka.<sup>510</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitab *Āfāt ‘ala al-Tariq*, ketika menghuraikan tajuk *al-futūr* (terhenti dan melengah-lengah), beliau menyebutkan antara sebab berlakunya sifat *al-futūr* ialah seseorang muslim lebih memilih untuk beruzlah dan menjauhi jamaah.<sup>511</sup> Antara hadith yang dikemukakan Sayyid Nūḥ ketika menghuraikan topik tersebut iaitu hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥārith al-Asy‘arī r.a. seperti mana di dalam jadual di atas. Beliau menyebutkan bahawa jalan dakwah adalah suatu proses yang panjang, berperingkat-peringkat, penuh dengan ujian yang memerlukan kepada kekuatan gerak kerja secara kolektif (*Jamā’i*).<sup>512</sup> Seorang muslim yang bersendirian juga akan merasai kekuatan apabila berada dalam kelompok jamaah. Perasaan sentiasa segar dan cergas, serta mampu memupuk keazaman yang benar dan kemahuan yang tinggi apabila bersama-sama di dalam

<sup>508</sup> Jum‘ah Amin, *Method Pemikiran al-Banna : Antara Tetap dan Berubah*, 43.

<sup>509</sup> Sayyid Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Šāhābah*, 59.

<sup>510</sup> *Ibid.*

<sup>511</sup> Sayyid Nūḥ, *Āfāt ‘ala al-Tariq*, 1:12.

<sup>512</sup> *Ibid.*

jamaah. Juga di sebaliknya, apabila seseorang sentiasa memilih untuk bersendirian dan menjauhi jamaah, semangat kekuatan dan kecergasannya turut akan luntur yang boleh membawa kepada sikap *al-futūr* dalam gerak kerja Islam.<sup>513</sup>

Berdasarkan bukti-bukti huraian dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ tersebut dapat disimpulkan bahawa, Sayyid Muḥammad Nūḥ sering kali mengemukakan huraian terhadap hadith-hadith dalam konteks memperkasakan ‘*amal jamā’ī* di dalam gerak kerja Islam. Penekanan terhadap konsep ‘*amal jamā’ī* ini adalah berasaskan kepada tarbiah yang wujud di dalam gerakan dakwah semasa. Hadith-hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam mengenengahkan konsep ‘*amal jamā’ī* ini kebanyakannya menyeru ke arah kehidupan berjemaah dan menjauhi sikap beruzlah atau bergerak secara bersendirian terutamanya dalam menggerakkan kerja-kerja dakwah yang besar ini dan memang memerlukan gerak kerja secara kolektif dan *jamā’ī*.

### 3.1.5.4 *Fiqh al-Wāqi‘*

No	Matan Hadith	Hadith di dalam karya Sayid Muḥammad Nūḥ
1	"مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ قِيدَ شِبْرٍ فَقَدْ خَلَعَ رِنْقَةَ الإِسْلَامِ مِنْ عُنْقِهِ" <sup>514</sup>	<i>Tawjīhat Nabawiyah ‘ala al-Tariq</i>
2	"...شَكَوْتَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, وَهُوَ مُتَوَسِّدٌ بُزْدَهَ لَهُ فِي ظِلِّ الْكَعْبَةِ.." <sup>515</sup>	<i>Āfāt ‘ala al-Tariq.</i>

**Jadual 23 :** Hadith-Hadith Berkaitan “*Fiqh al-Wāqi‘*” Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

<sup>513</sup> *Ibid.*

<sup>514</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan sebelum ini pada nota kaki bernombor 493. Sila rujuk nota kaki tersebut.

<sup>515</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan sebelum ini pada nota kaki bernombor 427. Sila rujuk nota kaki tersebut.

Di dalam kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Ṭariq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ membahaskan pada hadith yang ke 21 berkaitan aspek jamaah dan ancaman terhadap mereka yang meninggalkan jamaah. Sayyid Muḥammad Nūḥ telah memperincikan huraihan terhadap hadith ini. Beliau menyebutkan ciri-ciri penting sebuah jamaah yang patut diikuti dan dilazimi. Salah satu ciri penting yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ tersebut iaitu jamaah yang mengikuti jalan dan petunjuk dari ajaran Rasulullah SAW ketika membebaskan kehidupan manusia dan membina hukum Allah di atas muka bumi ini.<sup>516</sup> Menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, salah satu manhaj yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwah ialah manhaj yang digerakkan dengan penuh perancangan dan teliti serta dibina di atas kajian yang mendalam. Selain itu, manhaj Rasulullah SAW juga adalah dengan memahami keadaan setempat (*wāqi’*) yang digerakkan dakwah tersebut secara berterusan serta berinteraksi dengan *wāqi’* tersebut dengan petunjuk dan bimbingan manhaj yang ditetapkan oleh Allah SWT.<sup>517</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ melalui huraihan terhadap hadith ini menyifatkan gerak kerja dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah SAW adalah begitu strategi dengan memahami keadaan setempat serta kajian terhadap latar belakang masyarakatnya agar dakwah yang dijalankan dapat diterima dengan baik dan digerakkan secara lebih berkesan.

Di dalam karya beliau yang lain, Sayyid Muḥammad Nūḥ banyak menekankan aspek perancangan (*takhtiṭ*) dalam gerak kerja dakwah. Aspek memahami keadaan latar belakang dan kondisi (*fiqh al-wāqi’*) sesuatu tempat itu adalah merupakan sebahagian dari gerak kerja dan perancangan yang teliti sepertimana yang disarankan oleh Sayyid Muḥammad

<sup>516</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyyah*, 147-150.

<sup>517</sup> *Ibid*, 150-151.

Nūḥ tersebut. Sesuatu gerak kerja dakwah akan lebih bermakna jika diadun dengan pemahaman terhadap kondisi dan *fiqh al-wāqi‘* sesebuah masyarakat. Di dalam kitab *Āfat ‘Ala al-Tariq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ membuat huraian terhadap topik “*al-isti‘jāl*” iaitu sifat tergesa-gesa yang memberi kesan negatif kepada gerak kerja dakwah. Hadith yang dikemukakan dalam memahami aspek *al-isti‘jāl* ini ialah hadith yang diriwayatkan oleh Khabbāb bin al-Arat yang mengadu kepada Rasulullah SAW perihal seksaan kaum musyrikin terhadap umat Islam. Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam huraian terhadap salah satu cara dalam mengatasi sifat *al-isti‘jāl* yang dikemukakan oleh beliau iaitu dikaitkan dengan kepentingan memahami kondisi sesebuah masyarakat atau komuniti yang ingin disampaikan dakwah tersebut (*fiqh al-wāqi‘*).<sup>518</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan salah satu cara dalam mengubati penyakit *al-isti‘jāl* ialah gerak kerja dakwah yang dijalankan dengan penuh perancangan dan program yang jelas pelaksanaannya serta memiliki objektif tertentu.<sup>519</sup>

Selain itu, Sayyid Muḥammad Nūḥ juga mengemukakan beberapa sebab yang lain menyebutkan tentang faktor berlakunya sifat *al-Isti‘jāl* yang boleh dikaitkan dengan perbincangan *fiqh al-wāqi‘* ini. Antaranya disebabkan penggunaan wasilah atau cara yang tidak difikirkan natijahnya dalam menyelesaikan sesuatu masalah masyarakat.<sup>520</sup> Perkara ini akan menyebabkan berlakunya sifat *al-isti‘jāl* sekaligus menggambarkan pendekatan yang tidak mengkaji *fiqh al-wāqi‘* dengan baik. Di samping itu, sebab yang lain disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ berkaitan kejahilan di dalam mencari jalan penyelesaian

---

<sup>519</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Afāt ‘ala al-Tariq*, 1:61-62.

<sup>520</sup> *Ibid*, 61.

setelah berleluasanya kemungkaran yang berlaku di dalam masyarakat.<sup>521</sup> Kejahilan dalam mencari jalan penyelesaian ini adalah gambaran terhadap *fiqh al-wāqi‘* yang tidak dikuasai dengan sebaik mungkin dalam penyelesaian permasalahan yang timbul tersebut.

Sebagai kesimpulannya, Sayyid Muḥammad Nūḥ amat menekankan aspek *fiqh al-wāqi‘* ini sebagai salah satu pendekatan yang penting dalam pelaksanaan gerak kerja dakwah. Pendekatan dakwah yang digerakkan atas dasar pemahaman ilmu dan penguasaan terhadap *fiqh al-waqi‘* ini sebagai salah satu aspek penting dalam memberikan jalan penyelesaian yang terbaik terhadap permasalahan yang timbul di dalam masyarakat dan mampu menatihahkan hasil dakwah yang lebih cemerlang.

### 3.1.5.5 Mengenali Agenda Musuh Islam :

No	Matan Hadith	Hadith di dalam karya Sayyid Muḥammad Nūḥ
1	"مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ قِيَدَ شِبْرٍ فَقَدْ خَلَعَ رِنْقَةَ الإِسْلَامِ مِنْ عُنْقِهِ" <sup>522</sup>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah 'ala al-Tariq</i>
2	"..عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ، وَهُوَ مِنَ الْأَثْنَيْنِ أَبْعَد.." <sup>523</sup>	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyāl al-Šāhābah</i>
3	"..شَكَوْتَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ مُتَوَسِّدٌ بُرْدَةً لَهُ فِي ظِلِّ الْكَعْبَةِ.." <sup>524</sup>	<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>

**Jadual 24 :** Hadith-Hadith Berkaitan “Mengenali Agenda Musuh Islam” Dalam Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ

<sup>521</sup> *Ibid*, 58.

<sup>522</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan sebelum ini pada nota kaki **no 493**. Sila rujuk kembali pada nota kaki tersebut untuk maklumat perincian dan lanjutan.

<sup>523</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan sebelum ini pada nota kaki **no 494**. Sila rujuk kembali untuk maklumat lanjut.

<sup>524</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan sebelum ini pada nota kaki **no 427**. Sila rujuk kembali pada nota kaki tersebut untuk perincian dan maklumat lanjut.

Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam beberapa karyanya banyak menekankan tentang perihal musuh-musuh Islam dan agenda mereka dalam menghadapi umat Islam. Beliau mengingatkan anggota gerakan dakwah supaya mengambil sikap berhati-hati dan peka terhadap perkembangan musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari peluang dan ruang untuk melakukan tindakan dan serangan ke atas umat Islam. Malah antara perkara yang malang dan situasi yang menyediakan sekiranya kesatuan berlaku dikalangan anggota-anggota musuh Islam dan perpecahan serta perbalahan pula berlaku dikalangan umat Islam.

Di dalam kitab *Tawjīhat Nabawiyyah ‘ala al-Ṭarīq*, contoh huraian hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam isu mengenai agenda musuh-musuh Islam ini iaitu ketika perbincangan di dalam hadith yang menyarankan supaya seorang muslim sentiasa berada di dalam jamaah dan ancaman terhadap mereka yang menjauhi diri dari jamaah seperti mana hadith di dalam jadual di atas. Ketika menyentuh mengenai peranan jamaah dalam kehidupan seorang muslim, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut menyebutkan mengenai agenda musuh-musuh Islam ini.<sup>525</sup> Beliau menyebutkan bahawa peranan sesebuah jamaah dalam kehidupan seorang muslim ialah meniupkan semangat dan harapan dalam bergerak ke arah penyebaran Islam serta menghadapi segala cabaran dan perancangan musuh dengan penuh kekuatan.<sup>526</sup> Ini kerana mereka yang bergerak secara bersendirian, apabila melihat kekuatan musuh dengan segala kecanggihan teknologi dan perancangan jahat mereka, kemungkinan sifat putus asa akan timbul dalam diri seorang

---

<sup>525</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīħat Nabawiyyah*, 1&2: 129.

<sup>526</sup> *Ibid.*

pendakwah. Tetapi bagi pendakwah yang bergerak dalam jamaah dan bekerja dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah secara kolektif, sifat-sifat negatif seperti putus asa dan lemah semangat dalam menghadapi cabaran musuh akan dapat ditangani dengan baik.<sup>527</sup> Ini adalah antara huraian yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika membahaskan perbincangan mengenai hadith dari kitab *Tawjīhat Nabawiyyah* berkenaan saranan supaya sentiasa melazimi jamaah dalam kehidupan seorang pendakwah. Jelas di dalam huraian tersebut bahawa Sayyid Muḥammad Nūḥ turut mengingatkan tentang perihal musuh-musuh Islam yang bekerja siang dan malam dalam menghadapi kebenaran Islam dan umatnya.

Perkara yang sama ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam kitabnya, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyl al-Šahābah*. Ketika membahaskan salah satu akhlak kemenangan para sahabat, iaitu “*Sentiasa Berada dalam Kesatuan dan Jamaah*”, beliau menyebutkan beberapa hadith dalam huraian mengenai tajuk tersebut antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar seperti mana di dalam jadual di atas. Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan beberapa panduan dan langkah ke arah merealisasikan kesatuan dan pembentukan jamaah pada masa kini bagi meraih kemenangan seperti mana yang telah diraih oleh para sahabat r.a. Antara yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ berkaitan panduan tersebut iaitu beliau mengajak supaya meneliti tentang hakikat musuh-musuh Islam kini yang sentiasa bersatu dan berusaha untuk saling mengadakan perbincangan dan perjumpaan di samping melakukan kesepakatan dalam beberapa bidang seperti ketenteraan, perniagaan dan politik.<sup>528</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan bahawa walaupun musuh-musuh Islam ini

---

<sup>527</sup> *Ibid*, 129-130.

<sup>528</sup> Sayyid Nuh, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyl al-Šahābah*, 65.

berada di pihak kebatilan, malah perselisihan di antara mereka juga menyentuh dari sudut kepercayaan dan perbezaan akidah, tetapi mereka tetap melakukan kesepakatan dan mampu untuk melakukan rundingan sesama mereka.<sup>529</sup> Realiti ini menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, jika diteliti dan direnungi oleh umat Islam yang memiliki akal yang waras dan jiwa yang hidup mampu membawa kesedaran ke arah kesepakatan dan kesatuan di antara umat Islam.<sup>530</sup>

Di dalam kitab *Afāt ‘ala al-Tariq*, ketika membahaskan tentang tajuk *al-Isti’jāl*, Sayyid Muḥammad Nūḥ turut menyentuh mengenai situasi musuh-musuh Islam, serta agenda dan pendekatan mereka yang tidak dikaji oleh umat Islam sehingga membawa kepada berlakunya sikap *al-Isti’jāl*.<sup>531</sup> Hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam membahaskan berkaitan penyakit *al-Isti’jāl* ini iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Khabbāb bin al-Arat r.a. seperti mana di dalam jadual di atas. Beliau menyebutkan, kedudukan musuh-musuh Islam ketika ini berada di tahap penguasaan yang lebih tinggi dari umat Islam. Mereka menguasai pemerintahan dan kebanyakan negara-negara Islam di bawah penguasaan mereka. Gerak kerja yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam juga lebih mendepani gerak kerja Islam sehingga mereka mampu memadamkan suara-suara kebenaran di kebanyakan tempat dan negara.<sup>532</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ seterusnya mengemukakan contoh realiti yang membuktikan wujudnya agenda jahat musuh-musuh Islam terhadap umat Islam. Antara contoh realiti

---

<sup>529</sup> *Ibid*, 65.

<sup>530</sup> *Ibid*, 65-66.

<sup>531</sup> Sayyid Nūḥ, *Afāt ‘ala al-Tariq*, 1:57-58.

<sup>532</sup> *Ibid*.1:57.

tersebut iaitu Gerakan Zionis Israel yang dahulunya hanyalah suatu pemikiran dan ideologi, namun pada hari ini ideologi tersebut sudah menjadi realiti yang telah menguasai tanah umat Islam Palestin. Selain itu, gerakan ini mempunyai strategi yang lebih luas untuk menguasai negara-negara arab yang lain agar mimpi dan ideologi Zionis mereka menjadi realiti iaitu “*Negara Israel bermula dari Sungai Nil hingga ke Sungai Furāt*”.<sup>533</sup>

Berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan ini dapat disimpulkan bahawa antara perbincangan yang diketengahkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam huraian hadith-hadith di dalam karya-karyanya adalah mengenai agenda musuh-musuh Islam yang perlu diambil perhatian dan peka terhadap pendekatan mereka dalam usaha memusuhi Islam dan umatnya. Gerakan-gerakan dakwah perlu mengkaji agenda-agenda jahat musuh-musuh Islam ini sebagai langkah berhati-hati di samping mampu mengatur langkah strategi yang lebih berkesan dalam menghadapi tekanan dan perancangan jahat musuh-musuh Islam tersebut.

### 3.1.5.6 Politik dan Kekuasaan :

No	Matan Hadith	Hadith di dalam karya Sayid Muḥammad Nūḥ
1	"مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ قِيَدَ شَبَرٍ فَقَدْ خَلَعَ رِنْقَةَ الإِسْلَامِ مِنْ عُنْقِهِ" <sup>534</sup>	<i>Tawjīhat Nabawiyyah 'ala al-Tariq</i>
2	"..عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ، وَهُوَ مِنَ الْأَثْنَيْنِ أَبْعَدَ.." <sup>535</sup>	<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>

<sup>533</sup> Sayyid Nūḥ, *Afāt 'ala al-Tariq*, 1:57.

<sup>534</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan dan diterjemahkan sebelum ini pada nota kaki no 493. Sila rujuk nota kaki tersebut.

3	..شَكُونَاتٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ مُتَوَسِّدٌ بُرْدَةً لَهُ فِي ظِلِّ الْكَعْبَةِ.. <sup>536</sup>	<i>Min Akhlāq al-Naṣr fi Jiyl al-Šahābah</i>
---	--	--

**Jadual 25** : Hadith-Hadith Berkaitan “*Politik dan Kekuasaan*” Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ

Di dalam kitab *Tawjīhat Nabawiyyah ‘ala al-Tariq*, Sayyid Muḥammad Nūḥ menyentuh beberapa huraian terhadap “*Hadith Jamaah*” yang menunjukkan kepada unsur politik dan kekuasaan di dalam huraian hadith tersebut. Beliau mengemukakan perbahasan bertajuk “*Kewajipan Melazimi Jamaah Dalam Perspektif Islam*” dan menyebutkan beberapa dalil *syara‘* selain dari ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi SAW yang menekankan tentang kelaziman berada di dalam jamaah. Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan bahawa manhaj yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dalam menguatkan negara Islam pertama dan keteguhan (*al-tamkīn*) untuk agama Allah di atas muka bumi ini adalah bermula dengan membentuk jamaah atau kelompok yang akan menyokong pembinaan negara Islam kelak. Perkara inilah yang ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ketika menyebutkan manhaj Rasulullah SAW dalam pembinaan kerajaan Islam di Madinah bermula dari pembinaan jamaah dan kelompok pendokong yang telah membantu proses pembinaan negara Islam tersebut.<sup>537</sup>

---

<sup>535</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan dan diterjemahkan sebelum ini pada nota kaki **no 494**. Sila rujuk kembali untuk maklumat lanjut.

<sup>536</sup> Hadith ini telah ditakhrijkan dan diterjemahkan sebelum ini pada nota kaki **no 427**. Sila rujuk kembali pada nota kaki tersebut untuk perincian dan maklumat lanjut.

<sup>537</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhat Nabawiyyah*, 1& 2 :135-136. Selain itu, Sayyid Muḥammad Nūḥ amat menekankan aspek pembinaan kelompok pendokong ini sebelum dari pembinaan negara Islam iaitu ketika beliau menyebutkan metode Rasulullah SAW dalam menegakkan hukum Allah di atas muka bumi ini, antara yang utama dinyatakan oleh beliau ialah proses mencari dan bekerja ke arah mewujudkan individu-individu muslim yang dididik dengan didikan Islam serta menghimpunkan segala unsur kebaikan dan menjauhi segala ciri-ciri kejahanan di samping berkeahlian dalam mendapatkan bantuan dan kemenangan dari Allah s.w.t. *Ibid*, 150.

Perkara ini selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Tawfiq al-Wā'i mengenai *al-dawlah al-Islāmiyyah* (Kerajaan Islam) yang dikaji dari perspektif *turāth* dan semasa. Beliau menyimpulkan tiga rukun utama dalam pembinaan kerajaan Islam, iaitu **rukun pertama**, *tarbiyah al-sya'ab* atau pembinaan kelompok rakyat pendokong yang dididik dengan keimanan atau disebut sebagai *qa'idah sulbah*,<sup>538</sup> **rukun kedua**, pencarian tanah atau kawasan dalam pembinaan *al-dawlah* (kerajaan Islam), **rukun ketiga**, perlombagaan dan undang-undang. Rukun pertama yang disebutkan oleh Tawfiq al-Wā'i adalah selari dengan maksud pembinaan jamaah yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ sebelum pembinaan *al-dawlah Islamiyyah*.

Huraian terhadap hadith tersebut yang turut menyentuh tentang perihal pembinaan kerajaan Islam adalah bagi menekankan tentang kekuatan sesebuah kerajaan Islam adalah bermula dengan didikan setiap individu untuk berada di dalam jamaah dan kesatuan. Kekuasaan politik juga akan menjadi lemah jika jamaah yang dibentuk tiada daya kekuataannya dari sudut kesatuan dan kesefahaman. Oleh yang demikian, salah satu perkara yang diketengahkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ melalui huraian terhadap hadith melazimi jamaah ini ialah berkaitan kekuasaan politik dan manhaj Rasulullah SAW dalam pembinaan negara Islam bermula dengan pembinaan jamaah.

Selain itu, perbahasan yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam huraian terhadap hadith yang sama di bawah tajuk “*Ciri-ciri Penting Sebuah Jamaah Yang Patut Diikuti*” telah menyebutkan ciri keduanya berkaitan dengan politik dan kekuasaan iaitu “..mengikuti jalan yang sama yang pernah dilalui oleh Rasulullah SAW dalam usaha

---

<sup>538</sup> Lihat definisi *qa'idah sulbah* yang telah disebutkan sebelum ini pada nota kaki **no 78**.

*membebaskan kehidupan manusia dan menegakkan hukum Allah di atas muka bumi.. ”*<sup>539</sup>

Menegakkan hukum Allah di atas muka bumi tersebut adalah dengan maksud kerajaan dan pemerintahan yang memiliki kuasa dan kekuatan untuk menegakkan undang-undang Allah s.w.t dan amat berkait rapat dengan aspek politik dan kekuasaan.

Di dalam kitab *Afāt ‘ala al-Tariq*, Sayyid Nūḥ turut menyentuh perkara yang sama dan menekankan tentang manhaj yang perlu dikuasai dalam pembinaan kerajaan Islam serta pembentukan individu muslim yang perlu digarap dari manhaj yang pernah dibawa oleh Nabi SAW. Beliau menyentuh perkara tersebut ketika membahaskan tentang penyakit (*Āfah*) yang keempat bertajuk : *al-‘Uzlah* (Pengasingan diri) dari kitab *Afāt ‘ala al-Tariq*. Beliau mengemukakan hadith mengenai amaran dari Rasulullah SAW supaya tidak mengasingkan diri dari kelompok jamaah seperti mana yang telah disebutkan di dalam jadual di atas. Antara perbincangan yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ berkaitan tajuk *al-‘Uzlah* tersebut iaitu perbahasan tentang “*Kaedah dan Cara Bagi Mengatasi dan Menjauhi Sifat al-‘Uzlah*”. Antara kaedah yang ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ialah “*Menguasai hakikat manhaj yang pernah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam pembentukan dan pembinaan negara Islam pertama*”<sup>540</sup>. Melalui penguasaan hakikat manhaj tersebut, seseorang pendakwah akan dapat menghindari dari *Āfah al-‘Uzlah* dan perkara tersebut perlu bermula dengan menetapkan diri bersama jamaah terlebih dahulu sebagai mengikuti panduan dan petunjuk dari Rasulullah SAW dalam perkara ini.<sup>541</sup>

<sup>539</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1& 2 :149.

<sup>540</sup> Sayyid Nūḥ, *Afāt ‘ala al-Tariq*, 1:93.

<sup>541</sup> *Ibid.*

Begitu juga di dalam karya beliau, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyūl al-Šahābah*, Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan salah satu akhlak para sahabat yang membawa kemenangan dalam kehidupan mereka adalah keyakinan yang dibentuk di dalam diri para sahabat tentang kemenangan dan penguasaan (pemerintahan) di atas muka bumi ini yang telah dijanjikan melalui pengkhabaran oleh Allah s.w.t dan Rasul-Nya SAW. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran seperti surah al-Ṣaf ayat 8-9, Surah al-Nūr ayat 55, Surah Ghāfir ayat 51 dan Surah al-Ṣāffāt ayat 171-173 yang menyebutkan tentang janji kemenangan tersebut. Sayyid Muḥammad Nūḥ juga mengemukakan beberapa hadith Nabi SAW yang menyebutkan tentang perihal kemenangan yang mampu diperolehi oleh para sahabat sekiranya dipenuhi syarat-syarat dalam meraih kemenangan tersebut.<sup>542</sup> Menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, keyakinan yang ditanam dalam diri para sahabat ini terhadap janji Allah dan Rasul-Nya membawa kemenangan dan penguasaan mereka terhadap pemerintahan.<sup>543</sup> Kenyataan yang dibuat oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya beliau *Manhaj al-Rasūl fī Ghars*

<sup>542</sup> Selain hadith yang diriwayatkan oleh Khabbāb bin al-Arat r.a. seperti yang dinyatakan di dalam jadual 24 di atas, Sayyid Muḥammad Nūḥ juga mengemukakan beberapa hadith lain yang mengambarkan tentang kemenangan dan penguasaan umat Islam seperti mana berikut :

(1) "لَا يَرَأُلُّ نَاسٌ مِنْ أُمَّيَّةِ ظَاهِرِينَ، حَتَّىٰ يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ وَمُنْظَمُ ظَاهِرُونَ".

**Takhrij hadith :** Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari, di dalam Sahihnya, Kitab al-Manāqib, Bab..., no hadith 3640. Lihat Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz bin Ibrāhīm, *Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*, 296. **Terjemahan Hadith :** “Akan senantiasa ada sekelompok daripada ummatku yang akan tetap teguh (dengan kebenaran) sehingga datangnya perintah Allah mereka tetap teguh”.

(2) "تَكُونُ النُّبُوَّةَ فِي كُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونُ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعُهَا، ثُمَّ تَكُونُ حِلَافَةً عَلَىٰ مِنْهاجِ النُّبُوَّةِ، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونُ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَرْفَعُهَا، ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا غَاضِبًا، فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكُونَ...".

**Takhrij hadith :** Hadith ini telah disahihkan oleh al-Albānī di dalam kitab beliau, *Silsilah al-Āḥādīth al-Šāhījah*. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Āḥādīth al-Šāhījah*, cet. ke 2, (Beirūt: al-Maktab al-Islāmī: 1979), 1: 8. **Terjemahan hadith :** “Di tengah-tengah kalian terdapat zaman kenabian, atas izin Allah ia tetap ada. Kemudian Dia akan mengangkatnya jika Dia berkehendak mengangkatnya. Kemudian akan berlaku Khilafah yang mengikuti manhaj kenabian. Ia ada dan atas izin Allah ia akan tetap ada. Kemudian Dia akan mengangkatnya jika Dia berkehendak mengangkatnya. Kemudian akan ada kekuasaan (kerajaan) yang zalim. Ia juga ada dan atas izin Allah ia akan tetap ada. Kemudian Dia akan mengangkatnya jika Dia berkehendak mengangkatnya. Kemudian akan ada kekuasaan (kerajaan) diktator. Ia juga ada dan atas izin Allah ia akan tetap ada. Selanjutnya akan ada kembali khilafah yang akan mengikuti manhaj kenabian” Baginda SAW kemudiannya diam.

<sup>543</sup> Sayyid Nūḥ, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyūl al-Šahābah*, 124.

*Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih* ini menggambarkan tentang konsep politik dan kekuasaan yang turut ditekankan di dalam huraiān berkaitan pemahaman *harakah* dan konsep gerakan dakwah.

Dari beberapa huraiān yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karyakaryanya ini menunjukkan bahawa beliau tidak menyebut secara khusus istilah *siyāsi* (politik), namun perkara yang banyak dikaitkannya adalah aspek ‘*amal jamā’i* dalam perancangan menuju ke arah pembentukan sistem politik dan pembinaan negara yang tertegak di dalamnya syariat Islam. Pemikiran dakwah yang dikemukakan oleh beliau jelas berdasarkan prinsip *al-haraki* yang menunjukkan bahawa politik dan kekuasaan merupakan salah satu peringkat (*marhalah*) yang perlu dilalui oleh sesebuah gerakan dakwah. Perkara ini selaras dengan *marātib al-‘amal* yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna di dalam Himpunan Risalahnya (*Majmū‘ah al-Rasā’il*).<sup>544</sup>

---

<sup>544</sup> Berkaitan *marātib al-‘amal* ini, telah dinyatakan sebelum ini pada nota kaki 95. Sila rujuk nota kaki tersebut.

### 3.2 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan terhadap analisis dan perbincangan yang dikemukakan berdasarkan hadith-hadith dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ ini, jumlah keseluruhan hadith yang dianalisis adalah sebanyak 41 hadith. Jumlah ini adalah termasuk beberapa hadith yang dikemukakan secara berulang. Di dalam jadual berikut dinyatakan teks hadith beserta elemen *al-ḥaraki* yang terdapat di dalam karya Sayyid Muḥammad Nūḥ.

No	Elemen <i>Haraki</i>	Prinsip Dakwah dan Isu-Isu <i>Haraki</i> Dalam Karya-Karya Sayyid Nūḥ	Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ	Hadith-Hadith di Dalam Karya Sayyid Nūḥ	Bilangan Hadith
1	<i>Jasadiyyah</i>	Keperluan <i>Riyādah</i> dan <i>Tamrīn</i>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq</i>	"المؤمن القوي خير.."	6 hadith
			<i>Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyl al-Saḥābah</i>	"إرموا بني إسماعيل، فإن آباكم كان راميا.."	
		Keazaman ( <i>Azīmah</i> ), Cita-cita ( <i>himmah</i> ) dan Kekekalan ( <i>al-Thabāt</i> )	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	"المؤمن القوي خير.."	
			<i>Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād</i>	"إن الله ليجرب أحدكم بالبلاء.."	
		Wabak <i>al-Futūr</i> (putus asa)	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	"المؤمن القوي خير.."	
			<i>Afāt ‘ala al-Tariq</i>	"...ليصل أحدكم نشاطه، فإذا فتر فليقعده"	
2	<i>Rūhiyyah</i>	Sifat <i>tajarrud</i> pada Allah	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	احفظ الله يحفظك	6 hadith
			<i>Min Akhlāq al-Naṣr</i>	"..إنما ولِي الله وصالح المؤمنين"	
		Sifat <i>Murāqabah</i> Allah	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	لأعلم أقواماً من أمري يأتون يوم القيمة بحسنات.."	
			<i>Manhaj al-</i>	يؤتى بأئمَّة أهل الدنيا	

			<i>Rasūl fī Ghars Rūh al-Jihād</i>	من أهل النار	
Kesyumulan unsur kerohanian	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	<i>Min Akhlāq al-Naṣr</i>	عن حنظلة الأسيدي قال لقني أبو بكر فقال كيف أنت يا حنظلة؟	من دعا إلى هدى كان له من الأجر	6 hadith
			جاء ثلاثة رهط إلى بيوت أزواج النبي...	من يرد الله به خيراً يفقه في الدين..	
3 <i>Thaqāfiyyah</i>	Kefahaman secara <i>wasaṭiyyah</i>	<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	"كان في بني إسرائيل رجل قتل تسعة وتسعين إنساناً		6 hadith
		<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	لا يخفر أحدكم نفسه"		
	Ilmu melahirkan keyakinan diri	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	من يرد الله به خيراً يفقه في الدين..		
		<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	"كان الرجل فيمن قبلكم يخفر له الأرض... ولكنكم تستعجلون..		
	Menjauhi sifat gopoh-gapah ( <i>al-Isti 'jāl</i> ) dengan ilmu	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	"الذى يخالط الناس ويصبر على آذاهم..		
		<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	ليس الشديد بالصرعة ما من رجل يعود مريضاً		
4 <i>Khuluqiyyah</i>	Pengurusan emosi	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	ما من رجل يعود مريضاً		6 hadith
		<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	حق المسلم على المسلم ست		
	Mementingkan <i>Silaturahim</i>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	إن العبد ليتكلم بالكلمة من رضوان الله		
		<i>Min Akhlāq al-Naṣr</i>	.."وَمَا الْأَخْرُ فَكَانَ يَمْشِي بَيْنَ النَّاسِ بِالْغَيْةِ وَالنَّمِيمَةِ"		
	Menjaga tutur kata	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>			
		<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>			
5 <i>Tanzīmiyyah wa</i>	Islam matlamat perjuangan	<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	.."فَوْلَاهُ مَا الْفَقْرُ أَحْشَى		

	<i>Siyāsiyyah</i>		"عليكم..."	
		<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	"ما لي وللنبي، وماللنبي ومالي!"	
	Mendukung prinsip <i>bay'ah</i> dan <i>syūra</i>	<i>Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād</i>	"...فَإِنَّمَا يَأْبِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِي هَذِهِ عَلَى الْإِسْلَامِ..." "...أَنْ يَأْبِي إِلَيْنَا عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فِي مِنْشَطِنَا وَمُكَرَّهِنَا وَعَسْرَنَا وَيَسْرَنَا...."	
		<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	"...أَمْشِ وَلَا تَلْتَفِتْ حَتَّى يَفْتَحَ اللَّهُ عَلَيْكُ, "... "...قَمْ يَا حَذِيفَةَ فَأَنَا بَخِيرُ الْقَوْمِ" فَلَمْ أَجِدْ بِدِ إِذْ دَعَانِي يَاسِمِي أَنْ أَقُومْ..."	
	Pemerkasaan 'amal <i>jamā'i</i>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	من فارق الجماعة شبرا فقد خلع رقة الإسلام من عنقه	17 hadith
		<i>Min Akhlāq al-Naṣr</i>	"إِيَّاكُمْ وَالْفَرَقَةِ، وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ... "	
		<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	وَأَمْرَكُمْ بِالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ، وَالْمَحْرَةِ، وَالْجَهَادِ، وَالْجَمَاعَةِ..	
	<i>Fiqh al-wāqi'i'</i>	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	من فارق الجماعة شبرا فقد خلع رقة الإسلام من عنقه	
		<i>Afāt 'ala al-Tariq</i>	"كَانَ الرَّجُلُ فِيمَنْ قَبْلَكُمْ يَغْفِرُ لَهُ الْأَرْضُ... وَلَكُمْ تَسْعَجُلُونَ"	
	Mengenali agenda musuh Islam	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	من فارق الجماعة شبرا فقد خلع رقة الإسلام في عنقه	
		<i>Min Akhlāq al-Naṣr</i>	"إِيَّاكُمْ وَالْفَرَقَةِ وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ... "	

		<i>Afāt ‘ala al-Tariq</i>	"كان الرجل فيمن قبلكم يخفر له الأرض"
Politik dan kekuasaan	<i>Tawjīhāt Nabawiyyah</i>	<i>Afāt ‘ala al-Tariq</i>	من فارق الجماعة فقد خلع رقة الإسلام من عنقه
		<i>Min Akhlāq al-Naṣr</i>	إياكم والفرقة، وعليكم باجماعة

Jumlah 41 teks hadith di dalam jadual diatas adalah termasuk bersama hadith yang berulang. Jumlah hadith yang berulang tersebut adalah sebanyak 16 teks hadith. Hadith-hadith ini diulang bagi melihat kepelbagaian di dalam ulasan yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ. Selain itu, idea-idea *harakī* yang dikemukakan dengan melihat sudut kepentingan dakwah dan gerakan Islam yang boleh diambil berdasarkan penghuraian tersebut. Secara keseluruhan dari 41 teks hadith yang telah dianalisis ini, *harakah jasadiyyah* sebanyak 6 teks hadith, *rūhiyyah* 6 teks hadith, *thaqāfiyyah* 6 teks hadith, *khuluqiyyah* 6 teks hadith dan harakah *tanzīmiyyah siyāsiyyah* sebanyak 17 teks hadith. Penulis memilih sampel hadith yang lebih banyak dari kategori *harakah tanzīmiyyah wa siyāsiyyah* bagi memfokuskan kajian terhadap *al-manhaj al-haraki* dari aspek organisasi dan politik ini. Kajian ini akan difokuskan pada perbincangan analisis *al-manhaj al-haraki* dalam bab yang keempat selepas ini. Jumlah hadith mengikut karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ pula iaitu kitab *Tawjīhāt Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* sebanyak 19 teks hadith, *Afāt ‘ala al-Tariq* 11 hadith, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyl al-Saḥābah* 7 teks hadith dan kitab *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih* sebanyak 4 teks hadith.

## **Bab Empat**

## Bab Empat

### Kajian Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Dalam Isu-Isu Semasa Gerakan Dakwah di Malaysia

#### 4.0 Pendahuluan

Setelah dikaji berkaitan teori *al-manhaj al-haraki* dalam perspektif ulasan hadith Sayyid Muhammad Nūḥ berasaskan kepada beberapa elemen *al-manhaj al-haraki*, di dalam bab ini kajian akan menumpukan berkaitan penilaian aplikasi *al-manhaj al-haraki* oleh gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani beberapa isu-isu semasa. Kajian memfokuskan dua aspek utama dalam menganalisis perbincangan terhadap isu-isu semasa ini, iaitu; 1] Isu Mempertahankan Islam di Malaysia, 2] Isu Politik Islam di Malaysia. Sebelum membahaskan secara lebih lanjut berkaitan aplikasi *al-manhaj al-haraki* ini, penulis merasakan perlu untuk dinyatakan di dalam muqaddimah bab empat ini berkaitan latar belakang pemikiran *al-manhaj al-haraki* dan penggunaan istilah ini dalam gerakan dakwah di Malaysia. Perkara ini penting sebagai gambaran awal terhadap aplikasi gerakan dakwah yang akan dibahaskan selepas ini berkaitan *al-manhaj al-haraki* dapat dikemukakan secara lebih jelas dengan mengenali latar belakang pemikiran *al-manhaj al-haraki* serta perbezaan pendekatannya dalam tiga gerakan dakwah yang dikaji, iaitu PAS, ISMA dan IKRAM. Penulis menilai bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan-gerakan dakwah ini dengan prinsip dakwah dan idea *al-haraki* yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ berdasarkan huraian hadith-hadith di dalam karya-karyanya sebagai bentuk kajian perbandingan dan cadangan penyelesaian *al-manhaj al-haraki* melalui idea *al-haraki* Sayyid Nūḥ ini terhadap beberapa isu-isu semasa yang timbul di Malaysia.

#### **4.1 Pemikiran *al-Manhaj al-Haraki* Dalam Gerakan Dakwah di Malaysia**

Istilah *al-haraki* dan *al-manhaj al-haraki* sering kali digunakan dalam gerakan dakwah dewasa ini termasuk di Malaysia sendiri. Menurut Ahmad Zaki Abd Latiff, istilah gerakan Islam atau *al-harakah al-Islamiyyah* di dalam masyarakat Melayu mula digunakan secara meluas oleh ABIM,<sup>545</sup> terutamanya dalam siri-siri Muktamar Sanawi ABIM sejak awal tahun 1970an dengan maksud jemaah dakwah yang memperjuangkan Islam sebagai *nidhām al-hayāh* (sistem kehidupan).<sup>546</sup> Menurut beliau, tokoh terawal yang memasyhurkan penggunaannya ialah Anwar Ibrahim ketika bersama dengan ABIM.<sup>547</sup> Kebangkitan Islam di Malaysia melalui peranan gerakan dakwah adalah merupakan fasa ketiga setelah melalui fasa penjajahan fizikal pada awalnya. Kemudiannya diikuti dengan penjajahan budaya oleh gerakan pembaratan. Setelah itu, kebangkitan Islam melalui gerakan dakwah berlaku pada awal dekad tahun 1970an.<sup>548</sup>

Menurut Badlihisham Mohd Nasir, kebangkitan dakwah era 1970an telah menyongsong kesedaran kebangkitan Islam di negara ini sehingga ia dianggap menjadi pemangkin proses islamisasi pada period seterusnya.<sup>549</sup> Islam yang sebelum itu dilihat berkembang dalam kerangka tradisional dan konservatif, telah memasuki era baru yang didokong oleh kesedaran dakwah dalam seluruh aspek kehidupan seperti yang dibawa oleh gerakan

---

<sup>545</sup> ABIM singkatan kepada Angkatan Belia Islam Malaysia adalah merupakan gerakan dakwah yang terawal muncul dan memainkan peranan dalam memnggerakkan dakwah di Malaysia.

<sup>546</sup> Ahmad Zaki Abd Latiff, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (2003), 26.

<sup>547</sup> *Ibid.*

<sup>548</sup> *Ibid.*, 34.

<sup>549</sup> Badlihisham Mohd Nasir, *Dakwah Gerakan Islam : Retrospek dan prospek*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia, 5-6 Okt 2010, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1: 272.

Islam.<sup>550</sup> Kemunculan gerakan dakwah di Malaysia pertengahan abad ke 20 ini adalah merupakan kesinambungan terhadap gerakan pembaharuan atau disebut Gerakan *Islāh*<sup>551</sup> pada awal abad ke 20.<sup>552</sup> Pengaruh Gerakan *Islāh* ini telah membawa kepada kemunculan gerakan dakwah Islam yang lebih syumul dari aspek *tanzīmī* dan pergerakan. Gerakan *Islāh* ini bertujuan untuk mengembalikan kefahaman umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenar, seperti menentang pencemaran pemikiran akibat daripada pengaruh ajaran Hindu-Buddha dan animisme yang tidak selari dengan ajaran Islam.<sup>553</sup> Kritikan terhadap amalan *sinkretisme* pada adat Melayu dan praktikal ibadat yang dianggap *heterodoks* serta *heretiks* pada ketika itu adalah merupakan antara isu yang diketengahkan dalam menggerakkan pembaharuan pemikiran di dalam masyarakat oleh tokoh-tokoh Gerakan *Islāh* tempatan ini.<sup>554</sup>

Menurut Mustaffa Abdullah, Gerakan *Islah* di Tanah Melayu telah dipengaruhi oleh tokoh-tokoh gerakan pembaharuan pemikiran Islam di Timur Tengah, antaranya ialah Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1839-1897M), Muḥammad ‘Abduh (1849-1906M) dan Rasyīd Riḍā (1865-1935M).<sup>555</sup> Tokoh-tokoh pembaharuan di Timur Tengah telah berjaya mempengaruhi tokoh-tokoh *islāh* di Tanah Melayu iaitu antara pelopornya seperti Syeikh Tahir Jalaluddin

---

<sup>550</sup> *Ibid.*

<sup>551</sup> Menurut Ibn Manzur, perkataan *Islah* didefinisikan sebagai sesuatu yang berlawanan dengan kerosakan atau memperbaiki sesuatu yang telah hancur dan runtuh serta mendirikannya semula (dengan kebaikan). Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab*, 2:517.

<sup>552</sup> Mohamad Abu Bakar, *Islam Dalam Pembinaan Tamadun di Malaysia* didalam *Tamadun Islam di Malaysia diselenggara oleh Mohd Taib Osman dan A. Aziz Deraman*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka; 2000), 49.

<sup>553</sup> *Ibid.*

<sup>554</sup> Saifullah Mohd Nawi, Samsu Adabi Mamat, *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara*, (Shah Alam: Karisma Publications: 2009), 41.

<sup>555</sup> Mustaffa Abdullah, *Perjuangan Ulama Islah Tempatan Pada Awal Abad ke 20 Dalam Usaha Memurnikan Pemikiran Orang-Orang Melayu Di Malaysia*, Jurnal Pengajian Melayu, (Jilid 21, Disember 2010), 196.

(1869-1934),<sup>556</sup> Syeikh Mohd Salim al-Khalali, Haji Abbas Mohd Taha<sup>557</sup> dan Sayyid Syeikh al-Hadi<sup>558</sup> dalam membawa perjuangan pemikiran *islāh* di Tanah Melayu pada awal abad ke 20.<sup>559</sup> Namun menurut Mohammad Redzuan Othman, Gerakan *Islāh* ini lebih membincangkan isu *furu'* dan bukan membuat transformasi yang menyeluruh terhadap kesedaran Islam.<sup>560</sup> Kesedaran Islam melalui kebangkitan gerakan dakwah hanya muncul pada penghujung tahun 1960-an dan tahun 1970-an dan ianya berterusan hingga ke hari ini.<sup>561</sup> Fakta ini telah menunjukkan wujudnya kesinambungan kesedaran Islam di Malaysia yang pada awalnya dicetuskan oleh tokoh-tokoh Gerakan *islāh* tempatan yang juga mendapat sentuhan dari tokoh-tokoh *islāh* Timur Tengah. Tokoh-tokoh ini telah mengembangkan idea-idea pembaharuan dan *islāh* ke dalam masyarakat sehingga kesedaran tersebut digerakkan secara lebih tersusun dan menyeluruh melalui kebangkitan gerakan dakwah pada pertengahan abad ke 20.

Kesinambungan dari *al-manhaj al-Islāhi* yang digerakkan oleh tokoh-tokoh *islāh* pada awal abad ke 20 ini membawa kepada perkembangan pendekatan dengan kemunculan tokoh-tokoh *harakī* dalam bentuk *tanzīm* (organisasi) pada pertengahan abad ke 20. Seperti mana yang telah dinyatakan bahawa istilah gerakan Islam dan *al-harakah al-Islāmiyyah* mula digunakan secara meluas dalam masyarakat Melayu oleh ABIM sejak awal tahun

<sup>556</sup> Mohd Sarim Mustajab, *Syeikh Muhammad Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu*,” dalam *Malaysia in History*, (vol. 20, no. ii, Disember 1977), 5-6.

<sup>557</sup> Riwayat hidup Haji Abbas Mohd Taha boleh dilihat dalam Mohd Sarim Mustajab, *Satu Nota Tentang Haji Abbas b Mohd Taha*”, dalam *Malaysia in History*, Jil XXI, no 1, Jun 1978, 1-7.

<sup>558</sup> Ringkasan riwayat hidup Sayyid Syeikh al-Hadi boleh dilihat dalam Mohd Sarim Mustajab, “Gerakan Islah Islamiyah : Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya”, dalam *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, ed. Abd Latiff Abu Bakar, (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1996), 129.

<sup>559</sup> Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia :Kesinambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2005), 27.

<sup>560</sup> Mohammad Redzuan Othman (Prof Dato, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), dalam temu bual penulis pada 19 Feb 2014.

<sup>561</sup> Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia : Kesinambungan, Respons dan Perubahan*, 27.

1970an.<sup>562</sup> Setelah itu, istilah *al-harakah al-Islāmiyyah* dan *al-manhaj al-haraki* mula digunakan dalam gerakan-gerakan dakwah yang lain di Malaysia ini seperti PAS, JIM (kini dikenali dengan IKRAM), ISMA, HALUAN sebagai merujuk kepada metode dakwah dan *manhaj* dalam gerakan dakwah semasa. Berikut ini, penulis mengkhususkan perbincangan dalam tiga gerakan dakwah yang dikaji dalam melihat pemikiran *al-manhaj al-haraki* dan penggunaannya dalam ketiga-tiga gerakan dakwah tersebut sebelum membincangkan berkaitan aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam ketiga-tiga gerakan dakwah yang dikaji ini.

#### **4.1.1 Parti Islam Se-Malaysia (PAS) :**

Kajian terhadap pemikiran *al-manhaj al-haraki* dalam PAS boleh dinilai berdasarkan latar belakang matlamat dan penubuhan gerak kerja dakwah di dalam PAS. Sejarah Penubuhan PAS amat sinonim dengan perjuangan ulama dalam menubuhkan sebuah parti politik Melayu Islam yang memperjuangkan Islam sebagai wadah perjuangan. Sejak dari awal penubuhannya,<sup>563</sup> PAS telah bergerak sebagai sebuah parti politik di samping fungsi dalam

---

<sup>562</sup> Ahmad Zaki Abd Latiff, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah*, 26.

<sup>563</sup> Sejarah penubuhan PAS sebagai pertubuhan politik Islam di Malaysia amat sinonim dengan sejarah perjuangan Hizbul Muslimin yang ditubuhkan pada tahun 1948. Lihat Riduan Mohamad Nor, *Sejarah dan Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*, (Kuala Lumpur:Jundi Resources:2009), 116. Matlamat penubuhan Hizbul Muslimin ini telah mensasarkan tiga perkara utama dalam perjuangannya, iaitu membebaskan bangsa Melayu dan Tanah Melayu daripada penjajahan, membentuk negara Islam yang bersifat sejahtera dan menjadikan Tanah Melayu sebagai negara Islam. Nabir Abdullah, *Maahad II Ihya AsSyarif Gunung Semanggol : 1934-1959*, (Bangi: Penerbit UKM:1973), 170. Tanah Melayu yang ketika itu dijajah oleh British telah mendapat kesempatan untuk melumpuhkan pergerakan Hizbul Muslimin ini apabila berlaku ancaman daripada anasir komunis yang melancarkan perang gerila untuk menumbangkan pentadbiran British di Tanah Melayu bagi menubuhkan republik rakyat komunis. Kerajaan British akhirnya telah mengisytiharkan Akta Darurat pada 18 Jun 1948 dan telah memberikan ruang yang luas kepada British untuk menahan sesiapa yang dianggap mengancam keselamatan negara. British telah mengharamkan parti-parti politik aliran kiri, termasuk Hizbul Muslimin, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Riduan Mohamad Nor, *Sejarah dan Perkembangan Gerakan Islam*, 118. Parti berhaluan kanan seperti UMNO, MCA dan MIC telah diberi ruang yang luas oleh British untuk bergerak dan sebahagian ahli-ahli Hizbul Muslimin

menggerakkan amal kerja sebagai sebuah jamaah dan gerakan dakwah. Menurut Nik Mohamad Abdur Nik Abdul Aziz, salah satu medan yang digerakkan oleh PAS sebagai sebuah *harakah Islamiyyah* ialah medan politik yang bertujuan membebaskan kuasa dan pemerintahan daripada tangan golongan yang lemah dan khianat, kepada tangan mereka yang gagah dan amanah selain mampu memimpin umat Islam dan kemanusiaan menuju kecemerlangan.<sup>564</sup> Kenyataan ini menggambarkan bahawa PAS banyak menumpukan perhatian terhadap medan *siyāsah* (politik) dan dijadikan medan ini sebagai wadah dalam menggerakkan perjuangan dakwah gerakan Islam di Malaysia. Menurut Badlihisham Mohd Nasir, pilihanraya di dalam PAS dianggap sebagai suatu manifestasi konsep *muwājahah silmiyyah* (pertembungan sejahtera) berpaksikan hikmah dan *maṣlahah* dakwah yang mementingkan keamanan masyarakat sejagat.<sup>565</sup> Kenyataan ini menggambarkan bahawa kewajipan terhadap penyebaran dakwah di dalam PAS adalah dengan menjadikan wasilah penglibatan di dalam Pilihanraya sebagai peluang dan ruang untuk melaksanakan Islam melalui medan kekuasaan politik ini. Kuasa pemerintahan yang diperolehi di dalam Pilihanraya sebagai jalan pelaksanaan dan penyebaran dakwah Islam dengan lebih cepat dan meluas di dalam masyarakat. Perkara ini yang membawa kelainan aplikasi *al-manhaj*

---

turut menganggotai Biro Agama UMNO bagi mengisi ruang perjuangan Islam yang ada dalam biro tersebut. Walau bagaimanapun, suara-suara menuntut supaya diadakan sebuah pergerakan siasah berteraskan Islam mula kedengaran. Maka pada tanggal 24 November 1951 satu perhimpunan ulama, badan-badan dan pertubuhan Islam telah diadakan di Butterworth, Pulau Pinang sehingga berakhir dengan keputusan untuk mewujudkan Parti Islam Se-Tanah Melayu. Ditambah pula, dengan polemik yang berlaku di dalam UMNO ketika itu yang menyebabkan golongan ulama mula berfikir bahawa mereka patut memilih jalan sendiri dalam menentukan masa depan ummah dan agama di tanah airnya sendiri.*Ibid.* Melalui persidangan ulama tersebut telah bersetuju dengan suara majoriti untuk meletakkan nama Persatuan Islam Se Malaya sebagai nama bagi Parti Politik Islam yang hendak ditubuhkan itu atau ringkasannya PAS. Bermula dari titik penubuhan tersebut, PAS telah melalui detik-detik perjuangan dakwah dengan memilih pilihanraya sebagai wadah atau platform untuk menyampaikan dakwah dan menguasai politik negara.

<sup>564</sup> Nik Mohamad Abdur Nik Abdul Aziz, “PAS : Gerakan Islam dan Tuntutan Tajdid”, dalam laman sesawang *tarbawi.my*, ditinjau pada 26 Mei 2014, <http://www.tarbawi.my/2013/03/pas-gerakan-islam-dan-tuntutan-tajdid.html>.

<sup>565</sup> Badlihisham Mohd Nasir, *Dakwah Gerakan Islam Tanah Air : Sorotan Terhadap PAS, Abim dan Jim*, 11.

*al-haraki* di dalam PAS khususnya melihat kepada matlamat awal penubuhannya berbanding dua gerakan dakwah lain yang dikaji iaitu ISMA dan IKRAM.

Di samping politik yang diperjuangkan oleh PAS, peranan tarbiah turut ditekankan di dalam Parti ini sebagai sebuah jamaah. Isu-isu utama dalam tarbiah yang ditekankan kepada ahli PAS dalam membentuk sebuah jamaah adalah merupakan perkara asas yang banyak ditekankan di dalam gerakan dakwah semasa. Perkara ini juga wujud persamaan darisudut perbandingan beberapa wasilah tarbiah di dalam IKRAM dan ISMA. Sebagai contoh penekanan terhadap elemen *jasadiyyah* (fizikal), *thaqāfiyyah* (intelektual), *rūhiyyah* (spiritual) dan *khuluqiyyah* (pembentukan akhlak) wujud dalam tarbiah terhadap pimpinan dan ahli di dalam PAS.<sup>566</sup> Namun pendekatan tarbiah ini banyak diselaraskan dengan matlamat PAS sebagai sebuah parti politik. Sebagai contoh, penekanan terhadap ‘*amal jamā’i* iaitu gerak kerja dakwah yang dilaksanakan secara jamaah (kolektif) diaplikasikan oleh PAS dalam tarbiah ‘*amal jamā’i* ini ketika menggerakkan kerja di medan politik.<sup>567</sup> Perkara ini dapat menyelami pemikiran *al-manhaj al-haraki* di dalam PAS dengan melihat fungsi dan kedudukannya sebagai sebuah parti politik di samping sebagai sebuah gerakan dakwah yang memperjuangkan Islam. Dwifungsi PAS sebagai sebuah Parti Politik di samping sebagai sebuah gerakan Islam ini adalah kembali kepada beberapa sebab berikut :

---

<sup>566</sup> Modul pembentukan dan pembinaan ahli di dalam PAS juga wujud berkaitan elemen-elemen ini. Pengisian yang berbentuk usrah, *tamrīn* dengan beberapa jenisnya: iaitu *tamrīn ḥaraki*, *tamrīn siyāsi*, *tamrīn thaqāfi*, *tamrīn riyadhi*, program berbentuk *mukhayyam* (perkhemahan), program berbentuk *liqa fikri* (nadwah atau seminar) dan program *qiyamullail*. Lihat Manhaj Daurah Tadribiyah : Himpunan Kertas Kerja Pembinaan Ahli Parti Islam Semalaysia (PAS), cet. ke 3, (Kuala Lumpur: Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat :2014), 27 dan 131-132.

<sup>567</sup> Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan tulisan Nuridah Mohd ketika menggambarkan bahawa *tasawwur* politik yang jelas bagi seorang ahli sebagai tarbiah dalam *amal jama’i*. Lihat Nuridah Mohd, Timbalan Pengerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah PAS Pusat, bertajuk “*Tasawwur Politik, Tarbiyah Dalam ‘Amal Jamā’i*” di dalam Harakah, edisi 19-22, Dis. 2011.

- 1) PAS lahir daripada krisis politik semasa di Malaysia di saat negara sedang berjuang demi sebuah kemerdekaan. PAS lahir di atas pentas politik bagi mengimbangi penguasaan golongan sekular di dalam politik dari parti pemerintah.
- 2) PAS adalah kelangsungan gerakan dakwah dan gerakan anti penjajahan yang dipelopori oleh para ulama sebelumnya. Para ulama yang berjuang menentang penjajah sebenarnya telah merujuk kepada gerakan tajdid Islam yang berpusat di Timur Tengah.
- 3) Dalam gerakan Islam, tarbiah dan fikrah ibarat enjin yang menggerakkan jentera daripada dalam sedangkan tayar dan *steringnya* adalah politik. Keaktifan PAS di dalam politik hendaklah dilihat sebagai kekuasaannya menguasai masyarakat dan tidak menjadi sebab kepada terpinggirnya lapangan lain terutamanya *tarbiah* dan *fikrah*.
- 4) Apabila PAS berdaftar sebagai sebuah pertubuhan parti politik, PAS mampu bergerak dalam medan yang lebih luas berbanding sebagai sebuah pertubuhan kerajaan yang *non partisan*.<sup>568</sup>

Berdasarkan kenyataan tersebut bolehlah disimpulkan bahawa konsep *al-manhaj al-haraki* sebagai sebuah gerakan Islam yang diperjuangkan oleh PAS adalah melalui jalan *siyāsah* (politik). PAS menjadikan pilihan raya sebagai medan dan wasilah untuk menyampaikan dakwah di samping kuasa dan pentadbiran sebagai peluang untuk melaksanakan hukum hakam dan syariat Islam di bumi Malaysia ini. Tarbiah dan pembentukan ahli wujud di dalam PAS kerana perkara tersebut sebagai asas dalam menggerakkan sebuah jamaah

<sup>568</sup> Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz, “PAS : Gerakan Islam dan Tuntutan Tajdid”, dalam laman sesawang *tarbawi.my*, ditinjau pada 26 Mei 2014, <http://www.tarbawi.my/2013/03/pas-gerakan-islam-dan-tuntutan-tajdid.html>.

gerakan Islam. Peranan tarbiah dan asas pembentukannya kepada ahli sebagai sebuah gerakan dakwah tidak dapat lari dari pelaksanaannya dalam PAS. Namun tarbiah yang diterapkan banyak dikaitkan dengan pendekatan *siyāsah* kearah membentuk tenaga dalam perjuangan ahli mencapai matlamat sebuah parti politik Islam.

#### **4.1.2 Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) :**

Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) pada mulanya dikenali dengan nama Ikatan Siswazah Muslimin Malaysia (ISMA) yang ditubuhkan pada tahun 1997. Badan ini berdaftar sebagai sebuah NGO dan berfungsi sebagai pertubuhan dakwah dengan aktiviti dan program yang dijalankan. Pada tahun 2005, Ikatan Siswazah Muslimin Malaysia telah bertukar kepada nama baru iaitu Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Kajian terhadap pemikiran *al-manhaj al-ḥaraki* di dalam ISMA sebagai sebuah badan dakwah di Malaysia dapat dilihat perbezaannya berbanding badan dakwah lain selepas PRU ke 12 pada tahun 2008. Sebelum itu, slogan ISMA dalam menggerakkan dakwah iaitu “*Membina Generasi Harapan*” tidak timbul banyak kontroversi kerana dilihat banyak menekankan asas yang sama dalam gerakan dakwah iaitu pentarbiahan dan pembinaan. Namun selepas PRU ke 12 setelah banyak berlaku isu-isu di dalam Malaysia terutamanya berkaitan politik dan hubungan dengan *non muslim*, ISMA mula mengubah slogan dakwah mereka. ISMA memperkenalkan dua slogan baru selepas PRU 12, iaitu “*Melayu Sepakat Islam Berdaulat*” dan “*Membina Umat Beragenda*”.

Slogan “*Melayu Sepakat Islam Berdaulat*” diperkenalkan sebagai seruan kearah kesatuan umat Melayu Islam di Malaysia selepas melihat banyak isu-isu umat Islam yang tidak

mendapat kesepakatan antara dua parti Melayu Islam terbesar, iaitu PAS dan UMNO. Slogan ini “*Melayu Sepakat Islam Berdaulat*” telah banyak menimbulkan reaksi pelbagai pihak antara yang menyokong dan mengkritik. Bagi pihak yang menyokong melihat slogan ini sebagai seruan ISMA kearah kesepakatan parti-parti politik melayu Islam terutamanya PAS dan UMNO supaya bersepakat dalam agenda yang boleh membawa keuntungan untuk umat Islam di Malaysia.<sup>569</sup> Bagi pihak yang mengkritik pula, slogan ini dilihat kearah hampir mustahil seruan ini dapat direalisasikan terutamanya melihat kepada sejarah politik kedua-dua parti tersebut.

Manakala slogan “*Membina Umat Beragenda*” muncul dalam tempoh terdekat setelah slogan “*Melayu Sepakat Islam Berdaulat*” diperkenalkan.<sup>570</sup> Kedua-dua slogan ini sebagai menunjukkan fasa baru dakwah ISMA dalam mendepani cabaran masa depan umat Islam di Malaysia terutamanya selepas PRU 12 tahun 2008. Melalui slogan “*Membina Umat Beragenda*”, ISMA menyeru umat Melayu kearah menjaga identiti Islam dan membina umat yang memiliki agenda tersendiri. Isu-isu kristianisasi, pemurtadan, pengaruh dan bahaya Syi’ah, ancaman Liberalisme dan Pluralisme, percaturan pihak-pihak bukan Islam dalam mencabar hak-hak dan kedaulatan Islam dan umat Islam di Malaysia, pertelingkahan dan konflik berpanjangan di antara parti-parti politik umat Islam, pembudayaan cara hidup yang cuba memisahkan ugama Islam dari medan hidup bermasyarakat masa kini

---

<sup>569</sup> Kesepakatan yang diseru oleh ISMA ini bukan bermaksud salah satu parti perlu dibubarkan dan bernaung dibawah parti yang lain. Kesepakatan yang dimaksudkan ini ialah kedua-kedua parti meletakkan kata sepakat dalam isu umat Islam yang boleh membawa keuntungan dan meneguhkan kedudukan umat Islam di Malaysia ini.

<sup>570</sup> Artikel tanpa penulis, “ISMA Perkenal Slogan Membangun Umat Beragenda”, laman sesawang *Ismaweb*, ditinjau pada 4 Disember 2014, <http://www.ismaweb.net/2011/08/isma-perkenal-slogan-membangun-umat-beragenda/>.

merupakan antara isu yang dijadikan asas ISMA dalam menyeru kearah membangun Umat beragenda.<sup>571</sup>

Kedua-dua slogan “*Melayu Sepakat Islam Berdaulat*” dan “*Membina Umat Beragenda*” dapat menilai tahap pemikiran *al-manhaj al-haraki* ISMA yang banyak memfokuskan dakwah terhadap bangsa Melayu Islam itu sendiri dengan matlamat membina umat Melayu beragenda. Tumpuan dakwah ISMA ini adalah dalam bentuk kesepakatan antara umat Melayu Islam yang sedang berpecah belah serta seruan kearah menilai sesuatu isu dalam kerangka dan agenda yang jelas.<sup>572</sup> ISMA melihat bangsa Melayu suatu bangsa yang hebat berdasarkan sejarah dan merupakan bangsa asal bagi tanah Melayu termasuk Malaysia ini yang perlu dipertahankan.<sup>573</sup> Dengan kepelbagaian kaum dan tumpuan kepada isu bangsa Melayu muslim di Malaysia, perkara ini yang banyak menimbulkan kontroversi terutamanya bagi ISMA yang dikenali sebagai badan dakwah. Menurut ISMA, bangsa Melayu di Malaysia adalah sebagai bangsa muslim dan tonggak kepada Islam di negara ini yang perlu dihormati oleh bangsa lain dan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan di Malaysia. Selain itu, faktor kedudukan Islam di Malaysia yang semakin tergugat di

<sup>571</sup> ISMA banyak mengengahkan isu-isu yang dijadikan bahan perbincangan sehingga slogan “*Membangun Umat Beragenda*” ini diketengahkan. Isu-isu ini banyak timbul dan lebih ketara selepas PRU ke 12. Antaranya berkaitan pertikaian dari pihak bukan Islam yang mencabar hak dan kedudukan Islam di Malaysia samaada dari Parti politik atau Badan NGO. Menurut ISMA, Parti politik yang lantang dalam mempertikaikan hak dan kedudukan Islam ini ialah parti DAP. Parti DAP mempertikaikan hak kedudukan Bumiputera dalam perlumbaan berdasarkan artikel 153. Hak kedudukan tersebut adalah dalam menjamin kedudukan bangsa Melayu dari sudut undang-undang. Oleh kerana agama yang dianuti bangsa Melayu adalah Islam, pertikaian tersebut juga adalah pertikaian terhadap Islam itu sendiri. Selain itu, badan-badan pertubuhan bukan Islam dan liberal yang banyak diketengahkan oleh ISMA kerana mempertikaikan kedudukan Islam antaranya ialah COMANGO. Pertubuhan ini banyak mempertikaikan isu hak asasi manusia, LGBT, isu Syiah dan ancaman terhadap pemikiran liberalisme dan pluralisme.

<sup>572</sup> Abd Allah Zaik Abd Rahman, “Gagasan Perpaduan Masyarakat Melayu Muslim”, laman sesawang *Ismaweb*, ditinjau 3 Disember 2014, <http://www.ismaweb.net/2014/10/gagasan-perpaduan-masyarakat-melayu-islam/>.

<sup>573</sup> Beberapa konvensyen telah dilakukan oleh ISMA berkaitan umat Melayu Islam selain menyuarakan perjuangan terhadap slogan “Melayu Sepakat Islam Berdaulat” melalui konvensyen ini. Konvensyen yang dimaksudkan seperti berikut : Konvensyen Pemikiran Hasan al-Banna Dalam Melakar Agenda Bangsa (2010), Konvensyen Memperingati 500 Tahun Kejatuhan Empayar Melayu Islam Melaka (2011).

samping ancaman dan agenda tersembunyi yang dibuat oleh bangsa lain ke atas negara Malaysia, antara yang banyak ditekankan oleh ISMA di dalam dakwah mereka.<sup>574</sup> Perkara ini antara faktor perbezaan terbesar *al-manhaj al-haraki* antara ISMA dan gerakan dakwah yang lain dalam menilai situasi (*wāqi'*) dan kemaslahatan Islam di Malaysia yang membawa kepada ijтиhad berbeza dengan pertubuhan dan gerakan dakwah lain.

Perbezaan pendekatan ISMA dalam mengenengahkan *al-manhaj al-haraki* ini membawa kepada perbezaan halatuju dalam politik ketika PRU ke 13 yang lalu. ISMA membawa halatuju yang berbeza dengan gerakan dakwah yang lain setelah membentuk sayap politik ISMA yang dinamakan sebagai Arus Baru.<sup>575</sup> ISMA bergerak di atas tiket Parti BERJASA dalam PRU ke 13 tersebut.<sup>576</sup> Walaupun ISMA pernah menegaskan tidak akan terlibat dalam politik kepartian di Malaysia.<sup>577</sup> Namun menurut Abdullah Zaik, penglibatan ISMA ini hanyalah sebahagian ahli dan ISMA masih kekal sebagai NGO dakwah *non partisan* yang menumpukan program tarbiah masyarakat, keluarga, belia dan remaja. Selain itu,

---

<sup>574</sup> Banyak isu-isu yang ditimbulkan oleh ISMA berkaitan ancaman bangsa lain terhadap umat Islam di Malaysia ini terutamanya Bangsa Cina dari Kristian Evangelist yang menguasai parti DAP ketika ini. ISMA melihat kelompok Kristian Evangelist adalah merupakan kelompok Kristian yang ekstremis dan merupakan majoriti pegangan yang dianuti pimpinan DAP ketika ini. Kelompok ini memiliki agenda tersembunyi sepertimana yang telah berlaku terhadap bangsa Red Indian yang merupakan penduduk asal Amerika. Lihat artikel berkaitan agenda DAP dalam politik di Malaysia yang dijadikan pendirian oleh ISMA. Azry Hafify Mustapa, *DAP dan Strategi Ekstremis Kristian Evangelis di Amerika*, laman sesawang *Ismaweb* ditinjau pada 4 Disember 2014, <http://www.ismaweb.net/2014/07/dap-dan-strategi-ekstremis-kristian-evangelis-di-amerika/>.

<sup>575</sup> Maklumat lanjut berkaitan penglibatan ISMA di dalam politik ini boleh dilihat di dalam link berikut : laman sesawang *Arusbaru*, ditinjau pada 3 Ogos 2015, <http://arusbaru.my/faq/>.

<sup>576</sup> Parti BERJASA adalah singkatan kepada Barisan Jamaah Islamiah Semalaysia (BERJASA) yang pernah bertanding di dalam Pilihan Raya Umum (PRU) kali terakhir pada tahun 1995 bersama Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Pada PRU ke 13, ISMA bertanding di 11 kawasan (8 Parlimen dan 3 DUN) menggunakan tiket Parti BERJASA ini. Lihat maklumat berkaitan penglibatan ISMA di dalam PRU ke 13 menggunakan tiket parti BERJASA. Berita tanpa nama, *BERJASA Umum Calon Tanding 8 Parlimen 3 DUN*, laman sesawang *Ismaweb*, ditinjau pada 3 Ogos 2015, <http://www.ismaweb.net/2013/04/berjasa-umum-calon-tanding-8-parlimen-3-dun/>.

<sup>577</sup> Di dalam profil ISMA ada ditegaskan: “ISMA bukan parti politik dan tidak akan terlibat di dalam sebarang kegiatan politik kepartian”, laman sesawang *Ismaweb* ditinjau pada 2 Disember 2013, <http://www.ismaweb.net/v4/info-isma/>.

penglibatan ISMA dalam politik hanya dijadikan satu juzuk daripada Islam dan perjuangan ISMA.<sup>578</sup>

Kesimpulan dari perbahasan berkaitan ISMA bahawa badan ini adalah sebuah badan NGO yang bergerak sebagai pertubuhan dakwah dalam menyebarkan Islam di Malaysia ini. Pemikiran *al-manhaj al-haraki* di dalam ISMA dilihat berbeza selepas PRU ke 12 yang lalu terutamanya dalam menilai situasi (*wāqi*) politik di Malaysia. ISMA melihat perlunya kepada tumpuan dakwah dengan membina bangsa Melayu Muslim setelah munculnya isu-isu berkaitan perpaduan, pengaruh identiti luar terhadap umat Islam serta ancaman dan kedudukan Islam di Malaysia. ISMA melaungkan slogan “*Melayu Sepakat Islam Berdaulat*” dan “*Membina Umat Beragenda*” sebagai usaha kearah memperkasakan bangsa Melayu Muslim yang menjadi asas dakwah di dalam ISMA. Kewujudan masyarakat majmuk serta hubungan dan pendekatan dengan *non muslim* membawa kepada perbezaan pendekatan antara ISMA dan gerakan dakwah yang lain. Perbezaan ini yang dilihat ketara ketika membahaskan analisis aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam isu-isu semasa gerakan dakwah selepas ini.

#### **4.1.3 Pertubuhan IKRAM Malaysia**

Pertubuhan IKRAM Malaysia pada awalnya dikenali sebagai Jamaah Islah Malaysia (JIM) yang merupakan sebuah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar secara sah dengan Badan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 27 Julai 1990. Kebanyakan dari

---

<sup>578</sup> Tanpa Penulis, “*Ustaz Abdullah Zaik: ISMA kekal NGO, hanya ahli terlibat politik*”, laman sesawang *arusbaru*, ditinjau pada 2 Disember 2013, <http://arusbaru.my/2013/02/19/ust-abdullah-zaikisma-kekal-ngo-hanya-ahli-terlibat-politik/>.

kalangan pimpinan dan keanggotaan JIM adalah bekas aktivis yang menggerakkan Islamic Representative Council (IRC) dan Malaysian Islamic Study Group (MISG), dua buah badan penggerak pelajar Islam yang bergerak aktif di United Kingdom dan Amerika Syarikat pada tahun 1970an.<sup>579</sup> Penubuhan JIM di Malaysia tahun 1990 mendapat tentangan hebat dan kritikan pelbagai pihak terutamanya dari kalangan gerakan dakwah lain seperti ABIM dan PAS yang wujud lebih awal dari itu. Penubuhan JIM dianggap tidak patut dan mendatangkan perpecahan di kalangan penggerak dakwah gerakan Islam selain dianggap sebagai *ta‘addud jamā‘ah* (berbilangnya jamaah). Namun pihak yang berusaha meneruskan penubuhan tersebut dilihat dari sudut yang positif bagi mengisi ruangan dalam membangun masyarakat secara bersama kearah kesedaran Islam. JIM dengan motto “Bersama Islam Membina Masyarakat” turut sama menyumbang kearah pembangunan masyarakat dan kesedaran Islam yang dilaksanakan selama 22 tahun.<sup>580</sup> Setelah munculnya IKRAM selepas JIM dibubarkan pada 5 Julai 2013, segala usaha yang telah dilakukan semasa kewujudan JIM diteruskan bersama kepimpinan baru di dalam IKRAM. JIM dibubarkan di atas tujuan dan hasrat menyepadukan semua sumber organisasinya di bawah organisasi baru, iaitu Pertubuhan IKRAM Malaysia.<sup>581</sup> Selain penubuhan IKRAM dengan matlamat bagi melebarkan lagi fungsi dakwah organisasi ini dalam berdepan dengan tugas yang lebih besar dan membentuk kesedaran Islam di dalam masyarakat secara lebih berkesan.<sup>582</sup>

---

<sup>579</sup> Syed Azman Syed Muhammad, “Politik Dalam Gerakan Islam di Malaysia”, dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia : Konsep dan Pelaksanaan*, ed. Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani, cet. ke 2, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: 2007),196.

<sup>580</sup> Artikel tanpa nama, “JIM dibubar setelah 22 tahun ungguli dakwah”, laman sesawang *ikram.org*, ditinjau 28 Nov. 2014, [http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=791:jim-dibubar-setelah-22-tahun-ungguli-dakwah&catid=1:berita-pusat&Itemid=9](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=791:jim-dibubar-setelah-22-tahun-ungguli-dakwah&catid=1:berita-pusat&Itemid=9).

<sup>581</sup> *Ibid.*

<sup>582</sup> *Ibid.*

Usaha yang telah dilakukan di dalam JIM sebelum ini diteruskan di dalam dakwah IKRAM. Institusi-institusi serta badan-badan yang bernaung dibawah JIM, samaada dalam pendidikan, kesihatan, dakwah *non muslim*, ekonomi, kebajikan serta bantuan untuk umat sejagat, diurus tadbir sepenuhnya di dalam pertubuhan baru IKRAM. Di dalam pendidikan, wujud Institusi Musleh di bawah IKRAM yang mempunyai rangkaian sekolah-sekolah Rendah Islam (SRI) dan Menengah Islam (SMI) di seluruh Malaysia.<sup>583</sup> Badan yang menguruskan dakwah untuk saudara baru dan *non muslim* diletakkan dibawah institusi yang diberi nama Hidayah Centre.<sup>584</sup> Melalui badan ini, IKRAM telah melaksanakan program-program yang khusus mengenai Islam untuk diperkenalkan kepada *non muslim* sebagai pendekatan dakwah kepada mereka. Antara program yang pernah dijalankan oleh Hidayah Centre ialah *Open Your Eyes Dinner :Why Islam?, Public Talk : Jesus Dalam Bible dan al-Quran, Interfaith Dialogue : The Concept of God.*<sup>585</sup> IKRAM juga membentuk badan kesihatan yang diberi nama *Ikram Health* sebagai usaha kearah memupuk semangat pasukan yang boleh menyumbang tenaga dan kepakaran dalam bidang kesihatan ini.<sup>586</sup> Sebagai respon kepada gejala sosial dan berleluasanya anak luar nikah di dalam masyarakat, IKRAM telah menubuhkan *Raudatus Sakinah* (RS) dalam membantu remaja-remaja yang telah terlanjur dengan membimbing mereka kembali kepada fitrah dan didikan Islam yang sebenar. Begitu juga dalam usaha membentuk usahawan dan institusi di dalam ekonomi, IKRAM telah menubuhkan Koperasi Islah Malaysia Berhad (KIMB) dengan

<sup>583</sup> Terdapat 21 rangkaian sekolah di bawah Institusi Ikram – Musleh di seluruh Malaysia. Rangkaian sekolah ini terdiri dari sekolah rendah dan menengah. Lihat laman sesawang *musleh*, ditinjau pada 4 Sept 2014, [http://www.musleh.edu.my/v3/index.php?option=com\\_content&view=article&id=258&Itemid=150](http://www.musleh.edu.my/v3/index.php?option=com_content&view=article&id=258&Itemid=150).

<sup>584</sup> Lihat maklumat lanjut di laman berikut berkaitan Hidayah Centre : <https://hidayahcentre.wordpress.com/>.

<sup>585</sup> *Ibid.*

<sup>586</sup> Melalui Ikram Health, IKRAM menganjurkan antaranya Karnival Kesihatan, Khidmat masyarakat seperti misi bantuan Banjir, mengadakan program *sunathon* serta khidmat masyarakat melalui program kesihatan. IKRAM juga memiliki saham dalam pembinaan Hospital Pakar An-Nur, di Bangi. Laman sesawang berkaitan Ikram Health boleh dilawati di laman berikut : <http://www.mig.com.my/>. Namun, laman ini masih lagi di peringkat pembinaan ketika penulis sedang menjalankan kajian ini.

melaksanakan program-program dan aktiviti yang menyumbang kearah matlamat dan objektif tersebut.<sup>587</sup>

Aplikasi *al-manhaj al-haraki* di dalam IKRAM berbeza dengan PAS dan ISMA. Perkara yang membawa kelainan pendekatan dakwah di dalam IKRAM berbanding PAS dan ISMA adalah sudut hubungan dengan pertubuhan *non muslim* serta pertubuhan *liberal* yang wujud di Malaysia ini. IKRAM memberikan hujjah bahawa perlunya membina (*enggagement*) hubungan dakwah dengan pertubuhan *non muslim* dan pertubuhan *liberal* ini.<sup>588</sup> ISMA terutamanya, tidak setuju dengan pendekatan IKRAM yang merupakan pertubuhan dakwah untuk berada dalam gabungan suara bersama dengan pertubuhan *non muslim* serta pertubuhan *liberal*.<sup>589</sup> Perkara ini yang membawa kepada perbezaan pandangan dan pendekatan di antara IKRAM dan ISMA dalam aspek hubungan dan bergabung suara dengan pertubuhan *non muslim*. IKRAM terlibat bersama di dalam Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) yang dianggotai sejumlah 24 pertubuhan dan IKRAM merupakan satu-satunya pertubuhan dakwah yang terlibat dalam gabungan tersebut.<sup>590</sup> Selebihnya

---

<sup>587</sup> Lihat Institusi-institusi di bawah Pertubuhan IKRAM Malaysia di dalam Laman sesawang *Ikram*, ditinjau pada 4 Sept 2014, [http://ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=frontpage&Itemid=1](http://ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=frontpage&Itemid=1).

<sup>588</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM dalam temu bual dengan penulis pada 19 Mac 2014.

<sup>589</sup> Beberapa penulisan dari pimpinan ISMA secara khusus menegur tindakan IKRAM mengadakan hubungan dengan pertubuhan *non muslim* dan pertubuhan *liberal*. Sharipudin Abdul Kadir, “Apa Sudah Jadi Dengan Ikram?”, laman sesawang *ismaweb*, ditinjau 30 Nov 2014, <http://www.ismaweb.net/2014/07/apa-sudah-jadi-dengan-ikram/>. Mohd Hazizi Abdul Rahman, “Hubungan Wala Terlarang Punca Kecelaruan Pemikiran dan Kekacauan Dalam Negara”, laman sesawang *ismaweb*, ditinjau pada 30 Nov 2014, <http://www.ismaweb.net/2014/07/hubungan-wala-terlarang-punca-kecelaruan-pemikiran-dan-kekacauan-dalam-negara/>.

<sup>590</sup> Gabungan Bertindak Malaysia (GBM) yang dianggotai 24 pertubuhan tersebut seperti berikut; Kuala Lumpur & Selangor Chinese Assembly Hall (KLSCAH), Aliran, Tamil Foundation, Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha; Kristian; Hindu; Sikh dan Tao (MP MA-BKHST), Negeri Sembilan Chinese Assembly Hall (NSCAH), Penang Chinese Town Hall (PGCTH), The Federation of Chinese Associations Johore State (FCAJ), Lim Lian Geok Cultural Development Centre (LLG), United Chinese School Alumni Association Of Malaysia (UCSAAM), Muslim Professionals Forum (MPF), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Pusat Komunikasi Masyarakat (KOMAS), Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM), Persatuan Masyarakat Selangor dan Wilayah Persekutuan (Permas), National Indian Rights Action Team (NIAT), Anak Muda Sarawak (AMS), All Women's Action Society

merupakan pertubuhan *non muslim* dan pertubuhan *liberal* yang bersatu atas asas keadilan serta isu kemanusiaan sejagat. Selain bergabung dalam GBM, IKRAM juga terlibat dalam gabungan NGO bersama BERSIH 2.0.<sup>591</sup> BERSIH 2.0 juga menimbulkan kontroversi buat IKRAM kerana terlibat bersama dalam gabungan dengan NGO *non muslim* termasuk dari kalangan pimpinan utamanya yang memiliki latar belakang kontroversi terhadap isu umat Islam di Malaysia ini iaitu, Ambiga Sreenevasan.<sup>592</sup> Selain itu, IKRAM juga terlibat bersama dalam gabungan NEGARA-KU.<sup>593</sup> Penglibatan IKRAM di dalam NEGARA-KU dengan objektif menangani isu yang melibatkan ketegangan kaum, agama dan politik yang dicetuskan oleh pelbagai pihak.<sup>594</sup> IKRAM bergabung bersama di dalam ketiga-tiga wadah pertubuhan ini bagi mencapai matlamat dakwah yang telah digariskan di dalam IKRAM bagi membentuk masyarakat madani.

---

(AWAM), Partners in Community Organising (Pacos Trust), Persatuan Bekas Siswazah Universiti dan Kolej di China, Malaysia (Liu-Hua), Nanyang University Alumni Malaya (Nanda), Japan Graduates Association Malaya (JAGAM), Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia (GPAUTM), Islamic Renaissance Front (IRF). Gabungan 24 pertubuhan ini bergabung suara dalam isu yang disepakati bersama kearah kesejahteraan Negara Malaysia. GBM juga banyak menyentuh isu-isu berkaitan pendidikan, perpaduan nasional dan ekonomi.

<sup>591</sup> BERSIH 2.0 adalah inisiatif pelbagai NGO dalam memperjuangkan pilihanraya bersih, bebas dan adil yang merupakan lanjutan daripada gabungan Bersih yang dipimpin oleh parti-parti politik sebelum itu. IKRAM merupakan antara penggerak utama BERSIH 2.0 sejak dari sebelum masa pembubaran JIM lagi. Nahar Md Nor, "IKRAM dan Gabungan Masyarakat Madani", laman sesawang *Ikram.org*, ditinjau pada 2 Jan 2015, [http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1066:ikram-dan-gabungan-masyarakat-madani&catid=47:perhubungan&Itemid=13](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=1066:ikram-dan-gabungan-masyarakat-madani&catid=47:perhubungan&Itemid=13).

<sup>592</sup> Isu kontroversi yang melibatkan peribadi Ambiga Sreenevasan telah banyak disuarakan oleh ISMA terhadap IKRAM. Ambiga Sreenevasan merupakan seorang yang lantang bersuara melibatkan isu-isu sensitiviti umat Islam terutamanya berkaitan isu LGBT, penganjuran seksualiti merdeka, mempersoalkan kedudukan Islam dan hak istimewa orang melayu antara yang dijadikan isu melibatkan peribadi Ambiga Sreenevasan oleh ISMA. Melihat kepada latar belakang keperibadian Ambiga ini, ISMA melihat tidak sepatutnya pertubuhan Islam seperti IKRAM membentuk kesepakatan atau gabungan suara bersama dalam bertindak terhadap sesuatu isu di Malaysia ini. Lihat Yusri Jamaluddin, "Ambiga's NEGARA-KU: A Win-Lose Situation For IKRAM", laman sesawang *Ikram.org*, ditinjau pada 2 Jan 2015, <http://www.ismaweb.net/2014/07/ambigas-negara-ku-a-win-lose-situation-for-ikram/>.

<sup>593</sup> NEGARA-KU ialah singkatan kepada Gerakan Rakyat UntukMenebus Kembali Negara Malaysia adalah sebuah pertubuhan badan NGO yang dianggotai 69 pertubuhan termasuk IKRAM. NEGARA-KU telah dianggotai pelbagai latar belakang pertubuhan termasuk pertubuhan dari china, pertubuhan hak asasi manusia, hak wanita, pertubuhan berkaitan keagamaan dan lain-lain pertubuhan. IKRAM telah memimpin NEGARA-KU dengan Naib Presidennya, Zaid Kamaruddin menjadi Pengerusi Jatawauasa Pepandu bagi NEGARA-KU.

<sup>594</sup> Nahar Md Nor, "IKRAM dan Gabungan Masyarakat Madani", laman sesawang *Ikram.org*, ditinjau pada 2 Jan 2015, [http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1066:ikram-dan-gabungan-masyarakat-madani&catid=47:perhubungan&Itemid=13](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=1066:ikram-dan-gabungan-masyarakat-madani&catid=47:perhubungan&Itemid=13).

Berdasarkan perkara tersebut dapatlah dinyatakan bahawa asas pendekatan dan aplikasi *al-manhaj al-haraki* di dalam IKRAM berbeza dengan pendekatan di dalam PAS dan ISMA. Kepelbagaiannya kaum dan agama di Malaysia ini serta timbulnya isu-isu kontroversi yang melibatkan golongan *non muslim* terhadap umat Islam telah membawa implikasi pendekatan yang berbeza antara gerakan dakwah. IKRAM lebih banyak membina hubungan (*engagement*) dengan golongan *non muslim* melalui gabungan suara beberapa pertubuhan sebagai hubungan dakwah di samping menerapkan pandangan dan nilai-nilai Islam bersama golongan *non muslim* tersebut.<sup>595</sup>

#### **4.1.4 Penggunaan Karya-Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia**

Tiga gerakan dakwah yang menjadi fokus dalam kajian ini secara khususnya telah menggunakan karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ sebagai bahan tarbiah ahli, terutamanya usrah di peringkat pimpinan gerakan-gerakan dakwah ini. Di dalam PAS, kitab *Afāt ‘ala al-Tāriq* tulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ telah dijadikan sebagai salah satu bahan teks usrah dan mula digunakan oleh PAS Kedah di dalam usrah peringkat perhubungan sejak tahun 1996.<sup>596</sup> Kitab ini telah dicadangkan oleh Fadzil Noor yang merupakan Pesuruhjaya PAS Kedah pada ketika itu, merangkap Presiden PAS Pusat.<sup>597</sup> Sehingga kini, kitab *Afāt ‘ala al-Tāriq* masih digunakan dalam usrah perhubungan dan usrah di peringkat kawasan di Negeri

---

<sup>595</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM dalam temu bual dengan penulis pada 19 Mac 2014.

<sup>596</sup> Ismail Kamis, (Pemangku Ketua Dewan Ulama PAS Kedah, Panel Penterjemah Kitab *Afāt ‘ala al-Tāriq* dan bekas YB Adun Pokok), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 20 Okt 2012.

<sup>597</sup> *Ibid.*

Kedah.<sup>598</sup> PAS Kedah telah memainkan peranan utama dalam mengenangkan kitab ini sebagai bahan tarbiah di peringkat pusat termasuk menterjemahkan kitab ini ke dalam bahasa melayu. Dengan usaha yang dilakukan oleh PAS Kedah, PAS di peringkat Pusat telah mengiktiraf karya ini bagi digunakan sebagai silibus tarbiah ahli PAS khususnya usrah di peringkat kawasan. Selain PAS Kedah, PAS Perak juga telah menggunakan karya ini sebagai bahan tarbiah ahli termasuk dijadikan teks usrah di peringkat kepimpinan PAS Perak. Sebagai contoh, PAS Kawasan Taiping telah menggunakan kitab ini sebagai teks usrah Jawatankuasa PAS Kawasan dan usrah yang melibatkan Ketua-Ketua Cawangan yang dibuat setiap bulan. Usrah di peringkat Pemuda PAS Perak juga telah menggunakan kitab *Afāt ala al-Tariq* ini sejak dari zaman Salahuddin al-Ayyubi menjadi Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat pada tahun 2005.<sup>599</sup> Selain di Kedah dan Perak, beberapa negeri lain dikenal pasti turut menggunakan kitab *Afāt ala al-Tariq* karya Sayyid Muḥammad Nūḥ, antaranya di Selangor, Perlis dan Kelantan.<sup>600</sup>

Bagi ISMA pula, karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ juga digunakan sebagai bahan usrah dan rujukan dalam wasilah tarbiah badan dakwah ini. Menurut Mohd Rushdi Alias, sekitar 1000 orang pimpinan ISMA di seluruh Malaysia mendapat sentuhan tarbiah dari kitab *Afāt ala al-Tariq*. Kitab ini dijadikan sebagai bahan *tarbiyah rūhiyyah* (pendidikan kerohanian) di dalam program *Katībah* dan penyampaian tazkirah.<sup>601</sup> Selain kitab *Afāt ‘ala al-Tariq* dijadikan sebagai bahan tarbiah di dalam ISMA, kitab yang lain karya susunan

---

<sup>598</sup> *Ibid.*

<sup>599</sup> Mohd Fakhrudin Abdul Aziz, (YDP PAS Kawasan Taiping, Perak), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 17 Okt 2012.

<sup>600</sup> Ismail Kamis, (Pemangku Ketua Dewan Ulama PAS Kedah, Panel Penterjemah Kitab *Afāt ‘ala al-Tariq* dan bekas YB Adun Pokok), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 20 Okt 2012.

<sup>601</sup> Mohd Rushdi b Alias, (Ahli Jawatankuasa Pusat ISMA, Biro Tarbiyah), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 21 Ogos 2013.

Sayyid Muḥammad Nūḥ, iaitu kitab *Tawjīhat Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* turut dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan tarbiah di dalam ISMA.<sup>602</sup> Pengerusi Biro Latihan dan Kepimpinan ISMA Pusat, Hazizi Abdul Rahman turut sama memperakui keautoritian kitab *Afāt ala al-Tariq* dan karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang lain. Menurut beliau, karya Sayyid Muḥammad Nūḥ merupakan karya-karya yang ditulis untuk *abnā’ al-harakah* (aktivis gerakan dakwah) khususnya Gerakan Ikhwan Muslimin.<sup>603</sup>

Menurut Tajul Arifin Che Zakaria, sebahagian dari ahli IKRAM yang belajar di Kuwait pernah mendapat sentuhan tarbiah dari Sayyid Muḥammad Nūḥ sendiri. Pada asalnya, kandungan bahan-bahan tulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ yang wujud sekarang ini disampaikan dalam bentuk *Tawjīhat* (bimbingan), ceramah dan *muḥādarah* khususnya kitab *Afāt ‘ala al-Tariq*. Setelah itu, penyampaian dan *Tawjīhat* tersebut telah ditulis dalam bentuk *maqālah* (artikel) sehingga akhirnya artikel tersebut dibukukan.<sup>604</sup> Di dalam IKRAM, karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ dijadikan sebagai bahan rujukan dan silibus dalam tarbiah. Antaranya kitab *Tawjīhat Nabawiyyah ‘ala al-Tariq* dan kitab *Afāt ‘ala al-Tariq*. Selain itu, petikan-petikan pandangan dan pendapat beliau dijadikan sebagai bahan tazkirah di dalam IKRAM.<sup>605</sup>

Berdasarkan maklumat dan fakta yang telah disebutkan menunjukkan bahawa ketiga-tiga gerakan dakwah di Malaysia ini menggunakan bahan-bahan dan karya penulisan Sayyid Muḥammad Nūḥ terutamanya kitab *Afāt ‘ala al-Tariq* dan kitab *Tawjīhat Nabawiyyah ‘ala*

<sup>602</sup> *Ibid.*

<sup>603</sup> Hazizi Abdul Rahman, (Ahli Jawatankuasa ISMA Pusat, Biro Latihan dan Kepimpinan), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 21 Ogos 2013.

<sup>604</sup> Tajul Arifin Che Zakaria, ( Ahli Jawatankuasa IKRAM Pusat, Lujnah Tarbiyah), dalam temu bual penulis dengan beliau pada 12 Sept. 2011.

<sup>605</sup> *Ibid.*

*al-Tariq*. Sebahagiannya menjadikan karya penulisan Sayyid Muhammad Nūḥ sebagai bahan tarbiah di dalam usrah. Sebahagian yang lain pula menjadikan karya tokoh ini sebagai bahan pengisian di dalam program *Katībah*<sup>606</sup> dan penyampaian tazkirah. Selain itu, hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa karya-karya Sayyid Muhammad Nūḥ ini banyak digunakan sebagai bahan pengisian tarbiah diperingkat pimpinan. Perkara ini juga bersesuaian dengan matlamat penulisan karya-karyanya yang menjurus ke arah pembentukan tarbiah yang seimbang dan pembentukan ciri-ciri *harakī* di kalangan penggerak gerakan dakwah.

#### **4.2 Kajian Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Dalam Beberapa Isu Semasa Gerakan Dakwah di Malaysia**


Dalam melihat kepada aplikasi *al-manhaj al-haraki* antara gerakan Islam di Malaysia, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan yang boleh diketengahkan melalui beberapa isu terpilih dalam menzahirkan hala tuju dan matlamat setiap gerakan yang telah ditetapkan. Secara umumnya, ‘*amal Islāmi* yang menjadi dasar matlamat setiap gerakan dakwah tidak sunyi dari menyeru manusia melaksanakan tugas pengabdian pada Allah s.w.t. Seruan tersebut adalah merupakan tugas utama dan asas bagi setiap gerakan dakwah yang ditubuhkan. Fathi Yakan menyebutkan bahawa gerakan dakwah perlu melaksanakan tugas utamanya iaitu mengembalikan manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.<sup>607</sup> Menurut beliau, gerakan dakwah telah melalui fasa kerugian apabila

---

<sup>606</sup> Program *katībah* adalah merupakan program kerohanian *qiyyām al-layl* yang merupakan salah satu wasilah tarbiah di dalam Ikhwan Muslimin. Gerakan dakwah di Malaysia juga menjadikan program *katībah* ini sebagai salah satu wasilah tarbiah mereka.

<sup>607</sup> Fathi Yakan, *Musykilāt al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, 153.

menfokuskan pada isu yang remeh temeh.<sup>608</sup> Oleh yang demikian, gerakan dakwah perlu melihat pada isu yang lebih besar dalam menggerakkan dakwah supaya manfaat kesatuan dan kerjasama yang dijalankan dapat diuruskan dengan baik dalam menyelesaikan masalah yang lebih utama dan penting. Di dalam kajian ini, perbincangan berkaitan isu semasa tertumpu pada dua aspek iaitu isu mempertahankan Islam di Malaysia dan isu politik Islam di Malaysia, di samping mengemukakan bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu tersebut.



**Gambar Rajah 6 : Kajian Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Gerakan Dakwah Dalam Isu-Isu Semasa Di Malaysia**

#### 4.2.1 Isu Mempertahankan Islam di Malaysia :

Mempertahankan kedudukan Islam adalah merupakan perkara terpenting dan menjadi tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh pemerintah Islam. Ibn Khaldun di dalam kitabnya, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, menyebutkan bahawa pemerintah didefinisikan

<sup>608</sup> *Ibid*, 152.

sebagai “*Pengganti kepada Rasulullah SAW dalam kedudukan menjaga agama dan pelaksanaan politik dunia*”.<sup>609</sup> Di dalam definisi ini, jelas bahawa tanggungjawab menjaga kedudukan agama merupakan tanggungjawab utama seorang khalifah dari segala anasir yang boleh menggugat kedudukan agama tersebut. Yūsuf al-Qaradāwī menyebutkan bahawa menegakkan negara Islam adalah merupakan suatu kefarduan (*fariḍah*) di sisi agama dan merupakan suatu kemestian (*darūrah*) dalam kehidupan. Hak Islam yang perlu ditunaikan ialah menegakkan pemerintahan Islam yang boleh meneguhkan kedudukan agama dan merealisasikan pembelajarannya di atas muka bumi.<sup>610</sup>

Ancaman terhadap Islam telah banyak berlaku dan tidak terkecuali berlaku di Malaysia. Dalam usaha mempertahankan kedudukan Islam terhadap ancaman tersebut, peranan yang dimainkan oleh gerakan dakwah di Malaysia tidak boleh dinafikan dalam memberi sumbangsih mempertahankan kedudukan Islam di Malaysia. Banyak isu dalam usaha gerakan dakwah mempertahankan Islam sama ada bergerak secara bersendirian atau secara kolektif di antara gerakan-gerakan dakwah di Malaysia. Antara isu-isu yang akan dihuraikan dalam bahagian ini ialah isu COMANGO, isu Kalimah Allah dan isu Syiah.

**a) Isu COMANGO dan Aplikasi *al-Manhaj al-Harakī*:**


COMANGO adalah singkatan kepada *The Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process* iaitu gabungan NGO-NGO di Malaysia dalam tuntutan Hak Asasi Manusia.<sup>611</sup> COMANGO yang terdiri dari 54 NGO liberal telah membuat beberapa tuntutan kepada

<sup>609</sup> Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, 2:518

<sup>610</sup> Yūsuf al-Qaradāwī, *al-Dīn wa al-Siyāsah: Ta'sīl wa Rad al-Syubuhāt* (Kaherah: Dār al-Syurūq:2007), 135.

<sup>611</sup> Lihat dalam laman rasmi facebook COMANGO: [www.facebook.com/COMANGO](https://www.facebook.com/COMANGO), ditinjau pada 18 Disember 2013, <https://www.facebook.com/COMANGO?ref=ts&fref=ts>.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam proses UPR (Universal Periodic Review) berkaitan hak asasi manusia. Tuntutan tersebut bertujuan melobi negara-negara dunia bagi menekan Malaysia agar menerima tuntutan mereka di Human Rights Council (HRC), Geneva Switzerland pada 24 Okt 2013. Antara tuntutan melampau kumpulan gabungan ini iaitu hak asasi berkaitan SOGI (Sexual, Orientation, and Gender) untuk golongan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender), hak untuk murtad bagi orang Islam dan kesamarataan antara agama.<sup>612</sup> Turut termasuk dalam tuntutan kumpulan ini iaitu supaya memansuhkan undang-undang jenayah syariah di Malaysia yang memperuntukkan kesalahan khalwat sebagai suatu jenayah.<sup>613</sup>



**Gambar Rajah 7 : Ancaman Beberapa Tuntutan COMANGO**

<sup>612</sup> Lihat *proposal* penuh yang disediakan oleh kumpulan COMANGO ini berkaitan tuntutan yang dikemukakan dalam proses semakan UPR di Human Rights Council, Geneva Switzerland pada 24 Okt 2013. Lihat proposal yang dikemukakan pertubuhan ini kepada United Nations Human Rights di dalam laman rasminya, laman sesawang [ohchr.org](http://ohchr.org), ditinjau pada 2 Jan 2015, [lib.ohchr.org/HRBodies/UPR/Documents/Session4/MY/COMANGO\\_MYS\\_UPR\\_S4\\_2009\\_CoalitionofMalaysianNGOsintheUPRProcess\\_JOINT\\_upr.pdf](http://lib.ohchr.org/HRBodies/UPR/Documents/Session4/MY/COMANGO_MYS_UPR_S4_2009_CoalitionofMalaysianNGOsintheUPRProcess_JOINT_upr.pdf).

<sup>613</sup> Artikel Tanpa Penulis, “Bimbang Tuntutan Comango”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, ditinjau pada 18 Disember 2013, [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131117/dn\\_07/Bimbang-tuntutan-Comango](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131117/dn_07/Bimbang-tuntutan-Comango).

Tuntutan yang dikemukakan ini jelas menunjukkan ancaman kepada kedudukan Islam di Malaysia. Tuntutan seperti ini juga membawa kepada serangan secara halus yang dimainkan oleh golongan kafir dalam menggugurkan ajaran Islam dengan berselindung di sebalik hujah hak asasi manusia. Umat Islam perlu memainkan peranan masing-masing dalam menangani isu ini secara bersama kerana golongan kafir juga bersatu dalam membawa ancaman terhadap Islam melalui tuntuan COMANGO ini.

Gerakan Islam di Malaysia sebenarnya berperanan dalam menangani isu dan tuntutan COMANGO ini. ISMA merupakan antara yang bergabung di dalam Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Islam Dalam Proses melihat Semakan Berkala Sejagat (Muslim UPRo) yang berlangsung di Geneva, Switzerland tersebut.<sup>614</sup> Selain itu, ISMA telah mendedahkan dalang di sebalik gabungan NGO liberal (COMANGO) sebanyak 54 NGO yang bersikap anti Islam di samping mendedahkan tokoh-tokoh liberal di Malaysia dengan mengedarkan risalah kepada masyarakat dalam solat Jumaat pada 8 Nov 2013.<sup>615</sup> Di samping itu, ISMA

---

<sup>614</sup> Menurut Mohamed Hafiz Mohamed Nordin, Timbalan Presiden Gabungan NGO Muslim UPRo, Gabungan Muslim UPRo adalah bagi membantah tuntutan COMANGO yang kononnya atas nama hak asasi manusia sebagai cubaan menghakis fitrah manusia serta menafikan hak-hak umat Islam di negara ini. Kehadiran delegasi Muslim UPRo ini penting bagi menghadapi segala tuntutan yang dibuat oleh COMANGO dan melihat proses semakan berkala sejagat (UPR) melalui Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) di bawah PBB tersebut. Tambah Mohamed Hafiz, tuntutan COMANGO sebenarnya langsung tidak menggambarkan keadaan sebenar di negara ini, kerana segala yang dituntut bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Malah hanya terdapat 12 sahaja daripada 54 anggota yang terlibat berdaftar secara sah dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS). Artikel Tanpa Penulis, “Wakil Gabungan Sertai Muslim UPRo di Geneva”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, ditinjau pada 16 April 2014, [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131013/dn\\_08/Wakil-Gabungan-sertai-Muslim-UPRo-di-Geneva](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131013/dn_08/Wakil-Gabungan-sertai-Muslim-UPRo-di-Geneva).

<sup>615</sup> Antara tokoh yang didebak oleh ISMA ialah Pengerusi BERSIH, Ambiga Sreenevasan, Pengerusi Eksekutif Malaysia Kini, Premesh Chandran, Ahli Lembaga Sisters in Islam, Marina Mahathir, Pengarah Eksekutif Tenaganita, Irene Fernandez, Pengarah Eksekutif SUARAM, Cynthia Gabriel, Centre for Independent Journalisme (CIJ), Sonia Rhandhawa, Setiausaha Malaysia Youth & Students Democratic Movements, DEMA, Yong Kin Yin, Pengarah SUARAM, Kua Kia Soong, Penyelaras Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) dan Setiausaha Parti Sosialis Malaysia (PSM), S. Arutchelvan. Artikel Tanpa penulis,

juga telah membuat kempen besar-besaran bagi mendedahkan kesan dan implikasi buruk kepada masyarakat Islam khususnya di Malaysia, sekiranya segala tuntutan yang dibuat oleh COMANGO mendapat kelulusan dan perhatian. Pada 16 Dis. 2013, ISMA telah melancarkan Kempen “Sejuta Ummah Tolak COMANGO” bagi menimbulkan kesedaran masyarakat umum terhadap bahaya tuntutan yang dibuat oleh kumpulan COMANGO ini. ISMA juga mengajak masyarakat umum menandatangani *Petisyen Online* bagi menyatakan sokongan terhadap kempen “Sejuta Ummah Tolak COMANGO” sebagai respon dan suara dari masyarakat untuk diserahkan kepada pihak kerajaan. Petisyen ini sebagai bukti bahawa dakwaan COMANGO adalah palsu dan masyarakat menolak segala tuntutan kumpulan ini yang bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>616</sup> ISMA juga mengambil inisiatif menjalankan penerangan kepada seluruh rakyat Malaysia dengan mengadakan siri ceramah bagi menyedarkan masyarakat tentang ancaman yang dibawa oleh kumpulan COMANGO ini.<sup>617</sup>

PAS dalam Isu COMANGO dilihat agak sukar dalam menyatakan pendirian kerana melibatkan kumpulan Pembangkang yang segelintir dari pemimpinnya terlibat dalam mempertahankan Isu COMANGO.<sup>618</sup> Walaupun begitu, PAS melalui Dewan Pemudanya, ada mengeluarkan kenyataan menyeru supaya membantah tuntutan melampau dan niat jahat yang dibuat oleh kumpulan COMANGO. Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat,

---

<sup>616</sup> “ISMA Edar 70 ribu risalah dedah dalang COMANGO”, laman sesawang *Isma Web*, ditinjau pada 11 November 2013, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/11/isma-edar-70-ribu-risalah-dedah-dalang-comango/>.

<sup>617</sup> Aminuddin Yahaya, “ISMA Lancar Kempen Sejuta Ummah Tolak Comango”, laman sesawang *Isma Web*, ditinjau pada 8 Jan. 2014, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/12/isma-lancar-kempen-sejuta-ummah-tolak-comango/>.

<sup>618</sup> *Ibid.*

Menurut Ketua Delegasi Gabungan Muslim UPRo ke Geneva, Azril Mohd Amin berkata, penglibatan beberapa pemimpin pembangkang bersama Gabungan COMANGO bukan lagi menjadi rahsia. Mereka secara berterusan mempersoalkan kesucian agama Islam dengan berselindung di sebalik topeng hak asasi manusia termasuk dalam isu murtad. Lihat di dalam Mohd Asron Mustapha, “Pembangkang Sokong Comango?”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, ditinjau pada 4 Dis 2013, [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131025/dn\\_09/Pembangkang-sokong-Comango](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131025/dn_09/Pembangkang-sokong-Comango).

Nasarudin Hassan mengeluarkan kenyataan media dengan menyifatkan tuntutan COMANGO menyentuh sensitiviti umat Islam.<sup>619</sup> Ketua Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan, Kamaruzaman Mohamad, menyifatkan tuntutan yang dibuat oleh COMANGO ini adalah keterlaluan dan bercanggah dengan hak asasi dalam acuan Islam. Tuntutan seperti kebebasan beragama, mendesak supaya mengiktiraf hak-hak Sexual Orientation and Gender Identity (SOGI) terutamanya bagi golongan Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT). Menurutnya, desakan ini jika ditinjau untuk suatu tempoh yang panjang pastinya akan membabitkan impak dan implikasi negatif terhadap sistem sosial ketamadunan manusia dan fitrah manusia.<sup>620</sup> Di dalam PAS, pemimpin yang banyak mengeluarkan pandangan supaya membantah isu COMANGO adalah dikalangan Dewan Pemuda PAS. Hasil kajian juga, tiada kenyataan rasmi yang ditemui dari PAS Pusat sebagai lidah rasmi berhubung isu tuntutan yang dibuat oleh COMANGO ini.

IKRAM juga mengambil pendirian yang sama seperti mana PAS tidak mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung isu COMANGO. Menurut Mohd Parid Sheikh Ahmad, IKRAM mengambil pendirian untuk terus melakukan hubungan dengan kumpulan-kumpulan yang terlibat dengan tuntutan COMANGO ini sebagai bentuk hubungan dakwah dengan mereka (*engagement*). Hubungan IKRAM dengan kumpulan Liberal ini adalah suatu bentuk *engagement* yang membina dan bukannya merosakkan, sama ada dari aspek pembinaan negara atau pembinaan masyarakat.<sup>621</sup> IKRAM sebagai pertubuhan dakwah

---

<sup>619</sup> Nasrudin Hassan, “Tuntutan COMANGO Sentuh Sensitiviti Umat Islam” laman sesawang *Harakah Daily*, ditinjau pada 11 Nov 2013, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/ketua-pemuda-pas/22985-tuntutan-comango-sentuh-sensitiviti-umat-islam>.

<sup>620</sup> Kamaruzaman Mohamad, “Pemuda PAS Seru Bantah Tuntutan COMANGO”, laman sesawang *Harakah Daily*, ditinjau pada 5 Disember 2013, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/23071-pemuda-pas-seru-bantah-tuntutan-comango>.

<sup>621</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM dalam temu bual dengan penulis pada 19 Mac 2014.

tidak membawa pendekatan yang menjurus ke arah permusuhan dan salah satu pendekatan dakwah Islam kepada masyarakat adalah hubungan dakwah bersama masyarakat *non muslim* ini.<sup>622</sup> Walaupun IKRAM berada dalam gabungan NGO bersama kepimpinan COMANGO ini, namun IKRAM berpegang kepada prinsip dan tidak semua pendirian yang dikeluarkan oleh kepimpinan COMANGO akan dipersetujui oleh IKRAM. IKRAM membina hubungan dalam gabungan NGO bersama kumpulan ini adalah bagi menyatakan pendirian Islam dan menampakkan pandangan Islam kepada mereka.<sup>623</sup>

Di samping itu, IKRAM mengambil pendirian untuk tidak bersama dalam gabungan Muslim UPRo adalah dengan alasan bahawa IKRAM akan menilai terlebih dahulu sesuatu gabungan termasuk Muslim UPRo supaya ia tidak mewakili kepentingan mana-mana pihak sama ada kerajaan atau pembangkang yang menyebabkan kesan buruk kepada hubungan dakwah. IKRAM mengambil pendirian seperti ini supaya dapat mengambil pendekatan tengah yang menjayakan proses penyampaian dakwah kepada semua, termasuk golongan *non muslim*.<sup>624</sup>

### **Analisis Isu COMANGO dari aspek *al-Manhaj al-Haraki*:**

Berdasarkan perbincangan yang lepas jelaslah bahawa isu COMANGO merupakan isu besar umat Islam di Malaysia ini. Gerakan dakwah khususnya di Malaysia perlu mengambil pendirian secara bersama dalam menangani isu ini dengan sebaik mungkin. Isu seperti

---

<sup>622</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM dalam temu bual dengan penulis pada 19 Mac 2014.

<sup>623</sup> *Ibid.*

<sup>624</sup> *Ibid.*

inilah yang perlu dijadikan agenda besar gerakan dakwah dalam mempertahankan bumi Malaysia dan umat Islam daripada setiap agenda kejahanan musuh-musuh Islam.

Salah satu elemen dalam *harakah tanzīmiyyah* dan *siyāsiyyah* berdasarkan huraian terhadap hadith-hadith Sayyid Muḥammad Nūḥ adalah memperkasakan *amal jamā‘i* (team work) dalam menggerakkan dakwah Islam. Sayyid Muḥammad Nūḥ juga di dalam karya-karya beliau banyak menekankan aspek kesepakatan dan kesatuan terutamanya dikalangan umat Islam dalam menggerakkan kewajipan dakwah dalam masyarakat. Dalam huraianya terhadap hadith ke 21 dari kitab *Tawjīhat Nabawiyah ‘ala al-Tariq* berkaitan topik “Kewajipan dalam Melazimi Jemaah”, Sayyid Muḥammad Nūḥ telah menegaskan bahawa musuh-musuh Islam dari kalangan kafir musyrik dan golongan munafiq membentuk kesepakatan dan perpaduan dalam bekerjasama menentang Islam. Kerjasama ini terbentuk dalam pelbagai aspek sama ada dalam bentuk kesepakatan ketenteraan seperti Pertubuhan *NATO* (North Atlantic Treaty Organization), membina jaringan perniagaan seperti EEC (European Economic Community), membentuk kesepakatan politik seperti Parlimen Benua Eropah (The European Parliament), dalam bentuk kesatuan republik dan negara seperti Republics of The Soviet Union dan United States of America.<sup>625</sup> Menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, kesemua kesepakatan yang dilakukan oleh golongan bukan Islam ini adalah dengan niat yang buruk terhadap Islam seperti melakukan rampasan terhadap tanah-tanah umat Islam dengan mengaut segala sumber kekayaan buminya dan melakukan penindasan terhadap umat Islam.<sup>626</sup> Ayat-ayat al-Quran juga terlalu banyak dalam membahaskan tentang realiti kesepakatan antara musuh-musuh Islam tersebut dalam

---

<sup>625</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1&2 : 139.

<sup>626</sup> *Ibid.*

menghadapi dan menentang kemaraan umat Islam seperti di dalam Surah al-Tawbah:67, al-Baqarah: 120, al-Baqarah : 217, al-Kahf : 20 dan al-Mumtahanah : 20.<sup>627</sup>

Menurut Sayyid Muḥammad Nūḥ, dalam menghadapi cabaran kesepakatan musuh-musuh Islam ini, perlunya umat Islam membina kesepakatan dan kesatuan yang sama sepertimana musuh-musuh Islam membina kesepakatan. Selain itu, kesepakatan ini adalah bagi menghalang kejahatan musuh-musuh Islam terhadap manusia secara umumnya supaya masyarakat bebas daripada penindasan dan kezaliman golongan yang tidak bertanggungjawab.<sup>628</sup> Ayat-ayat al-Quran banyak menyeru supaya umat Islam melakukan kesepakatan dan membina jaringan kesatuan di antara saudara-saudara seakidah, antaranya, dari Surah al-Tawbah : 36 dan 71, al-Anfāl : 73.<sup>629</sup> Di dalam kitab *Afāt ‘ala al-Tariq* juga, Sayyid Muḥammad Nūḥ menekankan tentang kepentingan ‘*amal jamā’ī* bahawa seorang pendakwah tidak terlepas dari perasaan putus asa dan lemah semangat (*futūr*). Semua ini ditampung dan dilengkapkan dengan adanya jamaah.<sup>630</sup> Di dalam hadith ke 22, Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan :

“Islam mampu bertapak di atas muka bumi ini atas dasar kekuatan jamaah yang dibentuk, dan pergerakannya di kalangan manusia (bekerja secara kolektif), dan dilihat bahawa kekuatan jamaah kembali kepada beberapa perkara dan ciri-ciri yang banyak. Salah satu yang paling penting, ialah : sistem yang ditegakkan atas dasar kerjasama dimana setiap individu ada tugas dan tanggungjawab yang sesuai dengan kekuatan dan kemahirannya dan setiap orang bekerja dengan penuh kesungguhan dan kemampuannya samaada di peringkat negara, masyarakat atau di peringkat keluarga”<sup>631</sup>.

<sup>627</sup> *Ibid*, 140.

<sup>628</sup> *Ibid*.

<sup>629</sup> *Ibid*.

<sup>630</sup> Sayyid Nūḥ, *Afāt*, 1:12.

<sup>631</sup> Sayyid Nūḥ, *Tawjīhāt Nabawiyah*, 1&2:156.

Jadual berikut menunjukkan bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah dalam isu COMANGO serta prinsip *al-manhaj al-haraki* yang ditekankan oleh Sayyid Muhammad Nūḥ di dalam karya-karyanya :

No	Gerakan Dakwah	Aplikasi dan Pendekatan Gerakan Dakwah dalam Isu COMANGO	<i>Al-Manhaj al-Haraki</i> dan Prinsip Dakwah Karya Sayyid Muhammad Nūḥ
1	PAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada kenyataan Rasmi dari PAS Pusat. Hanya kenyataan media dari Ketua Dewan Pemuda Pusat dan Dewan Pemuda Wilayah Persekutuan.</li> <li>- Wujud isu lain yang lebih besar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenali Agenda Musuh.</li> <li>- Pemeriksaan <i>Amal Jamā'i</i>.</li> <li>- Politik dan Kekuasaan.</li> </ul>
2	IKRAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Kenyataan Rasmi dari IKRAMPUSAT.</li> <li>- Membina hubungan (<i>engagement</i>) dengan pimpinan COMANGO sebagai pendekatan dakwah.</li> </ul>	
3	ISMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bantahan Comango bersama Muslim UPRo ke Geneva.</li> <li>- Ceramah kesedaran.</li> <li>- Petisyen online bantahan COMANGO.</li> </ul>	

**Jadual 26 :** Penilaian Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Gerakan Dakwah dalam Isu COMANGO di Malaysia

Isu COMANGO ini melibatkan maruah dan kedudukan Islam di Malaysia yang perlu dipertahankan terutamanya bagi gerakan dakwah yang bermatlamat untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat. Islam tidak dapat tersebar dengan sebaik mungkin sekiranya umat Islam di Malaysia ini merelakan segala tuntutan yang dikemukakan oleh pihak musuh Islam melalui COMANGO ini. Musuh-musuh Islam dilihat lebih bersepakat dalam memperjuangkan segala tuntutan melampau ini dan gerakan dakwah perlu lebih aktif

bersatu dan mengambil kata sepakat dalam membanteras secara bersama di samping mengenepikan segala perselisihan yang boleh menghalang gerak kerja secara bersama.

Yūsuf al-Qaraḍāwī menyebutkan salah satu perkara utama dalam menguruskan perselisihan berdasarkan *fiqh al-Ikhtilāf* ialah memfokuskan perbincangan berkaitan isu-isu utama umat Islam. Perkara yang sering membawa manusia kepada perselisihan dan halangan kepada penyatuan adalah kerana jiwa yang masih kosong dari pengisian dengan matlamat-matlamat yang besar dan cita-cita yang tinggi. Sekiranya jiwa kosong dari pengisian dengan perkara yang utama, maka fokus dan matlamat akan tertumpu pada perkara yang kecil dan remeh temeh.<sup>632</sup> Begitu juga antara gerakan dakwah di Malaysia ini, perkara yang boleh mengelakkan perselisihan antara satu sama lain ialah menfokuskan pada isu utama umat Islam sepetimana isu COMANGO ini. Isu seperti ini sebagai peluang dan medan untuk gerakan dakwah melakukan kesepakatan bagi menyuarakan pandangan bersama sekaligus dapat memperkecilkan jurang perbezaan antara gerakan-gerakan dakwah sepetimana pandangan al-Qaradawi tersebut.

Isu COMANGO adalah melibatkan maruah umat Islam dan kesepakatan musuh-musuh Islam dalam menghapuskan identiti Islam di negara ini jelas melalui tuntutan-tuntutan melampau yang berselindung di sebalik isu hak asasi manusia. Gerakan Islam di Malaysia perlu bersepakat dalam menyatukan suara dan gerak-kerja mereka bagi menentang tuntutan yang dibuat oleh kumpulan liberal COMANGO. Berdasarkan analisis kajian menunjukkan bahawa hanya ISMA yang terlibat dalam gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Islam Dalam

---

<sup>632</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Šāhwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū' wa al-Tafarruq al-Madhūm*, cet. ke 5, (Kaherah: Dār al-Sohwah: 1994), 135.

Proses Semakan Berkala Sejagat (Muslim UPRo) dalam membuat bantahan terhadap tuntutan COMANGO di Geneva, Switzerland pada 24 Okt 2013. Adapun PAS dan IKRAM tidak membuat kenyataan media atau menghantar wakil dalam Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Islam ini. Malah daripada hasil temu bual yang telah dijalankan didapati terdapat gerakan dakwah yang berpandangan bahawa terdapat isu lain yang lebih besar berbanding isu COMANGO ini yang perlu difokuskan.<sup>633</sup> Malah sebahagian yang lain mengambil pendirian untuk tidak bersama dalam menyatakan pendirian bergabung tenaga dalam Muslim UPRo kerana bersikap untuk tidak berpihak pada mana-mana kumpulan supaya lebih bersifat *neutral* agar mudah untuk membina hubungan dengan kepimpinan COMANGO sebagai asas hubungan dakwah kepada golongan ini.<sup>634</sup> Sepatutnya dalam isu seperti ini, gerakan-gerakan Islam perlu bersepakat dan bergabung suara demi kebaikan umat Islam di Malaysia khususnya dan peluang untuk bersatu padu dalam isu seperti ini lebih cerah dan mudah kerana ia melibatkan perkara utama dalam isu umat Islam seperti mana yang disebutkan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī.<sup>635</sup>

Hasil dari bantahan terhadap isu COMANGO yang digerakkan oleh Muslim UPRo, akhirnya kerajaan Malaysia telah menolak sebahagian besar tuntutan kumpulan ini semasa sesi penerimaan muktamad syor hak asasi manusia di Geneva, Switzerland pada 20 Mac 2014.<sup>636</sup> Kajian mendapati bahawa pendirian tegas kerajaan Malaysia ini merupakan

---

<sup>633</sup> Seperti pendirian yang dibuat oleh PAS.

<sup>634</sup> Seperti pendirian yang dibuat oleh IKRAM. Sekiranya dilihat kepada latar belakang pendirian IKRAM dalam membina gabungan suara bersama *non muslim* seperti GBM, Bersih 2.0 dan NEGARA-KU yang melibatkan isu keadilan, kemanusiaan dan masyarakat madani, sepatutnya di dalam isu COMANGO seperti ini lebih terkehadapan dalam membina gabungan suara kerana ia melibatkan kepentingan umat Islam secara khusus. Malah peluang untuk menyatakan kesepakatan antara gerakan dakwah di Malaysia ini.

<sup>635</sup> al-Qaraḍāwī, *al-Saḥwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū'*, 135.

<sup>636</sup> Antara yang ditolak oleh Kerajaan ialah syor COMANGO supaya kerajaan Malaysia memansuhkan atau meminda undang-undang yang mengharamkan perlakuan jenayah seperti aktiviti lesbian, gay, biseksual

perkembangan yang amat baik dan perkara ini membuktikan bahawa, segala usaha badan-badan NGO yang digerakkan oleh MuslimUPRo dalam membantah tuntutan ini membawa kesan yang positif dalam mempertahankan imej Islam di bumi Malaysia ini.

**b) Isu Kalimah Allah dan Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki***

Isu Kalimah Allah ini bermula apabila keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 31 Dis 2009 yang dihakimi oleh Hakim Datuk Lau Bee Lan membenarkan penerbitan Majalah Herald – The Chatolic Weekly bagi menggunakan kalimah Allah.<sup>637</sup> Keputusan ini secara faktanya bertentangan dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang melarang penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam. Larangan ini adalah selari dengan Enakmen Agama Bukan Islam

---

dan transgender (LGBT), syor memeterai Perjanjian Antarabangsa Tentang Awam dan Politik (ICCP), Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Malaysia juga menolak secara khusus gesaan untuk mengkaji semula sistem undang-undang Syariah. Artikel tanpa penulis, “Kerajaan Bertegas Tolak Tuntutan COMANGO”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, ditinjau pada 22 April 2014, [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140321/dn\\_14/Kerajaan-bertegas-tolak-tuntutan-Comango](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140321/dn_14/Kerajaan-bertegas-tolak-tuntutan-Comango).

<sup>637</sup> Sebelum itu, isu ini telah dicetuskan melalui reaksi Pengarang akhbar Herald – The Catholic Weekly, Paderi Lawrence Andrew menyatakan bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperbaharui permit penerbitan akhbar itu tanpa larangan menggunakan kalimah “Allah”, walaupun kerajaan menegaskan bahawa larangan penggunaan kalimah “Allah” masih kekal. Barisan Kabinet Kerajaan juga masih mengekalkan larangan bagi semua agama kecuali Islam daripada menggunakan kalimah Allah dalam akhbar masing-masing. Pada 19 Mac 2008 Gereja Katolik telah memohon di Mahkamah Tinggi untuk melakukan semakan kehakiman terhadap larangan penggunaan kalimah Allah. Pada 5 Mei 2008, Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) membuat keputusan membenarkan permohonan Gereja Katolik untuk membuat semakan kehakiman (undang-undang) terhadap larangan menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan mingguan Herald The Catholic Weekly. Dalam tempoh terdekat selepas kenyataan dari pihak mahkamah tersebut, iaitu antara 5 hingga 7 Mei 2008 telah diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang kali ke 82 telah menegaskan bahawa lafaz atau kalimah Allah adalah kalimah suci khusus bagi agama serta umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama bukan Islam lain. pada 7 Jan 2009, Kementerian Dalam Negeri (KDN) meluluskan permit penerbitan Herald bagi tempoh 1 Jan 2009 hingga Dis 2009, dengan syarat kalimah Allah tidak digunakan di dalamnya dan perkataan “Terhad” mesti dicetak pada muka depan majalah mingguan itu yang hanya boleh diedarkan kepada penganut Kristian serta di Gereja sahaja. Pada 16 Feb 2009, Ketua Paderi Roman Katolik Kuala Lumpur, Murphy Pakiam menfailkan semasa kehakiman berkaitan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan Gereja dengan menamakan Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan sebagai responden.

(Kawalan dan Perkembangan di Kalangan Orang Islam) yang digubal berdasarkan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kalimah Allah hanya boleh digunakan bagi umat Islam sahaja. Pada 5 Jan 2010, Kementerian Dalam Negeri menfaikan permohonan untuk menangguhkan perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan Putrajaya. Peguam Negara, Abd Ghani Patail, menyatakan bahawa proses segera itu tidak sepatutnya disalah tafsirkan. Pada 6 Jan 2010 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan penangguhan pelaksanaan perintah ini oleh Majalah mingguan Katolik, Herald berikutan persetujuan KDN dan Ketua Paderi Roman Katolik Malaysia. Persetujuan ini telah dicapai berdasarkan kepada kepentingan negara. Kemuncaknya apabila keputusan Mahkamah Rayuan pada 15 Okt 2013 melarang penerbitan mingguan Katolik, *The Herald*, menggunakan kalimah Allah sebagai merujuk kepada “tuhan”.<sup>638</sup> Sebahagian kelompok dari kalangan Gerakan Islam mengambil pendirian tegas dengan melarang penggunaan kalimah Allah oleh *non muslim*. Sebahagian yang lain bersikap lebih sederhana dengan mengambil pendekatan berdialog dalam menangani isu ini secara lebih berhati-hati terutamanya dalam membina hubungan dakwah di antara masyarakat muslim dan *non muslim* di Malaysia ini.

ISMA dalam pendiriannya terhadap Isu Kalimah Allah mengambil pendekatan lebih tegas dengan melarang penggunaan kalimah Allah oleh *non muslim*. Menurut ISMA, kalimah Allah adalah kata nama khas yang tidak boleh disalahgunakan bagi menunjukkan maksud “God” di dalam bahasa Inggeris. ISMA mempertikaikan niat pihak gereja yang ingin berkeras untuk menggunakan kalimah Allah walaupun kalimah itu tiada dalam *Old*

---

<sup>638</sup> T K Letchumy Tamboo, “Mahkamah Tidak Benarkan Gereja Katolik Rayu Keputusan Larang Guna Kalimah Allah”, laman sesawang Astro Awani, ditinjau pada 4 Sept 2014, <http://www.astroawani.com/budget/news/show/mahkamah-tidak-benarkan-gereja-katolik-rayu-keputusan-larang-guna-kalimah-allah-38237>.

*Testament* dan *New Testament* (Perjanjian Lama dan Baru).<sup>639</sup> ISMA mempersoalkan gesaan Lim Guan Eng dalam perutusan khas beliau sempena Hari Krismas yang mendesak kerajaan supaya membenarkan penggunaan kalimah Allah untuk Bible Bahasa Melayu. Gesaan tersebut disusuli dengan kenyataan Majlis Gereja Malaysia yang disokong oleh Persekutuan Kristian Malaysia mengumumkan bahawa kesemua gereja akan tetap menggunakan kalimah Allah walaupun bertentangan dengan titah perintah Sultan Selangor yang menghalang perbuatan tersebut. ISMA berpandangan, larangan kerajaan terhadap penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian menepati kehendak *Maqāṣid Syarī‘ah* iaitu untuk menjaga agama berdasarkan kaedah *Maṣāliḥ Mursalah*.<sup>640</sup>

IKRAM dalam kenyataan media yang dibuat pada 15 Januari 2013 menyebutkan bahawa pandangan IKRAM dalam mencari jalan penyelesaian terhadap polemik isu penggunaan kalimah Allah bukannya dengan menghalang penggunaan kalimah Allah bagi agama Kristian, tetapi dengan melipatgandakan usaha bagi menangani kelemahan aqidah dan kejahilan umat Islam sendiri.<sup>641</sup> Kenyataan IKRAM ini dilihat lebih bersifat toleransi dalam menangani isu ini selain mengenengahkan isu kelemahan umat Islam terhadap pegangan akidah mereka sehingga boleh terpengaruh dengan membaca Bible di dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan perkara ini, kajian mendapati bahawa pendekatan IKRAM lebih bersifat harmoni apabila mengenengahkan isu kelemahan akidah umat Islam dan tidak membesar isu sama ada *non muslim* boleh menggunakan kalimah Allah ataupun tidak. Perkara ini juga sebagai suatu peringatan dalam melihat usaha dakwah yang masih lemah

<sup>639</sup> Abdullah Zaik Abdul Rahman, “Kenyataan ISMA Berkennaan Isu Kalimah Allah”, laman *ismaweb*, ditinjau pada 12 Disember 2013, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/01/kenyataan-isma-berkenaan-isu-kalimah-allah/>.

<sup>640</sup> *Ibid.*

<sup>641</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, “Pendirian IKRAM Berkennaan Isu Kalimah Allah”, laman sesawang *ikram org.*, ditinjau 12 Disember 2013, [www.ikram.org.my/v2/ind](http://www.ikram.org.my/v2/ind).

serta perlu bergerak setanding dengan gerakan Kristianisasi yang sedang bergerak tersebut. IKRAM tidak melihat perkara besar yang perlu difokuskan sebagai pendekatan dalam menangani isu kalimah Allah iaitu perbalahan samada kalimah suci tersebut boleh digunakan atau sebaliknya. Tetapi melihat dari sudut kelemahan yang ada pada umat Islam berkaitan pegangan akidah mereka dan dakwah yang perlu diperteguhkan dari masa ke semasa sebagai pendekatan menangani isu ini dengan lebih harmoni.

PAS melalui pendirian Mujahid Rawa, lebih cenderung ke arah membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian.<sup>642</sup> Namun sikap toleransi ini masih terikat dengan syarat dalam membenarkan penggunaan kalimah Allah ini jika penggunaan tersebut dalam situasi dan keadaan yang tiada unsur provokatif.<sup>643</sup> PAS lebih mempertikaikan pendekatan yang dilihat boleh membawa kekeruhan dalam pembinaan hubungan dan toleransi di antara agama, khususnya agama Islam dan Kristian.<sup>644</sup> PAS tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa perkara ini memberi ruang ke arah memudahkan penyebaran agama Kristian di Malaysia. PAS berpandangan, hujjah seperti ini akan memberi ruang kepada titik permusuhan dan memburukkan hubungan di antara umat Islam dan golongan

---

<sup>642</sup> Mujahid Rawa, “Kalimah Allah : Episod Penggulungan Hujjah”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/kalimah-allah-episod-penggulungan-hujah-1.213541>.

<sup>643</sup> Selain daripada PAS yang mengambil pendekatan seperti ini, IKRAM dan juga pendirian yang dibuat oleh Mohd Asri Zainul Abidin turut sama mengambil pendirian yang lebih toleransi ini. Mohd Parid Sheikh Ahmad, “Pendirian Ikram Berkenaan Isu Kalimah Allah”, laman sesawang *ikram.org*, ditinjau pada 14 Feb 2014,[http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=795:pendirian-ikram-berkenaan-isu-kalimah-allah&Itemid=13](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=795:pendirian-ikram-berkenaan-isu-kalimah-allah&Itemid=13). Mohd Asri Zainul Abidin, “Kalimah Allah : Emosi dan Realiti”, laman sesawang *drmaza*, ditinjau pada 10 Feb 2014, <http://drmaza.com/home/?p=2528>.

<sup>644</sup> Mujahid Rawa, “Kalimah Allah : Episod Penggulungan Hujjah”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/kalimah-allah-episod-penggulungan-hujah-1.213541>. Mohd Asri juga turut berpendirian yang sama tidak bersetuju dengan pendekatan yang melarang penggunaan kalimah Allah kerana menganggap pendekatan itu terlalu keras yang boleh membawa kepada ketidakharmonian di antara kaum sekali gus membawa kepada keburukan dalam agenda penyebaran dakwah Islam di Malaysia. Mohd Asri Zainul Abidin, “Kalimah Allah : Emosi dan Realiti”, ditinjau pada 10 Feb 2014, <http://drmaza.com/home/?p=2528>.

Kristian di Malaysia.<sup>645</sup> Melalui pendirian ini, PAS lebih mengambil sikap yang sama sepetimana IKRAM yang menyeru ke arah menyelesaikan isu ini secara lebih bijaksana dalam menjaga keharmonian di antara kepelbagaian agama di Malaysia.<sup>646</sup> Namun, PAS tidak mengemukakan isu kelemahan akidah umat Islam<sup>647</sup> sepetimana IKRAM yang mengenengahkan isu tersebut. PAS lebih membincangkan isu berkaitan persepsi masyarakat *non muslim* serta hubungan yang mungkin akan membawa kepada kekeruhan diantara masyarakat muslim dan juga Kristian sekiranya mengambil pendekatan yang tegas dan lebih agresif dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah ini.



**Gambar Rajah 8 : Perbezaan Pendekatan Gerakan Dakwah Dalam Menangani Isu Kalimah Allah.**

Secara ringkasnya dalam berdepan dengan isu ini, terdapat dua kelompok gerakan dakwah. Kelompok yang melarang penggunaan kalimah Allah adalah dengan hujjah bahawa

<sup>645</sup> Mujahid Rawa, “Kalimah Allah : Episod Penggulungan Hujjah”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/kalimah-allah-episod-penggulungan-hujjah-1.213541>.

<sup>646</sup> Lihat di dalam kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh IKRAM. Mohd Parid Sheikh Ahmad, “Kalimah Allah : Mari Kita Urus Perbezaan Pandangan Dengan Bijaksana!”, laman sesawang *ikram.org*, ditinjau pada 14 Feb. 2014, [www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=910:kalimah-allah-mari-kita-urus-perbezaan-pandangan-dengan-bijaksana&catid=1:berita-pusat&itemid=9](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=910:kalimah-allah-mari-kita-urus-perbezaan-pandangan-dengan-bijaksana&catid=1:berita-pusat&itemid=9).

<sup>647</sup> Maksudnya, tidak dijadikan sebagai kenyataan utama samaada di dalam kenyataan rasmi bertulis PAS atau melalui temubual dengan pimpinan PAS. Tidak sepetimana IKRAM, dijadikan sebagai kenyataan rasmi berkaitan perkara tersebut.

langkah tersebut menepati *maqāṣid al-Syari‘ah* supaya kalimah Allah tidak disalahguna secara berleluasa. Selain menggunakan hujjah wujudnya agenda kristianisasi dalam permintaan penganut Kristian tersebut. Kelompok yang lebih bertoleransi dalam menangani isu ini melihat bahawa perlunya pendekatan dialog dengan penganut Kristian yang ingin menggunakan kalimah ini selain membenarkan penggunaan kalimah suci tersebut dengan syarat ia tidak disalahgunakan. Kelompok ini juga menggunakan pendekatan berdialog dengan hujjah ingin menjaga hubungan dan keharmonian antara kepelbagaiannya penganut agama. Kedua-dua pendekatan ini memiliki sudut kewajarannya jika dinilai dari sudut pendekatan *al-manhaj al-haraki* dan kebaikan kepada gerakan dakwah semasa.

### **Analisis Isu Kalimah Allah dari Aspek *al-Manhaj al-Haraki***

Isu kalimah Allah bukanlah suatu isu yang besar atau rumit untuk diselesaikan secara bersama terutamanya bagi gerakan-gerakan dakwah di Malaysia. Malah wujud titik pertemuan jika dibincang secara berlapang dada dan melihat kepada matlamat dakwah yang lebih panjang. Pendekatan yang berbeza dalam menangani isu kalimah Allah ini adalah kembali kepada penilaian terhadap pendekatan yang sepatutnya diketengahkan gerakan dakwah terhadap golongan *non muslim*. Ada yang tidak bersetuju pendekatan bertoleransi dan perlu mengambil sikap tegas terhadap golongan *non muslim* ini melalui penguatkuasaan undang-undang selain menutup pintu dialog sebagai salah satu usaha menangani isu ini secara berhikmah.<sup>648</sup> Manakala pendekatan sebaliknya pula adalah sikap menyeru kearah bertoleransi dengan golongan *non muslim* di dalam menangani isu ini

---

<sup>648</sup> Sepertimana pendirian ISMA yang tidak bersetuju dengan usaha dialog seperti yang dibuat oleh PAS dalam menangani isu kalimah Allah ini. Abdullah Zaik Abd. Rahman, Presiden ISMA, dalam temu bual dengan penulis pada 24 Feb. 2014.

melalui usaha dialog antara agama sebagai pendekatan secara lebih harmoni dalam kehidupan kepelbagaian agama.<sup>649</sup>

Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam karya-karya beliau banyak memberi penekanan tentang aspek pemantapan ilmu dan pemahaman terhadap suasana setempat (*wāqi'*) bagi menghadapi situasi seperti isu penggunaan kalimah Allah ini dengan lebih cermat. Isu *al-Isti'jāl* (gopoh-gapah) merupakan salah satu isu yang boleh dikaitkan dengan pendekatan gerakan dakwah menangani isu kalimah Allah ini kerana ia berkait rapat dengan prinsip *fiqh al-wāqi'* (memahami suasana setempat).<sup>650</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ menyebutkan bahawa sifat *al-Isti'jāl* itu juga lahir disebabkan kurangnya pendekatan dalam memahami *zurūf* (keadaan) yang berlebar di sekitar *wāqi'* (suasana) masyarakat tersebut, selain tidak membuat persediaan yang cukup dalam menghadapi situasi tersebut dengan cara yang terbaik.<sup>651</sup> Sifat *al-isti'jāl* yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ini merupakan tindakan yang boleh memberi kesan negatif terhadap kelancaran dan perjalanan dakwah.

Kajian mendapati bahawa pendekatan yang diambil oleh gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu kalimah Allah dan penggunaannya oleh *non muslim* boleh dikaitkan

<sup>649</sup> Seperti yang dibuat oleh PAS melalui usaha Mujahid Rawa. Lihat Mujahid Yusuf Rawa, “Keputusan Mahkamah Kalimah Allah Tidak Patut Jejas Hubungan Antara Agama”, laman sesawang *The Malaysian Insider*, ditinjau pada 24 Disember 2013, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/keputusan-mahkamah-kalimah-allah-tidak-patut-jejas-hubungan-antara-agama>.

<sup>650</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ, 1: 55. Kajian ini mendapati bahawa isu *Isti'jāl* adalah isu yang sesuai dalam mengaitkan keadaan pendekatan gerakan dakwah menangani isu penggunaan kalimah Allah kerana ia berkait rapat dengan *fiqh al-wāqi'*. Melihat kepada pendekatan gerakan dakwah di Malaysia, sikap tegas yang berunsurkan emosi terhadap *non muslim* boleh membawa keburukan kepada dakwah *non muslim* itu sendiri. Manakala sikap terlalu longgar (liberal) seperti usaha dialog yang dijalankan dan tiada pendirian yang tetap (dengan maksud pengaruh pluralisme di dalam dialog) juga boleh membawa keburukan kepada dakwah. Oleh yang demikian, kesedaran terhadap sikap *Isti'jāl* dapat membantu menangani isu kalimah Allah dengan baik. Memahami suasana setempat (*fiqh al-wāqi'*) merupakan salah satu prinsip dalam elemen *harakah tanzīmiyyah wa siyāsiyyah* sepertimana yang telah dinyatakan di dalam analisis hadis pada bab tiga kajian ini.

<sup>651</sup> *Ibid*, 51.

dengan sifat *al-isti'jāl* yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ ini. Memang benar, penyalahgunaan kalimah Allah perlu ditangani dan dibendung oleh umat Islam. Namun, polemik isu penggunaan kalimah Allah tidak sepatutnya memberi gambaran negatif masyarakat *non muslim* terhadap agama Islam itu sendiri terutamanya kelompok gerakan dakwah yang antara ciri utamanya membawa petunjuk dan hidayah manusia kepada Islam. Hidayah tersebut sama ada kepada golongan muslim itu sendiri atau golongan bukan muslim seperti mana yang disebutkan oleh Yusuf al-Qaradawi.<sup>652</sup> Gerakan dakwah perlu mengambil sikap yang lebih matang dan tidak ada unsur *al-isti'jāl* dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah ini. Gerakan dakwah juga perlu menguruskan perbezaan pandangan secara lebih berkesan sehingga keputusan dan pendekatan yang diambil bersama boleh membawa keuntungan kepada Islam itu sendiri.

Antara sebab *al-isti'jāl* juga seperti yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu kejahilan terhadap kaedah yang terbaik dalam merubah kemungkaran yang sedang berleluasa.<sup>653</sup> Beliau menegaskan bahawa, bukan kesemua kemungkaran perlu ditangani segera secara melulu. Malah disyaratkan dalam menangani kemungkaran tersebut supaya tidak berlaku kemungkaran yang lebih besar.<sup>654</sup> Sekiranya dalam menangani kemungkaran tersebut akan membawa kepada kemungkaran yang lebih besar, maka dalam keadaan seperti itu wajib menghentikan usaha menangani kemungkaran tersebut. Di samping itu, perlu mengambil sikap dan pendirian tidak merelakan perkara kemungkaran tersebut dan mencari jalan penyelesaian serta peluang waktu yang terbaik dalam menanganinya pada

<sup>652</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Min Fiqh al-Dawlah fī al-Islām : Makānatuhā, Ma 'alimuhā, Tabī'atuhā, Mawqifuhā min al-Dimuqrātiyyah wa al-Ta'addudiyah wa al-Mar'ah wa Ghayr al-Muslimīn*, (Kaherah:Dār al-Syurūq: 1997), 40.

<sup>653</sup> Sayyid Nūḥ, *Afāt*, 1:58.

<sup>654</sup> *Ibid*, 59.

masa akan datang.<sup>655</sup> Sayyid Muḥammad Nūḥ mengambil contoh dari sirah Rasulullah SAW dalam menangani patung berhala yang tidak dimusnahkan ketika di permulaan dakwah Baginda SAW. Arahan untuk memusnahkan berhala ini telah ditangguhkan sehingga menjelang pembukaan kota Mekah iaitu di akhir penghujung dakwah Rasulullah SAW. Jika diteliti, patung berhala tersebut berdiri selama 21 tahun sepanjang dakwah Baginda SAW. Tindakan ini adalah kerana keyakinan Baginda SAW bahawa jika dimusnahkan patung berhala tersebut pada awal dakwah Baginda SAW, maka kesan pendekatan tersebut akan membawa kepada situasi yang lebih negatif, dan kemudaratan yang lebih besar kepada perjalanan dakwah itu sendiri.<sup>656</sup>

Begitu juga situasi dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah oleh *non muslim*. Gerakan dakwah perlu menanganinya dengan lebih cermat dan menguntungkan umat Islam serta tidak membawa gambaran negatif terhadap Islam terutamanya daripada golongan *non muslim*. Gerakan dakwah tidak sepatutnya menzahirkan kedudukan umat yang berpecah belah dan tidak sepakat dalam menangani isu ini. Antara isu penting dalam elemen “*Tanẓīmī* dan *Siyāṣī*” sepetimana yang banyak ditekankan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam penulisannya iaitu menjaga “*Kesatuan Ṣaf*” dan “*Menjauhi Perpecahan*”. Gerakan dakwah perlu mempamerkan kesatuan *ṣaf* dan mengelakkan perpecahan dalam menangani isu ini secara bersama supaya umat Islam sentiasa menzahirkan sudut kekuatan dan kesatuannya kepada golongan bukan Islam. Jangan kerana isu ini, gerakan dakwah sanggup melabel golongan yang tidak sependapat dengan label-label yang menyakitkan. Perkara tersebut menunjukkan wujudnya perpecahan dikalangan umat Islam. Abdul Rahman Mat

---

<sup>655</sup> Sayyid Nūḥ, *Afāt*, 1:58.

<sup>656</sup> *Ibid*, 59-60.

Dali, Naib Presiden ISMA dalam tulisannya bertajuk “Adakah Najib dan Anwar Boleh Menjaga Akidah Rakyat?”<sup>657</sup> turut menyentuh tentang Bekas Mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin, berkaitan pendiriannya dalam isu penggunaan kalimah Allah ini.<sup>658</sup> Abdul Rahman telah membidas Mohd Asri dan melabel beliau sebagai seorang individu yang memiliki pemikiran liberal.<sup>659</sup> Tuduhan tersebut sehingga menyebabkan ramai yang memandang serong terhadap ISMA dalam memahami maksud liberal, antaranya tulisan yang dihasilkan oleh Azam Che.<sup>660</sup>

Perbezaan pendekatan dalam menangani isu kalimah Allah ini tidak sepatutnya membawa kepada sikap label melabel sehingga boleh membawa kepada permusuhan dan kekeruhan di dalam perhubungan gerakan dakwah. Pendekatan emosi dalam menangani isu ini perlu dielakkan dan tidak sepatutnya timbul dalam perhubungan antara gerakan dakwah. Kaedah dalam menegur bagi menyelesaikan sesuatu masalah perlu diambil kira lebih-lebih lagi dalam menjaga *saf* kesatuan umat Islam seperti mana saranan dalam huraian terhadap hadith dari karya-karya Sayyid Muhammad Nūḥ.

Kajian mendapati bahawa isu penggunaan kalimah Allah dan pendirian yang dibuat oleh gerakan-gerakan dakwah dilihat masih ada titik pertemuan dalam menangani isu ini secara bersama walaupun kelihatan tiada kata sepakat antara gerakan-gerakan dakwah di

<sup>657</sup> Abdul Rahman Mat Dali, “Adakah Najib – Anwar Boleh Jaga Akidah Rakyat”, laman sesawang *Sinar Harian*, ditinjau pada 10 Feb. 2014,<http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/adakah-najib-anwar-boleh-jaga-akidah-rakyat-1.247129>.

<sup>658</sup> *Ibid.*

<sup>659</sup> Selain dari kalimah Allah, banyak daripada pendirian Mohd Asri yang dilihat oleh ISMA sebagai memiliki unsur Liberal dalam menangani isu umat Islam dan politik di Malaysia seperti “menghapuskan Institusi diraja”, “menghapuskan institusi keagamaan” dan beberapa pendirian beliau yang lain. Muhammad Fauzi Azmuni, Naib Presiden ISMA dalam temu bual dengan penulis, pada 13 Feb 2014, Bangi, Selangor.

<sup>660</sup> Lihat di dalam Azam Che, “Sekolah Liberalisme Untuk ISMA”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://strataresearch.wordpress.com/2014/02/04/sekolah-liberalisma-untuk-isma-part-1/>.

Malaysia.<sup>661</sup> Jika diteliti dari pendirian PAS, IKRAM atau ISMA, masing-masing tidak bersetuju jika kalimah Allah disalahgunakan dengan maksud dan erti yang lain. Malah sebelum keputusan Mahkamah Tinggi dikeluarkan pada tahun 2009, tiada isu perbalahan yang timbul antara gerakan dakwah berkaitan penggunaan kalimah tersebut. Namun setelah Mahkamah Rayuan menghalang semula penggunaan kalimah tersebut menjadikan gerakan dakwah, mengambil pendirian yang berbeza antara pendekatan yang tegas dan pendekatan yang lebih bertoleransi. Sebahagian gerakan dakwah menyokong kearah pendirian tegas dengan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada serta mempercayai wujudnya agenda kristianisasi berkaitan tuntutan penggunaan kalimah tersebut. Manakala sebahagian yang lain lebih bersifat toleransi dengan pendekatan melalui usaha dialog bagi membina kesefahaman di samping mengeluarkan pandangan keharusan penggunaan kalimah tersebut.

Berdasarkan perbahasan ini, kajian mendapati bahawa hujjah yang dikemukakan oleh ISMA dalam isu “Agenda Kristianisasi” melalui penerbitan dalam bahasa Melayu dan tidak dalam bahasa lain ada sudut kewajarannya.<sup>662</sup> Malah ISMA juga bersetuju bahawa isu penggunaan kalimah Allah bukanlah suatu isu utama untuk diperdebatkan atau

<sup>661</sup> Sehingga ISMA banyak menulis penulisan dengan tujuan membidas dan menjawab pendekatan PAS dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah sama ada tulisan tersebut ditujukan kepada PAS secara langsung ataupun tidak, antaranya : “*Isu Kalimah Allah : Menjawab Pemikiran Mujahid Rawa*”, oleh Abdul Halim Abdullah, “*Kalimah Allah dibeli Dengan Undi*” oleh Sharipudin Ab Kadir. Abdul Halim Abdullah, “*Isu Kalimah Allah : Menjawab Pemikiran Mujahid Rawa*”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.ismaweb.net/2013/11/isu-kalimah-allah-menjawab-pemikiran-mujahid-rawa/>. Sharipudin Ab Kadir, “*Kalimah Allah dibeli Dengan Undi*”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.ismaweb.net/2013/10/kalimah-allah-dibeli-dengan-undi-ustaz-sharipudin/>. Sedangkan jika diteliti secara mendalam, kedua-dua gerakan dakwah tersebut banyak unsur-unsur persamaan dan titik pertemuan berkaitan isu penggunaan kalimah Allah oleh *non muslim*. Jika diteliti dari sudut pendirian gerakan-gerakan dakwah di Malaysia, terutamanya PAS, ISMA dan IKRAM, masing-masing membawa pendirian yang jika digabungkan usaha dan tenaga tersebut akan menghasilkan suatu jalan penyelesaian yang terbaik bagi umat Islam di Malaysia dalam menangani isu kalimah Allah ini secara lebih berhikmah dan menguntungkan umat Islam.

<sup>662</sup> Muhammad Fauzi Asmuni, “*Kalimah Allah Alat Kristianisasi*”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/10/kalimah-allah-alat-kristianisasi-ustaz-fauzi/>.

diperbahasakan. Isu ini merupakan suatu *khilāf* (perbezaan pendapat) yang panjang yang tidak sepatutnya umat Islam membincang aspek itu.<sup>663</sup> Usaha Dialog dengan *non muslim* dalam memahamkan golongan ini terhadap isu Kalimah Allah juga amat wajar dilakukan sepertimana yang dilaksanakan oleh PAS sebagai peluang pendekatan dan dakwah kepada golongan ini. Di samping itu, kajian ini juga amat bersetuju dengan saranan dari pihak IKRAM supaya kegiatan dakwah perlu dijalankan dengan lebih efektif, terutamanya kepada umat Islam yang cetek ilmu agamanya dan menyeru supaya kembali mengamalkan Islam. Usaha ini mampu menghindari masyarakat Islam dari terkeliru dan terpengaruh dengan ajaran yang boleh menggugat keimanan serta pegangan akidah mereka lebih-lebih lagi agenda kristianisasi melalui terjemahan Bible ke dalam bahasa melayu tersebut.

Pendirian yang dibuat oleh ketiga-tiga gerakan dakwah berhubung isu ini menggambarkan bahawa jika digabungkan usaha dan tenaga tersebut, dapat menghasilkan suatu jalan penyelesaian yang terbaik bagi umat Islam di Malaysia dalam menangani isu ini secara lebih berhikmah dan menguntungkan umat Islam. Gerakan dakwah perlu menghentikan perbalahan pendapat dan mencari titik pertemuan agar tenaga dan gerak kerja dakwah dapat disalurkan sepenuhnya untuk kebaikan dakwah sekaligus dapat menguntungkan semua pihak dengan tercapainya matlamat Islam melalui usaha gerakan dakwah ini.

Oleh yang demikian, sebagai kesimpulannya, gerakan dakwah perlu memainkan peranan tersendiri dalam menyelesaikan masalah ini secara lebih cermat dan berhemah. Isu ini tidak perlu dijadikan polemik yang besar dan boleh diselesaikan secara mudah selain

---

<sup>663</sup> Muhammad Fauzi Asmuni, “Kalimah Allah Alat Kristianisasi”, ditinjau pada 11 Feb 2014, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/10/kalimah-allah-alat-kristianisasi-ustaz-fauzi/>.

menguntungkan Islam. Di samping ketegasan yang dikenakan terhadap *non muslim* dengan menguatkuasakan undang-undang mlarang penggunaan kalimah Allah ini, perlu ada sesi penerangan dan dialog yang berterusan bagi memahamkan golongan bukan Islam sebab larangan tersebut. Tindakan ini juga sebagai peluang dakwah kepada *non muslim*. Golongan bukan Islam yang tidak memahami syariat Islam seperti seorang anak kecil yang tidak memahami pengalaman dalam kehidupan. Mereka perlu diberi penjelasan lanjut dan tidak sepatutnya isu seperti penggunaan kalimah Allah ini menyebabkan *non muslim* lebih jauh daripada Islam. Namun sesi dialog yang dilaksanakan ini mestilah terjaga dengan prinsip keislaman sebagai seorang muslim.<sup>664</sup> Tidak sepatutnya disebabkan terlalu ghairah dalam usaha menjaga keharmonian antara agama melalui sesi dialog ini, terjebak dengan unsur-unsur pluralisme dan liberalisme dalam ucapan dan tindakan.

Gerakan dakwah yang mengambil peluang melaksanakan sesi dialog dalam isu kalimah Allah ini perlu meletakkan matlamat utamanya adalah untuk menyampaikan dakwah dan menyebarluaskan Islam. Perkara ini bagi mengelakkan prinsip dan pendirian sebagai seorang muslim tidak tergadai serta berada di atas landasannya yang betul. Gerakan dakwah perlu lebih berkesan dalam menyatakan kesepakatan dan melihat kepada matlamat untuk menguntungkan Islam berbanding keuntungan yang berpihak atau mengangkat kelompok masing-masing. Ini sejajar dengan salah satu elemen *al-ḥaraki* yang diketengahkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu huraian beliau terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW yang meletakkan Islam sebagai matlamat perjuangan serta menjaga kesepakatan dan kesatuan antara sesama muslim.

---

<sup>664</sup> Perkara ini juga dipersetujui oleh Prof Dr Badlihisham Mohd Nasir. Badlihisham Mohd Nasir, (Prof. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia UTM), dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2014.

### c) Isu Syiah dan Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki*

Syiah merupakan kumpulan yang telah difatwakan sesat oleh JAKIM kerana ajaran dan fahamannya yang jelas bertentangan dengan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.<sup>665</sup> Pengaruh ajaran dan kefahaman yang dibawa oleh Syiah terhadap umat Islam di Malaysia juga tidak boleh dipandang ringan dan ia melibatkan isu mempertahankan Islam di Malaysia.<sup>666</sup> Perkembangan terkini menunjukkan bahawa Syiah yang dahulunya terbahagi kepada beberapa aliran kini hampir kesemuanya menjurus kepada aliran Imamiah (juga dikenali sebagai *al-Ithnā ‘Asyariyyah*<sup>667</sup> atau *Ja‘fariyyah*) yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>668</sup> Aliran Syiah *Imāmiyyah* meletakkan salah satu rukun Islam yang perlu diimani adalah rukun *al-Wilāyah*.<sup>669</sup> Oleh yang demikian, isu Syiah merupakan salah satu

<sup>665</sup> JAKIM telah memfatwakan pengharaman Syiah sejak tahun 1996 dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Muzakarah tersebut telah memutuskan beberapa perkara, antaranya; bersetuju memansuhkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa sebelum ini mengenai ajaran Syiah yang telah diadakan pada tahun 1984 bahawa Mazhab Syiah dari golongan al-Zaidiyah dan *Jaafariah* sahaja yang boleh diamalkan di Malaysia. Laman Web Rasmi Jakim, ditinjau pada 17 Feb 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia>. Mohd Aizam Mas`od, *Soal Jawab Isu Syiah Di Malaysia*, (Putrajaya; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia; 2013), 13.

<sup>666</sup> Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mohd Aizam Mas`od menunjukkan keimbangan pengaruh Syiah di Malaysia yang sebelum ini hanya disebarluaskan diayah ini oleh warganegara asing disamping buku-buku yang diterjemahkan dari bahasa arab, Parsidan Indonesia diedarkan secara meluas. Namun kini, diayah Syiah tersebut disebarluaskan oleh warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu sendiri. *Ibid.* 14.

<sup>667</sup> *Al-Imām al-Ithnā ‘Asyariyyah* atau Imam Dua Belas yang didakwa oleh golongan Syiah sebagai Imam yang wajib diikuti dan perlu memberi sepenuh ketaatan pada mereka iaitu : 1]Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Ṭālib, 2]Abū Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Alī (al-Zāki), 3]Abū ‘Abd Allāh al-Ḥusayn bin ‘Alī (Sayyid al-Syuhadā’), 4] Abū Muḥammad ‘Alī bin al-Ḥusayn (Zayn al-‘Ābidīn), 5]Abū Ja‘afar Muḥammad bin ‘Alī (al-Baqir), 6] Abū ‘Abd Allah Ja‘afar bin Muḥammad (al-Sadiq), 7] Abū Ibrāhim Mūsa bin Ja‘afar (al-Kazim), 8] Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Mūsa (al-Rida), 9] Abū Ja‘afar Muḥammad bin ‘Alī (al-Jawwād), 10]Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad (al-Hādi), 11]Abū Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Alī (al-‘Askarī). Ja‘afar al-Sabhānī, *Ma‘a al-Syī‘ah al-Imāmiyyah fī ‘Aqāidihim*, (Qum; Muassasah al-Imām al-Ṣādiq; 1413H), 28. ‘Alī Aḥmad al-Sālūs, *Aqīdah al-Imāmah ‘Inda al-Syī‘ah al-Ithnā ‘Asyariyyah: Dirāsah fī Qaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*, (Kaherah; Dar al-I’tisām; 1987), 32.

<sup>668</sup> Wan Zahidi b Wan Teh, *Syiah Imam Dua Belas : Penyelewengannya Dari Jalan Ahlul Sunnah Waljamaah*, (Putrajaya; Dctwo Teguh Maju; 2009).

<sup>669</sup> Menurut Mazhab Syiah, siapa yang menolak persoalan *Imāmah* adalah kafir. Konsep *Imāmah* sama dengan *Nubuwwah* dari sudut tabiat dan tanggungjawab. Imam mengambil tempat nabi. Nabi mubahilah kepada syariat sementara imam penjagaannya serta hujah dan sumber utama syariat. Malah pada

isu besar umat Islam di Malaysia yang perlu diambil perhatian khusus terutamanya pendirian yang dibuat oleh gerakan dakwah dalam menangani isu ini secara lebih efektif dan membawa kebaikan dakwah di Malaysia.

Kajian terhadap pendirian gerakan dakwah dalam isu syiah mendapati ketiga-tiga gerakan dakwah bersetuju bahawa ajaran syiah tidak sepatutnya disebarluaskan di dalam negara ini. Namun reaksi terhadap ancaman syiah dan perkembangannya, serta pengklasifikasian ajaran ini sebagai salah satu mazhab di dalam Islam yang masih menjadi perbezaan antara gerakan dakwah di Malaysia. IKRAM dalam pendiriannya terhadap isu Syiah melihat bahawa ajaran ini sebagai salah satu ajaran sesat yang wujud di Malaysia. Kajian mendapati bahawa IKRAM juga bersetuju supaya tindakan undang-undang diambil ke atas individu atau kelompok yang mengajak atau menyeru kepada ajaran Syiah ini.<sup>670</sup> Namun tindakan tersebut perlu bersifat mendidik dan menyediakan kelas pemulihan terhadap golongan tersebut agar kembali menganuti ajaran dan pegangan yang benar.<sup>671</sup> IKRAM juga bersetuju untuk memperbanyakkan penerangan kepada masyarakat umum tentang bahaya ancaman dan kesesatan Syiah. Kajian juga mendapati bahawa IKRAM mengambil pendirian tegas terhadap kelompok Syiah ini sehingga menggesa kerajaan supaya menilai semula kesan hubungan diplomatik, ekonomi, pendidikan serta pelancongan dengan kerajaan-kerajaan yang mendokong ajaran Syiah agar tidak menjelaskan kesejahteraan umat Islam di Malaysia ini. Berdasarkan perkara ini jelas menggambarkan pendekatan

---

pandangan mazhab ini, imam sumber yang tunggal kepada syariat. Alias Othman, *Imamah : Beberapa Sudut Pandangan Mazhab Syiah*, Jurnal Syariah, jilid 2, bilangan 1, Januari 1994, 40.

<sup>670</sup> Lihat kenyataan rasmi IKRAM dalam isu fahaman berkaitan Syiah. Mohd Parid Sheikh Ahmad, “Pendirian IKRAM Dalam Isu Fahaman Syiah”, laman sesawang [ikram.org](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=911:pendirian-ikram-dalam-isu-fahaman-syiah&catid=1:berita-pusat&Itemid=9), ditinjau pada 16 Disember 2013, [http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=911:pendirian-ikram-dalam-isu-fahaman-syiah&catid=1:berita-pusat&Itemid=9](http://www.ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=911:pendirian-ikram-dalam-isu-fahaman-syiah&catid=1:berita-pusat&Itemid=9).

<sup>671</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM dalam temu bual dengan penulis pada 19 Mac 2014.

IKRAM terhadap Syiah dengan pendirian bahawa ajaran ini sebagai suatu ancaman terhadap umat Islam di Malaysia yang perlu dibendung sama ada melalui penguatkuasaan undang-undang, penerangan kesesatan Syiah kepada masyarakat serta menghapuskan segala bentuk bantuan atau dokongan kepada kerajaan-kerajaan yang mendokong ajaran Syiah.

Pendirian ISMA terhadap Syiah sepetimana pendirian IKRAM yang mengambil pendirian tegas terhadap ancaman ajaran Syiah di Malaysia. Kajian mendapati bahawa ISMA melancarkan penerangan menjelajah di kebanyakan Negeri di Malaysia bagi menerangkan ancaman bahaya ajaran Syiah kepada masyarakat awam.<sup>672</sup> ISMA juga melihat bahawa ajaran Syiah kini bukanlah suatu mazhab di dalam Islam, bahkan ia suatu kumpulan yang bergerak secara organisasi dan boleh membawa ancaman terhadap Islam itu sendiri. Muhammad Fauzi Asmuni, membidas kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Dewan Ulama PAS, Mohd Khairudin Aman Razali bahawa Syiah hanyalah suatu mazhab dalam Islam.<sup>673</sup> Kajian juga mendapati bahawa ISMA menganggap ancaman Syiah ke atas dunia Islam sebagai suatu agenda Yahudi berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Muhammad bin Ismail. Kajian tersebut melihat kepada beberapa persamaan antara ancaman Yahudi dan Syiah ke atas dunia Islam. Antaranya dari sudut menghalalkan darah umat Islam di Syria dan Iraq sepetimana Yahudi menghalalkannya di Palestin. Selain itu, kitab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang tidak dirujuk oleh golongan Syiah malah memiliki kitab rujukan tersendiri dan hadith-hadith yang difahami berdasarkan ajaran Syiah. Perkara ini menurut ISMA memiliki persamaan antara kedua-duanya dan menganggap Syiah sebagai salah satu

<sup>672</sup> Berita ISMA, “Bahaya Syiah : ISMA atur siri jelajah seluruh Negara”, ditinjau pada 21 Dis 2014, <http://www.ismaweb.net/2011/09/bahaya-syiah-isma-atur-siri-jelajah-seluruh-negara/>.

<sup>673</sup> Muhammad Fauzi Asmuni, “Syiah Adalah Ancaman Bukan Mazhab!”, ditinjau pada 18 Feb 2014,<http://ismaperak.net/syiah-adalah-ancaman-bukan-mazhab>.

agenda Yahudi merosakkan dunia Islam. Berdasarkan perkara ini, ISMA lebih mengambil sikap tegas dengan ajaran Syiah yang wujud di Malaysia dan menganggap ajaran ini sebagai suatu ancaman kepada umat Islam di Malaysia.

Kajian mendapati bahawa PAS berbeza pendekatan dengan IKRAM dan ISMA berhubung pendirian terhadap isu Syiah serta ancamannya kepada umat Islam di Malaysia. Setakat kajian yang ditemui, PAS Pusat tidak mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi dalam menyatakan pendirian secara tegas terhadap ajaran Syiah yang berkembang di Malaysia. Kajian mendapati, perbezaan pendirian PAS terhadap Syiah berbanding pendirian IKRAM dan juga ISMA adalah dari sudut mengkategorikan ajaran ini sebagai salah satu mazhab di dalam Islam atau telah terkeluar sebagai salah satu mazhab di dalam Islam. Menurut Abdul Hadi Awang, Syiah masih tergolong di dalam senarai mazhab-mazhab di dalam Islam terutamanya daripada ajaran Syiah Zaidiyyah. Malah ijтиhad dan pandangan mazhab ini masih terdapat di dalam kitab-kitab *fiqh muqāran* (fekah perbandingan) sehingga kini dan juga kitab-kitab ulama besar lain seperti Wahbah al-Zuhailī.<sup>674</sup>

Berdasarkan perbezaan ini, kajian mendapati bahawa pendirian PAS terhadap Syiah dilihat lebih bersifat toleransi dan kemungkinan di atas dasar tersebut tiada kenyataan rasmi dikeluarkan oleh PAS Pusat berhubung perkembangan ajaran Syiah di Malaysia ini. Hasil kajian juga mendapati, PAS lebih selesa menjaga hubungan diplomatik dengan kerajaan Iran kerana melihat kearah kesatuan dan menjaga hubungan kekuatan di kalangan umat

---

<sup>674</sup> Abdul Hadi Awang, (Presiden Parti Islam Se-Malaysia PAS), dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

Islam.<sup>675</sup> PAS juga memberi sokongan kepada kerajaan Malaysia dalam menjaga hubungan diplomatik ini.<sup>676</sup> Berdasarkan perkara ini, kajian mendapati bahawa perbezaan pendirian yang dibuat oleh PAS ini adalah kerana penglibatannya sebagai sebuah gerakan dakwah di dalam politik perlu dilihat lebih bersifat terbuka. Malah hasil daripada temubual mendapati bahawa PAS tidak bersetuju dengan pendekatan kerajaan Mesir ketika pimpinan Ikhwan al-Muslimin oleh Mursi memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Iran.<sup>677</sup> PAS dilihat tidak banyak mengengahkan isu ini dalam membawa kesedaran kepada masyarakat berbeza dengan pendekatan ISMA dan juga IKRAM. Malah ada dikalangan pimpinan PAS yang tidak mahu membesarkan isu ini kerana memberi publisiti kepada kumpulan Syiah yang boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat.<sup>678</sup> Namun begitu, hasil daripada kajian dan temubual, PAS pernah menulis surat kepada kerajaan Syiah Iran dan bertegas bahawa Negara Malaysia ini tiada tempat bagi penyebaran mazhab Syiah dan kerajaan Iran perlu menghormati pendirian tersebut. Hasil dari kajian, hanya fakta tersebut sebagai bukti pendirian PAS terhadap perkembangan ajaran Syiah di Malaysia ini.

Selain itu, tulisan yang dihasilkan oleh Abdul Hadi Awang dalam menegaskan bahawa pegangan dan pendirian ahli PAS adalah bersama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.<sup>679</sup> Perkara

---

<sup>675</sup> *Ibid.*

<sup>676</sup> Abdul Hadi Awang, “PAS Tetap Teguh Dengan Ahli al-Sunah wa al-Jamā‘ah, Kenapa Masalah Sunni Syiah Ditimbulkan Sekarang?”, laman sesawang *Presiden.Pas.org*, ditinjau pada 20 Feb 2014, [http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56](http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56).

<sup>677</sup> Abdul Hadi Awang, (Presiden Parti Islam Se-Malaysia PAS), dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

<sup>678</sup> Mahfuz Omar “Syiah : Apa Kata Mahfuz?” laman sesawang *YoutubeTVPAS hd*, ditinjau pada 13 Jan 2014, <http://m.youtube.com/watch?v=LZdNxOhPjss>.

<sup>679</sup> Abdul Hadi Awang, “PAS Tetap Teguh Dengan Ahli al-Sunah wa al-Jamā‘ah, Kenapa Masalah Sunni Syiah Ditimbulkan Sekarang?”, laman sesawang *Presiden.Pas.org*, ditinjau pada 20 Feb 2014, [http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56](http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56).

ini juga menurut Abdul Hadi memberi makna bahawa setiap ahli PAS wajib menganut mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dan Jawatankuasa Disiplin di dalam PAS juga boleh mengambil tindakan jika terdapat ahli atau pimpinannya menganut mazhab selain mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.<sup>680</sup> Kenyataan ini dikeluarkan selepas kehangatan isu tuduhan Syiah terhadap Timbalan Presiden PAS, Mohd Sabu yang dikaitkan dengan Syiah pada awal bulan Disember 2013 oleh Menteri Dalam Negeri, Ahmad Zahid Hamidi.<sup>681</sup>

Berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan ini menunjukkan PAS mengambil pendirian yang berbeza dengan gerakan dakwah yang lain seperti ISMA dan IKRAM terhadap isu Syiah di Malaysia ini. Malah berbeza dengan Fatwa Kebangsaan yang dilihat lebih tegas dengan perkembangan ajaran Syiah di Malaysia ini. PAS lebih bersifat toleransi

---

[dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56.](#)

<sup>680</sup> Abdul Hadi Awang, “PAS Tetap Teguh Dengan Ahli al-Sunah wa al-Jamā‘ah, Kenapa Masalah Sunni Syi‘ah Ditimbulkan Sekarang?”, laman sesawang *Presiden.Pas.org*, ditinjau pada 20 Feb 2014, [http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56](http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56).

<sup>681</sup> Pada awal dan pertengahan bulan Disember 2013, isu tuduhan Syiah terhadap Timbalan Presiden PAS hangat diperkatakan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) di dalam kenyataan akhbar pada 12 Dis. 2013 telah mendedahkan 10 bukti yang mengaitkan Mohd Sabu dengan Syiah. Tan Su Lin, “KDN Dedah 10 Bukti Kaitkan Mat Sabu Dengan Syiah”, laman sesawang *Astro Awani*, ditinjau 20 Feb. 2014, <http://www.astroawani.com/news/show/kdn-dedah-10-bukti-kaitkan-mat-sabu-dengan-syiah-26874>. Mohd Sabu telah mempertahankan dirinya dalam kenyataan akhbar pada 17 Dis. 2013 dan menafikan tuduhan Syiah terhadapnya oleh Menteri Dalam Negeri, Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan Perhimpunan Agung UMNO pada awal bulan Dis. 2013. Dalam kenyataan akhbar tersebut, Mohd Sabu menyatakan hasrat untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Ahmad Zahid Hamidi yang mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas tuduhan tersebut. Hasbullah Awang Chik, “Mat Sabu Saman Zahid Hamidi Kerana Tuduh Syiah”, laman sesawang *The Malaysian Insider*, ditinjau pada 20 Feb. 2014, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mat-sabu-saman-zahid-hamidi-keluar-kenyataan-salah-guna-kuasa>. Subky Latif juga turut sama menyatakan pandangannya di dalam akhbar Harakah berkaitan tuduhan Syiah terhadap Mohd Sabu. Subky Latif, “Adakah Mat Sabu Syiah?”, laman sesawang *Harakah Daily*, ditinjau pada 20 Feb 2014, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/subky/24333-adakah-mat-sabu-syiah>. Presiden PAS, Abdul Hadi Awang turut menulis di dalam laman sesawang *Presiden PAS* berhubung isu Syiah tanpa mengaitkan secara khusus isu tuduhan Syiah terhadap Mohd Sabu. Beliau menulis pada 13 Dis. 2013. Abdul Hadi Awang, “PAS Tetap Teguh Dengan Ahli al-Sunah wa al-Jamā‘ah”, laman sesawang *Presiden.pas.org*, ditinjau pada 20 Feb 2014, [http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56](http://presiden.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=438:pas-tetap-teguh-dengan-ahli-al-sunnah-wal-jamaah-kenapa-masalah-sunni-dan-syiah-ditimbulkan-sekarang&catid=14:kenyataan-rasmi&Itemid=56).

dan menganggap Syiah sebagai salah satu Mazhab di dalam Islam, terutamanya Mazhab Zaidiyyah. PAS juga lebih selesa untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Syiah Iran kerana ia lebih membawa kekuatan umat Islam khususnya di peringkat Antarabangsa. Berbeza dengan pendirian IKRAM yang menuntut kerajaan Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Syiah Iran. PAS juga berbeza dengan pendirian ISMA dan IKRAM yang bertindak mengeluarkan kenyataan rasmi menganggap Syiah sebagai suatu ancaman terhadap kedudukan Islam di Malaysia. Seolah-olah PAS tidak menganggap Syiah sebagai suatu ancaman terhadap Islam di Malaysia dan masih menganggap ia sebagai salah satu mazhab di dalam Islam.

### **Analisis Isu Syiah Dari Aspek *al-Manhaj al-Haraki***

Berdasarkan pendekatan gerakan dakwah dalam menghadapi isu Syiah ini dilihat kembali kepada sikap dalam menilai sama ada masih mengiktiraf Syiah sebagai salah satu mazhab di dalam Islam atau sebaliknya. Selain itu, dalam menilai politik semasa dengan sejarah buruk yang dilakukan oleh golongan Syiah terhadap golongan Ahl al-Sunnah seperti mana berlaku di Syria dan Iraq turut mempengaruhi pendekatan gerakan dakwah dan aplikasi *al-manhaj al-haraki* terhadap Isu Syiah ini di Malaysia. PAS lebih bersifat toleransi dari sudut pengiktirafan sebahagian Syiah sebagai salah satu mazhab di dalam Islam. PAS melihat dengan pengalaman hubungan di peringkat antarabangsa banyak membantu terbentuknya kekuatan Islam di peringkat antarabangsa.<sup>682</sup> Lebih menguatkan fakta ini apabila Abdul Hadi Awang tidak bersetuju dengan tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Mesir

---

<sup>682</sup> Abdul Hadi Awang, (Presiden Parti Islam Se-Malaysia PAS), dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

pimpinan Mursi yang menunjukkan sikap tertutup dengan kerajaan Iran berikutan peristiwa permusuhan antara *Ahl al-Sunnah* dan Syiah di Syria.<sup>683</sup> Cuma yang dilihat agak tegas dalam pendirian PAS terhadap Syiah khususnya di Malaysia ini ialah tindakan Abdul Hadi Awang mengutus surat kepada kerajaan Iran dengan tidak membenarkan penyebaran ajaran Syiah di Malaysia.<sup>684</sup> Berdasarkan perkara ini, kajian mendapati bahawa PAS lebih melihat aspek hubungan di peringkat antarabangsa dan tidak melihat sudut ancaman dan implikasi buruk berkaitan isu Syiah di Malaysia.

Berdasarkan kajian terhadap elemen *harakah tanzīmī wa siyāsī* karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ, beberapa prinsip *al-haraki* daripada elemen tersebut dikemukakan di dalam analisis berkaitan isu Syiah ini dari aspek *al-manhaj al-haraki*. Prinsip *al-haraki* yang dimaksudkan tersebut, iaitu; “Mengenali Agenda Musuh-Musuh Islam”, “*Fiqh al-Waqi’*” dan juga prinsip “Politik dan Kekuasaan”. Kajian menganalisis bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia berkaitan isu Syiah berdasarkan tiga prinsip *al-haraki* tersebut dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ.

No	Gerakan Dakwah	Aplikasi <i>al-Manhaj al-Haraki</i> Gerakan Dakwah dalam Isu Syiah	Prinsip <i>al-Manhaj al-Haraki</i> dalam Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ
1	PAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada Kenyataan Berkaitan Isu Syiah.</li> <li>- Masih mengiktiraf Syiah sebagai salah satu Mazhab dalam Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengenali Agenda Musuh-Musuh Islam.</li> <li>- Memahami <i>wāqi’</i> setempat.</li> <li>- Politik dan Kekuasaan.</li> </ul>
2	IKRAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kenyataan rasmi.</li> <li>- Ceramah kesedaran tentang bahaya Syiah</li> </ul>	

<sup>683</sup> Abdul Hadi Awang, (Presiden Parti Islam Se-Malaysia PAS), dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

<sup>684</sup> *Ibid.*

3	ISMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kenyataan rasmi.</li> <li>- Ceramah kesedaran tentang bahaya Syiah.</li> </ul>	

**Jadual 27** : Penilaian Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Gerakan Dakwah dalam Isu Syiah di Malaysia

Salah satu perkara yang ditegaskan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ di dalam karya-karyanya adalah berkaitan kepekaan terhadap agenda musuh-musuh Islam. Banyak berlaku peristiwa ketika ini yang menunjukkan golongan Syiah lebih banyak membawa kepada keburukan daripada kebaikan. Oleh sebab itu, tidak hairanlah kebanyakan ulama menggolongkan Syiah sebagai musuh bagi umat Islam.<sup>685</sup> Tidak dinafikan, ada segelintir dari golongan Syiah yang lebih dekat dengan *ahl al-Sunnah* dan pegangan yang diimaninya tidak menyebabkan ia terkeluar dari Islam seperti Syiah Zaydiyyah. Namun, perkara tersebut hanyalah sebilangan kecil dan kemungkinan ia tidak wujud lagi di dalam kelompok Syiah pada ketika ini khususnya di Malaysia. Lebih membahayakan, salah satu rukun yang menjadi ajaran dan pegangan kelompok Syiah adalah sikap *taqīyyah* yang boleh ditafsirkan sebagai sifat *munāfiq* dalam kelompok ini yang melibatkan hubungan dengan manusia yang lain. Kajian melihat pendirian PAS yang diutarakan oleh Abdul Hadi Awang lebih melihat kepada aspek hubungan antarabangsa dengan pihak Kerajaan Syiah, Iran. Namun dalam situasi dan *wāqi‘* di Malaysia ini, perlu dikuatkuasakan undang-undang bagi membendung

---

<sup>685</sup> Seperti mana yang ditegaskan oleh Syuhātah Muḥammad Şaqr di dalam karyanya, *al-Syī‘ah hum al-‘Aduw Fahdharhum* dan Sa‘īd Ḥawwa selepas tercetusnya revolusi Iran tahun 1979 dan beliau telah menghasilkan karya bertajuk “*al-Khumayniyyah: Syudhūd fi al-‘Aqā‘id Shudhūd fī al-Mawāqif*”. Syuhātah Muḥammad Şaqr, *al-Syīah Hum al-‘Aduw Fahdharhum*, (al-Buḥayrah: Maktabah Dār al-‘Ulūm: t.t). Sa‘īd Ḥawwa, *al-Khumayniyyah Shudhūdhun fī al-‘Aqā‘id Shudhūdhun fī al-Mawāqif*, (t.t.p:1987).

penyelewengan Syiah. Kajian juga melihat keperluan dalam memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat tentang penyelewengan ajaran Syiah tersebut kerana pengaruh ajaran ini sangat mudah tersebar dalam masyarakat Malaysia ini yang rata-ratanya masih jahil tentang ajaran Islam yang sebenar.

Sayyid Muhammad Nūḥ juga menekankan prinsip pemahaman keadaan setempat (*fiqh al-wāqi‘*) dan kondisi masyarakat yang menjadi fokus dakwah agar gerak kerja dapat tercapai dengan sebaik mungkin. Berdasarkan perkara ini, kajian mendapati bahawa antara aplikasi terhadap prinsip *fiqh al-wāqi‘* dalam isu Syiah ini adalah dengan bertindak selari mengikut pandangan umum khusunya yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia melalui Majlis Fatwa Kebangsaan. Tindakan tersebut di atas dasar agar gerak kerja dakwah dapat berjalan dengan baik selaras dengan pandangan umum yang wujud di dalam negara ini. Sekiranya gerakan dakwah bertindak di sebalik keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan, perkara tersebut akan menimbulkan kekeliruan di dalam masyarakat sekaligus menyukarkan proses perjalanan dakwah yang sedang digerakkan. Tambahan pula, perkara yang dinyatakan oleh Majlis Fatwa berkaitan ajaran Syiah adalah amat wajar. *Wāqi‘* masyarakat di Malaysia memerlukan aspek dakwah dan penerapan nilai-nilai Islam digerakkan semaksima mungkin berbanding usaha *taqarrub* antara Sunni dan Syiah yang dilihat agak sukar dalam mengemukakan pemahaman tersebut di dalam masyarakat. Syuhātah Muḥammad Saqr di dalam kajiannya lebih tegas dalam aspek seruan ke arah penyatuan Sunni dan Syiah yang dianggap sebagai seruan ke arah kebatilan.<sup>686</sup> Sa‘īd Ḥawwa juga telah mengingatkan tentang prinsip dan pendirian pemimpin tertinggi Syiah, Khomeini yang amat bahaya

---

<sup>686</sup> Syuhātah Muḥammad Saqr, *al-Syī‘ah Hum al-‘Aduw Faḥdharhum*, (al-Buhairah: Maktabah Dār al-‘Ulūm: t.t), 1:118.

setelah umat Islam mengagumi kejayaan dan revolusi Iran pada tahun 1979.<sup>687</sup> Berdasarkan perkara ini, *wāqi‘* di Malaysia dilihat lebih sesuai dengan pendekatan tegas terhadap ajaran Syiah ini bagi membendung penyebaran ajaran tersebut ke dalam masyarakat. Selain itu, penyebaran ajaran tersebut juga digerakkan secara tersembunyi dan dikhuatiri lebih mempengaruhi ajarannya terhadap masyarakat berbanding kefahaman Islam itu sendiri.

Sayyid Muḥammad Nūḥ juga menekankan prinsip politik dan kekuasaan yang menunjukkan bahawa gerak kerja dakwah ke arah meletakkan Islam ke tampuk kekuasaan tertinggi. Namun perkara ini perlulah ditegakkan dengan unsur ajaran *ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang jauh dari penyelewengan serta unsur ajaran-ajaran yang lain. Setelah diketahui bahawa golongan Syiah terutamanya Syiah *Imāmiyah* memiliki pegangan dan ajaran yang menyeleweng serta membawa implikasi ke arah tercapainya kekuasaan politik dalam pegangan mereka. Atas dasar tersebut, gerakan dakwah perlu peka dalam membendung perkara ini supaya tidak membawa implikasi yang buruk dalam perjalanan politik dan penguasaan Islam di bumi Malaysia ini. Menurut Ahmad Zaki Abd Latiff, Mazhab Syiah dibawah pimpinan Khomeini telah menggunakan pengaruh revolusi Islam Iran pada tahun 1979 untuk mencapai matlamat kekuasaan dan revolusi tersebut begitu kuat

---

<sup>687</sup> Hakikat pendirian Khomeini terhadap *Ahl al-Sunah* menurut Sa‘īd Ḥawwa adalah sikap bermusuhan serta berdiam diri terhadap apa yang dilakukan oleh Kerajaan Syria kepada anggota Ikhwan al-Muslimin di Syria, malah memberi sokongan dan dokongan kepada kerajaan Syria tersebut yang melakukan penangkapan dan kezaliman kepada anggota Ikhwan Muslimin yang juga merupakan kelompok *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Beliau kemudiannya telah menghasilkan kitab ini bagi mengingatkan umat Islam tentang bahayanya pegangan yang difahami oleh golongan Syiah dan .terdapat dua fasal perbincangan yang dikemukakan oleh Sa‘īd Ḥawwa di dalam kitabnya ini, iaitu *fasal* pertama : Pegangan dan *I‘tiqād* Khomeini yang *syādh*. Fasal kedua : Pendirian Khomeini yang *Syādh*. Penutup dan kesimpulan dari buku ini membahaskan berkaitan dengan kemestian bagi umat ini berpegang dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, kerana ia berpihak kepada kebenaran dan keadilan, di samping jauh dari jalan penyelewengan dan lembah kemurkaan Allah s.w.t. Sa‘īd Ḥawwa, *al-Khumayniyyah Shudhūdhun fī al-‘Aqād Shudhūdhun fī al-Mawāqif*, (t.tp:t.p:1987), 8.

mempengaruhi gerakan Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia sendiri.<sup>688</sup> Perkara ini yang membimbangkan gerakan ISMA dan IKRAM sehingga mengambil pendirian yang lebih tegas berbanding PAS terhadap perkembangan Syiah dan penyebaran ajarannya di Malaysia ini.

#### **4.2.2 Isu Politik Islam di Malaysia:**

Isu politik Islam di Malaysia merupakan salah satu isu yang menjadi perbezaan pandangan dalam pendirian gerakan-gerakan dakwah di Malaysia. Perbezaan ini berlaku kerana wujudnya masyarakat yang berbilang kaum serta agama dalam mengemukakan ijтиhad dan pendirian terhadap keharusan melakukan *tahāluf siyāsi* bersama kelompok *non muslim* atau sebaliknya. Selain itu, isu keharusan dalam mengundi *non muslim* dalam sesuatu Pilihan Raya turut menjadi perbezaan pandangan di antara gerakan dakwah. Malah perbezaan ini membawa kepada implikasi sebahagian daripada gerakan dakwah di Malaysia menggerakkan parti politik yang berasingan apabila tidak bersetuju dengan kelompok dakwah lain yang berbeza dari sudut pandangan terhadap *tahāluf siyāsi* dan mengundi *non muslim* ini.

##### **a) Isu *Tahāluf Siyāsi* dan Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki***

*Tahāluf siyāsi* yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah membina kerjasama dan pakatan politik dengan parti *non muslim* yang tidak bermatlamat Islam sebagai agenda

---

<sup>688</sup> Ahmad Zaki Abd Latiff, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (2003), 18.

perjuangan.<sup>689</sup> Kerjasama ini boleh berlaku dalam apa jua bidang yang dipersetujui bersama dalam menghadapi musuh yang sama ketika menggerakkan politik. Dalam konteks di Malaysia, gerakan-gerakan dakwah tidak menyatakan kesepakatan dalam isu *tahāluf siyāsi* dengan parti *non muslim* bagi menggerakkan dakwah Islam melalui medan politik. Kajian mendapati, perbezaan pandangan ini adalah kerana wujudnya dalil yang melarang umat Islam mengambil kelompok *non muslim* sebagai rakan bantuan dalam menghadapi musuh di dalam politik yang juga di kalangan umat Islam.<sup>690</sup> Berdasarkan kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia ini menyebabkan kesukaran dalam menyatakan kesepakatan dan membentuk pendirian bersama berkaitan isu *tahāluf siyāsi* di antara gerakan-gerakan dakwah.

Kajian mendapati, PAS sejak dari awal penubuhannya telah terlibat di dalam politik. Pengalaman PAS dalam pelaksanaan *tahāluf siyāsi* dengan parti lain terutamanya dalam isu berkaitan keterbukaan untuk bersama dengan masyarakat *non muslim* bermula sejak

<sup>689</sup> Definisi *tahāluf siyāsi* telah dikemukakan oleh Munir al-Ghadban di dalam kajiannya bertajuk *al-Tahāluf al-Siyāsi fī al-Islām*. Beliau mengemukakan defini *al-tahāluf* yang berasal daripada perkataan *al-hilf* sebagai bentuk perjanjian yang dimeterai antara kaum untuk saling membantu, tolong menolong dan membuat permuafakatan. Munir al-Ghadban mengemukakan dua bentuk pengamalan *al-hilf* yang dilakukan semasa zaman Jahiliyyah. Bentuk *al-hilf* yang pertama iaitu suatu perjanjian yang dilakukan sehingga menyebabkan timbulnya fitnah, peperangan antara kabilah dan perkara ini yang menjadi larangan Rasulullah SAW. Bentuk perjanjian yang kedua menurut Munir al-Ghaḍbān yang dibenarkan oleh Rasulullah SAW jika perjanjian itu dapat mendorong kepada kebaikan atau membela kebenaran, ia akan di terima oleh Islam. Selepas membuat rumusan berkaitan pendekatan *al-hilf* di dalam Islam berdasarkan beberapa hadith yang dikemukakan, Munir al-Ghaḍbān mengemukakan beberapa hadith berkaitan *al-hilf* dan merumuskan tiga perkara dalam menilai pendekatan *al-hilf* di dalam Islam iaitu, tidak dibenarkan perjanjian di dalam Islam jika bertujuan untuk membela kebatilan, gesaan Islam supaya menepati perjanjian pada zaman jahiliyyah dan larangan untuk mengadakan perjanjian selepas pembukaan kota mekah sepertimana larangan berhijrah. Berdasarkan rumusan ini, Munir al-Ghaḍbān menyebutkan berkaitan pendekatan *al-hilf* di dalam gerakan Islam. Beliau menyebutkan bahawa ketika teraju kepimpinan di bawah kekuasaan Islam, maka tidak perlu lagi kepada pendekatan *tahāluf*. *Tahāluf* hanya diperlukan ketikamana pihak musuh lebih kuat dan berkuasa, di samping dakwah mendapat tekanan ketika proses menegakkan hukum Islam. Munir al-Ghaḍbān, *Kerjasama Politik Dalam Menegakkan Kerajaan Islam*, terjemahan Mohd Hapiz Mahaiyadin, (Batu Caves: Pustaka Ilmi: 2003), 1-13.

<sup>690</sup> Kelompok yang berbeza pandangan berkaitan *tahāluf siyāsi* di antara PAS dengan Pakatan Rakyat ini adalah dengan hujah bahawa asas kepada prinsip hubungan di antara muslim dan kafir adalah kembali kepada prinsip *barā'*. Prinsip ini berasaskan empat dalil daripada ayat al-Quran, Surah *al-'Imrān* 118, Surah *al-Imrān* 28, Surah *al-Anfāl* 39, Surah *al-Mumtahinah* 8.

daripada Pilihan Raya Umum (PRU) tahun 1986 lagi.<sup>691</sup> Pendirian tersebut sebagai tindakan yang dilihat kepada *maṣlahah* dan kebaikan untuk Islam khususnya dalam kesinambungan politik Islam yang sedang berlaku di Malaysia ketika ini.<sup>692</sup> Menurut Abdul

<sup>691</sup> Menurut Mohd Izani Mohd Zain, sikap radikal gerakan Islam membawa kerugian dalam mencapai matlamatnya ketika sepanjang tahun 1980an. Dasar dan pendekatan PAS dalam PRU 1986 pada ketika itu yang meletakkan PAS sebagai parti yang kurang bertolak ansur dan hasilnya hanya memenangi satu kerusi Parlimen sahaja dari 98 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Mohd Izani Mohd Zain, *Islam dan Demokrasi : Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, 34. Di dalam PRU tersebut, walaupun PAS melakukan *tahāluf siyāsi* membentuk Harakah Keadilan Rakyat (HAK) bersama Parti kecilan lain iaitu PSRM, NASMA dan SDP, namun PAS tidak melaksanakan *tahāluf siyāsi* dengan parti-parti alternatif utama yang lain. Parti-parti kecilan yang dibentuk kesepakatan ini walaupun dilihat PAS mendominasi Pakatan ini, tetapi di kalangan parti-parti yang tidak mempunyai keupayaan untuk memenangi kerusi di dalam Pilihan Raya. Di dalam PRU tahun 1986 ini, walaupun PAS berdamping dengan masyarakat Tiong Hua dengan menubuhkan Chinese Consultative Council (CCC), namun PAS dilihat masih berseteru dengan DAP yang lebih mendominasi undi masyarakat Cina. Setelah melalui pengalaman tersebut, PRU berikutnya tahun 1990, PAS membentuk Pakatan dengan beberapa Parti Alternatif Utama seperti PRU 1990 membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) bersama dengan Parti Semangat 46 (S46), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA), Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA). Begitu juga dalam PRU 1999, PAS bersama-sama dengan Parti lain membentuk pakatan politik yang dinamakan sebagai Barisan Alternatif yang melibatkan beberapa parti lain iaitu DAP, PRM dan Partai Keadilan Nasional (PKN). Di dalam PRU 2008, PAS melakukan Pakatan Politik bersama-sama dengan PKR dan DAP membentuk Pakatan Rakyat (PR). Mohd Hasbie Muda, *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam Se-Malaysia Dalam Pilihan Raya 1959-2013*, (Petaling Jaya : Megamind Leadership Consultancy: 2014), 35-46.

<sup>692</sup> Abdul Hadi Awang, di dalam tulisannya bertajuk “*Tahāluf Siyāsi PAS Dalam Pakatan Rakyat*” telah mengemukakan hujah dan membawa penjelasan berkaitan prinsip yang dipegang oleh PAS bersama Pakatan Rakyat. Beliau menggunakan dalil hadith berikut dalam menyatakan keharusan dan tiada larangan melakukan kesepakatan politik dengan *non muslim* :

"لَقَدْ شَهِدْتُ فِي دَارِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَعْدَعَانَ حَلَّمًا لَّوْ دُعِيتُ بِهِ فِي الْإِسْلَامِ لَأَجْعَثُ"

Maksud Hadith “Aku telah menyaksikan di rumah Abd Allāh bin Jud‘ān satu kerjasama yang sekiranya diajak untuk menyertainya dalam Islam, aku akan terima jemputan itu”. Hadith ini disebutkan oleh Ibn Kathir di dalam kitabnya, *al-Sīrah al-Nabawiyah*. Lihat Ismā‘il bin ‘Umar bin Kathīr, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, tahqiq : Muṣṭafa ‘Abd al-Wāhid, (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah: 1976), 1:258. Menurut Abdul Hadi, peristiwa ini berlaku semasa zaman jahiliyyah dan Baginda SAW belum dilantik menjadi Rasul dalam usia Baginda dua puluhan. Rasulullah SAW diberi kepercayaan untuk menyertai pertemuan tersebut oleh bapa-bapa saudara Baginda yang juga pertemuan yang khusus dikalangan pemimpin utama Mekah. Peristiwa ini berlaku apabila seorang pengunjung Mekah daripada Qabilah Zubaid, Yaman yang bermiaga di Mekah telah dizalimi oleh seorang bangsawan Mekah bernama al-‘Ās bin Wā'il. Pendatang yang dizalimi gagal mendapat pertolongan daripada rakan-rakan kenalannya, kerana kedudukan bangsawan si zalim itu. Kemudian pengunjung yang dizalimi tersebut mendaki bukit Qubais berhampiran Kaabah melaungkan rayuan pertolongan dan mencabar kesucian Mekah dan keamanannya sudah tidak ada lagi. Para pemimpin Mekah berasa malu dan tercabar dengan peristiwa tersebut sehingga mereka membuat perjumpaan tergempar di rumah ‘Abd Allāh bin Jud‘ān dengan membuat keputusan kesepakatan yang dinamakan *Half al-Fudūl* bagi menentang kezaliman dan membela sesiapa yang dizalimi. Menurut Abdul Hadi, berdasarkan peristiwa di dalam hadith di atas, Rasulullah SAW menerima konsep kesefahaman dan kesepakatan dengan pemimpin bukan Islam dalam menentang kezaliman. Abdul Hadi Awang, “*Tahāluf Siyāsi PAS Bersama Pakatan Rakyat*”, laman sesawang *Harakah Daily*, ditinjau pada 8 Disember 2013, <http://bm.harakahdaily.net/index.php/columnist/presiden/13826-tahaluf-siyasi-pas-bersama-pakatan-rakyat>.

Hadi awang, *tahāluf siyāsī* antara muslim dengan *non muslim* adalah dibolehkan dengan syarat tidak menjelaskan akidah, atau menggadaikan prinsip Islam.<sup>693</sup> Menurut beliau lagi bahawa *syara'* telah membenarkan *tahāluf* di dalam politik dengan golongan *non muslim* dan mengharamkan *walā'* kepada mereka.<sup>694</sup> Dua perkara tersebut adalah berbeza menurut beliau dari sudut definisi dan pelaksanaannya.<sup>695</sup> Melalui pelaksanaan *tahāluf*, PAS membina kesefahaman dan bersifat terbuka dengan golongan *non muslim*, bagi memperkenalkan Islam kepada mereka.<sup>696</sup> Hasilnya, golongan *non muslim* mula mengkaji dan ingin tahu tentang Islam secara lebih lanjut.<sup>697</sup> Menurut beliau lagi, Nabi Muhammad SAW ketika memerintah Madinah, penduduknya adalah terdiri dari masyarakat majmuk, selain umat Islam ketika itu dari kalangan minoriti. Namun kekuatan *muhājirīn* dan *ansār* yang menjadi tulang belakang kepada negara pada ketika itu menyebabkan mereka mampu menarik Yahudi *Bani Nadīr*, *Bani Quraiżah* dan *Bani Qainuqā'* selain musyrikin serta golongan Kristian *Khuzā'ah* dan *Najrān* yang mahukan perlindungan untuk melakukan *tahāluf* ketika Rasulullah SAW memerintah Madinah. Begitu juga ketika Islam memerintah Mesir dan Parsi yang mana pada peringkat awalnya orang Islam adalah minoriti dan masyarakat bukan Islam adalah majoriti, namun pemerintah Islam menerima masyarakat bukan Islam dengan *tahāluf*.<sup>698</sup> Menurut Abdul Hadi Awang, kelompok yang tidak bersetuju dengan *tahāluf* yang diamalkan oleh PAS adalah kelompok yang tidak memahami *fiqh al-siyāsah* di Malaysia dengan baik.<sup>699</sup> Perkara ini adalah kembali kepada realiti politik

<sup>693</sup> Abdul Hadi Awang, Presiden PAS dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

<sup>694</sup> Pandangan ini yang membezakan antara PAS dan ISMA berkaitan isu *tahāluf siyāsī* samaada ia berkait rapat dengan isu *walā'* seseorang muslim kepada *non muslim* ataupun tidak. Penulis akan menghuraikan di dalam hujah yang dikemukakan oleh ISMA selepas ini.

<sup>695</sup> Beliau bermaksud, bukanlah apabila melakukan *tahāluf* dengan *non muslim* ia seolah-olah berwala dengan *non muslim*.

<sup>696</sup> Abdul Hadi Awang, Presiden PAS dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

<sup>697</sup> *Ibid.*

<sup>698</sup> *Ibid.*

<sup>699</sup> *Ibid.*

kepartian di Malaysia yang menuntut kearah keperluan melakukan *tahāluf* tersebut termasuk bagi PAS sendiri.

ISMA dalam isu *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim* dilihat berbeza pendirian dengan apa yang dikemukakan oleh PAS. ISMA dalam mengemukakan pendirian berkaitan *tahāluf siyāsi* di antara PAS dan kelompok *non muslim* dengan hujah bahawa asas kepada prinsip hubungan di antara muslim dan kafir adalah kembali kepada prinsip *barā'*.<sup>700</sup> Prinsip ini menurut ISMA adalah berasaskan kepada empat dalil daripada ayat al-Quran yang menyatakan prinsip hubungan di antara muslim dan *non muslim*.<sup>701</sup> *Tahāluf siyāsi* menurut ISMA memiliki disiplin *syara'* yang begitu ketat dan syarat yang perlu dijaga dari masa ke semasa. Penilaian terhadap keharusan *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim* menurut ISMA adalah kembali kepada dua aspek, iaitu *non muslim* secara individu atau *non muslim* secara berkumpulan.<sup>702</sup> Penilaian tersebut juga menurut ISMA dilihat dari sudut kekuatan semasa umat Islam dan dominasi hukum Islam di dalam sesebuah negara.<sup>703</sup>

<sup>700</sup> Menurut ISMA, prinsip *walā'* dan *barā'* dalam konteks perjuangan menegakkan Islam adalah berkait rapat dengan isu akidah yang memberikan implikasi langsung kepada pengucapan dua kalimah syahadah. *Walā'* memberi erti berkasih sayang, berteman rapat dan bertolong bantu memenangkan yang dikasihinya tersebut. Manakala *barā'* dengan maksud berlepas diri iaitu berlawanan dengan prinsip *walā'* tersebut. Menurut ISMA, bertahaluf dengan parti *non muslim* yang menolak pelaksanaan syariat Islam ketika umat Islam berpecah belah dan kejahilan melata adalah merupakan pencabulan terhadap konsep *walā'* dan *barā'*. Menurut ISMA, tuntutan wajib ketika ini ialah menguatkan dan memperkuuhkan *walā'* sesama orang-orang yang beriman dan menjauhi apa-apa persepkatan (*barā'*) dengan orang-orang kafir. Menurut ISMA lagi bahawa dalam konteks pemerintah beragama Islam yang zalim dan *fājir*, tetap menjadi kewajipan rakyat memberi *walā'* sekadar ketaatannya sahaja dan wajib *barā'* terhadap kezaliman dan kefajirannya. *Barā'* terhadap pemerintah seperti ini tidak sama dengan *barā'* terhadap orang kafir. Artikel tanpa penulis, "Wala' dan Bara' Dalam Konteks Perjuangan Menegakkan Syariat Islam", laman sesawang *isma web*, ditinjau pada 4 Ogos 2015, <http://www.ismaweb.net/2012/04/wala-dan-bara-dalam-konteks-perjuangan-menegakkan-syariat-islam/>.

<sup>701</sup> Empat dalil daripada al-Quran yang dinyatakan oleh ISMA berkaitan larangan *tahāluf siyāsi* seperti yang dilakukan oleh PAS iaitu :Surah *al-'Imrān* 118, Surah *al-'Imrān* 28, Surah *al-Anfāl* 39, Surah *al-Mūtaharrahah* 8.

<sup>702</sup> Norsaleha Mohd Salleh, "Tahāluf Siyāsi : Hukum dan Syarat Menurut Muhamad Ahmad Rashid (Bhg.2)", laman sesawang *isma web*, 10 Disember 2013,<http://www.ismaweb.net/v4/2011/07/tahaluf-siyasi-hukum-syarat-menurut-muhamad-ahmad-rasyid-bhg-2/>

<sup>703</sup> *Ibid.*

ISMA menegaskan bahawa meminta bantuan bukan Islam seperti meminta bantuan negara *non muslim*, parti *non muslim* dan kumpulan-kumpulan bukan Islam adalah tidak diharuskan.<sup>704</sup> Namun begitu, harus meminta bantuan individu *non muslim* sekiranya ada isyarat yang menunjukkan kepada amanahnya.<sup>705</sup> Di dalam hal ini menurut ISMA, al-Syaibānī meletakkan dua syarat dalam meminta bantuan dengan *non muslim* :

- 1) Boleh meminta bantuan dengan syarat *non muslim* boleh dipercayai dan umat Islam merasa aman apabila berperang dengan mereka dan tidak menimbulkan fitnah bersama mereka.
- 2) Hukum Islam yang lebih dominan ke atas mereka, atau dengan kata lain, *non muslim* itu adalah golongan yang lemah dan jemaah Islam golongan yang lebih kuat dan dominan.

Menurut Abdullah Zaik Abdul Rahman, dalam situasi politik Islam yang diperjuangkan oleh PAS dan kelompok *tahāluf* yang dilakukan bersama Pakatan Rakyat adalah dilihat tiada dominan Islam dalam Pakatan tersebut dan PAS tiada pengaruh yang kuat dalam

---

<sup>704</sup> *Ibid.*

<sup>705</sup> ISMA menyebutkan bahawa dalil yang dikemukakan dalam menyatakan larangan tersebut melalui riwayat Imam Muslim yang menceritakan tentang seorang musyrik yang mahu menyertai Rasulullah SAW dalam perang Badar. Kemudian Nabi SAW bertanya kepadanya sekiranya dia telah Islam dan individu tersebut menafikan keislamannya. Nabi SAW meminta *musyrik* tersebut pulang dan bersabda kepadanya bahawa Baginda SAW tidak akan meminta tolong dari seorang musyrik. ISMA menyebutkan bahawa al-Syaibānī mentakwilkan hadith ini dengan mengatakan bahawa larangan itu kepada mereka yang tidak berada dalam pemerintahan Rasulullah SAW dan mereka tidak berperang dibawah pentadbiran Rasulullah SAW. Sekiranya begitu, sifatnya *makrūh* meminta bantuan daripada *non muslim*. Selain itu, hukum *makrūh* ini tidak diletakkan oleh al-Syaibānī secara umum dalam meminta bantuan dengan *non muslim*, tetapi sebagai pandangan yang dikeluarkan dari seorang ketua orang-orang Islam. Beliau berpendapat sedemikian ketika mentakwilkan penolakan yang dibuat oleh Rasulullah SAW terhadap 700 orang Yahudi Bani Qainuqā' di dalam perang Uhud dengan sebab keimbangan Rasulullah SAW terhadap perasaan rendah diri dan rasa terhina tentera-tentera Islam yang lain. Menurut ISMA, dalil ini adalah jelas bahawa setinggi-tinggi hukum meminta tolong dengan *non muslim* ialah harus sahaja dan tidak sampai tahap wajib. Sebaik-baiknya, seorang pemimpin perlu menjauhi dari meminta tolong dengan *non muslim*. *Ibid.*

meletakkan Islam sebagai agenda perjuangan dalam Pakatan Rakyat.<sup>706</sup> Perkara ini yang menjadi titik pertembungan dan perbezaan pendekatan oleh ISMA dalam menilai *tahāluf siyāsi* yang dilakukan oleh PAS bersama Pakatan Rakyat. Menurut beliau lagi, *tahāluf* dengan *non muslim* tidak berlaku kecuali setelah umat Islam memiliki pemerintahan dan kekuasaan. Oleh yang demikian, beliau lebih bersetuju *tahāluf siyāsi* yang dilakukan oleh UMNO di dalam komponen Barisan Nasional (BN) kerana UMNO memiliki kuasa dan memerintah negara. Hanya kekurangannya, UMNO tidak mengamalkan Islam secara sepenuhnya.<sup>707</sup>

Menurut ISMA, adapun hadith berkaitan dengan *ḥalf al-fuḍūl* yang dikemukakan oleh PAS dalam menyatakan keharusan melakukan *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim* adalah tidak boleh dijadikan hujjah oleh PAS kerana perkara tersebut bukan dari aspek politik tetapi lebih kepada isu kemanusiaan.<sup>708</sup> ISMA melihat kelompok *non muslim* yang bersama dengan PAS di dalam Pakatan Rakyat lebih membawa ancaman kepada Islam kerana kelompok ini dinilai sukar untuk menjadikan Islam sebagai agenda perjuangan.<sup>709</sup> Kelompok *non muslim* yang membawa ancaman tersebut seperti golongan Kristian Evangelist yang mempunyai agenda tersembunyi dan golongan ini dilihat lebih dominan berbanding golongan yang memperjuangkan Islam di dalam Pakatan Rakyat.<sup>710</sup> Perkara ini sekaligus sukar untuk memenuhi *maqāṣid syar‘* dalam aspek *hifz al-dīn* (penjagaan agama) melalui *tahāluf siyāsi* yang dilakukan oleh PAS tersebut.<sup>711</sup> Pandangan yang dikemukakan oleh ISMA ini membawa kepada implikasi hukum mengundi calon *non*

<sup>706</sup> Abdullah Zaik Abd. Rahman, Presiden ISMA, dalam temu bual dengan penulis pada 24 Feb. 2014.

<sup>707</sup> *Ibid.*

<sup>708</sup> *Ibid.*

<sup>709</sup> *Ibid.*

<sup>710</sup> *Ibid.*

<sup>711</sup> *Ibid.*

*muslim* di dalam Pilihan Raya yang bertentangan dengan pandangan yang diamalkan oleh PAS selama ini sehingga membawa haluan sendiri dalam Pilihan Raya Umum ke 13 yang lalu apabila ISMA bertanding di atas tiket Parti BERJASA.<sup>712</sup>

Kajian mendapati, Pertubuhan IKRAM Malaysia tidak mengemukakan pandangannya secara rasmi dalam permasalahan *tahāluf siyāsi*.<sup>713</sup> Namun begitu, hasil temu bual dengan Mohd Parid Sheikh Ahmad berhubung isu *tahāluf siyāsi* ini membawa gambaran bahawa IKRAM lebih bersifat terbuka dalam menerima pandangan tentang keharusan *tahāluf siyāsi* dalam keadaan tertentu. Beliau menyatakan bahawa *tahāluf siyāsi* adalah merupakan satu pandangan dan pilihan terbuka dalam bab *Siyāsah Syar'iyyah* yang diharuskan untuk digunakan dalam keadaan dan *wāqi'* tertentu. Suasana masyarakat dengan perjalanan politik yang berlaku di Malaysia ini adalah terdiri dari masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan wujud bersamanya golongan *non muslim* di samping masyarakat Islam itu sendiri. IKRAM berpandangan bahawa penilaian terhadap keadaan politik Malaysia yang wujud seperti ini, perlu dilihat dengan *picture* politik secara menyeluruh (*nażrah kulliyah*) dan tidak melihat hanya sudut tertentu (*nażrah juz'iyyah*) sahaja.<sup>714</sup> Undian majoriti yang diperlukan dalam memenangi sesebuah pilihan raya adalah termasuk dari undian *non*

<sup>712</sup> ISMA dalam PRU 13 bertanding di 11 kawasan. 8 kawasan melibatkan Parlimen dan 3 kawasan lagi melibat DUN. Kawasan-kawasan yang dipertandingkan seperti berikut : **Kawasan Parlimen** : Padang Serai, Tapah, Wangsa Maju, Selayang, Subang, Kapar, Seremban, Alor Setar. Manakala **kawasan DUN** yang dipertandingkan iaitu Derga, Gurun dan Kajang. Berita ISMA, “BERJASA Umum Calon, Tanding 8 Parlimen, 3 Dun”, laman sesawang *Ismaweb*, ditinjau pada 4 Ogos 2015, <http://www.ismaweb.net/2013/04/berjasa-umum-calon-tanding-8-parlimen-3-dun/>.

<sup>713</sup> Hanya yang ada tulisan dari pimpinan IKRAM Pusat, Tajul Arifin Che Zakaria, di dalam blognya, abuamru1208. Tulisan bertajuk “*Tahaluf Siyasi di Dalam Islam: Perspektif Sirah al-Nabawiyyah*”. Beliau merupakan Pengurus Jawatankuasa Tarbiah Ikram Pusat. Lihat Tajul Arifin Che Zakaria, “Tahaluf Siyasi di Dalam Islam: Perspektif Sirah al-Nabawiyyah”, laman blog *abuamru1208*, ditinjau pada 10 Disember 2013, <http://abuamru1208.blogspot.com/2013/04/tahaluf-siyasi-dalam-islam-perspektif.html>.

<sup>714</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM, dalam temu bual dengan penulis, pada 19 Mac 2014.

*muslim* di Malaysia itu sendiri. Tidak hanya bergantung pada undian Melayu sahaja.<sup>715</sup> Menurut Mohd Parid lagi bahawa golongan *non muslim* ini juga memiliki hak sebagai warganegara yang boleh dinilai melalui *fiqh al-muwāṭanah* dan tidak sepatutnya bersifat angkuh dengan mengatakan golongan *non muslim* ini sebagai pendatang berbanding bangsa Melayu.<sup>716</sup>

Perkara yang menarik dalam pendirian IKRAM berkaitan isu *tahāluf siyāsi* ini iaitu lebih bersifat berkecuali (*independent*) dalam menilai persetujuan antara pakatan politik (*tahāluf siyāsi*) dalam Barisan Nasional atau dalam Pakatan Rakyat. Mohd Parid menyebutkan bahawa IKRAM akan menentukan pendiriannya berkaitan *tahāluf siyāsi* ini berdasarkan situasi dan keadaan yang berlaku dalam perjalanan politik negara sebagai contohnya situasi dalam PRU ke 14 atau PRU ke 15. Menurut beliau bahawa sekiranya dinilai untuk kebaikan Malaysia dan kebaikan buat umat Islam bahawa IKRAM perlu menyokong Pakatan Rakyat (PR) dalam sesuatu Pilihan Raya maka IKRAM akan memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya tersebut. Juga sebaliknya jika situasi ketika itu dinilai bahawa IKRAM perlu lebih menyokong Barisan Nasional maka IKRAM akan bertindak untuk menyokong Barisan Nasional dalam Pilihan Raya tersebut.<sup>717</sup> Perkara ini juga berdasarkan kenyataan rasmi dari Presiden IKRAM dalam PRU 13 yang lalu bahawa penglibatan beberapa ahli IKRAM di dalam politik adalah dengan mewakili parti yang

---

<sup>715</sup> *Ibid.*

<sup>716</sup> *Ibid.* Kemungkinan pandangan ini timbul adalah berpunca daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Presiden ISMA yang mendakwa bahawa kaum cina sebagai pendatang di Malaysia ini sepertimana yang boleh dirujuk di dalam link berikut : Abdullah Zaik Abd Rahman, “Kedatangan Pendatang Cina Bersama Penjajah Satu Bentuk Pencerobohan”, laman sesawang *Ismaweb*, ditinjau pada 4 Ogos 2015, <http://www.ismaweb.net/2014/05/kedatangan-pendatang-cina-bersama-penjajah-british-satu-bentuk-pencerobohan/>.

<sup>717</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM, dalam temu bual dengan penulis, pada 19 Mac 2014.

selari dengan prinsip dan pendirian Badan ini.<sup>718</sup> Perkara ini jelas mengenai sudut perbezaan antara *tahāluf siyāsi* di dalam IKRAM dan pengamalan yang dilaksanakan di dalam gerakan dakwah PAS selama ini berkaitan *tahāluf siyāsi* yang tidak secara sepenuhnya mengikuti pengamalan *tahāluf siyāsi* di dalam PAS tetapi lebih melihat kepada *wāqi‘* dan situasi yang dinilai secara berkecuali dengan tetap meletakkan prinsip Islam sebagai matlamat perjuangan.

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, kajian menyimpulkan bahawa perbezaan yang wujud di antara gerakan dakwah di Malaysia, khususnya PAS dan ISMA berkaitan isu *tahāluf siyāsi* dengan bukan Islam adalah aspek penilaian terhadap kemaslahatan kepada Islam itu sendiri. ISMA melihat keharusan dalam pelaksanaan *tahāluf siyāsi* dengan kelompok *non muslim* adalah dengan didahului syarat bahawa Islam mendominasi sesuatu pakatan tersebut. Aspek ini yang tidak kelihatan di dalam PAS menurut ISMA apabila melakukan *tahāluf* dengan DAP dan PKR yang banyak diwakili oleh wakil rakyat *non muslim* yang mempunyai agenda jahat terhadap Islam, seperti Kristian Evangelist. Perbezaan ini adalah perbezaan dari sudut ijtihad dalam menilai politik semasa yang kedua-duanya memiliki hujah tersendiri dalam mempertahankan Islam.

---

<sup>718</sup> Menurut Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM, bahawa penglibatan ahli IKRAM dalam arena politik dengan matlamat: “..untuk membangunkan umat dan masyarakat yang celik politik, memiliki kematangan dan keberanian bertindak secara politik yang tinggi sehingga mampu menggerakkan perubahan kepemimpinan politik negara, menggerakkan agenda politik yang akan menghantar pemimpin terbaik ke mercu kekuasaan, memimpin negara dengan penuh kewibawaan, mendukung satu sistem politik yang adil dan cemerlang”. Lihat artikel tanpa penulis, “Presiden Umum Prinsip Penglibatan Ikram Dalam PRU 13”, laman sesawang [ikram.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=644%3Apresiden-umum-prinsip-penglibatan-ikram-dalam-pru13&catid=54%3Autama&Itemid=52](http://ikram.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=644%3Apresiden-umum-prinsip-penglibatan-ikram-dalam-pru13&catid=54%3Autama&Itemid=52).

### **b) Isu Mengundi Calon *Non Muslim* dan Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki***

Isu mengundi calon *non muslim* adalah sepetimana pendirian gerakan dakwah terhadap isu *tahāluf siyāsi*. PAS seperti mana membenarkan *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim*, turut berpandangan yang sama dalam isu mengundi calon *non muslim* di dalam pilihan raya. Apabila mengundi calon *non muslim*, bukanlah bermaksud pengundian tersebut memberikan *walā'* kepada calon tersebut. Menurut Abdul Hadi Awang, haram bagi seseorang muslim memberikan *walā'* kepada *non muslim*, namun dibenarkan *tahāluf* dalam *siyāsah* dengan disertakan prinsip dan syarat-syarat yang jelas serta tidak menjelaskan kedudukan Islam dan akidah sebagai seorang muslim.<sup>719</sup> Oleh yang demikian, PAS menyatakan keharusan mengundi calon *non muslim* khususnya di kalangan Pakatan Rakyat seperti calon di dalam DAP atau PKR kerana melihat kepada perjuangan yang dibentuk secara bersama di dalam Pakatan Rakyat lebih membawa kepada kemaslahatan dan mampu mencapai matlamat perjuangan Islam itu sendiri.<sup>720</sup> Pengalaman PAS selama ini menunjukkan masyarakat *non muslim* boleh menerima dengan baik kehadiran PAS di dalam Pakatan Rakyat dan mampu menyatakan sokongan kepada calon PAS di kalangan mereka yang beragama Islam. Sebagai contoh, calon PAS Siti Mariah Mahmud, bertanding di kawasan majoriti *non muslim* menentang calon *non muslim*, tetapi mampu memenangi pilihan raya tersebut dengan baik.<sup>721</sup> Selain itu, menurut Abdul Hadi Awang, masyarakat *non muslim* menerima baik kehadiran PAS melalui Dewan Himpunan Penyokong PAS.

---

<sup>719</sup> Abdul Hadi Awang, Presiden PAS dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

<sup>720</sup> *Ibid.*

<sup>721</sup> Siti Mariah Mahmud adalah merupakan Ahli Parlimen PAS Kota Raja yang telah memenangi kawasan Parlimen tersebut dalam Pilihan Raya Umum tahun 2008 dengan mengalahkan calon dari Barisan Nasional, S.A Vigneswaran dengan majoriti sebanyak 20,751 undi. Beliau memperoleh 38,630 undi berbanding lawannya memperoleh hanya 17,879 undi. Majoriti yang diterima oleh beliau adalah yang

Menurut Mohd Parid, IKRAM lebih bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan pengundian calon wakil rakyat *non muslim*. Hanya yang tidak dibenarkan adalah jawatan Khilafah yang tertinggi atau jawatan Presiden diundi kepada calon *non muslim*.<sup>722</sup> Adapun jawatan lain yang tidak memegang tampuk pemerintahan tertinggi adalah tidak mengapa dan diharuskan untuk mengundi calon *non muslim* di dalam hal ini. Perkara ini juga menurut beliau bukanlah di dalam kategori *walā'* yang diberikan seorang muslim kepada *non muslim*.<sup>723</sup> Beliau menyentuh beberapa prinsip pemilihan calon dalam pilihan raya selain pendirian dalam berdepan dengan calon bukan Islam melalui beberapa keutamaan pemilihan seperti mana berikut:

- 1) Menyokong calon yang mendukung agenda Islam.
- 2) Memilih calon yang tidak mengancam perjuangan Islam di Malaysia.

Perkara ini menurut IKRAM ketika berdepan dengan calon muslim. Sekiranya berdepan dengan calon bukan muslim, beberapa perkara berikut diambil kira :

- 1) Peribadi calon yang tidak memusuhi Islam.
- 2) Mengundi peribadi calon bukan Islam yang bahayanya kepada perjuangan Islam paling minimum.

---

tertinggi pernah dicatatkan oleh calon PAS walaupun beliau bertanding dalam kawasan Parliment yang mempunyai peratusan pengundi India agak tinggi.

<sup>722</sup> Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM, dalam temu bual dengan penulis, pada 19 Mac 2014.

<sup>723</sup> *Ibid.*

Berdasarkan perkara ini, IKRAM tidak menolak terus calon mengundi bukan Islam dan menilai dari aspek *maṣlaḥah* dan *mafsadah* yang diperolehi hasil daripada pengundian tersebut. Melalui pendirian ini juga dapat disimpulkan bahawa IKRAM lebih terbuka dalam isu *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim* jika sesuatu kumpulan, atau individu dari kalangan *non muslim* memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam prinsip pemilihan dan pengundian calon *non muslim*.

ISMA sepatutnya pendirian ketat terhadap isu *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim*, juga memiliki pendirian yang sama berkaitan dengan isu mengundi calon *non muslim* di dalam pilihan raya. Kajian mendapati bahawa implikasi terhadap hukum *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim* yang dikemukakan oleh ISMA membawa kesan yang sama terhadap isu mengundi calon *non muslim*. Berdasarkan kajian, pendirian ISMA terhadap hukum calon mengundi *non muslim* ini sehingga membentuk sayap politik ISMA semasa PRU 13 yang lalu. ISMA bertanding di atas tiket parti BERJASA semasa PRU tersebut. ISMA bertanding di 11 kawasan.<sup>724</sup> Lapan kawasan melibatkan Parlimen dan tiga kawasan lagi melibatkan DUN. Kawasan-kawasan yang dipertandingkan oleh ISMA ini kebanyakannya adalah calon *non muslim* yang dikemukakan oleh Pakatan Rakyat, sedangkan di kebanyakan kawasan tersebut majoritinya adalah melayu Muslim. Berdasarkan kajian, ISMA ingin mengemukakan calon muslim di kawasan-kawasan tersebut sebagai alternatif calon yang boleh diundi oleh masyarakat muslim di samping memenuhi kehendak dan pandangan ISMA yang tidak mengharuskan undian calon *non muslim* di dalam pilihanraya.

<sup>724</sup> ISMA dalam PRU 13 bertanding di 11 kawasan. 8 kawasan melibatkan Parlimen dan 3 kawasan lagi melibat DUN. Kawasan-kawasan yang dipertandingkan seperti berikut : **Kawasan Parlimen** : Padang Serai, Tapah, Wangsa Maju, Selayang, Subang, Kapar, Seremban, Alor Setar. Manakala **kawasan DUN** yang dipertandingkan iaitu Derga, Gurun dan Kajang. Berita ISMA, “BERJASA Umum Calon, Tanding 8 Parlimen, 3 Dun”, laman sesawang *Ismaweb*, ditinjau pada 4 Ogos 2015, <http://www.ismaweb.net/2013/04/berjasa-umum-calon-tanding-8-parlimen-3-dun/>.

## **Analisis Aplikasi *al-Manhaj al-Harakī* (*Taḥāluf siyāsi* dan Mengundi Calon *non Muslim*)**

Isu *taḥāluf siyāsi* dan isu mengundi calon *non muslim* adalah dua isu yang berkaitan dalam menilai pendekatan gerakan dakwah. Kedua-dua isu tersebut memiliki persamaan dari sudut pendekatan terhadap golongan *non muslim*. Perbezaan konsep *taḥāluf siyāsi* antara gerakan dakwah yang dikaji adalah dari aspek penilaian terhadap *maṣlahah* Islam yang dicapai hasil dari *taḥāluf siyāsi* ini serta beberapa ancaman dari pihak *non muslim* dan dominasi Islam di dalam sesebuah pakatan yang dibentuk menjadi antara perkara utama perbezaan pandangan terhadap *taḥāluf siyāsi* antara gerakan-gerakan dakwah. PAS dan IKRAM lebih bersetuju aspek *taḥāluf* dengan parti *non muslim* dengan bacaan suasana politik di Malaysia membenarkan kesepakatan politik dilakukan dengan parti *non muslim*. ISMA pula menilai sudut bacaan politik yang berbeza dengan melihat kepada ancaman musuh terhadap parti Islam yang melakukan *taḥāluf* dengan kelompok *non muslim* dalam keadaan Parti Islam tiada dominan atau berkuasa dalam kelompok pakatan tersebut. Dalam menilai perkara ini, penulis mengemukakan beberapa prinsip penting *al-manhaj al-harakī* yang dinilai dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ seperti di dalam bab tiga yang lalu.

No	Gerakan Dakwah	Aplikasi dan Pendekatan Gerakan Dakwah dalam Isu <i>Taḥāluf Siyāsi</i> dan Mengundi <i>non muslim</i>	<i>al-Manhaj al-Harakī</i> dan prinsip dakwah Karya Sayyid Muḥammad Nūḥ
1	PAS	- PAS membolehkan <i>taḥāluf siyāsi</i> dengan <i>non muslim</i> di dalam Pakatan Rakyat yang dilihat lebih membawa kemaslahatan kepada Islam.	Beberapa elemen <i>haraki</i> dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ yang boleh dinilai bentuk aplikasi <i>al-manhaj al-harakī</i> gerakan dakwah di Malaysia terhadap

2	IKRAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lebih bersetuju dan sependapat dengan PAS dalam isu <i>Tahāluf Siyāsi</i>.</li> <li>- Walaupun begitu, terdapat sedikit perbezaan sudut aplikasi berkaitan <i>tahāluf siyāsi</i> ini dengan penilaian dibuat berdasarkan <i>wāqi'</i> yang berlaku dalam politik tanah air sama ada bersetuju dengan <i>tahāluf</i> di dalam Pakatan Rakyat atau di dalam Barisan Nasional.</li> <li>- Lebih bersetuju untuk mengharuskan pengundian <i>non muslim</i> dengan syarat-syarat tertentu.</li> </ul>	<p>isu <i>tahāluf siyāsi</i> dan mengundi <i>non muslim</i> iaitu ; <i>Fiqh al-Wāqi‘ Islam Matlamat Perjuangan, dan Pemerksaan ‘Amal Jamā‘ī</i>.</p>
3	ISMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- ISMA Tidak melakukan <i>tahāluf</i> dengan <i>non muslim</i> sama ada dari Barisan Nasional atau dari Pakatan Rakyat serta mengeluarkan hukum bahawa tidak boleh mengundi <i>non muslim</i> dari kalangan orang Islam.</li> <li>- ISMA masuk bertanding dalam PRU 13 dan membentuk sayap politik “Arus Baru” dan bertanding di atas tiket Parti BERJASA.</li> </ul>	

**Jadual 28 :** Penilaian Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Gerakan Dakwah dalam Isu *Tahāluf Siyāsi* dan mengundi *non muslim* di Malaysia

Sayyid Muḥammad Nūḥ menekankan antaranya berkaitan dengan *fiqh al-wāqi‘* dalam persoalan menilai kemaslahatan dakwah dan gerak kerja Islam yang diketengahkan kepada masyarakat. Di Malaysia, kewujudan masyarakat berbilang kaum dari sudut dakwah kepada *non muslim* yang tidak sepatahnya gerakan-gerakan dakwah memandang sepi dan remeh aspek tersebut. Memang benar, golongan *non muslim* memiliki agenda yang jahat terhadap Islam yang perlu diambil perhatian oleh gerakan dakwah seperti mana salah satu prinsip yang disebutkan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ. Namun konsep *tahāluf siyāsi* dengan *non muslim* ini juga sebagai medan dakwah untuk menarik golongan *non muslim* kepada Islam di samping berpegang kepada prinsip Islam serta tidak menjelaskan identiti Islam itu

sendiri. *Fiqh al-wāqi'* di Malaysia dengan bacaan politik yang matang menuntut pakatan politik bersama parti-parti alternatif utama termasuk parti *non muslim* sebagai strategi dan langkah untuk menguasai tampuk pemerintahan. Menurut Mohd Izani Mohd Zain, tuntuan demografi yang menyaksikan Malaysia mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama dan kepercayaan mengukuhkan kenyataan betapa pentingnya kerjasama antara parti-parti politik.<sup>725</sup>

Berkaitan dakwaan ISMA bahawa imej dan identiti Islam yang dibawa oleh PAS di dalam *tahāluf siyāsi* bersama parti *non muslim* akan terjejas telah disanggah oleh PAS dengan menyatakan dakwaan tersebut tidak benar. Abdul Hadi Awang menyebutkan beberapa tindakan tegas yang dibuat oleh PAS menunjukkan identiti dan imej Islam yang dibawa oleh PAS tidak terlebur dengan prinsip *tahāluf siyāsi* bersama *non muslim* tersebut. Sebagai contoh, DAP meminta PAS menggugurkan prinsip menegakkan Negara Islam pada tahun 2000 sehingga DAP keluar dari Barisan Alternatif setelah PAS bertegas untuk tidak berganjak dengan prinsip tersebut. Setelah itu, DAP sanggup menyertai semula Pakatan bersama PAS dan PKR di dalam PRU 2008 dengan membentuk Pakatan Rakyat (PR).<sup>726</sup> Selain itu, ketegasan PAS dalam Isu Hudud dan pelaksanaan hukum Islam di Malaysia apabila Kerajaan Pusat membenarkan Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan hukum Islam tersebut di Kelantan. Walaupun mendapat tentangan dari DAP dan PKR sendiri, Jawatankuasa PAS Pusat terus menyokong pelaksanaan Hudud untuk dilaksanakan oleh kerajaan Negeri Kelantan. Perkara ini menunjukkan bahawa PAS tidak terpengaruh dengan bantahan dan pendirian yang dibuat oleh rakan-rakan parti dalam Pakatan Rakyat

<sup>725</sup> Mohd Izani Mohd Zain, *Islam dan Demokrasi : Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, cet. ke 3, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya: 2007), 96.

<sup>726</sup> Abdul Hadi Awang, Presiden PAS dalam temu bual dengan Penulis pada 8 April 2014.

khususnya berkaitan prinsip dan imej Islam yang dibawa oleh PAS selain terus mengekalkan pendirian sebagai sebuah Parti yang memperjuangkan Islam.

Yūsuf al-Qaraḍāwī juga dalam mengimbangi antara pertembungan kemaslahatan menyebutkan bahawa *maṣlahah* yang rendah (remeh) ditinggalkan bagi mendapatkan maslahah yang lebih tinggi (utama). *Maṣlahah* yang lebih khusus (kecil) dikorbankan bagi mendapatkan *maṣlahah* yang lebih umum (besar). *Maṣlahah* yang segera dihapuskan bagi mendapat *maṣlahah* yang berpanjangan dan berkekalan, *maṣlahah* yang hanya berbentuk luaran (*syakli*), diabaikan bagi mendapatkan *maṣlahah* yang lebih tulen (*jauhari*). *Maṣlahah* yang lebih diyakini diketengahkan bagi mengatasi *maṣlahah* yang hanya berdiri di atas perkara *zanni* (sangkaan yang tidak kukuh).<sup>727</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī mengemukakan contoh dari pendirian al-Mawdūdī berkaitan prinsip yang dipegang oleh beliau dalam menilai *fiqh al-muwāzanāt* (pertimbangan) antara *maṣlahah* dan *mafsadah* ketika mana berlakunya sesi Pilihan Raya untuk memilih Presiden Pakistan iaitu di antara calon Fatima Jinnah dan Ayyub Khan. Beliau melihat, pemilihan Fatima Jinnah lebih sedikit kemudaratannya berbanding memilih calon Ayyub Khan. Walaupun memilih Fatima Jinnah menurut al-Mawdūdī bertentangan dengan larangan di dalam hadith “*Tidak akan berjaya suatu kaum yang melantik pemimpin tertingginya di kalangan wanita*”. Adakah sesuatu kaum mendapat kejayaan sekiranya memilih seorang yang terbukti kezalimannya? Individu yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada Ayyub Khan. Maka, *fiqh* pertimbangan di sini adalah memilih *mafsadah* yang lebih ringan dengan pemilihan calon Fatima Jinnah.<sup>728</sup>

<sup>727</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Awlawiyyāt al-Harakah al-Islāmiyyah*, 27.

<sup>728</sup> *Ibid*, 29.

Berdasarkan perkara ini, kajian menyimpulkan bahawa isu *tahāluf siyāsi* dan mengundi calon *non muslim* adalah merupakan perkara ijтиhad dan termasuk di dalam bab *fiqh al-siyāsah*. Isu ini terbuka kepada pandangan dan ijтиhad yang perlu dilihat secara menyeluruh dan tidak disempitkan dengan dalil pengharaman terhadap sesuatu kelompok *non muslim*. Situasi dan *wāqi‘* di Malaysia dalam menggerakkan politik kepartian memerlukan undian majoriti yang tidak hanya melibatkan calon muslim semata-mata. Perkara ini yang dialami oleh PAS sebagai sebuah Parti Islam dalam penglibatan di dalam pilihan raya di Malaysia. Namun begitu, pandangan yang dikemukakan oleh ISMA ada hujah kebenarannya. Penilaian terhadap *tahāluf siyāsi* memerlukan syarat dan hukum yang ketat bagi mengharuskan sesuatu *tahāluf* dilaksanakan. Berdasarkan kajian ini, perbezaan pandangan diantara gerakan dakwah berkaitan isu *tahāluf siyāsi* ini ada titik pertemuannya. Malah ISMA juga tidak menyatakan pengharaman secara mutlak berkaitan *tahāluf siyāsi*. Pandangan ISMA ini hanya mengemukakan peringatan bersama di antara gerakan dakwah berkaitan hukum dan syarat yang ketat dalam pelaksanaan sesuatu *tahāluf* di dalam politik. Kajian mendapati, prinsip *al-haraki* yang perlu dipegang oleh gerakan-gerakan dakwah sepetimana yang dinyatakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam menangani isu ini iaitu prinsip “*Islam Matlamat Perjuangan*” dan juga prinsip “*Pemerkasaan ‘Amal Jamā‘i*” selain prinsip “*Fiqh al-Wāqi‘*” yang telah dinyatakan diatas. Perkara tersebut diatas dasar melihat peluang yang masih wujud titik pertemuan diantara gerakan dakwah dalam membincangkan isu *tahāluf siyāsi* dan isu mengundi calon *non muslim* ini berdasarkan perbahasan yang telah dikemukakan.

### 4.3 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan terhadap isu-isu dalam gerakan dakwah di Malaysia dan analisis dari aspek *al-manhaj al-haraki* di dapati bahawa terdapat kesepakatan dalam beberapa isu dan perbezaan dalam isu tertentu dalam gerakan dakwah, terutamanya berkaitan dengan isu politik Islam Malaysia iaitu isu *tahāluf siyāsi* dan isu mengundi calon *non muslim*. Perbezaan ini kerana berkait rapat dengan faktor *ijtihād* dan perbezaan pandangan dalam persoalan hubungan dengan *non muslim* adakah ia membawa kesan kepada akidah seseorang muslim dan adakah ia melibatkan sikap *walā'* seseorang muslim kepada *non muslim*?.

Perbezaan yang timbul di dalam gerakan dakwah tidak sepatutnya menjadikan ia sebagai alasan untuk tidak sepakat dalam isu-isu tertentu yang melibatkan perkara utama di dalam Islam seperti isu-isu mempertahankan Islam di Malaysia. Seperti mana yang disebutkan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī, aspek yang melibatkan persetujuan bersama adalah wajib untuk digerakkan secara bersama tanpa wujudnya unsur berpecah belah.<sup>729</sup> Kesepakatan akan membawa kepada keberkatan dan menghasilkan kekuatan bagi umat Islam, lebih-lebih lagi kesepakatan yang dihasilkan di antara gerakan-gerakan dakwah. Gerakan dakwah harus kembali menekuni *adab ikhtilāf* dalam bentuk yang lebih proaktif dan berkesan. Kesediaan gerakan Islam secara lebih serius dalam membincangkan semua isu berdasarkan semangat ukhuwah adalah suatu petunjuk yang positif bagi dakwah muslim sebelum dapat menangani cabaran dakwah *non muslim* secara lebih berhikmah dan berkesan.<sup>730</sup> Kadang-

<sup>729</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Saḥwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū' wa al-Tafarruq al-Madhūm*, cet. ke 3, (Beirut : Muassasah al-Risalah : 2001), 92.

<sup>730</sup> Badlihisham Mohd Nasir, *Dakwah Gerakan Islam : Retrospek dan prospek*, 276.

kadang timbul keberatan apabila berbezanya parti dan gerakan untuk menerima pandangan dan cadangan dari pihak parti dan gerakan yang lain. Malah untuk menyatakan sokongan dengan kenyataan yang dibuat oleh pihak yang lain walaupun perkara tersebut terbukti kebenarannya. Dalam zaman persekitaran yang penuh dengan cabaran, pelbagai pihak dalam gerakan dakwah perlu bekerja secara bijaksana dalam memanfaatkan segala sumber bagi mewujudkan Islam sebenar atau Islam progresif.<sup>731</sup>

---

<sup>731</sup> Zulkiple Abd Ghani, Gerakan Dakwah : Satu Takrifan Semula Untuk Melahirkan Islam Yang Progresif, di dalam “Himpunan Kertas Kerja: Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam”, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 2002), 260.

## **Bab Lima**

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **PENDAHULUAN**

Bab ini merumuskan hasil kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* dalam karya-karya Sayyid Muhamad Nūḥ dari Perspektif hadith serta aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu-isu semasa. Bab ini juga akan mengemukakan beberapa saranan dan cadangan bagi membentuk kelangsungan kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* dari perspektif hadith ini. Selain itu, beberapa cadangan dalam membentuk keselarasan antara kefahaman *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia berlandaskan elemen-elemen *al-haraki* dari karya-karya Sayyid Muhamad Nūḥ.

#### **RUMUSAN DAN DAPATAN KAJIAN**

*Al-manhaj al-haraki* sebagai sebuah metode dan pendekatan yang diguna pakai oleh tokoh-tokoh dakwah semasa terutamanya di kalangan anggota gerakan Ikhwan Muslimin seperti mana yang didefinisikan oleh Salāḥ al-Khālidī. Namun begitu, istilah ini turut sama dikaitkan dengan aktiviti dakwah secara umum yang melibatkan gerakan Islam terutamanya yang mengajak kepada pembaharuan dan pelaksanaan Islam di atas muka bumi ini secara lebih sistematik. Istilah ini juga adalah merupakan kesinambungan kepada *manhaj al-islāḥ* dan *pan islamisme* yang dicetuskan oleh Jamāl al-Dīn al-Afghāni, Muḥammad ‘Abduh dan Rasyīd Rida pada awal abad ke 20 yang sering mengajak kepada pembaharuan dan tajdid

dalam pelaksanaan *amal islāmī*. Namun pendekatan *al-manhaj al-haraki* yang merupakan kesinambungan *manhaj al-iṣlāḥ* dan *pan islamisme* tersebut telah membentuk pendekatan yang lebih syumul dengan ciri-ciri strategik berbanding *manhaj al-iṣlāḥ* dan *tajdīd* yang digerakkan sebelum itu. Definisi yang dikemukakan oleh Salāḥ al-Khālidī berkaitan *al-manhaj al-haraki* adalah banyak menyentuh sudut individu dalam pembentukan individu pendakwah yang lebih syumul dan komprehensif. Manakala definisi *al-manhaj al-haraki* yang dikaji dari sudut Sirah seperti mana yang dikemukakan oleh Muṇīr al-Ghaḍbān adalah berkaitan organisasi dan gerak kerja yang strategik dalam sesebuah gerakan dakwah. Berdasarkan kesimpulan dari kedua-dua definisi tersebut, penulis menyimpulkan lima elemen *al-haraki* dalam penilaian ulasan hadith-hadith yang dikemukakan oleh Sayyid Muḥammad Nūḥ dari aspek *al-manhaj al-haraki* seperti mana berikut : *harakah rūhiyyah* (spiritual), *jasadiyyah* (fizikal), *khuluqiyah* (akhlik dan moral), *thaqāfiyyah* (intelektual), dan *tanzīmiyyah wa siyāsiyyah* (organisasi dan politik).

Berdasarkan kajian, Sayyid Muḥammad Nūḥ adalah merupakan antara tokoh dakwah yang dihormati dan telah banyak memberi sumbangan dakwah di dalam gerakan Ikhwan Muslimin. Pada awalnya, beliau banyak terlibat dengan program tasawwuf dalam pembentukan kerohanianya. Setelah membaca beberapa tulisan yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh Ikhwan selain pertemuan dengan beberapa tokoh utama Ikhwan pada penghujung tahun 1970 an telah membuka minda dan pemikirannya terhadap konsep dakwah dalam membangunkan umat serta masyarakat. Kitab Yūsuf al-Qaradāwī, *al-‘Ibādah fī al-Islām* begitu terkesan dalam membentuk kefahaman dan konsep ibadah dalam kehidupan hariannya ketika di zaman awal remaja lagi. Tulisan-tulisan yang dibaca dari *Majallah al-Da‘wah al-Ikhwāniyyah* terutamanya yang dihasilkan oleh ‘Umar Tilimsānī

pada ketika itu telah membentuk keyakinan di dalam dirinya terhadap gerak kerja dakwah gerakan Ikhwan Muslimin. Beliau juga banyak terkesan dengan keperibadian tokoh-tokoh Ikhwan Muslimin terutamanya setelah sesi perjumpaan dengan Muḥammad al-‘Adawī yang merupakan Ketua Ikhwan Muslimin di kawasan daerah tempat tinggalnya membuatkan beliau akhirnya mengambil keputusan untuk melibatkan diri secara langsung dalam gerakan Ikhwan Muslimin. Bermula dari penglibatan beliau dengan gerakan Ikhwan Muslimin ini iaitu pada penghujung tahun 1970an sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2007 telah banyak memberi sumbangan dalam gerak kerja dakwah dan penghasilan karya-karya berlandaskan *al-manhaj al-ḥaraki* yang menyokong fikrah Ikhwan Muslimin.

Berdasarkan kajian juga, karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ terutamanya yang menjadi fokus dalam penyelidikan ini (*Afāt ‘ala al-Ṭariq, Tawjīhat Nabawiyah ‘ala al-Ṭariq, Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih, Min Akhlāq al-Naṣr fī Jīyl al-Ṣahābah*) banyak menekankan aspek gerakan dakwah dan tanggungjawab yang perlu dibentuk oleh seorang penggerak dakwah dalam sesebuah jamaah. Oleh kerana latar belakang pengajian Sayyid Muḥammad Nūḥ dalam pengkhususan bidang pengajian hadith, banyak penghasilan karya-karya beliau adalah dalam bidang pengajian hadith dan sekali gus memiliki kecenderungan ke arah penghuraian hadith dari aspek *al-ḥaraki* tersebut. Pendekatan ini adalah selari dengan pendekatan tokoh tafsir semasa yang juga terlibat secara langsung dalam gerakan dakwah Ikhwan Muslimin. Pelopor kepada pendekatan *al-ḥaraki* di dalam tafsir juga merupakan pengasas kepada *Madrasah al-Haraki fī al-Tafsīr* iaitu Sayyid Quṭb (m.1966) yang telah diikuti oleh tokoh-tokoh tafsir lain yang terlibat di dalam gerakan Ikhwan dengan pendekatan dan *manhaj* yang sama seperti al-Bāhiy al-Khūlī (m.1977), Sa‘īd Hawwa (m.1989), ‘Abd al-Muta’al al-Jabari (m.1995), Muḥammad al-

Ghazālī (m.1996). Aliran *al-haraki* ini kemudiannya diikuti oleh tokoh-tokoh yang menghuraikan hadith dengan pendekatan dan *manhaj* yang sama. Sayyid Muḥammad Nūḥ merupakan antara tokoh yang menggunakan pendekatan tersebut.

Kajian mendapati bahawa aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani **isu COMANGO** dilihat berbeza dari sudut cara pendekatan masing-masing dalam mendepani kelompok *non muslim*. Pendekatan ini adalah manifestasi terhadap latar belakang *al-manhaj al-haraki* yang wujud dalam gerakan dakwah masing-masing. Kajian mendapati, hanya ISMA yang mengambil bahagian dalam isu menangani tuntutan kumpulan COMANGO ini secara langsung. Isu COMANGO yang didalangi 54 NGO *non muslim* dan beberapa NGO muslim liberal telah mengemukakan beberapa tuntutan melampau yang dinamakan hak asasi manusia untuk golongan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender), hak untuk murtad dan kesamarataan antara agama. Kajian mendapati bahawa isu COMANGO ini sebagai salah satu bukti kelemahan dari sudut kesepakatan antara gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dalam menyatakan kesatuan suara membantah isu ini untuk kepentingan umat Islam bersama. Hasil temubual dengan pihak PAS dan juga IKRAM mendapati bahawa PAS tidak secara langsung dalam menentang isu COMANGO ini kerana tidak melihat keutamaan dan kepentingan dalam menangani isu ini. Selain itu, IKRAM juga tidak terlibat kerana ingin mengambil pendekatan tengah yang boleh menjayakan proses penyampaian dakwah kepada semua pihak, termasuk golongan *non muslim*. Kajian juga mendapati, IKRAM banyak membina hubungan (*enggagement*) dengan kelompok *non muslim* termasuk dengan kebanyakan pimpinan utama COMANGO diatas tujuan hubungan dakwah. Kajian juga mendapati, IKRAM tidak mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi berkaitan bantahan terhadap isu COMANGO. Begitu juga

dengan pendekatan PAS, hanya kenyataan rasmi bantahan terhadap isu COMANGO dikeluarkan oleh Ketua Pemuda PAS dan bukan dari kenyataan rasmi PAS Pusat. Beberapa prinsip *al-haraki* dari elemen *harakah tanzīmī wa siyāsī* karya Sayyid Muḥammad Nūḥ diketengahkan dalam menganalisis pendekatan aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah berkaitan isu COMANGO ini iaitu ; “mengenali Agenda Musuh Islam”, “Pemerkasaan ‘Amal Jamā’ī” dan juga prinsip “Politik dan Kekuasaan”.

Kajian mendapati bahawa aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani **Isu Kalimah Allah** terbahagi kepada dua kelompok, iaitu kelompok yang lebih tegas dalam melarang penggunaan kalimah tersebut dan kelompok yang lebih bertoleransi dalam membenarkan penggunaan kalimah tersebut. Kajian mendapati bahawa perbezaan sikap ini timbul hasil daripada pendirian terhadap keputusan Mahkamah yang pada mulanya membenarkan penggunaan kalimah tersebut dan akhirnya melarang semula penggunaan kalimah tersebut oleh penganut Kristian. Pendekatan ISMA lebih mengambil sikap tegas dengan melarang penggunaannya berdasarkan hujjah ia lebih tepat dengan prinsip *maqāṣid syari‘ah* supaya kalimah tersebut terjaga dan tidak disalahgunakan. ISMA juga banyak mengenengahkan isu agenda kristianisasi dalam tuntutan gereja terhadap penggunaan kalimah tersebut. Pendekatan PAS pula lebih bersikap toleransi dengan usaha dialog yang dijalankan serta mempertikaikan pendekatan yang dilihat boleh membawa kekeruhan dalam pembinaan hubungan dan toleransi di antara agama, khususnya agama Islam dan Kristian. Manakala IKRAM lebih bersetuju dengan pendekatan PAS dalam mengambil jalan penyelesaian yang lebih harmoni. IKRAM tidak mengenengahkan isu penyelesaiannya sama ada kalimah tersebut boleh digunakan ataupun tidak. IKRAM lebih mengenengahkan isu kelemahan akidah umat Islam yang perlu dimantapkan dan dakwah

yang perlu digerakkan seputar penyebaran agama Kristian yang jelas ingin disebarluaskan melalui tuntutan penggunaan kalimah Allah ini. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga pendekatan gerakan dakwah tersebut sebagai manifestasi *al-manhaj al-haraki* yang wujud dalam gerakan dakwah masing-masing. Kajian mendapati bahawa pendekatan gerakan-gerakan dakwah ini wujud titik pertemuan dan beberapa prinsip *al-haraki* berdasarkan elemen *harakah tanzīmiyyah wa siyāsiyyah* dari karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ diketengahkan dalam membawa jalan penyelesaian terhadap isu ini. Prinsip-prinsip *al-haraki* yang diketengahkan dalam kajian berkaitan isu kalimah Allah ini iaitu ; Islam sebagai matlamat perjuangan, *fīqh al-wāqi*’ dan pemerkasaan ‘*amal jamā’i*.

Berkaitan **isu Syiah**, kajian mendapati bahawa aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di Malaysia dalam menangani isu ini dilihat berbeza dari sudut mengkategorikan Syiah sebagai salah satu mazhab di dalam Islam atau sebaliknya. PAS terutamanya berbeza pendirian tersebut dengan IKRAM dan juga ISMA. PAS lebih bersifat toleransi dalam mengkategorikan Syiah sebagai salah satu Mazhab di dalam Islam, terutamanya Mazhab Zaidiyyah. PAS juga berbeza dengan pendirian ISMA dan IKRAM yang bertindak mengeluarkan kenyataan rasmi menganggap Syiah sebagai suatu ancaman terhadap kedudukan Islam di Malaysia. PAS juga lebih selesa untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Syiah Iran kerana ia lebih membentuk kekuatan umat Islam khususnya di peringkat Antarabangsa. Berbeza dengan pendirian IKRAM yang menuntut kerajaan Malaysia memutuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan Syiah Iran. IKRAM dan ISMA terutamanya menganggap Syiah di Malaysia sebagai suatu ancaman kerana kelompok Syiah di Malaysia secara majoritinya menganuti fahaman Syiah *Imāmiyyah* yang jelas bertentangan dengan Islam. Perkara tersebut tidak diketengahkan oleh PAS dalam

mengkategorikan Syiah sebagai suatu ancaman pada kedudukan Islam di Malaysia ini. Hasil kajian juga mendapati, PAS turut tidak bersetuju sekiranya mazhab Syiah disebarluaskan di Malaysia ini dan pernah mengutus surat kepada kerajaan Iran berkenaan perkara tersebut. Hanya perkara ini yang dilihat selaras dengan pendekatan IKRAM dan ISMA berkaitan isu Syiah ini. Prinsip-prinsip *al-haraki* yang diketengahkan dalam kajian berkaitan isu Syiah ini iaitu; “Mengenali Agenda Musuh-Musuh Islam”, “*Fiqh al-Wāqi*” dan juga prinsip “Politik dan Kekuasaan”.

Kajian mendapati berkaitan isu *tahāluf siyāsi* dan **mengundi calon non muslim**, aplikasi *al-manhaj al-haraki* yang telah dikemukakan oleh tiga gerakan dakwah memiliki perbezaan pandangan dan hujjah tersendiri. ISMA lebih banyak mengambil pendekatan tegas dan lebih berhati-hati dalam isu *tahāluf siyāsi* dan mengundi calon *non muslim*. Perkara tersebut adalah berdasarkan empat dalil al-Quran yang dikemukakan oleh ISMA dan merupakan asas hubungan antara muslim dengan *non muslim*. Kajian mendapati bahawa ISMA tidak bersetuju dengan konsep *tahāluf siyāsi* yang diamalkan oleh PAS. Menurut ISMA, *tahāluf siyāsi* memiliki syarat yang ketat dan perlu dipenuhi sebelum membenarkan pelaksanaan sesuatu *tahāluf*. ISMA tidak bersetuju dengan kelompok *tahāluf* yang dilakukan oleh PAS kerana melihat PAS tiada dominan di dalam kelompok Pakatan Rakyat tersebut. Selain itu menurut ISMA, kelompok *tahāluf* yang dilaksanakan oleh PAS tersebut juga amat bahaya dari sudut latar belakang pegangan agama terutamanya di kalangan Parti DAP yang majoriti pimpinannya menganut fahaman Kristian Evangelist. IKRAM pula dalam isu *tahāluf siyāsi* sedikit berbeza dengan PAS dan ISMA namun lebih terbuka dari sudut pendekatan dengan *non muslim*. IKRAM lebih berpihak kepada pandangan dalam menyatakan keharusan *tahāluf siyāsi*. Namun dari sudut pelaksanaan, IKRAM tidak


berpihak sama ada kepada kelompok *tahāluf* yang dilakukan oleh PAS di dalam Pakatan Rakyat atau kepada kelompok *tahāluf* di dalam Barisan Nasional. IKRAM akan menilai dari sudut semasa dalam sesebuah Pilihan Raya, kelompok *tahāluf* yang lebih membawa kemaslahatan kepada perjuangan Islam, samada penilaian dari sudut Parti atau calon yang dikemukakan oleh kelompok *tahāluf* yang ingin diundi tersebut. Aplikasi *al-manhaj al-haraki* gerakan dakwah di dalam isu mengundi *non muslim* pula adalah sepetimana pandangan di dalam isu *tahāluf siyāsi* yang dikemukakan oleh tiga gerakan dakwah yang dikaji.

Hasil kajian mendapati bahawa perbezaan bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam gerakan dakwah di Malaysia ini hanyalah perbezaan dari aspek kepelbagaian pendekatan (اختلاف التضاد) dan bukan bersifat bertentangan (اختلاف النوع) diantara gerakan-gerakan dakwah di Malaysia. Perbezaan ini masih ada titik pertemuan jika dibincangkan bersama secara berlapang dada. Kajian terhadap lima isu yang terpilih membabitkan isu-isu dalam mempertahankan Islam di Malaysia serta dua isu berkaitan politik Islam di Malaysia menunjukkan setiap gerakan dakwah ini memiliki hujjah dan kekuatan dalam membina *al-manhaj al-haraki* yang lebih berkesan di Malaysia ini. Walaupun *al-manhaj al-haraki* ini berasaskan dari pemikiran Ikhwan Muslimin yang berpusat di Timur Tengah, namun wujud isu-isu tertentu yang perlu difahami mengikut *wāqi‘* setempat sebagaimana salah satu prinsip *al-haraki* dari karya Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu *fīqh al-wāqi‘*. Negara Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam yang begitu unik dari sudut masyarakatnya yang berbilang kaum dan tidak wujud di dalam kebanyakan Negara Islam di dunia. Oleh yang demikian, gerakan dakwah di Malaysia tidak sepatutnya menjadikan pemikiran *al-manhaj*

*al-haraki* Ikhwan Muslimin di Mesir diaplikasikan secara *tekstual* tetapi keperluan kearah melihat secara *kontekstual* dalam memahami *wāqi‘* sekeliling.

### Saranan kearah Penambahbaikan dalam Pembentukan *al-Manhaj al-Haraki* Gerakan Dakwah di Malaysia

Tiga gerakan dakwah yang dikaji ini memiliki kekuatan tersendiri. Masing-masing memiliki fokus tertentu dalam aspek *al-manhaj al-haraki* yang tidak difokuskan dalam gerakan dakwah yang lain. Seharusnya tiga gerakan dakwah tersebut membentuk keselarasan kerja dan menampung kekurangan yang wujud dalam gerakan dakwah yang lain. Hasil daripada kajian terhadap latar belakang pemikiran *al-haraki* serta aplikasi *al-manhaj al-haraki* tiga gerakan dakwah tersebut, kajian menyimpulkan tiga pendekatan berkaitan *al-manhaj al-haraki* dalam setiap gerakan-gerakan dakwah ini seperti mana berikut:



Gambar Rajah 9 : Bentuk Aplikasi *al-Manhaj al-Haraki* Gerakan Dakwah Di Malaysia

- 1) Aplikasi *al-manhaj al-haraki* di dalam ISMA banyak menumpukan perhatian tentang isu agenda musuh-musuh Islam serta serangan pemikiran liberalisme dan pluralisme. Isu COMANGO, Kalimah Allah dan isu Syiah banyak mengenengahkan perkara tersebut.
- 2) Aplikasi *al-manhaj al-haraki* di dalam IKRAM banyak menumpukan perhatian tentang pendekatan dakwah kepada golongan *non muslim*. Isu COMANGO dan Kalimah Allah banyak diaplikasikan oleh IKRAM tentang pendekatan tersebut.
- 3) Aplikasi *al-manhaj al-haraki* di dalam PAS banyak menumpukan perhatian berkaitan politik sebagai jalan pelaksanaan hukum Islam. Tiga isu pertama tidak banyak diketengahkan oleh PAS berbanding isu politik Islam.

Ketiga-tiga bentuk aplikasi ini sebenarnya merupakan antara perkara utama dalam fokus kerja ke arah membangunkan negara dan matlamat *al-ṣahwah al-Islāmiyyah* (kebangkitan Islam) sepetimana yang disarankan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī.<sup>732</sup> Ketiga-tiga gerakan ini seharusnya membentuk kesepakatan bersama dalam menggerakkan kerja dakwah di Malaysia ini dengan kepakaran dan bidang tugas yang difokuskan tersebut. Gerakan dakwah perlu menghentikan perbalahan dan perkara yang boleh membawa kepada perpecahan. Gerakan dakwah perlu melihat kepada titik persamaan dan fokus kepada matlamat dakwah yang lebih panjang serta menguntungkan Islam. Berdasarkan kepada

---

<sup>732</sup> Al-Qaraḍāwī ada menyentuh dua aspek yang menjadi fokus gerakan dakwah di Malaysia iaitu berkaitan isu politik dan juga isu pengaruh globalisasi dan serangan pemikiran terhadap umat Islam di dalam kitab beliau : *al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū‘ wa al-Tafarruq al-Madhmūm*, Yusuf al-Qaradawi, *al-Ṣahwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū‘ wa al-Tafarruq al-Madhmūm*, 87. Manakala *wāqi‘* di Malaysia ini dengan masyarakatnya berbilang kaum menuntut kewajipan dakwah ini bukan hanya disampaikan kepada masyarakat muslim semata-mata, tetapi turut sama perlu digerakkan kepada masyarakat *non muslim* sepetimana yang telah dilaksanakan oleh Pertubuhan dakwah IKRAM.

latar belakang kekuatan yang wujud dalam gerakan-gerakan dakwah ini, kajian merumuskan tiga perkara utama yang perlu menjadi perhatian gerakan dakwah dalam pembinaan *al-manhaj al-haraki* yang lebih berkesan di Malaysia ini sepermulaan berikut :

- 1) Membina hubungan dakwah dengan *non muslim* sebagai salah satu prinsip *al-manhaj al-haraki* dalam gerakan dakwah di Malaysia. Perkara ini juga berkaitan dengan salah satu prinsip *al-haraki* dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu *fīqh al-wāqi‘*. Gerakan dakwah perlu memahami *wāqi‘* di Malaysia ini yang memiliki masyarakat yang berbilang kaum dan perlu membentuk pendekatan dakwah yang lebih mesra Islam kepada golongan *non muslim*. Gerakan dakwah tidak hanya dituntut menyampaikan dakwah kepada kelompok muslim sahaja, tetapi perlu diperluaskan kepada kelompok *non muslim* yang wujud di Malaysia ini. Pendekatan yang bersifat provokatif dan agresif sehingga memberi gambaran yang buruk terhadap gerakan dakwah perlu dijauhi kerana ia menambahkan lagi kesan buruk terhadap perjalanan dakwah di Malaysia ini.
- 2) Membentuk kesepakatan antara gerakan dakwah di Malaysia secara lebih berkesan. Hasil daripada kajian terhadap gerakan dakwah di Malaysia, masih wujud unsur kelemahan dalam membentuk kesepakatan antara gerakan dakwah di Malaysia. Malah lebih malang lagi sekiranya ada di kalangan gerakan dakwah yang boleh bersepakat dengan kelompok *non muslim* dalam isu-isu kemanusiaan dan keadilan, tetapi gagal membentuk kesepakatan bersama gerakan dakwah yang lain demi untuk kepentingan umat Islam. Seruan untuk membentuk kesepakatan ini juga selaras dengan prinsip *al-haraki* dalam karya Sayyid Muḥammad Nūḥ iaitu ; “Pemeriksaan ‘*Amal Jamā‘i*’” dan “Islam Sebagai Matlamat Perjuangan”.

3) Mengukuhkan strategik politik Islam melalui peranan gerakan-gerakan dakwah di Malaysia. Berdasarkan kajian terhadap prinsip *al-haraki* dalam karya-karya Sayyid Muḥammad Nūḥ, politik dan kekuasaan merupakan salah satu prinsip dalam elemen *harakah tanzīmiyyah wa siyāsiyyah* sebagai wasilah penting dalam menegakkan hukum Islam di dalam masyarakat. Islam memiliki tempat yang sangat istimewa di bumi Malaysia ini, semestinya gerakan dakwah perlu memainkan peranan penting dalam meneguhkan kedudukan politik Islam di Malaysia. Ijtihad di dalam isu *tahāluf siyāsi* yang dikeluarkan oleh gerakan dakwah perlu dinilai secara menyeluruh melalui *fiqh siyāsah* yang lebih sesuai dengan pendekatan dan strategi politik di Malaysia. Isu *tahāluf siyāsi* dan isu mengundi *non muslim* adalah isu yang melibatkan *fiqh siyāsah* yang terbuka kepada Ijtihad semasa dan tidak tertutup dengan pandangan yang hanya bersifat pemahaman secara tekstual dan tidak melihat kepada kontekstual.

Zawawi Ali di dalam hasil kajian Ph.D beliau berkaitan *Ta'addud Jamā'ah* (berbilangnya jamaah) telah mencadangkan tiga model yang boleh dipraktikkan kearah penyelarasan dan kesatuan gerakan-gerakan dakwah termasuk di Malaysia ini.<sup>733</sup> Tiga model yang dicadangkan tersebut seperti mana berikut :

---

<sup>733</sup> Zawawi bin Ali, *Konsep Jama'at al-Muslimin : Kajian Terhadap Aspek Iltizam Dan Ta'addud*, tesis Ph.D, (Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 237-238.



**Gambar Rajah 10 : Model Penyelarasan dan Kesatuan Gerakan Dakwah di Malaysia.**

Berdasarkan kajian terhadap bentuk aplikasi *al-manhaj al-haraki* dalam tiga gerakan dakwah yang dikaji menunjukkan kekuatan setiap gerakan dakwah tersebut dalam menumpukan aspek penting kearah pembentukan konsep *al-manhaj al-haraki* yang lebih syumul. PAS, IKRAM dan ISMA perlu meletakkan prinsip melalui sikap berlapang dada dalam menerima perbezaan pandangan kearah mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan masyarakat. Slogan “*Bersepakat Dalam Perkara Prinsip (Kulliyāt) dan Tetap (Thawābit) Serta Saling Memafikan Dalam Perkara Ijtihādī*” perlu dijadikan sebagai prinsip dalam gerak kerja diantara ketiga-tiga gerakan dakwah ini kearah merealisasikan kesatuan dan penyelarasan gerak kerja yang membawa natijah yang lebih baik dalam pelaksanaan Islam di Malaysia ini.

#### **Beberapa cadangan tajuk kajian untuk penerusan penyelidikan :**

Bagi meneruskan kajian berkaitan *al-manhaj al-haraki* dalam bidang hadith atau gerakan dakwah di Malaysia, penulis mengemukakan beberapa tajuk kajian berikut :

- 1) Konsep *Al-Manhaj al-Haraki* Berdasarkan Hadith-Hadith Nabawi : Analisis Hadith-Hadith Dalam *Kutub al-Tis ‘ah*.
- 2) *Aliran al-Haraki* Dalam Huraian Hadith : Kajian Terhadap Tokoh-Tokoh Ikhwan Muslimin.
- 3) Isu-Isu *Ikhtilaf al-Taqād* Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia : Kajian Penyelesaian Dari Perspektif Hadith al-Nabawi.
- 4) Isu-Isu *Siyāsah Syariyyah* Dalam Gerakan Dakwah di Malaysia : Kajian Dari Perspektif Hadith al-Nabawi.

## BIBLIOGRAFI

### Buku

Ab Aziz Mohd Zin et al. *Dakwah Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

‘Abd al-‘Azīm bin ‘Abd al-Qawiy al-Mundhirī, *al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadīth al-Syarīf*, cet. ke 3, taḥqīq : Muḥyi al-Dīn Dīb, Samīr Aḥmad al-Atṭar, Yūsuf ‘Alī Bādiwī, Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 1999.

‘Abd al-Ḥalīm al-Kinānī, *Al-Da‘wah al-Fardiyah Bayn al-Naṣriyyah wa al-Taṭbiq*, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1998.

‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī, *Musykilāt wa ḥulūl fī ḥaqīqat al-Da‘wah*, Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1997.

‘Abd Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Silsilah Madrasah al-Du‘āh*, cet. ke 2, Kaherah: Dār al-Salām, 2004.

Abdul Hamid al-Ghazali, *Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah; Kajian Berdasarkan Gagasan Imam al-Banna*, terj. Seri Kembangan: Penerbitan Teras Bakti, 2011.

‘Abd al-Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da‘wah*, cet. ke 6, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1992.

Abū ‘Abd Allāh al-Ḥākim Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Naysabūrī, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣahīhayn*, taḥqīq; Muṣṭafa ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, Beirūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990.

Abū Da’ūd al-Sijistānī, *Sunan Abī Da’ūd*, taḥqīq : Muḥammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Beirūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t.

Abū Ya‘la Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthanna al-Mawṣili, *Musnad Abī Ya‘la*, taḥqīq ; Ḥusayn Sulaym Asad, Damsyik ; Dār al-Ma’mūn li al-Turāth, 1984.

Aḥmad al-‘Ayid et. al, *al-Mu‘jam al-‘Arabi al-Asāsi*, t.tp, t.p, t.t.

Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm Taqī al-Dīn Ibn Taimiyyah, *al-Siyāsah al-Syarīyyah*, Kaherah: Dār al-Sya‘ab, 1970.

Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, taḥqīq : Syu‘ayb al-Arnā’ūṭ et.al, Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2001.

‘Alī ‘Abdul Ḥalīm Maḥmūd , *Tarbiyah al-Nāsyi’ al-Muslim*, al-Manṣūrah : Dār al-Wafā’, 1992.

‘Alī bin Khalaf Ibn Baṭṭāl, *Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* Ibn Baṭṭāl, cet. ke-2, tahrīq: Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, al-Riyād : Maktabah al-Rusyd, 2003.

Badlihisham Mohd Nasir, *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*, Shah Alam : Karisma Publication, 2009.

Badr al-Dīn al-‘Aynī, ‘Umdah al-Qāri‘ Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī, Beirūt, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.

Dā’ud ‘Abduh,; et. al, *al-Mu‘jam al-Asāsi al-‘Arabi*, t.tp, t.t.

Fathī Yakan, *Apa Erti Saya Bergabung Dalam Gerakan Islam*, terj., Sri Kembangan : I-book Centre, 2011.

\_\_\_\_\_, *al-Istī‘āb fī Hayāh al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, cet. ke 7, Beirūt; Muassasah al-Risālah, 2004.

\_\_\_\_\_, *Nahwa Ḥarakah Islāmiyyah Wahīdah*, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1983.

\_\_\_\_\_, *Musykilāt al-Da‘wah wa al-Dā‘iyah*, cet. ke 16, (Beirūt; Muassasah al-Risālah, 2001.

\_\_\_\_\_, *Al-Islām, Fikrah wa Ḥarakah wa Inqilāb*, Beirūt : Muassasah al-Risālah, 1983.

Gharid Muḥammad, *al-Mu‘jam fī al-Lughah wa al-Nahw wa al-Ṣarf wa al-I‘rāb wa al-Muṣṭalahāt al-‘Ilmiyyah wa al-Falsafiyah wa al-Qānūniyyah wa al-Hadīthah*, Beirūt; al-Nukhbah: 2010.

Hamzah Muḥammad Qāsim, *Manār al-Qāri‘ Syarḥ Mukhtaṣar Ṣahīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Qādir al-Arnā’ūt, Dimasyq: Maktabah Dār al-Bayān, 1990.

Ḥasan al-Bannā, *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Syahīd Ḥasan al-Bannā*, al-Iskandariyyah: Dār al-Da‘wah: 2002.

\_\_\_\_\_, *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Syahīd Ḥasan al-Bannā*, Kaherah : Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1992.

\_\_\_\_\_, Himpunan Risalah Hasan al-Banna, terj. Salehan bin Ayyub, Batu Caves ; Pustaka Salam, 2003.

\_\_\_\_\_, *Kumpulan Risalah Dakwah Hasan al-Banna*, terj. Asep Sobari, cet. ke-2, Jakarta Timur: al-I‘tishom, 2009.

Ḥasan Makkī, *Mafāhīm fī Fiqh al-Ḥarakah*, n.p. ; al-Ḥarakah al-Islāmiyyah al-Tullābiyyah, 1995.

Hisyām Şaqr, *Iman dan Harakah: Pengajaran Hadith Ghulam, Ahli Sihir dan Rahib*, terj. Mohd Asri Hashim, Batu Caves ; Pustaka Salam, 2011.

Ḩusayn b. Muḥsin b. ‘Alī Jābir, *al-Ṭariq Ila Jamā‘ah al-Muslimīn*, cet.ke 5, al-Manṣūrah; Dār al-Wafā’, 1992.

al-Ḩusayn Mūsa Qāsim, *Sayyid Nūh Rahimahu Allāh : Qiṣṣah Dā‘iyah*, Kementerian Wakaf Kuwait; Kuwait, 2010.

Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Beirūt: Dār Ṣādir, 1990.

\_\_\_\_\_ *Lisān al-‘Arab*, cet. ke 3, Beirūt; Dār Ṣādir; 1994.

\_\_\_\_\_, *Lisān al-‘Arab*, cet ke 3, taḥqīq : Amin Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb& Muḥammad al-Ṣādiq, Beirūt; Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1997.

Ibrāhīm Muṣṭafa et. al, *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ*, t.tp, Syarikah Musāhamah al-Miṣriyyah, 1961.

Ismā‘il bin ‘Umar bin Kathīr, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, Beirūt; Dār al-Ma‘rifah, 1976.

Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Jauzī, *Kasyf al-Musykil min Hadīth al-Ṣahīhayn*, taḥqīq: ‘Alī Ḥusayn al-Bawwāb, al-Riyād, Dār al-Waṭan, t.t.

Jubrān Mas‘ūd, *al-Rā‘id: Mu‘jam Lughawiyah ‘Aṣri*, Beirūt: Dār al ‘Ilm li al-Malāyīn, 1964.

Jumaah Amin, *Method Pemikiran al-Banna : Antara Tetap dan Berubah*, terj. Mohd Hazizi Abd Rahman, Kajang; Berkat Ikhwah, 2001.

Majdī al-Hilālī, *Falinabda’ bi Anfusinā*, Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1994.

Majdī al-Hilālī, *Rakā‘iz al-Da‘wah*, Kaherah: Dar al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, 1995.

Mohamad Abu Bakar, *Islam Dalam Pembinaan Tamadun di Malaysia didalam Tamadun Islam di Malaysia diselenggara oleh Mohd Taib Osman dan A. Aziz Deraman*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2005.

Muhammad ‘Abd Allāh Khaṭīb & Muhammad ‘Abd al-Ḥalīm Ḥāmid, *Nazarāt fī Risālah al-Ta‘ālim*, Kaherah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah: t.t.

\_\_\_\_\_, *Nazarāt fī Risālah al-Ta‘alīm : Penjelasan Di Sekitar Risalah Ta‘alīm*, terj. Mohd Nizam b Mohd Ali, cet. ke-2, Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar, 2008.

\_\_\_\_\_, *Syarḥ Risālah Ta‘alīm*, terjemahan, cet. ke 4, tim al-I‘thisom, Jakarta Timur: Penerbit al-I‘tishom, 2010.

Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, taḥqīq dan *ta‘līq* Aḥmad Muḥammad Syākir, Muḥammad Fu‘ad ‘Abd al-Bāqī, Ibrāhīm Atwah ‘Iwād, cet. ke-2, Kaherah : Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, 1975.

Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq : Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir, t.t.p: Dār Ṭawq al-Najāh, 1422H.

Muhammad Mūsa Husayn Idrīs al-Salafī, *al-Arba ‘ūn Hadīthan Fi Minhāj al-Da‘wah al-Salafiyyah wa Yalīhi Da‘watunā*, Kaherah; Dār al-Imām Aḥmad, 2008.

Muhammad Quṭb, *Qabasāt Min al-Rasūl*, cet ke 14, Kaherah; Dār al-Syurūq, 2001.

Muhammad Qutb, *Hadis-Hadis Pilihan*, terjemahan ; Ustaz Mohd Asri Hashim, Batu Caves; Pustaka Salam, 2001.

Muhammad Sayyid al-Wakīl, *Kubra al-Ḥarakāt al-Islāmiyyah fī al-Qarn al-Rābi‘ ‘Asyr al-Hijrī*, al-Manṣūrah; Dār al-Wafā’, 1986.

Muhammad bin Ṣāliḥ bin Muḥammad al-‘Uthaymin, *Syarḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, al-Riyāḍ : Dār al-Waṭān li al-Nasyr, 1426H.

Muhammad Taqi al-Uthmānī, *Takmilah Fatḥ al-Mulhim bi Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Damsyiq: Dār al-Qalam, 2006.

Muhammad bin Yazīd Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq ; Muḥammad Fu‘ad ‘Abd al-Bāqī, Kaherah; Dār Iḥyā al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.

Munīr al-Ghaḍbān, *al-Manhaj al-Ḥarakī li al-Ṣīrah al-Nabawīyyah*, cet.6, al-Zarqā’: Maktabah al-Manār, 1990.

\_\_\_\_\_, *al-Manhaj al-Ḥarakī li al-Ṣīrah al-Nabawīyyah*, cet. ke 7, al-Zarqā’: Maktabah al-Manār, 1992.

\_\_\_\_\_, *al-Manhaj al-Ḥarakī li al-Ṣīrah al-Nabawīyyah*, al-Manṣūrah : Dār al-Wafā’, 1998.

Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi: t.t.

Muştafa Masyhūr, *Tariq al-Da‘wah Bayna al-Asālah wa al-Inhirāf*, cet. ke 4, Kaherah; Dār al-Tawzī‘ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, t.t.

Nabir Abdullah, *Maahad Il Ihya AsSyarif Gunung Semanggol : 1934-1959*, Bangi: Penerbit UKM, 1973.

Nikkie R. Keddie, *Sayyid Jamal ad Din al-Afghani : A Political Biography*, Berkeley, Los Angeles : University of California Press, 1972.

Richard Mitchell, *The Society Of The Muslim Brothers*, New York ; Oxford University Press, 1969.

Riduan Mohamad Nor, *Sejarah dan Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*, Kuala Lumpur:Jundi Resources, 2009.

Said Hj Ibrahim, *Huraian Asma’ al-Husna: Jalan Menghayati Aqidah Islam*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma`rifah:1995.

Şalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Ta‘rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufassirīn*, cet ke 4, Damsyiq; Dār al-Qalam, 2010.

\_\_\_\_\_, *al-Manhaj al-Haraki fī Zilāl al-Qur‘ān*, cet. ke-2, Amman; Dar ’Ammar: 2000.

\_\_\_\_\_, *al-Khiṭṭah al-Barrāqah lidhī al-Nafs al-Tawwāqah*, cet. ke 3, Damsyiq: Dār al-Qalam, 2000.

Şalāḥ al-Dīn al-Jursyī, “al-Harakah al-Islāmiyyah : Mustaqbaluhā Rahin al-Taghyīrāt al-Jadhariyyah” dalam *al-Harakah al-Islāmiyyah Ru’yah Mustaqbaliyah, Awrāq fī al-Naqd al-Dhāti*, ed. ‘Abd Allāh al-Fahd al-Nafīsī, Kuwait: Maktabah Afāq, 2013.

Şāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Ibrāhim, *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*, cet. ke 4, al-Riyāḍ, Dār al-Salām, 2008.

Sanadī, al, *Kifāyah al-Hājah fī Syarḥ Sunan Ibn Mājah*, Beirūt: Dār al-Jayl: t.t.

Sayyid Quṭb, *Ma ‘ālim fī al-Tariq*, cet ke 6, Beirūt: Dār al-Syurūq, 1979.

Sayyid Abū al-‘lā al-Mawdūdī, *al-Usus al-Akhlāqiyyah li al-Harakah al-Islāmiyyah*, Damsyiq : Dār al-Fikr, 1951.

Sayyid Muhammād Nūḥ, *Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah fī Qadīyyah al-Taghyīr bi Jānibayh al-Tarbawi* wa al-Da‘awī, cet ke 2, al-Manṣūrah ; Dār al-Wafā’, 1991.

\_\_\_\_\_, *Manhaj al-Rasūl fī Ghars Rūḥ al-Jihād fī Nufūs Aṣḥābih*, al-Manṣūrah ; Dār al-Wafā’ : 1993.

\_\_\_\_\_, *Min Akhlāq al-Naṣr fī Jiyl al-Šahābah*, Beirūt ; Dār Ibn Ḥazm : 1994.

\_\_\_\_\_, *Syakhṣiyah al-Muslim Bayn al-Fardiyah wa al-Jamā‘iyyah*, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ : 1993.

\_\_\_\_\_, *Tawjīḥat Nabawiyah ‘ala al-Tarīq*, Jil 3, al-Manṣūrah ; Dār al-Yaqīn : 2003.

\_\_\_\_\_, Pesan-Pesan Nabi SAW : Syarah Hadits Dalam Perspektif Dakwah& Tarbiyah, terjemahan : Fadhli Bahri, an-Nadwah; Jakarta, 2004.

Sayyid Muhammād al-Wakīl, *Usus al-Da‘wah wa ’Ādāb al-Du‘āh*, cet. ke 2, al-Manṣūrah, Dār al-Wafā’, 1986.

Sulaymān bin al-Asy‘ath, *Sunan Abī Da‘ūd*, taḥqīq: Muhammād Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Beirūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t.

Sulaimān Marzūq, *al-Da‘wah al-Islāmiyyah Bayn al-Fardiyah wa al-Jamā‘iyyah*, Dār al-Manār; al-Kuwait, 1986.

Tawfiq al-Wā‘ī, *al-Dawlah al-Islāmiyyah Bayna al-Turāth wa al-Mu‘āşirah*, Beirūt: Dār Ibn Ḥazm, 1996.

\_\_\_\_\_, *al-Nisā’ al-Dā‘iyāt*, cet. ke 3, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1993.

Waṣfī ‘Asyūr Abū Zaid, Proposal “Projek Pembukuan Hasil Penulisan Sayyid Nuh”. Diusahakan oleh Dr Wasfī ‘Asyūr Abu Zaid.

Yaacob Yusoff, “Pendekatan Dakwah Dalam PAS : Agenda Era Kepimpinan Ulama”, dalam *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, ed Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Badlihisham Mohd Nasir, Berhanundin Abdullah, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM, 2000.

Yaḥya bin Syaraf al-Nawawī, *al-Minhaj Syarḥ Sahīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, cet. ke-2, Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1392.

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Šāhwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū‘ wa al-Tafarruq al-Madhmūm*, cet. ke 5, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1994.

\_\_\_\_\_, *al-Šāhwah al-Islāmiyyah Bayna al-Ikhtilāf al-Masyrū‘ wa al-Tafarruq al-Madhmūm*, cet. ke 3, Beirūt : Muassasah al-Risālah, 2001.

\_\_\_\_\_, *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan al-Bannā*, cet. ke 3, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992.

\_\_\_\_\_, *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan al-Bannā*, *bi Munāsabah Murūr Thalāthīn ‘Āmman ‘ala Istisyhād al-Imām Ḥasan al-Bannā*, Beirūt :Muassasah al-Risālah : 2001.

\_\_\_\_\_, *Kayfa Nata ‘āmal Ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah*, cet ke 2, Virginia; al-Ma‘ahad al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī, 1990.

\_\_\_\_\_, *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah*, terj. Udah Mohsin dan Jawiah Dakir, Petaling Jaya; Angkatan Belia Islam Malaysia, 1994.

\_\_\_\_\_, *al-Sāhwah al-Islāmiyyah Bayna al-Juhūd wa al-Taṭarruf*, 1984.

\_\_\_\_\_, *Awlawiyyāt al-Harakah al-Islāmiyyah fī al-Marhalah al-Qādimah*, cet. ke 4, Kaherah; Maktabah Wahbah: 1992.

\_\_\_\_\_, *al-Ummah al-Islāmiyyah Haqīqah lā Wahm*, 1995.

\_\_\_\_\_, *Nahw Waḥdah Fikriyyah li al-‘Āmilīn li al-Islām fī Daw’ Syarḥ ‘Ilmiy Mufaṣṣal li al-Uṣūl min al-‘Isyrīn li al-Imām al-Bannā*, 2005.

\_\_\_\_\_, *al-Khaṣāiṣ al-‘Ammah li-al-Islām*, cet. ke 10, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2001.

## Tesis / Disertasi

Ahmad Zaki Abd Latiff, *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003.

Haziyah Hussin, *al-Manhaj al-Haraki fī Tafsīr al-Saykh Sa‘id Ḥawwa : Dirāsah Taḥlīliyyah*, tesis PhD, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2014.

Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia : Kesinambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2005.

Nabil A. Khoury, *Islam And Modernization In The Middle East: Muhammad Abduh An Ideology Of Development*, Tesis PhD, State University of New York at Albany: Graduate School Of Public Affairs, Department Of Political Science, 1976.

Ṣalāḥ al-Khālidī, *Fī Ẓilāl al-Qur’ān : Dirāsah wa Taqwīm*, Tesis PhD, Universiti Imām Muḥammad b Sa‘ūd al-Islāmiyyah, al-Riyāḍ, 1984.

Syarul Azman Shaharuddin. “Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame‘ Bandar Baru Sri Petaling, Kuala Lumpur.” Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan

Pembangunan Insan, disertasi Master, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007.

Yahya Muqbil Ṣāliḥ al-Ṣabahī, *Manhaj al-Qur'ān al-Karīm fī al-Taghyīr al-Fikrī*, tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.

Zawawi bin Ali, *Konsep Jama'at al-Muslimin : Kajian Terhadap Aspek Iltizam Dan Ta'addud*, tesis Ph.D, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

### Jurnal dan Seminar

Abdullah Fahim b Hj Abd Rahman, "Kumpulan Jemaah Tabligh", *Jurnal Pusat Penyelidikan Islam*, Bahagian Agama, JPM, bil 4, (1983), 11-12.

Badlihisham Mohd Nasir, *Dakwah Gerakan Islam : Retrospek dan prospek*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 5-6 Okt 2010.

Fath al-Dīn al-Bayānūnī, "Ahammiyyah al-Syurūh al-Ḥadīthiyyah wa Qawā'iduhā" (makalah, Seminar Antarabangsa berkaitan dengan Metode Penafsiran al-Quran dan Huraian Hadith, Peringkat Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 17-18 Julai 2006).

Haziyah Hussin dan Sohirin M. Solihin "al-Manhaj al-Haraki fī Tafsīr al-Qur'ān Bayna al-Asālah wa al-Tajdīd" Jurnal al-Bayan 10, (Dec. 2012), 69.

Haziyah Hussin dan Solihin M. Solihin, "Manhaj Haraki In The Revival Of Quranic Exegesis" Middle-East Journal of Scientific Research 16 (1) 2013: 09-17.

Manzūr Muhammad Muhamad Ramadān "al-Manāhij al-Tajdīdiyyah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm wa Syurūh al-Ḥadīth al-Syarīf", (makalah, Seminar Antarabangsa berkaitan dengan Metode Penafsiran al-Quran dan Huraian Hadith), Peringkat Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 17-18 Julai 2006.

Mohd Sarim Mustajab, *Syeikh Muhammad Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu*" dalam *Malaysia in History*, vol. 20, no. ii, (Dec. 1977), 5-6.

Muhammad Arif Yahya, "Beberapa Isu Haraki di Dalam Karya-Karya Hadis Sayyid Muhammad Nūh", International Journal of Islamic Thought, Vol. 5: (June) 2014, 35-44.

et al, “*Manhaj al-haraki Sayyid Muhammad Nūḥ Dalam Karya Afāt ‘ala al-Tariq dan Pengaruhnya terhadap PAS Negeri Kedah*”, *Jurnal Usuluddin* (Julai – Disember 2012) 38:51-82.

Mustaffa Abdullah, *Gagasan Pan Islamisme Sayyid Muhammad Rashīd Ridā Dalam Tafsir al-Manar : Satu Huraian*, Jurnal al-Tamadun, Bil 1 (2005), 35-50.

Mustaffa Abdullah, *Perjuangan Ulama Islah Tempatan Pada Awal Abad ke 20 Dalam Usaha Memurnikan Pemikiran Orang-Orang Melayu Di Malaysia*, Jurnal Pengajian Melayu, (Jilid 21, Disember 2010), 196.

Nuridah Mohd, “*Tasawwur Politik, Tarbiah Dalam Amal Jama`i*” di dalam Harakah, edisi 19-22, Disember, 2011.

Siti Nurul Izza Hashi & Ermy Azziaty Rozali, *Perjuangan Rashid Rida Dalam Gagasan Pan Islamisme*, International Journal Of West Asian Studies; vol. 5, no 1,(April 2013), 30.

## Laman Web

‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī, ‘Ālim Rabbānī Faqadnāhu , laman sesawang *Ikhwan wiki*, dicapai pada 25 Ogos 2014,[http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=عالم\\_ربانی\\_فقدناه](http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=عالم_ربانی_فقدناه)

‘Abd al-Ḥamīd al-Bilālī, *al-Sīrah al-Dhātiyyah*, laman sesawang *albelali*, dicapai pada 25 Ogos 2014, <http://www.albelali.com/#cv>.

Ahmad Fahmy al-Watidi, “Mengapa Ikhwan Muslimin Tidak Mengangkat Senjata Menentang Kudeta?” laman sesawang *Youtube VideoMesirKini*, dicapai pada 13 Nov 2013,<http://www.youtube.com/watch?v=Vhq78eaO8Es>.

Artikel tanpa penulis, *al-Duktūr Taufiq al-Wā'i*, dalam *laman sesawang ikhwan wiki*, dicapai pada 25 Ogos 2014 <http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=الدكتور توفيق الوعاعي>

Artikel tanpa penulis bertajuk “*al-Syaykh al-‘Allāmah al-Duktūr al-Sayyid Muḥammad Nūḥ, Sirah ‘Aṭrah*”, laman sesawang *al-sayed nooh*, dicapai 7 Okt 2013, <http://alsayednooh.com/l3.php?id=75&baab=1>.

Artikel tanpa penulis bertajuk “*al-Ustādh Muḥammad al-‘Adawi*”, laman sesawang *Ikhwan Wiki*, dicapai pada 25 Feb. 2014, <http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=محمدالعدوي>.

Artikel tanpa penulis bertajuk “*Umar al-Tilimsāni*”, laman sesawang *ikhwan wiki*, dicapai pada 5 Nov 2013, [http://ikhwanwiki.com/index.php?title= عمر\\_التلمساني](http://ikhwanwiki.com/index.php?title= عمر_التلمساني).

Artikel Tanpa Penulis bertajuk “*al-Saykh al-Sayyid Nūh*”, dicapai pada 25 Feb 2014,  
[http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=السيد\\_نوح](http://www.ikhwanwiki.com/index.php?title=السيد_نوح)

Artikel Tanpa Penulis “*Perkasakan Identiti Negara, Islam dan Melayu - Naib Presiden ISMA II*”, 2 Disember 2013, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/10/perkasakan-identiti-negara-islam-dan-melayu-naib-presiden-ii-isma/>.

Kenyataan Rasmi Ikhwan Muslimin, “Bayān min al-Ikhwān Ḥawl al-Thabāt Ra’īs Muḥammad Mursī” laman sesawang *Ikhwan Online*, dicapai 13 Nov 2013,  
<http://ikhwanonline.net/Article.aspx?ArtID=167601&SecID=212>.

Mahdi ‘Ākif “al-Ikhwān al-Muslimīn Yan‘ūna li al-Ummah al-‘Ālim al-Jalīl Dr al-Sayyid Nūh” laman sesawang *ikhwan online*, dicapai pada 10 Nov. 2013,  
<http://www.ikhwanonline.com/Article.aspx?ArtID=30034&SecID=363>.

Mohd Azizee bin Hasan, *Tarbiyah Antara Manhaj dan Murobbi*, laman sesawang *ismaweb*, 2 Disember 2013, <http://www.ismaweb.net/v4/2013/07/tarbiyah-antara-manhaj-dan-murobbi/>.

Muhammad Amin, “200 Alf Kitāb Hadiyyah al-Dā‘iyah al-Rahīl Dr Sayyid Nūh li al-Bāhithīn wa al-Qurrā””, laman sesawang, *Ikhwan Online*, dicapai 15 Sep. 2013,  
<http://www.ikhwanonline.com/Article.aspx?ArtID=99683&SecID=0>.

Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz, *PAS : Gerakan Islam dan Tuntutan Tajdid*, dalam laman :*tarbawi.my*, dicapai pada 26 Mei 2014, <http://www.tarbawi.my/2013/03/pas-gerakan-islam-dan-tuntutan-tajdid.html>.

Profil ISMA, laman sesawang *ismaweb.net*, dicapai pada 2 Disember 2013,  
<http://www.ismaweb.net/v4/info-isma/>.

Sayyid Muḥammad Nūh, laman sesawang rasmi Sayyid Muḥammad Nūh, dicapai pada 5 Nov 2013.<http://www.alsayednooh.com/mosabaka.php>.

Waṣfī ‘Asyūr Abū Zayd, “al-Sayyid Muḥammad Nūh : al-‘Ālim al-Dā‘iyah al-Murabbī..”, laman sesawang *al-sayed nooh*, dicapai pada 5 Nov 2013,  
<http://alsayednooh.com/l3.php?id=77&baab=1>.

## **Temu bual**

Abdul Hadi Awang, (Presiden Parti Islam Se-Malaysia PAS), dalam temu bual dengan penulis pada 8 April 2014.

Abdullah Zaik Ab Rahman, (Presiden Ikatan Muslimin Malaysia, ISMA), dalam temu bual dengan penulis pada 24 Feb 2014.

Abū al-Layth al-Khayr al-Abādī, (Prof dalam bidang Ilmu Hadith, Kuliah Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dalam temu bual dengan penulis pada 9 Feb 2012.

Badlihisham Mohd Nasir, (Prof. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia UTM), dalam temu bual dengan penulis pada 6 Mac 2014.

Hammām Sa‘īd (*Murāqib ‘ām Ikhwan Muslimin*, Jordan) dalam temu bual dengan penulis, di pejabat Ikhwan al-Muslimin Jordan, Mustasyfa al-Islami, Amman Jordan, pada 21 Jun 2012.

Mohd Parid Sheikh Ahmad (Presiden Pertubuhan IKRAM Malaysia) dalam temu bual dengan penulis pada 19 Mac 2014.

Mohammad Redzuan Othman (Prof Dato, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), dalam temu bual penulis pada 19 Feb 2014.

Muhammad bin Ḥumayd al-‘Awfī, Ketua Bahagian Katalog dan Pebukuan (*al-fihrisah wa al-taṣnīf*), Perpustakaan Universiti Islam Madinah dalam temu bual penulis dengan beliau pada 14 Mei 2013.

Ṣalāḥ al-Khālidī (Tokoh Ikhwan Muslimin Jordan dan Pengkaji teori *al-manhaj al-haraki*) dalam temu bual dengan penulis di Ṣuwayliḥ, Amman Jordan pada 20 Jun 2012.

Syaraf al-Quḍāh (Prof, dalam bidang Ilmu Hadith, Kuliah Syariah, *University of Jordan*) dalam temu bual dengan penulis di Jordan pada 14 Jun 2012.

Taufiq al-Wā‘ī (Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis di Kuwait pada 7 Jun 2012.

‘Ubādah Sayyid Nūḥ, (anak kepada Sayyid Muhammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis, di Kuwait, pada 4 Jun 2012.

Ummu Muhammad, (Pengelola Lajnah Sā‘id Akhāka Muslim, Kuwait), dalam temu bual dengan penulis, pada 11 Jun 2012.

Waṣfī ‘Asyūr (Tokoh Ikhwan Muslimin Kuwait), dalam temu bual dengan penulis di pejabatnya, di al-Markaz al-‘Alamī li al-Wasaṭiyah, Kuwait, pada 4 Jun 2012.

Yahya Ismā‘īl (PhD, rakan seperjuangan dengan Sayyid Muhammad Nūḥ), dalam temu bual dengan penulis di Kuwait pada 8 Jun 2012.

## **Bahagian Lampiran**

## LAMPIRAN 1



**Dr Sayyid Muhammad Nūḥ Rahimahu Allāh (1946M-2007M)**

## LAMPIRAN 2



Bersama Anak Sayyid Nūḥ, **Ubādah Sayyid Nūḥ** (sebelah kiri saya) dan **Dr Waṣfi Asyūr** (Kanan sekali) ketika melakukan kajian di Kuwait.



Bersama **Prof Dr Yaḥya Ismā‘īl Ḥablūsy**, kenalan rapat al-Marhum *Sayyid Muḥammad Nūḥ*

### **LAMPIRAN 3**



Bersama **Prof Dr Syaraf al-Quḍāh**, Prof di Kuliyyah Syariah, Universiti Jordan.



Bersama **Dr Hammām Sa‘īd, Murāqib ‘ām** (Ketua Umum) *Ikhwān Muslimīn* Jordan dan merupakan *Mudīr Markaz al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Syarīfah* di Jordan.

## **LAMPIRAN 4**

### **Soalan Temu bual Gerakan Dakwah**

**Tajuk Tesis :** *Al-Manhaj al-Haraki* Dalam Karya-Karya Sayyid Muhammad Nūḥ Menurut Perspektif Hadith : Aplikasi Dalam Isu-Isu Semasa Gerakan Dakwah Di Malaysia.

**Nama Pengkaji :** Muhammad Arif Yahya (IHA 090038).

**Nama Penyelia :** Prof Madya Dr Ishak Suliaman.

---

#### **Isu Comango :**

- 1) Apakah pendirian gerakan ini terhadap isu comango?
- 2) Adakah Gerakan ini bersetuju bahawa tuntutan yang dibuat oleh kumpulan ini membawa ancaman kepada Islam di Malaysia?
- 3) Ada tak dari tuntutan yang dibuat oleh kumpulan comango ini yang sebahagiannya dipersetujui oleh gerakan ini atau keseluruhannya tidak dipersetujui?
- 4) Setuju atau tidak untuk diletakkan kumpulan comango ini dalam kategori kumpulan liberal?
- 5) Apa tindakan yang terbaik patut dilakukan sebagai gerakan dakwah dalam menyatakan pendirian terhadap isu ini?

#### **Isu Kalimah Allah :**

- 1) Adakah gerakan ini lebih bersetuju untuk membenarkan penggunaan kalimah ini atau melarangnya ? adakah jika dibenarkan ia membawa ancaman kepada Islam di Malaysia?
- 2) Adakah bersetuju bahawa isu ini sebagai peluang untuk melebarkan dakwah kepada non muslim dengan sesi dialog berterusan kepada mereka?

- 3) Kenapa golongan Kristian beria-ria ingin menggunakan kalimah ini dalam Bible sedangkan ia tidak disebut di dalam perjanjian lama dan baru kitab mereka?
- 4) Bagaimana komen tentang insiden yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini tentang kain rentang yang tertera kalimah “Allah” dan “Jesus anak Allah”?
- 5) Apakah tindakan yang terbaik dalam menangani isu ini secara lebih cermat yang boleh membentuk kesan dakwah yang baik kepada masyarakat Islam di Malaysia?

### **Isu Syiah**

- 1) Bagaimana pandangan gerakan ini terhadap pengaruh ajaran Syiah yang dikatakan sedang berkembang pesat di dalam masyarakat Islam Malaysia? Adakah ia membawa ancaman kepada umat Islam di Malaysia?
- 2) Bagaimana pandangan gerakan ini terhadap usaha dari beberapa pihak yang ingin menyatukan antara ahli sunnah Waljamaah dan golongan Syiah.
- 3) Said Hawwa ada menulis buku bertajuk "الخمينية شذوذ في العقائد شذوذ في المواقف" setelah umat Islam mengagumi revolusi Islam Iran pada Tahun 1979. Di samping itu, polisi Dr Mursi juga semasa pemerintahannya bersikap tegas dengan kelompok Syiah. Ini menunjukkan Ikhwan Muslimin sangat bersikap tegas dan tidak bertoleransi dengan kelompok Syiah. Apa komen tuan terhadap perkara ini?
- 4) Apakah tindakan yang terbaik sebagai sebuah gerakan dakwah dalam menangani isu Syiah ini di Malaysia?

### **Isu Tahaluf Siyasi**

- 1) *Tahaluf Siyasi* dengan *non muslim* merupakan salah satu perkara yang membawa perbezaan antara gerakan dakwah di Malaysia antara yang membenarkan dan melarangnya. Dengan situasi politik tanah air di Malaysia, apakah pendirian gerakan ini terhadap *tahaluf siyasi* dengan *non muslim*?
- 2) Kenapa gerakan ini mengambil pendirian (membenarkan atau melarang) dan apakah tindakan tersebut diambil atas dasar maslahah dan manfaatnya untuk dakwah di Malaysia?
- 3) Adakah jika diambil dengan tindakan yang di sebaliknya ia membawa mafsadah dan kerugian kepada dakwah di Malaysia?
- 4) Adakah perbezaan ini tiada titik pertemuannya antara gerakan dakwah di Malaysia?

### **Isu Mengundi *non Muslim***

- 1) Apakah pendirian gerakan ini terhadap mengundi calon *non muslim* di Malaysia sama ada dari Pakatan Rakyat atau dari Barisan Nasional?
- 2) Adakah mengundi calon *non muslim* di Malaysia memberi kebaikan kepada dakwah di Malaysia?
- 3) Bolehkah diaplikasikan konsep *fiqh (maslahah dan maf sadah)* dalam isu mengundi *non muslim* di Malaysia.
- 4) Bagaimana pandangan gerakan ini terhadap pendirian Dr Yusuf al-Qaradawi yang membenarkan mengundi calon bukan Islam seperti mana yang disebutkan dari kitabnya : *من فقه الدولة في الإسلام*? adakah beliau tidak memahami waqi` setempat di Malaysia?
- 5) Adakah perbezaan antara gerakan dakwah dalam isu mengundi calon *non muslim* hanyalah perbezaan dari sudut penilaian terhadap kemaslahatan kepada Islam dan perbezaan dari sudut ijtihad dalam menilai politik semasa di Malaysia? Adakah perbezaan ini dari kategori perkara cabang (*furu`*) yang tidak membawa kerugian kepada dakwah Islam di Malaysia atau ia melibatkan perkara (*usul*) yang perlu dinilai kembali secara bersama kerana ia membawa kerugian kepada dakwah Islam di Malaysia.